



**S.H. ALATTAS** digelar dengan bermacam-macam gelaran antaranya *The King Maker*, *The Giant Killer* dan *The Killer Writer*. Gelaran-gelaran tersebut jelas menunjukkan keberaniannya sebagai seorang penulis politik Malaysia.

Bukunya **SIAPA SELEPAS MUSA** telah menolong **MUSA** mengalahkan **TENGGU RAZALEIGH HAMZAH**. Begitu juga dengan **PEMUDA DIZAMAN MAHATHIR** yang telah meletakkan **ANWAR IBRAHIM** sebagai Ketua Pemuda UMNO. **TUAH NASIB PEMIMPIN MALAYSIA** meramalkan **TUN MUSTAPHA** kembali berkuasa dan **BERJAYA** seterusnya gagal adalah ramalan yang amat menakjubkan.

**S.H. ALATTAS** bukanlah setakat seorang penganalisa politik biasa. Beliau bukan saja merupakan seorang yang paling berani, berpengaruh tetapi seorang penulis yang komited kepada perjuangannya. Selain dari itu beliau adalah seorang Ahli Firasat yang pakar. **S.H. ALATTAS** telah menghasilkan 15 buah buku yang telah memecahkan rekod *best seller*. Buku-buku beliau telah membuktikan betapa tepatnya ramalan-ramalan yang dibuat keatas pemimpin-pemimpin politik tanah air. Cara beliau menulis adalah seolah-olah beliau dapat menjenguk hari esok.

93-3885

**“CHALLENGER”  
SIAPA  
LAWAN  
SIAPA?**

**S.H. ALATTAS**

1987

REVELL  
SIA  
SIA

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

بِسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ

أَفْرَأَى

Baca, Bacalah dengan nama Tuhan  
yang menjadikan kamu.



# “CHALLENGER” SIAPA LAWAN SIAPA?

Syed Hussein Alattas

APB  
708046

NASKAH PEMELIHARAAN  
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA  
27 DEC 1993



النجوم سنڀيرين برهد  
AlNujum Sdn. Bhd.

CETAKAN PERTAMA MAC 1987

CETAKAN KEDUA APRIL 1987

\$ 15.00

DICETAK OLEH: PENCETAKAN DAN PERMAGAAN BERLIAN SDN. BHD.

© HAKCIPTA S. H. ALATTAS 1987

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan, dalam apa jua bentuk pun dan dengan cara apa jua pun secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain, mana-mana bahagian isi kandungan buku ini sebelum mendapat izin bertulis dari Al Nujum Sdn. Bhd.



النجوم سنديرين برهد

**ALNujum Sdn. Bhd.**

16C LORONG MEDAN TUANKU SATU,  
MEDAN TUANKU, OFF JLN. TUANKU ABD. RAHMAN,  
50300 KUALA LUMPUR, MALAYSIA.



Istimewa Untuk Cucuku  
Mohamad Gaddafi

## KANDUNGAN

	Muka Surat
1. MUKADIMAH	1
2. SURAT IMAM AL-GHAZALI UNTUK RAJA	8
3. WARKAH UNTUK YANG DI PERTUAN AGONG	11
4. BULAN KESIANGAN	21
5. THE CHALLENGER	35
6. KUDA, LEMBU, KERBAU DAN LAIN-LAIN HAIWAN	52
7. DESPERADO	66
8. KERIS LAMBANG BANGSA MELAYU	81
9. DO'A PAS DI MAKBULKAN	94
10. REGU MUSA — TENGKU RAZALEIGH	99
11. BMF — MUSA — TENGKU RAZALEIGH	119
12. TUN GHAFAR BABA	141
13. UMNO, ISLAM DAN NASIONALISM	154
14. BUKAN ANAK JANTAN	169
15. MUSA KEBAS BEBERAPA JUTA	183
16. POLITIK WANG	210
17. KISAH NABI YUSUF AS	221
18. KHALIL SOKONG NAJIB	241
19. SIAPA DIA CONMEN?	267
20. DAIM JADI SASARAN	277
21. MELAYU DALAM BAHAYA	305
22. MATI HIDUP BALIK	316
23. WADI HANA	329
24. SIAPAKAH HERO KITA?	341
25. HIKAYAT YANG TIDAK BERAKHIR	352
26. MAHATHIR DIKTATOR	360
27. EKONOMIKAH MATLAMAT KITA?	378
28. SIAPAKAH PEMIMPIN MU?	400

لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ

UNTUK MEREKA YANG BERFIKIR

YA TUHANKU!  
JADIKANLAH NEGARA INI  
SEBUAH NEGARA AMAN DAN MAKMUR  
ANUGERAHKANLAH RAKYATNYA  
DENGAN REZEKI YANG MELIMPAH  
JADIKANLAH RAKYATNYA  
ORANG-ORANG YANG BERIMAN  
KEPADAMU.....  
YA ALLAH!

Doa Nabi Ibrahim  
(Al-Baqarah ayat 126)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

## MUKADIMAH

***DENGAN NAMA ALLAH YANG AMAT PEMURAH LAGI AMAT MENGASIHANI. SEGALA PUJI BAGI ALLAH SERU SEKALIAN ALAM. SELAWAT DAN SALAM KE ATAS JUNJUNGAN NABI BESAR MUHAMAD S.A.W SERTA KAUM KELUARGA DAN SAHABAT-SAHABATNYA.***

Syukur Alhamdulillah kehadiran Allah S.W.T yang menggerakkan hati fakir yang daif lagi kerdil ini untuk memulakan mukadimah dan insya Allah menyiapkan naskah buku ini.

Alkisah, menjelang Perhimpunan Agung UMNO yang bersejarah, yang dijadualkan akan berlangsung pada 24 April 1987 ini, sebagai seorang penulis politik yang turut bertanggungjawab terhadap bangsa dan negaranya, saya rasa kali ini saya perlu mengajak para pembaca buku saya untuk berfikir dengan serius mengenai parti UMNO.

Kenapa kali ini saya mesti berfikir dengan serius mengenai UMNO? Apakah kerana saya juga ingin bertanding dalam pemilihan kali ini?

Saya beri judul buku ini SIAPA LAWAN SIAPA, pertamanya saya ingin bertanya kepada para pembaca: Siapakah yang sedang berlawan dengan siapa pada hari ini? Ramai orang yang akan berlawan dalam Perhimpunan April ini. Tetapi perlawanan antara siapakah yang paling penting sekali? Perlawanan antara Tengku Razaleigh dengan Dr. Mahathir yang paling penting? Atau perlawanan antara Datuk Musa dengan Ghafar Babak yang paling penting?

Buku saya ini bukanlah saya tulis semata-mata untuk

Perhimpunan Agung UMNO pada bulan April 1987 sahaja. Kalau hanya untuk orang UMNO saya tidak perlu menulis serentak dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Buku saya MUSA DERHAKA? dan MUSA A TRAITOR? pun demikian juga. Saya tidak menulis semata-mata untuk orang-orang UMNO dan Perhimpunan Agung UMNO sahaja, kerana tanggungjawab saya sebagai penulis bukanlah untuk orang-orang UMNO. Saya bukannya penulis politik UMNO, jauh sekali daripada menjadi penulis upahan UMNO.

Saya menulis kerana saya rasa bertanggungjawab, pertamanya terhadap hati saya sendiri, ataupun *conscience* saya, yang beriman kepada Allah Subhanahu Wata'aala. Yang kedua ialah kerana tanggungjawab saya kepada agama saya, iaitu agama Islam yang mengajar saya apa yang benar dan apa yang salah di dalam hidup manusia. Yang ketiga ialah kerana tanggungjawab saya terhadap bangsa saya, iaitu bangsa Melayu. Yang keempat ialah kerana tanggungjawab terhadap negara saya, iaitu Malaysia. Yang kelima ialah kerana tanggungjawab terhadap umat manusia seluruhnya.

Saya bukan penulis rasmi politik UMNO. Tetapi saya selalu menerbitkan buku-buku saya pada waktu hampir dengan Perhimpunan Agung UMNO kerana pada waktu inilah orang ramai suka membeli dan membaca buku-buku politik, dan satu sebab lagi ialah kerana UMNO merupakan parti politik yang boleh menentukan nasib dan masa depan bangsa, agama dan negara ini.

SIAPA LAWAN SIAPA yang saya maksudkan bukanlah semata-mata antara pemimpin UMNO yang akan bertanding dalam bulan April ini. Saya melihat lebih luas dan lebih jauh daripada itu, kerana pemimpin tidak boleh wujud kalau tidak ada orang ramai yang menjadi pengikut dan penyokong mereka.

Pemimpin dicipta oleh orang ramai, untuk berkhidmat kepada orang ramai. Kerana itu bagi saya pemimpin lawan pemimpin tidak penting, kerana kalau orang ramai tidak memberi kemenangan atau kekalahan kepada mereka, perlawanan antara pemimpin dengan pemimpin tidak akan berakhir dengan menang dan kalah. Buat penat saja. Suatu perlawanan yang sia-sia. Jadi siapakah sebenarnya yang berlawan dan dengan siapa? Jawabnya ialah kita semua berlawan. Dan perlawanan yang paling besar sekali ialah perlawanan dalam diri kita sendiri.

Ketika pulang dari Perang Badar, peperangan yang besar di zaman Nabi Muhammad S.A.W, baginda berpesan kepada sahabat-sahabatnya supaya bersedia untuk menghadapi peperangan yang lebih besar. Apabila ditanya oleh sahabat-sahabatnya perang apakah yang lebih besar itu, Nabi menjawab, perang di dalam diri sendiri.

Saya juga turut berlawan di dalam Perhimpunan Agung UMNO yang akan menentukan pimpinan masa depan Malaysia yang akan berlangsung ini. Dengan siapakah saya berlawan? Jawabnya ialah dengan rakyat Malaysia, terutamanya dengan ahli-ahli UMNO, yang cuba mencabar kebenaran dan kepentingan masa depan bangsa, agama dan negara kita bersama ini.

Marilah kita berlawan dengan menggunakan etika yang adil, kerana perlawanan ini bukanlah sebarang perlawanan. Yang penting bukanlah saya yang menang ataupun anda yang menang, ataupun dia yang menang, ataupun si anu dan si polan yang menang. Yang penting ialah supaya kita dapat sama-sama memenangkan yang benar dan yang hak.

Saya tidak penting, anda tidak penting, Dr. Mahathir tidak penting, Ghafar Baba tidak penting, Anwar Ibrahim tidak penting, Datuk Musa tidak penting, Tengku Razaleigh tidak penting, UMNO pun tidak penting. Yang penting ialah apa yang benar dan apa yang hak. Yang penting ialah siapa yang berada di pihak yang benar.

Kalau Dr. Mahathir berada di pihak yang tidak benar, marilah kita sama-sama dengan berani menjatuhkannya. Kalau Dr. Mahathir memang benar seorang diktator, janganlah kita berlengah-lengah lagi dalam berusaha menjatuhkannya. Insya Allah Tuhan akan bersama orang yang benar.

Antara negara dengan UMNO, yang penting bukannya UMNO, tetapi negara. Antara UMNO dengan Mahathir, yang penting bukannya Mahathir, tetapi UMNO lah yang penting. Memang UMNO penting. Pada hari ini kalau UMNO rosak maka rosaklah negara kita. Kita belum lagi boleh mengharapkan pada PAS atau MCA atau Gerakan atau DAP untuk mentadbir negara ini dengan adil. Harapan kita sekarang ialah pada UMNO.

Kerana inilah kali ini saya merasa perlu mengajak para pembaca untuk berfikir dengan serius mengenai UMNO. Terlalu ramai orang hendak bertanding merebut jawatan pemimpin di dalam UMNO kali ini. Yang tidak layak bertanding pun hendak bertanding juga. Mereka ingat senang nak jadi pemimpin. Bertanding saja bolehlah jadi pemimpin konon! Mereka ingat kita yang tidak bertanding ini apa? Belum tentu orang yang bertanding itu lebih cerdik daripada orang yang tidak bertanding.

Walau apa pun, satu perkara ini sudah pasti, iaitu orang yang bertanding tidak boleh menjatuhkan orang yang tidak bertanding, tetapi orang yang tidak bertanding boleh menjatuhkan orang yang bertanding. Jadi, siapa yang lebih penting? Orang yang bertanding atau orang yang tidak bertanding?

Allah Subhanahu Wata'aala tidak bertanding dan tidak ada tandingannya, tetapi Dialah yang berkuasa memenangkan dan mengalahkan, menaikkan dan menjatuhkan serta menghidupkan dan mematikan sesiapa saja yang Dia kehendaki.

Saya tulis begini kerana seperti kata Noor Azam, Setiausaha Politik Perdana Menteri, dalam Forum Kebudayaan Malaysia 1987 yang disiarkan dalam Majalah **Dewan Budaya** Mac 1987, hari ini semua orang ingat nak bertanding saja. Kalau ada orang masuk politik tetapi tak mahu bertanding orang rasa pelik, macam tak masuk akal. Buat apa masuk politik kalau tak mahu bertanding? Tanya mereka. Mereka asyik nak bertanding saja. Apa nak jadi dengan bangsa mereka, mereka tak peduli lagi. Sudah sampai jadi begitu teruk sekali orang UMNO hari ini.

Ada menteri yang tak mahu bertanding merebut kerusi Majlis Tertinggi, mereka tuduh dia takut. Marina Yusoff yang kita anggap seorang peguam intelek di dalam UMNO, mencabar Daim Zainuddin supaya bertanding. Kalau tak bertanding tak boleh duduk dalam Majlis Tertinggi, dan tak boleh jadi menteri, kononnya. Marina yang kononnya fasih sangat mengenai Perlembagaan UMNO boleh bercakap begitu. Saya nasihatkan Marina supaya bawa Perlembagaan UMNO pergi *consult* dengan peguam lain yang lebih mahir, sebelum nak mencabar orang. Dalam UMNO pun ramai lagi orang yang lulus undang-undang dan jadi peguam. Sudirman Hj. Arshad penghibur unggul Malaysia itupun peguam juga.

Perlembagaan UMNO memberikan hak istimewa kepada Presiden UMNO boleh melantik seramai tujuh orang dengan tidak perlu bertanding, untuk menduduki kerusi Majlis Tertinggi. Apa yang Marina cakap? Kalau tak setuju dengan perlembagaan cakap sajalah tak setuju dengan perlembagaan, buat apa nak putar belitkan tafsirannya?

Daim tak mahu bertanding itu hak dia, yang dibenarkan oleh Perlembagaan UMNO. Mahathir nak lantik Daim, itu hak Presiden UMNO yang diizinkan oleh Perlembagaan UMNO juga. Cabar jangan sebarang cabar. Biarlah kita mencabar dengan menggunakan etika yang adil.

Ada pun pemimpin yang tiba-tiba hendak jadi hero bercakap tentang Melayu mesti dominan dalam politik dan ekonomi dan mesti jadi tuan di negara ini, seolah-olah dialah orang yang berani memperjuangkan hak-hak Melayu, maka ahli-ahli UMNO pun ramailah yang terpengaruh dengan cakap-cakapnya. Tapi bila sampai waktu untuk menunjukkan pendirian sama ada menyokong pucuk pimpinan atau *play safe* tidak mencalonkan sesiapa pun. Inikah hero orang Melayu hari ini.

Bagi saya pemimpin mesti komited dan mesti berani mengambil risiko. Menjadi penulis yang bertanggungjawab pun mesti komited dan berani mengambil risiko, apa lagi menjadi pemimpin. Apakah mereka yang menganggap diri mereka nasionalis fikir tidak ada siapa pun yang layak memimpin UMNO selain dari mereka sendiri? Kenapa UMNO Bahagian Kok Lanas yang dipimpin oleh Abdullah Ahmad tidak mencalonkan sesiapa pun untuk menjadi Presiden dan Timbalan President UMNO? Hendak bercakap tentang Melayu semua boleh bercakap, kerana bercakap dan menulis memang kerja saya. Pemimpin yang mahu menunjukkan pendirian dan mesti berdiri di pihak yang benar.

UMNO bukan calang-calang parti politik. Sejak Dr. Mahathir jadi Presidennya dan jadi Perdana Menteri Malaysia, seluruh dunia memberi perhatian kepada UMNO. Akhir-akhir ini saya perhatikan orang UMNO terlalu ghairah bercakap mengenai parti menguasai kerajaan dan bukan kerajaan yang menguasai parti. Kenapa baru sekarang mereka menimbulkan isu itu? Apakah selama ini parti UMNO tidak menguasai kerajaan kita? Saya naik pelik memerhatikan



gelagat setengah-setengah pemimpin UMNO yang nak menang pertandingan. Macam-macam isu mereka reka-rekakan.

Sejak dari zaman kita mula-mula merdeka dulu lagi parti telah menguasai kerajaan. Buat apa kita mengadakan pilihanraya, dan buat apa pemimpin-pemimpin UMNO sibuk berkempen untuk menang pertandingan setiap kali ada Perhimpunan Agung? Siapa yang melantik Dr. Mahathir jadi Perdana Menteri? Bukankah parti yang melantiknya? Apakah hakikat yang mudah dan simple macam ini pun kita tak boleh faham? Kalau ini pun tak boleh faham macam mana nak jadi pemimpin UMNO? Kalau sampai siapa menguasai siapa pun tak tahu, macam mana nak memegang kuasa? Dan buat apa bertanding nak jadi pemimpin?

Ahli-ahli UMNO hari ini sepatutnya memikirkan jauh ke depan lebih daripada itu lagi. UMNO sudah berkembang maju dan sudah mencapai taraf yang diperhatikan oleh orang-orang penting di seluruh dunia. Apa yang kita sibuk nak bergaduh sesama sendiri? Kita mesti berfikir jauh ke depan sebagai suatu bangsa yang berjiwa besar. Sungguhpun bilangan kita kecil, tidak bermakna kita mesti menjadi bangsa yang berjiwa kecil. Singapura jauh lebih kecil daripada Malaysia. Tetapi Lee Kuan Yew telah lama berjaya membawa Singapura menjadi sebuah negara yang terkenal di dunia dan selalu mendapat perhatian dunia. Israel pun bukannya besar mana, rakyatnya pun kecil, tetapi keangkuhan, keberanian dan keganasan mengganggu merosakkan ramai nasib manusia di dunia termasuk bangsa kita.

Mahukah kita selama-lamanya terus menjadi suatu bangsa kecil penakut dan dipandang rendah oleh orang lain terutama musuh-musuh kita? Inikah sifat dan sikap yang diajar oleh Islam kepada kita? Kalau kita boleh menjadi bangsa yang berjiwa besar, tetapi kita tidak mahu kerana kita lebih suka bertanding dan bergaduh sesama kita, itu jawabnya kita sendirilah yang bodoh.

Kononnya kerana negara kita mengamalkan sistem demokrasi maka kita pun kena pakat-pakat bertanding. Saya nak tanya: Kita bertanding kerana demokrasi ataupun kerana hendak memperjuangkan supaya bangsa kita menjadi bangsa yang maju, bermarwah dan dihormati oleh orang lain?

Kalau kita bertanding kerana negara kita negara demokrasi dan bukan kerana perjuangan yang suci dan mulia seperti yang diajarkan oleh Nabi Besar kita Muhammad S.A.W, saya ingin mengatakan bahawa kita sedang menggali kubur kita sendiri. Saya tidak setuju, dan saya akan perangi habis-habisan dengan siapa saja yang cuba hendak membunuh masa depan bangsa, agama dan negara saya.

Melalui buku SIAPA LAWAN SIAPA ini saya mengisytiharkan perang dengan siapa sahaja yang cuba mengkhianati bangsa, agama dan negara saya. Saya serius! dan saya telah bersedia. Dengan nama Allah Subhanahu Wata'aala yang maha berkuasa, bersenjatakan Al-Quran yang suci dan Al-Hadith yang mulia, marilah kita semua berperang kerana menegakkan yang hak.



---

**S.H.ALATTAS.**  
Pengarang.

## 2

### SURAT IMAM AL-GHAZALI UNTUK RAJA

Kepada Yang Mulia  
SULTAN SANJAR SALJUQI

Bismillahirrahmanirrahim,

*Semoga Allah memberi anda kekuasaan dan sebuah kerajaan langit yang jika dibandingkan dengannya kerajaan seluruh dunia menjadi tidak bererti. Batas-batas kerajaan duniawi tak bisa meluas melebihi Timur dan Barat. Pada umumnya, hidup rata-rata seorang manusia di atas planet ini tidak bisa melebihi batasan umur seratus tahun atau sekitar ini. Kerajaan langit itu sedemikian luasnya sehingga seluruh dunia ini tampak sebagai suatu butir debu saja bila dibandingkan dengannya.*

*Moga-moga Yang Mulia berkenan. Saya menyedari bahawa seorang yang ambisius sulit sekali untuk menjalani suatu kehidupan yang saleh. Kerana saya dapati anda sebagai seorang yang sangat jujur dan hati-hati, maka saya berharap agar anda bisa memperlakukan hal ini dengan kebijakan dan kebaikan untuk diri anda sendiri. Nabi kita s.a.w. bersabda: "Sehari yang dihabiskan oleh seorang raja yang taqwa untuk menyelenggarakan keadilan, setara dengan enam puluh tahun yang dihabiskan oleh seorang suci untuk ibadah dan shalat." Jika Anda mahu renungkan sifat dunia ini, akan tampaklah betapa amat hinanya ia. Orang-orang Sufi berkata: "Jika dunia ini dapat dimisalkan sebagai suatu kendi (yang dibuat daripada emas) yang rapuh dan lemah, sedangkan akhirat dapat dibandingkan dengan suatu kendi (yang terbuat dari tanah) yang tidak boleh pecah lagi kekal abadi, maka tentulah orang-orang bijaksana akan lebih menyukai yang kedua daripada yang pertama."*

*Tapi kenyataannya malah kebalikannya. Dunia ini adalah bagai kendi yang terbuat dari tanah, sementara akhirat adalah sebagai kendi yang dibuat daripada emas. Tidakkah anda akan mengutuk ketololan seorang manusia yang yakin bahawa yang pertama lebih unggul daripada yang kedua? Jika anda menginginkan suatu kehidupan yang baik dan menambatkan harapan-harapan manis Anda di langit, maka satu hari dalam hidup Anda akan lebih berharga daripada enam puluh tahun yang dihabiskan oleh orang lain untuk ibadah. Dan Allah pasti akan membukakan untuk Anda sumber-sumber kebahagiaan yang sebelumnya masih asing bagi Anda.*

*Perlu Anda ketahui bahawa sekarang ini saya berumur lima puluh tiga tahun. Empat puluh tahun daripadanya telah dihabiskan di berbagai tempat kediaman yang damai dari para ulama terkenal yang kepada mereka saya belajar sehingga orang mulai mengenal saya dan memahami perubahan di dalam gagasan-gagasan saya.*

*Selama dua puluh tahun saya hidup di dalam pemerintahan ayahanda raja yang telah berusaha melakukan apa saja yang bisa diperbuatnya untuk menjadikan Isfahan dan Baghdad kota-kota yang paling maju di dunia. Dalam beberapa kesempatan saya telah bertindak sebagai seorang duta besar, mewakili ayahanda untuk istana Khalifah Abbasiyah Muqtadasr Billah.*

*Dengan segala cara berusaha menghilangkan kesalah fahaman tertentu antara Kerajaan Seljuq dan Kekhalifahan Abbasiyah. Saya adalah pengarang tujuh puluh buku. Selama beberapa tahun saya tinggal dan berdakwah di Makkah dan Jerusalem. Ketika saya mengunjungi makam Nabi Ibrahim as. dan membacakan fatihah di-mazarnya (tempat penziarahan), dengan sepenuh hati saya berjanji bahawa:*

- 1. Saya tak akan lagi mendatangi istana seorang raja, tidak pula akan menerima sesuatu yang bersifat upah dari pemerintah-pemerintah dalam bentuk apapun, kerana hal-hal seperti itu akan mengurangi nilai jasa-jasa yang saya sumbangkan kepada masyarakat.*
- 2. Saya tak akan melibatkan diri dalam segala sesuatu yang bisa memancing pertikaian-pertikaian keagamaan.*

*Selama dua belas tahun terakhir ini, dengan sepenuh hati saya*

*telah setia terhadap janji yang saya buat di makam Hadhrat Ibrahim a.s. itu. Sekarang saya menerima suatu pesan penting dari Yang Mulia, meminta saya untuk mendatangi istana Anda. Oleh kerana itu untuk memenuhi perintah Anda, saya telah tiba di Masyhad Radha dalam perjalanan menuju ibu kota. Tetapi kemudian suatu fikiran lain yang timbul, juga sehubungan dengan janji keagamaan yang telah mengikat diri saya sebagaimana tersebut di atas, saya telah mengambil keputusan untuk membatalkan kunjungan yang telah saya niatkan itu.*

*Saya hanya bisa mohon kepada Yang Mulia untuk mempertimbangkan hak saya demi memenuhi suatu janji keagamaan, dan agar saya tidak perlu menderita hanya kerana saya telah berusaha berlaku jujur.*

*Jika boleh saya berikan bimbingan, saya fikir Anda seharusnya berusaha menahan diri untuk tidak memaksa saya mendatangi istana Anda, dan Anda pun tentunya tak menghendaki saya melakukannya dengan memperkosakan janji saya. Hal itu akan membuat saya tak pantas mendapatkan perhargaan Anda.*

*Akhirulkalam, dengan rendah hati saya mohon agar Yang Mulia dengan senang hati mengizinkan saya untuk kembali ke kota asal saya. Thus, kerana dengan tindakan yang sangat baik itu Tuhan akan memberikan Anda ganjaran kurnia yang tak ada habis nya, baik di dunia mahupun di akhirat, dan mengangkat Anda di akhirat nanti ke tingkatan Sulaiman Yang Agung, seorang Nabi yang sekali gus juga seorang raja yang mashyur.*

**Duli Tuanku,  
AL-GHAZALI**

Ilham untuk memuatkan warkah Almarhum Al-Iman Al-Ghazali ini timbul ketika saya menziarahi makamnya di Baghdad, Iraq.

Sebagai mengenang dan menghargai jasa-jasa beliau terhadap perkembangan dan kemajuan agama Islam, marilah kita semua membacakan Alfatihah untuk rohnya. Semoga Allah menempatkan rohnya di kalangan roh-roh orang-orang yang saleh.

# 3

## WARKAH UNTUK YANG DI-PERTUAN AGONG

Syed Hussien Alattas,  
14, Jalan Keruing,  
Bukit Bandaraya,  
Bangsar,  
59100 Kuala Lumpur.

27hb. Januari, 1987.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA  
BAGINDA ALMUTAWAKIL ALALLAH SULTAN MAHMOOD  
ISKANDAR AL-HAJ IBNI ALMARHUM SULTAN ISMAIL,  
YANG DIPERTUAN AGONG MALAYSIA.,**

***DENGAN NAMA ALLAH YANG AMAT PEMURAH LAGI  
AMAT MENGASIHANI. SEGALA PUJI BAGI ALLAH  
DAN SELAWAT KEATAS JUNJUNGAN NABI BESAR  
MUHAMMAD SAW SERTA KAUM KELUARGA DAN  
SAHABAT-SAHABATNYA.***

***TIADALAH AKU JADIKAN JIN DAN MANUSIA,  
MELAINKAN SUPAYA MEREKA MENYEMBAH  
KEPADAKU.***

(Az-Zaariyaat : 56)

Demikianlah, seperti yang Tuanku lebih maklum, kita sekalian yang bernama manusia di atas planet bumi ini, baik kita itu miskin mahupun kita itu kaya, baik kita itu sihat dan senang mahupun kita itu sakit dan susah, baik kita itu kulitnya berwarna putih mahupun kita itu kulitnya berwarna hitam, kita semuanya telah jadi kerana dijadikan oleh Allah Subhanahu-wa-Taala, bukan dijadikan oleh apa-apa yang lain selain daripadaNya, dan kita semua telah dijadikan supaya kita menyembah Allah Yang Maha Esa, bukan menyembah apa-apa yang lain selain daripadaNya.

Tuanku sedia maklum akan kejadian dan sifat manusia yang selalu alpa dan lalai akan diri mereka, maka kerana itu terjadilah bermacam-macam kejadian di atas bumi negara tercinta kita ini, yang mendorong saya menukilkan bingkisan yang tidak sepatutnya ini teristimewa untuk Tuanku, raja saya dan raja setiap orang yang mengaku atau mahu mengaku negara ini sebagai negara mereka. Tuankulah raja kami.

Bersyukurlah saya kepada Tuhan kerana saya telah dilahirkan di negeri yang sama di mana Tuanku dilahirkan dan di mana Tuanku menjadi Raja sebelum ditabalkan menjadi Yang Di-Pertuan Agong Malaysia. Bersyukurlah saya kerana Tuankulah raja yang pertama tidak mahu disembah oleh rakyat, kerana Tuanku amat arif bahawa yang berhak disembah hanyalah Allah Yang Maha Besar. Setelah Tuanku ditabalkan menjadi Sultan Johor dahulu, Tuanku telah menaiki mimbar Masjid Abu Bakar Johor dan menyampaikan khutbah Jumaat.

Saya kebetulan berada dalam masjid itu. Saya tidak terperanjat, tetapi saya bersyukur kerana diizinkan Allah berada dalam masjid itu untuk menyaksikan seorang Raja Melayu yang sungguh berani kembali mengambil tanggungjawab menjadi Ketua Agama. Hati kecil saya berdoa agar kejadian di hari yang bersejarah itu benar-benar akan memulakan satu sejarah baru bagi negara ini.

Hari ini Tuankulah Ketua Negara negara ini, dan Tuankulah Ketua Agama negara ini. Saya menunggu sudah tiga tahun hendak menyaksikan Raja Malaysia membaca khutbah di Masjid Negara Malaysia, menegur perbuatan mungkar yang semakin menjadi-jadi di negara ini, tetapi sehingga bingkisan ini sedang ditulis, Tuanku belum lagi muncul di atas mimbar masjid. Saya teringat kepada satu pepatah, yang setahu saya ialah pepatah Inggeris, tetapi menghairankan saya

juga kerana nama Nabi Besar kita di dalamnya. Mungkinkah pepatah ini berasal dari pepatah Arab, saya belum tahu. Bunyinya begini: **IF MOUNTAIN DON'T COME TO MUHAMMAD, THEN MUHAMMAD GOES TO THE MOUNTAIN.**

Tuanku amat arif akan makna pepatah dalam bahasa Inggeris itu. Para pemimpin yang lain pun tentu faham kerana mereka selalu suka berbahasa Inggeris. Jadi tidak perlulah saya menterjemahkannya ke bahasa ibunda. Kerana menunggu Tuanku tidak tiba, sambil mengenang akan kata-kata Tuanku di Masjid Abu Bakar kira-kira lima tahun dulu supaya Tuanku ditegur sekiranya Tuanku terlanjur membuat silap, maka inilah saya mencekalkan hati bertawakal kepada Allah SWT datang menemui Tuanku melalui warkah ini.

Siapa lagi kalau bukan Tuanku! Siapa lagi yang akan mampu mengembalikan sesuatu kepada tempatnya yang hak kalau bukan Raja yang berdaulat. Memang betul negara kita ada Perdana Menteri dengan barisan kabinetnya dan juga pegawai-pegawainya di seluruh pelusuk negara. Tetapi negara ini juga ada Raja. Seperti Junjungan Besar kita telah bersabda, yang bermaksud: **SETIAP SEORANG DARIPADA KITA ADA DENGAN TANGGUNGJAWABNYA MASING-MASING.** Jadi saya sebagai penulis bertanggungjawab menuliskan perkara-perkara yang saya percaya perlu ditulis.

Perdana Menteri bertanggungjawab menjalankan tugasnya sebagai Perdana Menteri, rakyat bertanggungjawab menjalankan tugas-tugas mereka sebagai rakyat dan Raja bertanggungjawab menjalankan tugas-tugas baginda sebagai Raja.

Tentulah tidak salah bagi saya sebagai seorang Mukmin mengingatkan sesuatu kepada Raja saya yang juga seorang Mukmin, kerana ingat mengingati sesama Mukmin itu adalah antara kerja yang dituntut oleh Allah Taala. Tuanku berada di tempat yang "**above the law**" di negara ini. Maknanya kedudukan Tuanku sebagai Raja memang tidak boleh dipersoalkan oleh sesiapa pun walau apapun yang dibuat oleh Tuanku. Tuanku bebas berbuat apa-apa saja yang Tuanku suka. Tetapi sebagai seorang insan, kedudukan Tuanku tidak lebih dan tidak kurang hanyalah sebagai seorang **HAMBA ALLAH** sahaja di sisi Tuhan. Semua insan sebagai **HAMBA ALLAH** di atas muka bumi ini sama sahaja darjat dan kedudukannya disisi Allah, tak kira sama ada dia seorang raja yang berkuasa, seorang menteri yang berpengaruh,



seorang jutawan yang kaya raya mahupun seorang rakyat marhaen yang miskin papa.

*Ampun Tuanku!*

Saya menyebut begini di dalam warkah ini hanyalah sebagai menunaikan tanggungjawab saya sebagai seorang rakyat yang terlalu besar cintanya terhadap negara ini. Semua orang yang tinggal di negara ini, baik apa pun keturunan mereka dan dari manapun asal usul mereka, mereka semuanya telah menikmati hidup yang aman dan damai di negara ini, di bawah payung pemerintahan Tuanku. Semua mereka berkata dengan lidah mereka yang tak bertulang itu bahawa mereka taat setia kepada raja dan negara ini. Tetapi berapa ramaikah di antara mereka yang berkata-kata begitu pada hakikatnya burung tiung yang pandai berkata-kata itu pun jauh lebih mulia marwahnyanya daripada mereka? Di bibir berkata taat dan setia, tetapi di hati sedikit pun tidak ada rasa cinta, kecuali tamak haloba hendakkan kekayaan semata.

Tuanku bukan saja mengenali diri saya sekadar seorang penulis tetapi Tuanku juga kenal kepada Almarhum datuk saya Datuk Habib Hassan Alattas D.K. Johor sahabat baik Almarhum Ayahanda dan Ninda Tuanku. Walaupun kami berketurunan asal usul dari Tanah Arab, seperti yang Tuanku sendiri maklum, cinta kasih dan taat setia kami kepada negara ini adalah cinta kasih dan taat setia anak peribumi yang tiada lain lagi negerinya selain dari negera Malaysia ini.

*Ampun Tuanku!*

Di sana sini hari ini kita mendengar orang berkata dunia kita sekarang adalah dunia akhir zaman dan musim ini ialah musim kemerosotan ekonomi melanda seluruh dunia. Tetapi Tuanku, apakah kerana dunia akhir zaman dan ekonomi merosot di seluruh dunia maka rakyat negara ini boleh dibiarkan bercakaran sesama sendiri berebut kuasa dan berebut harta, seolah-olah negara ini tidak mempunyai Raja yang mesti dihormati dan disegani? Melayu sama Melayu bercakaran berebutan kuasa dan harta, orang-orang Cina mengambil kesempatan membuat angkara derhaka.

Murah hatinya raja-raja kita, orang-orang Cina telah bertahun-tahun dibiarkan berniaga mengaut kekayaan di bumi bertuah yang subur ini tanpa gangguan. Hanya apabila orang Melayu sedar yang

mereka hampir-hampir menjadi seperti kata pepatah: “kera di hutan disusui, anak di pangkuan dilepaskan”, dan “ayam di kepuk mati kelaparan, itik di air mati kehausan”, dan setelah dikejutkan dari tidur nyenyak oleh Peristiwa Berdarah Tragedi 13 Mei 1969, maka kerajaan cuba menolong orang Melayu melalui *Dasar Ekonomi Baru*. Kerana itu sahaja maka orang-orang Cina pun bangun melenting marah.

Saya ingin bertanya Tuanku sebagai waris pemelihara hak Melayu di bumi Malaysia ini, apakah perasaan Tuanku sekiranya ada orang berkata kepada Tuanku: “Negeri ini bukan negeri Melayu”?

Itulah yang dimaksudkan oleh orang-orang Cina MCA Selangor baru-baru ini bila mereka berkata orang Melayu bukan peribumi negara ini. Begitukah budi mereka kepada Raja-Raja Melayu yang telah menganugerahkan kepada ramai orang-orang Cina pangkat-pangkat Datuk, Tan Sri dan Tun? Sudahlah bertahun-tahun tinggal di sini, beranak pinak di sini, meraih hasil bumi di sini, masih tak pandai-pandai bercakap Melayu. Rakyat jenis apakah namanya mereka ini, Tuanku?

*Ampun Tuanku!*

Apa lagi yang kurangnya layanan yang kita telah berikan kepada orang-orang Cina di negeri kita ini? Hak mengundi telah kita berikan, hak menjadi wakil rakyat pun kita beri, hak menjadi menteri pun kita beri, hak kerakyatan pun kita beri. Lihatlah pilihanraya baru-baru ini. Orang Melayu sanggup memberi kemenangan kepada wakil MCA, tetapi orang Cina? Mereka memilih DAP, parti pembangkang yang memperjuangkan kepentingan kaum Cina. Mereka mahu merampas kuasa di negeri ini. Mereka mahu jadi tuan di negeri ini.

Dulu mereka minta nak jadi Timbalan Perdana Menteri, baru-baru ini tak mahu mengaku orang Melayu sebagai peribumi, esok lusa tidak mungkinlah mereka nak jadi raja pula? Perkara ini tidak mustahil Tuanku. Inilah yang membuat saya jadi bimbang, kerana kalau mereka nak jadi raja, Tuanku nak jadi apa pula? Ampun Tuanku, beribu-ribu ampun!

Sudah sampailah hari dan waktunya, pada pandangan saya, supaya Tuanku melahirkan suara daulat Tuanku, membantu Perdana Menteri kita, mengembalikan keamanan dan ketenteraman dalam

*negara kita ini. Kasihan kepada Dr. Mahathir! Orang Melayu sendiri telah diperalatkan oleh berbagai-bagai pihak supaya melemparkan berbagai-bagai tuduhan buruk terhadapnya. Sahabat baiknya sendiri, Datuk Musa, menikamnya dari belakang.*

*Seperti yang Tuanku maklum, Dr. Mahathir merupakan seorang pemimpin yang berani dan sanggup bekerja untuk mengembalikan marwah dan kehormatan orang Melayu, walaupun dia terpaksa menghadapi segala macam ancaman dari kuasa-kuasa di luar negeri. Orang luar melihat Dr. Mahathir bukan sebarang tokoh yang telah lahir dari bumi Malaysia kita ini. Apa lagi dengan idea dan usahanya hendak meninggikan syiar Islam. Pemimpin-pemimpin Islam dari luar negeri, termasuk dari tanah Arab pun, kagum dengan kewibawaan Mahathir. Inilah yang membimbangkan musuh-musuh Islam.*

*Mahathir tidak boleh dijatuhkan dari luar. Malah orang-orang Cina di bawah ketua mereka Lim Kit Siang pun tak berdaya menjatuhkannya. Kuasa-kuasa luar cukup tahu perkara ini. Mahathir mesti dijatuhkan dari dalam. Dia mesti dijatuhkan oleh kawan-kawannya sendiri. Mereka melihat tidak ada siapa yang boleh menjatuhkan Mahathir kecuali orang yang pernah mendapat kepercayaan penuh dari Mahathir sendiri, iaitu Datuk Musa Hitam. Kerana itulah Datuk Musa mendapat sokongan dari berbagai pihak supaya dia menentang dan menjatuhkan Mahathir.*

*Saya kasihan kepada Mahathir, tetapi sebenarnya yang saya paling kasihan ialah kepada orang-orang Melayu di negeri ini yang tidak dapat memahami percaturan politik yang sedang menekan pimpinan Melayu. Bukan Dr. Mahathir sahaja, kalau ada pemimpin Melayu yang lain yang ketokohnya seperti Mahathir, yang mampu memperjuangkan maruah Melayu, tentu akan ditentang dan dijatuhkan juga.*


*Inilah yang sedang saya cuba hendak tunjukkan kepada orang-orang Melayu melalui buku saya yang akan datang, Tuanku. Kita mesti sedar akan bahaya yang mengancam di sekeliling kita. Masalah kita bukanlah siapa pemimpin yang baik di antara Mahathir, Musa atau Tengku Razaleigh. Masalah kita ialah kita mesti memperjuangkan dan mempertahankan pimpinan Melayu.*

*Ampun Tuanku!*

*Demikianlah hasrat saya terhadap Tuanku. Sebagai seorang insan hamba Allah yang tidak sunyi dari membuat kesilapan, maka sekiranya ada yang tersilap atau terkasar bahasa di dalam bingkisan saya ini, saya bersedia pula untuk ditegur dan dinasihati oleh Tuanku.*

*Sekianlah sahaja buat kali ini. Wabillaahit-Taufik. Wassalaamu 'Alaikum Warahmatullaahi Ta'ala Wabarakaatuh.*

Rakyat Tuanku Yang Ikhlas.

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Syed Hussein Alattas', written in a cursive style. The signature is positioned above a horizontal dotted line.

**SYED HUSSEIN ALATTAS.**



**Tuanku** : Apa yang patut saya buat dengan Musa?

**Mahathir** : Terserah kepada Tuankulah, Musa rakyat Johor. S.H. Alattas kata Musa Derhaka. Tuanku buatlah apa yang Tuanku suka. Musa adalah Tujuh Kesatria (*Magnificent 7*) yang dulunya sokong saya 1000 peratus masa isu Perlembagaan, kerana takutkan Tuanku menjadi DYMM Yang Di-Pertuan Agong. Tuanku ingat tak?



Musa adalah menteri yang pertama dimarah oleh Yang Di-Pertuan Agong, Sultannya sendiri, Sultan Johor, di dalam Masjid negara, di pagi Hari Raya. Ini suatu sejarah. Belum pernah seorang menteri, inikan pula seorang Timbalan Perdana Menteri, dimarah oleh Raja. Dr. Mahathir tersipu-sipu malu tak boleh buat apa-apa.

## .. POS KOTA... POS KOTA... PO



**Seri  
Paduka  
dirai**

**YANG** di-Pertuan Agong bersama Datuk Mohamad Rahmat sedang berpadu suara ketika menyumbangkan nyanyian di majlis makan malam anjuran Kerajaan Negeri Johor

di Johor Baharu malam Sabtu lalu. Majlis tersebut diadakan sebagai meraikan baginda ditabalkan menjadi Yang di-Pertuan Agong baru - baru ini.

# 4

## BULAN KESIANGAN

Alkisah maka tersebutlah pada suatu hari, ketika matahari sedang menyinarkan cahaya petang, ketika saya dan isteri saya sedang duduk-duduk minum petang di pondok kediaman kami di Bukit Bandaraya, Bangsar, Kuala Lumpur, tiba-tiba Suhaimi pembantu saya memberitahu saya Dinsman dan Sutung Umar Rs datang. Saya bangun daripada tempat duduk saya dan turun menjemput Dinsman dan Sutung, dua orang sahabat baik saya dari Teater Elit. Setelah mereka masuk, saya menjemput mereka minum bersama saya, isteri saya dan Suhaimi.

Sambil minum saya bercerita mengenai buku baru yang sedang saya tulis. Apabila saya menceritakan tentang tajuknya iaitu SIAPA LAWAN SIAPA, Dinsman terus bertanya, "Siapa lawan siapa?"

Saya menjawab, "Itulah tajuk buku baru aku, SIAPA LAWAN SIAPA?"

Dinsman bertanya lagi, "Kenapa kali ini tajuk buku kau lain dari yang dulu-dulu: SIAPA SELEPAS MUSA?, PEMUDA DI ZAMAN MAHATHIR, PERDANA MENTERI YANG KELIMA, MUSA DERHAKA?"

Saya senyum. Isteri saya juga senyum sambil memerhati ke arah saya, menunggu jawapan dari saya. Sutung memusingkan kerusinya menghadap ke arah Bukit Bangsar yang menghembuskan bayu lembut dan segar.

"Buku aku kali ini tak serupa dengan buku-buku aku yang lepas, Din." Jawab saya.

"Kalau macam itu bunyi tajuknya, kali ini tentu banyak lawan." Dinsman, dramatis, penyair yang akhir-akhir ini dah mula menulis politik pula dan sedang berusaha menjadi bisnesman menyatakan



pendapatnya.

Saya senyum mendengar perkataan tentu banyak lawan daripada Dinsman. Saya percaya dia tidak dapat membaca senyuman saya.

"Orang yang pandai menjujur macam kau ni sepatutnya menjujur siapa yang akan menang dan siapa yang akan kalah, bukan tulis kisah siapa lawan siapa. Tulis pasal itu penulis lain pun tahu." Kata Dinsman lagi.

Nampaknya Dinsman percaya dengan kebolehan saya sebagai seorang Nujum Politik dan Ahli Firasat. Dia mengharapkan buku saya membuat ramalan mengenai siapakah yang akan menang dalam pemilihan kali ini, sebab dia tahu ramalan-ramalan saya yang lepas hampir semuanya betul terjadi. Fikiran Sutung barangkali macam Dinsman juga, sebab itu dia diam saja sambil menyedut rokok. Tapi saya tahu Sutung kalau dia diam dia mesti ada benda yang dia akan cakap.

"Kau tidak boleh terbang mengikut angin atau menghilir waktu air mudek ke hilir. Itu bukan kau. Kau jenis manusia menentang arus." Tiba-tiba Sutung melepaskan sebiji buah fikirannya.

"Aku memang suka tentang arus, Sutung. Itu pun kerja aku selama ini. Dalam SIAPA LAWAN SIAPA berapa banyak arus aku tentang. Bukan arus saja, aku turut bergelombang dengan ombak." Saya menjawab.

"Tak apalah kalau macam tu. Buku ini bila nak siap?" Tanya Sutung macam tak sabar-sabar nak baca buku saya.

"Tunggulah," kata saya. "Aku ada cara aku sendiri. Sembahyang pun ikut waktunya."

"Kau orang ada baca *Asiaweek*?" Tanya saya setelah meneguk kopi. Saya lihat Sutung dan Dinsman sedang mengunyah goreng pisang.

"*Interview* dengan Musa?" Tanya Dinsman.

"Yang dulu, bukan yang baru ni." Saya suruh Suhaimi pergi ambil

SCANDAL AT  
TYCOON KHOO'S  
BRUNEI BANK

# ASIAWEEK

DECEMBER 7, 1990

ASIAWEEK  
PUBLISHED BY  
ASIAWEEK PUBLICATIONS  
CORPORATION  
1000 K STREET, N.W.  
WASHINGTON, D.C. 20001  
TELEPHONE: (202) 331-1000  
FACSIMILE: (202) 331-1001  
CIRCULE: (202) 331-1002  
ADVERTISING: (202) 331-1003  
SUBSCRIPTIONS: (202) 331-1004  
MAILING LIST: (202) 331-1005  
REPRINTS: (202) 331-1006  
DISTRIBUTION: (202) 331-1007  
COUNTRIES: (202) 331-1008  
CLASSIFICATION: (202) 331-1009  
POSTMASTER: (202) 331-1010

MALAYSIA

## MUSA SPEAKS OUT

*An Exclusive  
Interview with  
Musa Hitam*

Inilah wajah Musa, seorang manusia tanpa bulu kening, menunjukkan ada kekurangan sifat dalam dirinya. Dia tak layak untuk jadi seorang pemimpin negara.

majalah *Asiaweek* keluaran 7 Disember 1986. Suhaimi pergi mengambil majalah mingguan tersebut dari dalam bilik bacaan saya.

"Musa nampak konfiden satu hari dia akan *take over. Sure, sure*, kata dia. Ada harapan ke Musa menang kali ini?" Tanya Dinsman.

"Kau ingat macam mana?" Saya cuba memancing pandangan Dinsman. Saya tahu dia juga cuba memancing pandangan saya tadi. Pancing memancing pandangan orang adalah satu perkara biasa dalam perbualan politik, dan di kalangan penulis politik perkara macam ini sudah jadi satu *game*.

Suhaimi datang membawa majalah *Asiaweek*. Terpampang di muka depan majalah tersebut gambar Yang Berhormat Datuk Musa Hitam, bekas Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri yang masih menjadi Timbalan Presiden UMNO.

Sayang sedikit wajahnya tidak segarang dan sehebat dulu lagi. Wajahnya sekarang macam muka seorang seniwati tua yang telah menanggalkan mekapnya, lebih kurang macam bulan purnama di siang hari. Bulan tetap bulan. Jauh tinggi di awan. Tetapi disebabkan cahaya matahari pagi yang sedang bersinar, bulan hilang keindahannya. Pudar, pucat, tak bermaya. Macam harimau yang kukunya sudah dicabut. Gerunya sudah tidak ada lagi.

"Cuba lihat muka Musa." Saya meletakkan majalah *Asiaweek* di atas meja menunjukkan kepada mereka.

"Pertama sekali kita tengok kening dia. Tidak ada bulu. Kening orang lain semua ada bulu. Kening Musa saja tidak ada bulu. Orang yang tidak ada bulu kening ni tidak sempurna sifatnya. Ada sesuatu yang cacat dalam diri dia. Macam mana dia nak jadi pemimpin negara kita? Memang susah orang nak baca hati Musa. Hati dan pemikirannya selalu ditutup. Cuba tengok mata dia pula. Renungan matanya mengandungi niat yang tidak ikhlas. Hidung dia pula pendek. Pesek. Macam tak ada tulang. Sukar nak mengendalikan sesuatu perkara mengenai kewangan dengan baik. Kalau berniaga rugi."

Susunan muka depan majalah *Asiaweek* itu sungguh menarik. Perkataan Malaysia dalam warna putih dikelilingi warna merah.

Tulisan huruf besar **MUSA SPEAKS OUT** menarik siapa saja peminat politik Malaysia untuk mengetahui isi kandungannya, terutama mereka yang berminat dan sentiasa mengikuti perkembangan politik Musa.

Setelah sekian lama Datuk Musa membisu seribu bahasa, mengelakkan diri dari diinterview, tiba-tiba anak Pak Hitam bersuara besar dalam majalah berbahasa Inggeris yang diterbitkan di luar negeri. Bukan sekali, tapi sudah dua kali sehingga ini.

Siapa yang tidak tahu perhatian orang Malaysia bila ada cerita tentang pemimpin politik Malaysia yang terbit dalam media luar negeri. Mereka pasti akan membaca dan menghebohkannya, terutama puak-puak agen pemikiran imperialis Barat.

Jadi penulis sekadar melapurkan kejadian politik dan mengampu para pemimpin, buat apa jadi penulis? Lebih baik jadi 'steno'. Mahu jadi penganalisa politik dalam suasana negara begini mencabar mesti berani, mesti komited kepada perjuangan menegakkan kebenaran. Mesti sanggup menulis yang benar, walaupun yang benar itu pahit. Agama dan bangsa mesti diberi keutamaan, bukan pemimpin yang mahu berlawan yang diberi keutamaan.

Tulis buat sedap telinga orang-orang di atas saja tidak ada faedahnya. Sebaik manalah artikel atau buku yang ditulis, setinggi manalah penghargaan yang diberikan kepada seorang penulis kerana berjaya mengampu yang kiri dan yang kanan yang akan merebut kuasa, tapi takut terhimpit di dalam perlawanan antara gergasi, akan membuat rakyat merasa hampa dan kecewa. Penulis macam itu kalau diberi hadiah atau anugerah, buat apa, buat hadiah-hadiah itu jadi macam orang dapat A.M.N. dan P.J.K. saja, syok sendiri tanpa membuat apa-apa jasa.

Saya percaya peminat saya mahu saya terlibat sama dalam perlawanan SIAPA LAWAN SIAPA ini, mahu saya menceritakan yang benar, kerana mereka percaya apa yang saya tulis. Saya tidak akan menghampakan mereka.

Musa telah memulakan pusingan pertama dengan menggunakan majalah luar negeri. Lepas itu sekali lagi dia muncul dalam majalah

luar negeri juga. Siapa tahu mungkin Musa ada apa-apa hubungan di luar negeri, ini kata hati kecil saya. Ini jelas menunjukkan sikap Musa yang mahu melawan Mahathir.

Orang kuat Musa beritahu saya Datuk Musa adalah seorang yang tidak pernah mengenal putus asa. Dia dikatakan seorang pemimpin politik yang pandai mengatur strategi. Sekali dia melangkah dia pantang berundur. Kalau dia berundur setapak, itu belum bererti dia kalah, tapi itu satu cara untuk dia maju tiga tapak ke depan. Itulah cara anak Pak Hitam berlawan, kata orang-orangnya. Kerana kehebatan dan keberanian Datuk Musa melawan Perdana Menteri yang juga Presiden UMNO, saya beri Musa gelaran *The Challenger*.

Musa nampaknya berpegang pada ajaran peribahasa Melayu **Alang-alang menyelok pekasam biar sampai ke pangkal lengan; Alang-alang berdakwat biar hitam; Alang-alang mandi biar basah**. Dengan perasaan dendam di hati sentiasa membara Musa akan terus mara.

Saya sudah dapat membaca jiwa Musa. **Sekilas ikan di air sudah ku kenal jantan betinanya. Biar putih tulang jangan putih mata**. Begitulah nampaknya sikap Musa. Melawan Mahathir tidak akan membawa kerugian apa-apa kepadanya. Orang yang sudah berada di bawah, takut apa lagi dengan kejatuhan. Musa bukan ada memegang apa-apa jawatan dalam kerajaan.

Pada pendapat saya dalam dunia yang serba mencabar penulis yang komited kepada agama, bangsa dan tanahairnya mesti sanggup menerima cabaran. **You must expect the unexpected**. Saya pun berada di bawah. Saya tidak perlu memikirkan tentang adanya tuan yang hendak menyuap saya makan.

Sedangkan orang yang tidak ada gigi pun tidak terus telan makanan yang masuk ke mulutnya, walaupun makanan itu selembut tauhu, mereka mamah makanan yang lembut itu sebelum ditelan. Beruk yang dipelihara pun mencium-cium dulu makanan yang diberikan oleh tuannya, tidak terus dimamah dan ditelan. Inikan kita manusia penulis yang mempunyai *conscience* terhadap tugas kita sebagai mata dan telinga rakyat. Kita mesti berani mengkritik dan menerima kritik.

Dinsman adalah seorang kawan baik saya yang berani mengkritik

buku-buku saya secara berterus-terang. Dia pernah mengatakan buku-buku saya yang dulu-dulu seperti PERANG DI KUALA LINGGI, BAHTERA LAMA NAKHODA BARU dan SERAWAK KEPADA SIAPA HENDAK DISERAHKAN, macam rojak, macam-macam ada bercampur aduk. Walaupun rojak itu pedas dan sedap, tidak ramai orang yang suka makan rojak, kerana takut sakit perut. Buku ini pun pada mereka yang tidak tahan pedasnya pasti sakit perut.

Kerana kritikan dan tegurannya, buku-buku politik saya selepas buku SIAPA SELEPAS MUSA? saya buat mengikut sistem seperti yang saya tulis sekarang. Adalah sistem sikit kalau dibandingkan dengan yang dulu saya pakai hentam ikut sedap saya sendiri saja. Sebab itu saya tidak kecewa buku-buku saya yang dulu tidak mendapat sambutan hebat dari orang ramai, kerana saya gagal memberikan kepuasan mengikut standard penulisan yang dikehendaki oleh orang ramai zaman ini.

Biar pun saya sudah lama menulis dan telah mengeluarkan 16 buah buku, saya mengaku kelemahan masih terdapat dalam tulisan saya. Kita manusia mana boleh lari dari kelemahan. Yang tidak ada kelemahan hanya Allah Subhanahu Wata'aala saja, dan buku yang sempurna hanyalah Al-Quran, sebab itu saya menjadikan Al-Quran sebagai panduan dan ikutan saya. Al-Quran adalah Kitab Allah. Saya belajar dengan cara-cara Al-Quran. Yang penting bagi saya adalah ilmu yang anda boleh dapat dari buku saya, bukan gaya dan cara saya menulisnya.

Saya adalah seorang penulis yang belum pernah mengikuti sebarang kursus atau bengkel penulisan. Kursus dan bengkel penulisan saya hanya melalui pergaulan saya dengan kawan-kawan penulis dan membaca buku. Kalau ada yang lebih daripada itu ialah kritik berterus-terang secara berdepan dan teguran daripada Dinsman dan Sutung Umar Rs.

Saya juga bukannya seorang yang berpengajian tinggi, baik di bidang agama mahupun di bidang akademik. Saya bersekolah sekadar boleh membaca dan menulis saja. Apakah ahli fikir di dunia sebelum saya lahir terdiri dari manusia yang berijazah dan berdegree-degree? Berapa ramaikah mereka yang berdegree sanggup menulis buku yang komited begini? Saya tahu Usman Awang juga bukan penulis yang berdegree, dia lulus setakat sekolah atap saja, tetapi tulisannya lebih

dihormati daripada ahli-ahli akademik yang tidak komited dan ada yang menjadi agen pemikiran imperialis Barat.

Saya bersyukur kepada Allah hari ini kerana hanya setakat ini saja kemampuan saya. Janganlah pembaca bandingkan buku-buku saya dengan buku-buku penulis-penulis politik profesional antarabangsa. Kalau nak buat perbandingan juga buat dari segi semangat dan keberanian. Saya senang hati dengan kehidupan yang mencabar dan penuh dengan *adventure*.

Penghormatan yang saya berikan kepada kawan saya adalah kerana Dinsman berani menegur dan mengkritik saya. Begitu juga Sutung. Saya ingat akan pesan guru saya: **Kawan yang baik itu macam cermin.**

Tidak ramai kawan yang berani menunjukkan kelemahan dan kesilapan kita, sebab itu kita mesti menghormati mereka yang telah menunjukkan keburukan dan kelemahan kita. Manusia belajar dari kelemahan dan kesilapannya. Janganlah pecahkan cermin kerana tidak suka melihat muka kita yang berlumuran dengan darah.

Kalau ada pemimpin yang tidak senang dengan kritikan saya, berilah saya sedikit lagi masa untuk terus menulis. Membinasakan saya tidak akan menguntungkan anda.

Jadi bila Dinsman kemukakan pertanyaan yang macam itu, saya mesti berfikir panjang-panjang sebelum menjawabnya, kerana setakat ini dia dan Sutung sajalah penulis yang berani mengkritik buku-buku saya berdepan-depan, tidak seperti setengah-setengah kawan-kawan penulis lain. Walaupun mereka ada akhbar yang besar-besar, ada majalah, ada kebolehan dan kesempatan untuk mengkritik, tapi tidak berani membuat kritik. Bila di belakang mereka mengutuk habis-habisan.

Mengemukakan satu soalan yang baru sebelum memberi jawapan kepada soalan yang lama saya jadikan ianya sebagai kebiasaan bila bercakap mengenai politik, sama ada dengan orang politik atau pemerhati politik. Kerana cakap orang politik ini selalunya ada dua atau tiga makna. Orang tua-tua sudah berpesan: **Masuk kandang kambing mengembek.** Masuk perkampungan orang politik mesti cerdik, pada pendapat saya.

*Asiaweek* beruntung kerana telah mendapat kesempatan mengadakan *Exclusive Interview* dengan Datuk Musa sebelum mana-mana penulis Malaysia mendapatnya. Macam ini punya pemimpin hendak cakap pasal Patriotisme dan Nasionalisme? *Exclusive Interview* yang pertama mengenai pertandingan dibuat di luar negeri dan dalam bahasa asing pula.

Timbalan Presiden UMNO, bekas Timbalan Perdana Menteri Malaysia memang\* menjadi tumpuan orang ramai menjelang Perhimpunan Agung 1987 kerana seandainya terjadi sesuatu kepada Presiden Parti, Datuk Musa dengan sendirinya akan menjadi Perdana Menteri, menggantikan Datuk Seri Dr. Mahathir, kalau dengan izin Allah!

Itulah yang menjadi modal dan diharapkan oleh segolongan penyokong Musa. Satu pendapat yang tidak berasas. Namun ada juga penulis yang menjadikan isu ini sebagai modal pancing undi dalam buku politiknya.

Begitulah anggapan kuncu-kuncu Musa golongan *desperado* yang sudah *frust* dengan tindakan Musa meletakkan jawatan Timbalan Perdana Menteri, tetapi mereka masih menaruh harapan kepada Musa kerana mereka sudah tersepit dan tidak ada pilihan lain. Seandainya Musa hanyut, mereka pun akan karam juga. Jadi apa lagi yang ada pada mereka? Terpaksalah Musa terus mereka jadikan hero. Apakah jasa besar Musa pada UMNO dan orang Melayu? Dosa besar adalah.

Namun siapa tahu bulan yang kelihatan pucat lesi di pagi hari akan bersinar kembali, jauh tinggi di langit biru di waktu malam nanti. Itulah semangat yang ada pada punggung yang rindukan bulan.

Jangan pandang sepi pada bulan purnama di pagi hari, kerana kegagahan sang matahari. Dunia dan alam cekerawala mengikut saja putaran yang sudah ditentukan oleh Penciptanya iaitu Allah Subhanahu Wata'aala. Ini hukum alam namanya. Bulan di siang hari pudar dan tidak ada fungsinya lagi.

Setiap manusia tidak perlu meminta kebenaran dari sesiapa pun untuk bermimpi. Mimpilah segala yang indah-indah, kerana itu adalah hak individu yang suka bermimpi. Kalau orang tikam loteri tidak berangan-angan tinggi, buat apa buang duit berjudi? Saya orang Islam,



berjudi haram bagi saya.

Ramai pemerhati politik tahu bahawa YAB Encik Ghafar Baba, Timbalan Perdana Menteri sekarang dengan YB Datuk Musa Hitam, YB Datuk Musa lebih popular daripada YAB Encik Ghafar Baba. Datuk Musa adalah Timbalan Presiden, sedangkan Encik Ghafar cuma Naib Presiden saja. Encik Ghafar dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri kerana Musa letak jawatan. Musa lupa bahawa ini semua adalah kehendak Allah.

"Tengok ni," kata saya, sambil membacakan apa kata Musa dalam majalah *Asiaweek*:

*"We'll wait until next year. I am ... always capable of acting on my own. I know what I am. I have pretty good idea of where I am going. I also have a firm idea that I shouldn't tell people where I am going" (laughter).*

(Tunggulah tahun depan, saya mampu membuat sesuatu sendirian. Saya tahu apa yang saya ... Saya bijak memikirkan kemana saya hendak pergi dan saya telah menetapkan fikiran saya. Saya tidak akan memberitahu orang ramai kemana saya akan pergi. (Ketawa))

"Apa pendapat kau lepas baca benda yang macam ini?" Saya bertanya kepada Dinsman.

"Dia kata dia tak mahu bagi tahu orang ke mana dia nak pergi." Jawab Dinsman.

"Kau fikir macam mana, Sutung?" Saya cuba memancing pendapat Sutung pula.

"Itu politiking. Aku bukan tahu sangat pasal politiking-politiking ni, Syed." Jawab Sutung setelah menghembuskan asap rokoknya.

"Kalau Musa tak mahu bagi tahu orang ke mana dia hendak pergi, macam mana dia hendak jadi pemimpin?" Saya sekali lagi cuba memancing pendapat mereka.

"Sutung kata itu politiking." Kata Dinsman dengan pendek sahaja.

Saya teringat kata-kata Tengku Razaleigh semasa saya bertanya kepadanya ketika saya bertemu dengannya di Parlimen. Yang mana satu kerusi yang akan Tengku tandingi nanti? Jawabnya: "Mungkin sekadar Majlis Tertinggi, atau tidak bertanding."

Itulah jawapan orang politik. Jawapan yang hendak melepaskan diri.

"Kalau macam itu lebih baik Tengku bersara saja dari politik." Saya memperli. Nampaknya Tengku Razaleigh kurang senang dengan sindiran saya, kemudian beliau memberi saya peluang untuk mengadakan *interview* khas di pejabatnya, tetapi saya tidak pergi. Buat apa saya pergi kalau saya sudah tahu politiking Tengku Razaleigh.

Di Parlimen juga pada suatu hari sedang saya duduk minum bersama Ku Li dan beberapa orang Yang Berhormat, Datuk Musa Hitam tanpa diundang terus datang ke meja kami. Apakah Datuk Musa masih marah kepada saya seperti yang dilakukannya di Merlin Desaru, yang telah saya ceritakan di dalam buku **MUSA DERHAKA?** atau beliau telah berubah sikap terhadap orang yang telah melabelkan beliau sebagai manusia derhaka? Bacalah buku ini sampai habis.

"Siapa yang hendak lawan biarlah dia lawan. Ini modal baik untuk Syed tulis buku. Kalau semua orang berbaik-baik, tak ada lagi orang hendak merebut kerusi, kawan kita ini hendak tulis buku apa lagi? Lagi pun dia orang memang nak lawan, kita tak bagi lawan pun bukan dia orang nak dengar. Dia orang semua bukan budak-budak. Semua dah tua-tua." Sutung mengakhiri cakapnya dengan ketawa. Ketawa macam Datuk Musa, ketawa raja. Dinsman pun ketawa, Norizah isteri mudaku, Suhaimi dan saya turut ketawa. Tapi tidak setinggi ketawa Sutung.

"Siapa tahu buku ini nanti lebih hebat dari buku **MUSA DERHAKA?**" Sutung menyambung lagi dan ketawa lagi dengan lebih kuat.

Saya hanya senyum. Senyum macam senyum Dr. Mahathir. Senyum sinis. Kerana saya percaya YAB Dr. Mahathir pun bila baca buku ini dia akan senyum. Senyuman yang selalu diberikan bila sedang memikirkan sesuatu yang lain dari orang yang sama-sama tersenyum dengannya.

Kenapa kita tidak perlu menjawab pertanyaan orang politik dengan betul? Kerana kita tahu ada masanya mereka sudah tahu jawapan dari pertanyaan yang mereka kemukakan tetapi mereka masih tetap mahu bertanya, sekadar mahu tahu jawapan kita saja. Kalau kita salah jawab, kita kena. Kerana bila orang tanya sesuatu pada dia, dia akan jawab ikut sedap hati dia bukan ikut jawapan yang dikemukakan oleh pertanyaan orang itu. Saya belajar semua ini dari Tongkat Warrant dan Dr. Mahathir. Mereka selalu jawab apa yang mereka suka bukan apa yang ditanya seandainya pertanyaan itu yang hendak mengena.

Tiba-tiba saya teringat Datuk Sanusi Junid, Setiausaha Agung UMNO mengenai cerita Mat Jenin, dalam ucapannya di Perhimpunan Agung yang baru. Kata Yang Berhormat Datuk Sanusi, Mat Jenin belum mati.

Mustahil Mat Jenin yang baru kahwin dengan seorang puteri raja boleh jatuh dari pokok kelapa dan mati. Lagi pun Mat Jenin baru saja kahwin, tentulah dia peluk pokok kelapa itu erat-erat. Hadirin yang ada tergelak besar. Itu cara orang UMNO di perhimpunan suka gelak bila ada pemimpin mereka berjenaka, namun ada yang tahu Mat Jenin yang dimaksudkan oleh 'Taukeh Kelapa' ini tentulah Datuk Musa Hitam.

Siapa lagi, kalau bukan Datuk Musa yang baru bernikah dengan Zulikha, peragawati yang gambarnya saya keluarkan dalam buku **MUSA DERHAKA?**

Sekarang Ika girlfriend Musa sudah menjadi Datin Zulikha, isteri Datuk Musa yang baru. Bila lagi hendak tunjuk ada isteri muda pada ahli UMNO kalau tidak di Perhimpunan Agung. Orang tua dapat isteri muda mana boleh tidak seronok? Kalau tidak percaya tanya pemimpin UMNO yang baru menikah satu lagi. Sekarang ini sudah ramai pemimpin UMNO yang menikah satu lagi, tapi sembunyi-sembunyi takut bini dan hendak jaga hati Wanita UMNO.

Yang menjadi tanda tanya saya bagaimana dengan orang yang telah mengatakan saya menfitnah Datuk Musa? Siapa sebenarnya yang menabur fitnah, kuncu-kuncu Musa atau saya? Siapa yang malu sekarang, orang yang menafikan cerita yang benar atau orang yang

menulis cerita yang benar? Atau orang yang suka bercakap tidak benar?

Dan saya percaya ahli UMNO yang menghadiri perhimpunan yang bersejarah itu tidak lupa bahawa Timbalan Presiden mereka telah angkat bendera putih dengan pantunnya, 'Bola Kempis.'

*Cermin pudar di kandang palong,  
Ditendang terajang hingga secebis  
Bermain bola di padang kampung,  
Jangan menendang bola yang kempis.*

Ada di antara orang UMNO yang tahu bahawa pemimpin mereka sedang bermain dengan api. Api jika kecil, memang seronok dibuat main tetapi bila besar akan membakar kita semua.

Saya sudah nasihatkan para pemimpin UMNO supaya membuang api itu dalam buku saya, **MUSA DERHAKA?** Musa Hitam ada membawa api. Siapakah yang akan dibakar oleh api politik yang dibawa oleh Datuk Musa ke perhimpunan nanti, saya atau ahli-ahli UMNO, terutama pemimpin mereka yang duduk di atas, yang telah terpengaruh dengan bulan purnama di pagi hari.



*Cermin pudar di kandang palong,  
Ditendang terajang hingga secebis,  
Bermain bola di padang kampung,  
Jangan menendang bola yang kempis.*

Itu kata Musa di depan ahli-ahli UMNO 1986. Baru-baru ini dia kata kepada Ku Li bola dia dah tak kempis lagi. Bola apa tu Musa yang boleh kembang boleh kempis?

# 5

## THE CHALLENGER

Pada 24 April 1987 nanti satu lagi kapal angkasa bukan kapal angkasa lepas seperti '*The Challenger*' yang telah dilancarkan di Cape Canaveral Florida. Kapal angkasa ini bukan ciptaan Amerika. Kapal angkasa Amerika adalah rancangan NASA, namun kapal angkasa lepas yang merupakan satu angan-angan dan cita-cita besar yang akan dilancarkan di Kuala Lumpur ini adalah satu projek besar yang diciptakan oleh satu kumpulan pemimpin UMNO yang tidak kurang juga hebatnya dengan cita-cita NASA.

Pada 28 Januari 1986, seluruh penduduk dunia menyaksikan satu kemalangan kapal angkasa yang paling dahsyat pernah berlaku dalam sejarah Amerika Syarikat. Tujuh orang angkasawannya yang handal-handal telah terkorban.

Tujuh puluh empat saat setelah berlepas dari pusat pelancaran bumi, di Cape Canaveral Florida, kapal angkasa tersebut yang diberi nama '*The Challenger*' meletup. Pemerhati-pemerhati di Amerika Syarikat mensifatkan kejadian itu sebagai satu nahas yang berpunca dari kesilapan NASA yang secara tergesa-gesa melancarkan tiga penerbangan angkasa pada tahun tersebut. Itulah balasan bagi manusia yang angkuh dan gila kuasa.

Mereka yang terkorban dalam nahas tersebut ialah Komander Francis R. Scobee, juruterbang-juruterbang Minchael J. Smith, Judith Resnik, Ellison Onizuka, Ronald McNair, Gregory Jarvis dan Christa McAuliffe — seorang guru perempuan dari New Utampshire, rakyat biasa yang julung-julung kalinya menyertai program penerbangan angkasa lepas NASA.

Rancangan penerbangan angkasa lepas ini adalah projek apa yang kita kenali sebagai DESPERADO. Siapakah orang yang bertanggungjawab dengan projek yang menelan belanja jutaan ringgit

ini? Siapa lagi kalau bukan orang yang namanya dekat-dekat dengan NASA? Iaitu MUSA. M — USA! USA itu semua orang tahu United State of Amerika. Eh, eh! bunyi MUSA dan NASA hampir-hampir, ada apa-apakah antara mereka? Mungkin juga kapal angkasa ini di bina di Davos, Switzerland kerana selepas letak jawatan Musa pergi ke Davos. Bila balik ke Malaysia, Musa umumkan untuk mempertahankan jawatan.

Projek untuk menguasai kerajaan ini sebenarnya telah sekian lama dirancang. Latihan-latihan jasmani dan rohani pun telah lama dilakukan. Ramai yang tahu cuma tidak berani hendak menyuarakan.

Mengikut khabar-khabar angin yang sahih khabar angin yang dapat dipercayai, berdasarkan publisiti-publisiti yang telah dibuat dari mulut ke telinga, dan diperturunkan dari satu orang kepada satu orang yang lain, kapal angkasa itu akan dipandu oleh Tengku Razaleigh Hamzah dengan Co-pilotnya Datuk Musa Hitam. Ikut sama dalam kapal angkasa itu ialah Ajib Ahmad, Shahrir, Dollah Badawi, Radhi Sheikh Ahmad, Zainal Abidin Zain, Kadir Sheikh Fadhil, Othman Saat dan seorang Janda yang dikenali dengan nama Marina Yusof serta beberapa orang lain kunci-kuncunya.

Seramai 1,500 perwakilan dan ribuan lagi pemerhati dari seluruh negara akan datang menyaksikan peristiwa penting lagi bersejarah ini. Peristiwa Musa-Ku Li memandu *'The Challengernya'* mengikut ramalan saya, orang yang mahu jadi 'The Challenger' semata-mata kerana Demokrasi membenarkannya akan menerima nasib yang sama dengan 'The Challenger' yang dilancarkan di Cape Canaveral Florida. Tidak berapa lama lagi kerana kesombongan dan keangkuhan mereka, segala khayalan akan meletup di angkasa Kuala Lumpur dan akan tamatlah riwayat politik mereka dalam perkampungan politik UMNO.

Siapakah yang membiayai projek besar ini? Mengikut sumber-sumber yang boleh dipercayai projek ini mungkin dibiayai oleh kuasa-kuasa besar melalui agen-agen mereka.

Musuh-musuh negara kita tahu, tidak ada jalan lain lagi untuk menjatuhkan kerajaan Mahathir kecuali dengan menggunakan orang-orang di dalam kerajaan negeri ini juga. Siapakah orang dalam negeri ini yang boleh dipergunakan oleh mereka untuk menghancurkan UMNO dan kerajaan kita? Orang-orang yang gila kuasa. Orang-orang

yang gilakan kekayaan mereka yang tidak ada kasih sayang pada bangsa dan negara, melainkan diri mereka sendiri.

Perbuatan dan cakap-cakap mereka jelas menunjukkan mereka adalah orang-orang yang gila kuasa. Siapa tahu mereka adalah puak-puak komunis yang masih hidup di dalam UMNO tapi bersembunyi di sebalik perjuangan bangsa dan agama.

Semasa duduk dalam kabinet Ku Li sama-sama buat keputusan untuk sesuatu dasar tetapi bila di luar Ku Li buruk-burukkan kerajaan. Perangai macam ini samalah dengan perangai laki-laki yang tahu bininya selalu tidur dengan jantan lain dan kemudiannya dia menceritakan kepada orang yang isterinya itu tidur dengan orang lain tetapi bila malam dia tidur juga bersama bininya itu. Sudah hampir lima tahun baru bagi tahu orang ramai dia mahu ceraikan isterinya.

Baru-baru ini Tengku Razaleigh buat cerita dia mungkin berhenti dari kabinet kerana mahu lawan Presiden. Pada hari Jumaat 27hb. Feb 1987 Datuk Musa Hitam berikrar akan menyokong Ku Li sekiranya Ku Li mahu bertanding melawan Presiden tetapi Ku Li belum lagi mengumumkan keputusan secara terbuka. Namun Kunci-kunci Ku Li yang taat sangat besar hati. Kunci-kuncunya lebih senang hati, kerana bila Ku Li lawan Boss maka besarlah pula yang mereka akan dapat darinya. Ini peluang baik. Jadi makin galaklah kunci-kuncunya yang desperados berkempen kesana dan kemari. Semuanya berpakat suruh lawan. Kata Yang Berhormat Ibrahim Ali dalam Demokrasi boleh cabar mencabar. Bunyi cakap Ibrahim Ali macam pasang ronson saja. Maklum sajalah semuanya ada projek masing-masing. Dan bila kata projek maksudnya wanglah.

Kunci-kuncunya bukan peduli sangat akan masa depan politik Tengku Razaleigh. Mereka tidak boleh berfikir kalau Tengku Razaleigh tak bertanding, masa depan politik Tengku Razaleigh lebih baik. Mereka tak mahu tahu politik ini bukan kira nak bertanding sahaja. Strategi pertandingan pun nak kena ada. Tapi fulus punya pasal semua lulus.

Siapa tidak tahu umur Ku Li sudah lebih. Kalau dia jadi Perdana Menteri, katakanlah tiba-tiba dia terpicat dengan satu perempuan Israil? Manalah tahu. Tapi ini pun kita tahu tidak mungkin. Sebab Malaysia bukan Kanada, Perdana Menterinya "Play Boy". Ku Li orang



**MASIH TERIKAT DI TEMPAT DUDUK**

# 2 mayat nahas Challenger dijumpai

## *Renungan*

MAKA apakah kiranya mereka tidak memertihkan Al-Quran atas hati mereka telah terkunci. — Maksud Al-Quran/ Muhammad 24.

## 2 MAYAT NAHAS CHALLENGER DIJUMPAI

Oleh Nasir Lamat

**T**AIHING 3 Mac — Pasukan penyelamat petang ini menjumpai mayat Penolong Penguasa Polis Shamsuddin Mohd. Ali dan Ong Tean Kok dalam keadaan masih terikat di tempat duduk pesawat ringan 'Challenger' yang terhempas di hutan Bukit Larut di sini Ahad lepas.

Menurut polis, kedua - dua mayat itu diangkat dengan helikopter pada pukul 7.14 malam untuk dibawa ke hospital daerah di sini.

Shamsuddin, 37, dari Alur Setar adalah juga jurulatih kelab penerbangan. Ong, 26, yang berasal dari Taiping adalah anak seorang hartawan.

Mayat - mayat Shamsuddin dan Ong dijumpai dalam bangkai pesawat ringan tersebut yang terhempas di satu jurang di

bukit di kawasan Hutan Simpan Bukit Larut. Mayat - mayat itu yang diterbangkan dengan pesawat Nuri TUDM tiba di lapangan terbang di sini jam 7.20 lewat petang ini.

Ketua Polis Perak, Timbalan Pesuruhjaya Haji Syed Othman Syed Ali memberitahu para wartawan di lapangan terbang di sini bahawa bangkai pesawat tersebut dikesan oleh pesawat Nuri yang dipandu oleh Leftenan Kolonel Harun Ayub kira-kira pukul 4.15 petang.

Kedua - dua mayat tersebut di dalam keadaan sempurna tetapi telah busuk, dihantar terus ke hospital daerah di sini untuk pemeriksaan doktor.

Bangkai pesawat tersebut yang dijumpai terhampar di tebing sebuah jurang rosak di beberapa bahagian.

Katanya, Allahyarham Shamsuddin berada di tempat juruterbang pesawat itu sementara mendiang Ong berdekatan dengannya.

Katanya, pasukan penyelamat yang dikirimkan mengambil masa setengah jam untuk mengangkat naik mayat mereka ke helikopter Nuri.

Kelantan. Ini zaman merotan. Nanti tak pasal-pasal Ku Li yang baru berangan-angan hendak jadi Perdana Menteri yang baru kena rotan atau kena lontar dengan batu kerana berzina? Manalah tahu. Cakap politik mesti cakap pasal masa depan. Tak kan hari ini jadi Perdana Menteri besok terus kawin. Kalau terjadi macam itu kepada siapa nak disalahkan. Hah seluruh dunia heboh seorang Perdana Menteri dihukum lontar dengan batu hingga mati kerana melakukan zina. Ini baru betul sejarah. Dan masa itu mana nak pergi segala kuncu-kuncunya. Siapa tahu Musa pun cepat-cepat akan adakan undi tidak percaya, lepas itu Ku Li tak jadi Perdana Menteri lagi kerana Musa tahu siapa Ku Li sebenarnya.

Tengku Razaleigh masih bujang. Orang bujang tidak perlu fikir panjang-panjang. Sebab itu Musa sanggup suruh pilih antara dua; Buang dari kabinet atau pilih dia. Mahathir tak buang Ku Li sebab itu Musa letak semua jawatan kerana beliau tidak mahukan Ku Li dalam kabinet.

Ku Li orang bujang. Dia boleh pilih siapa saja isteri yang disukainya. Inikan pula kalau dia sudah jadi seorang Presiden UMNO atau seorang Perdana Menteri. Adakah mereka yang mahu memberi undi untuk Ku Li lawan Presiden fikir sampai ke sini? Apakah tidak mungkin Musa gunakan senjata ini untuk menikam Ku Li.

Atau hidupkan balik cerita yang pernah tersebar semasa Ku Li lawan Musa dulu bahawa Ku Li sudah beristeri dan mempunyai anak.

Sayang, Musa terlupa bahawa lepas menang baru ada orang beritahu bahawa anak raja yang disangka bujang ini sebenarnya sudah berumah tangga. Siapa pun tidak peduli. Sekarang ini banyak menteri yang kahwin senyap-senyap. Mereka tahu kahwin senyap-senyap lebih baik dari simpan perempuan dan hidup berzina.

Berapa ramai orang yang sudah ada isteri mengaku bujang. Yang sudah ada dua isteri masih mengaku bujang pun ada. Kalau orang bukan politik pandai berbohong. Inikan pula orang politik. Lagipun bohong beristeri lebih dari satu ini seronok. Bohong nak jaga hati isteri-isteri.

*Mesti pandai pembohong  
mesti pandai temberang  
tetapi jangan sampai  
pecah tembelang.*

Lagu Allahyarham P. Ramlee.

Adakah orang UMNO akan memarahi Ku Li, kalau mereka tahu Ku Li sudah ada isteri biarpun seorang perempuan bukan Melayu pulak tu. Isteri Shahrir pun bukan Melayu. Isteri Datuk Musa yang dulupun bukan Melayu. Yang sekarang pun bukan Melayu juga. Orang UMNO kalau sudah sayangkan pemimpin bukan dia peduli sangat tentang siapa isteri-isteri dan perangai para pemimpin mereka.

Modal Musa untuk jatuhkan Ku Li cara ini susah sikit. Jangan susah, saya dulu pernah bekerjasama untuk memberikan kemenangan kepadanya. Saya banyak belajar taktik yang digunakan oleh Musa untuk menjatuhkan Ku Li.

Siapa yang tidak tahu perhubungan Musa Hitam dengan Ika, bila gambar Ika, ada dalam buku saya, MUSA DERHAKA? Pada mulanya orang kata cerita Ika itu di ada-adakan, satu fitnah. Ramai orang Musa yang marah dan maki hamun saya. Sekarang apa sudah jadi bila Tok Musa bawa Datin Ika ke Perhimpunan Agung UMNO?

Kisah Ku Li akan kahwin dengan perempuan asing dan mungkin Ku Li ada isteri, ada anak dengan seorang perempuan bukan Melayu itu cuma satu cerita sahaja. Orang UMNO tahu siapa yang menyimpan rahsianya.

Orang ramai nak buat cerita bukan payah minta lesen, hendak tulis buku pun tidak perlu K.D.N. Mana tahu Ku Li benar-benar ada isteri . . . ? Mana tau? Saya sekadar bertanya, takkan bertanya pun salah.

Orang yang rendah macam Ku Li mengikut pendapat firasat, termasuk dalam golongan orang yang tidak cukup ukur. Mengikut analisa firasat, orang yang tidak cukup ukur susah hendak diajak berkira. Kata dia saja yang betul. Cakap orang lain yang dia fikir tidak akan menguntungkannya dia tidak mahu dengar. Sebab itulah agaknya susah hendak menang lawan taukeh.

Lagipun Ku Li bukan pandai sangat. Ku Li naik di zaman Tun Razak. Abdullah Ahmad pun naik di zaman Tun Razak juga. Antara Ku Li dengan Abdullah Ahmad Kok Lanas, cerdik lagi Dollah, cuma dia bukan Tengku saja.

Saya ada satu cadangan yang baik untuk ahli-ahli UMNO. Cadangannya ialah buktikan apa yang saya tulis ini betul dan benar. Kalau isi kandungan buku ini tidak benar bawa saya ke mahkamah dan saya sedia dihukum tapi kalau yang saya tulis ini benar dan ahli-ahli UMNO benar-benar mahu selamatkan UMNO, buat kajian yang teliti siapa Musa dan siapa Ku Li yang sebenarnya.

'Musa The Challenger' telah meletakkan jawatannya sebagai Timbalan Presiden tetapi menarik kembali perletakkan tersebut setelah dipujuk. Adakah orang macam ini mempunyai prinsip? Bolehkah seorang yang tidak ada prinsip dipilih untuk jadi pemimpin negara?

Lepas itu nanti, katakanlah Musa menang dengan bantuan orang Ku Li, macam mana? Kekalahan Ku Li sudah boleh diramal awal-awal lagi. Ku Li lawan Musa dua kali tak menang sekarang pula nak lawan Dr. Mahathir sebagai Presiden UMNO dan Perdana Menteri Malaysia.

Apa akan terjadi selama tiga tahun lagi, pada Bangsa dan Negara? Lihat apa yang sedang berlaku sekarang? Tidakkah ahli-ahli UMNO berfikir gelagat Musa memburuk-burukkan Presiden UMNO dan Perdana Menteri Malaysia satu perbuatan yang salah? Musa masih lagi Timbalan Presiden UMNO. Musa adalah seorang ahli parlimen dan masih terikat dengan rahsia-rahsia kerajaan.

Pemimpin yang ada maruah, yang berfikiran panjang tidak boleh membuat sesuatu yang boleh merugikan masa, merosakkan nama, menimbulkan pergaduhan dan perpecahan sesama sendiri. Ini perbuatan manusia yang tidak ada *senses of duty*.

Sejak Musa letak jawatan hingga hari ini UMNO tidak pernah aman. Ahli UMNO menjadi seperti orang yang kebingungan. Suasana di dalam negara menjadi tidak aman dan tidak tenteram.

Selagi Musa tidak disingkir dari UMNO, selama itulah ahli-ahli UMNO akan menanggung dosa-dosa yang telah dilakukan oleh

Musa. Datuk Musa bertanggungjawab ke atas pembunuhan 14 orang Islam yang tidak berdosa di Memali. Siapakah Menteri Dalam Negeri semasa kejadian itu berlaku? Sekali lagi saya sertakan memo PAS kerana ingatan orang yang gila hendak bergaduh ini singkat.

Dosa-dosa Musa inilah yang membuat negara kita sekarang kemarau memanjang dan semua orang berada dalam keadaan tidak tenteram. Patutkah seorang yang terlibat dengan pembunuhan beramai-ramai keatas manusia-manusia yang tidak berdosa disokong dan dijadikan pemimpin? Janganlah kerana kita tidak dapat kerusi dan tidak dapat projek maka kita jualkan maruah kita.

Musa Hitamlah yang bertanggungjawab kerana pembunuhan anak-anak dan orang tua-tua yang tidak berdosa. Patutkah anda memberi perlindungan pada orang yang sepatutnya dihukum dengan hukuman yang setimpal dengan dosa-dosanya?

Selagi UMNO masih menyimpan Musa, selama itulah orang UMNO tidak ada kerja lain, melainkan bertengkar dan bergaduh saja. Cuba ingat masa Ku Li lawan Musa, keadaan parti tidak seburuk ini. Tapi bila Musa dan Ku Li bercantum tengok sajalah akibatnya.

Dan saksikan banyak lagi perkara buruk yang akan berlaku. Menteri-menteri UMNO yang tidak ada prinsip sudah mula terlompat sekejap ke sana, sekejap menyebelahi orang sini.

Siapa lagi kalau bukan Musa yang menjadi punca angkaranya yang sedang berlaku sekarang. Dan Musa tidak peduli. Lepas ini nanti dia akan lari keluar negeri. Yang tanggung beban dan seksanya ialah orang yang tinggal di dalam negeri.

Katakanlah Ku Li pun menang juga, Mahathir kalah dan Musa kalahkan Ghafar. Kerana kata mereka kemenangan mereka akan menaikkan ekonomi negara. Benarkah nasib bangsa dan negara akan bertambah baik? Orang yang perangnya tidak sempurna macam mana hendak jaga negara dengan sempurna? Apakah para pemimpin dunia akan hormat pada Malaysia yang memilih mereka berdua ini sebagai regu untuk memimpin negara? Musa dulu kata Ku Li krook. Ku Li dulu kata Musa Krook. Dunia tidak lupa ini semua. Orang-orang UMNO bolehlah buat-buat lupa.

Orang inilah yang akan memimpin Malaysia atau orang inilah yang akan merosakkan Malaysia? Selalunya pemimpin baru yang akan mengambil alih dari pemimpin lama dengan cara ini akan menjadi pemimpin yang lebih ganas dan lebih kejam dari pemimpin sebelumnya.

Kalau Malaysia tidak hancur, bila mereka berdua menang, mereka berdua akan hancur. Sebab itu saya sanggup korbankan diri saya. Saya tidak akan memberikan kemenangan pada mereka. Saya akan lawan mereka, biarpun beberapa ramai menteri dan Timbalan Menteri sudah masuk dalam kem mereka. Saya sedia dikurung dalam penjara.

Apa yang sedang terjadi pada para pengikut Ku Li — Musa yang sudah bergaduh sesama sendiri. Pengikut Ku Li dulu maki Musa, pengikut Musa maki dan caci Ku Li. Dia kata dia sundal, dia kata dia sundal. Dia kata dia krook, dia kata dia krook. Siapakah sebenarnya yang sundal? Siapakah sebenarnya yang krook? Perkara tuduh menuduh ini pun masih belum selesai. Sekarang ini pengikut kedua-dua kem ini berpakat kata Mahathir krook.

Musa bergaduh dengan Mahathir yang sedang kita tonton sekarang, tidak seteruk Musa akan bergaduh dengan Ku Li nanti kerana kedua-duanya mempunyai kemahuan yang sama.

Dulu semasa Musa jadi Timbalan Presiden UMNO dan juga Timbalan Perdana Menteri semua orang kata Musa adalah sahabat Dr. Mahathir. Mereka sendiri mengaku hal ini. Musa buat slogan 2M, kononnya bermaksud Mahathir-Musa. 2Mlah yang menjadi lambang kombinasi mereka. Boleh bergaduh dan berpecah, ini pula dua orang yang tidak boleh bertemu roma.

Tapi depan orang ramai mengaku sahabat. Tidak malukah mereka ini pada rakyat terutama pada anak-anak sekolah. Macam mana negeri hendak jadi betul kalau beginilah rupa pemimpin yang mahu ambil alih kuasa.

Musa dan kuncu-kuncunya bukan lagi menikam Mahathir dari belakang tapi sekarang mereka cuba bunuh dia terang-terang. Mereka tidak sabar untuk berkuasa. Musa mahu cepat naik jadi Perdana Menteri. Musa mendakwa Mahathir mengenyepikannya dalam semua hal. Musa ini bercakap atau bercerita? Dan pada siapa yang dia

bercakap dan bercerita ini? Boleh jadi ahli UMNO terdiri dari manusia desperado. Ramai rakyat negeri ini bukan macam itu.

Tunggulah sampai Ku Li pula jadi Presiden dan Perdana Menteri, tengoklah apa Musa serta kuncu-kuncunya akan buat pada Ku Li. Silap-silap lebih dahsyat dari apa yang sudah dan sedang dibuat pada Mahathir. Orang yang desperado mana boleh kita buat kawan. Kalau mereka tak dapat bunuh Ku Li dengan cara politik, mana tahu mereka ikut stail Datuk Mokhtar Hashim. Ini tidak mustahil berlaku. Musa memang jaguh dan berkemampuan bertindak sedemikian. Siapakah yang telah meragut nyawa umat Islam yang tidak berdosa di Peristiwa Berdarah di Memali. Apa salah orang tua-tua dan anak-anak itu hingga Musa sanggup mengarahkan pehak polis menembak mereka?

Begitu juga halnya dengan Ku Li. Kuncu-kuncu Ku Li tentu tidak lupa dengan perbuatan Musa dan orang-orang kanannya dahulu. Masa mereka berlawan dulu orang-orang Ku Li kena belasah dengan teruknya. Macam-macam hal terjadi. Apa tidaknya, Musa ketika itu ada senjata sulit dan kubu kebal, iaitu Kementerian Dalam Negeri. Masakan orang-orang Ku Li boleh lupa? Janganlah kerana marahkan nyamuk kelambu dibakar. Kesal dahulu pendapatan kesal kemudian tidak ada gunanya.

Jawabnya, bila Ku Li jadi Presiden UMNO dan Perdana Menteri, Tok Musa dan kuncu-kuncunya akan menjadi sasaran utama Ku Li. Mereka akan sentiasa bersaing dan semua percakapan, perbuatan dan jentera parti UMNO itu sendiri akan dipergunakan untuk tujuan pembunuhan sesama sendiri. Jadinya nanti, politik UMNO dan pentadbiran negara ini akan dikongkong oleh hasrat membunuh politik sesama pemimpin. Iaitu antara Ku Li yang jadi orang nombor wahid dan Tok Musa yang menjadi timbalan.

Cuba para pembaca, khasnya anggota UMNO fikirkan hakikat kata-kata saya ini. Berdasarkan inilah saya yakin, kalau kedua tokoh ini naik sama ada Ku Li nombor satu, Musa nombor dua atau sebaliknya, yang akan hancur dan jadi mangsa ialah UMNO. Bila UMNO jadi hancur dan kucar-kacir, maka negara dan bangsa Melayu akan hancur sama. Saya tidak hairan, kalau mereka berdua ini naik negara ini akan dipimpin oleh Lim Kit Siang atau Lee Lam Thye akhirnya. Contohnya ialah Sabah. Pemimpin USNO berbunuh sesama sendiri, siapa yang jadi Ketua Menteri Sabah hari ini?



Bagaimana dengan pengikut-pengikut Dr. Mahathir dan Encik Ghafar pula? Tidakkah UMNO akan musnah seperti 'The Challenger' bila orang Mahathir pula yang menyerang mereka macam mereka menyerang Mahathir sekarang sekiranya Mahathir dan Ghafar dikalahkan. Mahathir telah mengingatkan kita semua "The Winner cannot take all. The looser cannot lose all."

Orang selalu berfikir tulisan saya absurd. Baca dan berfikir, berfikir dan baca jangan baca tidak berfikir. Dan jangan berfikir tetapi tidak baca. Nanti orang kata 'tak ada baca'.

Tahun ini, Datuk Musa dan Ku Li akan mengalami nasib yang sama seperti kapal angkasa 'The Challenger' sekiranya mereka tidak menarik diri dan berdamai. Masanya masih belum terlambat. Tok Musa jangan fikir ia masih lagi mempunyai sokongan yang kuat dari ahli-ahli dengan berselindung di sebalik pendekatan yang kononnya di katakan memperjuangkan nasionalisma dan liberalisma. Ia merasakan bahawa surat perletakkan jawatannya itu yang diedarkan kepada ahli-ahli parti telah berjaya menimbulkan kesangsian ke atas kewibawaan dan kepimpinan Dr. Mahathir Mohamad.

Orang Melayu terutama ahli-ahli UMNO yang telah mengkaji secara terperinci taktik kotor Datuk Musa serta tahu apa yang diangan-angankan sebenarnya. Setinggi-tinggi angkasa, tinggi lagi angan-angan Tok Musa. Kalau boleh Tok Musa nak jadi Presiden Parti dan seterusnya memegang jawatan Perdana Menteri. Tok Musa sanggup menjatuhkan maruah negara dan melupai bangsa Melayu demi mencapai cita-citanya yang tidak murni itu. Apa bezanya dengan Tengku Razaleigh Hamzah yang hendak lawan Presiden? Hal ini juga diketahui oleh ahli UMNO yang telah kenal siapa pemimpin mereka yang sebenarnya.

**'BIAR PUTIH TULANG JANGAN PUTIH MATA'**, adalah falsafah orang yang berjuang untuk kepentingan diri. Cara bagaimana ia mesti mendapatkannya tidak penting. Yang penting ia mesti mendapatkannya walaupun ia terang-terang memijak kepala orang lain. Inilah prinsip perjuangan pemimpin yang mahu merebut kerusi dengan menggunakan istilah Demokrasi. Kalau saja Tok Musa sedar dan insaf bahawa tindak tanduknya itu tidak akan memberi faedah atau apa-apa jua manfaat kepada rakyat dan negara tentu beliau sudah bersara. Hendak apa lagi beliau sudah kaya raya, mati nanti

semua tinggal. Sebelum mati bertaubat dan buat baiklah. Cukuplah sampai disini.

Kalau tidak semuapun, kebanyakan ahli-ahli parti telah tahu siapa Musa yang sebenarnya tapi kerana Tok Musa orang Johor dan pandainya Tok Musa main sentimen kenegerian, ramai orang Johor terpengaruh dengannya. Cubalah baca buku terbaru mengenai dirinya yang ditulis oleh setiausaha politiknya. Seolah-olah Musa itu Johor dan Johor itu Musa. Dalam buku itu cerita tentang Musa sahaja. Satu pun tidak menyebut tentang pemimpin yang lain seperti Shahrir, Ajib, Daud Taha dan lain-lain termasuk pelapis yang bakal menggantikan Musa dari Johor. Dia memaksa supaya orang mengatakan mati Musa politik Johor mesti mati sama. Dari itu semua orang Johor mesti bersama-sama Musa.

Begitu juga Ku Li. Puak-puak Kelantan yang teringin buat pertama kali ada orang Kelantan yang boleh jadi Perdana Menteri pasti tidak mahu dengar pendapat orang lain. Pada mereka anak raja dari Kelantan ini tidak ada cacat celanya. Semua salah itu datang dari Dr. Mahathir dan Daim Zainuddin saja. Mustahil orang politik cuma ada satu muka? Sejak jadi Menteri Kewangan Tengku Razaleigh dan keluarganya saja yang menjadi kaya raya. Rakyat Kelantan yang miskin, susah dan papa masih hidup macam dulu juga. Yang ditolong pun bukan semua ahli UMNO Kelantan. Ramai juga yang Ku Li tekan dan tidak kasi can.

Dan oleh kerana kononnya kerjasama antara dua manusia besar ini, Musa — Ku Li begitu rupa maka rancangan yang hebat-hebat pun dibuatlah untuk semuanya menutup mata rakyat. Maka Musa sibuk kempen di Kelantan dengan kunci-kuncunya. Wah, wah pandai demo deh! Dia ingat rakyat sekarang, ahli-ahli UMNO sekarang tidak boleh faham dengan politik ini. Orang-orang UMNO sekarang bukan macam UMNO dulu lagi. Sudah ramai yang lulus universiti. Dan biasanya yang lulus universiti ini sepatutnya pandailah berfikir. Kalau mereka tidak berfikir juga, sajalah. Mereka menunjukkan yang pemikiran mereka masih dijajah atau sengaja mereka mahu jadi agen pemikiran imperialist barat.

Maka disembarkanlah bahawa Tengku Razaleigh dan Musa telah baik semula. Tengoklah sekarang, Musa kempen di Kelantan dan Ku Li di Johor. Dan semua orang tahu dua musuh besar ini tidak

mungkin berbaik. Kalau sudah dua kali berlawan begitu rupa, mana ada peluang nak baik lagi. Tapi kata penyokong-penyokongnya "Lihatlah sendiri sekarang, mereka memang baik." Betul mereka baik, tapi setiap orang UMNO mesti ingat, kalau Musa dan Ku Li tidak baik, tidak berpadu tenaga untuk berkempen bersama-sama, mana ada peluang lagi dalam politik Malaysia hari ini. Kalau mereka tidak berbaik-baik kedua-duanya akan terbang. Dia berbaik pun akan terbang, apatahlah lagi tidak berbaik. Jadi debu dibawa anginlah.

Maka orang pun melihat Musa dan Ku Li berbaik. Tapi orang juga harus ingat, kedua-dua mereka ini adalah musuh besar dan kedua-duanya dalam satu kem Desperados. Musuh datuk nenek kata orang. Dan kerana mereka berdua musuh besar maka berkatalah orang-orang Ku Li secara senyap.

Dibisikkan dari telinga ke telinga yang satu lagi dengan mengatakan "Ini rahsia kita. Jangan sampai kepada Musa." Apa dia rahsiannya. Mudah sahaja. Kita sekarang gunakan Musa untuk boss kita Ku Li, apabila Mahathir sudah jatuh, senang bagi kita tolak Musa sebab penyokong Musa tak banyak. Ah. Ini Musa dalam tangan kita. Hendak tahu cerita cerita macam ini tanya Ibrahim Ali.

Kalau begitu pendapat dan niat orang Ku Li, tidakkah ada di antara saudara yang terdengar atau paling tidak berfikir bahawa Musa pun mempunyai niat yang sama? Munasabahkah Musa tidak mempunyai niat yang sama dengan Ku Li? Tidak munasabah. Sebab itu dibisikkanlah kepada telinga, dengan suara kecil mengatakan "Jaga baik-baik puak-puak kita. Jangan sampai terkeluar perkataan yang kita ini berbaik dengan Ku Li ini sekejap saja. Lepas ini mudah sahaja nak tendang Ku Li." Tengok di Johor Bahru orang-orang Datuk Shahrir, mereka mencalonkan Musa Hitam Presiden dan Ku Li Timbalan. Baca akhbar 28hb. Feb 1987.

Begitulah eloknya perancangan mereka. Licin bagai belut, berminyak macam lemak. Kalau begitulah keadaannya apa nak jadi dengan rakyat yang tidak berdosa. Macam mana dengan anak-anak kita yang dalam buaian, dengan cucu-cucu kita, untuk orang yang sudah mempunyai cucu. Apa nak jadi dengan negara kita. Tolonglah fikirkan ini semua sebelum pergi mengundi mereka.

Kalau semua ini Musa-Ku Li tidak peduli. Sebab mereka sendiri

bila-bila masa pun boleh pergi keluar negeri. Kunci-kunci mereka yang tidak begitu kaya patut ambil kira. Baru-baru ini pun, selepas meletakkan jawatannya Musa tidak duduk dalam negeri. Dia pergi keluar negeri. Kita rakyat apa nak jadi, dia tak peduli. Mereka ini semuanya ada tempat di luar negeri. Tok Musa tahun 1986 berapa hari ada dalam negeri sejak letak jawatan? Tahun ini masa banjir dikawasannya Tok Musa berada dimana?

Semoga perwakilan UMNO sudah mengerti dan masak dengan apa yang sebenarnya Musa dan Ku Li idam-idamkan. Mereka berdua tidak berminat untuk memajukan rakyat dan bangsa. Itu mesti difahami oleh orang UMNO. Kalau tak faham juga tak tahulah saya.

Di saat-saat Mahathir sibuk membangunkan negara ini, bertungkus-lumus berusaha untuk mengembalikan maruah bangsa Melayu, Datuk Musa lari meninggalkannya. Tengku Razaleigh yang diberi peluang untuk membangunkan ekonomi negara, pergi ke sana ke mari memburukkan Mahathir. Malah menimbulkan banyak masalah kepada Mahathir dengan segala tindak tanduknya.

Musa meninggalkan seorang manusia yang juga seorang sahabat dan abang yang telah banyak berjasa kepadanya. Begitu juga Ku Li tidak tahu berterima kasih pada orang yang memberi dua kali peluang jadi menteri. Ini kata orang tua-tua bukan sahaja *kacang lupakan kulit* tapi "Seperti melepaskan anjing yang tersepit." Sindiran saya kasar dan tidak sedap didengar telinga. Mana ada ubat yang manis melainkan ubat batuk.

Pada sangka Ku Li kerusi itu dia dapat kerana dia boleh mempengaruhi empat puluh peratus dari ahli UMNO. Cuba hari ini buang dia dari jadi Menteri. Adakah ahli UMNO yang akan menyokongnya? Sejarah belum menunjukkan ada umat Melayu yang berani mati kerana pemimpinnya. Cuba belajar dari Datuk Harun, bila Datuk Harun dijatuhkan, dipenjarakan, semua kawan dan sahabat yang bersumpah dan sanggup mati bersama-samanya hilang lesap entah ke mana. Sekarang bila dengar Datuk Harun hendak naik semula semua sudah memberi sokongan secara senyap-senyap. Musa dan Ku Li pun mula berbaik-baik.

Semasa Dr. Mahathir dan Anwar Ibrahim sibuk menyatupadukan orang Melayu, menerapkan nilai-nilai Islam dengan jujur, ikhlas dan

tekun. Musa dan Ku Li buat apa? Pergi mana malam-malam?

Adakah orang-orang yang semacam ini yang kita hendak jadikan Perdana Menteri? Ahli-ahli UMNO bukannya bodoh. Mereka ada mata mereka lihat, mereka ada telinga, mereka dengar, siapakah yang sebenarnya berjuang untuk kepentingan Islam, bangsa dan negara? Marah orang UMNO kepada Mahathir kerana Daim sekarang menjadi sasaran. Namun kalau adapun marah yang besar tapi bila dibandingkan ketiga-tiganya Musa, Ku Li dan Mahathir rakyat lebih tahu siapa yang mempunyai moral yang lebih tinggi. Antara Anwar, Ku Li dan Musa, siapa lebih bersih, siapa lebih amanah, moral siapa yang lebih tinggi? Antara Che Ghafar, Musa dan Ku Li, siapa lebih sabar, siapa lebih taat dan lebih berjasa kepada parti. 25 tahun Ghafar tunggu dikerusi Naib Presiden, dia dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri. Dr. Ghafar taat. Dia bukan jenis manusia 'The Challenger' tapi adat Melayu bila orang sudah jual murah sangat bergadai bergolok terpaksa beli juga.

Cita-cita Musa — Ku Li terlalu tinggi seperti tingginya cita-cita NASA. Jadi tidak hairanlah jika Musa dan Ku Li sanggup menghancurkan diri mereka dalam penerbangan kembali ke puncak kerjaya politiknya nanti. Ibarat kata orang tua-tua, *dia sedang bermain api!* Tengok saja apa jadi pada kekatu malam yang terbang mengejar cahaya, akhirnya diri sendiri yang terbakar.

Musa dan Ku Li akan hangus di jilat oleh api yang sedang jadi permainannya sendiri. Musa tidak dapat mengekalkan sentimen dan emosi ahli-ahli parti yang telah cuba ditimbulkan olehnya menerusi surat perletakan jawatannya dahulu. Dan buku yang ditulis oleh Ruhanie Ahmad pun gagal memujuk orang ramai untuk menyokong Musa. Kerana ahli-ahli UMNO bukanlah orang-orang yang bodoh atau buta. Mereka dapat membezakan di antara kaca dan permata.

Orang Melayu tidak pernah tersilap dalam memilih pemimpin. Mereka mungkin menunjukkan rasa simpati tetapi dalam masa yang sama, mereka tahu siapakah yang hendak mereka berikan undi. Simpati dan undi adalah dua perkara yang berbeza. Ahli-ahli UMNO tahu membezakannya.

Pada 24 April 1987 ini, ahli-ahli UMNO akan menentukan sama ada Musa dan Ku Li yang menjadi pencabar. 'The Challenger' akan

terbakar dan musnah dalam masa beberapa minit sahaja selepas pelancarannya. Atau UMNO sendiri akan musnah kerana membiarkan para ahlinya menyalahgunakan demokrasi. Rakyat Malaysia akan melihat dengan mata kepala mereka sendiri bagaimana kerjaya politik mereka akan berakhir.

Kata presiden Amerika, mendiang Abraham Lincoln;

***YOU CAN CHEAT EVERYBODY SOME TIME,  
SOMEBODY EVERYTIME, BUT YOU CANNOT CHEAT  
EVERYBODY EVERYTIME.***

# 6

## KUDA, LEMBU, KERBAU DAN HAIWAN LAIN-LAIN

*"BILA DISERAHKAN SESUATU TUGAS KEPADA ORANG YANG BUKAN PADA TEMPATNYA, MAKA TUNGGULAH SAAT KEHANCURANNYA."*

Hadis Nabi

Manusia memang pandai memilih pekerjaan yang sesuai untuk binatang-binatang peliharaan mereka. Orang Melayu memilih lembu untuk menarik kereta lembu dan kerbau untuk membajak sawah mereka. Bukan kerana kerja membajak sawah tidak boleh dibuat oleh kuda, cuma kerja itu bukan kerja kuda. Mengikut kebiasaan, membajak sawah adalah kerja kerbau, sesuai dengan bentuk badan dan tabiat kerbau yang suka berkubang. Biarlah kerbau yang membuatnya. ●

Mengapa mereka tidak adakan lumba lembu atau lumba kerbau tiap-tiap minggu untuk berjudi seperti lumba kuda? Kenapa mereka gunakan kuda? Dan kenapa kuda-kuda yang istimewa sahaja yang dipilih khas untuk berlumba, bukannya sebarang kuda seperti kuda yang digunakan untuk menarik kereta kuda misalnya? Kuda-kuda yang hendak masuk berlumba pula terlebih dahulu diperiksa oleh doktor. Kuda-kuda yang sakit, kuda-kuda yang sudah tua dan yang sudah ada batu dalam perut tidak dibenarkan masuk padang lagi.

Kenapa kuda padi di Sabah yang ditunggang oleh orang Bajau tidak dibuat berlumba dengan kuda di perlumbaan yang diadakan di Kuala Lumpur?

Ini membuktikan yang orang Melayu sejak dulu kala lagi tahu meletakkan tempat dan taraf untuk binatang peliharaan mereka. Lembu buat kerja lembu, kerbau buat kerja kerbau dan kuda buat kerja kuda. Siapa kata orang Melayu tidak pandai!

Apa akan terjadi jika lembu dan kerbau ditukar dan dijadikan binatang perlumbaan pada setiap minggu untuk menggantikan kuda? Sese kali memang ada juga manusia gunakan kerbau untuk berlumba dalam pesta-pesta peladang untuk berseronok-seronok. Ada kerbau-kerbau yang jinak ditunggang oleh anak petani. Bahkan hari ini anjing, katak dan kura-kura pun manusia jadikan binatang lumba.

Itu cerita tentang manusia dengan binatang-binatang peliharaan mereka. Kenapa pula kali ini saya tiba-tiba bercerita pasal binatang? Apakah ada kena mengena dengan pergolakan politik tanahair kita? Jawabnya tentulah ada kena mengena. Bagaimanakah kena mengenanya? Begini:

Dalam politik UMNO hari ini kita boleh perhatikan macam-macam telatah manusia, terutamanya apabila ada pertandingan. Dalam politik hari ini pertandingan adalah perkara biasa. Orang yang takut bertanding dia tak akan naik dalam politik. Melalui pertandinganlah orang politik mendaki anak tangga kejayaan, dan melalui pertandinganlah juga mereka menuruni tangga atau terjatuh tangga.

Kita kata pertandingan, orang Indonesia kata perlumbaan. Lumba politik. Apabila ada lumba, biasanya yang memeriahkan acara lumba itu ialah adanya orang-orang yang bertaruh atau berjudi. Mereka memilih kuda yang mereka percaya boleh menang lalu mereka bertaruh dengan wang. Kebiasaan itu sudah berjangkit ke dalam politik.

Apabila ada pertandingan merebut jawatan-jawatan tertentu dalam parti, para-para penyokong ataupun broker-broker politik akan bertanya satu sama lain apabila mereka bertemu: "Siapa kuda kamu kali ini?" Maksudnya, siapakah pemimpin yang kamu sokong kali ini? Begitulah terjadinya pemimpin yang bertanding diibaratkan sebagai "kuda". Dan saya pun terpaksa turut menggunakan istilah yang sudah biasa digunakan itu. Kalau ada yang tak biasa dan terasa kasar, saya minta maaf.



Sama ada pemimpin-pemimpin UMNO yang bertanding suka atau tidak dengan panggilan "kuda" yang digunakan untuk mereka, mereka tak dapat nak buat apa-apa. Keadaan atau trend dalam politik hari ini sudah jadi begitu. Mereka terpaksa terima. Kalau mereka tak mahu terima pun mereka kena juga terima. Nak marah, nak marah pada siapa? Marah pada pengikut dan broker, amatlah tak boleh menang. Kalau sudah masuk lumba, siapa yang tak mahu menang? Nak panggil kuda pun kudalah.

Ini bukan satu perkara rahsia di kalangan broker-broker dan penyokong-penyokong dalam politik UMNO. Sebutan kuda bagi ketua mereka atau bagi pemimpin yang bertanding sudah jadi satu perkara biasa. Semua mereka faham. Jadi apabila ada pertandingan, kalau tak mahu kalah dan rugi, kenalah pandai memilih "kuda".

Sekiranya mereka pandai memilih kuda-kuda yang baik untuk berlumba dan melatih kuda-kuda tersebut, mereka pilih pula *jockey* yang baik untuk menunggangnya, kerana mereka tahu kalau mereka tidak berbuat demikian, mereka akan mendapat malu dan rugi. Dan kalau kuda itu sakit dan sudah tidak boleh berlumba lagi, mereka tidak membenarkan kuda itu untuk berlumba.

Sepatutnya orang yang pandai tidak mahu rugi. Tapi yang peliknya, kenapa orang-orang UMNO yang sepatutnya pandai berpolitik itu tidak pandai memilih kuda-kuda yang baik dalam perlumbaan yang diadakan di dalam perkampungan politik mereka di musim-musim pemilihan?

Setiap kali ada pertandingan untuk memilih pemimpin dalam Perhimpunan Agung UMNO yang diadakan tiga tahun sekali, mereka meletakkan apa saja kuda yang mereka suka, atau kuda-kuda yang sudah ditentukan oleh para tauke mereka. Dan mereka seronok. Mereka sanggup menang sorak kampung tergedai.

Tidakkah mereka fikirkan tentang betapa malu dan ruginya bangsa dan negara mereka, hasil dari keseronokan mereka, kerana pertaruhan terhadap para pemimpin mereka?

Setakat ini mengikut cerita yang boleh dipercayai, tidak kurang

dari 10 juta ringgit telah terkumpul oleh segolongan orang Cina yang bertaruh bahawa Musa akan menang sekiranya Musa lawan Mahathir. Begitu juga kiranya Ku Li lawan Mahathir.

Ku Li akan menang maka bersenang senanglah kuda-kuda ini hendak berlawan. Tapi yang kena tendang nanti pengikut-pengikut yang kalah. Pengikut dan pengampu tahi kudapun tidak dapat.

Kita balik pula kepada cerita-cerita binatang. Beruk yang telah diajar oleh tuannya supaya memanjat pokok kelapa dan mengambil buah kelapa yang tua saja, tidak tahu dan tidak mahu memetik buah kelapa muda. Manusia yang tahu buat satu kerja saja, apakah untungnya dia dipaksa membuat kerja yang tidak pernah dibuatnya? Orang yang bukan dilahirkan sebagai pemimpin janganlah kita paksa dia jadi pemimpin.

Kenapa beruk saja yang disuruh memanjat pokok kelapa sedangkan ada binatang lain yang pandai memanjat seperti monyet, keria dan orang utan? Kerana beruk sahaja yang sesuai untuk kerja itu. Bukan semua orang boleh jadi pemimpin. Bukan semua orang boleh jadi beruk. Orang yang tertentu saja yang boleh jadi pemimpin. Dan ada jenis-jenis orang saja yang sanggup jadi beruk dan bukan semua beruk boleh dijadikan beruk panjat kelapa.

Kenapa tidak menyuruh kucing memanjat pokok kelapa sedangkan kucing pun tahu memanjat juga? Sebenarnya itu bukanlah kerja kucing, kerana kerja kucing adalah untuk menangkap tikus.

Datuk Wan Mokhtar anggap kerja beruk panjat pokok kelapa itu satu kerja profesional, sebab itu kerajaan Negeri Terengganu beri subsidi beruk. Tapi Sanusi Junid lebih hebat, dia adakan pertandingan panjat kelapa peringkat nasional untuk orang yang suka memanjat.

Zaman Sains, manusia mesti boleh mengalahkan beruk panjat kelapa. Mana lebih baik beri kerja pada beruk atau manusia? Kelapa muda sekarang ada harga. Manusia pun ramai sangat yang tidak bekerja.

Cuma kita bimbang saja bila nanti beruk-beruk itu tak boleh panjat kelapa lagi, apa pula yang dia nak panjat? Nak marah siapa kalau

beruk-beruk itu tiba-tiba memanjat batang tubuh manusia pula? Ini cuma cerita lucu saja.

Setiap makhluk kejadian Tuhan telah ditentukan oleh Tuhan akan bidang kerja masing-masing. Anjing misalnya disuruh menjaga rumah, kerana itu adalah kerja anjing. Manusia pun macam itu juga. Tiap-tiap manusia ada kerja yang sesuai untuknya. Janganlah suruh orang buat kerja yang bukan kerjanya. Kalau disuruh juga, akibatnya akan membawa kerugian.

Kita tidak hairan hari ini kenapa ramai manusia sanggup memilih pekerjaan yang tidak bersesuaian dengan jiwa dan kebolehan mereka, kerana mereka telah diajar di sekolah semata-mata untuk bekerja makan gaji. Makan gaji dengan kerajaan ada pencen. Sekarang macam mana?

Apakah mereka tahu dan sedar bahawa pekerjaan atau jawatan mereka itu tidak sesuai dengan diri dan kelulusan mereka? Perkara macam ini boleh merugikan bangsa dan negara.

Para akademik yang mentalnya terjajah menganggap ini satu perkara biasa. Bila seseorang keluar dari universiti dia dianggap pandai, dan dia merasakan dirinya pandai. Bila sudah menjadi pegawai, nanti cepat-cepat masuk politik dan menang dalam pilihanraya, terus menjadi seorang menteri pula, setidak-tidaknya jadi setiausaha parlimen atau Timbalan Menteri. Tentu dia rasa dirinya lebih pandai dari wakil-wakil rakyat yang tidak terpilih jadi menteri, dan orang ramai mesti kata dia pandai. Mulalah sombong, ego tak tentu pasal.

Apa akibat dari menerima pekerjaan tersebut keatas diri dan masyarakat, tidak penting, dan mereka tak perlu tahu. Yang penting orang yang ada kelulusan tinggi mesti diberi tugas yang besar, dan sanggup jadi orang 'Yes Man'. Mereka lupa ada tiga puluh enam ribu orang terpelajar yang sedang menganggur. Ada di antara mereka jauh lebih bijak dan pandai.

Bila sudah jadi seorang menteri, mesti menduduki kerusi di Majlis Tertinggi. Kalau sudah lama sedikit jadi menteri, mesti lawan merebut kerusi Naib Presiden, atau mungkin kerusi Timbalan Presiden. Aduh mak! Ini macam perangai apa kita nak kata!

Mungkin ada pembaca yang tahu dan ada juga yang tidak tahu perkara-perkara yang bercelaru macam ini boleh berlaku di dalam UMNO.

Dulu rakyat selalu merungut, siapa saja calon yang dibubuh oleh Barisan Nasional pasti menang. Ada yang sanggup mengatakan taruh buruk, buruk pun boleh menang. Begitu taat dan kasih sayang orang Melayu pada pemimpin-pemimpin mereka. Rakyat boleh berleter dan lepaskan geram di kedai kopi sajalah. Kerana kedai kopi adalah parlimen untuk rakyat yang tidak mahu membaca dan berfikir, berfikir dan membaca.

Pemimpin yang tidak insaf dan tidak sedarkan diri hiduplah mereka dengan baju orang lain yang tak sesuai dengan ukuran badan mereka. Apabila ini berlaku, mata yang melihat pun terasa pelik. Mereka pula mulalah buat perangai macam kera sumbang. Kalau tidak percaya, perhatikan telatah dua tiga orang menteri dan Timbalan Menteri yang baru saja dipilih.

Banyak manusia yang sudah jadi macam buruk, berperangai kera sumbang. Patutkah orang yang begini diletakkan dalam kumpulan ketua-ketua orang Melayu yang diberi tanggungjawab untuk membuat satu-satu keputusan bagi masa depan bangsa dan negara Malaysia?

Ada di antara orang-orang profesional yang tidak berapa suka dengan pekerjaan yang tidak sesuai dengan kelulusan dan jiwa mereka. Namun untuk menampung hidup, mereka terpaksa mengambil pekerjaan itu. Bila mereka sudah dapat rasa kuasa, yang tidak seronok jadi seronok.

Apakah memberi pekerjaan kepada seseorang yang bukan pada tempatnya itu sudah menjadi sistem kehidupan masyarakat Melayu hari ini? Kenapa mereka tidak mahu belajar dari pada gurindam lama;

Si buta disuruh menampi padi,  
Si pekak disuruh pasang bedil,  
Si tepok disuruh menghalau burung.

Hari ini bila kita sudah mempunyai jentera yang sofistikated, kita tidak mahu lagi gunakan kerbau untuk membajak sawah. Tetapi

kenapa kita masih mahu letakkan orang yang macam lembu dan kerbau untuk berlumba menandingi kuda-kuda di Perhimpunan Agung?

Berfikirlah ..... Allah telah memberi kita akal. Pilihlah manusia yang sesuai untuk dijadikan pemimpin-pemimpin manusia. Perebutan kerusi 1987 ini bukan satu pesta untuk berseronok-seronok.

Di zaman komputer yang serba maju di mana manusia sepatutnya menjadi bertambah maju, kita masih dapat lihat hari ini banyak kerja yang sepatutnya dibuat oleh manusia yang sempurna akal, budi bahasa dan tingkah lakunya, tapi diberikan kepada manusia yang perangnya macam buruk. Kerana orang-orang tersebut boleh jadikan Boss-Boss mereka macam buruk rantai pendek.

Ramai orang Melayu yang tahu. Namun mereka tidak boleh berbuat apa-apa kerana ada pemimpin yang mempunyai akal tapi tidak mempunyai prinsip dan pegangan hidup serta tidak pula mempunyai asas dalam agama akan memberi apa saja pekerjaan kepada alatnya, tanpa memikirkan tentang masa depan bangsa dan negara mereka.

Kurangnya nilai-nilai akhlak telah mencorakkan warna-warna sumbang dalam hidup sebahagian pemimpin. Sebab itu hari ini hampir setiap hari di dada-dada akhbar terdedah berbagai-bagai penyelewengan, skandal kewangan, rasuah, penipuan, jenayah perdagangan dan sebagainya.

Dulu-dulu, penipuan dan skandal kewangan yang dibuat secara besar-besaran tidak dilakukan oleh orang Melayu. Orang Cina pun tidak tipu bangsa mereka sendiri seperti yang dilakukan sekarang.

Orang Melayu dulu-dulu hanya bersekolah rendah sahaja. Lagi pun orang Melayu dulu kuat berpegang pada agama dan adat. Orang Melayu dulu ilmunya tidak sampai ke mana, sentiasa hidup dalam ketakutan, mereka dijajah, masakan mahu mengambil rasuah dan mencuri secara besar-besaran.

Pencuri yang hanya bersekolah setakat darjah enam, mereka hanya berani mencuri telur ayam atau curi basikal. Itu pun tidak ramai yang buat kerja macam itu. Kalau menipu pun dalam lingkungan ribu ringgit saja. Peluang untuk menipu secara besar-besaran tidak ada.

Cuba tengok penjenayah perdagangan, para penipu bank dan koperasi, tidak kira Melayu atau Cina yang ada hubungan dengan orang besar-besar pada hari ini. Kerja mereka menipu saja, dan menipu pula bukannya sikit-sikit. Bini-bini mereka pula orang-orang asing (orang putih). Contohnya mereka yang terlibat dengan kes BMF. Kalau kelulusan setakat darjah enam, duduk di kampung, tidak pernah keluar negeri, bininya orang kampung juga, kenalannya cuma tok mudim dan tok penghulu, mana boleh terlibat dengan kes bank yang begitu besar? Betul tak?

Orang tua-tua cipta peribahasa 'Hakim Beruk' kerana mereka tahu adanya jenis manusia yang sentiasa mengambil kesempatan dan keuntungan untuk diri sendiri, tanpa memikirkan kerugian terhadap orang lain. Bukankah penjenayah perdagangan itu berperangai macam Hakim Beruk?

Dalam Perhimpunan Agung 1987 ini nasib masa depan orang Melayu dan Negara akan ditentukan. 30 orang manusia yang akan menentukan nasib masa depan orang Melayu dan negara akan dipilih. Patutkah kita lepaskan saja pemilihan ini seperti di masa-masa yang lampau?

Jangan kita pandang rendah kepada binatang seperti beruk, kerana sebodoh-bodoh beruk mereka pandai memilih pemimpin dan raja mereka. Tapi seandai-pandai manusia, ada di antara mereka yang telah memilih orang yang macam beruk untuk dijadikan pemimpin atau ketua. Adakah manusia yang akalnyanya macam beruk akan mengaku kesilapan dan kebodohan mereka?

Orang tua-tua dulu sedar akan hal ini. Kalau tidak mustahil mereka mencipta peribahasa "**Kera di hutan disusukan anak di pangkuan dilepaskan**". Kalau tidak kerana kesilapan menyusukan kera di hutan tidak akan timbul peribahasa "**Itik di air mati kehausan, ayam di kepok mati kelaparan**." Ingatlah serangkap pantun ini:

*Anak udang, udang juga  
mana sama anak tenggiri  
anak orang, orang juga  
manakan sama anak sendiri.*

Anak itik dibesarkan oleh ibu ayam. Masa mengeram ibu ayam menyangkakan itu adalah telornya sendiri. Sesudah menetas ibu ayam tersebut memberikan kasih sayang yang tidak berbeza dengan anaknya sendiri. Bila sudah pandai berenang, anak itik tidak mengaku dirinya anak ayam lagi, kerana ia tahu dia anak itik. Isu peribumi adalah satu contoh yang nyata. Anak itik yang sudah pandai berenang pasti akan melupakan ibu ayam yang pernah menjadi ibunya.

Hari ini kita saksikan satu-satu jawatan diberikan kepada seseorang bukan berpandukan kelulusan akademik mereka saja, tapi hubungan mereka dengan kelab-kelab tertentu, misalnya. Tentulah lebih mudah pangkat dan jawatan dinaikkan dan diberi pula tanggungjawab yang besar, supaya mereka dapat membantu ahli kelab yang lain pula. Bangsa dan Negara bukan lagi menjadi tanggungjawab yang utama. Sumpah dan taat setia pada kelab mesti di utamakan.

Bagaimana dengan kejujuran dan keikhlasan mereka yang mahu merebut kerusi semata-mata untuk beada dalam kem mereka yang sedang menentang pucuk pimpinan? Pernahkah hal-hal macam ini dipersoalkan oleh mereka yang ada rantai di leher? Apakah orang UMNO ini sedar bahawa ada pemimpin dalam UMNO yang sudah jadi macam beruk rantai pendek?

Yang pergi mengundi adalah orang kampung yang pemikiran mereka sendiri masih terjajah dan ada di antara mereka sendiri pun sudah di rantai, tanpa mereka sedari. Merantai pemikiran manusia yang masih terjajah bukan susah sangat, bukan mahal sangat harga rantai dan orang ramai bukan nampak rantainya. Dalam ingatan dan fikiran mereka sudah ditentukan siapa yang mereka mesti pilih.

Duduklah mereka dua tiga hari dalam hotel kelas satu, bawa mereka berjalan ke sana kemari dengan kereta besar dan dijamu selera di tempat yang belum pernah mereka pergi selama ini. Racunkan pemikiran mereka dulu sebelum di bawa kerana bila berada di perhimpunan nanti cuma ikut perintah Boss saja.

Kita tidak tahu samada beruk-beruk yang digunakan untuk memanjat pokok kelapa itu sedar bahawa mereka telah ditipu dan diperalatkan oleh manusia. Bila disuruh panjat pokok kelapa, beruk diberi tali yang panjang hingga ke kemuncak pokok atau dibawa naik basikal dari rumah ke kebun. Tetapi bila tidak digunakan tenaga

mereka lagi, hiduplah beruk tersebut dengan rantai pendek di keliling pokok kelapa. Mereka hanya memakan nasi dari sisa-sisa tuan mereka. Kasihan beruk. Beruk macam inilah yang dinamakan "beruk rantai pendek".

Kalau beruk-beruk itu tidak sedar, kita tidak hairan, kerana mereka tidak mempunyai akal, tidak ada kening. Tetapi apa yang kita terkilan ialah kerana adanya pemimpin yang sanggup buat pengikut mereka yang jujur dan ikhlas macam beruk.

Cuba anda menungkan apa bezanya manusia-manusia yang digunakan oleh ketua-ketua mereka bila adanya Perhimpunan Agung parti untuk keuntungan tuan-tuan mereka? Bukan untuk perjuangan yang ditentukan oleh dasar-dasar UMNO.

Kasih .... sudah hampir 30 tahun negara kita merdeka, tapi masih ada orang yang bercakap pasal demokrasi yang lehernya masih di rantai dengan sumpah dan janji.

Manusia yang berijazah belum tentu seorang manusia yang bijak pandai dan mempunyai keperibadian yang baik untuk dipilih menjadi seorang pemimpin. Ijazah yang berjela belum tentu boleh menguntungkan bangsa yang pasti menguntungkan diri sendiri.

Orang yang dilahirkan Islam dan kedua ibu bapanya Islam, belum tentu hidupnya macam orang Islam. Berapa ramai yang perangnya lebih buruk dari orang kafir, tapi dia tetap juga Melayu. Dan bila dia mati nanti Allah saja yang boleh menentukan keislamannya. Begitu juga dengan orang yang dilahirkan di Malaysia, hati budi dan jiwanya belum tentu untuk Malaysia. Mereka jadi rakyat Malaysia pada kad pengenalan saja. Taat, setia, kejujuran dan cinta pada negeri tempat mereka mencari kemewahan dan kekayaan, tak ubah seperti itik yang dilahirkan oleh ibu ayam. Apakah perkara-perkara pokok yang begini akan dibincang di Perhimpung Agung nanti?

Seperti juga orang Islam, Islamnya hanya pada kad pengenalan saja. Pada akidah hidup atau hati budinya hanya Allah saja yang tahu. Orang Islam macam ini bolehkah dijadikan pemimpin UMNO? yang akan memimpin seluruh umat Islam di negeri ini UMNO adalah sebuah parti Islam yang terbesar di Malaysia. Ahli



UMNO terbesar di Malaysia. Ahli UMNO tidak perlu bimbang. Tuhan tidak akan memberikan kemenangan dan kejayaan kepada para pemimpin yang munafik.

Tidakkah kita merasa bimbang kerana menyerahkan masa depan anak cucu kita di tangan mereka? Kalau kita bimbang bagaimana dengan 25 kerusi Majlis Tertinggi, 3 kerusi Naib Presiden, 1 kerusi Timbalan Presiden dan 1 kerusi Presiden yang akan dipertandingkan pada bulan April depan nanti? Patutkah kita berpeluk tubuh dan biar mereka ini merebut kerusi sesuka hati mereka kerana geram dan dendam atau kerana tamak, iri hati dan hasad dengki? Mahu menjatuhkan seseorang pemimpin semata-mata kerana mahu merebut kerusi tanpa perjuangan yang konkrit.

Ramai menteri hari ini yang seperti kata pepatah "**Cerdik tidak boleh diikuti, bodoh tidak boleh diajar**". Bagaimanakah orang bawahannya hendak tumpang berteduh? Apa lagi kalau mereka hidup dengan perangai "**Bersultan di mata beraja di hati**". Patutkah jenis manusia begini menguasai pucuk pimpinan UMNO dalam masa negara berkeadaan begini?

Tidak mengapalah sekiranya mereka mengetahui sifat batinnya sendiri, kenal diri dan kenal Tuhan. Takut kepada Allah dan sentiasa sanggup belajar membaiki kelemahan dari masa ke masa, maka dapatlah dia meletakkan dirinya di tempat yang sesuai. Tapi berapa ramai di antara mereka yang mengenal diri dan mengenal Tuhan mereka? Beberapa ramai yang benar-benar takut pada Allah semasa menjalankan tugas?

Kalau kita tidak mahu belajar dari Nabi dan tidak mahu ikut ajaran Kitab, mari kita belajar dengan buruk. Tengok bagaimana buruk memilih raja mereka. Perhatikan bagaimana binatang-binatang lain memilih raja atau ketua mereka. Tetapi janganlah manusia buruk kita jadikan pemimpin kita, nanti buruk-buruk di hutan akan mentertawakan kita.

Burung ada rajanya. Ular ada rajanya. Raja ular ialah Ular Cintamani. Semua ular takut, kasih dan hormat pada raja ular. Semua ular mencari makanan untuk raja mereka. Tetapi bila sudah kenyang, ular Cintamani berhenti makan dan dia tidak simpan sedikit pun

makanan untuk anak cucunya. Sebahagian daripada pemimpin kita pula, bila dapat peluang makan, bukan saja mereka hendak tidak simpan untuk anak cucuk mereka, nasi dalam pinggan kita pun mereka nak sapu. Yang sudah kaya hendak lebih kaya lagi.

Bukan orang UMNO tak tahu ada pemimpin mereka yang lebih bakhil dari Haji Bakhil tapi kerana boleh dapat duit banyak dari orang bakhil begini mereka pun sokong. Orang-orang yang bakhil adalah musuh Tuhan.

Seekor ibu ayam sanggup duduk mengeram telurnya dengan sabar berhari-hari lamanya. Setelah menetas, dipeliharanya anak itu dengan baik. Bila hari hujan anaknya diletakkan di bawah ketiakanya. Kalau ada musuh datang, ibu ayam menyabung nyawa untuk keselamatan anak-anaknya. Ada makanan, dipanggil semua anaknya suruh makan. Dia sanggup berkorban apa saja untuk anak-anaknya. Apakah ada pemimpin kita yang baik macam ibu ayam itu?

Kerana politik UMNO, politik kampung, saya buat perbandingan dengan binatang yang ada kaitan dengan kampung orang Melayu.

Pemimpin yang hanya mementingkan tembolok dan perut kembungnya saja tanpa memikirkan anak bangsanya, bolehkah menang lagi pada tahun 1987 ini? Yang beri undi dan kerusi ialah anak-anak UMNO. Bila dapat duit dan rezeki, anak-anak UMNO jadi seperti anak-anak ayam yang kehilangan ibu. Pandai-pandailah mencari rezeki sendiri. Dari itu pandai-pandailah memilih pemimpin, kerana sebagai seorang Islam kita mesti beringat sebelum memilih, kerana **"TUHAN TIDAK AKAN MENGUBAH NASIB SATU-SATU KAUM MELAINKAN KAUM ITU SENDIRI"**. — AL-QURAN.

Siapa yang hendak disalahkan bila segalanya jadi tonggang terbalik? Kita mesti kenal pemimpin yang hendak kita pilih kerana kita hidup dalam sebuah negara demokrasi. Kalau tidak, kita akan disalahkan kerana tersalah memilih pemimpin yang akan memimpin kita.

Orang Melayu seperti bangsa-bangsa lain juga pandai memilih haiwan-haiwan yang sesuai untuk peliharaan mereka. Ilmu itu telah

diperturunkan dari datuk neneknya sekian lama. Maka begitulah juga dalam Pemilihan Agung UMNO 1987 ini. Setiap orang yang mempunyai hak untuk mengundi mestilah mengundi. Dan sewaktu mengundi itu janganlah pula salah atau tersalah pilih. Semua orang sudah kenal mana kuda yang boleh dibawa berlumba dan mana pula kuda yang tidak boleh dibawa berlumba. Mana kerbau yang boleh turun ke sawah dan mana satu kerbau yang boleh dibawa berlaga. Jika tersalah pilih akibatnya parah.

Sebagai mengakhiri bab ini, eloklah kita baca sebuah sajak Usman Awang mengenai burung-burung mengadakan mesyuarat agung dan menulis surat kepada Datuk Bandar melaporkan hasil mesyuarat mereka. Saya berterima kasih kepada Usman Awang kerana mengizinkan sajaknya saya siarkan dalam buku ini.

## **SURAT DARI MASYARAKAT BURUNG KEPADA DATUK BANDAR**

Tuan Datuk Bandar,  
kami masyarakat burung telah mengadakan mesyuarat agung pada suatu pagi yang manis dan ranum di atas bangunan parlimen yang kosong.

Seluruh kaum burung telah diwakili oleh para cerdikpandainya, kecuali perwakilan burung gagak yang sibuk dengan urusan kematian penembakan, bangkai hanyut di sungai Kelang.

Sidang ini dihadiri juga oleh pemerhati undangan perwakilan kupu-kupu yang ada kepentingan dengan persolan yang kami bincangkan.

Tuan Datuk Bandar,  
meski kami tidak pernah mengangkat tuan sebagai datuk kami kerana perbezaan fahaman taraf 'Datuk' dan 'Cucu' kerana kelainan pendapat antara rambut dan bulu, (tuan-tuan telah mempermaniskan gelaran menyebutkan rambut pada diri tuan-tuan, sedangkan untuk kami tuan namakan perkataan 'bulu')

kami tetap menghormati tuan yang pernah menjanjikan untuk  
MENGIJAUKAN SELURUH WILAYAH.

Tapi manusia kota ini telah membunuh KEHIJAUAN alam  
semata-mata  
untuk mengejar KEHIJAUAN ringgit.  
Sejak lumpur kota ini menjadi batu-batu  
kami masyarakat burung menjadi mangsa yang bisu.  
Mendiang burung belatuk menjadi korban punggur rebah,  
burung merbuk telah ditipu dengan nama Padang Merbuk,  
sedang mereka dipenjarakan di tempat yang tuan namakan sangkar.

Perwakilan burung pipit telah mengemukakan protes  
kerana menuduhnya sebagai  
"pipit pekak makan berhujan."

Ia disokong kuat oleh perwakilan burung punai,  
bahawa tuan telah menghina kaum jenis mereka  
Datuk menamakan benda-benda rahsia di tempat rahsia ditubuh Datuk  
dengan nama 'pipit' dan 'punai', sedang kami tahu  
'pipit' dan 'punai' Datuk tak pandai terbang.

Tuan Datuk Banar,  
Surat ini merayu kebijaksanaan tuan,  
peliharalah tiap pucuk dan akar tumbuh-tumbuhan  
tiap helai daun, tiap kelopak bunga, tiap kerimbunan  
itulah rumah kami, kediaman kami turun-temurun  
malah demi kesejahteraan manusia,  
kesihatannya, kebahagiaannya, kedamaiannya  
alam semula jadi seribu keindahan mekar  
di bawah matari bersinar.

Dipetik dari buku Salam Benua.  
Sajak Usman Awang.

# 7

## DESPERADO

Apa itu *Desperado*? Perkataan *desperado* mulanya diucapkan oleh Datuk Musa dalam satu majlis semasa beliau merasmikan bangunan UMNO Cawangan Pudu, Kuala Lumpur, pada 14 Januari 1984. Pada masa itu Datuk Musa memangku jawatan Perdana Menteri kerana Dr. Mahathir tidak ada lagi dalam negeri.

Antara ucapannya, Datuk Musa mengingatkan ahli-ahli UMNO supaya berwaspada dengan golongan yang dicapnya *desperado*, yang kononnya sedang bergiat mempengaruhi proses pemilihan parti dengan menggunakan cara politik komersial.

Golongan ini, jelas Datuk Musa lagi, mempunyai anggapan bahawa pemilihan pucuk pimpinan UMNO tahun itu adalah penting, dan ia menjadi peluang terakhir bagi mereka merebut kuasa di dalam UMNO kerana kononnya kalau mereka tidak mendapat tempat dalam parti kali itu, mereka akan dihapuskan oleh Presiden UMNO.

Sasaran maksud ucapan Datuk Musa yang melebelkan ahli-ahli UMNO sebagai *desperado* itu tentulah mereka yang di dalam UMNO yang menentangnya bagi merebut jawatan Timbalan Presiden ketika itu. Dan ucapan serta ungkapan perkataan *desperado* itu sendiri merupakan titik bermulanya gerakan kempen Datuk Musa melawan Tengku Razaleigh Hamzah yang pasti akan menentangnya ketika itu.

Kalau kita umpamakan ucapan itu sebagai pita perasmian, maka Datuk Musa telah memotongnya sebagai tanda permulaan kempennya. Tidak syak lagi perkataan itu agak baru bagi ahli-ahli UMNO ketika itu.

**Desperado.** Hebat juga bunyinya. Datuk Musa memang suka guna perkataan yang bunyinya hebat. Dalam Perhimpunan Agung 1986 dia guna satu lagi perkataan yang hebat juga bunyinya, iaitu *sindrom*. Macam harimau bunyinya bagi orang yang tak biasa dengar dan bagi orang yang silap sebut dia sebut 'sundram' macam nama orang India.

Saya tidak pasti apakah perkataan ini berasal dari Amerika Latin atau dari mana? Tetapi, mengikut *Kamus Dwibahasa* terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, perkataan *desperado* itu adalah suatu kata nama yang bermaksud: **Orang yang berani dan sanggup melakukan sesuatu tanpa banyak perhitungan walaupun kadang-kadang melanggar undang-undang.**

Ada satu perkataan Inggeris yang selalu juga digunakan oleh orang Melayu yang suka cakap campur-campur dengan bahasa Inggeris. Perkataan itu ialah "*desperate*". Maksudnya kalau kita kata orang itu tengah *desperate* maknanya orang itu tengah teruk, tersepit, tak boleh nak fikir panjang lagi dah, tak banyak jalan lagi yang terbuka untuk dia. Jadi dia desperate. Cara sebutnya dalam bahasa Melayu, "desperet". Jangan Wanita UMNO samakan dengan kuih 'sampret'. 'Desperate' dan kuih 'sampret' persamaannya bila ditekan saja. *Desperado* dan desperet ni saya ingat maknanya lebih kurang sama.

*It takes a thief to catch a thief*, kata orang putih. Hanya Pencuri yang dapat tangkap pencuri. Itulah ibaratnya Datuk Musa bercakap pasal *desperado*. Dia yang tahu sebab itu dia cakap. Mungkin dia pernah mengalami kehidupan yang desperet.

Desperet juga bermakna sesak. Orang yang pernah mengalami sesak nafas yang dapat menceritakan betapa dahsyatnya saat-saat semasa mengalami kesesakan nafas. Serupa juga dengan orang yang sedang lemas. Sanggup buat apa saja untuk menyelamatkan dirinya daripada mati lemas ataupun hilang nafas.

Orang yang desperet serupalah juga dengan budak-budak penagih dadah yang gian hendakkan dadah. Mereka sanggup buat apa saja asalkan dapat lepaskan ketagih. Begitu juga dengan penagih seks atau orang yang terlalu kuat nafsu sanggup jadi perogol untuk melepaskan geram. Demikianlah lebih kurang makna dan definisi *desperado*.

Satu perkara yang patut diketahui, orang-orang yang beriman tidak akan merasa desparate kerana dia sentiasa ingatkan kebesaran Allah dan takut membuat sesuatu yang ditegah oleh Allah.

*"In desparate need of power,"* maknanya orang yang sesak sangat nak dapat kuasa maka harapannya untuk hidup senang sudah tidak ada lagi. Jadilah dia seorang yang desperate. Siapakah yang tergolong ke dalam golongan orang-orang yang sesak dan gian hendakkan kuasa pada hari ini?

Siapakah yang telah melepaskan kuasa tetapi selepas itu tidak boleh duduk tenang dan terpaksa berkejar ke sana sini hendakkan semula kuasa yang telah dilepaskannya itu? Dia sudah ceraikan kuasa, lepas itu dia jadi gila talak dengan kuasa. Siapa lagi desperado ini kalau bukan Datuk Musa?

Yang seorang lagi pula telah dua kali mengalami kekalahan. Tahun ini dia jadi serba salah dan serba tak kena. Nak bertanding Timbalan, Tun Ghafar Baba sudah menunggu di situ. Bolehkah dia melawan? Nak lawan dengan Ghafar? Tak ada sebab, Ghafar bukan macam Musa. Dr. Ghafar orang lama. Kalau Dr. Ghafar tak bertanding Timbalan, takkan Ghafar Baba yang sudah jadi Timbalan Perdana Menteri nak tanding Naib lagi? Ghafar sudah 25 tahun duduk disitu. Manusia mesti maju ke depan, berundur ke belakang sama seperti turun pangkat. Apa pula kata penyokong-penyokong Dr. Ghafar? Kalau tahun 1987, Tengku Razaleigh masih bertanding Naib, mana ada harapan nak jadi Perdana Menteri? Patutlah kalau Ku Li jadi Desperado tengok ke bawah Anwar Ibrahim dan Abdullah Badawi, Datuk Harun pun ada. Mahu tak mahu lawan Presiden. Desperado pun desperadolah. Tahun ini Ku Li benar-benar desperate macam bujang tua yang mahukan keturunan.

Pada masa dulu bolehlah Datuk Musa mengecap dan menggelar orang dengan kata-kata yang sinis. Maklumlah, ketika itu dia berkuasa dan ditakuti pula. Apa tidaknya, Datuk Musa adalah Menteri Polis ketika itu. Semua orang takut padanya. Siapa yang tersilap langkah nanti datanglah hamba Allah yang memperkenalkan dirinya sebagai pegawai dari Bukit Aman. Ini yang membuat semua orang takut. Saya pun pada mulanya terasa takut juga.

Kalau orang macam saya yang tidak ada banyak harta pun bila

lupa Tuhan berasa takut, bagaimana dengan mereka yang berkedudukan tinggi, kaya raya dan mempunyai banyak kemewahan pemberian Allah yang sudah tentu terpaksa berpisah kalau pegawai dari Bukit Aman datang menjemput. Tetapi perasaan takut itu saya lawan dengan semangat cekal yang bersandarkan kepada Qudrat Allah Subhaanahuwata'aala. Hanya Dia yang berkuasa. Datuk Musa bukannya ada kuasa. Kalau ada kuasa pun itu kuasa yang dipinjamkan oleh Allah. Siapa yang tersalah guna kuasa, jawablah sendiri. Lagi pun kalau kita fikirkan, Musa kalau kena cubit pun sakit macam kita juga.

Semangat inilah yang memberanikan saya sebenarnya. Berani kerana benar. Dan ianya ternyata berkesan. Kuasa Datuk Musa sudah habis. Sekarang ini pun dia macam ayam yang kena sembelih sebelum mati melompat setinggi yang dia boleh. Biasanya apabila Allah telah mengambil kembali kuasa yang dipinjamkannya itu jarang pula dia mengembalikannya. Apalagi kalau orang itu desperet sangat hendakkan kuasa.

Kementerian Dalam Negeri sekarang dipegang sendiri oleh Dr. Mahathir. Megat Joned menjadi Timbalan Menteri. Datuk Megat adalah *'The President Man'*. Orang yang dipercayai oleh Perdana Menteri. Beliau satu masa dulu berkawan baik dengan Musa tetapi setahu saya dia bukan *desperado*. Tidak ada sebab dia nak jadi *desperado*. Orang UMNO tidak perlu takut dengan Megat. Asalkan kita baik, ikhlas, tak ada niat nak lawan-lawan rebut kerusi, untuk merosakkan agama dan negara. Megat tidak ganggu kita. Megat berjaya naik ke atas, naik dengan cara tidak memijak kepala orang. Dia taat dan sabar, boss tak kasi jawatan penting tak apa.

Saya berkata begitu berdasarkan kenyataan yang benar. Peristiwa yang benar-benar terjadi. Sekarang apa sudah jadi? Saya kenal Megat dari dia mula-mula jadi Setiausaha Politik Perdana Menteri lagi. Ajib jadi Menteri Besar Johor dan ramai setiausaha politik menteri lain dapat pangkat dia tetap tak desprate, yang desperate Musa dan kuncukuncunya hari ini. Yang hendak jadi Menteri Besar tak dapat, nak jadi Senator tak dapat, mahu itu dan ini padahal sudah banyak yang dapat tapi masih tetap kufur nikmat orang-orang inilah yang sekarang ini berada dalam kumpulan *Desperado*. Keadaan ini jadi tambah buruk dengan adanya mereka yang gila-gila dan para agen pemikiran Imperialis barat yang menjadi dalang dan ronson pada mereka yang



sudah tentu desperate. Tidakkah senjata telah memakan tuan? Perkataan *desperado* telah berbalik ke belakang. Kini semua orang UMNO tahu yang *desperado* sekarang ini ialah Datuk Musa sendiri berserta kunci-kuncunya.

Datuk Musa desperet, tetapi pengikut-pengikut Datuk Musa lebih lagi desperet. Dan mereka jadi desperet bukannya kerana apa, tetapi kerana diri mereka yang tamak hendakkan cepat kaya dan cepat berkuasa. Penyokong-penyokong Musa yang terlibat dalam bisnes hari ini telah kehilangan jalan-jalan rahsia ke arah mahligai kekayaan yang dulunya diberikan oleh Musa.

Kita baca kes perbicaraan skandal BMF di Hong Kong, di mana bekas pengarahnya Hashim Shamsuddin telah dijatuhkan hukuman penjara empat tahun setengah. Peguamnya, George Carmen, ketika merayu supaya hukuman diringankan telah menceritakan bahawa Hashim mendapat jawatan itu kerana Tengku Razaleigh, dan Hashim telah diugut oleh Datuk Musa akan dipecat dari jawatannya kalau dia tidak meluluskan pinjaman yang dikemukakan oleh sahabatnya, Rais Saniman. Itulah permainan kuasa dan pengaruh yang diharapkan oleh penyokong-penyokong Ku Li dan Musa. Biar negara rosak binasa tidak mengapa asalkan mereka senang dan kaya raya.

Kemudahan-kemudahan seperti itu sekarang telah hilang dari bisnesmen-bisnesmen yang menyokong Musa. Bisnesmen-bisnesmen itu kebanyakannya kaya raya. Begitulah juga dengan penyokong-penyokong Ku Li. Kebanyakan mereka itu pula ialah taukeh-taukeh Cina bukan Cina-Cina yang miskin. Bayangkanlah bagaimana desperetnya mereka sekarang. Mereka-mereka yang *desperado* inilah yang mereka-reka bermacam-macam cerita khabar angin yang jahat hingga melemahkan keyakinan pelabur-pelabur dan menjejaskan pasaran saham. Bermacam-macam tuduhan buruk terhadap Menteri Kewangan Daim Zainuddin dilemparkan untuk menimbulkan ketidakpercayaan orang ramai.

Kononnya selagi Daim menjadi Menteri Kewangan dan Ghafar Baba jadi Timbalan Perdana Menteri ekonomi Malaysia tidak akan pulih. Tapi penyeleweng yang pemimpin Cina lakukan terhadap koperasi mereka senyap sepi, janganlah burukkan pemimpin kerana perbezaan kaum saja. *Desperado* Cina yang menyokong Ku Li tentu lebih berbahaya.

Baginilah diantara kerja-kerja desperado pengikut-pengikut Musa. Dulu semasa UMBC dikuasai oleh MCA, Pemuda-pemuda UMNO bising supaya bank itu dikuasai oleh orang Melayu. Sekarang pula bila orang Melayu berjaya menguasai saham bank itu, desperado penyokong-penyokong Musa dan Ku Li buat bising lagi. Macam-macam cerita disebar. Orang ramai yang tidak tahu selok belok jual beli saham dan perniagaan korporat pun turut percaya dengan cerita-cerita itu. Akal ahli-ahli UMNO ini bukan panjang sangat, degree saja yang berjela-jela. Ada ilmu tak beriman dan berpendirian itulah orang Desperado.

Cubalah kita fikir betul-betul, kenapa khabar angin begitu bermaharajalela di negara kita? Namanya pun khabar angin, khabar yang tidak betul dan sengaja direka-reka untuk tujuan yang tidak betul. Siapa yang bertanggungjawab menyebarkan khabar-khabar angin itu kalau bukan golongan desperado? Dan tentulah orang yang bersifat desperado jua yang mudah terpengaruh dengan khabar-khabar angin. Apakah kita sanggup membiarkan negara ini hancur disebabkan oleh permainan para desperado yang hanya memikirkan kepentingan diri sendiri itu?

Saya nak ceritakan satu peristiwa. Selepas Datuk Musa meletakkan jawatan Timbalan Perdana Menteri, saya secara kebetulan bertemu dengan seorang kawan lama dari Johor. Dia mengaku menjadi orang kuat Datuk Musa. Cerita punya cerita saya dapat buat kesimpulan bahawa kawan saya itu kesal dengan tindakan Datuk Musa meletakkan jawatan. Mula-mulanya dia sokong dan setuju kerana dia fikir dengan mudah Musa boleh jadi Perdana Menteri tapi bila tengok Musa mula hanyut dia kutuk Musa di belakang.

"Siapalah yang nasihatkan dia buat begitu?" katanya kepada saya. "Datuk Musa tak patut meletakkan jawatan. Sekarang semua kawan-kawan jadi susah. Yang berniaga susah, yang berpolitik susah, dan ramai lagilah, semua jadi susah."

Saya cuma diam sahaja. Dari air mukanya saya dapat membaca yang dia benar-benar resah dan dalam kesempitan. Saya tidak berani bertanya apa kesusahannya. Tetapi saya agak tentulah susah wang. Maklumlah, kawan saya tu orang berniaga. Berniaga besar lagak besar, hutang besar dan semuanya besar. Jadi tentulah susahnya pun besar juga. Orang macam ini dalam UMNO Nawaitunya 'Nawaitu kontrak'

cakapnya lain niatnya cuma nak dapat kontrak saja. Saya jadi takut nak tanya. Kalau saya tanya masalah kawan biasanya saya akan cuba tolong kalau saya terdaya. Kawan yang ini saya tak berani tanya kerana saya fikir tentulah masalahnya besar dan saya tak mampu nak bantu. Lebih baik jangan tanya.

"Saya bercadang nak buat baik dengan orang-orang Dr. Mahathir le Beb," katanya kepada saya selepas itu.

"Kenapa? Masa Musa berkuasa awak tak berbaik ke dengan orang-orang Mahathir? Kenapa baru sekarang baru teringat nak buat begitu? Tak malu ke? Jangan la, buat malu orang Johor je, sekejap sana sekejap sini," kata saya padanya.

"Ana orang berniaga Beb. Takkan bila Musa tidak ada dalam kerajaan Ana mesti jadi susah." Jawabnya pantas. "Politik soal politik, berniaga tetap berniaga. Mana ada peluang kita tangkap. Nak harapkan Musa, Musa buat hal. Lagi pun Ana tak nampak peluang yang Musa boleh naik lagi." Jawabnya selamba.

Saya terdiam. Saya tak meneruskan perbualan. Saya biarkan dia membebel mengenai politik. Sedikit sebanyak dia mula kutuk Musa. Baginya cuma Datuk Musa sahaja yang boleh memberikan kesenangan dunia kepadanya. Sikit punya haru ke.

Bagi saya kawan saya itu tergolong dalam kelas *desperado*. Saya tak tahu dimana silapnya kawan saya tu. Saya pun malas nak tanya. Semua nanti jadi mengarut.

Inilah kesan nyata yang ditinggalkan oleh Datuk Musa terhadap orang-orangnya. Mereka seolah-olah seperti anak ayam kehilangan ibu. Dahsyat. Kalaulah begitu gelagat dan percakapan mereka macam mana Musa nak jadi Presiden tahun 1987 ini? Semuanya mula jalan mereng. Itu kawan yang kebetulan saya temui. Entah bagaimana pula dengan kawan-kawan lain yang satu ketika dulu begitu taksub dengan Musa.

Dalam bulan Ramadan yang lepas saya dengar ada orang kuat Musa yang ditangkap oleh Pegawai Pencegah Maksiat di Johor kerana minum arak di siang hari. Apa dah jadi? Tak kan *desperado* sampai minum arak di bulan puasa? Masya Allah! Kalau benarlah cerita itu,

ternyata ianya satu petanda yang kurang baik bagi masa depan politik Musa.

Saya jadi heran dengan kisah-kisah orang Musa. Satu ketika mereka berkata bahawa mereka akan berusaha menaikkan semula Datuk Musa ke tahap yang lebih tinggi dalam arena politik. Tetapi dalam masa yang sama mereka melakukan perbuatan keji yang menjatuhkan imej Datuk Musa. Zaman kerajaan hendak menerapkan nilai-nilai Islam ini janganlah tunjukkan perbuatan yang tak baik. Nanti diri sendiri yang rugi.

Bukan itu sahaja yang saya dengar. Ada juga yang saya terbaca di akhbar mengatakan seorang pemimpin UMNO peringkat Bahagian telah ditangkap di Genting Highland kerana berjudi. Ceritanya beliau juga orang kuat Datuk Musa. Pernah naik satu helikopter bersama Datuk Musa beberapa tahun lalu semasa pergi mesyuarat UMNO. Ini juga contoh yang tak baik. Bukan tak baik pada diri beliau sendiri, malahan tempiasnya terkena kepada Datuk Musa.

Itu kisah dan cerita orang bawahan Datuk Musa selepas beliau meletakkan jawatan Timbalan Perdana Menteri. Bagaimana pula dengan tokoh-tokoh perniagaan yang selama ini bergayut di bawah ketiak Datuk Musa? Kalau yang berada di peringkat bawah itu pun menjajau sedemikian, sudah tentu taukeh-taukeh pula lagi hebat kisahnya.

Bukan tujuan saya menghina atau membunuh peluang mereka. Saudagar-saudagar ini semasa Datuk Musa berkuasa begitu angkuh dan sombong. Saya tidak suka dengan manusia angkuh. Memang pantang datuk nenek saya. Saya sendiri tak tahu kenapa.

Taukeh-taukeh Melayu yang dulunya mengelilingi Datuk Musa kini telah hilang. Ramai antara mereka melarikan diri ke London. Kalau tak lari pun mereka berulang alik antara Kuala Lumpur — London setiap bulan. Apa mereka larikan tidaklah saya ketahui. Hanya Allah sahaja yang tahu. Kononnya ada antara mereka itu sudah tak mahu lagi berjumpa Musa. Bukan kerana benci atau tak suka tetapi kerana takut. Mereka takut kalau-kalau mereka ditekan kerana berbaik dengan Datuk Musa. Mungkin juga mereka takut dituduh sebagai membantu gerakan Datuk Musa mengembalikan kuasa dalam kerajaan dan politik.



Inilah kawan lama I yang dulu I kata desperado tu. Sekarang kita sudah koperado dengan dia. Dia ni bujang. You kenalah tolong-tolong dia sama.



Eh ... Eh ... Eh ... Ramainya perempuan. Seronoknya kalau undi saya. Mari sini, mari ... mari kat abang Mus. Rindunya abang.  
(Tak boleh Datuk, tak boleh. Datuk sudah ada Ika.)

Sebenarnya tiada siapa yang marah kalau mereka berbaik atau berjumpa dengan Datuk Musa. Mereka sengaja takut dengan bayang mereka sendiri. Kenapakah mereka bersikap demikian? Adakah kerana mereka juga telah menerima hukuman Allah? Kekayaan mereka sebelum ini adalah atas penderitaan orang lain. Mungkinkah mereka takut diketahui umum bahawa selama ini mereka menjadi perampas hak orang lain? Mungkin benar mungkin tidak. Yang jelas nama-nama mereka kini telah lenyap dari sebutan di kalangan korporat negara ini. Projek-projek besar bernilai berbilion-bilion dahulu semuanya terbengkalai. Semua tak jadi.

Semua ini menjadi cerita senyap yang tetap menarik ramai peminat. Cerita orang-orang Datuk Musa bankrap menjadi isu politik. Kononnya mereka ditekan oleh orang-orang Dr. Mahathir. Mana Dr. Mahathir ada masa nak buat kerja itu semua. Dia ada banyak kerja lain yang masih memerlukan perhatian teliti. Takkan nak jaga orang Musa sahaja. Mengarutlah. Saya tak percaya.

Sebenarnya saudagar-saudagar kaya yang dulunya mendampingi Musa telah kehabisan wang. Wang yang mereka dapat dari pinjaman bank telah punah. Bukan salah projek tak jadi atau rugi, tetapi kerana duit telah habis sebelum projek berjalan. Modal tak ada berniaga besar. Kawan dengan menteri dapat pinjam bank. Mulalah tunjukkan lagak. Macam **Si kudung dapat cincin**. Beli selipar pun gunakan duit pinjaman dari bank. Apatah lagi membeli kereta besar, rumah besar, perabot mahal, melancung ke luar negeri setiap bulan, berhibur dengan artis-artis jelita dan lain-lain yang semuanya memerlukan belanja besar.

Datuk Musa pun salah juga dalam hal ini. Masa mereka itu dapat pinjam wang bank kenapa terima pelawaan mereka berbelanja besar, berhibur setiap malam, bermesyuarat dengan wanita-wanita di luar negeri. Tentulah banyak pakai wang. Datuk bukan tak tahu siapa mereka itu. Sebelum itu mereka cuma manusia biasa macam saya. Kalau orang macam George Tan boleh bankrap dan macam Tan Koon Swan boleh melelong harta, inikan pula saudagar-saudagar yang menjadi kaya sekelip mata. Lagi cepat ruyup.

Sekarang mereka salahkan Dr. Mahathir. Memang perkara itu tak menjejaskan Dr. Mahathir, tetapi yang buruk ialah orang Melayu, bangsa Melayu. Orang akan kata Melayu senang berniaga. Baik dengan Menteri dapat projek, pinjam wang bank dan kemudian

bankrap. Tutup cerita. Yang rugi bank. Yang meleset ekonomi negara. Saya bukan ahli ekonomi. Tetapi saya rasa pengalaman dan kajian saya menyebabkan saya boleh berbicara seperti ahli ekonomi. Tetapi makin ramai yang berjijazah, makin haru biru negara. Rancang punya rancang terjun masuk longkang.

Mereka semua inilah yang *desperado*. Bukan dalam politik sahaja ada *desperado*, dalam perniagaan pun ada juga. Apa tidaknya. Bila mereka ini kecewa mereka menyalahkan politik. Lagakan menteri-menteri. Lagakan pemimpin sesama pemimpin. Bila menteri tolong, lupakan diri. Bila gagal, salahkan menteri, salahkan pemimpin dan salahkan entah apa lagi. Yang kurang sedapnya, ada yang salahkan Tuhan. Na'uzzubillah.

Itu kisah yang berniaga. Kisah yang masih menjadi menteri, masih menjadi pegawai tinggi dan masih berkedudukan dalam politik UMNO lain pula. Dulu mereka mengaku mereka orang Datuk Musa. Sekarang, bila Musa dah ruyup lain pula cerita. Kononnya dulu mereka sokong Musa kerana arahan Perdana Menteri. Sekarang, kerana Musa nak lawan Dr. Mahathir, mereka terpaksa tinggalkan Musa.

Bukan main senang lagi politik mereka. Politik lompat-lompat, macam tupai. Lompat sana lompat sini. Mana pokok yang banyak buah di situlah mereka tinggal sementara. Bila buah habis mereka lompat ke pokok lain. Apa punya politik?

Dulu Tun Rahman Yakob pernah kata, politik jenis ini namanya **Politik Ikan Tembakul**. Dan sekarang Rahman Yakob yang sudah jadi *desperado* main politik mati hidup balik, macam Tan Sri Othman Saat.

Kesemua kisah dan cerita ini saya paparkan bukan bertujuan mengutuk atau menghina sesiapa. Niat saya suci. Semoga anak cucu kita yang akan datang, bila baca buku Syed Hussein Alattas dapat tahu bahawa pemimpin-pemimpin mereka yang Islam pernah jatuh tersungkur kerana orang keliling, kerana pengikut dan kerana sikap orang-orang Melayu sendiri. Semuga ia akan jadi teladan dan pedoman.

**Rosak bawang kerana jambak, rosak pemimpin kerana pengikut.** Sejarah manusia telah membuktikannya. Sejak dari zaman Tok Adam lagi, pemimpin-pemimpin tersungkur kerana pengikut yang tidak kuat



amanah. Yang akan menerima kerugian dan akibatnya ialah bangsa itu sendiri. Inilah yang saya cuba perkatakan. Ini amanah Allah.

Itulah politik desperado. Maka gerakan politik itu dipanggil gerakan desperado. Bagaimana kalau semua golongan desperado ini telah bersatu? Apa pula namanya? Dan bagaimana pula gerakannya. Apabila semua para desperado ini telah bersatu, maka dia dipanggil koperado. Jadi gerakan yang dilakukannya ialah gerakan yang bersepadu. Kalau desperado bermakna: orang yang berani dan sanggup melakukan sesuatu tanpa banyak perhitungan walaupun kadang-kadang melanggar undang-undang, maka koperado ialah satu kumpulan orang, iaitu kumpulan Musa-Ku Li, yang berani dan sanggup melakukan sesuatu iaitu tindakan dan provokasi politik tanpa banyak perhitungan, malah tidak ada perhitungan sama ada perlakuannya itu boleh memecahkan perpaduan bangsa Melayu — dia tidak peduli; dan kadang-kadang melanggar bukan sahaja undang-undang tetapi juga tata susila dan adat sopan serta budi bahasa bangsa Melayu sebagai satu bangsa.

Ini semua tidak pelek. Apa peleknya sebab Musa Hitam sendiri telah kemana-mana berkempen supaya orang Melayu membuang sifat sopan santunnya. Masya Allah!

Orang Melayu yang terkenal dengan sifat sopan santunnya disuruh oleh Musa jadi kurang ajar. Kalau sudah buang sopan santun, apa nak jadi dengan orang Melayu. Musa kata dalam satu farum PENA beberapa tahun dulu supaya orang Melayu jadi kurang ajar! Tempat Musa kata begitu ialah di Balai Budaya, Dewan Bahasa dan Pustaka dalam satu forum anjuran PENA. Saya adalah ahli PENA seumur hidup.

Sekarang Musa yang dulunya desperado telah koperado dengan Ku Li — sama-sama jadi kurang ajar. Eh. Eh apa nak jadi dengan bangsaku ini!

Hasil daripada kurang ajar yang telah ditanam oleh Musa itu telah kita lihat. Baru-baru ini Musa pergi buka UMNO Gua Musang. Semua surat khabar melaporkan Datuk Mohamad Yaacob kena 'boo', pada 20hb. Mac, 1987.

Bayangkan Datuk Haji Mohamad Yaacob Menteri Besar

Kelantan diboo? Sedangkan beliau dijemput sebagai tamu pada majlis itu.

Mari kita sama-sama analisa dengan halusi. Gelaran "Datuk" itu diberi oleh Raja Kelantan — Tuanku Ismail Putera. "Haji" yang ada didepan nama Mohamad Yaacob itu menunjukkan Mohamad Yaacob seorang Islam, yang telah menunaikan rukun Islam yang kelima. Ini semua orang tahu. Dan Mohamad Yaacob memang seorang yang warak, yang tidak tinggal sembahyang. Mohamad Yaacob itu adalah tamu yang dijemput.

Analisa kita selanjutnya ialah kalau orang tidak mahu hormat kepada Mohamad Yaacob sebagai manusia, orang harus hormat dia sebagai tetamu. Jadi kalau tamu pun dia tidak hormat, macam mana kita nak berkira dengan orang ini. Mohamad Yaacob itu seorang "Haji" pula. Kita mesti hormat dengannya. Dia pun Islam macam kita juga. Kalau kita tidak hormat bermakna kita tidak hormat dengan Islam. Sama-sama Islam pun tidak boleh hormat, apa jenis kejadiannya ini?

Mohamad Yaacob itu seorang Datuk pula. Datuk itu bukan senang nak dapat. Ada orang bersusah payah untuk mendapat Datuk, tapi tak dapat juga. Dan Datuk itu adalah Anugerah Sultan. Tidak menghormati seorang Datuk ertinya tidak menghormati seorang Sultan, raja yang memerintah negeri. Derhaka namanya. Kalau zaman dulu orang yang tidak menghormati anugerah Sultan alamatnya kena pancunglah.

Tidak pelek orang-orang ini akan diimport oleh Musa dan Ku Li untuk membuat kerja yang sama pada Mahathir dan lain-lain Perhimpunan Agung pada 24hb. April ini nanti.

Inilah jadinya kalau sudah kurang ajar. Sudah tidak ada sopan santun dan budi pekerti yang tinggi.

Sopan santun dan budi pekerti, sifat orang Melayu inilah yang telah menyebabkan orang Melayu terkenal dan kekal hingga hari ini. Kalau tidak orang Melayu sudah lama lenyap.

Sopan santun ini masuk dalam bab akhlak. Nabi Muhammad SAW apabila diutuskan oleh Tuhan ke dunia ini, tugas utamanya ialah

untuk membetulkan akhlak manusia. Tuhan mengutus Nabi Muhammad SAW untuk membetulkan akhlak manusia tetapi ada manusia yang dijadikan Tuhan hendak melawan perintah Tuhan. Macam mana tak melawan perintah Tuhan kalau sudah suruh manusia jadi "kurang ajar".

Haru biru dunia kalau manusianya jadi kurang ajar. Mudah saja. Dekat jalanraya ada lampu signal. Merah maknanya berhenti. Kuning maknanya awas dan berjaga. Hijau jalan. Orang yang kurang ajar tidak peduli. Dia redah saja. Bayangkan bagaimana akan jadi kalau semua orang kurang ajar. Kalau dekat Kuala Lumpur tak boleh berjalan langsung, dok asyik accident sahajalah. Nak pergi pejabat pun tak boleh. Nak pergi ke kedai beli ikan pun tak boleh. Tapi orang-orang desperado tidak peduli itu semua.

Saya tak nak tulis banyak-banyak lagi. Cukup setakat ini dulu bab ini. Ada banyak lagi benda lain. Tambahan pula orang UMNO semua boleh faham tentang hal ini. Kalau tak faham juga satu lagi contoh. Katakan satu majlis sedang berjalan. Dan majlis itu dibuka oleh seorang kenamaan, katakanlah Perdana Menteri. Dalam majlis itu yang dihadiri oleh 3,000 orang, katakan pula dalam majlis itu ada 10 orang yang kurang ajar. Kerana bilik itu sejuk maka 10 orang ini terasa hendak melepas atau bahasa khususnya nak kencing. Kerana dia kurang ajar maka dia pun kencinglah dalam majlis itu. Hah macam mana? Tak dapat nak dibayangkan! Usahkan kencing, kalau kentut pun, kalau jenis manusia kentut busuk, kelam kabut dibuatnya.



## 8

### KERIS LAMBANG BANGSA MELAYU

Lambang. Apakah dia lambang? Lambang adalah sesuatu yang melambangkan sesuatu yang lain, supaya jadi lebih mudah difahami. Dia bukan objek atau benda itu sendiri, tetapi dia mewakili objek atau perkara itu. Walaupun dia bukan perkara itu sendiri, tetapi dia pun penting dansama penting dengan perkara itu, kerana dia menjadi wakil kepada perkara itu.

Lambang dan perkara yang dilambangkan adalah dua perkara yang tak dapat dipisahkan. Bak kata Allahyarham P. Ramlee: "Andai dipisah lagu dan irama, lemah tiada berjiwa, hampa ...." Hubungan benda yang dijadikan lambang dengan perkara yang dilambangkan adalah hubungan yang cukup istimewa, cukup bermakna, yang sakral dan magis, kata orang-orang antropologi.

Lambang telah digunakan oleh manusia semenjak bermulanya sejarah manusia. Dan semenjak itu manusia sentiasa menggunakan lambang. Setiap hari mereka menggunakan lambang untuk berhubung dengan manusia lain. Begitu juga kita manusia Melayu, kerana kita pun manusia juga, yang menjadi sebahagian daripada masyarakat dunia. Kita menggunakan lambang dalam hidup kita hari-hari, sama ada kita sedar atau tidak. Tanpa lambang manusia tidak mungkin berhubung dengan manusia lain.

Lambang ada bermacam-macam jenis lambang. Ada yang kecil maknanya dan adayang cukup besar maknanya, hingga orang sanggup berbunuh-bunuhan kalau lambangny adihina atau dicabul atau dirosakkan.

Orang-orang dalam masyarakat yang primitif menggunakan **daun kepayang** untuk dihantarkan kepada gadis yang disukainya sebagai lambang menyatakan "sayang". Mereka menggunakan **daun selasih** untuk melambangkan rasa "kasih".

Hari ini kita menghantar bunga mawar untuk seseorang bagi menyatakan ingatan, kasih sayang, hormat dan sebagainya. Setiap hari kita menghantar berbagai-bagai kad ucap selamat, tahniah dan sebagainya. Semuanya adalah lambang-lambang.

Begitu pentingnya lambang dalam hidup kita sehingga setiap orang menggunakannya samaada secara perseorangan,p erkumpulan, organisasi, untuk melambangkan dirinya, perkumpulannya, organisasinya, negerinya atau negara dan bangsanya.

Kalau kita lihat di negara kita, setiap negeri dalam Malaysia ada lambangnya masing-masing. Bendera Kelantan tidak sama dengan bendera Kedah, begitu juga bendera Pahang tidak sama dengan bendera Johor atau bendera Perak atau bendera Sabah, bendera Melaka, bendera Negeri Sembilan, Perlis, Pulau Pinang, Sarawak dan lain-lain lagi. Masing-masing ada identitinya sendiri, ada lambangnya masing-masing, ada cop mohor.

Inazo Nitobe dalam buku *Bushido, Jiwa Negara Jepun* mengatakan: "Bushido menganggap pedang sebagai lambang kekuatan dan keberanian. Beliau menerima sabda Rasulullah bahawa pedang merupakan kunci bagi syurga dan neraka. Sabda Rasul ini

memperkuhkan lagi sentimen orang-orang Jepun terutama para Samurai.

Inazo Nitobe menyambung lagi bahawa "pada peringkat awal-awal lagi anak Samurai telah belajar menggunakan pedang. Sewaktu berusia lima tahun, ia diperlengkapkan dengan segala pakaian dan alat perkakas samurai, dan diterima masuk ke dalam profesyen bersenjata ini dengan menyelitkan pada tali pinggangnya sebilah pedang yang betul, menggantikan pedang permainan yang digunakan sebelumnya."

Sebagaimana pedang Jepun menjadi lambang kemegahan bangsa Jepun dan pedang Arab menjadi kemegahan bangsa Arab, sebagai mana yang terdapat dibendera Arab Saudi. Dua pedang melintang dengan ayat Lailahailah-Muhammadarrasullullah me-lambangkan Fi Sa Bi Lillah demikian juga keris menjadi lambang kemegahan bangsa Melayu. UMNO juga menggunakan keris sebagai lambangnya. Jika orang-orang Inggeris mempunyai mitos *excalibur*nya demikian juga bangsa Melayu mempunyai mitos tentang kerisnya. Keris Taming Sari.

Sebulan dagang lalu

Jejak ditikam mati juga.

Setitik darah jatuh ke lautan

setahun ikan tak main.

Keris telah tercatat dengan tinta emas dalam sejarah perjuangan bangsa Melayu sebagai senjata yang meletakkan bangsa Melayu sebagai bangsa yang bermaruah dan dihormati oleh bangsa-bangsa lain di dunia. Keris juga pernah dianggap sebagai lambang "keramat" keagungan bangsa Melayu di zaman silam.

P. Holstein dalam bukunya *Contribution a l' Etude des Armes* yang diterbitkan di Paris dalam tahun 1930 menerangkan bahawa keris adalah satu-satunya senjata yang terpenting bagi orang Melayu bahkan dianggap sebagai senjata kebangsaan. Menurut kajiannya ketika itu seorang lelaki Melayu tidak akan dihormati jika ia keluar dari rumahnya tanpa memakai sebilah keris.

Edaward Frey pula, dalam bukunya *Images of Asia, The Kris, Mystic Weapon of the Malay World* menyebut "Mengikut sejarah, orang-orang Melayu yang berpangkat pada zaman dahulu tidak

bertegur sapa antara mereka melainkan jika keris ada tersisih di pinggang.”

Keris bukan sekadar sebatang besi pendek yang dijadikan senjata untuk berlawan, tetapi keris juga adalah satu semangat. Bukan semua keris yang dibuat oleh empu (tukang buat keris), diperbuat dengan perkakas, ada keris yang dibuat dengan tangan dipicit dengan jari diiringi jampi dan doa.

Oleh kerana terlalu pentingnya keris dalam sejarah orang Melayu maka terdapatlah cerita-cerita empu-empu yang menghabiskan masa bertahun-tahun lamanya untuk menyiapkan hanya sebilah keris. Di satu masa dulu, tersebutlah kisah seorang empu yang telah mengambil masa selama 47 tahun untuk menyiapkan sebilah keris. Kerja ini telah dilakukan dengan mengetok sekeping besi dengan sekali ketokan sahaja pada setiap malam Jumaat. Akhirnya apabila keris yang diilhamkan dari sebuah mimpi itu siap, ia telah menjadi sebilah keris yang mempunyai kesaktian.

Kerislah yang telah mendaulatkan pemerintahan raja-raja Melayu di Nusantara di atas takhtanya selama berabad-abad. Kehilangan keris adalah lambang kehilangan kuasa bangsa Melayu terhadap negeri dan tanahairnya sendiri. Ini tercatat di dalam *Hikayat Hang Tuah*. Keris Hang Tuah yang bernama **Taming Sari** itu disambar oleh buaya putih dan tidak dapat diselamatkan lagi. Tidak lama selepas itu maka kerajaan Melaka yang pelabuhan negerinya sekian lama menjadi pelabuhan penting di dunia pada abad 14 dan 15 pun mulai jatuh.

Apakah dengan hilangnya keris dari rumah-rumah orang Melayu memberi petanda bahawa kerajaan Melayu kini akan jatuh?

Keris ialah senjata penting bagi orang Melayu mempertahankan diri mereka. Itu asalnya. Selepas itu keris berkembang menjadi **LAMBANG KEKUASAAN MELAYU, LAMBANG KEDAULATAN MELAYU, LAMBANG MARWAH Melayu**. Lambang keris itu kemudiannya menjadi lebih penting daripada fungsi atau kegunaan asalnya sebagai senjata.

Apa yang sedang terjadi kini? Pemimpin Melayu yang kononnya memperjuangkan nasib bangsa Melayu, dialah yang menghapuskan lambang sakral dari bumi Melayu.

Sejarah keris pula penuh dengan cerita-cerita yang ghaib. Jadi tidak mustahillah disatu masa nanti keris yang mempunyai kuasa ajaib ini akan membinasakan manusia yang telah derhaka padanya.

Ada keris yang boleh membunuh mangsanya tanpa tuan punya keris tersebut menikam mangsanya itu tapi dengan menghalakan keris tersebut kepadanya saja.

Ada pula cerita yang menyatakan bahawa sebilah keris yang dipamerkan di Muzium Taiping sentiasa kehausan darah. Mengikut ceritanya apabila ia benar-benar dahagakan darah, keris tersebut akan keluar dari sarungnya secara senyap-senyap dan meninggalkan muzium tersebut. Selepas ia membunuh mangsanya, ia akan dengan sendirinya menghilangkan kesan darah dan kembali ke dalam sarungnya.

Ada juga keris yang bergoncang dalam sarungnya untuk menandakan akan datangnya satu bahaya. Apakah Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman dan lain-lain para pemimpin besar Malaysia tidak mendapat apa-apa alamat bila Musa Hitam mengharamkan orang Melayu menyimpan keris di dalam rumah sendiri.

Bila Tunku Abdul Rahman Putra mengisytiharkan tarikh perisytiharan kemerdekaan di Padang Pahlawan di Melaka, Tunku mengucup sebilah keris yang akhirnya dikenal sebagai **keris kemerdekaan**. Itulah yang dikatakan keris itu lambang "sakral" bangsa Melayu.

Begitu pentingnya keris sebagai senjata dan lambang kekuasaan dan pertuanan bangsa Melayu. Oleh itu Inggeris yang memahami perkara ini, apabila dia memerintah Tanah Melayu, dia tidak membenarkan orang Melayu memakai keris, senjata yang telah berabad-abad lamanya menjadi simbol atau *LAMBANG PERTUANAN DAN KEMEGAHAN BANGSA MELAYU ITU*.

Suatu masa dahulu Sir Stamford Raffles pernah mencadangkan supaya pemakaian keris dihadkan kepada raja-raja dan para pembesar sahaja tetapi cadangan itu telah dibantah keras oleh seorang sultan kerana katanya jika orang-orang Melayu tidak memakai keris, mereka merasakan mereka seolah-olah bertelanjang.



Tetapi bila orang Melayu bangkit semula melalui UMNO untuk mengembalikan marwah dan harga diri bangsa Melayu di dunia sebagai bangsa yang merdeka, UMNO memilih keris menjadi lambangnya. Lihatlah logo UMNO, ada dua keris terhunus diletakkan bersilang. Lihat bendera UMNO, ada keris terhunus di tengah-tengahnya. Dan cogan kata UMNO waktu itu ialah “**Hidup Melayu**”.

Melayu nak hidup macam mana lagi. Pemimpin UMNO sendiri yang sudah membuang keris, maka kini bertelanjanglah orang Melayu. MUSA bukan kisah sangat, dia sendiri pun pernah suruh saya ambil gambar telanjang. Tak percaya baca buku saya **MUSA DERHAKA?**

Mana orang Melayu boleh tinggalkan keris. Inggeris melarang pun, orang Melayu pakai juga. Tak boleh pakai di depan Inggeris dia pakai di belakang Inggeris. Keris sudah sebatikan dan jadi macam darah daging orang Melayu. Cuba bayangkan kalau keris hilang dari bumi Melayu, dan di pinggang Raja-Raja Melayu yang berpakaian lengkap tetapi tidak ada keris. Kita kehilangan sesuatu yang tidak ternilai harganya.

Bila kita merdeka, tidak semua perkara diubah dengan yang baru. Perubahan dibuat sedikit demi sedikit sehingga sampai waktu ini pun, walaupun Bahasa Melayu telah menjadi bahasa rasmi, bahasa pentadbiran dan perniagaan, tetapi dalam undang-undang masih lagi ramai orang yang tidak mahu menggunakan bahasa Melayu dengan sepenuhnya, walaupun kita telah merdeka selama tiga puluh tahun.

Sungai sejarah bangsa Melayu mengalir melintasi zaman-zaman yang gelap pada tahun-tahun awal kemerdekaan di bawah pimpinan Tunku Abdul Rahman menghadapi tentangan Komunis, melintasi zaman pembangunannya dan mala petaka 13 Mei 1969, di zaman Tun Razak merentas lagi, melalui zaman Tun Hussein Onn dan kemudian tiba ke zaman Mahathir, zaman penuh cabaran untuk mengembalikan maruah sebenar bangsa Melayu supaya tidak lagi diperbudak-budakkan oleh bangsa-bangsa lain di mana jua di dunia ini.

Macam tulisan Sasterawan Negara pula bunyinya tulisan saya. Sekali sekala terkeluar juga bakat sastera saya, kerana saya suka berkawan dengan orang-orang sastera dan membaca buku-buku mereka, terutamanya buku-buku dan tulisan Usman Awang yang saya sungguh kagum dengan bahasanya, dan Prof. Ismail Hussein yang

pandai bercakap menggunakan bahasa yang hebat-hebat. Profesor ini juga yang sering mendampingi saya supaya menjadi seorang tokoh macam dia juga.

Di zaman ini kita mendengar pemimpin-pemimpin bercakap dengan lantang tentang maruah bangsa Melayu dan dengan berbagai-bagai dasar bagi membangunkan bangsa Melayu. Malangnya pada waktu ini juga ada seorang pemimpin Melayu, Timbalan Perdana Menteri pula, telah mencadangkan supaya orang Melayu membuang lambang keagungan bangsanya yang diwarisi turun temurun dulu lagi. Bukan Ghafar Baba yang saya maksudkan, tetapi siapa lagi kalau bukan Musa Hitam yang membuat kerja-kerja derhaka begitu.

Itulah sebabnya saya melabelkan Musa sebagai seorang penderhaka.

Entah apalah yang ada dalam fikiran Datuk Musa waktu itu agaknya. Tak dapatlah kita nak menyelam ke dalam lubuk fikirannya. Agaknya dia takut kepada lambang sakral bangsa Melayu itu sebab dia banyak buat derhaka. Semasa menjadi Menteri Dalam Negeri Datuk Musa telah mengharamkan keris, tombak dan senjata-senjata warisan datuk nenek orang Melayu dari di simpan di dalam rumah. Dia arahkan supaya para anggota polis membunuh orang Melayu yang tidak berdosa di Memali. Perbuatan ini bolehlah diibaratkan bersultan di mata beraja dihati.

Kalau macam ini sebagai menghormati undang-undang negara, nampaknya Tunku Abdul Rahman dan Dato' Patinggi Taib Mahmud terpaksa menyerahkan koleksi keris-keris mereka kerana beliau berdua merupakan orang-orang yang paling banyak sekali menyimpan keris-keris lama. Datuk Shahrum Yub terpaksa membuat ubah suai Muzium Negara untuk memuatkan keris-keris tersebut.

Pengharaman menyimpan keris, hanya menyimpan, bukan membawa di pinggang pergi ke supermarket, adalah suatu penghinaan kepada bangsa Melayu yang telah dilakukan oleh Datuk Musa Hitam semasa berkuasa.

Tidakkah apa yang dilakukan oleh Musa Hitam dengan mengharamkan orang Melayu menyimpan keris sebagai lambang keutuhan dan kewibawaan bangsanya ini sama seperti peristiwa yang

dilakukan oleh Raffles supaya pelajaran bahasa Melayu di asingkan dari dasar pelajaran al-Quran? Kata Syed Muhammad Naguib Al-Attas dalam bukunya *Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, "kita lihat satu lagi contoh faktor pengasingan dari Islam yang telah dikenakan terhadap pengkajian bahasa Melayu."

Berdasarkan logik itu kita dapat melihat Musa cuba hendak mengasingkan orang Melayu daripada lambang kemegahan dan kekuasaannya. Tidakkah itu satu usaha jahat untuk melemahkan orang Melayu? Bagaimanakah perasan ahli-ahli UMNO kalau lambang keris yang ada pada bendera dan logo UMNO itu suatu hari nanti Tok Musa minta supaya digantikan dengan lambang lain?

Siapa Musa Hitam ini sebenarnya? Kerja-kerja yang dibuatnya menunjukkan dia anti Melayu. Sabah diserahkan kepada pucuk pimpinan orang-orang Kristian. Dia selamatkan orang Cina di Papan. Tapi binasakan orang Islam di Memali. Hapuskan keris dari bumi Melayu tapi orang UMNO tetap berpeluk tubuh.

Cerita mengenai Sabah dipetik dari buku *The Night That Shook Sabah* oleh Ling Jiew Bo diterbitkan oleh Southern Light Publishing House Hong Kong.

Bila polis membunuh 18 orang Islam di Memali, semua negara terkejut. Termasuk Perdana Menteri. Sebab apa? Perdana Menteri sendiri tidak tahu perkara dahsyat itu akan berlaku. Musa tak pernah beritahu sesiapa dia hendak arah polis bunuh orang-orang Islam itu.

Dia tak beritahu Dr. Mahathir ataupun biro politik UMNO. Cuba tanya Musa bila dia beritahu biro Politik? Kalau biro politik tak tahu, Presiden UMNO tak tahu, siapa yang tahu? Siapa yang berani buat keputusan jahat ini? Hanya Musa Hitam. Dia Menteri Dalam Negeri yang sangat berkuasa. Dia seorang yang buat keputusan untuk bunuh orang Islam.

Papan pula bagaimana? Papan lain sikit. Ini Musa nak tolong orang-orang Cina. Walaupun kabinet putusan Papan jadi tempat Syarikat Rare Earth mengeluarkan sejenis logam kimia yang bernama ITTERIUM.

Musa menentang keputusan itu dan mahu kilang ini dipindahkan ke tempat lain. Siapa yang tidak mahu syarikat itu bergerak di Papan? Orang Melayu? Bukan. Orang Cina. Orang Cina cari macam-macam sebab supaya projek ini dipindahkan. Dan Musa Hitam setuju dengan mereka. Musa Hitam ini perjuangankan orang Melayu atau orang Cina? Musa itu pemimpin UMNO atau pemimpin MCA.

Peristiwa di Sabah juga jadi bukti yang Musa sokong orang Kristian. Di sini juga dia bohong besar. Sepatutnya Tun Mustapha dan Harris Salleh sudah boleh tubuhkan Kerajaan Islam di Sabah. Tapi Musa Hitam tak campur.

Dia buat kenyataan terbuka sokong Pairin dan PBS supaya tubuh kerajaan. Dia bohong orang-orang UMNO termasuk Datuk Sanusi dengan menyatakan Perdana Menteri suruh dia buat kenyataan. Tak percaya, tanya Setiausaha Agung UMNO Datuk Sanusi Junid. Kalau Musa tak buat kenyataan itu hari ini, Sabah masih diperintah oleh orang Islam. Tanya Musa mengapa dia lulus pendaftaran PBS sebagai parti politik dengan begitu cepat. Sebabnya Pairin kata dia boleh tumbangkan Berjaya. Musa marah kepada Harris kerana Harris sokong Ku Li. Kerana itu Musa sanggup ganti pemimpin Islam dengan pemimpin bukan Islam. Musa ini pejuang Islamkah?

Saya sungguh hairan dengan orang UMNO. Mereka begitu mudah boleh dipukau oleh Musa. Musa boleh keluar masuk UMNO seolah-olah UMNO itu rumah kepunyaan keluarganya saja. Apakah UMNO tak ada pilihan lain, selain dari Musa. Bangunlah dari tidurmu wahai kawan-kawanku di dalam UMNO. Musa tidak boleh jaga keluarganya dengan betul macam mana hendak jaga negara.

Keris adalah lambang turun temurun bangsa Melayu. Keloknya melambangkan keharmonian alam dan jiwa bangsa Melayu. Ia melambangkan ilmu, teknologi, sains bangsa Melayu, tidak tercatat di dalam buku tetapi tertulis dalam tiap hati dan jiwa bangsa Melayu. Dengan mudah sahaja hendak dibuang oleh Musa Hitam. Dan kamu semua diam. Maka apakah yang tinggal lagi sebagai lambang bangsa Melayu? Suatu hari nanti tidak mustahio orang akan mengatakan bahawa bangsa Melayu itu adalah bangsa yang tidak ada sejarahnya, kerana tidak ada satu pun lambang yang menunjukkan dia ada sejarah!

Pada masa itu kepada siapa hendak disalahkan? Kepada siapa lagi kalau bukan kepada orang-orang UMNO kerana merekalah yang membenarkan lambang-lambang bangsanya dibuang oleh pemimpinnya. Cuba tanya apa alasannya maka keris mesti di haramkan? Apabila Musa Hitam mengharamkan penyimpanan lambang itu tidak siapa pun yang bersuara. Semuanya senyap sunyi macam pantai tidak berangin, macam laut tidak berombak. Saya sudah siarkan tentang protes saya dalam buku **HANTU BUKIT CHINA**.

Ini bukan cerita baru. Cerita nak simpan keris nak kena ada lesen ini bukan cerita baru. Saya timbulkan cerita ini dalam buki ini sebab orang Melayu dan ahli UMNO mudah sangat lupa. Perkara penting macam ini pun kita nak lupa jugakah? Orang nak bermain-mainkan kita untuk kepentingan diri mereka sendiri pun kita nak biarkankah? Sedarlah wahai bangsaku!

Inilah perangai pemimpin memperjuangkan bangsa Melayu konon. Apa logiknya memperjuangkan bangsa Melayu kalau keris yang sekian abad menjadi lambang Melayu dan menjadi lambang UMNO diharamkan oleh Mua? Tidak ada para pendekar dan pertubuhan seni silat Melayu yang bersuara. Aduh mudahnya memperkotak-katikkan bangsa Melayu. Orang Cina, kerajaan Melaka nak bina Bukit Cina untuk pembangunan mereka tentang habis-habisan akhirnya kerajaan Melaka dibawah kepimpinan Rahim Thamby Cik tunduk mengalah.

Ada orang tua Melayu beritahu saya: Apa yang terjadi sehingga politik UMNO pun menjadi huru-hara adalah sebab keris sudah diharamkan dari bumi Melayu kerana tidak ada semangat dari bumi Melayu kerana tidak ada semangat dan lambang kuasa yang boleh menyatupadukan orang Melayu.

Saya fikir saya tidak usah banyak memberi penerangan kerana orang UMNO tentulah boleh faham dengan logik ini. Kalau tak boleh faham dengan logik ini, balik rumah ambil keris, kalau masih ada, asamkan dengan limau nipis, asapkan dengan kemenyan, selawat 7 kali keatas junjungan Nabi Besar Muhamad S.A.W. serta baca Alfatihah.

Dulu-dulu pun orang-orang Melayu bersumpah dengan menggunakan keris dan mereka jarang sekali melanggar sumpah

kerana kata mereka, "Jika aku belot, aku dimakan keris." Begitulah yang dipetik oleh Edward Frey di dalam bukunya. *The Kris, Mystic Weapon of the Malay World*.

Orang-orang UMNO dan Tok Musa yang bersumpah untuk memperjuangkan nasib orang Melayu ketika masuk parti dulupun bersumpah dengan nama keris kerana lambang UMNO pun ialah keris.

Masa nak jadi Timbalan Perdana Menteri dulu Tok Musa pun bersumpah di hadapan keris kerana ketika itu D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agung memakai keris yang melambangkan kedaulatan negara.

Nampaknya Tok Musa sudah dua kali langgar sumpah. Ini sudah lebih! Tak takut ke dia akan akibat orang yang melanggar sumpah. Saya takut langgar sumpah. Saya tahu akibatnya orang yang dimakan dik sumpah.



Siapakah yang bertanggungjawab meragut nyawa Korban Mamali dengan ganasnya? Siapa lagi kalau bukan Musa Hitam, Menteri Dalam Negeri waktu itu, yang telah mengarahkan polis-polis supaya menembak mereka, tanpa berunding dengan Biro Politik UMNO.



Beginilah akibatnya bila seorang pemimpin telah menyalah gunakan kuasa. Ini juga boleh berlaku kepada kita. Berhati-hatilah memilih pemimpin.



# 9

## DO'A PAS DIMAKBULKAN

### MEMORANDUM PARTI ISLAM SE MALAYSIA KEPADA YAB PERDANA MENTERI MENGENAI PERISTIWA KAMPUNG MEMALI

1. Peristiwa Kampung Memali telah disifatkan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri Datuk Musa Hitam dalam kenyataannya di Parlimen sebagai sejarah hitam bagi negara ini. Peristiwa itu berpunca dari satu operasi, yang dinamakan Operasi Ankara, yang dilancarkan oleh polis ke atas penduduk-penduduk di Kampung Memali yang mengakibatkan 18 orang mati dan berpuluh-puluh orang cedera, serta penahanan beratus-ratus orang. Kesemua yang ditahan kini dibebaskan kecuali 36 orang yang telah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).
2. Sepertimana yang diumumkan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri, operasi itu dijalankan dengan bertujuan untuk menangkap atau menghapuskan penjenayah. Siapakah penjenayah yang hendak dihapuskan oleh polis itu? Adakah Al-Marhum al-syahid Ustaz Ibrahim Mahmood dianggap sebagai penjenayah? Apakah buktinya?
3. Memang benar Al-Marhum al-syahid dikehendaki di bawah ISA. Tetapi apakah ia dikehendaki kerana jenayah, apakah kerana beliau memiliki senjata haram di dalam kawasan keselamatan? Mengapa beliau dikehendaki di bawah ISA?
4. Beliau mungkin dikehendaki oleh kerajaan di bawah ISA kerana

alasan-alasan biasa yang selalu digunakan oleh kerajaan untuk menahan ahli-ahli dan pemimpin parti pembangkang atau orang-orang yang tidak sehaluan dengan kerajaan, iaitu tuduhan mengancam keselamatan negara dengan kegiatan memecah-belahkan masyarakat Islam dan sebagainya.

5. Tuduhan-tuduhan dijadikan alasan yang tidak pernah dibuktikan kebenarannya. Orang yang dituduh tidak mempunyai apa-apa hak untuk mempersoalkan tuduhan yang dilemparkan kepadanya. Walau pun kerajaan berkata ia tidak mengambil tindakan itu dengan sewenang-wenangnya, tetapi apakah kerajaan dapat pastikan setiap orang yang menjalankan kerja-kerja yang berkaitan dengan penahanan seseorang daripada former kepada Menteri Dalam Negeri benar-benar tidak menyalahgunakan kuasa mereka? Jika kerajaan yakin laporan mereka benar belaka dan keputusan Menteri Dalam Negeri juga benar, mengapa pula takut dibicarakan, mengapa pula hak yang tertuduh dinafikan? Mengapa tertuduh tidak dibenarkan berhujjah, mengapa ia ditahan dan atas kesalahan apa serta bertentangan dengan undang-undang mana?
6. Jika tertuduh dihukum tanpa bicara, ditahan tanpa mengetahui sebab-sebab ia ditahan, dipaksa berpisah dengan keluarga dan disekat kebebasannya tanpa mengetahui mengapa ia dikenakan tindakan demikian, tidakkah ini akan menimbulkan rasa tidak puas hati kepadanya? Adalah biasa baginya harus merasai ia dizalimi, dianiayai dan ditindas tanpa bukti dan di dalam keadaan yang sangat tertekan.
7. Keadaan ini berlaku ke atas Al-Marhum al-syahid Ustaz Ibrahim Mahmood sedangkan ia tahu bahawa sejak pulang ke tanahair kegiatannya hanya menerangkan Islam dan menyebarkan perjuangan Islam. Adalah benar jika ia merasakan bahawa ia dikehendaki kerana beliau menyebarkan Islam dan perjuangan Islam. Kerana keyakinan ini, apakah wajar baginya menyerah diri?
8. Mengikut Islam, beliau boleh memilih dua jalan iaitu ROKHSAH dan AZIMAH. Ia boleh menyerah diri dan boleh bertahan dan sekiranya mati ia mati syahid. Pilihan inilah yang dibuatnya, dan pilihan ini dikira lebih afdhal di dalam Islam.
9. Langkah yang diambil oleh beliau tidak salah dari segi Islam. Ia

tidak salah untuk merasai seperti yang dirasakan, kerana kerajaan yang hendak menahan beliau tidak pernah memberi sebab mengapa beliau hendak ditahan, beliau berhak merasakan bahawa beliau hendak ditahan kerana menjalankan kegiatan Islam dan menyebarkan risalah perjuangan Islam. Kerana beliau tidak menjalankan kegiatan yang lain daripada kegiatan itu sejak pulang dari luar negeri.

10. Tetapi kerajaan tidak sanggup membuat tuduhan kepadanya dan membuktikan tuduhan-tuduhan ke atas beliau di hadapan mahkamah untuk diadili secara saksama sekiranya kegiatan beliau selama ini salah. Bukankah ini merupakan tanda kezaliman dan tanda kerajaan takut kepada kebenaran?
11. Kerajaan menuduh beliau penyebar agama sesat. Sesat dari segi mana dan sesat mengikut pandangan siapa? Sesat dari segi Islam atau sesat dari segi pandangan YAB Perdana Menteri atau Timbalannya atau dari sudut pandangan UMNO? Pun segala tuduhan ini tidak dibuktikan di mahkamah. Sedang negara menerusi Jabatan Agama mempunyai peraturan dan proses undang-undang untuk bertindak ke atas penganut dan penyebar agama sesat. Mengapa kerajaan tidak mematuhi peraturan ini? Jika kerajaan ada bukti bahawa Al-Marhum al-syahid penganut dan penyebar agama sesat, adakah mana-mana peraturan undang-undang yang membolehkan beliau dan murid-muridnya dihukum tembak hingga mati, tanpa memerlukan lagi proses kehakiman? Tidakkah dengan tindakan membunuh Ustaz Ibrahim Mahmood dan penduduk Kampung Memali, dengan tuduhan beliau penganut agama sesat dan tanpa menerusi proses kehakiman, menunjukkan bahawa negara ini sedang ditadbirkan mengikut hawa nafsu?
12. Seterusnya beliau dituduh sebagai orang yang melindungi penjenayah yang sangat dikehendaki oleh polis, iaitu Yusof Che Mit dan Ramli Che Mit. Menurut laporan daripada tahanan-tahanan yang dibebaskan bahawa sebelum serangan dilakukan mereka diminta menyerahkan orang-orang yang dikatakan penjenayah itu. Tetapi mereka tidak ada disitu dan tidak ada penjenayah yang sedang diberi perlindungan oleh Al-Marhum al-syahid Ustaz Ibrahim Mahmood. Mengapa beliau dan orang-orang kampung terus ditembak, sedangkan penjenayah yang dicari tidak

ada? Lebih menghairankan, Ramli Che Mit yang dikatakan penjenayah itu setelah ditangkap tidak pula dibicarakan sebagai penjenayah mengikut undang-undang jenayah. Sebaliknya ia ditahan di bawah ISA. Sudah gugurkah tuduhan jenayahnya itu, setelah al-syahid Ustaz Ibrahim dibunuh? Kalau tidak ada tuduhan jenayah ke atasnya, mengapa pula ditahan di bawah ISA? Sendiwara yang sedang dilakukan oleh kerajaan ini menunjukkan tanda-tanda kezaliman belaka.

13. Alasan-alasan di dalam tindakan kerajaan terhadap Al-Marhum al-syahid Ibrahim Mahmood dan murid-muridnya berpindah pindah dari alasan jenayah kepada alasan dharurat dan akhirnya kepada alasan mengancam keselamatan negara. Seramai 36 orang telah ditahan di bawah ISA. Alasan-alasan berpindah ini menunjukkan bahawa kerajaan tidak mempunyai satu pun alasan yang kukuh dan menyakinkan untuk tindakan itu. Kerajaan seolah-olah bertindak dahulu dan kemudian meraba-raba mencari alasan untuk meyakinkan orang ramai mengenai tindakan kerajaan di dalam peristiwa Memali itu. Alasan-alasan kerajaan termasuk penayangan video bertukar menjadi propaganda murahan untuk menghalalkan satu tindakan yang paling kejam ke atas rakyat di dalam sejarah negara kita.
14. Ternyata bahawa tindakan polis dan Kementerian Dalam Negeri di dalam peristiwa Memali itu menimbulkan berbagai-bagai pertanyaan untuk dijawab oleh kerajaan. Alasan-alasan yang diberikan bukan sahaja tidak meyakinkan, tetapi juga berbentuk propaganda yang gagal sama sekali membawa keadilan kepada mereka yang terbunuh, mereka yang ditahan dan dipenjarakan di bawah ISA.
15. Demi keadilan, kami meminta YAB Perdana Menteri supaya menjalankan penyiasatan yang rapi mengenai perkara ini. Sekurang-kurangnya untuk membersihkan dhamir dan nurani YAB Perdana Menteri sebagai orang yang memikul tanggungjawab pentadbiran negara. Tidak memadai YAB bergantung kepada laporan polis setelah tindakan itu dilakukan.
16. Bagi kami, sudah tentu kami mengharapkan satu penjelasan yang lebih nyata, adil dan penyerlahan kebenaran secara sebenarnya untuk menjaga maruah masyarakat Malaysia dan kebersihan

nurani mereka yang menggambarkan kebencian kepada keadilan, penindasan dan kekejaman.

17. Langkah-langkah dan tindakan tidak wajar yang diambil oleh kerajaan ke atas rakyat di dalam peristiwa Kampung Memali dan keadilan yang nyata dengan menahan seseorang tanpa dibuktikan kesalahannya, sudah pasti akan mengakibatkan kesan yang buruk kepada negara ini dan ianya sangat jelas merupakan perbuatan yang mengancam keselamatan dan kesejahteraan rakyat.
18. Berdasar kepada hakikat dan kenyataan di atas, maka dengan ini PAS menuntut:
  - 18.1 Kerajaan menubuhkan sebuah Suruhanjaya Di Raja yang berkecuali dan berwibawa dengan seberapa segera untuk menyerlah kebenaran di sebalik peristiwa Memali.
  - 18.2 YAB Datuk Musa Hitam yang bertanggungjawab hingga tercetusnya peristiwa berdarah di Memali itu meletakkan jawatan sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri.
  - 18.3 Mereka yang ditahan di bawah ISA akibat peristiwa Memali itu dibebaskan tanpa syarat dengan segera atau dibawa secepat mungkin ke mahkamah pengadilan.

Akhirnya sambutlah salam hormat dari kami, semoga Allah SWT memberi petunjuk kepada kita semua supaya kita sentiasa berada di jalan Nya yang lurus.



(HAJI YUSOF RAWA)  
Yang Di Pertua Agung PAS  
Bertarikh: 10hb Jamadil Akhir 1406  
19hb Februari 1986

# 10

## REGU MUSA — TENGGU RAZALEIGH

Apa juga pertandingan yang akan disertai oleh Datuk Musa dan Tengku Razaleigh, samada untuk jawatan Timbalan Presiden ataupun melawan Dr. Mahathir bagi jawatan Presiden UMNO, telah menjadi fokus umum.

Apa saja berita mengenai Datuk Musa dan Tengku Razaleigh pasti menjadi fokus utama, kerana mereka berdua dianggap sebagai pencabar.

Pertandingan kali ini dianggap sebagai pertandingan terakhir bagi jaguh-jaguh pencabar tersebut. Mereka yang telah menderhaka, menyeleweng, menyalahgunakan kuasa terhadap agama dan bangsanya, akan kalah dan gugur seperti nasib yang dialami oleh Astronout di dalam kapal angkasa lepas, *'The Challenger'*. Pertandingan kali ini akan menjadi pertandingan yang terbesar dalam sejarah UMNO sejak diwujudkan pada tahun 1946.

Pertandingan ini penting, sama pentingnya dengan pelancaran kapal angkasa *'The Challenger'*. Seluruh dunia akan menumpukan perhatian mereka ke dewan UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra untuk mengikuti dari detik ke detik pertandingan antara tokoh-tokoh veteran yang pernah bersahabat itu. Dunia ingin melihat satu temasya *'Dog Fight'* yang terbesar dalam sejarah Demokrasi.

Ku Li — Musa yang pernah bermusuhan-musuhan kini akan bekerjasama melawan sahabat mereka yang kini telah dianggap sebagai musuh. Dr. Mahathir Mohamad, Presiden UMNO merangkap Perdana Menteri Malaysia kini menjadi *'common enemy'* kepada Musa — Ku Li. Orang ramai ingin melihat apakah Presiden dan orang-orangnya akan menyerang atau sekadar mempertahankan saja.



Dulu Musa baik dengan Mahathir, dia suruh Mahathir buang Ku Li, suruh baik dengan dia saja.



Sekarang Musa ajak Ku Li jatuhkan Mahathir, sebab Mahathir tak mahu buang Ku Li. Lepas ini Musa nak ajak Syed Hamid jatuhkan Ku Li, betul tak Syed Hamid?





Musa di zaman bahagia bersama anak dan isterinya Datin Maria. Sekarang dia dah ceraikan Maria, Maria jadi janda.



Inilah isteri muda saya, Zulikha, cantik, manis dan bergaya. Sekarang dialah yang boleh berikan saya bahagia. Orang lain tak boleh.

Nampaknya para pencabar akan membuat apa saja untuk mendapatkan kembali kuasa yang telah hilang dari tangan mereka. Mereka mahu mengambil alih kerajaan dari tangan Perdana Menteri yang kebetulan menjadi Presiden.

Pertandingan ini akan menentukan siapa yang akan memimpin Malaysia nanti. Pertarungan habis-habisan ini bukan saja akan melibatkan ahli parti dari seluruh negara, tetapi juga melibatkan seluruh rakyat.

Setiap pemimpin yang memegang teraju parti mempunyai polisi masing-masing dan boleh mempengaruhi para ahlinya untuk menghalakan layar parti, baik ke Utara, ke Selatan atau ke mana-mana saja.

Inilah yang patut disedari oleh masyarakat Melayu, terutama perwakilan yang akan memberikan undi mereka di Perhimpunan Agung UMNO. Kalau kesedaran ini ada dan mereka beringat pada Allah, '*Dog Fight*' ini tidak akan berlaku. Perkara pergaduhan antara anjing dan kucing adalah satu perkara biasa dalam perkampungan politik, tetapi '*Dog Fight*' bererti lawan sampai mati. Orang Melayu tidak pelihara anjing, macam mana hendak tahu betapa dahsyatnya pergaduhan sesama anjing besar, kemungkinan salah satu anjing akan mati.

UMNO hari ini tidak sama dengan UMNO di zaman Tunku Abdul Rahman menjadi pemimpinya. Kerajaan hari ini pun tidak sama dengan kerajaan dulu, kerana masalah yang dihadapi hari ini juga tidak sama dengan masalah dulu.

Semasa Tunku memimpin UMNO, orang Melayu baru hendak belajar bagaimana hendak memerintah dan mentadbir sebuah negara merdeka. Dari siapa mereka belajar? Tak lain tak bukan tentulah daripada Inggeris, kerana di negeri Inggerislah Tunku menimba ilmu pengetahuannya. Daripada sahabat-sahabat orang Inggerisnyalah Tunku meminta bantuan untuk mencapai kemerdekaan dan menyusun pentadbiran negara.

Bukan niat kita hendak menafikan jasa-jasa Tunku. Yang baik tetap kita terima sebagai baik. Tunku memimpin pentadbiran negara secara Inggeris. Dan Tunku seorang anak raja. Kita sedikit pun tidak ada niat hendak menyalahkan orang-orang yang berketurunan raja, kerana Raja juga banyak jasa-jasanya terhadap negara kita.

Tetapi anak raja hidupnya cara anak raja, takkan sama dengan anak

rakyat marhaen yang hidup miskin di kampung-kampung. Sebagai anak raja, cara Tunku sedikit sebanyak tentulah ada cara anak rajanya. Ditambah pula dengan hubungannya yang rapat dan mesra dengan golongan-golongan atasan di England. Pengaruh faham kapitalis dan feodal amat nyata dalam kepimpinan Tunku. Wakil-wakil rakyat Melayu pada masa itu pun terpaksa mengikut cara kapitalis dan feodalis Tunku. Sedikit sebanyak mesti berlagak macam golongan aristokrat Inggeris. Waktu ke majlis menyambut 'merdeka', mereka pakai topi bulu. Bila buat jamuan rasmi misalnya, mesti ada upacara "toast" dengan air minuman yang tidak halal dari segi hukum Islam.

Itu cara kepimpinan Tunku. Hanya satu contoh sahaja. Takkanlah saya nak sebut semua cara kepimpinan Tunku yang baik-baik, yang semua orang sudah tahu.

Semasa Tunku menjadi Perdana Menteri, beliau memilih Tun Razak menjadi Timbalannya. Di zaman Tun Razak, semua orang tahu, Tun Razak dengan rancangan Pembangunan Luar Bandarnya. Kemiskinan orang Melayu dikampung-kampung pendalaman mesti diatasi dengan segera. Tun Razak mengambil Tun Dr. Ismail menjadi Timbalan Perdana Menteri.

Kita tidak sempat melihat kepimpinan Tun Dr. Ismail, kerana beliau meninggal dunia sebelum sempat menjadi Perdana Menteri. Tun Razak kemudian memilih Tun Hussein. Meskipun pemilihan itu dibuat berasaskan Tun Hussein ialah salah seorang Naib Presiden, orang mengira pemilihan itu ada kaitan dengan hubungan kekeluargaan di antara kedua mereka, atau Nepotisme.

Dalam zaman Tun Hussein Onn, UMNO telah berubah coraknya menjadi sebuah parti timbang terima — kapitalis boleh, sosialis boleh dan Islam antara boleh dan tidak boleh, tetapi lebih banyak tidak boleh dari boleh, sebab itu beliau gagal.

Tun Hussein Onn semasa menjadi Perdana Menteri menggunakan kuasa menentukan siapa yang akan dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri antara Tengku Razaleigh Hamzah, Encik Abdul Ghafar Baba dan Dr. Mahathir Mohamad. Tun Hussein Onn telah membuat keputusan memilih Dr. Mahathir. Waktu itu Dr. Mahathir dianggap pelampau Melayu dan tidak disukai oleh orang-orang Cina dan juga orang Melayu.

Sekiranya Tun Hussein Onn membiarkan ahli UMNO yang memilih Timbalan Perdana Menteri, Dr. Mahathir pasti tidak dapat menjadi Timbalan Perdana Menteri, kerana Dr. Mahathir tidak diminati oleh kaum bukan Melayu, dan orang UMNO senang dibawa bermusyawarah oleh MCA. Sejarah adalah buktinya.

Ada empat tindakan Hussein Onn yang dilakukan semasa menjadi Perdana Menteri, yang saya akan kenang sebagai tindakannya yang berani. Satu, melantik Dr. Mahathir menjadi Timbalannya. Dua, melantik Tengku Razaleigh menjadi Menteri Kewangan. Tiga, meletakkan jawatan Perdana Menteri secara sukarela pada waktu yang tepat. Empat, memenjarakan Datuk Harun Idris. Keberaniannya yang keempat itu saya tidak setuju.

Tindakan berani Tun Hussein Onn memilih Tengku Razaleigh sebagai Menteri Kewangan Melayu selepas Tun Tan Siew Sin, pada mulanya mendapat tentangan dari orang bukan Melayu. Tetapi disebabkan pemimpin bertegas, tentu orang ramai akan ikut saja. Hingga hari ini hubungan baik Tun Hussein dengan Tengku Razaleigh masih terjalin baik dan Tun Hussein Onn sekarang adalah salah seorang bekas pemimpin UMNO yang akhir-akhir ini telah mencabar kepimpinan Dr. Mahathir, dan mempersoalkan kredibiliti kerajaan di bawah kepimpinan Dr. Mahathir.

Perpecahan dan percakaran sesama Melayu terjadi apabila PAS keluar dari Barisan Nasional dan Datuk Harun dipenjarakan. Ini semua berlaku semasa Tun Hussein Onn memerintah Malaysia dengan cara tentera yang menjadi cara hidupnya.

Dr. Mahathir pula dengan beraninya telah membawa masuk Anwar Ibrahim, seperti beraninya Tun Hussein Onn meletakkan Tengku Li sebagai Menteri Kewangan. Membawa masuk Anwar lebih kurang membawa PAS masuk UMNO selepas Hussein Onn membuang PAS dari Barisan Nasional, kerana Anwar adalah bekas pemimpin ABIM yang menyerang UMNO dari luar. Namun masih ada orang yang mengatakan Dr. Mahathir tidak seberani Tun Hussein.

Orang bukan Melayu tahu bagaimana hendak gunakan kedudukan kementerian yang dipegang oleh orang Melayu yang mereka tidak suka tetapi masih dipilih oleh pucuk pimpinan UMNO untuk menjadi Menteri. Asal saja mereka boleh dapat apa yang mereka mahu, pemimpin tersebut

dianggap baik. Mereka akan puji dan tidak akan ganggu. Tetapi bila mereka tidak dapat menggunakan Dr. Mahathir, Daim Zainuddin atau Anwar Ibrahim, mereka pun akan menggunakan cat hitam yang ada di tangan mereka untuk dilumur ke muka Mahathir dan orang Mahathir yang digelar '*The President's Men*'.

Bukan Kementerian yang dipegang oleh orang tersebut yang penting, tetapi orang yang memegang kementerian itu yang penting.

Kekecohan dalam UMNO berlaku semasa Tun Razak kembali ke Rahmatullah. Tun Hussein Onn yang ketika itu menjadi Timbalan Perdana Menteri, juga Timbalan Presiden UMNO, secara automatik melantik dirinya menjadi Perdana Menteri. Perbuatan itu bijak, kerana kalau tidak belum tentu Tun Hussein boleh jadi Perdana Menteri. Soal ahli UMNO setuju atau tidak itu tidak penting. Bila sudah jadi Perdana Menteri, semua kena setuju.

Apabila Tun Hussein Onn bersara kerana sebab-sebab kesihatan, Dr. Mahathir telah dilantik menjadi Perdana Menteri. Dr. Mahathir mengadakan satu pilihanraya yang cepat untuk mendapat mandat yang baru dari rakyat. Ternyata Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri yang paling popular di antara ketiga-tiga Perdana Menteri sebelumnya, pada ketika itu.

Mengikut tradisi UMNO yang sudah-sudah, jawatan Presiden tidak ditandingi. Begitu juga jawatan Timbalan Presiden. Tetapi hari ini jawatan Timbalan Presiden sudah boleh ditandingi.

Dr. Mahathir adalah orang yang pertama yang telah terpaksa memecah tradisi kerana Tun Hussein letak jawatan Presiden di Perhimpunan Agung. Jadi Dr. Mahathir dilantik jadi Pemangku Presiden. Tempat Timbalan Presiden kosong. Beliau tidak memilih Timbalan Presiden seperti yang telah dilakukan oleh Perdana Menteri-Perdana Menteri sebelumnya.

Pada tahun 1981, Dr. Mahathir telah membuka pintu kepada sesiapa saja yang berkesanggupan untuk menjawat jawatan Timbalan Presiden. Beliau terlupa dengan sifat orang Melayu yang masih tidak demokratik. Kalau demokratik pun demokratik yang dipimpin.

Kalau kita perhatikan tabiat orang UMNO semasa jamuan makan

berselerak, mereka akan isi pinggan mereka sepenuh-penuhnya. Pada hal ada berpuluh orang beratur di belakang mereka menunggu makanan di atas meja yang hanya sedikit sahaja. Macam ini punya cara berfikir bolehkah mengamalkan demokrasi?

Tetapi Dr. Mahathir mahu mencuba sistem demokrasi, melihat sejauh mana ia sesuai dengan cara orang Melayu berfikir. Dan akibat percubaannya itu, terjadilah perkara yang buruk dalam UMNO hari ini. Siapakah yang patut disalahkan? Sistem demokrasi atau orang yang cuba mengikut sistem demokrasi itu?

Apa ada pada sistem? Sistem hanya satu cara. Percubaan Mahathir itu tidak salah, kerana kalau dia tidak buat begitu pada masa itu, orang akan marahkan dia juga. Kalau kita ingat-ingatkan kembali, atau kalau rajin, cubalah buka semula akhbar-akhbar sekitar waktu Tun Hussein Onn meletak jawatan. Belum apa-apa lagi, Tengku Razaleigh sudah mendakwa dia yang berhak. Sedangkan Dr. Mahathir sendiri memerlukan Musa untuk menjadi Timbalannya, waktu itu.

Apa lagi pilihan yang ada pada Mahathir? Mahathir terpaksa menyerahkan kepada ahli-ahli UMNO, mengikut sistem demokrasi, untuk membuat pilihan. Ternyata Tengku Razaleigh kalah.

Adat bertanding memang ada kalah menang. Tapi kalah tidak bererti terus mati. Tengku Razaleigh tidak sepatutnya digugurkan terus dari kerajaan dan dari parti. Mengikut sistem demokrasi, pertandingan itu hanya untuk kerusi Timbalan Presiden sahaja.

Seperti Datuk Musa, Tengku Razaleigh juga seorang tokoh pemimpin yang berwibawa, berpengaruh dan mempunyai pengikut. Pimpinan kedua-dua mereka masih diperlukan oleh orang Melayu. Atas alasan itulah Dr. Mahathir terus mengekalkan Ku Li di dalam Kerajaan hingga ke hari ini.

Tetapi, seperti yang kita sendiri lihat, apa yang telah terjadi? Siapakah yang bersalah? Demi bangsa, agama dan negara, dan demi masa depan anak cucu kita, cubalah kita fikirkan dan renungkan dengan hati terbuka. Sebagai orang Islam, kita ambil wuduk, sembahyang, baca Quran, lapangkan dada dan bukakan fikiran kepada Allah Subhanahu Wata'aala, dan lihatlah kejadian-kejadian politik di negara kita dalam masa enam tahun ini, siapakah yang bersalah?

Mahathirakah yang bersalah kerana memberi peluang orang-orang UMNO membuat pilihan? Musakah yang bersalah, Tengku Razaleighkah yang bersalah, dan bagaimana pula dengan diri kita sendiri? Apakah kita sendiri langsung tidak bersalah?

1987 adalah kali yang ketiga Datuk Musa Hitam akan berlawan kerana merebut satu kerusi yang dia sendiri sudah menolaknya. Dan dia pun pernah bercerita pada kawan-kawan rapatnya yang dia adalah Timbalan Perdana Menteri yang pertama yang tidak akan jadi Perdana Menteri. Pertandingan yang pertama sengit, yang kedua berat tetapi masih menang, yang ketiga Tuhan saja yang tahu.

Duduk dalam sampan di tengah laut tanpa pengayuh. Itulah ibarat Datuk Musa hari ini. Memang ramai pengikut-pengikutnya berada di kelilingnya, antaranya termasuklah Datuk Shahrir. Duduk di tengah-tengah laut tidak tahu di mana pantai, di mana pulau, di mana utara, selatan, timur dan barat. Matahari pun tidak kelihatan. Apakah Datuk Shahrir akan diambil oleh Musa untuk dijadikan pengayuh?

Orang yang percaya pada sangkak atau penghalang tidak akan meneruskan perjalanan apabila sudah keluar dari rumah, tertinggal sesuatu kemudian balik semula untuk mengambilnya. Ini pertanda tidak baik.

Askar ada pantang larangnya, bila menyalakan api rokok hanya untuk dua orang saja. Sebatang mancis tidak akan digunakan untuk menyalakan rokok bagi tiga penghisap sekali. Api dimatikan dulu baru dipasang semula untuk orang yang ketiga, kerana api yang diberikan kepada penghisap rokok yang ketiga boleh membunuh orang ketiga atau kesemua yang berada di situ.

Datuk Musa yang mendapat sokongan dari Dr. Mahathir dan rakan-rakan lain pada tahun 1981 muncul sebagai pemenang. Beliau mendapat 722 undi berbanding dengan Ku Li 517 undi.

Bagi mereka yang mengkaji "Numerologi" akan menemui no 7 dalam kedua-dua angka yang dipunyai oleh Musa — Ku Li. Bererti mereka akan berlawan selama tujuh tahun lamanya, dari 1981 hingga 1987.

Kemenangan Musa kalau dicampurkan  $7+2+2$  jadi no 11 dan dicampur lagi  $1+1$  jadi dua. Datuk Musa Hitam kekal di kerusi nombor dua saja, tidak akan sampai menjadi orang pertama. Itu mengikut ramalan perangkaan, Numerologi.



Angka sebelas itu sama ada jalan kaki tolak abuk, atau tiang nesan. Baca buku saya **PERANG DI KUALA LINGGI MELAKA 1978**, untuk mengetahui apa yang berlaku pada **Geng 11** yang cuba menjatuhkan Datuk Setia Ghani Ali, bekas Ketua Menteri Melaka. Kejadian ini berlaku dalam tahun 1978.

Ini analisa perangkaan, jangan percaya, nanti syirik.

Ku Li pula mendapat nombor 517. Dicampurkan  $5 + 1 + 7$  jadi 13. Dicampurkan  $1 + 3$  jadi 4. Orang Cina berpendapat nombor empat ini ertinya mati, 'Si'. Sebab itu Cina tidak suka dengan nombor 4. Jarang sekali kita terjumpa orang Cina yang mahu pakai nombor 4 di keretanya. Orang Cina takut nombor mati, kerana kematian bukan satu nikmat bagi mereka. Tetapi orang Cina Islam yang beriman pada Allah tidak takut mati di jalan Allah.

Tahun 1984 Tengku Li cuba lawan Musa buat kali kedua. Musa menang dengan angka 744, manakala Tengku Razaleigh mendapat 501. Kemenangannya cuma bertambah 22 undi saja, sedangkan Musa 3 tahun jadi Timbalan Presiden UMNO, 3 tahun jadi Timbalan Perdana Menteri, 3 tahun jadi Menteri Dalam Negeri, disokong oleh Perdana Menteri dan macam-macam lagi. Mari kita campur 22 undi itu.  $2 + 2$  jadi 4, mati juga. Ini kemenangan yang membawa kepada kematian kepada Tok Musa. Contohnya, dua kali menang pun kalah juga. Itu bukti Tuah ada Nasib tidak ada. Kemenangan yang membawa kepada kehampaan.

Ramalan Numerologi ini untuk orang bukan Islam yang mahu berjudi. Kita semua tahu perlawanan Mahathir, Musa dan Ku Li ini akan menjadi satu temasya perjudian yang besar. Ini sekadar buang 'cai'.

Kita ambil angka yang diperolehi oleh Musa, 744. Pertama, nombor itu di belakangnya dua kali mati. Kedua, dikumpul semua  $7 + 4 + 4 = 15$ .  $1 + 5 = 6$ . Ini nombor jadi ulat. Enam ialah nombor yang boleh tonggang terbalik. Rukun iman pun enam juga. Orang yang tidak beriman hidupnya mudah tonggang terbalik.

Angka 501 dikumpulkan semua jadi ulat juga, 6. Sebab itu lepas kalah tahun 1984 Ku Li turun pangkat. Lagipun tarikh 24-5-1984 ada dua nombor mati. Apakah peluang pada kedua-dua mereka yang ada ulat ini, tepuk dada tanya selera.

Tarikh 6-6-1976 ada tiga angka enam di situ. Itulah hari kematian kepada Tun Fuad dan 6 pemimpin Sabah sesudah memenangi pilihanraya mengalahkan USNO. Seniman Agung P. Ramlee pun ada buat filem *Enam Jahanam*. Siapa yang hendak jahanam, siapa yang hendak terjunam, buatlah kerja yang tonggang terbalik, akibatnya tanggunglah sendiri.

Tahun 1981, tahun ayam jaguh, adalah tahun permulaan pergeseran dan perebutan kuasa dalam UMNO. Dan 7 tahun kemudian perang memanjang menjadi-jadi seolah-olah Perang Iran-Iraq.

Mengulas kekalahannya, Tengku Razaleigh Hamzah berkata:

*"Saya telah menjadi Naib Presiden selama tiga penggal berturut-turut dan sebelum itu Ahli Majlis Kerja Tertinggi. Ianya bukan soal darah keturunan. Mereka menerima saya sebagai individu. Saya kalah kerana saya tidak berkempen bersungguh-sungguh. Saya tidak memekik dengan slogan atau janji-janji. Saya tidak berlagak sebagai seorang pelampau atau seorang perkauman kerana saya tidak suka berlagak demikian. Saya suka menjadi seperti diri saya hari ini dan membuat kerja dengan diam sepertimana yang telah saya lakukan selama ini. Dan jika saya bercakap tentang pencapaian saya, orang akan kata saya meniup terumpet sendiri."*

Tahun 1987 ini sekali lagi Ku Li berjumpa nombor mati: 24-4-87. Datuk Musa pun bertemu nombor mati juga. Dan tahun ini tahun cangkul pula. Nombor tujuh menyerupai cangkul. Tengoklah nasib macam mana, siapa yang akan dicangkul dan kena cangkul.

Pertandingan tahun 1984 adalah pertandingan tiga penjur. Datuk Harun Idris yang menyertainya dianggap sebagai calon 'favourite'. Datuk Harun di dalam kempenya siang-siang lagi menyatakan beliau tidak mahu menjadi Timbalan Perdana Menteri sekiranya beliau menang. Apa yang Datuk Harun mahu ialah menyatukan UMNO yang sedang menghadapi perpecahan. Beliau mahu mendamaikan perang saudara di dalam UMNO. Beliau bimbang dengan keadaan UMNO ketika itu. Akibat dari pertandingan merebut jawatan Timbalan Presiden 1981, api permusuhan tidak pernah padam.

Meskipun orang Melayu di seluruh negara mahu melihat Datuk Harun menang, tetapi perwakilan yang sudah terikat tangan kaki

mereka, terpaksa memilih Datuk Musa.

Datuk Musa mendapat 744 undi, Ku Li 501 undi, Datuk Harun hanya mendapat 34 undi. Analisa politik menunjukkan keputusan para perwakilan UMNO lebih tertarik kepada calon yang memegang jawatan tinggi. Sekiranya Datuk Harun berada dalam kabinet Perdana Menteri ketika itu, harapan beliau untuk menang adalah cerah.

Perwakilan UMNO sanggup melupai jasa Datuk Harun kepada bangsa mereka. Sebaliknya mereka mengukur Datuk Harun dari segi kebendaan dan jawatan. Apa perasaan orang Melayu yang lain sekiranya mereka berada di tempat Datuk Harun?

Kekalahan yang dialami oleh Tengku Razaleigh tidak mengecewakannya, kerana beliau menang sorak walaupun kalah sabung. Ini memberi beliau dan orangnya semangat untuk bertanding sekali lagi.

Datuk Musa yang bijak menggunakan psikologi terus memeluk Ku Li sebaik saja mendapat pengumuman. Menurut Datuk Musa, beliau sempat membisikkan ke telinga Ku Li: "Jangan lupa Li, kita bersahabat baik, marilah kita terus bersahabat."

Ku Li menjawab: "Ya-ya, jangan bimbang, jangan bimbang."

Datuk Musa kemudian mengingatkan semula persahabatannya dengan Ku Li. Sejak memasuki UMNO pada tahun 1964 lagi, orang pertama yang menjadi sahabat karibnya ialah Ku Li. Tetapi Musa tidak beritahu Tengku Li 20 tahun kemudian, 1984, Musa sanggup buat apa saja untuk menamatkan karier politik sahabat baiknya. Tengoklah, begitu pandai orang politik main sandiwara.

Tahun 1987 ini sandiwara Musa dimainkan terus di pentas politik Malaysia. Sandiwara ini bolehlah kita beri nama "**Sahabat Menjadi Musuh Menjadi Regu Menentang Sahabat Kerana Kuasa untuk Kepentingan Diri Sendiri**". Tu dia ... . panjangnya tajuk sandiwara karya dan arahan serta lakonan Datuk Musa. Kalau tak panjang macam itu macam mana Datuk Musa nak belit orang-orang UMNO dengan tali sandiwaranya. Betul tak?

Hubaya hubaya! Berjaga-jagalah wahai ahli-ahli UMNO. Ada mata lihat betul-betul, ada telinga dengar betul-betul, ada otak fikir betul-betul. Siapakah sebenarnya sedang melawan siapa di Perhimpunan Agung UMNO 1987 ini? Betulkah Tengku Razaleigh lawan Dr. Mahathir? Betulkah Musa lawan Ghafar?

Tahun 1987 ini tahun yang penting dalam sejarah perjuangan orang Melayu. Setiap ahli UMNO mesti sedar dan insaf akan tanggungjawab masing-masing. Kalau kita tersalah membuat pilihan pada tahun ini, anak cucu kita tidak akan memaafkan kesalahan kita. Apakah kita juga harus melawan anak cucu kita sendiri demi semata-mata kerana kepentingan diri kita sendiri pada hari ini? Sampai ke peringkat itu sekalikah kita sanggup mengorbankan anak cucu kita sendiri?

Berhati-hatilah menonton sandiwara Musa — Ku Li, supaya kita tidak tertipu dan menipu bangsa sendiri. SIAPA LAWAN SIAPA 1987? Ada segolongan orang sedang melawan hendak menghancurkan masa depan bangsa Melayu.

Tengku Razaleigh dirancangan supaya bertanding merebut kerusi Presiden UMNO, menentang Dr. Mahathir. Tengku Razaleigh sudah dua kali kalah di tangan Musa. Kekalahan sudah biasa bagi Ku Li. Dia tidak takut lagi menghadapi kekalahan. Pengikutnya masih ramai yang suka melihat dia melawan. Tabiat manusia memang suka tengok lawan-lawan. Apa nak dihairankan. Ku Li nak lawan lagi. Siapa yang tak suka tengok? Daripada duduk saja tak buat apa-apa lebih baik tengok orang lawan, dan sambil itu boleh tolong-tolong sibuk.

Siapa yang tak tahu dalam UMNO berapa punya ramai kaki sibuk atau Pak Sibuk. Ini pun satu penyakit juga. Tak boleh buat sibuk tak senang duduk. Sikit punya haru ke? Macam-macam hal yang mesti dihadapi oleh Dr. Mahathir, dan macam-macam penyakit yang mesti diubati. Mentang-mentanglah Perdana Menteri kita seorang doktor, takkanlah penyakit Pak Sibuk pun nak biarkan Doktor Mahathir seorang mengubatnya, dan orang lain semua nak jadi Tukang Kritik saja?

Kasihlah Tengku Razaleigh! Orang suruh dia lawan dia pun lawan. Pak Sibuk suruh dia buat dia pun ikut. Apatah lagi bila orang-orang

Musa yang buat cadangan dan berjanji akan sokong dia. Seronoklah dia nak berlawan. Tak fikir panjang lagi apa akan jadi selepas itu. Kalah jadi perkara biasa bagi dia. Kalau dengan Datuk Musa pun kalah tak apa, dengan Mahathir apa salahnya? Untung-untung nanti boleh menang. Penyokong dia sudah ada berapa ramai, dicampur pula dengan penyokong Musa, takkan tak cukup untuk menang.

Astaghfirullah al-'Aziim! Subhanal-llah! Apa sudah jadi. Ahli-ahli UMNO sudah jadi apa benda sampai boleh dicampur ditolak dicampur, macam budak-budak sekolah rendah mengira benda-benda dalam pelajaran matematik KBSR saja. Masya Allah! Bukankah ahli-ahli UMNO itu manusia-manusia Melayu yang berfikir dan beragama Islam yang mempunyai perjuangan hidup serta tahu mana yang baik dan mana yang tidak baik.

Ahli-ahli UMNO ini sudah jadi alat untuk kepentingan diri beberapa orang pemimpinya sahajakah? Bukan lagi pemimpin yang mesti berjuang untuk kepentingan ahli yang ramai, tetapi ahli yang ramai yang mesti jadi korban untuk kepentingan diri beberapa orang yang dipanggil pemimpin. Sandiwara apakah namanya ini?

Apa yang hendak dihairankan sekiranya Datuk Musa sokong Ku Li lawan Mahathir? Musa tahu Ku Li tidak akan menang dan Ku Li akan di cap "Derhaka" macam dia juga. Taktik dan strategi Musa ini bukannya susah kita nak faham. Orang kampung pun faham. Musa sudah dicap Derhaka. Sekarang kalau dia lawan Ku Li, yang walaupun sudah dua kali kalah tetapi belum derhaka, mungkin Ku Li boleh mengalahkannya.

Musa nak lawan Dr. Mahathir dia tak berani. Musa tahu dia akan kalah. Kalau dia boleh menang dia sudah menang dalam mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO selepas dia letak jawatan dulu. Musa tahu dia sekarang sudah terkeluar daripada kelompok pemimpin yang berpotensi untuk jadi orang nombor satu. Yang ada dalam kelompok itu sekarang ialah Anwar, Ghafar dan Datuk Harun.

Ku Li pun tidak ada dalam kelompok itu. Jadi Musa dan Ku Li sekarang dua-dua *desperado*. Mereka mesti bikin kacau. Tidak ada jalan lain lagi untuk mereka naik. Anwar dan Datuk Harun tidak akan bertanding Timbalan Presiden. Musa mesti pertahankan kerusi itu.

Dia mesti lawan Ghafar, sebab itu dia tidak mahu Ku Li juga lawan Timbalan, dia mahu penyokong-penyokong Ku Li supaya sokong dia. Jadi Ku Li kenalah lawan kerusi Presiden.

Ku Li pula memang tidak mahu Musa tanding Presiden, kerana kalau Musa jadi Perdana Menteri, Musa tidak akan memilihnya untuk jadi Timbalan Perdana Menteri.

Bagi Datuk Musa pula bila Ku Li sudah kalah mati, musuh Datuk Musa tinggal Dr. Mahathir seorang saja. Musa mahu kekal di kerusi Timbalan Presiden, kerana sekiranya terjadi sesuatu pada Dr. Mahathir, mana tahu kalau-kalau Dr. Mahathir mati terkejut atau dalam politik macam-macam cara boleh matikan orang yang kita tidak suka, secara mudah Datuk Musa boleh jadi Perdana Menteri. Macam cara Tun Hussein jadi Perdana Menteri sesudah Tun Razak meninggal dengan mengejut.

Datuk Musa tidak menampakkan sifat sebagai seorang sahabat. Meski pun Ku Li sudah tewas dan kekuatannya sudah tiada, Musa terus takut dengan pengaruh Ku Li. Sebab itu Musa mahukan Dr. Mahathir memecat Ku Li dari jawatan Menteri Kewangan. Siapa yang tidak tahu beliau pernah menulis surat kepada Dr. Mahathir meminta Dr. Mahathir bertindak demikian. Akhirnya Ku Li ditukar ke Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Musa masih belum puas hati Ku Li masih menjadi Menteri. Walaupun sudah dua kali kalah tetapi masih berpengaruh. Dan cara yang paling selamat baginya menamatkan politik Ku Li ialah suruh Ku Li lawan Dr. Mahathir.

Gabungan Ku Li — Musa ini lebih kurang gabungan CCC, DAP dan PAS dalam Pilihanraya 1986 yang membawa kekalahan teruk kepada PAS.

Yang Amat Berhormat Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia yang ke empat merangkap Presiden UMNO sekarang berumur 61 tahun. Yang Amat Berhormat Dr. Ghafar Baba, Timbalan Perdana Menteri merangkap Naib Presiden sudah berumur 62 tahun. Setahun lebih tua dari Perdana Menteri. Setiap yang bermula mesti berakhir, tidak ada manusia yang boleh kekal dikerusinya buat selama-lamanya. Begitu juga kedua-dua mereka yang sudah tua ini.

Nabi Muhamad S.A.W wafat semasa berumur 63 tahun. Panjang pendek umur manusia ditentukan oleh Allah. Begitu juga dengan hal-hal yang lainnya.

Sebagai seorang pemimpin yang bertanggungjawab, Perdana Menteri tidak boleh meninggalkan kerusinya dengan begitu saja. Dia mesti mencari seorang yang lebih muda darinya sebagai pengganti. Itu sudah menjadi kebiasaan.

Dahulu beliau mengambil Datuk Musa Hitam, pemimpin yang lebih muda darinya sebagai Timbalan Presiden dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa buat macam-macam perangai. Datuk Musa minta berhenti ketiga-tiga jawatan sekali, Timbalan Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Timbalan Presiden UMNO.

Sepatutnya cerita Datuk Musa ini sudah lama selesai, tetapi ahli UMNO dan Majlis Tertinggi tidak ikut nasihat saya seperti yang saya tulis dalam buku MUSA DERHAKA? Pecat saja Datuk Musa Hitam dari kerusi Timbalan Presiden UMNO.

Ini tahun terakhir Dr. Mahathir mempertahankan kerusi Presidennya. Masih banyak kerja-kerja yang belum selesai dan mesti diselesaikan. Ahli UMNO patut mengekalkan kerusinya.

Adalah mustahil bagi seorang Ketua untuk bekerjasama dengan orang nombor dua yang dia tidak percaya. Datuk Musa tidak sesuai dengan Dr. Mahathir. Ini dijelaskan di mana-mana. Orang kampung pun tahu. Yang kita hendak Musa duduk lagi di kerusi nombor dua itu buat apa? Orang politik yang bijak tidak buat kerja-kerja yang tidak betul macam ini. Sepatutnya tidak ada Bahagian yang mencalonkan Datuk Musa di kerusi Timbalan Presiden, apalagi kerusi Presiden.

Saya berani mengatakan hasrat Datuk Musa untuk bertanding jawatan Timbalan Presiden kali ini 'tidak betul' kerana berdasarkan tindakan dan alasannya semasa meletakkan jawatan dahulu. Alasan Musa ketika itu ialah kerana tidak boleh bekerjasama dengan Dr. Mahathir. Kerana itu beliau meletakkan semua jawatannya, sama ada dalam kerajaan dan juga parti.

Bagaimanapun setelah dipujuk oleh empat Menteri Besar yang

juga Pengerusi Perhubungan UMNO negeri-negeri, Tok Musa menarik balik hasrat meletakkan jawatan Timbalan Presiden.

Jadi, kalau Tok Musa betul-betul berani dan ada ramai pengikut kenapa untuk tahun 1987 ini cuma bertanding jawatan Timbalan Presiden sahaja. Mengapa tidak terus bertanding dengan Dr. Mahathir? Mengapa pujuk dan lobi Ku Li untuk menentang Presiden? Apa punya politik! Janganlah main sorong papan tarik papan, buah keranji dalam perahu; suruh lawan takut nak lawan, suruh orang lain yang beradu.

Kalau saya jadi perwakilan UMNO yang akan memilih dalam perhimpunan tahun ini, saya jadi bingung. Dulu kata tak suka dan tak bersetuju dengan pimpinan Dr. Mahathir. Bila ada peluang untuk lawan, lari sembunyi diri, tidak berani mengkotakan kata-kata yang dilepaskan dahulu. Sekarang mana Musa nak taruh muka? Buat malu orang Johor sahaja.

Tahun 1981 dan 1984 Dr. Mahathir menolak Tengku Razaleigh kerana Dr. Mahathir tahu dia tidak boleh bekerjasama dengan Tengku Razaleigh. Orang UMNO telah melantik Dr. Mahathir sebagai Presiden. Memilih seorang Timbalan Perdana Menteri adalah hak seorang Presiden. Buat apa hendak pilih Musa lagi sedangkan sudah terang Musa adalah **duri dalam daging** bagi Dr. Mahathir?

Memilih Timbalan Presiden adalah hak ahli-ahli UMNO. Adalah mustahil bagi seorang juru terbang diberi seorang pembantu juru terbang yang tidak sehaluan dan tidak secocok untuk membuat satu penerbangan yang jauh dalam keadaan cuaca yang tidak baik. Memilih Datuk Musa sama seperti meletakkan seorang *Hijacker* dalam sebuah kapal terbang. Mahukah anda menjadi penumpang di dalam sebuah kapal terbang yang anda tahu di dalamnya ada seorang *Hijacker*?

Itulah antara sebab saya menyokong Dr. Mahathir memilih Dr. Ghafar kerana sebagai seorang penumpang di atas kapalterbang, kita perlu juruterbang dan pembantunya yang sefahaman dan boleh bekerjasama dengan baik, kerana memandangkan ekonomi dan suasana politik yang tidak baik.

Dulu saya sokong Datuk Harun kerana Datuk Harun bukan hendak jadi Timbalan Perdana Menteri tetapi Datuk Harun mahu jadi



Timbalan Presiden UMNO, kerana mahu menyelamatkan UMNO. Datuk Harun dan Datuk Musa tidak sama.

Tahun ini sekali lagi saya menyokong Datuk Harun untuk bertanding kerusi Naib Presiden yang dikosongkan oleh Encik Ghafar kerana Datuk Harun tidak berada di dalam kerajaan, dan dialah orang lama yang layak menjaga parti. Lagipun tahun ini Datuk Harun akan menyokong Encik Ghafar dan menyokong kepimpinan Dr. Mahathir. Dengan adanya "godfather" menjadi salah seorang *The President Men*, regu Ku Li — Musa hendak menentang Mahathir — Ghafar terpaksa berfikir banyak kali, kerana pada mulanya mereka berfikir Datuk Harun akan menyebelahi mereka.

Ahli-ahli UMNO mesti memikirkan masa depan negara kita. Mereka mesti membuat persediaan untuk bakal pengganti Presiden. Timbalan Presiden yang sekali gus akan menjadi Timbalan Perdana Menteri seperti yang telah ditetapkan oleh tradisi UMNO. Datuk Musa tidak patut diberi peluang untuk duduk di situ. Musa adalah musuh dalam selimut dan duri dalam daging pada Presiden Parti, juga UMNO sendiri. Sekiranya Datuk Musa benar-benar kasihkan UMNO dan negara ini, beliau jangan bertanding lagi. Orang UMNO dan orang Melayu akan memaafkan dan melupakan kesalahan Datuk Musa. Berehatlah dulu, pergilah berbulan madu dengan isteri yang baru. Bila suasana sudah tenang dan tenteram, kembali semula kepangkuan UMNO sebagai seorang tua yang baik. Itu nasihat saya yang ikhlas.

# 11

## BMF — MUSA DAN KU LI TERLIBAT

Skandal BMF semua orang tahu. Walaupun Ku Li buat majlis baca Yasin dan sembahyang hajat beramai-ramai di pejabatnya supaya orang jangan tahu. Jangan bercerita yang dia terlibat dalam skandal BMF, orang tahu juga. Oleh kerana skandal ini merupakan skandal penyelewengan wang yang terbesar pernah berlaku dalam sejarah negara kita maka banyakkah orang-orang yang tidak faham dan terkeliru tentang bagaimanakah skandal itu boleh terjadi dan siapakah yang bertanggungjawab mengenai perkara ini.

Dua setengah billion tu nak kata sikit tentulah tak sikit, nak kata banyak memanglah banyak, tapi banyak mana duit dua setengah billion itu hanya dua tiga kerat orang Melayu saja yang tahu.

Banyak sangat duitnya, tak terhingga banyaknya hingga orang orang kampung tak pernah fikir duit boleh ada banyak macam itu. Billion. Perkataan billion itu pun jarang-jarang mereka dengar.

Entah banyak mana yang dikatakan billion itu pun orang Melayu tak dapat nak gambarkan. Mereka tidak pernah terjumpa adanya orang Melayu yang sudah jadi billionaire. Tapi ada orang Melayu yang istimewa, dia bukan saja tahu banyak mana duit billion, tapi dia pandai juga mencuri duit yang banyak macam itu. Dia bukan curi sendiri, dia pelihara toyol. Toyol-toyolnyalah yang pergi kebas duit sebanyak ini. Toyol istimewa. Toyol yang besar.

Kes ini ada orang kata kes Melayu tipu Melayu dan ada juga orang kata kes Cina tipu Melayu. Ada orang kata ini kes Melayu guna Cina untuk tipu Melayu dan ada pula yang kata ini kes Cina guna Melayu untuk tipu Melayu. Berpusing-pusing dan bercelaru, tapi akhirnya yang

kena tipu ialah orang Melayu juga, dan yang menipu pun orang Melayu juga. Cina duduk di tengah-tengah, yang jadi hantu toyol, hantu bungkus, hantu gulunglah yang mainkan orang Melayu itulah sebabnya Cina panggil mereka ini 'Malay Kwai'.

Seorang pahlawan Melayu, iaitu pahlawan di bidang akaun yang bernama Jalil Ibrahim, menjadi korban mati dibunuh oleh hantu-hantu BMF ini. Permainan orang-orang kaya yang pintar menipu itu meragut nyawa bangsanya sendiri. Mari kita bacakan **Alfatihah** untuk roh Jalil Ibrahim, semoga Allah tempatkan rohnya bersama para aulia Allah. Kalau Jalil Ibrahim tidak terkorban mungkin kita semua tidak tahu cerita yang sebenarnya.

Kes BMF ini bukan kes kecil. Duit orang Melayu yang tidak terhingga banyaknya itu telah dicurahkan di bumi China di Hong Kong. Lesap duit sebanyak itu. Ini berat punya kes. Siapakah penyamun dan pengkhianat bangsa yang tak berhati perut dan tak berperikemanusiaan itu? Untuk melepaskan diri sendiri mereka sanggup meragut nyawa orang yang tidak berdosa. Kini isteri Jalil jadi janda anak-anaknya jadi anak yatim.

Relakah kita membiarkan segala titik peluh kita dimain-mainkan oleh orang yang sanggup membunuh kerana mereka sudah jadi orang gila wang? Orang gila memang sanggup buat apa saja kerana dia sudah gila. Gila kuasakah, gila wankah, gila saja-saja gilakah sama saja. Orang gila juga namanya. Kalau tak gila mana boleh jadi skandal macam skandal BMF. Skandal macam itu cuma orang gila saja sanggup buat.

Orang yang membuat majalah gila-gila bukan orang gila. Kegilaan mereka sekadar mahu menghibur memberi hiburan saja.

Siapa orang gila itu? Setengah orang kata Dr. Mahathir yang gila, setengah pula kata Daim Zainuddin gila. Saya kata Ku Li sama Musa yang gila. Saya tak gila. Saya cuma buat gila, tak buat gila-gila buku ini tak boleh keluar.

Pasal apa pula Daim yang nak gila? Masa BMF mula buat gila bagi pinjaman yang gila-gila kepada syarikat-syarikat milik Goerge Tan, masa itu Daim Zainuddin belum masuk kerajaan lagi. Yang jaga duit kerajaan masa itu Yang Berhormat Mulia Tengku Razaleigh Hamzah.

Mahathir pun belum jadi Perdana Menteri lagi masa itu. Dia jadi Perdana Menteri bulan Julai 1981. Duit mula dicurahkan oleh BMF di Hongkong pada 3 Julai 1979 kepada syarikat George Tan yang bernama Carrion Development Ltd. Ini kerja siapa? Bukan kerja orang gila ke?

Itulah dia kerja Lorrain Esme Osman, kerja Hashim Shamsudin, kerja Rais Saniman. Siapa tiga orang manusia yang rapat sangat dengan George Tan peniaga bengkrap di Singapura yang lari ke Hong Kong itu? Kawan baik siapa mereka tiga orang itu? Kawan baik Dr Mahathir? Bukan. Kawan baik Anwar Ibrahim? Bukan. Kawan baik siapa? Kawan baik Daim Zainuddin? Bukan. Kalau begitu kawan baik Ghafar Babalah. Bukan. Bukan-bukan! Habis, kawan baik siapa! Cakaplah betul-betul!

Mereka itu kawan baik Tengku Razaleigh dan Musa Hitam. Mereka itu semua member ketat. Orang Kelantan kata saing.

Sampai sekarang Ku Li masih tinggal di rumah Lorrain di Kuala Lumpur.

Di hadapan regunya Datuk Musa Hitam yang dijemput membuka mesyuarat Bahagian UMNO Gua Musang, memang eloklah Musa diajak ke gua Musang. Musa tentu sekali suka pergi ke Gua Musang. Tengku Razaleigh bersumpah: **“DEMI ALLAH SAYA TIDAK TERLIBAT. KALAU BENAR SAYA MAKAN DUIT HARAM SAYA BERDOA KEPADA ALLAH BINASALAH SAYA.”**

Astaghfirullah, Astaghfirullah, Astaghfirullah Hal Azim.

Mengucap Ku. Mengucap Ku mengucap.

Jangan main-main dengan sumpah Ku. Sumpah pula dengan nama Allah pula tu. Tengku keturunan orang baik-baik. Nak sumpah-sumpah ni ingatlah dekat datuk nenek Ku. Jangan terpengaruh dengan Chandra Swamiji. Kita semua ini orang Islam. Tengku tidak tengok ke filem Jins Shamsudin. Filem “Esok Untuk Siapa”. Filem tu dibuat di Kelantan Ku. mesej cerita itu, jangan suka bersumpah, nanti dimakan sumpah. Jins Shamsudin yang menjadi hero filem tu rosak binasa kehidupannya kerana dimakan sumpah. Penghabisan duduk sembunyi bawah rumah. Saya tak mahulah Ku jadi macam tu. Masa

tu Ibrahim Ali pun tak boleh tolong. Dia dah cari taukeh lain. Musa Hitam pun tak boleh tolong. Dia sendiri pun sudah kena sumpah orang PAS. Tengok lepas 100 hari kena sumpah dia letak semua jawatan. Tengok sekarang ini perangai Musa macam orang sasau. Sumpah orang PAS tak serupa "Sumpah Orang Minyak". "Sumpah Orang Minyak" setakat dalam filem P. Ramlee saja. Ini cerita sumpah-sumpah.

Skandal ini mula di ketahui oleh orang ramai apabila Mahathir mendedharkannya secara terbuka pada bulan Oktober 1983. Perangai orang kita ini pelek sikit. Bila ada orang yang berani mendedahkan sesuatu perkara yang mereka tidak tahu, mereka ingat orang itulah yang bertanggungjawab. Mereka sudah tidak boleh membezakan lagi antara orang yang bertanggungjawab melakukannya dan orang yang berani mendedharkannya dan orang yang bertanggungjawab untuk menyelesaikannya.

Macam mana mereka hendak tahu. Ku Li Musa dan kuncu-kuncu mereka hari-hari sana-sini menceritakan keburukan Mahathir, Daim supaya orang lupakan kesalahan mereka.

Perkara ini bukan sahaja mengenai skandal BMF, masalah kemerosotan ekonomi kita serupa juga. Orang kita lupa bahawa perkara-perkara yang besar seperti kehilangan wang \$2.5 billion bukan boleh dibuat dalam masa yang singkat.

Kemerosotan ekonomi negara berlaku di zaman Mahathir tetapi perkara besar seperti itu tidak berlaku dengan tiba-tiba. Ia memerlukan masa yang panjang. Orang nak beranak pun mengandung sembilan bulan dulu. Bukan mengandung hari ini boleh terus beranak besok sudah cukup sembilan bulan pun tidak terus beranak. Nak malam pun dia gelap sikit-sikit. Dia tak terus-terus gelap begitu sampai tak nampak apa? Allah bagi *warning* dulu, kalau Allah tak bagi *warning*, banyaklah *accident*. Orang nak sakit pun bukan terus-terus sakit. Bukan terus tenat. Dia ada dia punya simptom dia dulu. Datuk Musa Hitam tentu tahu, dia selalu guna perkataan "sindrom".

Masalah ekonomi negara dengan skandal BMF serupalah juga dengan sakit. Sebab itupun penyakit negara juga. Penyakit ini ada macam-macam jenis penyakit. Ada penyakit kanser, ada penyakit AIDS. Dulu mereka kata AIDS itu Anwar Ibrahim, Daim Zainuddin



Inilah wajah Tengku Razaleigh yang sebenarnya. Saya takut nak meramalkan wajah begini, kerana banyak yang sensitif. Kalau nak tahu, jumpa saya secara personal. Tak boleh cerita di sini.

dan Sanusi Junid. Sekarang cerita Sanusi sudah senyap bila saya gambarkan siapa Sanusi Junid yang sebenarnya dalam buku **MUSA DERHAKA?**

Penyakit AIDS ini kata orang berlaku kepada lelaki tak kahwin saja. Bertahun-tahun dia berseronok sama-sama laki-laki, dia tak tahu yang dia sakit lagi. Bila muka dah berkerepok macam Rock Hudson barulah dia tahu dia sakit. Bila dia tahu dia sakit, mengelabah tak terkiralah dia. Itu jamlah baru dia nak ingat Tuhan. Sembahyang tonggang-tunggu pun dah tak guna lagilah. Sekarang Tuhan tidak akan terbalikkan negeri di mana manusia berlaku sumbang dan buat dosa-dosa besar tapi Tuhan turunkan penyakit AIDS sebagai balak. Kalau tidak berubat orang kena sakit AIDS ini berperangai macam orang gila kerana tidak tahan menanggung penyakit yang amat sangat.

Ekonomi negara jadi terok bukanlah disebabkan oleh Mahathir. Mahathir ambil alih perintah negara ini, pada bulan Julai 1981. Perkara-perkara yang menyebabkan ekonomi negara kita terok telah dibuat lama sebelum itu lagi, di zaman Ku Li jadi Menteri Kewangan. Begitu juga dengan BMF. Kata Tan Sri Ahmad Nordin Zakaria, bekas Ketua Odit Negara yang dipertanggungjawabkan menyiasat skandal BMF, Skandal itu adalah suatu *concerted plan*, iaitu suatu rancangan yang dibuat secara bersepadu. Maknanya ia telah dirancang dengan penuh teliti, lama sebelum tarikh pinjaman yang pertama pada 3 Julai 1979 itu lagi.

Satu lagi yang kita semua lupa bahawa Allah Maha Berkuasa. Tuhan hendak cuba kita terutama mereka yang terlupa nikmat Tuhan. Masa kaya raya tidak ingat nak bersedekah orang yang miskin papa.

Kepala penyamun BMF yang bernama Lorrain Esme Osman, itu adalah anak didik Tengku Razaleigh. Dia berkerja di Bank Bumiputra semasa Tengku Razaleigh menjadi Pengerusi Bank Bumiputra lagi. Tengku Razaleigh melantik dia menjadi Pengerusi BMF Hongkong. Datuk Hashim Shamsuddin, Pengarah BMF kawan ketat Ku Li. Ini semua orang tahu dan mereka ini semua mempunyai isteri yang bukan Melayu. Kalau isteri orang Melayu yang taat beragama tentu mereka tidak sanggup jadi hantu bungkus dan hantu gulung.

Asiavest, salah sebuah syarikat di Hongkong, yang pernah menerima pinjaman BMF pada tahun 1980 antara pemilik sahamnya

adalah Tengku Razaleigh dan keluarganya. Sampai kehari inipun nama Tengku Razaleigh masih ada dalam komponi itu. Tengoklah data ini:

### K.T.H. HOLDINGS SDN. BHD.

Pemegang Saham	Saham yang dipegang \$
1. Tengku Abdul Aziz Bin Tengku Mohd. Hamzah.	1,092,001
2. Tengku Azizah Binti Tengku Mohd. Hamzah.	546,001
3. Tengku Razaleigh bin Tengku Mohd. Hamzah.	1,092,000
4. Tengku Robert Bin Tengku Mohd. Hamzah.	1,092,000
5. Tengku Maziah Binti Mohd. Hamzah.	546,000
6. Tengku Zain bin Tengku Mohd. Hamzah.	546,000
	<hr/>
	4,914,002
	<hr/>
Modal berbayar	\$4,914,002

\*\*Tidak ada pertukaran saham sejak K.T.H. Holding ditubuhkan pada tahun 1972.



## ASIAVEST CORPORATION SDN. BHD.

Pemegang Saham	Saham yang dipegang \$
1. Dr. Syed Mahmood Bin Syed Hussain	1
2. Datuk Hj. Kamarulzaman Bin Mahamed	1
3. Somumu Sdn. Bhd.	2,017,511
4. K.T.H. Holdings Sdn. Bhd.	1,624,753
5. Tengku Razaleigh Hamzah	60,463
6. Samarra Holdings Sdn. Bhd.	2,017,512
7. Syarikat Nominee Bumiputra Sdn. Bhd.	332,295
	6,052,536
Modal berbayar	\$6,052,536

\*\*Pertukaran saham yang terakhir pada tahun 1985. Syarikat Nominee Bumiputra Sdn. Bhd. mendapat 332,295 saham daripada Tengku Razaleigh Hamzah dan sebelum itu beliau hanya ada 392,295 saham dalam tangan.

Ini bukti dan dalilnya. Sepatutnya seorang Menteri Kewangan tidak boleh buat kerja macam ini. Inilah yang dikatakan salah gunakan kuasa. Hendak sumpah juga lagi. Dalil ini datangnya dari Kementerian Perdagangan.

Pada tahun 1979, Tengku Razaleigh Hamzah telah mempunyai hubungan yang rapat dengan George Tan. Dr. Nawawi Mat Awin, Dr. Rais Saniman dan Datuk Hashim Shamsuddin dalam pengakuannya kepada Jawatankuasa Penyiasat mengesahkan bahawa Tengku Razaleigh yang membuat keputusan untuk membeli Gammon House. Ku Li telah mengarahkan BBMB menyediakan wang untuk jual-beli itu. Nasib baik jual-beli itu tidak jadi, kalau jadi dalam sekelip mata George Tan akan dapat \$50 juta Amerika. Dan ingat Ku Li kawan baik George Tan. Siapa boleh pasti wang yang sebanyak itu tidak akan mengalir sama ke dalam poket Ku Li? Ku duit yang senyap-senyap disimpan dalam poket oleh toyol-toyol bukan duit haram ke?

Hebat, hebat. Di Gua Musang dengan Musa, Ku Li membuat kenyataan yang dia tidak terlibat dengan skandal BMF. Dengan suara besar dia kata itu semua tuduhan nakal.

Ku tahun 1981 saya tulis buku **SIAPA SELEPAS MUSA**. Sesudah statement Tengku dalam sebuah akhbar Inggeris "*I am prepared to go broke*" itu satu statement yang sombong dan angkuh.

Kalau Ku Li sanggup jadi brook, saya pun tak malu ikut sama jadi brook. Berapa banyak orang yang ikut brook temboloknya berisi juga. Sekarang Ku bersumpah pulak. Saya tak nak bersumpah kerana saya takut di makan sumpah. Kalau Ku Li berani biar dia seorang sajalah yang makan sumpah dia sendiri.

Saya penulis rakyat Ku. Bila pemimpin sudah keterlaluan mempermain-mainkan rakyat, sebagai seorang hamba Allah saya serahkan diri pada Allah. Saya terpaksa mempertahankan rakyat terutama orang-orang Melayu yang tidak berdosa. Ku ingat dengan bersumpah di Gua Musang rakyat akan percaya pada Tengku dan semua perwakilan akan beri undi supaya Tengku jadi Presiden UMNO lepas itu terus jadi Perdana Menteri?

Ku. Ku sudah keterlaluan menghina dan memburukkan nama baik pemimpin dan menteri kami terutama Perdana Menteri kami. Datuk Sri Dr. Mahathir tidak penting tapi kerusi yang didudukinya itu diberi oleh kami. Kami rakyat, Ku kena jaga hati rakyat juga. Berapa kerat sangat orang UMNO. Rakyat sudah mula *fad up*, bosan dengan cerita Ku dan Musa. Bohong sana bohong sini memburukkan kerajaan Ku sendiri. Kata orang tua-tua: **menepuk air di dulang merecik kemuka sendiri**.

Wahai orang-orang UMNO, mari kita tanya sama Ku Li kalau dia tidak terlibat siapakah yang terlibat? Haji Hadikah yang terlibat? Haji Yusuf Rawakah yang terlibat? Razak Ahmadkah yang terlibat? Takkan Suharto pula yang terlibat. Takkan Margaret Thatcher pula yang terlibat. Takkan Ronald Reagan pula yang terlibat.

Tengku jangan nakal-nakal Ku. Nanti kena sebat Ku. Malu Ku. Kita bukan budak-budak lagi. Budak-budak nakal tak apa Ku. Kita dah ada anak dah ada cucu Ku. Eh, minta maaf Ku, terlajak Ku. *Sorry. Sorry*. *Sorry* Ku. Terlupa Ku belum kahwin. bila Ku nak kahwin.

Ku kena ingat sikit, bukan semua orang Kelantan suka Ku. Tengku Ahmad Rithaudin tak sokong Ku. Dia Menteri Penerangan dan dia lebih tua daripada Ku. Dia pun Tengku juga. Kasim Ahmad, Timbalan Menteri Tanah pun tak suka Ku. Menteri Besar Kelantan, pun tak suka Ku. Buat apa Ku suruh orang-orang Ku sorak dia. Dia orang tua Ku. Takkan Datuk nenek Ku tak pesan suruh hormat orang tua-tua. Ku jangan terpengaruh dengan Datuk Musa. Dia ajar semua orang suruh kurang ajar. Tengok tu, Ku bawa dia pergi Gua Musang dia menjatuhkan maruah Ku. Merosakkan nama baik Ku.

Husin Ahmad, Ketua Penerangan UMNO Malaysia pun tak suka Ku juga. Dia tu Sri Rama Ku. Sri Rama bukan Ku tak tahu. Dia ada daulat dia sendiri. Sutung orang Kelantan Ku. Dollah Ahmad Kok Lanas pun orang Kelantan. Sutung *interview* dia dalam *Dewan Budaya* bulan April. Cuba Ku baca *Dewan Budaya*.

Ku tak tahu lagi golongan-golongan muda. Ustaz Dasuki macam mana? Anuar Musa, nama saja Anuar Musa tapi dia sokong Anuar saja, tak sokong Musa Hitam. Dia tak macam Mike Musa.

Ku kenal tak Ismail Wahab? Kalau tak kenal tanyalah orang-orang kawasan Ku. Kalau saya nak tulis orang Kelantan yang tak sokong Ku, satu buku pun tak cukup. Ku tahu, orang yang ramai-ramai datang Gua Musang tu, macamlah orang ramai-ramai dengar orang PAS bersyarah. Berpuluh-puluh bas datang, bila mengundi kalah juga.

Siapa tak kenal Ibrahim Ali. Kerja kumpul-kumpul orang ini kerja Ibrahim Alilah. Ku ingat orang tak tahukah, kerja Ibrahim Ali selama ini. Orang tahu Ku. Kalau tak percaya tanya Alias Mohamad. Dia boleh tulis satu buku tentang Ibrahim Ali.

Semua orang tahu Ku Li jadi Menteri Kewangan pada masa itu. Nawawi Mat Awain, Rais Saniman dan Datuk Hashim Shamsuddin kata Ku Li terlibat.

Dengan hubungannya di Hongkong Tengku Razaleigh mendapat faedah kewangan yang banyak. Ku Li telah menerima cek pengembaraan bernilai HK\$86,850. Dalam Kertas Putih Ku Li mengaku bahawa jumlah tersebut "semuanya selesai dibayar". Kata Ku Li "semuanya selesai dibayar". Apakah makna ayat "semuanya selesai dibayar" ini? Ini bermakna Ku Li memang mengambil wang

itu sebab itu dia kata "semuanya selesai dibayar". Kalau dia tidak ambil, buat apa dia bayar. Soalnya bukan soal bayar atau tak bayar. Soalnya ini bukti dan dalil yang Ku Li terlibat.

Kenapa Ku Li bayar? Ini satu persoalan lain lagi. Saya tak nak panjang-panjang persoalan ini. Kalau saya panjang-panjangkan nanti macam-macam lagi akan keluar. Sebab orang boleh bertanya duit yang Ku Li guna untuk bayar itu, duit dari mana pula?

Ada sesuatu yang Ku Li cuba rahsiakan dari pengetahuan umum. Menurut Ku Li perkara ini berbangkit mungkin mengenai peristiwa ketika beliau singgah di Hongkong dalam perjalanan untuk menghadiri mesyuarat antarabangsa di luar negeri.

"Pada ingatan saya, saya telah menyuruh setiausaha saya membeli *U.S. travellers cheques* untuk saya kerana saya telah membuat keputusan ketika itu hendak bercuti selepas mesyuarat dan oleh itu saya perlukan perbelanjaan lebih banyak untuk perjalanan yang lebih lanjut!" Kata Ku Li lagi.

Ada beberapa perkara yang menjadi kemuskilan. Pertama, bila dia tahu dia hendak bercuti mengapa dia tidak menyiapkan diri lebih awal. Mengapa sampai *last* minit. Dia boleh guna kredit kad. Tetapi ada setengah orang kerana mahu berjudi di luar negeri atau mahu berseronok-seronok dengan perempuan kabaret terpaksa gunakan *cash*. Mereka tak pakai kredit kad. Jika pakai kredit kad, orang boleh tahu apa yang dibelanjakan kerana akan tercatat di situ senarai perbelanjaan.

Lagipun, bila Ku Li buat keputusan nak cuti? Bolehkah seorang pergi cuti ikut suka hati? Tentu kena minta cuti daripada Perdana Menteri. Ada rekod ke Ku? Siapa Menteri yang *acting* masa Ku pergi cuti tu?

Tengku Razaleigh juga menafikan yang beliau tahu tentang pinjaman yang diterima oleh Asiavest pada tahun 1980 daripada BMF. Kita tahu Asiavest adalah kompeni Tengku Razaleigh. Tidak tahu bukan bermakna tidak benar. Mungkin maksud Ku Li dia tidak tahu tentang permohonan untuk mendapatkan pinjaman bernilai \$15 juta Amerika kepada Asiavest sebab dokumen-dokumen kelulusan itu saja yang di rekodkan.

Asiavest milik Ku Li dan keluarganya, juga mempunyai hubungan urus-niaga yang meragukan pada tahun 1981 — 1983 dengan *Knife and Dagger* sebuah syarikat kepunyaan Ibrahim Jaafar, Pengurus Besar BMF.

Selama ini orang ramai terpengaruh dengan KuLi sehingga orang melupai penglibatannya di dalam BMF. Mungkin orang Melayu ingat Ku Li anak raja. Anak raja tak buat salah? Atau kerana Ku Li arah bank bagi pinjaman? Agaknya inilah kerja Ku Li berjumpa dengan Chandra Swamiji minta tolong Supaya orang lupa yang dia terlibat dengan BMF. Ku Li dah buat sembahyang hajat dan baca yasin di pejabat. Tak cukupkah dengan minta tolong kepada Tuhan. Atau pun Ku Li tahu yang Tuhan memang tak menolong kerja-kerja jahat macam ini. Sebab itu dia minta tolong Swamiji. Lupakanlah Ku Li bahawa Tuhan boleh mengatasi semua kuasa manusia. Walaupun manusia yang pandai majic-majic tutup dengan apapun kalau Tuhan nak bagi orang nampak, orang buta pun boleh nampak. Tapi kalau Tuhan tak nak bagi nampak, Nabi Muhammad s.a.w bersembunyi di dalam gua, labah-labah buat sarang dipintu gua sahaja pun orang dah tak nampak. Percaya dengan Tuhan Ku, jangan percaya dengan Swamiji.

Sebagai Menteri Kewangan sejak di dalam kabinet Tun Hussein Onn lagi, MUSTAHIL Ku Li tidak tahu secara mendalam skandal BMF. Bagi Ku Li untuk mengatakan dia tidak tahu siapakah yang terlibat di dalam BMF, dan mengapa Bank Bumiputra mengalami kerugian, ini satu cerita dongeng.

Ku Li kalau ada maruah, patut berhenti lama dulu. Kalau di Jepun sudah kena hara kiri.

Ku Li kata "8 tahun saya jadi Menteri Kewangan tak ada apa-apa kontroversi". Ini apa ni Ku Li. Kontroversi itu apa Ku. Orang kampung tak faham Ku. Dia ingat kontrol besi. Macam mana? Kalau lapan tahun Ku tak kontrol besi, itu betul, saya setuju. Menteri Kewangan bukan kerja kontrol besi. Yang kontrol besi dekat Malaysia ini Tan Sri Lee Yan Lian. Sekarang dia dah meninggal, Ku bagi kepada siapa pula lesen-lesen besi ini. Betullah sekarang Ku kontrol besi. Dulu Ku kontrol duit. Itu sebab duit \$2.5 billion lesap di Hongkong. Ku dah kontrol dia ke sana. Orang di sini yang susah.

Jika dia tidak tahu tentang skandal BMF, ini maknanya dia tidak

membuat kerja. Sebagai Menteri Kewangan dia wajib tahu kerana dia menjaga urusan kewangan negara. Dia harus tahu ke manakah perginya berbilion-bilion wang orang Melayu dan mengapa Bank Bumiputra harus meluluskan pinjaman itu. Mengapa Ku Li tidak menghentikan pengaliran keluar wang itu ke HongKong, ini tidak dapat difahami. Dia sepatutnya memberitahu Perdana Menteri kedudukan sebenar BMF, bukannya pegawai dari Bank Negara.

Adakah dia tidak mahu mendedahkan kebenaran kerana takut namanya terbongkar sebagai salah seorang yang terlibat di dalam BMF? Sebelum kita jawab lebih jauh soalan di atas, elok kita ikuti beberapa perkembangan.

Semasa perbincaraan Datuk Hashim Shamsuddin di Hongkong baru-baru ini nama Ku Li sekali lagi disebut. Dia dikatakan mempunyai hubungan akrab dengan Datuk Hashim dan sebab itulah Datuk Hashim kekal di Bank Bumiputra dengan memegang jawatan penting.

Anwar Ibrahim Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia meminta mereka yang disebut nama di mahkamah Hong Kong itu memberikan penjelasan pembabitannya mereka. Belum apa-apa Ku Li sudah melenting sambil berkata penjelasannya tidak perlu kerana dia sudahpun menjelaskan dengan panjang lebar peranannya di dalam BMF di dalam Kertas Putih.

Saya hairan mengapa Ku Li begitu sensitif terhadap permintaan Anwar sedangkan orang lain tidak pun melenting. Ku Li terasa takut dengan bayang-bayangannya sendiri. Kata orang tua-tua dulu, siapa yang makan lada, dialah yang merasa pedasnya.

Ku Li tidak harus bimbang jika dia tidak bersalah. Kecuali dia ada sesuatu yanghendak diselindungi dari pengetahuan umum maka dia haruslah bimbang. Tetapi Ku Li tidak boleh nafikan BMF berlaku semasa dia menjadi Menteri Kewangan.

Dia harus bertanggungjawab ke atas bangsa Melayu kerana membiarkan orang Cina menipu orang Melayu, tambahan pula penipuan itu dibuat di Hong Kong, di mana orang-orang Cina tinggal dan berkuasa.

Yang menipu pula ialah George Tan, bekas warganegara Malaysia

yang tak laku di Malaysia dan membawa diri ke Hong Kong. Pinjaman itu dibuat secara tidak betul. Menurut Kertas Putih Kerajaan, BMF mempunyai hubungan istimewa dengan kumpulan syarikat Carrian berasaskan urusan niaga di antara mereka yang terkeluar daripada hubungan biasa antara bank dan pelanggan.

Menurut Kertas Putih lagi, siasatan Bank Negara menunjukkan langkah pembelian dua tingkat bangunan Bank Metropolitan oleh BMF dan seterusnya menjualkan semula kepada Extradollars dan Extragold adalah sebagai penyamaran jumlah pinjaman sebenarnya kepada kumpulan Syarikat Carrian.

Masihkah Ku Li mahu berdolak dalih bahawa dia benar-benar tidak tahu apa yang berlaku di dalam BMF sehingga BMF kerugian? Menteri Kewangan apakah yang tidak boleh menjaga wang ringgit orang ramai termasuk wang petani dan nelayan? Kalau hendak menjaga wang ringgit rakyat tak mampu bagaimana pula mahu metadbir negara.

Bagi mengingatkan Ku Li elok diperturunkan petikan daripada Dr. Nawawi Mat Awini, bekas Pengerusi Bank Bumiputra. Katanya "SEMUANYA BERMULA DENGAN CADANGAN MENTERI KEWANGAN (KU LI) UNTUK MEMBELI GAMMON HOUSE UNTUK DIJADIKAN PUSAT BAGI SEMUA AGENSI KITA DI HONG KONG." Tak kan tak betul lagi Ku?

Mak Foon Tham yang didapati bersalah membunuh Jalil Ibrahim di Hong Kong mendakwa dia bekerja dengan Tengku Razaleigh selama lapan tahun. Dia juga mendakwa Tengku Razaleigh menghantar dia ke Hong Kong untuk mengambil \$6 juta Amerika untuk Ku Li.

Ku Li kata dia akan saman siapa sahaja yang siarkan tuduhan itu. Tapi sampai sekarang dia tak pernah saman siapa pun walaupun semua suratkhbar siar tuduhan itu. Apakah Tengku Razaleigh takut cerita sebenar akan keluar? Tengku Razaleigh juga sepatutnya bawa Dr. Nawawi Mat Awini ke mahkamah kerana Dr. Nawawi tuduh Tengku Razaleigh yang memulakan pinjaman besar kepada kumpulan Carrian apabila ia bercadang membeli Gammon House untuk kerajaan Malaysia. Tetapi sampai sekarang pun dia tidak buat begitu. Apakah selepas ini dia akan saman saya dengan dakwaan tulisan saya ini menyebabkan dia kalah ke rana saya menceritakan yang benar?

Apakah salah kalau saya kata BMF ialah skandal terbesar sejak negara kita merdeka? Dan ia berlaku waktu Ku Li jadi Menteri Kewangan. Dalam masa 8 tahun tak ada kontraversi?

Pada tahun 1981 Musa dan Ku Li adalah dua orang yang bermusuhan besar. Ku Li mahu menjatuhkan Musa. Musa mahu menjatuhkan Ku Li. Maka rakyat Malaysia pun telah sama-sama melihat dua orang ini mengadakan sayembara silat jatuh. Bersilatlah mereka. Dalam silat jatuh itu Ku Li telah jatuh.

Apabila Ku Li jatuh, orang-orang Musa pun gembiralah bertepok sorak tak terkira lagi adanya. Begitulah hebatnya kalau ditulis macam hikayat-hikayat lama. Tetapi ini bukan hikayat lama sebab ini cerita baru. Jadi terpaksa ditulis cara baru.

Sekarang Musa dan Ku Li kawan baik. Semua orang bertanya kenapa Musa boleh berbaik dengan Ku Li? Rakyat bertanya, para pemimpin yang menjadi pengikut dia pun bertanya. Maka terdengarlah cakap-cakap yang mengatakan ini perlu kerana demi perpaduan UMNO? Tapi orang-orang UMNO pun berfikir mereka berbaik-baik demi perpaduan, tetapi mereka berpakat untuk meruntuhkan pimpinan yang ada. Tentulah orang UMNO pun tahu, ini punya cerita bukan perpaduan UMNO punya hal. Ini perpaduan Ku Li dan Musa punya hal. Haiyo, kata Samy Vellu baru-baru ini.

Dalam macam-macam agakan dan andaian yang dicari untuk memberi alasan terhadap Musa-Ku Li itu, berbagai-bagai perkaralah timbul. Antara yang timbul itu ialah disebabkan Musa dan Ku Li sama-sama terlibat dalam BMF, jadi tidak bijaklah bagi mereka kalau tidak berbaik-baik. Nanti kalau tidak berbaik-baik susah jadinya. Apabila berbaik-baik bolehlah sama-sama sembunyikan cerita sebenar.

Tapi yang dibuat oleh Musa dan Ku Li dengan BMF ada bukti-buktinya yang tak boleh disembunyikan. Suratkhbar dan majalah banyak siarkan. Ada suratkhbar dalam negeri dan ada suratkhbar dan majalah luar negeri.

*Said Musa: "I indeed knew Dr. Rais Saniman," BMFL's alternate director, "and had met him several times in his capacity as the Bank Bumiputra officer responsible for syndicated loans on behalf of the government. Our meeting*



*in my office were to enable him to brief me in my capacity as deputy prime minister on various stages of development of foreign loans he was working on."*

*Added Musa: "In his series of visits there was once when Dr. Rais tried to tell me about his personal business and dealings in Hongkong, but I stopped him as it had nothing to do with our official functions. I do not know any more than this."*  
Asiaweek, Mac 23, 1986.

Musa sendiri tidak menafikan Dr. Rais adalah sahabat baiknya. Di dalam penjelasannya kepada Kertas Putih Kerajaan bertarikh 18 Feb. 1986 (dua minggu sebelum berhenti dari jawatan Timbalan Perdana Menteri), Musa berkata: "Saya memang kenal dengan Dr. Rais dan beberapa kali telah berjumpa dengannya selaku Pegawai BBMB yang bertanggungjawab atas pinjaman-pinjaman "syndicate" bagi pihak kerajaan Malaysia."

Perjumpaan itu kata Musa, berlaku di pejabatnya bagi membolehkan Rais memberi taklimat kepadanya selaku Timbalan Perdana Menteri atas berbagai peringkat kemajuan pinjaman-pinjaman dari luar negeri yang sedang diusahakan. Kata Musa lagi, dalam siri lawatannya, Dr. Rais menyebut serta cuba menghuraikan hal-hal perusahaan dan perniagaan personalnya di Hong Kong. Tetapi kata Musa, dia telah menahannya oleh sebab ini tidak ada kaitan langsung dengan tugas-tugas rasmi beliau. "Saya tidak tahu menahu atas apa-apa yang lebih daripada itu," katanya.

Jawapan itu terlalu ringkas dan mengandungi perkara-perkara yang boleh dipertikaikan. Satahu saya Bank Bumiputra terletak di bawah Kementerian Kewangan. Orang yang bertanggungjawab ketika itu ialah Ku Li selaku Menteri Kewangan. Mengapa pula Musa yang memandai-mandai memanggil Dr. Rais Saniman untuk mendapatkan keterangan?

Jika Musa tahu selok belok birokrasi beliau mesti memanggil Menteri Kewangan untuk mendapatkan penjelasan, bukannya seorang pegawai Bank. Selaku Timbalan Perdana Menteri, Musa harus menjaga imejnya dan kedudukan. Dia harus menghormati orang-orang bawahannya. Musa harus memanggil Pengerusi Bank Bumiputra sekurang-kurangnya, untuk mendapatkan keterangan ataupun

penjelasan. Tetapi oleh kerana Rais sahabat baik beliau, Musa memanggilnya. Takkanlah di dalam siri lawatan yang entah berapa kali mereka bertemu, mereka berbincang hal yang sedikit itu saja?

Jikalau benar mereka berbincang tentang pinjaman "syndicated",tidakkah perbincangan seumpama itu harus dibuat oleh Menteri Kewangan iaitu Ku Li? Sejak bilakah seorang Timbalan Perdana Menteri mengambil alih tugas Menteri Kewangan untuk mengatur pinjaman bagi pihak kerajaan? Ini satu perkara yang aneh.

Setahu kita semua pinjaman kerajaan mesti diatur oleh pegawai-pegawai dari Kementerian Kewangan, kecualilah kalau Timbalan Perdana Menteri ada kepentingan sendiri.

Oleh kerana Musa mengaku dia berunding tentang pinjaman itu, apa pula kerja Ku Li? Senanglah jadi Menteri Kewangan kalau macam tu. Ku Li harus tampil ke depan untuk mengesahkan bahawa Musa ada membantu beliau di dalam pinjaman kerajaan. Kalau Ku Li tidak tampil membuat kenyataan itu, itu maknanya Ku Li ada pakat-pakat sama Musa. Oh, oh, patutlah sekarang mereka pakat-pakat nak jatuhkan Mahathir.

Cerita Musa itu adalah cerita lapuk yang tidak masuk akal. Musa cuba memperdayakan orang ramai dengan membuat cerita seumpama itu. Kemudian Musa menjaja kemerata cerok negeri dia meletakkan jawatan Timbalan Perdana Menteri kerana tidak boleh bekerjasama dengan Dr. Mahathir. Dia nak kerjasama nak pakat menipu memang tak boleh. Jadi bila tak boleh, maka diapun kerjasamalah dengan Ku Li supaya boleh.

Pembelian Grand Marine Holding (GMH) ada kaitan dengan Musa. Menurut catatan Jalil Ibrahim di dalam diarinya di dalam bulan April, 1983 antara lain beliau menulis: George Tan ada menyebut bahawa ada cadangan untuk membeli GMH untuk dijual kepada kerajaan Malaysia. Pembelian itu bernilai HK\$800 juta dan hasil penjualan itu George Tan memberitahu Jalil, beliau bertindak untuk "beberapa pihak di Malaysia." Bagaimanapun penjualan ini terbantut dan George Tan tersepit.

Musa tidak pula menjawab peranannya di dalam GMH walaupun Ibrahim Jaafar, bekas Pengerus Besar BMF ada membabitkan

namanya. Menurut Ibrahim Jaafar, George Tan hampir menjual saham GMH kepada kerajaan Malaysia melalui "seorang menteri" (*one particular minister.*) Beliau kemudian menyebut nama Musa Hitam.

Jika Musa tidak menjawab tuduhan tersebut kerana dia fikir orang Melayu amat memahami dan tuduhan itu berbau fitnah, maka anggapan beliau itu meleset. Majalah **Far Eastern Economic Review** bertarikh 20 March, 1986 pula hairan kerana Musa sendiri tidak menjawab dakwaan yang dibuat di dalam jawatankuasa Ahmad Nordin yang kemudiannya dibangkitnya oleh Lim Kit Siang di Parlimen pada 11 March, 1986.

Seperti yang pernah saya tulis sebelum ini perletakan jawatan Musa mungkin ada kaitan dengan skandal BMF. Musa sedar dia mungkin akan terheret di dalam BMF jika dia tidak berhati-hati. Sebab itulah dia yang mati-mati tak mahu umumkan laporan jawatan Kuasa Ahmad Nordin kepada rakyat. Dia bimbang Perdana Menteri tidak akan menyokongnya kelak bila namanya dikaitkan di dalam skandal ini. Bagi mengelak sebarang kerumitan, dia mengambil jalan berhenti dari jawatan Timbalan Perdana Menteri. Dan dia menggunakan isu tidak boleh bekerjasama dengan Perdana Menteri sebagai punca.

Sekarang rakyat sudah mengetahui belang Musa, dia tidak payah menyoroknya lagi.

Dan bagi mereka yang membaca laporan Kertas Putih tentulah merasa anih kerana Musa memberikan penjelasan begitu ringkas walhal dia menghadapi tuduhan berat bersabit BMF. Berbanding dengan Perdana Menteri dan Ku Li, penjelasan Musa menimbulkan kekeliruan kepada orang ramai. Tandatanya umum ketika itu dan hingga hari ini, ialah mengapa Musa tidak memberikan penjelasan pertemuan dengan Rais yang disebutnya sendiri sebagai rasmi. Tetapi semua orang tahu, Musa dan Rais selalu main golf, dan sudah tentulah mereka akan berbincang secara informal tentang beranika jenis subjek di padang golf. Rais juga ikut Musa ke Brazil untuk bayar semua belanja-belanja seronok Musa.

Datuk Hashim semasa dijatuhkan hukuman penjara empat tahun setengah memberitahu mahkamah melalui peguamnya Musa pernah memanggilnya ke pejabat Timbalan Perdana Menteri. Musa tahu Datuk Hashim dan Ku Li sahabat baik dan berjanji tidak akan

memecat Hashim dari kedudukannya. Tetapi kata Musa, Datuk Hashim harus patuh kepada satu syarat iaitu Datuk Hashim janganlah bertanyakan pinjaman yang disokong oleh Dr. Rais Saniman.

Sehingga ini Musa masih berdiam diri tidak mahu menjawab tuduhan yang dibuat oleh Datuk Hashim. Mengapa Musa tidak mahu memberikan penjelasan? Mengapa dia masih merahsiakan penglibatannya di dalam BMF yang memerlukan penjelasan beliau secara ikhlas?

Penglibatan Musa di dalam BMF tidaklah dibuat secara langsung, tetapi melalui sahabat baiknya Dr. Rais Saniman. Dr. Rais sekarang berada di Paris dan enggan pulang ke tanahair ataupun ke Hong Kong untuk menghadapi tuduhan mahkamah. Senang benar nampaknya orang ini. Buat dosa besar-besar curi tipu duit rakyat, kemudian lari tidak pulang ke negeri sendiri.

Inilah kawan-kawan Musa dan Ku Li yang kemana-mana sekarang pergi berkempen untuk menjatuhkan pimpinan yang ada, demi perpaduan konon. Jadi menyokong Musa dan Ku Li adalah perpaduan. Menyokong Mahathir bukan perpaduan? Logik ini semua orang UMNO tahu. Kata orang nak kenal seseorang itu, kenallah kawan-kawannya, melalui kawan-kawannya. Inilah kawan-kawan Ku Li dan Musa. Rasa cinta kepada bangsa langsung tidak ada.

Di dalam keterangan yang dibuat oleh David Pyott, peguam British yang bekerja di Hong Kong mendakwa bahawa dia pernah menjadi agen kepada Syarikat Fleuret Ltd. Syarikat ini ditubuhkan di Channel Island untuk tujuan membeli saham-saham China Underwriters Life and General Insurance Co. Ltd dan Union Bank of Hong Kong Ltd kepunyaan Carrion.

Menurut David Pyott, pembeli-pembeli saham-saham itu terdiri daripada Datuk Hussein Mohammad Yusuf dan Ariffin Mohammad Yusuf. Datuk Hussein ialah Pengerusi MHY Holding (Sdn. Berhad). Tidak lain tidak bukan ialah kawan rapat Datuk Musa Hitam dan Ku Li. Dia ini laki Maria Menado.

Mungkin pertanyaan yang bermain difikiran orang ramai ialah mengapa Fleuret mahu membeli saham-saham yang dimiliki oleh Carrian? Bukankah ini namanya menolong George Tan walhal George Tan ketika itu menghadapi ketenatan di dalam perniagaan, dan **empirenya** mulai runtuh. Menolong George Tan bolehlah diibaratkansebagaimenolong menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh George Tan melalui "hubungan istimewa" beliau dengan BMF? Fleuret juga mendapat \$2 juta pinjaman dari BMF. Ada banyak lagi. Lapuran Tan Sri Ahmad Nordin sahaja ada berjilid-jilid. Kalau saya nak ceritakan semuanya, saya pun kena buat berjilid-jilid juga buku ini. Itu pun belum habis juga sebab siasatan Ahmad Nordin pun belum selesai lagi. Tapi buku saya kena selesai. Kalau tak selesai, siapa nak baca. Saya pun tak boleh baca, sebab tak selesai. Tulis sajalah kerja saya. Nak baca pun tak boleh. Itu sudah jadi kerja orang gila. Menimba air dengan raga bila nak selesai. Bila nak dapat air. Bila tak dapat air nak mandi pun tak boleh. Jadi baiklah kita selesaikan disini.

Waktu Musa jadi Timbalan Perdana Menteri, dia tinggal di Lorong Gurney. Sekarang bila sudah berhenti dari Timbalan Perdana Menteri, dia tinggal di rumah besar di Bukit Kenny. Aneh pula? Rumah siapa ini? Kalau dia beli, bila dia beli? Kalau rumah taukeh, taukeh yang mana?

Yang kita tahu, rumah ini dibeli oleh Syed Mustapha selepas kontrak bina hospital besar di Kuala Trengganu diberi kepada Yeoh Tiong Lay dalam tahun 1985. Sekarang macam mana Tok Musa boleh duduk disana?

Orang semua heboh pasal BMF. Cerita BMF didalam negeri pun ada yang cukup besar. Inipun ada hubungan dengan Musa. Ini cerita Perwira Habib Bank.

Baru-baru ini didapati Perwira Habib Bank hilang \$600 juta. Macam mana boleh hilang? Bukan hilang tapi diambil oleh kawan-kawan baik Datuk Musa. Mereka ialah Datuk Salleh Yusof, Datuk Yap (Duta Yap) dan Adib Adam. Waktu Musa jadi Menteri, mereka ini sentiasa melayan Musa di mana-mana saja. Mereka pergi disko, pergi parti. Mereka bawa perempuan-perempuan cantik keliling dunia. Mana ambil wang? Wang yang dipinjam dari banklah. Mereka bukan berniaga, sebab ini sekarang apa sudah jadi? Tidak boleh bayar balik hutang. Banklah yang rugi!

Saya percaya para pembaca tentu sudah faham. Kalau tak faham juga pergi jumpa Tan Sri Ahmad Nordin ajak dia sambung buat siasatan. Kalau tak faham juga ajak Tun Hussien Onn sama. Dia pun sekarang bukan banyak kerja sangat. Asyik kritik kerajaan sahaja. Ajak dia kerja. Tak cukup juga panggil segala siswazah yang banyak menganggur sekarang supaya bekerja. Mereka bising tak ada kerja. Sekarang saya bagi kerja. Kerjalah. Saya ada kerja saya sendiri. Lepas ini saya nak tulis buku lain pula. Saya nak jawab itu tulisan V.S.Naipul dalam bukunya *Among The Believers*



Musa sama Ku Li bermain api, siapa yang akan terbakar? Tun Ghafar yang tahu, dia tersenyum sinis. Terbakar hanguslah kau orang, nak lawan sangat. Agaknya besitulah kata hati Ghafar.

# 12

## TUN GHAFAR BABA

Tepat pukul satu tengahari 12 Januari 1987, saya berada di bilik YAB Encik Ghafar Baba, Timbalan Perdana Menteri Malaysia, yang pernah saya berikan gelaran “**Tun**” dalam buku saya **TUAH NASIB PEMIMPIN MALAYSIA** (1983). Pejabatnya yang sebelum ini diduduki oleh Datuk Musa Hitam, letaknya tidak jauh dari Pejabat Perdana Menteri. Inilah kali pertama saya menjejaki bilik ini.

Semasa Datuk Musa menjadi penghuninya saya tidak didorongkan Tuhan untuk pergi ke sana. Tentulah ada sebab-sebabnya. Saya datang menemui Encik Ghafar Baba ini pun sebenarnya sesudah sekian lama dicari oleh Setiaushanya, Jalil Abdul Rahman, melalui kawan-kawan saya, Dinsman, Sutung Umar Rs, Ajikik, Alias Muhamad dan beberapa orang tokoh penting politik.

Jalil Abdul Rahman dulu bekerja sebagai Editor majalah *Dewan Masyarakat* di Dewan Bahasa dan Pustaka. Saya belum kenal dia sebelum ini. Sebab itulah dia mencari saya merata-rata melalui kawan-kawan dia yang dia fikir kawan baik saya.

Mulanya saya berjumpa dengan Ghafar Baba di Parlimen. Saya bercerita dengan dia saya sedang menyusun sebuah buku mengenai Biografi Kabinet Malaysia. Saya nak minta biografi dia, dan saya mengharapkan satu kata pengantar dari beliau untuk buku tersebut. Kata Ghafar, hubungilah pejabatnya. Maka selepas itu saya pun menghubungilah pejabatnya untuk membuat temujanji.

Sikap salah seorang dari setiausahanya yang menerima telefon saya itu tidak begitu menyenangkan saya. Bila saya cakap saya nak bercakap dengan Encik Ghafar Baba, dia kata di sini banyak orang yang bin Baba. Saya pun terkejut. Mana tak terkejut, ada orang di pejabat Encik Ghafar Baba yang nampaknya merasakan dirinya lebih cerdik daripada Encik Ghafar. Saya pun jadi tawar hati nak jumpa Encik Ghafar.



Selepas itu sekali lagi saya berjumpa Encik Ghafar di Parlimen. Dia bertanya saya kenapa tak datang pejabat. Saya tak mahulah menceritakan kepada dia apa setiausaha dia telah buat kepada saya. Saya bukan jenis manusia yang suka mengadu-ngadu. Encik Ghafar suruh saya telefon dia sekali lagi.

Keesokannya saya pun telefon. Kali ini seorang perempuan pula menjawab telefon. Saya kata saya nak bercakap dengan Encik Ghafar kerana Encik Ghafar semalamnya suruh saya telefon. Dia jawab Encik Ghafar belum datang. Saya pun meninggalkan pesan, bila Encik Ghafar datang tolong hubungi saya. Saya menunggu di pejabat dari pagi sampai petang, satu telefon pun tak ada dari pejabat Encik Ghafar. Saya tahu saya dah kena mainlah. Saya teringat macam mana Setiausaha-Setiausaha Datuk Musa buat saya dulu. Saya pun rasa tak perlu lagilah nak berjumpa dengan Encik Ghafar.

Buat apa nak jumpa Encik Ghafar kalau perangai Encik Ghafar dan Setiausaha-Setiausahanya macam Musa Hitam juga.

Dua tiga minggu selepas itu saya terjumpa dengan seorang yang selalu saya tengok mengiringi Encik Ghafar kemana-mana sahaja Encik Ghafar pergi. Saya agak tentulah dia ini ADC Encik Ghafar. Gaya dan caranya pun macam seorang pegawai tinggi polis. Saya terjumpa dia di bangunan UMNO yang baru semasa Majlis Tertinggi sedang bersidang.

Dia tanya saya, "Kenapa you tak datang jumpa Encik Ghafar?" Saya jawab, "Nak buat apa jumpa Encik Ghafar." Dia nampaknya tekejut mendengar jawapan saya.

"Encik Ghafar nak jumpa, pergilah jumpa dia," katanya. Dia pun memberikan nombor telefon Encik Ghafar. Dia juga menerangkan kepada saya, bukan susah sangat nak jumpa dengan Encik Ghafar, tapi dia kini terlampau sibuk. Saya kata, "Ah, saya pun lebih sibuk daripada Encik Ghafar. Kalau Encik Ghafar sibuk tak payahlah saya jumpa dia. Saya pun dah malas nak jumpa dia. Saya tengok dia dengan Datuk Musa sama sajalah. Daripada saya jumpa dia, lebih baik saya lanyak dia." Saya pun meninggalkan dia.

Seminggu kemudian saya dicari oleh seorang yang rapat dengan Jalil Rahman. Kebetulan orang itu juga kawan baik saya. Setelah kami



Dengar sini! Dengar sini! Kalau tuan-tuan hendak sangat Musa Derhaka jadi Perdana Menteri, hari ini saya tarik diri, pasti Musa akan menang. Tapi Ku Li, apa jadi? Masakan Musa dan kunci-kuncunya hendak kasi dia menang begitu saja. Ku Li akan kalah. Mahathir akan *fade-up*. Dia berhenti, Musa pun akan jadi Perdana Menteri. Begitulah yang dirancang oleh Datuk Musa agaknya.

Apa awak semua ingat saya dan Mahathir seboleh ini ke? Awak mahu kerusi Timbalan Perdana Menteri. Langkah mayat Ghafar Baba ini dahulu baru boleh lawan Presiden.

berbincang dengan panjang lebar patut atau tidak saya berjumpa dengan Encik Ghafar, saya pun bersetuju untuk menemui Encik Ghafar, bila saya senang nanti.

Selang beberapa hari, saya menerima panggilan telefon dari pejabat Encik Ghafar untuk menentukan tarikh pertemuan. Orang yang saya bercakap itu ialah Osman Baba, salah seorang daripada Setiausaha Encik Ghafar. Dia kata kalau nak berjumpa Encik Ghafar datang pada pukul 12.00 tengahari dan tunggu, pada jam 1.00 baru boleh jumpa Encik Ghafar. Saya cakap, "Saya tak suka tunggu-tunggu menteri ni. Kalau janji pukul 1.00, tepat pukul 1.00 saya sampailah. Kalau nak tunggu daripada pukul 12.00 pukul 1.00 baru nak jumpa, saya tidak ada masa untuk buat kerja-kerja macam itu. Batalkan sahaja pertemuan itu, kerana saya pun tidak ada hajat apa-apa dengan Encik Ghafar."

Mendengar cakap-cakap saya macam itu, Osman Baba pun bersetuju supaya saya datang lebih kurang pukul 1.00 tengahari. Dan saya kata, "Datang pukul satu ini, waktu makan. Selalunya menteri-menteri lain kalau nak jumpa saya pukul 1.00 mereka beri saya makan tengahari di pejabat." Kata Osman Baba, kalau saya setuju makan nasi bungkus dengan Encik Ghafar, besok pukul 1.00 Encik Ghafar akan sediakan nasi bungkus di pejabatnya.

Menjelang pukul 1.00 tengahari saya pun sampai ke pejabat Timbalan Perdana Menteri, lalu ditunjuk ke bilik menunggu. Saya masuk ke bilik menunggu. Jalil A. Rahman pun datang bersama seorang lagi Setiausaha Encik Ghafar yang bernama Osman (tetapi bukan Osman Baba). Osman ini lemah lembut, peramah, menunjukkan sikap yang penuh hormat terhadap saya. Dia kenal saya, saya pun kenal dia, tapi belum biasa. Kemudian datang pula Tuan Haji Ahmad, Setiausaha Sulit Encik Ghafar. Dia menjemput saya ke biliknya, dan mengajak saya duduk di ruangan yang dikhaskan untuk tetamu.

Bilik itu besar dan luas. Ada sebuah meja yang besar dan beberapa buah kerusi. Kami pun duduk di kerusi tamu. Tuan Haji Ahmad memesan minuman untuk saya dan dengan cepat minuman pun dibawa oleh seorang gadis yang cantik. Sebaik-baik sahaja minuman itu disajikan di hadapan saya, Jalil pun menjemput saya minum. Tuan Haji Ahmad pun menjemput saya. Begitu juga Encik Osman.

"Minum Beb, minum, minum."

"Sila Tuan Syed, minum".

Layanan yang saya terima sungguh baik sekali. Belum sempat saya minum ada pula orang lain datang memberitahu Encik Ghafar sudah bersedia untuk menemui saya.

"Tak apa Tuan Syed, tak apa. Tuan Syed masuk dulu, nanti minuman ini kami akan bawa ke dalam untuk Tuan Syed". Kata Tuan Haji Ahmad.

Saya pun bangun. Tuan Haji Ahmad membuka pintu dan mengiringi saya sampai ke bilik Encik Ghafar. Jalil dan Osman ikut juga mengiringi saya. Tuan Haji Ahmad membuka pintu bilik Encik Ghafar dan mempersilakan saya masuk. Saya pun masuk sambil memberi salam.

Encik Ghafar bangun dari tempat duduknya. Kami bersalaman. Mata pun bertentang mata. Saya berasa kemesraan dan kehormatan yang ikhlas diberikan kepada saya sebagai tetamu.

Ada tiga kerusi di hadapan meja Encik Ghafar. Saya pilih yang tengah. Saya duduk bertentang muka dan bertentang mata dengan Timbalan Perdana Menteri Malaysia. Ketika kami hendak mulakan perbualan, perempuan cantik yang membawa kopi kepada saya tadi datang semula dan menghidangkan kopi tadi di hadapan saya. Selepas itu dia pun keluar. Tinggallah saya berdua dengan Encik Ghafar saja di dalam bilik itu.

"You kata nak jumpa saya?" kata Encik Ghafar.

"Saya dengar Encik Ghafar pun nak jumpa saya". Jawab saya. Encik Ghafar terdiam. Agaknya terkejut mendengar saya kata begitu. Siapa yang sebenarnya nak jumpa dengan siapa sekarang? Agaknya begitulah kata hatinya.

"Susah sangat nak jumpa, saya tukar fikiran, malas nak jumpa." Kata saya.

"Siapa saja boleh jumpa saya. Saya tidak kira siapa." Lemah

lembut jawapannya.

“Kita lupakanlah perkara itu. Saya hendak jumpa Encik Ghafar ini sekadar hendak bertanya dua tiga perkara saja.”

“Perkara apa?” Tanya dia.

Saya tengok Encik Ghafar. Saya tengok kerusinya, kerusi biasa saja, bukan satu kerusi yang besar dan luar biasa. Macam Encik Ghafar juga, simpel orangnya. Pakaiannya pun simpel seperti biasa, semua orang tahu Encik Ghafar seorang menteri yang sentiasa berpakaian sederhana.

“Encik Ghafar, sedap tak jadi Timbalan Perdana Menteri?”

“Biasa saja Syed, saya duduk di kerusi ini pun sekadar bekerja menjalankan tugas saja.” Katanya.

“Saya ingat seronok dan sedap duduk di kerusi Timbalan Perdana Menteri?” kata saya.

“Banyak kerja Syed. Berniaga dulu senang, jadi Timbalan Perdana Menteri ini banyak kerja. Tahu-tahu sajalah, ini kerusi politik”.

“Ada satu lagi pertanyaan saya. Soalan ini mungkin personal, tetapi kerana ramai pembaca buku saya yang tergolong dari orang kampung, mereka hendak tahu berapa gaji Encik Ghafar jadi Timbalan Perdana Menteri?”

“Adalah lebih kurang enam ribu sebulan. Sekarang sudah dipotong, saya pun tidak tahu berapa?”

“Kalau lima enam ribu tidak besar macam mana, seperti orang jual burger pun boleh cari lebih kurang macam itu sebulan.”

Encik Ghafar nampak selamba saja apabila saya samakan gajinya dengan pendapatan orang jual burger. “Saya ingat dua tiga puluh ribu sebulan”. Tambah saya.

“Sebenarnya Syed, saya berniaga dulu lebih besar pendapatan dari jadi Timbalan Perdana Menteri. Cuba you cek, kalau tak silap saya

gaji Pengerusi badan berkanun lebih baik dari gaji Timbalan Perdana Menteri”.

“Habis bagaimana ramai sangat yang hendak berebut nak jadi Timbalan Presiden dan Naib Presiden supaya boleh jadi Timbalan Perdana Menteri?” Saya bertanya lagi.

“Kuasa. Orang mahukan kuasa. Duduk di kerusi ini, ada kuasa, banyak kemudahan, walaupun gajinya tidak besar tetapi elaun rumah, entertainment dan banyak kemudahan lain. Yang pentingnya kuasalah.”

Terdengar perkataan kuasa, saya teringat Datuk Musa Hitam pernah duduk di kerusi itu dari tahun 1981 hingga tahun 1986. Kalau benar ada kuasa, tentu dia kekal, tidaklah kerusinya boleh diambil alih oleh Encik Ghafar.

“Encik Ghafar ingat tahun 1981? Saya bekerja keras menulis buku SIAPA SELEPAS MUSA untuk meletakkan Musa di kerusi yang sedang Encik Ghafar duduk ini.”

Encik Ghafar terdiam. Saya tidak tahu apa yang sedang difikirkannya. Yang saya tahu saya telah menyabung nyawa bila Musa berlawan dengan Ku Li.

“Encik Ghafar ingat tahun 1983 buku saya TUAH NASIB PEMIMPIN MALAYSIA? Saya bagi Encik Ghafar anugerah. Saya jadikan Encik Ghafar Tun Ghafar Baba.” Kata saya.

Dia tersenyum mengangguk, masih tidak bercakap apa-apa. Tidak menidakkan kebenaran. Encik Ghafar menang Naib Presiden sekali lagi kerana nasib Encik Ghafar baik. Ramai orang tidak sedar mengenai hal ini, tapi telah saya ramalkan dan ramalan itu telah menjadi kenyataan.

“Encik Ghafar ingat buku saya MUSA DERHAKA? Saya ramalkan Encik Ghafar akan menjadi Timbalan Perdana Menteri dan saya sokong sepenuhnya kiranya Dr. Mahathir memilih Encik Ghafar menggantikan Musa.”

Ini juga tidak dapat dinafikan oleh Encik Ghafar. Sejarah membuktikan buku MUSA DERHAKA? yang memberi sokongan

supaya Encik Ghafar dapat menduduki kerusi Timbalan Perdana Menteri sudah disebarkan sebelum Dr. Mahathir membuat pengumuman. Mungkin Encik Ghafar tidak tahu atau tidak sedar.

“Encik Ghafar cakap pasal kuasa. Pada saya Tuhan saja yang berkuasa. Manusia yang duduk di kerusi itu, yang selalu memikirkan bahawa dialah yang berkuasa, tidak boleh duduk lama.”

Saya tarik pen dari kocek baju saya. “Ini pen mungkin lebih berkuasa dari kerusi seorang Timbalan Perdana Menteri. Buktinya Datuk Musa Hitam sudah bukan Timbalan Perdana Menteri dan Encik Ghafar Timbalan Perdana Menteri. Pen ini juga yang menulisnya. Pen ini bukan berapa sen sangat harganya.” Kata saya.

“Saya sedar perkara macam ini. Saya pun tidak minta hendak duduk di kerusi ini, sebab itu selama lima belas tahun berturut-turut saya cuma bertanding Naib saja. Saya tidak mahu merebut kerusi Timbalan Presiden UMNO.”

“Terlanjur Encik Ghafar bercakap pasal Timbalan Perdana Menteri, apakah Encik Ghafar mahu tanding kerusi Timbalan Presiden UMNO?” Tanya saya.

“Tengok pada pencalonan dulu. Karang kita kata hendak masuk, tidak ada pencalonan malu pula kita.”

“Saya akan membantu Encik Ghafar untuk memenangi kerusi Timbalan sekiranya Encik Ghafar boleh menjawab pertanyaan saya ini. Tetapi soalnya sedikit personal. Saya harap Encik Ghafar tidak tersinggung.”

Saya menyambung: “Untuk menduduki kerusi Timbalan Presiden UMNO, orang itu mesti jujur pada orang Melayu. Boleh Encik Ghafar beritahu saya sejauh mana kejujuran Encik Ghafar pada orang Melayu?”

“Ada juga orang yang bertanya tentang kejujuran saya terhadap orang Melayu, pada hal sudah dua puluh lima tahun saya menduduki kerusi Naib Presiden. Kalau sekiranya saya tidak jujur masakan boleh menang kerusi Naib Presiden UMNO begitu lama?”

"Iya tak ya juga, hendak menang sekali pun susah?" Saya terdiam dan berfikir kenapa saya mesti kemukakan soalan macam ini terhadap seorang pemimpin besar UMNO.

Barangkali waktu itu saya pun tak sempat ingat yang Ghafar Babalah merupakan orang UMNO yang paling lama berjuang dan aktif dalam UMNO, sejak 1951 hingga sekarang. Ghafar Baba jugalah satu-satunya orang di Malaysia yang telah menyertai dalam semua pilihanraya umum yang pernah diadakan di negara ini, sejak 1955 hingga 1986, selama lapan kali, dan menang dalam kesemuanya. Bekas guru lepasan Maktab Perguruan Sultan Idris Tanjung Malim ini juga pernah memangku jawatan Perdana Menteri pada tahun 1975 dulu, di zaman Tun Razak.

Tetapi bagus juga saya bertanya begitu. Kalau tidak saya tak boleh cerita dalam buku ini. Sekarang jelaslah terbukti akan kejujuran Encik Ghafar. Betul juga, kalau dia tidak jujur, takkan orang Melayu boleh menerima dia hingga begitu lama. Walaupun dulu dia mungkin pernah tidak jujur, sekarang pengalamannya tentu telah banyak mengajar dia, dan membentuk peribadinya supaya jujur berjuang untuk bangsanya.

"Kalau saya tidak jujur pada bangsa saya, Tuhan tidak akan letak saya di kerusi ini. Orang yang tidak ada perjuangan, tidak mungkin boleh sampai kemari. Dua puluh lima tahun saya dalam kerajaan, you boleh tanya saya tentang kejujuran saya terhadap orang Melayu?" Encik Ghafar bertanya dengan agak sedikit hairan.

"Encik Ghafar mesti ingat, saya seorang penulis yang komited. Saya penulis yang ada *conscience*. Saya tidak boleh sembarangan menyokong siapa saja yang hendak duduk di kerusi ini, kerana kerusi ini tidak kekal. Saya tidak boleh tulis sesuka hati saya atau menyokong siapa saja yang boss suka semata-mata."

"Saya faham. Itu kan tugas you sebagai seorang penulis." Kata Encik Ghafar.

"Ada satu lagi pertanyaan. Yang ini agaknya lebih personal sedikit dari yang baru saya tanya tadi. Tetapi sebelum saya tanya saya nak minum kopi ini dulu. Boleh saya minum?"



“Sorry, saya lupa nak jemput you minum. Seronok sangat kita berbual”.

Selepas minum saya bertanya: “Encik Ghafar tentu tahu Perdana Menteri yang pertama emaknya orang Siam. Yang kedua berasal dari Bugis, dan yang ketiga dari Turki. Yang keempat sekarang ini asal usulnya dari Kerala. Ada orang kata dengan saya Encik Ghafar ini keturunan Pakistan atau negeri-negeri yang ada di India. Benarkah ini?”

Kali ini Encik Ghafar yang begitu tenang benar-benar kelihatan terkejut. Dia tidak fikir soalan macam ini akan datang dari seorang penulis yang mahu temubual dengannya.

Sambil gelak Encik Ghafar menerangkan kepada saya. “Siapa pulak yang bawa cerita saya keturunan Pakistan. Saya orang Melayu betul. Saya lahir di Negeri Sembilan. Ayah saya dua beradik, dua-duanya sudah meninggal semasa saya kecil lagi. Saya ingat ibu saya kata saya dari suku Minang, tetapi ayah saya orang Negeri Sembilan, bukan Pakistan.”

“Jangan marah Encik Ghafar. Tak kenal maka tak cinta. Orang kampung suka baca cerita-cerita macam ini dalam buku saya. Cerita macam ini tidak ditanya oleh penulis lain bila jumpa Encik Ghafar. Apa salahnya, orang ramai hendak kenal Encik Ghafar dari dekat, kerana mana tahu dengan izin Allah suatu hari nanti Encik Ghafar jadi Perdana Menteri negeri ini.”

Sekarang puaslah hati saya, saya sudah tanya Encik Ghafar apa yang selama ini terbuku di hati saya. Jadi sekiranya saya menyokong Encik Ghafar lawan Datuk Musa, saya sokong dengan hati dan dengan semangat. Saya benar-benar menghayati apa yang saya tulis, seperti juga saya sokong Datuk Harun merebut kerusi Timbalan pada tahun 1984, kerana Datuk Harun bertanding untuk menyelamatkan UMNO, bukan mahukan kerusi Perdana Menteri. Sekarang ini Encik Ghafar duduk di sini pun bukan kerana hendak melawan, tetapi kerana hendak memelihara perpaduan.

“Apa nama buku you kali ini Syed?” Tanya Encik Ghafar.

“SIAPA LAWAN SIAPA? Dalam bahasa Inggerisnya *“THE CHALLENGER”*.”

Kemudian saya teringat pasal nasi bungkus. Saya pun tanya. "Betulkah Encik Ghafar nak ajak saya makan nasi bungkus hari ini?"

Dia kelihatan terkejut dan terpinga-pinga. "Siapa cakap?" Tanya Encik Ghafar.

"Setiausaha Encik Ghafarlah, siapa lagi?"

"Setiausaha yang mana?"

"Katanya namanya Osman Baba, waktu saya bercakap dengannya melalui telefon." Saya menerangkan.


"Tak ada, saya tak cakap. Inilah susahnya budak-budak ini. Ada dua tiga degri, tapi buat kerja jaga orang pun tak pandai. Bukan Syed saja komplek. Ramai lagi orang lain komplek. Kalau nak ikut hati, dalam dua tiga hari ini juga saya buang." Encik Ghafar menerangkan.

"Mula-mula saya tak seronok juga dengar. Apa Encik Ghafar ini, dah dua buah buku saya sokong dia, takkan ajak makan nasi bungkus saja? Setidak-tidaknya ajaklah makan dekat restoran."

"Nantilah Syed, lepas perhimpunan ini. Sekarang ini saya pun sibuk. Mana ada masa." Kata Encik Ghafar.

"Kalau macam itu tak apalah Encik Ghafar, terima kasih sajalah. Saya minta diri dulu."

Saya pun bangun dan sekali lagi bersalaman dengan Encik Ghafar.



● Encik Ghafar menerima warkah perlantikan sebagai Ketua Menteri dari Gabenor Melaka ketika itu, Tun Leong Yew Koh, di bilik mesyuarat Dewan Undangan Negeri Melaka pada 1 Jun, 1959.

28 tahun dulu Ghafar jadi Ketua Menteri Melaka. Berkat taat dan kesabarannya hari ini dia jadi Timbalan Perdana Menteri. Siapa tahu suatu hari nanti dia jadi Perdana Menteri.

Dunia itu suatu kebun,  
pagarnya negara.  
Negara itu sebuah kekuasaan,  
Yang hidup dengan kekuasaan itu  
aturan yang tetap (sunnah).  
Aturan yang tetap itu  
ialah politik (siasah),  
yang dijalankan oleh raja.  
Raja itu peraturan,  
yang disokong oleh tentera.  
Tentera itu pembantu-pembantu,  
yang ditanggung oleh harta.  
Harta itu rezeki,  
yang dikumpulkan oleh rakyat.  
Rakyat itu budak-budak,  
yang di pelihara oleh keadilan.  
Keadilan itu yang di sukai.  
Dengan keadilan tegaklah dunia.  
Dunia itu suatu kebun,  
kemudian,  
anda kembali kepada awal perkataan tadi

Ibnu Khaldun

# 13

## UMNO, ISLAM DAN NASIONALISME

*Hati yang hampa tiada mengandungi sejarah bangsa;  
Tiada dapat tahu menilai hidup yang mulia;  
Penyimpan khabar zaman yang lalu menambah lagi;  
pada umurnya, umurnya berulang berkali ganda.*

— dari buku Syed Muhammad Naguib Al-Attas,  
*Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu.*

Apa itu UMNO? Apa itu Islam? Apa itu Nasionalisme? Marilah kita sama-sama mencari jawapannya.

Tiga pertanyaan di atas itu adalah pertanyaan-pertanyaan yang cukup mudah. Sekali pandang budak-budak sekolah pun boleh jawab. Kenapa pula saya nak ajak para pembaca mencari jawapannya? Apakah jawapannya susah sangat sehingga saya perlu menulis buku untuk menjawab soalan-soalan yang mudah itu?

Bukan semua soalan yang mudah mempunyai jawapan yang mudah. Setiap hari kita bercakap tentang UMNO, UMNO, UMNO, tentang Islam, Islam, Islam, tahukah kita apa yang sebenarnya yang kita cakap? Apakah semua orang yang mengaku dirinya orang UMNO tahu apa itu UMNO? Burung tiung pun boleh cakap hello kalau orang hello kat dia. Dato' Onn yang mengasaskan UMNO pun pernah berselisih faham dengan orang-orang UMNO tentang apa itu sebenarnya UMNO, sehingga dia terpaksa meletakkan jawatan dan kemudiannya keluar dari UMNO dan menubuhkan Parti Negara. Ahli-ahli UMNO tentu tahu peristiwa itu. Pemimpin-pemimpin UMNO lebih-lebih lagi.

Kalau pengasas UMNO seperti Dato' Onn sendiri pun boleh berselisih faham di dalam UMNO. Jadi bila saya tanya apa itu UMNO, soalan yang cukup mudah ini, janganlah para pembaca memikirkan saya hendak bermain-main dengan soalan yang kebudak-budakkan. Lagipun di kalangan ahli-ahli UMNO yang dewasa dari segi umur pada hari ini memang terlalu ramai yang sifatnya dan pemikirannya masih kebudak-budakkan.

Soal apa itu UMNO bagi saya bukanlah satu soalan yang kebudak-budakkan. Ini satu soalan yang penting untuk dibincangkan pada hari ini, kerana di dalamnya terdapat banyak kekeliruan. Ini jelas terbukti dengan amat nyata dan terang benderang di depan mata kita pada hari ini. Orang berebut-rebutan dari peringkat cawangan hinggalah ke peringkat Majlis Tertinggi dan peringkat Presiden. Apakah UMNO itu satu pertempuran? Apakah UMNO itu satu medan untuk orang Melayu berusaha menjatuhkan bangsanya sendiri di atas satu-satunya bumi tanah airnya ini?

UMNO itu apa dia sebenarnya, kata orang Johor: UMNO tu ape benda? Kalau kita kata binatang apa UMNO tu? Nanti orang UMNO marah. Apa biji butirnya UMNO tu? Apakah UMNO itu geliga yang menjadi rebutan naga di Tasik Cini? Adakah UMNO itu saham *blue chip* di Stock Exchange. Apakah UMNO jelmaan puteri kayangan macam cerita wayang kulit.

Apakah UMNO itu lambang kekuasaan orang Melayu? Apakah UMNO itu lambang maruah dan kehormatan bangsa Melayu yang menjadi tuan di bumi Malaysia ini? Apakah yang menyebabkan orang Melayu berjaya "merentas dengan selamatnya zaman yang paling tidak tenteram dan merbahaya dalam sejarah negara ini"? Kalau di Jepun, mengikut Dr. Inazo Nitobe, yang menulis buku *Bushido, Jiwa Negara Jepun*, yang telah membolehkan orang Jepun "merentas dengan selamatnya zaman yang paling tidak tenteram dan merbahaya dalam sejarah Jepun" ialah *Bushido* iaitu semangat atau seni kesastriaan tradisi Jepun. Apakah di Malaysia peranan itu dibawa oleh UMNO?

UMNO sekarang berada di persimpangan jalan yang merbahaya. UMNO mesti diselamatkan. Setelah ia berjaya menghalau penjajah pada tahun 1957 dan setelah ia berjaya menjadi salah sebuah parti politik yang terkuat di rantau Asia ini, hari ini UMNO menghadapi

bahaya dari dalam. Bahaya dari dalam ini lebih buruk akibatnya daripada bahaya dari luar. Apabila UMNO berada dalam keadaan yang merbahaya, ertinya bangsa Melayu, agama Islam dan negara ini juga berada di dalam keadaan yang merbahaya. Ini bermakna setiap orang daripada kita sedang berada di tahap yang bahaya.

Kebanyakan orang UMNO tidak sedar mengenai bahaya ini. Mereka asyik dan sibuk dengan perebutan dan pertandingan merebut jawatan di dalam parti, mana mereka nak sedar akan bahaya yang mereka sendiri ciptakan. UMNO hari ini bukan lagi sebuah badan yang menjunjung "Bushido" Melayu ataupun nilai-nilai kesastriaan Melayu. Ia bukan lagi medan dan saluran untuk perjuangan membela nasib bangsa Melayu. UMNO sudah jadi medan dan saluran perjuangan untuk kepentingan diri sendiri sehingga perlu ditubuhkan satu jawatankuasa etika.

Satu perkara yang belum pernah lagi terjadi dalam sejarah bangsa Melayu. Etika itu asalnya bahasa Inggeris — ethic. Dalam bahasa dulu kita kata akhlak. Sekarang ini kata akhlak pun orang Melayu banyak yang tak faham. Kata moral baru dia faham. Dia tak tahu yang moral Inggeris dan akhlak Melayu maknanya tidak serupa. Pakai kasut dalam rumah mengikut moral Inggeris tidak ada apa-apa. Tapi kalau akhlak Melayu kita panggil kurang ajar. Moral Inggeris bila berpisah waktu malam ada "good night kiss". Orang perempuan kalau berjumpa lelaki hulur pipi suruh cium. Kalau buat dengan orang Melayu di kampung kena paranglah. Kalau di Kelantan kena sebat kerana itu dikatakan muqadimah zina!

Nabi Muhammad s.a.w.bersabda: *"Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak manusia."*

Begitulah pentingnya konsep akhlak di dalam Islam. Konsep akhlak tidak sama dengan konsep moral. Kenapa kita meninggalkan konsep akhlak dan mengambil konsep moral. Masih dijajah lagikah pemikiran kita.

Bila UMNO terpaksa menubuhkan satu jawatankuasa etika apakah ini menunjukkan yang orang-orang UMNO sudah tidak mempunyai akhlak lagi? Malanglah bangsa Melayu kalau pemimpin-pemimpinnya sudah tidak berakhlak lagi. Malanglah bangsa Melayu kalau bahaya ini tidak segera diatasi.

Inikah UMNO yang kita bangga-banggakan? Di manakah hilangnya nasionalisme yang telah menghimpun seluruh umat Melayu di negara ini buat pertama kalinya pada tahun 1946 dengan cogan kata 'Hidup Melayu' bagi satu perjuangan suci menebus kembali kemerdekaan dan maruah bangsa? Kemerdekaan telah pun kita capai. Apakah nasionalisme tidak perlu lagi?

Apa itu Nasionalisme? Benarkah ia tidak sesuai dengan ajaran Islam seperti yang dituduh oleh orang-orang PAS?

Sempena dengan pembukaan rasmi ibu pejabat baru UMNO yang serba hebat di Kuala Lumpur pada tahun 1985, UMNO telah menganjurkan satu pameran besar-besaran yang diberi nama "Nasionalisme — Keutuhan suatu Bangsa". Noor azam selaku Setiausaha Politik Perdana Menteri menjadi Pengerusi Jawatankuasa pameran tersebut, yang diselenggarakan bersama dengan Teater Elit. Pameran itu telah mempamerkan gambar-gambar dan bahan-bahan sejarah perjuangan bangsa yang bermula sejak awal abad ke 20 hingga ke zaman Mahathir. Melalui pameran itu kita dapat melihat dan memahami apakah yang dikatakan Nasionalisme. Sayangnya pameran itu tidak jadi dibuat di tempat-tempat lain di Malaysia. Saya harap selepas perhimpunan ini Noor Azam dengan Setiausaha Kerja UMNO yang baru, Nasaruddin, akan mengadakan semula pameran itu di seluruh negara. Ini sangat penting sebab orang-orang UMNO sudah teruk.

Nasionalisme ialah nilai dan semangat yang telah menyatukan bangsa Melayu pada tahun 1946 dulu. Kalau PAS mengatakan nilai dan semangat itu tidak sesuai dengan Islam, janganlah pula kita nak heran, orang UMNO pun pernah dituduh sebagai kafir oleh orang-orang PAS. Sebab itu parti PAS tidak boleh kita harapkan untuk memperjuangkan nasib bangsa dan negara kita. Kalau Mahathir dan Anwar berjaya membawa pemimpin-pemimpin PAS bermuzakarah untuk mencari jalan bagi mengatasi perselisihan antara UMNO dan PAS, orang Melayu patutlah bersyukur dan berterima-kasih atas kejayaan itu. Marilah sama-sama kita berdoa supaya usaha itu mencapai kejayaan.

Tapi itu perkara nombor dua. Perkara nombor satu ialah masalah nasionalisme di dalam UMNO sendiri. Ahli-ahli UMNO hari ini seolah-olah telah melupai nilai dan semangat ini. Kenapa? Pernahkah kita



bertanya dan mencari sebab-sebabnya?

Kalau kita rajin mencari sebab-sebabnya pasti kita akan menemui jawapannya. Kita tak perlu membuat kajian dan penyelidikan secara dalam-dalam seperti yang selalu kita dengar apabila pensyarah-pensyarah universiti bercakap. Kadang-kadang kita pun susah nak faham. Orang kampung apatah lagi.

Cara saya mencari sebab mudah saja. Perhatilah gelagat serta cakap-cakap para pemimpin UMNO kebelakangan ini. Apa yang menjadi isu *favourite* mereka ketika berkempen di seluruh negara, baik di peringkat Cawangan, Bahagian mahupun di peringkat tertinggi.

Isu yang paling menonjol sekali ialah masalah demokrasi di dalam UMNO. Kononnya isu ini ditimbulkan kerana Dr. Mahathir dikatakan tidak bertindak secara demokratik, tetapi secara diktator.

Sekarang ini nampaknya demokrasi lebih penting dan diutamakan daripada nasionalisme. Sebut pasal demokrasi, saya nak tanya: Apa itu demokrasi? Kata puak-puak Kelantan "demokrasi" maknanya benda apa demo nak kasi. Dekat Kelantan juga, yang selalu kena kasi ini lembu jantan. Bila dah kena kasi badan sahajalah yang gemuk, sampai tua pun tak kahwin.

Yang orang-orang UMNO suka sangat bercakap pasal demokrasi pasal apa? Dulu yang kita dengar selalu sebut pasal demokrasi ialah Lim Kit siang, Karpal Singh, Chandra Muzafar, Pairin Kitigan. Apa sudah jadi dengan orang-orang UMNO? Dah tersilap pemimpinkah? Dah sesatkah?

Kalau nak ikut Lim Kit Siang dan Karpal Singh berhenti sahajalah daripada menjadi ahli UMNO. Masuklah DAP. Tapi saya percaya mereka ini tak berani sebab kalau mereka masuk DAP, mereka tidak akan dapat kerusi. Yang mereka mahu sebenarnya bukanlah demokrasi. Mereka mahu kerusi. Nak cakap minta kerusi terang-terang malu. Kalau minta pun tak dapat. Jadi merekapun cakaplah berleholeho, ada tungku! Duduk tepi pantai gosok badan dengan minyak. Itulah nasib nak ikut moral orang putih bukan akhlak Melayu.

Inikah yang dikatakan demokrasi. Yang saya tahu perkataan demokrasi inipun bukan berasal daripada perbendaharaan kata orang

Melayu. Dalam *Hikayat Hang Tuah* tak ada, dalam *Sejarah Melayu* pun tak ada. Dalam 'Hukum Kanun Melaka' pun tidak ada. Kalau tak percaya tanya Prof. Dr. Zainal Kling — dia memang asal dari Melaka.

Saya duduk fikir-fikir, duduk menung-menung buka dua tiga buah kamus Melayu perkataan yang paling hampir maknanya dengan demokrasi dalam perbendaharaan konsep yang ada dalam Tamadun Melayu ialah perkataan **pakat** atau pun **muafakat**. Kata peribahasa Melayu "bulat air kerana pembetung, bulat kata kerana muafakat". Kelebihan Nabi kerana mukjizat, kelebihan manusia kerana muafakat. Tapi konsep muafakat dalam tamadun Melayu itu tidak mempunyai ciri-ciri merebut kerusi. Memburuk-burukkan kawan sendiri. Jauh sekalilah perangai mementingkan diri sendiri.

Perangai mementingkan diri sendiri ini memang asalnya dari barat individualisme — kata mereka. Kata pula sesetengah orang, kononnya dalam Islam pun ada individualisme. Tapi mereka tidak tahu individualisme dalam Islam tidak sama konsepnya dengan individualisme barat. Individualisme barat mementingkan diri sendiri.

Individualisme di dalam Islam ialah tanggungjawab diri sendiri yang tidak dapat tidak mesti ditunaikan oleh diri sendiri. Itulah yang dikatakan *fardhu ain*.

Saya bukanlah seorang ahli akademik ataupun seorang *scholar* yang suka berlagak menunjukkan berilmu dengan menghuraikan berbagai-bagai konsep. Cukuplah sekadar huraian terhadap konsep-konsep di atas sebagai contoh betapa keliru dan mengelirukan ilmu-ilmu dari barat yang diimpot secara membabi buta oleh 'the so-called' para akademik dan intelektual kita yang suka mengkritik apa saja dasar kerajaan kerana kononnya intelektual itu mesti kritikal.

Saya bukanlah hendak menolak terus ilmu pengetahuan dari tamadun barat, yang saya cuba terangkan di sini ialah kebanyakan orang-orang kita yang belajar di luar negeri, mereka tertinggal beberapa bab. Dan bab-bab yang mereka tidak belajar itu ialah bab-bab yang penting.

Dalam tamadun dan tradisi keilmuan Melayu orang yang belajar tak habis ini dianggap "gila isim". Bukan Ramli Isin. Bukan. Adapun ciri-ciri orang gila isim ini semua perbuatan orang tidak betul. Yang

betul diri dia sahaja. Yang pandai pun dia juga. Itulah sebabnya dia orang ini kadang-kadang pokok kelapa pun dia marah. Batang kelapa yang lurus itu dia tengok tak betul. Sebab yang betul dia sendiri sahaja. Jadi tak hairanlah bagi puak-puak gila isim ini semua yang dibuat oleh kerajaan tidak betul.

Itukah demokrasi yang dijadikan isu penting oleh pemimpin-pemimpin UMNO pada hari ini? Apakah faedahnya isu-isu demokrasi yang seperti ini bagi bangsa Melayu, hingga pemimpin-pemimpin UMNO sanggup menukarkannya dengan nasionalisme? Saya tidak bermaksud mengatakan demokrasi itu tidak baik. Demokrasi itu baik, asalkan ia tidak digunakan untuk kepentingan diri sendiri, asalkan ia tidak menyeleweng dari konsep muafakat, dan asalkan ia tidak menyeleweng dari nilai dan semangat nasionalisme.

Nasionalisme ialah semangat kebangsaan, semangat cintakan tanahair, semangat mempertahankan marwah dan kedaulatan bangsa. Demokrasi pula ialah suatu cara atau sistem yang digunakan untuk mencapai sesuatu matlamat. Apakah matlamat kita?

Demokrasi bukan matlamat. Matlamat kita ialah suatu bangsa yang bermarwah, yang maju, yang tidak boleh diperbudak-budakkan oleh orang lain. Untuk mencapai matlamat itu kita menggunakan cara dan sistem demokrasi. Apakah perkara yang asas dan prinsip seperti ini pun tidak difahami oleh pemimpin-pemimpin dan ahli-ahli UMNO?

Sudah lebih 40 tahun UMNO hidup dengan mengamalkan sistem demokrasi, tiba-tiba hari ini kita sibuk bercakap pasal demokrasi kerana apa? Demokrasi bukan matlamat, dan tidak boleh dijadikan matlamat. Apa pasal kita jadi kelam kabut kerana Lim Kit Siang, Chandra Muzafar dan Pairin Kitingan mempersoalkan demokrasi? Tak lain tak bukan tentulah kerana kita tamakkan kerusi untuk diri sendiri.

Dulu matlamat UMNO ialah menuntut kemerdekaan. Itu matlamat pada waktu itu, pada waktu negara kita masih dijajah. Sekarang negara kita sudah merdeka. Matlamat kita bukan lagi menuntut kemerdekaan negara, tetapi mempertahankan kemerdekaan kita. Dan yang paling penting sekali ialah mempertahankan kemerdekaan mental dan pemikiran kita. Inilah nasionalisme kita pada hari ini. Dan inilah sebabnya kenapa Dr. Mahathir menganjurkan dasar Pandang ke Timur dan dasar Penerapan Nilai-nilai Islam.

Negara kita merdeka pada tahun 1957, tetapi jiwa dan mental bangsa kita belum lagi merdeka sepenuhnya pada tahun 1957. Bila Dr. Mahathir jadi Perdana Menteri pada tahun 1981 pun ramai lagi rakyat Malaysia yang belum merdeka jiwa dan mentalnya. Sebab itu Mahathir lancarkan Dasar Pandang ke Timur.

Dasar Pandang ke Timur bukan pandang ke Jepun dan Korea. Bukan memberi kontrek-kontrek besar kepada Jepun dan Korea seperti yang selalu di tudoh oleh puak-puak pengkritik. Betul banyak kontrak-kontrak besar diberikan kepada syarikat-syarikat Jepun dan Korea. Kalau tak beri kepada Jepun dan Korea pun kita bagi kepada orang lain juga. Bukan kita buat sendiri.

Dulu kita bagi kepada Inggeris, kenapa puak-puak pengkritik itu tidak pernah marah? Macam mana mereka nak marah, Inggeris itu masih lagi dianggap tuan bagi mereka. Dan tentulah apa-apa yang tuan buat buat selalunya betul.

Dasar Pandang ke Timur sebenarnya ialah dasar untuk menukarkan pemikiran bangsa kita yang selama ini memandang ke barat supaya memandang ke timur. Sebelum ini semua orang berasal daripada barat kita anggap superior. Orang-orang barat sahaja yang maju. Orang-orang barat sahaja yang tahu sains dan teknologi. Orang-orang barat sahaja yang ada ilmu dan tamadun. Kita ini orang timur bodoh, rendah, kolot, nak buat jarum pun tak pandai apatah lagi nak buat kereta. Kita ini dunia ketiga. Kelas tiga.

Saya nak tanya: Kita ini duduk di mana? Duduk di baratkah, duduk di Timur? Bukankah kita duduk di timur? Kita ini orang Melayu, memang kita orang timur. Islam pun berasal dari timur — Timur Tengah. Apakah kita percaya yang kita orang Melayu dan orang-orang di Timur ini telah dijadikan oleh Tuhan sebagai manusia kelas tiga? Masyaallah. Siapakah Tuhan maksudkan bahawa manusia ini khalifah Tuhan di muka bumi? Orang-orang barat itukah khalifah Tuhan di muka bumi? Kita ini apa? Kita juga khalifah. Tuhan tidak jadikan kita sebagai manusia kelas tiga, yang bila kita merdeka dia kata kita ini dunia ketiga. Mana ada dunia kelas satu, kelas dua, kelas tiga. Siapakah yang ciptakan teori dunia pertama, dunia kedua dan dunia ketiga ini? Ini semua ciptaan orang-orang barat yang telah menjajah negara-negara Asia, Afrika dan Amerika Latin. Mereka hendak terus berkuasa lalu mereka panggil diri mereka dunia pertama,

kita dunia ketiga.

Orang-orang kita yang pergi belajar di barat pun diajarlah teori ini. Kita yang rendah diri inipun terima konsep dan teori itu. Berjayalah Inggeris menjajah jiwa dan fikiran kita.

Pandang Ke Timur! Kata Mahathir. Maksud nya apa? Maksudnya pandanglah kepada diri kita sendiri. Kebetulan sekarang ini Jepun sudah jadi negara nombor dua setelah Amerika yang paling maju dari segi ekonomi dan teknologi. Mahathir nak tunjukkan kepada kita bahawa orang timur tidak bodoh seperti orang barat kata bodoh. Contohnya ialah Jepun dan Korea. Itu hanya contoh. Kita juga timur. Tapi kerana kita belum maju dari segi ekonomi, kita kenalah pandang ke negara Timur lain yang maju. Kita pun boleh juga maju seperti Jepun yang sama-sama timur seperti kita.

Dasar Pandang ke Timur ialah dasar memerdekakan jiwa dan fikiran kita dari penjajahan barat. Itu sahaja. Susah sangatkah nak faham? Kalau nak faham mengikut cara orang gila isim, ataupun cara agen-agen pemikiran imperialis barat, sampai matipun tak boleh faham. Mahathir lancarkan Dasar Pandang ke Timur kita tak faham, apakah kita mahu supaya negara kita diletakkan dengan dua biji bom atom seperti yang berlaku di Hiroshima dan Nagasaki? Cukuplah Jepun sahaja yang mengalami proses begitu. Kita belajarlah dari Jepun.

Nak kritik memang boleh kritik. Burung tiongpun pandai kritik. Salah-salah cakap dengan burung tiong, dibodohkannya kita macam burung tiong dirumah saya, salah-salah cakap dengan dia, "bodoh!" kata dia. "Apa pasal tu!" Itu burung tiong, masuk manusia gila isim apatah lagi. Bukan tidak ada pemimpin-pemimpin UMNO dan pegawai kerajaan yang macam burung tiong. Bila Mahathir suruh pandang ke timur mereka pun pandang ke timur dengan tidak menggunakan akal fikiran dan budi bicara mereka sendiri. Jepun dan Korea datang minta kontrak terus diberikan. Konon taat pada Mahathir, ikut pandang ke timur.

Yang sebenarnya mereka ini bukan itu Dasar Pandang Ke Timur, tapi mereka ikut mengamalkan dasar ABS (Asal Bapa Senang) atau "yes boss", "O.K boss". Silap-silap K.O. boss! Ini yang sedang berlaku sekarang. Inilah akibat mental dan fikiran yang dijajah. Belajar tinggi-tinggi nak berfikir pun tak berani. Macam mana nak berani, otak sudah

kena cap kelas tiga.

Bayangkanlah, takkan semua tender dan kontrak kerajaan mesti ditengok oleh Mahathir. Habis, kalau semua di tengok oleh Mahathir, pegawai kerajaan buat apa? Bila orang potong pencen dia marah. Bila kontrak di beri kepada Jepun dan Korea, pengkritik pengkritik pun marahkan Mahathir. Macamlah Mahathir sendiri yang luluskan semua tender dan kontrak. Macamlah mereka itu pun tidak boleh berfikir yang Mahathir itu sebagai Perdana Menteri, banyak lagi kerja-kerja lain yang mesti dibuatnya.

Inilah akibatnya bila demokrasi hendak dijadikan matlamat. Dengan tidak disedari semangat muafakat dan semangat nasionalisme yang menjadi asas ketahanan UMNO mulai luntur sedikit demi sedikit. Dengan tidak disedari matlamat kita hendak memerdekakan jiwa dan mental bangsa kita mulai kita lupakan.

Kita ini Melayu. Kita ini Islam. Kita ini duduk di Timur. Ini tiga hakikat mesti kita pegang betul-betul kalau kita mahu tegak sebagai satu bangsa yang mempunyai harga diri dan dihormati oleh orang lain. Apakah kita tidak mahu bangsa kita dan negara kita dihormati?

Mahathir lancarkan Dasar Pandang ke Timur supaya kita pandang kepada diri kita, supaya kita percaya dan yakin kepada diri kita sendiri, supaya kita buang pemikiran sebagai bangsa terjajah dan bangsa kelas tiga dari dalam diri kita. Negara saja merdeka kalau jiwa dan menatal tidak merdeka tidak ada gunanya. Samalah seperti kita tidak merdeka.

Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam merupakan lanjutan daripada semangat nasionalisme dan Dasar Pandang ke Timur. Penerapan Nilai-nilai Islam hendak memperkukuhkan lagi hakikat kita sebagai bangsa Melayu yang merdeka dan bermarwah. Kita mengaku kita beragama Islam. Dalam perlembagaan kita Melayu itu beragama Islam. Islam ialah agama dan cara hidup yang paling tinggi mertabatnya di atas muka bumi ini. Dengan apa cara lagi kita hendak menjadi satu bangsa yang tinggi mertabatnya di atas muka bumi ini kalau bukan dengan cara Islam?

Saya ingin bertanya sekali lagi satu soalan yang mudah, tapi ini ialah soalan yang paling asas yang kita mesti tahu dan sedar akan

jawabannya. Melayu itu apa? Kita kata kita ini Melayu, Melayu, dan kita kata Melayu itu tuan di negara ini, tapi Melayu itu sebenarnya apa?

Syed Hussein Ali ada menulis buku yang berjudul **Melayu: Masalah dan Masa Depan**. Buku ini merupakan salah sebuah buku yang mengupas tentang masalah bangsa Melayu secara jelas dan analitikal. Beliau telah melihat kesan-kesan negatif dari penjajahan barat keatas sistem kehidupan orang Melayu. Saya bersetuju dengan kebanyakan pendapat yang dikemukakanannya di dalam buku itu tetapi satu perkara yang pada saya menjadi asas Melayu dan kemelayuan tidak begitu dititik beratkan oleh beliau.

Asas yang saya maksudkan itu ialah bahawa Melayu itu ialah Islam — seperti yang ditetapkan oleh perlembagaan negara. Di sinilah letaknya masalah dan masa depan Melayu.

Pada tahun 1923 dulu, kira-kira 23 tahun sebelum UMNO ditubuhkan, Pendita Za'ba telah menulis di dalam **Malay Mail**, keluaran bulan Disember, sebuah tulisan yang berjudul "The Poverty of the Malays". Melalui tulisan itu Za'ba cuba menganalisa sebab-sebab kenapa orang Melayu miskin di tanahairnya sendiri. Sebuah lagi tulisannya yang disiarkan berikutan dengan itu juga, di beri judul "The Salvation of the Malays". Kesimpulan pendapat Za'ba sebab-sebab kemiskinan Melayu adalah seperti berikut:

1. Tidak dapat mengawal hawa nafsu.
2. Tidak mempunyai iman yang teguh dan percaya kepada kekuatan ghaib.
3. Tidak mempunyai sense of responsibility.
4. Tidak ada sense of duty.
5. Tidak rela berkorban.
6. Tidak memperdulikan kebajikan rakyat dan masyarakat.
7. Walaupun sudah 600 tahun memeluk agama Islam masih mengelirukan pengaruh tauhid dan taqlid.

8. Agama dan bidaah dicampuradukkan.
9. Kekurangan perangai yang mulia dan pekerti yang tinggi.

Demikianlah tajamnya fikiran Za'ba walaupun waktu itu dia hidup di zaman negara kita masih di bawah penjajahan Ingeris, jiwa dan pemikirannya telah merdeka daripada pemikiran bangsa terjajah tidak seperti pemikiran intelektual semu kita hari ini.

Memang wajar sekalilah dia diberi gelar Pendita. Gelaran yang bukan boleh diberikan kepada sebarang-sebarang orang. Jiwa dan fikirannya telah merdeka sebelum negaranya merdeka. Tidak seperti **the so call** intelektual kita pada hari ini, yang hidup dalam negara merdeka tetapi fikiran dan jiwanya masih lagi tidak merdeka. Bukan setakat itu sahaja sanggup pula menjadi agen pemikiran imperialis barat. Saya fikir Prof. Dr. Syed Husin Ali tentu bersetuju dengan pendapat saya ini.

Mengikut Za'ba, faktor utama kemunduran orang Melayu ialah kerana jiwa dan fikiran mereka tidak merdeka dan tidak mengikut ajaran Islam yang sebenar sebagai **ad-din**. Faktor itu masih lagi terdapat pada hari ini. Hal ini amat disedari oleh Dr. Mahathir sebab itulah beliau melancarkan Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam. Mengikut Prof. Syed Muhammad Naguib Al-Attas melalui bukunya yang berjudul *Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu* bahawa tamadun Melayu bermula dengan kedatangan Islam di rantau ini. Islamlah yang memberi tamadun dan jiwa kepada bangsa Melayu. Tanpa Islam Melayu akan menjadi bangsa yang tidak bertamadun dan tidak berjiwa. Tetapi berapa orangkah di kalangan pemimpin-pemimpin UMNO yang sedar akan hakikat ini. Kalau ramai yang sedar tentulah UMNO tidak bercelaru seperti hari ini.

Apabila suatu bangsa tidak kenal tamadunnya sendiri, tidak kenal jiwanya sendiri apakah akan jadi kepada bangsa itu. Saya rasa kalau soalan itu ditanyakan kepada Lee Kim Sai pun dia tahu jawabnya. Lee Kim Sai mencabar ketuanan Melayu di negara ini sebab apa? Sebab dia tahu orang Melayu sudah lupa kan tamadunnya, sebab apa lagi. Sekarang kita marah kepada Lee Kim Sai atau kepada orang Melayu. Saya pun orang Melayu juga, saya nak marah kepada diri sayakah? Ya, saya marah, sebab itu saya mengistiharkan perang. Buat apa saya hidup dalam kehinaan yang begini.



Kata seorang anak raja Mito di negeri Jepun seperti yang diceritakan oleh Inazo Nitobe dalam bukunya **Bushido** "keberanian yang sebenarnya ialah hidup apabila patut hidup dan mati hanya apabila patut mati." Dan mengikut konsep Islam yang difahami oleh kita semua inilah yang dikatakan jihad.

Saya marah. Saya marah betul dengan puak-puak gila isim yang telah menyebabkan UMNO jadi bercelaru seperti ini. Dasar yang sebaik dan semulia Penerapan Nilai-nilai Islam itu telah dipermainkan dan dijadikan isu politiking bagi memburuk-burukkan kerajaan. Untuk menutup kejelekan diri mereka yang jahil tentang tamadun bangsa sendiri. Kalau saya nak ikut Raja Mukhtarudin Daim, seorang pensyarah linguistik di universiti Malaya, mahu saya cabut pedang.

Untuk mengembalikan tamadun dan jiwa yang kuat kepada orang Melayu dasar apakah lagi yang lebih baik dari dasar Penerapan Nilai-nilai Islam ini? Dan kalau kita tahu dasar ini baik, kenapa kita tidak sama-sama membantu Mahathir dan Anwar melaksanakannya.

Dr. Mohd Yusof Nor telah dipilih secara istimewa oleh Mahathir untuk memastikan yang dasar ini dapat dilaksanakan dengan sempurna. Kerajaan di bawah pimpinan Dr. Mahathir dengan segera telah menubuhkan Universiti Islam Antarabangsa, Bank Islam, Syarikat Insuran Islam dan Pusat Islam. Apakah ini semua kerja tidak baik untuk bangsa dan negara kita. Ada orang mengkritik Bank Islam itu tidak dapat membantu orang Melayu memajukan ekonomi dan perniagaan. Saya ketawa mendengar kritikan itu. Kenapa dia tidak kritik bank-bank lain yang ada di Malaysia yang telah lama wujud dan koperasi tetapi perniagaan dan ekonomi orang Melayu tidak juga maju. Di manakah logiknya kritik itu.

Tetapi kalau ada orang mengkritik Pusat Islam, saya setuju kerana sejak ia ditubuhkan sehingga hari ini saya belum nampak apa-apa kegiatannya yang penting dalam usaha menerapkan nilai-nilai Islam dalam masyarakat kita. Sepatutnya Pusat Islam tidak membiarkan orang mempermainkan-mainkan Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam. Adakah Pusat Islam ini standardnya hanya macam Finas sahaja. Bukan standard Dewan Bahasa dan Pustaka. Takkan kerajaan telah belanja berjuta-juta ringgit membina bangunan yang begitu indah jauh lebih hebat daripada bangunan Dewan dan Pustaka, Pusat Islam cuma

boleh buat pameran mata wang sahaja. Kalau setakat nak tunjuk matawang lama, kalau tak cukup dekat Muzium Negara, dekat kaki lima Jalan Tuanku Abdul Rahman dan Chow Kit pun berlambak. Ini apa punya pemikiran.

Kalau setakat nak buat pameran mata wang tak perlu adakan Pusat Islam. Islam bencikan pembaziran. Buat bangunan hebat-hebat belanja juta-juta ringgit tidak diisikan dengan kegiatan yang berfaedah untuk agama dan bangsa membazirlah namanya itu. Pusat Islam janganlah pula nak memalukan Islam. Ini sudah terbalik kot. Takkan Mahathir sendiri nak jadi pengarah Pusat Islam kot. Kalau tak tahu apa nak buat tanya saya pun boleh beritahu. Ini tak payah tanya Dr. Mahathir. Tanya saya pun cukup. Dr. Mahathir bagi dia buat kerja lain yang lebih besar. Dia sudah sediakan segala kemudahan untuk kita, kitalah yang kena buat.

Tak payah fikir teruk-teruk ikut contoh macam Dewan Bahasa dan Pustaka sahaja pun sudah cukup. Jangan ikut Finas. Ikut Finas, finishlah.

Pusat Islam mesti faham akan situasi dunia hari ini. Komunikasi penting. Media penting. Hendak menyalurkan dan hendak menerangkan nilai-nilai Islam, tak boleh harapkan pegawai-pegawai kerajaan sahaja. Pusat Islam mesti ada medianya sendiri. Kalau Zahari Affandi boleh terbitkan *Mingguan Islam*, kalau Utusan Melayu boleh menerbitkan *Qiblat* dan *al-Islam*, kalau Al-Arqam boleh terbitkan *Majalah Al-Arqam*, Pusat Islam buat apa?

Sedarkah orang-orang di Pusat Islam di Malaysia sekarang ada berapa ratus mazhab-mazhab Islam, ada berapa banyak ajaran-ajaran sesat, yang Kassim Ahmad tulis buku *Hadis: Satu Penilaian Semula*, itu hanya satu peristiwa kecil sahaja. Apa lagi yang Pusat Islam tunggu. Nak tunggu sampai Malaysia jadi macam Lubnan dulu baru nak bertindak.

Majlis Agama Islam di tiap-tiap buah negeri di Malaysia pun tidak bersatu. Kelantan dah sebat. Apa kata Pusat Islam. Takkan tak mahu kata apa-apa kot.

Pusat Islam mesti selesaikan masalah-masalah ini semua. Perlembagaan kita telah menetapkan bahawa Raja-raja Melayu dengan

sendirinya adalah Ketua-ketua Agama di tiap-tiap negeri. Itu adalah kuasa mutlak Islam yang ada di negara ini. Pusat Islam sendiri berada di bawah Jabatan Perdana Menteri yang bertanggung jawab langsung kepada Perdana Menteri. Mana ada badan kerajaan yang lain di Malaysia yang mempunyai kemudahan-kemudahan seperti ini. Cukuplah tu. Kalau tak faham lagi boleh buat appointment jumpa saya. Saya nak cerita panjang-panjang lagi pun buat malu pada orang sahaja. Saya pun dah banyak sangat mendedahkan kemaluan orang dalam buku ini.

Inilah masalah-masalah yang utama dan patut diutamakan dalam perhimpunan agung UMNO bulan April 1987 nanti. Perhimpunan Agung UMNO bukan tempat bergelak ketawa, bukan tempat berjual pantun, bukan sarkas. Dan akhir sekali saya nak tanya lagi kepada setiap perwakilan UMNO yang datang ke Perhimpunan Agung ini "Kalau awak semua orang Melayu tahukah awak apa itu Melayu?" dan apa itu UMNO?" Kalau tak tahu baca sekali lagi buku ini dari awal hinggal akhir baru masuk perhimpunan. Masuklah dengan nama Allah dan bermulalah dengan "Bismillah" dan selawat pada junjungan nabi besar kita Muhammad SAW.

(Bab ini telah disiarkan dalam Berita Minggu 8 Mac dan Berita Harian 9 Mac 1987.)

# 14

## BUKAN ANAK JANTAN

Kemana-mana saya pergi akhir-akhir ini ceritanya hampir serupa saja. Jumpa dengan orang Musa, mereka suruh saya hentam Mahathir, Anwar, Daim dan Ghafar dalam buku saya yang terbaru. Jumpa dengan orang Mahathir, mereka tanya saya macam mana nasib Musa dan Tengku Razaleigh dalam perhimpunan April ini. Jumpa dengan orang Tengku Razaleigh, mereka minta saya tulis buku sokong Tengku Razaleigh dan hentam Mahathir.

“Shahrir mesti dihapuskan”. Kata satu orang pada saya. Anda tentu tahu siapa orang yang akan kata macam itu pada saya. Dia tentu bukan orang Musa atau orang Tengku Razaleigh, sebab Shahrir bukan orang Mahathir. Shahrir anti Mahathir.

Ini kenyataan politik negara kita hari ini yang mahu tak mahu saya mesti hadapi setiap hari. Pemimpin UMNO sudah berpecah tiga di peringkat atas. Di peringkat bawah wallahua'lam, tak ada siapa yang boleh kira banyaknya. Belum kira lagi pemimpin Malaysia, pemimpin Melayu sudah pecah berapa. Itu baru pemimpin UMNO sahaja.

Bayangkanlah UMNO yang suatu hari dulu cukup kuat perpaduannya kini sudah berpecah. Cuma belum berkecai saja lagi. Kalau dah berkecai itu Lim Kit Siang sama Karpal Singh mesti *celebrate* 40 hari 40 malam punya. Kalau Tunku dan Hussein Onn tak mahu tengok UMNO berkecai, mereka mestilah buat sesuatu yang lebih baik daripada mengkritik sahaja. Kalau takat mengkritik, Chandra Mudzaffar lagi *terror*.

Ramai orang bercakap sana sini, kata Datuk Musa dan Tengku

Razaleigh hendak bersatu dan berpadu tenaga kerana nak lawan Mahathir. Anda percayakah cerita itu boleh menjadi kenyataan yang tidak lebih daripada pakatan PAS, CCC dan DAP, kerana Musa dan Ku Li keduanya adalah orang-orang yang mementingkan diri sendiri. Begitu juga pengikut-pengikut mereka yang telah menjadi desperados yang berkeliaran di seluruh pelusuk negara mencari perlindungan untuk diri sendiri.

Orang yang terlalu mementingkan diri sendiri tidak mungkin boleh bersatu dengan orang lain, kerana mereka adalah orang-orang yang tidak boleh dipercayai dan tidak boleh mempercayai orang lain.

“Kenapa Shahrir mesti dihapuskan?” Saya tanya dia.

Jawabnya: “Shahrir itu satu manusia yang jahat.”

Saya bertanya lagi: “Apa yang dia buat awak kata dia jahat?”

Jawabnya: “Shahrir sesudah diberi peluang duduk dalam kabinet pergi kesana kemari memburukan-burukkan pucuk pimpinan dan kerajaan”.

“Kalau tahu macam itu kenapa simpan Shahrir lagi. Buang sajalah.” Saya tahu dia tidak ada kuasa untuk buang Shahrir, tetapi saya sengaja hendak meninjau pendiriannya.

“Mana boleh buat macam itu dalam negara demokrasi. Musa berhenti sendiri dari Kabinet pun ada orang-orang Musa dan orang Johor marah, inikan pula hendak buang Shahrir.” katanya.

“Jadi Boss mana boleh takut.” Saya mengusiknya lagi.

“Bukan masalah takut, tetapi masalahnya orang Melayu ini emosional,” katanya. Saya setuju, orang Melayu memang emosional. Kalau tak percaya tengoklah filem-filem Melayu dan drama-drama dalam TV. Tetapi hari ini sudah kurang sedikit, sebab itu filem-filem Hindustan tidak lagi diminati oleh orang-orang Melayu seperti tahun-tahun 60-an dulu. Datuk Musa sendiri bermain dengan emosi orang Melayu, tetapi tidak berjaya kerana orang Melayu sudah banyak terpengaruh dengan filem-filem Amerika.

Zainal Din Zainal, DJ RMIK (Radio Malaysia Ibu Kota) pernah berkata pada pagi 15.1.1987, bahawa orang Melayu ini emosional. Ramai orang yang menalipon Zainal dan bersetuju dengan kenyataan yang dibuatnya secara bersahaja itu. Saya adalah salah seorang peminat Zainal Din Zainal.

Shahrir kawan baik saya. Pada pendapat saya Shahrir seorang yang rajin berkerja dan mempunyai kelulusan yang tinggi. Dari segi perangai, antara Musa dan Shahrir, walaupun ada banyak persamaan, tapi baik sikit Shahrir.

Masa Musa jadi menteri dulu Shahrir tidak ikut Musa ke hulu ke hilir. Shahrir dengan Musa masa bekerja saja. Kesana kemari dengan perempuan, pergi ke kelab malam Shahrir tidak ikut Musa. Ini Shahrir pernah cerita pada saya.

Tapi dari satu segi lagi, Shahrir lagi jahat dari Musa. Musa tak suka isterinya, dia ceraikan. Tapi Shahrir tidak, dia terus tidur dengan isterinya, tapi sana sini dia cerita pada orang ramai yang isterinya jahat, sundal, tak guna dan macam-macam lagi. Kemudian dia tidur pula dengan gundik istimewanya Rachel Adams yang bekerja di Mun Club. Tengku Razaleigh pun serupalah juga dengan Shahrir, walaupun secara rasminya dia belum kahwin, kerana isteri yang saya maksudkan di sini ialah Dr. Mahathir. Dia tak suka Dr. Mahathir dia tak letak jawatan, sebaliknya dia memburuk-burukan Dr. Mahathir.

Saya nak tanya pada Shahrir dan Ku Li. Dalam mesyuarat kabinet apa yang Yang Berhormat-Yang Berhormat buat? Kalau awak gentleman berdebatlah dengan Mahathir macam yang Anwar Ibrahim buat. Jangan di luar kabinet nak cerita yang Mahathir diktator. Kalau betul Mahathir diktator dah lama Yang Berhormat-Yang Berhormat berdua digugurkan dari kabinet dan ditangkap di bawah ISA. Ini apa punya cerita?

Cakap demokrasi, tapi buat kerja macam orang tak faham apa itu demokrasi, tak faham apa itu *collective decision* dan *collective responsibility*. Keluar dari universiti takkan itu pun tak faham.

Kata orang itu pada saya lagi: "Shahrir tidak mempedulikan orang kawasan dia. Pengikut-pengikut dia tidak boleh datang ke rumah."



● MENTERI Kebajikan Masyarakat, Datuk Shahrir Samad, berbual dengan peragawati Jacinta Lee ketika menemui artis Malaysia dan Hong Kong yang akan menyertai Jog Kebangsaan, semalam. — Gambar Bernama.

## Sikap Papita tidak wajar, kata Datuk Shahrir

*Berita Minggu 18/1/87*

KUALA LUMPUR, Sabtu — Menteri Kebajikan Masyarakat, Datuk Shahrir Abdul Samad menyifatkan pemulauan Persatuan Penyanyi Tanah Air (Papita) terhadap Pesta Jog Kabajikan Kebangsaan sebagai tak wajar dan salah faham.

"Kita memulau pesta yang kecewa atas iltirahan menterian, dan sama pesta yang dapat arif dan un-

tiga artis terkenal dari Hong Kong — Jackie Chan, Cherrie Chung dan Jacinta Lee — Datuk Shahrir berkata penyertaan ketiga-tiga artis itu tidak menjejaskan pendapatan atau populariti artis tempatan.

### Dijemput

"Saya hairan mengapa Papita membantah penyertaan artis luar negeri yang dijemput untuk menjayakan projek kebajikan bagi negara ini kerana kehadiran mereka akan meningkatkan dan

liknya hendaklah tampil ke hadapan bersama-sama dengan artis luar negeri ini untuk menjayakan satu projek kebajikan bagi tabung Yayasan Kebangsaan, tambah beliau.

Menurutnya, yang menjadi soal ialah apakah cara yang berkesan untuk menyekat kemasukan secara haram warganegara asing termasuk dari Burma, Thailand, Vietnam dan Indonesia ke negara

Katanya, beliau berbincang dengan Moch...



Beginilah wajah Jacinta Lee, peragawati terkenal yang telah menggemparkan kalangan hartawan dan orang-orang kenamaan kerana bergambar bogel untuk majalah *Playboy* Hong Kong. Datuk Musa Hitam, Datuk Sri Adib Adam dan Datuk Kadir Sheikh Fadil telah menghadiri majlis harijadinya.



Jawab saya, "Itu cara hidup Shahrir. Cukuplah masa dari pukul lapan pagi hingga lima petang bekerja di pejabat. Bila berada di rumah Shahrir tidak suka diganggu, dia mahu menghabiskan masa dengan keluarganya."

"Orang politik mana boleh macam itu." Kawan itu cuba berhujah, tak mahu kalah.

"Itu pendapat awak. Pendapat Shahrir tidak sama. Dia jaga kawasannya. Sesekali kalau ada orang dari kawasannya datang ke Kuala Lumpur, dia sambut dan layan. Lagipun di kawasan dia ada Setiausaha Politik yang membantu".

Dia masih mahu mencari salah Shahrir. Katanya: "Shahrir tidak menyahut seruan Kerajaan dalam **Penerapan Nilai-Nilai Islam.**"

"Dari segi Islam itu hak individu. Bukan Shahrir seorang yang tak ikut ajaran Islam, pemimpin lain pun ramai lagi yang macam itu. Yang lebih teruk daripada Shahrir pun ramai." Saya terus menguji dia.

Dia merenung muka saya macam orang kehairanan. Macam dia tak percaya saya yang bercakap macam itu dengan dia. Dia nak tanya saya terus terang agaknya dia tak berani. Apa yang dia takutkan, saya pun tak tahu. Nak katakan dia ingat saya orang Musa tak mungkin, sebab buku saya **MUSA DERHAKA?** ada tempat-tempatnya dia baca sampai berulang kali.

Akhirnya dia kata pada saya, seandainya saya sanggup jatuhkan Shahrir dia akan beli banyak buku saya. Saya sudah agak dia akan cakap macam itu. Semua orang bercakap dengan saya lebih kurang sama macam itu.

Saya kata padanya, banyak mana dia berani beli, Shahrir pun berani beli juga, kerana Shahrir pandai cari duit. Dulu waktu jadi Menteri Wilayah, Shahrir bahagi-bahagikan tanah di Wilayah Persekutuan kepada kawan-kawannya macam Wilayah itu dia punya. Masa mereka hendak memujuk Musa dulu Shahrir yang cari duit. Lagi pula sekarang ini Shahrir Menteri Kebajikan Masyarakat, lagi senang cari duit untuk tolong kawan-kawan yang jual buku. Memanglah sekali-sekali nak kena buat kebajikan juga.

Dulu masa dia jadi Menteri Wilayah Persekutuan Shahrir buat Pesta Kesenian Kuala Lumpur. Jemput artis-artis dan kumpulan-kumpulan kesenian dari luar negeri buat persembahan di Kuala Lumpur. Sempatlah dua kali dia buat pesta seronok-seronok dengan artis-artis jelita luar negeri. Bukannya belanja duit sendiri, apa susah. Shahrir cuma tolong cari sponsor dari syarikat-syarikat besar. Menteri cari sponsor apa susah. Saya bukan menteri pun pernah buat kerja cari sponsor. Baru-baru ini pun dia jemput artis-artis Hong Kong yang masuk dalam kategori pelacut untuk menghiburkan para peserta jalan kaki.

Kawan-kawan saya orang-orang teater, bertanya kenapa Shahrir tak buat Pesta Kesenian yang peserta-pesertanya terdiri daripada kumpulan-kumpulan tempatan. Saya jawab, buat dengan kumpulan-kumpulan tempatan mana lebih seronok dengan artis-artis dari luar negeri. Kumpulan teater tempatan bukan ada *glamour*. Kepada kawan-kawan di Teater Elit saya kata, tunggulah kita ada duit sendiri nanti kita buat sendiri. Bukan menteri saja boleh buat, kita pun boleh buat.

“Jadi awak tidak mahu jatuhkan Shahrir?” Tanya orang yang tadi. Dia macam putus asa hendak memujuk saya. Melihat dia begitu saya pun membuka kad saya atas meja.

Kata saya: “Shahrir akan jatuh sendiri. Tapi kalau dia nak lama dalam politik, saya akan cuba membetulkannya macam dulu, macam semasa saya tinggal di Johor. Waktu balik dari sembahyang Jumaat saya tengok Shahrir naik kereta duduk di belakang, saya tegur dia supaya jangan buat begitu. Kalau boleh pergi sembahyang Jumaat bawa kereta sendiri dan bila balik tumpangkan pengundi-pengundi. Belajar ambil hati orang kampung supaya orang kampung sayang.”

Kebetulan saya adalah pengundinya. Shahrir adalah Wakil Rakyat saya. Razak Ahmad yang bertanding melawan Shahrir pun kawan baik saya juga. Kalau Razak Ahmad orang UMNO dan bukan orang PSRM tentu saya kempen tolong Razak. Berbanding dengan Shahrir, Razak lagi bagus.

Sanggupkah Shahrir menggadai nyawa tidur atas rel keretapi macam Razak semasa menentang kedatangan Zionis Herzog ke Singapura? Semua orang tahu Zionis itu jahat, tapi kenapa Usman

**BARISAN BERTINDAK RAKYAT MALAYSIA  
MENENTANG KEDATANGAN  
PEMIMPIN ZIONIS KE SINGAPURA  
DI DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA 16-11-86 10 PAGI**



Salah satu pertemuan menentang kedatangan Herzog ke Singapura yang dianjurkan oleh Barisan Bertindak Rakyat Malaysia yang dipengerusikan oleh Usman Awang.



Penulis bersama-sama dengan mereka yang menentang kedatangan Herzog ke Singapura, di suatu tunjuk perasaan di hadapan Kedutaan Singapura di Kuala Lumpur.

Awang dan Razak Ahmad yang jadi hero memimpin Badan Bertindak Rakyat menentang Zionis?

Saya angkat topi tabik pada Razak Ahmad, lebih-lebih lagi Usman Awang yang berani memimpin rakyat menentang Zionis.

Pada hari kedatangan Herzog ke Singapura itu Usman Awang dilantik untuk mengetuai rombongan menyerahkan memorandum bantahan rakyat Malaysia terhadap lawatan Herzog ke Singapura. Saya adalah di antara ratusan rakyat Malaysia yang berdiri di hadapan pintu pagar Suruhanjaya Tinggi Singapura. Sebaik-baik Usman Awang sampai, semua orang yang berpiket, pergi menyambut Usman Awang yang baru turun dari kereta lalu memekik 'Hidup Usman Awang'. Dan tidak ada orang yang berpekek itu merasa takut sedangkan bantahan itu dibuat tanpa izin dari polis. Dan pada ketika itu ada ratusan polis yang berkawal ketat di kawasan Pesuruhjaya Tinggi Singapura. Saya mengiring Usman Awang sampai ke pintu pagar. Sebagai menghormati Usman Awang yang saya fikir ahli-ahli UMNO pun patut menghormatinya. Bacalah sebuah sajaknya yang amat sesuai dengan keadaan pemimpin UMNO hari ini. Sajak ini saya petik dari buku Salam Benua. Sajaknya berjudul:

### **Benarkah Ketam Mengajar Anaknya Berjalan Betul?**

Sebenarnya Sang Ketam tidak pernah menyuruh dan mengajar anaknya berjalan betul kerana Sang Ketam cukup yakin bahawa caranya berjalan, sebagaimana cara nenek moyang kepada nenek moyangnya, dan cucu cicit kepada cucu cicitnya berjalan, telah betul dan sempurna. Sebaliknya bangsa Ketam pulalah yang merasa hairan dan takjub melihat manusia itu sendiri yang tidak habis-habis, malah bertambah-tambah dengan ajaran dan peraturan yang pelbagai macam, dari doktrin-doktrin, rukun-rukun, fatwa-fatwa sampailah kepada akta-akta, pekeliling-pekeliling dan memo-memo. Manusia telah menghabiskan waktunya untuk membuat segala macam peraturan dan mengawasi pelaksanaan peraturan-peraturan; dari peraturan lalulintas jalan raya; peraturan datang ke pejabat dan peraturan berpakaian, sampailah kepada peraturan-peraturan bercakap di Parlimen dan di Mahkamah,

peraturan menyekatkan air dan menggunakan elektrik, serta peraturan menyimpan rambut di kepala bagi kepala yang berambut. Kehairanan Sang Ketam itu kian bertambah bila melihat manusia yang tidak pernah berjalan betul itu menghabiskan waktunya dengan mendandan mukanya, memelihara rambutnya, mengenakan pakaiannya, malah lebih aneh menahan makan dan minum untuk menguruskan badan, menelan kapsul dan jamu-makjun untuk memperkuatkan bahagian-bahagian anggota tubuhnya, mengumpulkan harta dan ringgit, menentukan jenis darah dan keturunan serta status dan gelaran, malah sangat teliti mencukur bulunya di samping berkelahi dan berbunuhan, menindas dan menipu sesamanya. Soalnya di sini, siapakah sebenarnya yang mengajar dan menyuruh anaknya berjalan betul, Ketam atau Manusia?

1979.

*(Salam Benua- Usman Awang)*

Saya pernah mengingatkan Shahrir, ketika itu Ajib Ahmad masih Menteri Besar Johor, supaya menjaga pengundi dan kawasan, kerana pada pandangan saya Ajib tidak memberi kerjasama yang baik pada Shahrir dan mereka berdua akan berebut kerusi Majlis Tertinggi sesama sendiri. Dan lagi Shahrir mesti ingat sikit yang undinya dalam pilihanraya baru-baru ini sudah merosot. Orang Johor Bahru sudah boleh bezakan siapa yang lebih baik antara Shahrir dengan Razak. Kalau bukan kerana UMNO dan Barisan Nasional baru-baru ini sudah tentu Razak dah jadi Wakil Rakyat Johor Bahru.

Saya menceritakan kepada orang Mahathir yang mahu jatuhkan Shahrir, saya kata buat apa buang duit pada saya, Ajib sudah jadi orang Mahathir. Datuk Mohd Rahmat, Mustapha Muhamad semua sudah jadi orang Mahathir. Orang ini dengan mudah akan jatuhkan Shahrir. Orang dari negeri-negeri lain yang hendak sokong Johor, ikut angin kerana Johor tidak padu seperti dulu lagi.

Shahrir adalah duri dalam daging pada Mahathir. Susah seorang Ketua bekerjasama dengan orang bawahan yang sentiasa mahu mencari kesalahan boss dan pergi memburukkan boss di sana-sini. Sepatutnya Shahrir berhenti dan lawan dari luar macam Musa. Berlawan dari dalam ini bukan dasar orang yang berani. Bukan anak jantan.

Mana Shahrir mahu berhenti. Kalau dia berhenti, dia terus mati dan hanyut. Dia bukan tidak tahu perangai ahli UMNO.

# Ada menteri burukkan kerajaan dalam kempen - Mustaffa

*Udutan Malaysia, Khamis 29 Januari, 1987*

**L**IPOH 28 Jan. — Timbalan Menteri Kerja Raya, Encik Mustaffa Mohamed berkata ada di kalangan menteri kabinet yang memburuk - burukkan kerajaan dalam keghairahan kempen pemilihan pucuk pimpinan UMNO yang semakin rjemuncak. Beliau berkata mereka bukan sahaja mempersoalkan beberapa dasar kerajaan yang dipersetujui bersama, malah memburuk -

burukkannya dengan tujuan memburukkan pucuk pimpinan kerajaan. Perkara itu boleh diterima jika disalurkan melalui saluran yang dibenarkan supaya masalah yang timbul dapat diatasi, tetapi kecaman dikemukakan kepada orang ramai dan pendengar yang tidak berkaitan, tambahnya. Encik Mustaffa berkata, perbuatan ini amat dikesali kerana ia menjejaskan imej kerajaan dan sekaligus mempertikaikan

kewibawaan pucuk pimpinan kerajaan sekarang. "Mereka diberi amanah oleh kerajaan untuk menyelesaikan masalah yang ada dan bukan untuk mencari kepentingan lain," tegasnya sambil berkata gejala itu tidak terhad kepada menteri kabinet terlibat sahaja malahan di kalangan anggota Majlis Tertinggi (MT) UMNO, Beliau yang juga Ketua UMNO bahagian Seri Gading berkata, beliau

"terpaksa" bertanding kerusi MT pada pemilihan akan datang kerana "gejala-gejala tidak sihat" itu. "Sebelum ini saya hanya menunggu reaksi anggota perwakilan jika mereka mahukan saya bertanding. Tetapi perkembangan tidak sihat itu memaksa saya membuat keputusan untuk bertanding bagi membendung gejala itu," tambahnya. Encik Mustaffa juga tidak setuju dengan langkah

kalangan tertentu menghadkan jumlah calon yang perlu menawarkan diri bertanding dalam pemilihan kelak kerana ia bermotifkan "pakatan" dan bertentangan dengan etika pemilihan. Soal pertandingan adalah hak mutlak anggota dan mereka yang bertanding, ingin menawarkan khidmat di peringkat kebangsaan, kata beliau yang juga tidak setuju dengan "pakatan tidak rasmi antara negeri - negeri" kerana ia akan membawa kepada



# Datuk Musa akan pertahan jawatan, kata Shahrir

KUALA LUMPUR, Ahad — Datuk Musa Hitam akan bertanding mempertahankan jawatan Timbalan Presiden Umno di perhimpunan agung parti itu April depan, kata Menteri Kebajikan Masyarakat, Datuk Shahrir Abdul Samad.

Bercakap kepada pemberita selepas meraamikan mesyuarat agung tiga cawangan Umno Lembah Pantai di sini hari ini, beliau berkata Datuk Musa menyampaikan hasratnya itu kepada beliau baru-baru ini.

Sebelum itu, dalam ucapannya Datuk Shahrir menegaskan kekuatan Umno bergantung kepada sokongan dan kepercayaan yang diberikan oleh masyarakat Melayu di semua peringkat dan bukan kepada kedudukan dan jawatan pemimpinnya.

"Masyarakat Melayu memberi sumbangan yang tidak ternilai harganya dalam memperkuatkan kedudukan

Umno dan sebahagian besar daripada mereka tidak pernah mengharapkan balasan," katanya.

Menurut beliau, keistimewaan Umno ialah ia terbabit dalam hampir semua aspek dan kegiatan kehidupan harian masyarakat Melayu merangkumi soal politik hingga kepada perkara-perkara sosial.

"Kebebasan bersuara diberikan untuk membolehkan setiap ahli memberi pendapat mengenai apa juga perkara dan masalah yang timbul.

"Dengan ini juga, kita berpeluang mengkritik mana-mana pihak yang dianggap menyeleweng tanpa perlu berasa takut," katanya.

Datuk Shahrir berkata oleh itu adalah wajar bagi masyarakat Melayu menggunakan segala peluang demokrasi yang ada untuk membaiki dan mempertingkatkan lagi taraf kepimpinan dan kehidupan mereka.

26/1/87  
Berita Harian

# 15

## MUSA KEBAS BEBERAPA JUTA

Selepas buku saya **MUSA DERHAKA?** dan **MUSA A TRAITOR?** tersebar dan ramai orang membacanya, saya menerima bermacam-macam reaksi daripada berbagai-bagai jenis orang. Ada yang marah, ada yang suka. Ada juga orang yang menambah-nambah cerita tentang Musa. Jadi banyaklah lagi cerita-cerita tentang Musa sampai kepada saya.

Antara banyak-banyak cerita itu, ada beberapa orang memberitahu saya, Musa pernah menerima wang sebanyak \$1 juta yang diberikan kepadanya sebagai derma untuk UMNO negeri Johor. Tetapi duit sebanyak itu telah dikebas oleh Musa.

Cerita ini memang seronok. Rupanya Musa bukan sahaja menderhaka tetapi dah jadi toyol kebas duit pula. Kerja kebas-kebas duit ni kerja toyollah. Toyol selalunya curi duit sikit saja. Ini \$1 juta bukan sikit. Toyol kecil tak boleh bawa duit sebanyak itu. Ini berat punya cerita. Hantu bungkus bolehlah. Lepas dia bungkus, dia bawa, orang tak nampak.

Seronok, seronok juga, tapi bila kes macam ini saya tak bolehlah nak percaya begitu sahaja. Walaupun saya tahu Musa itu kruk. Kalau saya nak kata, saya mesti ada bukti. Saya tahu nak buktikan perkara macam ini bukan senang. Walau bagaimana pun kerja yang tak senang ini saya kenalah buat. Kalau saya tak buat, siapa lagi yang nak buat. Harapkan orang UMNO Johor, mereka semuanya takut pada Musa. Tapi cerita ini cerita di Johor. Tak kan saya nak pergi tanya orang Kedah. Orang Kedah mana tahu cerita UMNO Johor. Yang tahu tentang cerita UMNO Johor mestilah orang Johor.

Saya orang Johor.

Kerana saya orang Johor, tentu ada orang Johor lain yang akan

beri kerjasama kepada saya, sebab bukan semua orang Johor sokong Musa. Datuk Mohamad Rahmat tak suka Musa. Mustafa Muhamad tak suka Musa. Datuk Jalal tak suka Musa. Datuk Yusuf Malim Kuning dan Datuk Syed Zain tak suka Musa. Ikhwan Nasir benci kepada Musa. Itu orang-orang termasyhur. Kalau saya nak sebut orang-orang yang tak masyhur, satu buku ini pun penuh dengan nama dia orang saja.

Antara orang yang paling menyampah dengan Musa di Johor ialah Raja Johor sendiri. Kita tak pernah dengar dalam sejarah Malaysia merdeka, ada satu menteri kena marah dalam masjid didepan orang ramai, selepas sembahyang hari raya, melainkan Musa dimarah oleh DYMM Yang Di-Pertuan Agong. Bukan sebarang-sebarang orang yang marah. Kalau tak cukup dengan salah dan dosanya, mustahil seorang raja yang berdaulat boleh marah di depan orang ramai. Dalam masjid pula. Lepas sembahyang raya lagi.

Dipendekkan cerita, saya pun meminta setiausaha saya telefon agen penerbangan MAS untuk menghantar tiket saya ke Johor Bahru. Dipendekkan cerita, pembantu saya pun menghantarlah saya ke Lapangan Terbang Antarabangsa Subang. Dipendekkan cerita lagi, saya pun sampailah ke Johor Bahru. Di Lapangan Terbang Senai, adik saya sedang menunggu.

Johor Bahru kampung saya.

Kalau betulah Musa telah lesapkan duit \$1 juta, saya mesti dapat ini cerita, dengan bukti-buktinya sekali. *By hook or by crook*, kata orang putih. Saya pun *round* satu Johor Bahru. Di pendekkan cerita akhirnya tahulah saya punca daripada mana Musa mendapat wang \$1 juta. Orang yang menjadi saksi itu berada di Kuala Lumpur. Saya pun terbang semula ke Kuala Lumpur.

Di Kuala Lumpur rumah saya. Saya ada dua rumah di Kuala Lumpur. Rumah di Johor itu rumah ibu saya. Rumah pusaka.

Kebetulan orang yang menjadi saksi itu kawan baik saya, Datuk Mohamad Rahmat. Datuk Mohamad Rahmat itu Ketua Pengawas saya semasa bersekolah di English College, Johor Bahru. Musa pun sekolah itu juga.

Bila saya jumpa Mohamad Rahmat dia mengaku yang dia jadi saksi ketika penyerahan cek itu berlaku. Masa itu Mohamad Rahmat Menteri Penerangan Malaysia dan dia juga pada ketika itu kawan baik Musa.

Mohamad Rahmat kata, kalau nak tahu cerita lebih lanjut, pergi jumpa Mr. Clement D'Cruz, di Singapura. Kebetulan sekali lagi, Clement D'Cruz adalah kawan baik saya. Kami dulu tinggal sekampung, di kampung Wadi Hana. Inilah pertolongan Tuhan kepada saya. Kalau benda dah betul semua benda jadi mudah dengan pertolongan Tuhan.

Di pendekkan cerita. Kalau tak dipendekkan, cerita ini panjang. Berleho-leho. Perjalanan yang panjang dari Kuala Lumpur ke Singapura dipendekkan oleh MAS. Dengan layanan yang mesra, senyum manis dari pramugari, perjalanan yang pendek itu menjadi bertambah pendek lagi.

Di Lapangan Terbang Changi Singapura, kawan saya telah menunggu. Dia membawa saya ke hotel tempat saya selalu menginap setiap kali saya berada di Singapura, Hyatt International Hotel. Di sinilah saya berjumpa dengan Clement D'Cruz, kawan baik saya yang sekarang menjadi tuan punya sebuah restoran terkemuka bernama *Tom Sawyer's Chicken* di Singapura. Dia juga mempunyai *franchise* restoran itu untuk seluruh dunia.

Sebelum saya menceritakan bagaimana Clement D'Cruz memberi Musa wang \$1 juta, eloklah saya memperkenalkan siapa dia Clement D'Cruz ini sebenarnya.

Sekiranya Clement D'Cruz ini orang Melayu dan dia menjadi ahli UMNO, dia lebih layak menjadi Timbalan Perdana Menteri daripada Musa Hitam. Tetapi dia bukan orang Melayu. Jadi segala jasa-jasanya kepada UMNO tidak pernah mendapat penghargaan. Bukan sahaja tidak mendapat penghargaan, tetapi telah menjadi mangsa permainan kuasa oleh Datuk Musa Hitam dan Datuk Ajib Ahmad, bekas Menteri Besar Johor.

Saya kata Clement D'Cruz lebih layak menjadi Timbalan Perdana Menteri daripada Musa kerana Datuk Ajib sendiri memanggil dia "boss". Boss Datuk Ajib dua orang saja, Musa dengan Clement D'Cruz.

Lebihnya lagi Clement D'Cruz daripada Musa sebab Clement D'Cruz bagi Ajib duit dan macam-macam benda lagi yang Ajib selalu minta kepada dia. Musa pun tak boleh bagi Ajib macam itu. Sebab Musa sendiri pun terima duit daripada Clement D'Cruz.

Sejak merdeka, tidak ada pemimpin UMNO di Johor yang telah membuat satu bangunan yang tersergam besarnya seperti yang dibuat oleh Clement D'Cruz. Holiday Inn Plaza telah diusahakan oleh Clement D'Cruz adalah sebuah *Shopping Complex* yang terpanjang di Asia. Ini adalah satu *landmark* yang meletakkan Johor Bahru dalam peta dunia. Dan ini boleh dikatakan satu-satunya *landmark* yang boleh dibanggakan selepas apa yang dibuat oleh Almarhum Sultan Abu Bakar, iaitu tiga *landmark* yang penting di Johor Bahru — Tambak Johor, Pejabat Kerajaan Johor dan Masjid Abu Bakar.

Sekarang marilah kita ikuti skandal penyelewengan kuasa Musa Hitam seperti yang diceritakan kepada saya oleh Clement D'Cruz.

Sebelum itu saya nak cerita satu lagi tentang Clement D'Cruz ini. Dia ini walaupun bukan Islam, seorang yang kuat beragama. Dia percaya kepada Tuhan dan cukup percaya kepada "Qada dan Qadar" mengikut kepercayaan agamanya. Dia seorang Kristian, mazhab Roman Katholik. Bila bercakap dia selalu merujuk kepada *Bible*. Nama Jesus Christ sentiasa berada di bibirnya. Semasa bercakap dia selalu memegang lambang salib yang tergantung di lehernya.

Sekarang mari kita ikuti sebahagian daripada perbualan saya dengan Clement D'Cruz.

S.H.ALATTAS: *Cuba saudara cerita daripada awal.*

CLEMENT D'CRUZ: Daripada saya menubuhkan Dapat Sdn. Bhd.

S : *Bila saudara menubuhkan Dapat?*

C : 1978, sebenarnya yang menubuhkan Dapat Sdn Bhd ialah keluarga Putucherry. Mereka memiliki satu pertiga daripada sebidang tanah seluas 10 ekar di tempat yang dibina Holiday Inn sekarang.

--

S : *Maksud saudara, Putucherry peguam?*

C : Benar. James Putucherry, Dominic dan Francis Putucherry. Mereka tinggal di Jalan Dapat. Mungkin itulah sebabnya syarikat itu diberi nama Dapat Sdn Bhd. Saya beli syarikat itu dan tanah 10 ekar itu.

S : *Berapa nilai tanah tersebut?*

C : Tidak ada nilai. Tanah paya, parit *reserved*. Ada sebuah anak sungai kecil. Saya bayar lebih kurang \$1.70 sekaki. Lebih kurang \$700,000 semuanya.

S : *Duit saudara sendiri?*

C : Bukan. Duit rakan kongsi saya dari Singapura, Ng Eng Kiat, Ng Eng Gee, Ng Eng Tee dan Ng Eng Soon. Mereka adik beradik. Ng Eng Soon baru-baru ini dihadapkan ke mahkamah dengan 65 tuduhan. Beliau ialah Pengarah Urusan Bank Singapore Far Eastern yang dipunyai oleh abang iparnya. Dia dituduh pecah amanah dan cuba menipu menggelapkan wang \$5 juta. Ng Eng Tee itu kawan baik Dr. Rais Saniman.

S : *Siapakah rakan kongsi Bumiputera?*

C : Pada mulanya tidak ada. Kemudian saya ambil Dato' Rahman Musa, bekas Setiausaha Kerajaan sebagai Pengerusi. Selepas beliau meninggal dunia digantikan dengan Dato' Zainal Abidin, bekas Pegawai Daerah, Cikgu Isa Rahmat dan isterinya Puan Khatijah.

S : *Berapa peratus saham mereka?*

C : Saham kosong. Tapi selepas itu, untuk memohon pinjaman kita tunjukkan atas kertas Bumiputra ada 51%. Ini semua boleh buat. *Paid-up capital* syarikat ini pun \$4 juta, tapi yang betul-betul dibayar \$1 juta saja. Semuanya dibayar oleh keluarga Ng Eng Kiat.

S : *Macam mana pula UMNO boleh terlibat?*

- C : Dalam Dapat UMNO tak terlibat, UMNO terlibat dalam Bakland Sdn Bhd. Dalam Bakland UMNO ada saham 30%, Datuk Baharuddin Abu Kassim atau Indah Holding ada 35%, Chee Tat Holding atau Ng Brothers ada 25% dan Emasperak ada 10%.
- S : *Apa hubungan Dapat dengan Bakland?*
- C : *You see*, orang yang sama tubuhkan Dapat dan Bakland. Saya dan Keluarga Ng. Saya jadi MD dua-dua syarikat. Pejabat Dapat dan pejabat Bakland satu. Keluarga Ng ada tanah ladang getah 7,000 ekar, Han Yang Estate, Mukim Plentong, Masai. Kita nak buat projek perumahan besar-besaran. Kita ada macam-macam problem. Kita fikir kalau kita ada *partner* Melayu, kalau UMNO mahu join, kita boleh dapat kelulusan mudah sikit.
- S : *Apa yang saudara buat?*
- C : Saya ada ramai kawan Melayu. Tengku Mahkota Johor pun kawan baik saya.
- S : *Maksud saudara Tengku Ibrahim.*
- C : Bukan, Tengku Abdul Rahman, Tengku Bendahara sekarang. Tapi dia tak terlibat dalam projek ini. Saya ada perniagaan lain dengan dia. Saya juga kawan baik dengan Mokhtar Abu Kassim, adik Datuk Baharuddin. Dia jadi ADC Tun Hussein Onn. Waktu itu Hussein Onn Perdana Menteri. Mustafa Mohamad pun kawan baik saya. Waktu itu dia jadi Setiausaha Politik Hussein Onn. Saya selalu pergi Pejabat Perdana Menteri. Ada suatu kali saya tengok Dr. Mahathir pun kena tunggu lama nak jumpa dengan Hussein Onn. Dr Mahathir sendiri kena tunggu nak jumpa Hussein Onn. Dia Timbalan Perdana Menteri waktu itu, dia boleh tunggu. Sekarang Musa Hitam tak boleh tunggu.
- S : *Jadi macam mana UMNO boleh join dalam Bakland?*
- C : Mokhtar Abu Kassim kata dia sudah dapat *blessing* dari Hussein Onn. Dia pergi jumpa Othman Saat, Menteri Besar Johor waktu itu, dia ceritakan Hussein Onn sudah bagi *blessing*, Othman Saat pun setuju luluskan projek, dengan syarat UMNO Johor ada

30% saham. Jadi itulah mulanya Bakland.

S : *Othman Saat luluskan projek itu, UMNO dapat 30% saham dalam Bakland?*

C : Semua *partners* kena bayar untuk *paid-up capital*. UMNO bayar \$400,000 untuk 30%.

S : *Siapa wakil UMNO?*

C : Datuk Eunus Sulaiman. Datuk Baharuddin punya cek-dijamin oleh UMNO Johor dan ditandatangani oleh Datuk Eunus juga. *Post-dated* cek, bila sampai waktu duit tak ada, tapi lepas itu dibayar.

S : *Bila Bakland ditubuhkan?*

C : 14 Februari 1979.

S : *Paid-up capital* satu juta lebih sahaja. Berapa yang Bakland bayar untuk tanah 7,000 ekar itu kepada Keluarga Ng?

C : Tanah itu kepunyaan keluarga *partner* kita juga, Ng Eng Kiat. Harganya \$12,000 satu ekar. *Fair price*. Bakland beli 1,400 ekar, lebih kurang \$15 juta. Murah harganya, sebab mereka pun ada 25% *share*.

S : *Dari mana dapat wang sebanyak itu?*

C : Pinjaman bank. Untuk *conversion* pun kita tak ada duit, kita minta pinjam bank.

S : *Berapa bayaran untuk conversion?*

C : \$3 juta, dengan *survey, valuation* begitu begini semuanya lebih kurang \$5 atau \$6 juta. Selepas itu tanah itu saya pecahkan kepada tiga bahagian. 400 ekar saya jualkan kepada Hong Leong Group dengan harga \$30 juta. 400 ekar lagi saya jualkan kepada syarikat perumahan Lancang Sdn Bhd dengan harga \$32 juta. Dengan itu kita sudah dapat \$62 juta dan kita masih ada lagi 600 ekar. Dengan sekelip mata saja semua orang sudah jadi



jutawan.

S : *Semasa itu Holiday Inn belum siap?*

C : Belum. Semasa itu Holiday Inn sedang dalam pembinaan. Holiday Inn siap tahun 1982. Dapat Sdn Bhd memiliki Holiday Plaza. Dapat Hotel Sdn Bhd, anak syarikat Dapat, memiliki Holiday Inn. Bakland membuat perumahan. Selepas itu Bakland pun ada saham dalam Holiday Inn dan Holiday Plaza. Kita *swap shares*, bercantum.

S : *Lepas itu saudara berhenti. Bila sdr berhenti?*

C : Awal tahun 1983.

S : *Kenapa saudara berhenti?*

C : Saya telah bina Dapat, saya telah bina Bakland, kemudian Dapat sama Bakland bercantum jadi besar dan kuat. Kemudian Daud Taha masuk. Hamzah Othman, Setiausaha Kerja UMNO Johor, tulis surat kepada saya, dia kata Datuk Musa minta supaya Datuk Eunus ditukarkan dengan Daud Taha. Saya kena setuju, sebab UMNO ada 30%. Daud Taha pun masuk. Dia sama Mokhtar sama Baharuddin cuba nak *manipulate*. Dia orang nak buat duit. Dia orang tak suka dengan saya sebab kalau saya ada dia orang tak boleh buat duit. Waktu itu dia orang sudah kuat, sebab Ng Brothers pun saya sudah kenalkan semua dengan mereka, mereka tak perlukan saya lagi, saya pun tak boleh kontrol syarikat itu lagi. Saya berhenti. Lepas itu tengok apa sudah jadi dengan Bakland? Saya tinggalkan Bakland waktu itu Bakland ada berjuta-juta ringgit, lepas tiga tahun sekarang syarikat itu sudah mahu bengkrap, kena saman dengan Jabatan Hasil Dalam negeri, sebab hutang Income Tax \$20 juta.

S : *Itu Ng adik beradik, apa mereka buat?*

C : Itu orang Cina dari Singapura mereka bukan bodoh, mereka smart. Mereka jualkan 25% *share* melalui Chee Tat Holding kepada UMNO. UMNO bayar \$46 juta untuk 25% *share* syarikat yang sudah jatuh.

- S : \$46 juta?
- C : Empat puluh enam juta. Mestilah, semua orang mahu makan. Itu orang Cina dia smart, dia tahu macam mana mahu jual.
- S : *Mana dia orang dapat duit?*
- C : Inilah yang kita tanya. Mana Daud Taha dapat itu duit?
- S : *Term of transaction* itu macam mana? Bayar dengan duit atau apa?
- C : *Cash* . Bayar secara *instalment*.
- S : *Belum bayar?*
- C : Sudah bayar banyak. Kita ada dokumen. Nama Datuk Ajib ada di situ, nama Daud Taha ada di situ, nama Hamdan Yahya ada di situ. *Instruction* diberi kepada *lawyer*. You tahu kenapa? Ajib dapat sekian juta, Daud dapat sekian juta, Hamdan dapat sekian banyak.
- S : *Tapi Bakland ada aset lebih daripada itulah?*
- C : Bakland nak bengkrap, nak kena *wind up* oleh Jabatan hasil Dalam Negeri. Syarikat yang dikontrol oleh UMNO Johor ini sedang bengkrap. Harta-harta yang ada dalam syarikat semua sudah di kebas, sudah kena samun.
- S : *Itu Holiday Plaza bangunan terpanjang di Asia?*
- C : Itu kepunyaan Dapat, dan Dapat sudah jadi milik Ng Brothers 100%. UMNO tak ada saham lagi di situ. Masa saya dulu UMNO ada 30% *share*, melalui percantuman antara Bakland dengan Dapat. Sekarang UMNO tak ada apa-apa lagi. 100% Ng Brothers. Mereka smart. Saya tahu mereka ada bagi duit pada Musa beberapa juta.
- S : *Ng Brothers orang Singapura. Dapat Sdn Bhd syarikat Malaysia.*
- C : Itu dia orang pandailah macam mana nak buat. Dia orang boleh



Clement D'Cruz, kawan baik Tengku Bendahara Johor dan lain-lain pemimpin UMNO. Datuk Ajib dulu panggil dia 'Boss'. Holiday Inn Plaza di Johor Bahru, Shopping Complex yang terpanjang di Asia diusahakan olehnya.



Inilah budak nakal yang Musa lantik jadi Menteri Besar Johor. Apa yang dia sudah buat kepada Johor? Orang kata dia jadi peon Musa.

gunakan orang Melayu jadi Ali Baba Tapi *the actual fact*, Dapat 100% milik Ng Brothers. Sekarang orang Musa Hitam pun ada dalam Dapat. Itu Mike Musa, suami Nora Marzuki, ada dalam Dapat, dalam G.I.B. — Granite Industries Bhd.

S : *Musa pun terlibatkah dalam perkara ini?*

C : Siapa boss UMNO Johor? Tanpa Musa, Ajib tak boleh buat apa-apa. Saya kenal Ajib. Saya yang bagi dia duit. Bila dia tak ada duit dia telefon saya minta duit. Video dia pun dia suruh saya belikan. You tau apa dia panggil saya? Dia panggil saya *boss*. *He demands everything from me*. Masa pilihanraya dia minta saya bagi 12 buah kereta, semua perbelanjaan saya tanggung. Saya kena bagi. Saya *businessman*. Kalau tak jaga dia saya susah berniaga. Saya kenal dia. *As far as I am concerned*, Ajib cuma budak suruhan Musa. Dia cuma *office boy* Musa. Kalau Musa tak benarkan, kalau bukan arahan dari Musa, Ajib tak berani buat benda-benda besar macam itu.

S : *Siapa Mike Musa?*

C : Mike Musa itu asalnya nama lain, tapi dia sudah jadi orang Musa, sudah jadi kaki Musa, dia tukar dia punya nama jadi sama dengan nama Musa. Datuk Musa boleh guna Timbalan Perdana Menteri punya *executive jet* untuk Mike Musa datang ke Kuala Lumpur, untuk Nora Marzuki, untuk Ika, bagi helikopter kepada Vincent Ponniah pergi ke Genting Highland. Tahu siapa Vincent Ponniah?

S : *Siapa Vincent Ponniah?*

C : Vincent Ponniah seorang peguam dalam syarikat Ng Ek Tiong & Partners. Dia kawan baik Datuk Musa. Kebanyakan urusan bagi pihak Datuk Musa dialah yang uruskan. Antaranya urusan pembelian saham D & C Bank oleh Salleh Yusoff. Dia banyak jasa dengan Datuk Musa, sebab itu bila dia minta nak jadi Pengarah MAS, Datuk Musa lantik dia jadi Pengarah MAS. Nora Marzuki dengan Mike Musa minta kepada Datuk Musa supaya bapa Nora Marzuki, iaitu Datuk marzuki dilantik jadi Governor Sarawak. Musa cuma berjaya lantik dia jadi Pemangku

Governor sekejap saja . Saya tahu cerita ini semua, sebab saya berkawan dengan mereka. Ng Eng Soon, Ng Brothers, *entertain* mereka di sebuah *apartment* di Sophia Road, Singapura, tempat Musa dan Ajib bersuka-suka. Vincent Ponniah dan lain-lain lawyer dari firmanya, Musa, Datuk Hashim Shamsudin, Rais Saniman, Ajib, Daud, Hamdan, *women, wine and champagne in their penthouse in Sophia Road, million of dollars exchanged.*

S : *Saya dengar cerita saudara banyak tolong Datuk Musa dalam tahun 1981.*

C : Tahun itu Musa lawan dengan Tengku Razaleigh. Datuk Mohamad Rahmat beritahu kita mesti sokong Musa, dia orang Johor. Kalau tidak nanti orang kata saya sokong Tengku Razaleigh. Jadi kami orang Johor tolong Musa. Kami bayar semua perbelanjaan Ajib dan orang-orang Musa di Regent Hotel, dua tiga minggu, enam tujuh bilik, semua perbelanjaan makan minum dan duit poket, lebih kurang \$70,000 semuanya.

S : *Duit yang satu juta itu bila saudara berikan kepada Musa?*

C : Itu selepas Perhimpunan UMNO, iaitu awal tahun 1982.

S : *Itu duit apa?*

C : Duit itu untuk Tabung Derma Rumah UMNO Johor.

S : *Kenapa diberikan kepada Musa? Waktu itu Othman Saat Menteri Besar Johor.*

C : Othman Saat Menteri Besar Johor, tapi Datuk Musa Ketua Perhubungan UMNO Johor. Datuk Baharuddin suruh bagi kepada Othman Saat, tapi ada orang kata kalau bagi pada Othman Saat saya sokong Tengku Razaleigh. Dato' Mohamad Rahmat kata lebih baik bagi terus pada Datuk Musa. Dia boleh buat *arrangement* saya jumpa dengan Datuk Musa. Jadi saya dengan Mohamad Rahmat dengan Ng Eng Tee, kami pergi pejabat Datuk Musa di Kuala Lumpur.

S : *Mohamad Rahmat ada tengok masa saudara serahkan cek \$1 juta itu kepada Musa?*

C : Mohamad Rahmat ada jadi saksi, Ng Eng Tee pun ada. Bukan cek, *bank draft*. Mula-mula Musa minta cash. Satu juta macam mana cash. Saya bawa *bank draft*.

S : *Itu satu juta duit siapa?*

C : Duit Bakland. Masa itu Bakland tak ada duit, saya pinjam sana sini, itu bank draft atas nama saya. Tapi lepas itu Bakland bayar balik pada saya. Jadi duit itu duit Bakland.

S : *Saudara bagi pada Datuk Musa, tidakkah itu rasuah?*

C : Apa rasuah? Saya dipaksa supaya bagi. Rasuahkah macam itu? Kalau saya tak dipaksa buat apa saya bagi satu juta?

S : *Tapi itu siapa tahu? saudara tetap boleh dituduh memberi rasuah.*

C : Bawa ke mahkamah. Saya boleh buktikan.

S : *Selepas itu apa Musa buat?*

C : *Favour* pertama yang Musa buat, dia benarkan semula *grenade* di Johor Bahru yang telah diharamkan oleh Othman Saat. Dia kata kepada saya sendiri, kalau Othman Saat tak setuju, beritahu dia.

Begitulah perbuatan saya dengan Clement D' Cruz. Bukan sekali saya bertemu dengan dia untuk memastikan cerita ini. Selepas pertemuan di hotel Hyatt Singapura itu, saya beberapa kali lagi terbang ulang alik ke Johor Bahru. Clement juga masih ada rumah di Johor Bahru.

Boleh Jadi ada beberapa perkara atau fakta dalam cerita itu yang tidak begitu jelas atau kurang tepat. Tapi perkara pokoknya mengenai duit satu juta untuk Tabung Derma Bangunan UMNO Johor yang diberikan kepada Musa itu saya *cross-check* dengan beberapa sumber lagi, itu memang pasti, saya berani bertanggung-jawab. Mr. Clement sendiri sanggup menghadapi apa-apa risiko daripada ceritanya yang saya dedahkan di dalam buku ini. Sekarang Clement sedang menguruskan secara legal untuk mendapatkan semula wang atau *share* dia yang telah ditipu di dalam Dapat.

Kemanakah pergi duit \$1 juta yang diserahkan kepada Musa itu? Ketua pembangkang Lim Kit Siang pernah bertanya dalam Parlimen pada 5 November 1986 mengenai perkara ini. Soalan nombor 18, meminta Perdana Menteri menyatakan sama ada Badan Pencegah Rasuah telah menyasat dan hasil kes di mahkamah di Johor Bahru mengenai Datuk Musa Hitam menerima bank draf \$1 juta daripada Bakland Sdn Bhd dan Dapat Sdn Bhd. Soalan itu juga menyebut Haji Daud Taha yang sekarang Timbalan Menteri Perusahaan Awam sebagai salah seorang pemegang saham Bakland yang memegang saham bernilai \$18 juta dan beliau memegang saham tanpa membuat apa-apa bayaran.

Soalan itu telah dijawab oleh Datuk Oo Gin Sun, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri bagi pihak Perdana Menteri. Jawapannya berbunyi "Berhubung dengan soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjung, kes berkenaan adalah di dalam siasatan BPR".

Saya pernah juga terdengar orang kata Musa mengatakan Dr Mahathir yang bertanggungjawab. *Trend* hari ini macam itu, apa saja yang salah semuanya dikatakan tanggungjawab Dr Mahathir. Perkara yang tak salah juga ditafsirkan dan *dimanipulate* boleh dikatakan salah, diletakkan tanggungjawabnya ke atas kepala Mahathir, supaya Mahathir seorang yang pikul. Orang lain semua tak ada salah, Mahathir saja yang salah. Mana ada lojik?

Cakap boleh sebarang cakap dan tuduh boleh sebarang-sebarang tuduh. Tetapi di manakah menghilangnya orang-orang berani yang sanggup mencari dalil dan *evidence* untuk membuktikan yang mana yang HAK dan yang mana yang BATIL? Buktikanlah. Saya sanggup mencari dalil dan *evidence* untuk membuktikan kejahatan Datuk Musa dan Ku Li. Selepas buku ini, kalau diizinkan Allah S.W.T, saya akan terus mencari dalil-dalil dan *evidence* untuk mendedahkan kebenaran dan kemungkaran di kalangan pemimpin-pemimpin kita.

Awak kata Dr Mahahtir korup, Daim menyalah-gunakan kuasa, Anwar tak betul. Buktikanlah dengan dalil dan *evidence*. Jangan sekadar pandai bercakap macam burung tiong saja. Malulah dengan burung tiong di rumah saya.

S.M. Idris dengan dua tiga persatuannya yang beroperasi di Pulau



合

眾

銀

行

之有

印

JSC

No. AKAU  
A/c. No.

6607

DATE

91.30.14  
29/4/79

سريكت يونيتيد ملايان بيكيغ برسد

UNITED MALAYAN BANKING CORPORATION BHD.

INCORPORATED IN MALAYSIA  
KUALA LUMPUR MAIN OFFICE

STAMP  
DUTY  
PAID

RAYAH  
PAY TO  
KINGUIT  
DOLLARS

Three Tet Realty Private Ltd

ATAU PEMDAWA  
OR BEARER


Four hundred sixty two thousand one hundred  
seventy eight and six thirty two only

\$462,178-32

422979 91.30.14

POSTING CHECKED BY:
POSTED BY:
CASHER:
AUTHORISED BY:
CHECKED BY:
WASTE NOTE NO.:

Guaranteed payment on behalf of  
 UMNO Johore by:  
 Yb. Encik Yusur bin Sulaiman



Inilah cek yang dijanjikan oleh UMNO Johor sebagai saham dalam Bakland Sdn Bhd.

**IN THE HIGH COURT  
IN MALAYA AT  
JOHOR BAHRU  
COMPANIES (WINDING  
UP) NO: 42-87-1986**

In the matter of the Compa-  
nies Act, 1965

And

In the matter of Bakland Sdn  
Bhd.

**ADVERTISEMENT  
OF PETITION**

NOTICE is hereby given that a Petition for the Winding-Up of the abovenamed Company by the High Court was on the 2nd day of September, 1986 presented by the Government of Malaysia. And that the said Petition is directed to be heard before the Court sitting at Johor Bahru at 11.00 o'clock in the forenoon on Wednesday the 26th day of November, 1986 and any creditor or contributory of the said Company desiring to support or oppose the making of an Order on the said Petition may appear at the time of hearing by himself or his counsel for that purpose; and a copy of the Petition will be furnished to any creditor or contributory of the said Company requiring the same by the undersigned on payment of the regulated charge for the same.

The Petitioner's address is Department of Inland Revenue, Block 11, Komplek Bangunan Kerajaan, Jalan Duta, Kuala Lumpur.

The Petitioner is Kok Yoon Wah, Senior Assistant Director of Inland Revenue, for and on behalf of the Government of Malaysia.

(Kok Yoon Wah)  
Senior Assistant Director  
of Inland Revenue,  
For and on behalf of the  
Government of Malaysia.

NOTE: Any person who intends to appear on the hearing of the said Petition must serve on or send by post to the abovenamed, notice in writing of his intention so to do. The Notice must state the name and address of the person, or, if a firm, the name and address of the firm and must be signed by the person, or firm, of this or their solicitor (if any) and must be served, or if posted must be sent by post in sufficient time to reach the abovenamed not later than 12.00 o'clock noon of the 25th day of November, 1986.

Notis mahkamah mengenai petisyen pembubaran syarikat Bakland Sdn. Bhd.

pinang cakap berdegar-degar mengkritik itu tak kena ini tak betul, dia pun ada *share* dalam M.P.C. Holdings yang buat perumahan Taman Intan seluas 200 ekar di Tampoi, bersama-sama dengan Jaafar Othman, Hamdan Jaafar dan Datuk K.K. Sharma. Vincent Ponniah juga jadi lawyer. Ini semua *Musa Connection*.

200 ekar tanah Ajib telah luluskan 6,000 unit rumah. Sepatutnya 2,000 unit saja. Tapi kerana K.K. Sharma bagi \$1 juta kepada UMNO Johor, semua boleh lulus. Saya ada buktinya, \$250,000 bank draft U.A.B. Petaling Jaya dan tiga *post-dated* cek lagi. Duit diberikan kepada Ajib melalui Jaafar Othman dan juruukur Hashim Mohamad.

Ini satu daripada bukti penyalahgunaan kuasa atau kata orang putih *abuse of power* oleh Musa dan Ajib, melalui *Musa connection*. Banyak lagi yang saya telah berjumpa dalam penyelidikan saya yang setakat ini. Bagi saya masa, saya boleh bongkar banyak lagi skandal. Kemudian kita tengok skandal siapa yang paling banyak, Musa atau Ku Li?

Satu lagi yang saya berjumpa ialah perusahaan perumahan dan *Industrial area* di sebuah kawasan pendalaman di Tanjung Pulau seluas 300 ekar. Y.P.D. Development Sdn Bhd yang buat. Y itu Yaacob Hitam, abang Musa Hitam yang dulu jadi Pengerusi UDA. P itu Phang yang dulu jadi Deputy Chairman UDA. D itu Din, pegawai Bank Bumiputra.

Apa sudah jadi dengan projek yang dibuat oleh Mitsui secara *turnkey* itu? Kerajaan Johor sudah ada kawasan perusahaan, mereka nak buat lagi. Siapa nak beli banyak-banyak? Orang ada *connection* memang boleh buat, tak ada problem, Bank Bumiputra boleh bagi *loan* seratus peratus. Sekarang apa sudah jadi? Duit berjuta-juta itu duit siapa?

Orang yang betul-betul nak berniaga nak pinjam duit bank bukan main susah. Minta itu minta ini yang tidak ada, akhirnya loan tak dapat. Tapi orang yang ada *Musa Connection* cukup senang. Seratus persen loan. Projek yang tak patut lulus pun lulus.

Tanah seluas 18 ekar di tengah-tengah bandaraya Kuala Lumpur dekat *Turf Club*, Ampang tak tentu siapa pemiliknya pun Salleh Yusof boleh tukar status *Residential* kepada *Commercial*. Datuk Shahril jadi Menteri Wilayah persekutuan, apa susah? Salleh Yusof orang Musa.

**Bank loan no problem.** Salleh Yusof pula jadi *nominee* Jayaraman, seorang lawyer dan bisnesmen di Pulau Pinang.

Kes Salleh Yusof dengan D & C bank pun Jayaraman juga yang buat duit berjuta-juta. Senang betul. Salleh Yusof jadi Pengarah Perwira Habib Bank, Musa yang letak dia di situ.

Orang cerita sana cerita sini pasal *Daim Connection*. Mana profnya? Ini *Musa Connection* sudah jelas, cuma tak ramai orang yang tahu. Sekarang saya bagi tahu, secara ringkas dulu. Kalau nak tahu lebih lanjut, kita ada ramai orang yang pandai buat *investigate*, *investigative reporting* dan macam-macam. Kebenaran tetap akan terbukti juga akhirnya.

Mari kita balik semula sedikit lagi kepada perbualan saya dengan Clement D'Cruz. Mengikut cerita Clement, ada seorang guru atau bomoh di India yang termasyhur sekarang bernama Chandra Swamiji, termasyhur seluruh dunia. Elizabeth Taylor pun berjumpa dengan dia. Majalah *Indian Illustrated Weekly* pernah membuat liputan istimewa mengenai Swamiji ini baru-baru ini.

Chandra Swamiji yang termasyhur itu telah menjadi kenalan baik Clement. Walaupun orang selalu melutut bila berjumpa dengan Swamiji itu, Clement boleh tarik janggut dia, hubungan mereka sungguh rapat dan mesra. Kata Clement, Chandra Swamiji itu ialah guru Tengku Razaleigh.

Sampai ke India sana Ku Li pergi berguru. Clement ada buktibuktinya dan dia ada simpan surat Chandra yang disuruh berikan kepada Ku Li. Tak cukup bomoh yang ada di Malaysia, dia pergi ke India mencari bomoh. Apakah penyakit yang Ku Li minta supaya diubati oleh Swamiji itu, yang tak dapat diubati oleh doktor-doktor yang bertauliah? Ataupun Ku Li minta Swamiji itu tolong dia supaya boleh jadi Perdana Menteri.

Orang yang gilakan kuasa dia boleh buat apa saja di atas dunia ini, yang Jawatankuasa Etika UMNO pun tak boleh buat apa-apa. Tetapi kita jangan lupa bahawa yang berkuasa sebenarnya ialah Allah Subhanahu Wata'aala. Kuasa adalah milik Allah Subhanahu Wata'aala. Barang siapa yang tergila-gila hendakkan kuasa yang menjadi milik Allah Ta'aala itu, dia akan menerima padah yang buruk. Orang-orang yang menyokong orang yang gilakan kuasa juga akan

menerima padah yang buruk.

Beringat-ingatlah wahai bangsaku, sebelum Allah menurunkan bala ke atas kita semua kerana kita tidak berusaha menghapuskan kemungkaran yang sedang bermaharajalela, yang menjadi tanggungjawab kita untuk menghapuskannya sebagai Khalifah Allah di muka bumi.

本票申請書

APPLICATION FOR CASHIER CHEQUE

شرکت یونیتید ملایان بیفکیج برحد

合衆銀行有限公司

UNITED MALAYAN BANKING CORP. BHD.

(Incorporated in Malaysia, Head Office: Kuala Lumpur)

JOHORE BRU Branch 29 JAN 1962

C/C No.

Prepared by:

Checked by:


Cashier:

Authorised by:

F. CLEMENT D C202
(Applicant's Name) 申請人姓名
(Address) 住址

請照下列各項發給本票乙紙為荷

Please issued a CASHIER CHEQUE as follows:—

收款人 Payee	BANK GUMIPLITRA (M) BHD - A/C 4020 JOHORE BRU TAIBONG- DERMA RUNTAH UMNO JOHORE	本票金額 Amount for Cashier Order	\$1,000,000
	By Order of F. Clement D C202	手續費 Commission	
Instructions to Debit Account		印花 Stamp duty	
Please complete Authorisation Letter overleaf		合計 TOTAL	\$1,000,000
FOR BANK'S USE ONLY 本方填寫		Your faithfully,	
Amount paid in Cash \$	For UNITED MALAYAN BANKING CORP. BHD	 Applicant's Signature 匯款人簽名	
Amount paid by	Cheque No. 315898 for \$1,000,000		
TOTAL DOLLARS (in words)	CHO MUN TUCK MANAGER		

DRAFT N<sup>o</sup> JB-008211 UNITED MALAYAN BANKING CORP. BERHAD

JOHORE BAHRU

JB 22/151

合  
眾  
銀  
行  
公  
有  
限  
公  
司

205

Equivalent to M\$

1000	000	
312	50	
	125	
000	312	75

13 JAN 1982

19

Exchange for

M\$ 1,000,000-00

Comm.

Stamp  
Duty

Total

**SOLA DRAFT**

in favour of CLEMENT D' CRUZ 1/c 7650709

or Order

the sum of MALAYSIAN RINGGIT ONE MILLION

**CUSTOMER'S COPY  
NOT NEGOTIABLE**

For UNITED MALAYAN BANKING CORPORATION BERHAD

Kuala Lumpur Main Office

Inilah SOLA DRAFT bernilai satu juta ringgit yang diserahkan oleh clement D' Cruz kepada Datuk Musa untuk Tabung Derma Rumah UMNO Johor.





بيك بوميڤوترا مليسيا برحد

05-14011

**BANK BUMIPUTRA MALAYSIA BERHAD**

10-5-1985  
CURIK SETEM BUKAN DIBAYAR

(DITUBUHKAN DI MALAYSIA - ISU PEJADAT KUALA LUMPUR)  
KUALA LUMPUR

A/C PAYEE

BAYAR PERHUBUNGAN UMNO, Johor  
PAY

Oder ATAU PENGADAH CASHIER

PENGOUT Two hundred & fifty thousand only - \$250,000/-

*M. S. Sharma*

WARNING: SIGNATURE AND STAMPING SHOULD NOT EXTEND BELOW THIS LINE

TUJUAN: TANDA TANGAN DAN MENCAP ATAU TEMPEL DIBAWAH BERTINDAK KE BAWAH GARIS INI

⑈ 75538 2⑈ 05⑈ 14011⑈ 0012312955⑈ 01



بيك بوميڤوترا مليسيا برحد

05-14011

**BANK BUMIPUTRA MALAYSIA BERHAD**

19  
CURIK SETEM BUKAN DIBAYAR

(DITUBUHKAN DI MALAYSIA - ISU PEJADAT KUALA LUMPUR)  
KUALA LUMPUR

A/C PAYEE

BAYAR PERHUBUNGAN UMNO, Johor  
PAY

Oder ATAU PENGADAH CASHIER

PENGOUT Two hundred & fifty thousand only - \$250,000/-

*M. S. Sharma*

WARNING: SIGNATURE AND STAMPING SHOULD NOT EXTEND BELOW THIS LINE

TUJUAN: TANDA TANGAN DAN MENCAP ATAU TEMPEL DIBAWAH BERTINDAK KE BAWAH GARIS INI

⑈ 75538 2⑈ 05⑈ 14011⑈ 0012312955⑈ 01



بيك بوميڤوترا مليسيا برحد

05-14011

**BANK BUMIPUTRA MALAYSIA BERHAD**

19  
CURIK SETEM BUKAN DIBAYAR

(DITUBUHKAN DI MALAYSIA - ISU PEJADAT KUALA LUMPUR)  
KUALA LUMPUR

A/C PAYEE

BAYAR PERHUBUNGAN UMNO, Johor  
PAY

Oder ATAU PENGADAH CASHIER

PENGOUT Two hundred & fifty thousand only - \$250,000/-

*M. S. Sharma*

WARNING: SIGNATURE AND STAMPING SHOULD NOT EXTEND BELOW THIS LINE

TUJUAN: TANDA TANGAN DAN MENCAP ATAU TEMPEL DIBAWAH BERTINDAK KE BAWAH GARIS INI

⑈ 75538 3⑈ 05⑈ 14011⑈ 0012312955⑈ 01

Tiga keping cek K.K. Sharma kepada Perhubungan UMNO Johor.



Awak semua tak perlu susah hati. Segala-galanya sudah diatur. Kita akan kerjakan Mahahtir dan Ghafar cukup-cukup. Ku Li boleh bantu kita. Bersama saya di sini, Ajib Ahmad, Shahrir Samad dan Yahya Ismail, semua ini orang kita. Kita ada banyak cek untuk kita belanja.

## TELAH MENGECEWAKAN SAYA BILA MELETAK JAWATAN KERANA SOAL PERIBADI — MUSTAFA

# Timbalan Menteri isytihar tidak sokong Musa

**KUALA LUMPUR 12 Feb.** — Timbalan Menteri Kerja Raya, Encik Mustafa Mohamad hari ini dengan teras-terang berkata belian tidak akan menyokong Datuk Musa Hitam dalam pemilihan kali ini kerana Datuk Musa telah mengecewakannya apabila beliau meletakkan jawatan atas sebab-sebab peribadi.

"Saya mengharapkan seseorang pemimpin itu mempunyai derajat pengabdian yang tinggi tapi bila saya membaca surat perletakan jawatannya, saya lihat ia banyak berhubung dengan masalah peranan hari dan masalah peribadi.

"Apa yang saya lakukan dalam tahun 1981 dan 1984 dengan menyokong Datuk Musa Hitam begitu sahaja.

"Dulu saya sokong (Timak) Musa kerana ingin memastikan perpaduan Mahathir-Musa, tapi oleh kerana Datuk Musa etak jawatan atas sebab-sebab peribadi, saya rasa tidak sepatutnya," kata Encik Mustafa ketika ditanya di hadapan



UM 13/2/1987.



Dulu orang bagi Proton Saga, suka, senyum, bawa round sana sini. Sekarang kata Proton Saga tak bagus. Pasal apa?

# 16

## POLITIK WANG

Presiden UMNO Yang Amat Berhormat Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sudah banyak kali menyebut mengenai calon yang memenangi undi dengan wang, tetapi nama-nama mereka yang terlibat tidak disebutkan. Presiden membiarkan para ahli UMNO dan rakyat menekanya. Presiden tahu dalam UMNO sekarang sudah ramai orang yang lulus universiti. Orang-orang ini tentulah tahu siapa-siapa yang terlibat dan siapa-siapa yang tidak terlibat.

Kebanyakan pemimpin UMNO hari ini kaya-kaya belaka. Siapakah lagi yang boleh menggunakan wang, kalau bukan orang kaya-kaya? Orang miskin tidak boleh guna wang sebab dia tidak ada wang. Orang yang ada wang ialah orang kaya, jadi orang kayalah yang menggunakan wang untuk memenangi pertandingan dalam pemilihan.

Siapa pun tidak boleh menafikan adanya politik wang dalam kempen tahun 1984. Bangkai gajah tidak boleh ditutup dengan nyiru. Semua orang tahu, sebab yang terlibat bukannya sedikit. Jumlah mereka yang memberi dan mereka yang menerima, sama ada banyak atau sedikit, mungkin beratus ribu orang, sama ada disedari atau tidak disedari oleh mereka yang menerimanya. Politik wang sudah jadi satu cara untuk hidup di dalam UMNO. Kalau sudah sampai ke peringkat ini, apa lagi yang lebih merbahaya kepada masa depan bangsa kita?

Pada tahun 1984 entah berapa juta wang telah dibelanjakan? Allah sahaja yang tahu. Siapa-siapa pula yang mendapat untung daripada perbuatan tersebut, hanya orang yang berkenaan dan Allah sahaja yang tahu. Begitulah perangai setengah-setengah pemimpin UMNO dalam musim orang susah duit ini, dia masih berfikir berapa juta lagi akan dihabiskannya hanya untuk berkelahi sesama sendiri.

Pada tahun 1987 inipun tidak jauh bezanya. Orang-orang yang menggunakan wang untuk mendapatkan undi itu belum mati semuanya. Kalau kita bertanya kepada Presiden: Siakah yang mahu membuat kerja percuma?

Jawapannya tentulah tidak ada. Semua orang yang disuruh membuat kerja mengharapkan upah. Dan upah itu ialah wang. Kita bertanya lagi kepada Presiden: Siakah yang menabur upah wang ini? Jawabannya tentulah tidak tahu kerana orang yang menabur wang tidak mahu mengaku. Ini tidak pelik sebab sekarang ini di mana-mana orang bercakap tentang Islam, tetapi kalau dia sendiri buat salah, dia akan berusaha menutupnya. Ini bukan zaman nabi di mana orang yang membuat salah datang mengaku di hadapan nabi dan minta dihukum. Kalau hal ini berlaku zaman ini senanglah Presiden. Tetapi ini tidak berlaku.

Begitulah yang sedang berlaku. Siapa lagi kalau bukan Presiden parti yang patut dan berani menegurnya? Sayangnya orang yang sedang mabuk kerusi, mabuk hendakkan kuasa tidak akan mengendahkan teguran orang. Telinganya telah pekak. Yang ada dalam kepalanya ialah kemenangan.

*Summun bukmun 'umyun fahum laa yarji'uun.*

Mereka tuli, bisu dan buta, maka tidaklah mereka akan kembali ke jalan yang benar.

(Al Baqarah: 18)

Politik wang ini sebenarnya adalah satu rahsia parti. Sepatutnya perkara buruk begini tidak dihebohkan. Kata pujangga tak bernama "TEPUK AIR DI DULANG, MERCIK KE MUKA SENDIRI JUGA". Bergaduh anak beranak tidak sepatutnya sampai begini punya dahsyat. Sampai nak berbunuh-bunuh.

Kita mengakui bukan mudah hendak meleraikan orang yang sedang bergaduh untuk berebut kuasa. Kalau tidak ada taufik dan hidayat dari Allah, besar kemungkinan nyawa sendiri boleh terbang. Jangan kata hendak meleraikan, hendak menenangkan sajakun sangat berbahaya.

Setiap kali kita bercakap pasal memancing undi dengan menggunakan wang, apalagi kalau Presiden yang menyebutnya, anggapan para ahli dan orang ramai tentulah sasarannya ditujukan kepada mereka yang tidak ada kuasa. Betul tak? Mereka yang ada kuasa tidak payah guna wang? Menggunakan kuasa dan kedudukan lebih berkesan dan berpengaruh dari menggunakan wang.

Sebab itu agaknya mereka yang mahukan kerusi sanggup berhutang, bergadai bergolok, tabur seberapa banyak wang kerana mahukan kuasa. Bila ada kuasa mereka boleh dapat lebih banyak wang dengan menggunakan kuasa dan kedudukan. Dengan cara begitu terselamatlah mereka dari tuduhan memancing undi dengan wang.

Pemimpin yang telah mendapat kemenangan dengan kuasa dan pengaruh sukar untuk dibuktikan kesalahan mereka. Dan siapa pun tidak berani mengungkit perkara ini. Yang menang tetap menang. Macam mana dia mendapat kemenangan itu soal lain. Kalau tidak percaya tanya Datuk Musa Hitam: Apakah yang beliau dan kuncukuncunya sudah buat, semasa kuasa berada di tangannya?

Orang ramai tahu ada pemimpin yang tidak gunakan wang mereka sendiri tetapi wang dari orang-orang yang suka menanam budi, yang mengharapkan sesuatu dari mereka bila sudah menang nanti.

Sama ada wang itu datangnya dari dalam atau dari luar negeri, Halal atau Haram, siapa yang hendak tanya? Yang penting ambil dulu. Kalau semua orang boleh ambil wang kenapa awak tidak boleh? Kalau ia pun, balasannya cuma kasi undi saja. Nak cakap apa lagi pasal wang.

Kebanyakan manusia bila nampak wang cepat gelap mata. Negeri hendak tergadai kepada kuasa-kuasa luar, itu soal nombor dua. Bagi mereka yang pandang wang sebagai tuhan nombor dua, mereka terlupa bahawa Allah itu satu. Allah yang Maha Esa mana ada nombor satu, dua dan tiga. Tuhan bukan berhala yang kita buat, ada yang nombor satu, ada yang nombor dua. Orang yang tidak beriman saja yang meletakkan wang sebagai tuhan nombor dua.

Apakah semua perkara yang sedang berlaku di dalam UMNO mesti berada di dalam pengetahuan Presiden? Kenapa Presiden parti saja yang mesti menggunakan ketokohan dan kebijaksanaan untuk menyelesaikan masalah yang sangat berbahaya kepada parti ini? Ahli

parti yang jujur kenapa tidak sanggup berkorban untuk kepentingan parti? Apakah UMNO itu kepunyaan Mahathir saja?

Di bawah adalah amaran Presiden UMNO mengenai penggunaan wang untuk mendapat undi. Walaupun kita tahu amaran ini seperti **MENCURAH AIR KE DAUN KELADI**.

*“UMNO sekarang memasuki era baru, era dimana kepentingan diri sendiri nampaknya diberi keutamaan lebih dari parti. Dengan semakin ramai orang Melayu menjadi kaya, rebutan jawatan dibuat dengan menggunakan wang yang banyak. Sekali lagi saya ingin memberi amaran. Penggunaan wang dan rebutan jawatan akan menghancurkan UMNO dan melemahkan orang Melayu sekiranya ini dibiarkan berlaku. Satu hari nanti millionaire saja akan memimpin UMNO. UMNO bukan lagi parti politik. Ia akan menjadi persatuan orang-orang kaya. Dan sudah tentu rakyat umum tidak lagi akan menyokongnya.”*

Semasa rangkap ini dilafazkan oleh Presiden Parti, di Dewan Nirwana Hotel Hilton, Kuala Lumpur, (ketika itu UMNO belum mempunyai dewannya sendiri) ahli-ahli dan para perwakilan bertepuk tangan, bersorak seronok, kononnya sasaran ini untuk satu golongan saja. Dan siapa lagi yang menggunakan wang kalau tidak orang-orang berwang dan orang-orang kaya? Dan siapa lagi orang kaya tersebut kalau bukan Tengku Razaleigh Hamzah dan kawan-kawannya seperti Tan Sri Osman Saat dan pemimpin UMNO lain yang kaya raya yang menyokong Tengku Razaleigh.

Untuk lawan tahun 1987 ini Ku Li tentu kena pakai banyak duit sebab itulah pemegang amanahnya, Khoo Kay Peng, terpaksa jual saham-saham MUI baru-baru ini. Dia sudah lama tolong jaga saham-saham MUI itu untuk bantu Ku Li. Siapa yang beri jalan kepada Khoo Kay Peng jadi begitu kaya kalau tidak Ku Li?

Musa Hitam terpaksa letak jawatan kerana takut nak lawan Ku Li. Tapi sekarang Musa nak lawan. Berpakat pula dengan Ku Li. Tentulah banyak duit. Tambah pula dengan duit Osman Saat. Bertambah konfidenlah Musa. Bertambah teruklah rakyat. Dulu Musa kata dia teruk, sebab Ku Li lawan dia pakai duit. Sekarang Musa pun pakai duit. Biar rakyat teruk asal mereka jangan teruk. Inilah wajah-



wajah pemimpin UMNO. *Wajah siapakah yang dikau cari?* Nyanyian Azlina Aziz. Azlina Aziz pun tak tahu nak cari wajah siapa? Inikan pula ahli UMNO. Kenalah belajar menyanyi dengan Azlina Aziz.

Ketika itu Datuk Musa masih Menteri Dalam Negeri. Musa tidak perlu guna wang. Kalaupun ada tidak sebanyak yang diperlukan oleh Ku Li. Tentulah Tok Musa dan kunci-kuncunya seronok dengar ucapan Presiden ini.

Patutlah agaknya tahun 1987 ini, Yang Berhormat Daim awal-awal lagi sudah memberi tahu, beliau tidak akan bertanding merebut sebarang jawatan, kerana kata Daim, sekiranya beliau menang, tentu orang akan kata Daim gunakan wang dan kuasa untuk dapat kerusi.

Mereka yang dikritik dan disindir oleh Presiden, nampaknya pucat. Duduk tidak sedap, berdiri tidak enak. Tidak tentu arah saja, rasa bimbang dan takut. Ada juga yang muka mereka menjadi merah padam, geram kerana siapa yang makan cili dialah terasa pedasnya. Tertuloh dalam hati mereka timbul perasaan kenapa satu golongan saja yang menjadi leteran dan sasaran, manakala yang lain tidak?

Siapa sebenarnya yang hendak jadikan UMNO satu persatuan orang kaya, kalau bukan ahli-ahli perniagaan yang menjadi pemimpin UMNO hari ini? Pemerhati politik berpendapat teguran itu ditujukan untuk semua ahli, tetapi orang yang suka makan cili tak terasa pedasnya lagi.

Sepatutnya mereka mesti berfikir: Pafutkah UMNO menjadi seperti MCA, parti yang dikuasai oleh para taukeh? MCA buat macam itu tidak mengapalah. Bacalah sejarah kenapa MCA ditubuhkan dan buatlah perbandingan dengan UMNO. Dan tengoklah dengan mata kepala sendiri, apa yang sedang berlaku ke atas pemimpin MCA? Presidennya Tan Koon Swan sekarang berada di dalam penjara Changi Singapura.

Sebenarnya pertandingan merebut kerusi dalam negara yang mengamalkan demokrasi adalah satu perkara biasa. Yang tidak biasa ialah apabila pertandingan itu menjadi satu pertandingan yang tidak bermoral lagi. Yang dipentingkan pertandingan, tanpa melihat kemampuan diri sendiri. Yang tak mampu pun nak bertanding. Kerana

dia ada wang maka dia gunakan wang. Penyokongnya pula bukan memikirkan soal perjuangan sangat. Yang difikirkan adalah soal wang. Begitulah jatuhnya empayar sesuatu bangsa dalam sejarah manusia. Berebut sesama sendiri bukan kerana perjuangan, tapi kerana dengki dan khianat, kerana wang dan kuasa.

Kalau UMNO macam parti PAS atau PSRM, siapa pun tidak akan bergaduh untuk berebut jawatan, kerana parti pembangkang tidak boleh memberi keuntungan. Itupun, PAS sama PAS bergaduh juga.

Dalam merebut jawatan, merebut pangkat, merebut kekayaan, manusia tidak kenal mengenal antara satu sama lain. Tidak ada kawan, sahabat dan saudara mara.

Kemuncak inilah yang sedang dicapai oleh UMNO. Kalau ingatan dan amaran oleh Dr. Mahathir ini tidak difikirkan dengan sungguh-sungguh, tengoklah apakah yang akan terjadi nanti. Dan sekiranya mereka tidak mahu UMNO musnah, yang sesat di hujung jalan kembalilah ke pangkal jalan. Bersatu kita teguh bercerai kita roboh.

Mengenai penggunaan wang Dr. Mahathir menegaskan:

*Ahli-ahli yang membenarkan diri mereka dipengaruhi dengan kempen jenis ini akan kecewa akhirnya. Apabila pemilihan dibuat, tidak kira siapa yang menang dan siapa yang kalah, kerjasama dalam parti tidak dapat diadakan lagi. Semakin lama semakin banyak perpecahan akan berlaku. Dan akhirnya akan hancurlah UMNO.*

*Bila UMNO sudah hancur, kemenangan untuk menjadi pemimpin tidak bermakna lagi. Yang akan memenangi pilihanraya bukan lagi UMNO, tetapi parti lain. Pemimpin parti yang kalah tidak akan dapat keistimewaan yang diidamkan.*

*UMNO tidak akan kalah melainkan UMNO mengalahkan dirinya sendiri. Saya telah melihat beberapa klik UMNO yang meletakkan calon bebas untuk mengalahkan calon resmi UMNO. Maka calon UMNO pun kalah. Tetapi dalam*

*pilihanraya sekali lagi, pihak yang dahulunya meletakkan calon bebas, dipilih pula menjadi calon dan ia ditentang oleh calon bebas tajaan calon UMNO yang kalah dahulu. Dianya juga kalah. Ini jelas menunjukkan bahawa mereka yang bermain dengan pisau akan mencederakan diri sendiri juga akhirnya.*

Kini terbuktiilah apa yang telah diramalkan oleh Presiden UMNO di Perhimpunan Agung 1984 yang lalu. Pilihanraya Umum 1986 majoriti kemenangan Barisan Nasional merosot. DAP menjadi bertambah kuat dan telah menambah kerusinya dari 11 menjadi 23.

Belum pun tiga tahun masa berlalu telah ada bukti mengenai perpecahan dalam UMNO. Datuk Musa Hitam telah pun meletakkan jawatan dan sekarang dua kem sedang menentang Presiden Parti. Ini juga akan menyebabkan perpecahan berlaku di peringkat Bahagian dan Cawangan.

Kalau orang UMNO tidak mahu berfikir, tidak mahu bertindak dari sekarang, masih bersikap pentingkan diri sendiri dan tidak memilih pemimpin yang ada perjuangan, yang berjuang untuk rakyat, untuk meningkat dan mempertahankan maruah dan mertabat bangsa Melayu, maka tunggulah saat kehancurannya. Di tangan orang-orang yang mementingkan diri sendiri inilah UMNO akan hancur. Dan apabila ini berlaku, sesiapa pun tidak akan mendapat apa-apa.

***DEMI WAKTU, MANUSIA SENTIASA BERADA DI DALAM KERUGIAN, MELAINKAN ORANG-ORANG YANG BERIMAN DAN BERAMAL KEBAIKAN. (Al-Asr).*** Itu firman Allah. Orang yang tidak percayakan firman Allah adalah orang yang tidak beriman. Orang yang beriman menentukan mereka mahu menuju jalan ke syurga.

Sesaat kita lepaskan waktu berlalu tanpa membuat keputusan, apa yang kita mahu, saat itu tidak akan kembali lagi kepada kita. Kenapa menunggu 24 April 1987 baru hendak membuat keputusan siapa yang akan kita pilih? Kenapa kita tidak mahu gunakan akal fikiran kita dan membuat pilihan dari sekarang?

Kata pujangga tidak bernama: **Tidak kenal maka tidak cinta.** Kenalilah pemimpin kita secara dekat. Jangan pilih pemimpin yang

rapat pada kita. Kalau bangsa dan negara hendak selamat, pilihlah pemimpin yang rapat pada Tuhan.

UMNO ini parti orang-orang miskin atau orang kaya? Kalau miskin mesyuarat agungnya tentu tidak diadakan di hotel yang terkemuka. Perwakilan tentu tumpang tidur di rumah saudara mara atau di masjid. Tetapi kebanyakan yang datang bermesyuarat hari ini tidur di hotel terkemuka bertaraf antarabangsa, minum pagi, makan tengahari dan malam di *Coffee House* dan Restoran kelas satu. Padahal ada di antara mereka di kampung sendiri pagi-pagi makan ubi rebus, keledak rebus, makan nasi sejuk, tetapi bila di Perhimpunan berlagak macam orang kaya.

Dulu orang miskin pun boleh masuk politik dan jadi pemimpin. Hari ini kalau tidak cukup kaya jangan nak jadi ahli politik. Betul tak? Betul.

Dulu masa orang UMNO masih miskin datang Mesyuarat Agung, tidur di hotel murah, di Jalan Raja Muda. Kalau tidak percaya tanya Cina tua yang masih jadi pelayan hotel di Jalan Raja Muda. Dia boleh cerita dari zaman Tunku, zaman Tun Dr. Ismail, yang datang buat kerja di situ. Dia masih ingat lagi betapa takutnya dia untuk menanya Tun Dr. Ismail, "Nak minum atau tidak?", kerana ceritanya, kalau Tun Dr. Ismail sedang bekerja dia pantang diganggu. Dia akan marah.

Itu zaman Tunku dan Tun Dr. Ismail. UMNO belum kuat dan belum kaya, belum ada ibupejabat yang hebat macam Putra World Trade Center. Tetapi, kata Dr. Mahathir seterusnya:

***Yang melahirkan dan mengukuhkan UMNO ialah semangat dan bukan wang ringgit. Di waktu UMNO dianggotai oleh orang yang miskin belaka, UMNO telah berjaya menumpaskan British.***

Hari ini peristiwa berkelahi di Mesyuarat Cawangan sudah meresapi UMNO hingga terpaksa memanggil polis. Mereka berkelahi bukan dengan parti lawan tetapi sesama sendiri! Kenapa? Mari kita bertanya pada para pemimpin UMNO: Berapa ramai di antara ahli UMNO yang benar-benar cintakan parti? Apa akan terjadi pada orang

Melayu dan Negara kalau UMNO ditakdirkan hancur? Siapa yang untung dan siapa yang rugi?

Kalau tak percaya cuba lihat minit-minit mesyuarat Cawangan-cawangan dan Bahagian-bahagian UMNO di seluruh negara. Bila dan masa mana para ahli jawatankuasanya membincangkan mengenai pembangunan bangsa dari segi rohani dan nasib bangsa depan Melayu di negara sendiri ini. Saya rasa sepuluh peratus pun tidak ada. Yang adalah ialah mengenai rancangan bangunan rumah UMNO dan bagaimana hendak mengutip derma, rancangan beramal yang berupa hiburan bagi tujuan mengutip wang tabung parti dan masalah ahli-ahli parti yang menentang pucuk pimpinan di peringkat Bahagian atau Cawangan. Siapa yang hendak lawan ketua Cawangan atau Bahagian dalam mesyuarat akan datang dan lain-lain projek berupa kesenangan duniawi semata-mata.

Itulah mesyuarat orang-orang UMNO hari ini. Bila bercakap di kedai kopi bukan main bersemangat lagi. Semua dia tahu dan kemasukkannya dalam UMNO adalah untuk BERJUANG. Apa yang diperjuangkannya tidak disebut. Bila dengar cerita ada orang lain cuba nak lawan, dia mula naik darah dan kutuk orang yang hendak menentangnya itu. Di masa itu dia lupa apa tugas dan tanggungjawab pemimpin bangsa, agama dan negara.

**“Bunuhlah mereka dengan kebaikan kita”.** *Kill your enemy with your kindness.* Jadikanlah dirimu sebagai obor dan payung kepada para ahli UMNO. Rapatkanlah jurang-jurang yang ada berikutan dengan pertandingan dalam pemilihan baru lalu.

Tidak ada kuasa melainkan kuasa Allah. Tidak ada manusia sekali pun Nabi Muhamad Rasulullah S.A.W. yang memiliki kuasa untuk menolak takdir Ilahi Rabbi. Manusia cuma boleh berikhtiar bermohon dan berdoa. Kalau ramai ahli UMNO yang berfikir sampai ke peringkat ini selamatlah politik kita. Bila politik kita selamat maka orang Melayu pun selamat. Bila orang Melayu selamat rakyat Malaysia yang lain pun selamat.

Kalau ahli UMNO sudah matang, sepatutnya mereka tidak takut kepada apa-apa ugutan kuasa lain. Tidak takut disergah dan digertak oleh orang yang belum lagi mendapat kuasa kerana kononnya mereka akan menang dan berkuasa selepas April nanti. Kalau kita sudah tahu wang akan menghancurkan parti, kenapa kita mesti biarkan?

Kita tidak dapat menghapuskan mereka yang berdiri atas pagar. Kalau setakat berdiri di atas pagar sahaja tidak apa. Tapi dia melompat dari satu pagar ke satu pagar yang lain. Itupun tidak apa lagi. Tapi sambil melompat dia mencuri apa-apa yang sempat, yang dia dapat sebat. Pandai sungguh orang-orang ini mengikut perangai tupai. Orang patutnya ikut perangai nabi, dia ikut perangai tupai. Dia tidak tahukah pesan orang tua-tua: **'SEPANDAI-PANDAI TUPAI MELOMPAT, AKHIRNYA JATUH JUGA KE TANAH.'**

Bagaimana kejadian kem-kem dalam UMNO boleh dihapuskan? Tentunya Dr. Mahathir tidak mahu ada Hang Tuah dalam parti, kerana Hang Tuah sanggup membuat kerja-kerja yang mungkar untuk tuannya, bukan untuk kepentingan Agama, Bangsa dan Negara.

Ramai kunci-kuncu pemimpin yang sanggup berbuat apa-apa saja asal pemimpin mereka menang. Mereka tidak peduli apakah perbuatan itu bertentangan dengan dasar parti dan menyeleweng dari perjuangan. Yang mereka penting ialah kemenangan. Memang sukar berhadapan dengan orang yang *desperado*. Mereka ini sanggup berbuat apa saja.

Tan Sri Osman Saat, gergasi tua dari Johor terang-terang menyokong Ku Li kerana katanya dia ada amanat dari Tun Razak supaya Ku Li jadi Perdana Menteri satu hari nanti. Ini kena tanya kepada Datuk Najib. 'Betulkah Tun Razak ada buat amanat macam itu kepada Tan Sri Osman Saat? Kenapa Tun Razak pilih Osman Saat? Yang jadi Timbalan pada masa itu Tun Hussein Onn. Pandai sungguh gergasi tua ini buat cerita sampai kita pun jadi tak faham. Selalunya yang pandai bercerita macam ini nenek kebayan. Kita nak pergi tanya nenek kebayan pun, nenek kebayan dah tidak ada lagi. Ini contoh orang dalam kem Tengku Razaleigh. Dia tidak takut pada sesiapa, seolah-olah dia tahu Ku Li mesti menang. Biarpun dia sudah tidak ada apa-apa lagi dan Ku Li sudah dua kali kalah.

Ada orang ingat negeri ini macam harta pusaka pak depa. Boleh diwasiat-wasiatkan. Bila negeri ini jadi harta Tun Razak, kalau harta Tun Razak Datuk Najiblah ahli warisnya. Orang lain tidak ada hak. Ini apa punya cerita. Kawan saya kata bapa dia sebelum meninggal dulu wasiat suruh dia jadi Perdana Menteri Malaysia. Nampaknya kawan saya itu kena bertanding dengan Ku Li. Kalau dia tanding lawan Ku Li, siapa nak jadi referee? Saya tak mahu. Sebab saya belum gila.

Otak siuman saya berkata janganlah membabitkan orang-orang yang dah mati dengan hal-hal dunia. Ajaran agama saya mengajar menghormati arwah dengan membaca Al-fatihah. Marilah kita sama-sama membaca fatihah untuk Arwah Tun Razak: Alfatihah .....

Kalau direnung sekejap, apalagi yang dapat dibuat oleh Tan Sri Osman Saat? Dia tidak dapat berbuat apa-apa lagi. Jadi cara yang baik untuk DIRINYA ialah dengan memihak kepada Ku Li. Dengan menyokong pimpinan yang ada sekarang dia tidak dapat apa-apa, lebih baik dia menyokong Ku Li. Kalau Ku Li kalah, Osman Saat tidak apa-apa, tetapi kalau Ku Li menang itulah peluangnya. Begitulah politik yang mementingkan diri sendiri. Segala tindakannya dengan perhitungan diri sendiri. Tidak ada langsung perhitungan untuk perjuangan bangsa dan negara.

Mahathir telah mengingatkan dan memberi amaran supaya tahun 1987 nanti tidak terjadi perebutan kuasa seperti yang berlaku pada tahun 1984 ini.

*Tidak ada apa yang dapat saya tawarkan kepada UMNO dan kepada negara melainkan khidmat yang masih boleh saya berikan. Selagi ada hayat dan kemampuan dan selagi saya dikehendaki, saya akan berkhidmat kepada parti dan negara. Cuma yang saya pohon kepada Allah Subhanahu Wataala ialah apabila khidmat saya sudah tidak dikehendaki lagi, saya akan sedar dan kenal akan tanda-tandanya dan saya dapat mengundurkan diri dengan segala senang hati.*

*Yang penting ialah UMNO. Kita tidak tubuhkan UMNO untuk memberi tempat kepada orang-orang tertentu. Mereka cuma dipilih menjadi pemimpin kerana perjuangan UMNO tidak akan berjaya jika ia tidak berketua. Rakyat menubuhkan UMNO dan memberi kuasa kepada pemimpin kerana matlamat-matlamat tertentu.*

Inilah ucapan yang menjadi sumpah dan janji Dr. Mahathir selaku Presiden UMNO. Kalau lembu kita pegang pada tali hidungnya. Manusia kita pegang pada cakapnya.

# 17

## KISAH NABI YUSUF AS

*Sesungguhnya dalam kisah mereka itu ada ibarat (pengajaran) bagi orang-orang yang berakal. Bukanlah Quran ini perkhabaran yang diada-adakan sahaja, bahkan ia membenarkan (kitab) yang terdahulunya dan menerangkan tiap-tiap sesuatu, lagi petunjuk dan rahmat bagi kaum yang beriman.*

(Al-Quran: Yusuf: 111)

Ada orang ingat senang jadi penulis macam saya. Tulis buku apa-apa sahaja orang akan membelinya. Tulis dan ramal sahaja, ramai orang akan mempercayainya. Tetapi hal yang sebenarnya tidak semudah itu. Kalau mudah macam itu ramailah orang yang menulis buku macam saya. Betul tak?

Disebabkan buku-buku saya keluar selalunya sewaktu pertandingan, maka apabila dekat pertandingan ramailah orang yang mencari saya. Apabila ramai maka macam-macamlah perangai, kelakuan dan tabiatnya manusia ini. Rambut sahaja warna sama hitam tetapi kepala lain-lain. Sekarang ini orang menggunakan bahan-bahan pula untuk membezakan warna rambut, tetapi warna rambut yang dibuat dengan menggunakan bahan-bahan kimia itu tidak tahan lama. Apabila sampai waktunya lunturlah dia. Dan apabila luntur nampaklah warna asalnya.

Di antara mereka yang datang menemui saya itu, adalah orang yang tidak senang dengan Anwar Ibrahim. Kerana tulisan saya selalu memukul orang, maka dia minta saya menulis buku untuk memukul Anwar. Dia ingat saya ini kaki pukul, tetapi rupa-rupanya dia telah salah orang.



Apabila duduk bersendirian dan memikirkan adanya cadangan orang supaya saya memukul Anwar, saya pun merenung ke dalam diri Anwar, menggunakan firasat saya. Pada malamnya saya sembahyang Hajat dan Tahajud meminta Tuhan menunjukkan jalan yang benar kepada saya.

Saya berbuat demikian kerana pertama-tama sekali saya tidak mahu terlibat dengan segala macam fitnah dan ajakan syaitan dan iblis. Saya mempunyai tanggungjawab yang besar sebagai seorang penulis. Dan yang lebih besar lagi ialah tanggungjawab saya kepada agama, bangsa dan tanahair. Lebih-lebih lagi saya takut dan bimbang sekiranya saya melakukan sesuatu yang dimurkai Allah. KepadaNya saya meminta pertolongan, hidayah dan ampun.

Selepas sembahyang subuh, seperti biasa sewaktu berada di rumah isteri pertama saya Radziah, saya akan dihidangkan dengan secawan kopi O. Sambil minum di taman bunga saya, terasa angin bukit bertiuip segar. Saya menunggu terbit matahari dari celah-celah bukit-bukau dari arah Timur. Rumah ini letaknya di atas bukit, di Gombak.

Tepat pada waktunya, kena pada masanya, sinaran matahari pagi kelihatan naik perlahan-lahan dari timur. Hati kecil saya pun berkata: Sudah beberapa hari matahari tidak kelihatan seindah pagi ini, kerana langit kurang jernih, tiba-tiba pagi ini langit cerah dan matahari bersinar. Mungkin inilah alamatnya — cahaya matahari pagi memberi saya semangat yang kuat untuk menyokong Anwar, dan tidak menjatuhkannya.

Apakah kesalahan besar yang telah dilakukan maka Anwar Ibrahim mesti dijatuhkan? Apabila kita melihat seorang manusia, pertama-tama kita lihat sifat lahirnya. Seorang pemimpin itu sepatutnya mesti mempunyai dahi yang luas, mata hitamnya luas jernih dan tajam. Gambaran ini melambangkan keberanian, ketegasan, kecekapan, keyakinan dan ketenangan dalam dirinya. Lebih banyak berfikir dari bercakap yang sia-sia.

Wajah dan air muka Anwar melambangkan sifat-sifat kesederhanaan, tetapi berpegang pada ajaran agama. Tulang pipinya menunjukkan kekuatan peribadi dan jenis manusia yang tahan lasak.

Kalau dilihat bibirnya menunjukkan satu garis lurus memisahkan antara bibir atas dan bibir bawah. Ini menunjukkan cakap-cakapnya boleh dipercayai dan boleh dipegang. Orangnyanya mempunyai kebolehan dan kepetahan bercakap. Bentuk mukanya pula bujur, melambangkan sifat-sifat seni yang ada di dalam dirinya. Jiwanya halus.

Anwar Ibrahim mempunyai sifat-sifat yang dan perwatakan yang cukup untuk menjadi seorang pemimpin. Saya tidak mahu terlibat dengan ajakan syaitan dan iblis untuk mengutuk seorang pemimpin Melayu yang seagama dengan saya yang sedang berjuang untuk menegakkan kedaulatan ummah yang sedang menanamkan semangat keislaman dan menunjukkan teladan yang baik kepada anak bangsa.

Sebenarnya orang yang meminta saya melanyak Anwar ini adalah orang-orang Syed Hamid Albar yang telah menjadi proksi Musa Hitam. Mereka mahu saya melagakan Anwar dengan Syed Hamid. Melagakan Anwar — Syed Hamid bermakna melagakan Mahathir dengan Musa, kerana Musa telah menjadikan Syed Hamid sebagai ayam sabungunya. Semasa merebut kerusi Ketua Pemuda 1986.

Saya tidak bersetuju dua anak muda yang baik-baik begini dijadikan ayam sabung. Ini satu perbuatan yang bertentangan dengan Islam. Melagakan kedua-dua anak muda ini tidak menguntungkan sesiapa, sebab itu saya tidak tulis buku untuk pertandingan Pemuda 1986. Cukuplah buku saya mengenai **PEMUDA DI ZAMAN MAHATHIR 1982**.

Apa perlunya Anwar ditentang? Apakah kerana beliau disayangi oleh Dr. Mahathir, maka dia perlu ditentang? Jadi Dr. Mahathir tidak boleh baik dengan orang. Kalau tak boleh baik dengan orang, nak baik dengan apa? Takkan nak suruh Mahathir baik dengan lembu, kerbau, dan beruk? Mahathir nak perintah negara. Kalau dok baik dengan haiwan-haiwan itu, bila nak perintah negara? Yang ada manusia nak jadi lembu, kerbau, beruk dan lain-lain haiwan itu pasal apa? Tak seronokkah jadi manusia?

Atau kerana perjalanan dan perjuangan Anwar mirip kepada keislaman dan bintang beliau selalu cerah, maka beliau mesti ditentang? Tidakkah perasaan begini boleh disamakan dengan dengki, khianat atau irihati yang diibaratkan oleh Nabi seperti memakan daging saudaranya sendiri. Takkan puak-puak dalam UMNO nak jadi

*Barbarian*, makan daging saudara sendiri? Dah habiskah makanan dalam dunia ini?

Firman Tuhan: **“Atau apakah orang-orang yang ada penyakit dalam hatinya mengira bahawa Allah tidak akan menampakkan kedengkian mereka?”**  
(Al-Quran: Muhamad: 29)

Saya sebenarnya lebih suka Anwar menjadi Naib Presiden UMNO. Kedudukannya sekarang sebagai Menteri Pelajaran memang sesuai dan tepat. Dia dihormati oleh golongan intelektual di dalam negeri dan di luar negeri. Dia dihormati oleh pejuang-pejuang Islam di seluruh dunia, kerana mereka dapat melihat keikhlasan, keberanian dan kemampuan Anwar untuk mendaulatkan syiar Islam.

Bagaimanakah kita hendak menerapkan nilai-nilai Islam secara berkesan kalau tidak melalui sistem pendidikan di sekolah-sekolah? Dulu kita berharap kepada Abdullah Badawi memandangkan latar belakang keluarga beliau yang kuat agama. Tetapi Pak Lah, terlibat dengan geng Ku Li-Musa yang hendak berlawan dengan Mahathir kerana Pak Lah terpaksa memikirkan *survivor* politiknya.

Ramai yang berkata Pak Lah Badawi takut kemunculan Anwar akan menghalang jalannya untuk naik keatas kerana mereka berdua berasal dari satu negeri. Macam itukah orang yang ikhlas berjuang berdasarkan nilai-nilai Islam yang suci dan mulai? Kalau Pak Lah dan Anwar sama-sama layak untuk memimpin orang melayu dan agama Islam, apa salahnya Pak Lah dan Anwar berganding bahu? Tapi mengikut kata Pak Lah pada saya, dia tidak kisah Anwar hendak tanding Naib Presiden. Tandinglah. Yang dia fikirkan hidup matinya dalam politik sekarang. Katanya lagi, orang Mahathir tidak membantunya, hendak berjuang apa kalau sudah tidak ada kerusi lagi. Itu pendapat dan hak Datuk Abdullah Badawi.

Saya sudah melihat bahawa Anwar patut melepaskan pimpinan Pemuda kepada Datuk Najib, naibnya yang sudah tiga kali berturut-turut memenangi kerusi tanpa bertanding. Dan dia sendiri menumpukan perhatian kepada pimpinan pusat, membantu Dr. Mahathir. Syed Hamid Albar yang mahu mencabarnya mungkin ada potensi. Tetapi cara Albar Jr. ini masuk dengan tujuan hendak mencabar Anwar dan menjadi proksi kepada Tok Musa bukanlah cara yang baik. Seorang pemimpin mesti pandai mengatur caranya dengan baik, bukannya mengambil kesempatan dari perpecahan.

Ini satu lagi penyakit di dalam UMNO hari ini. Tak boleh lepa sikit, kata orang Utara, nampak ada saja kesempatan, ramailah orang nak rebut kesempatan, dia tak kira lagi akibatnya baikkah atau buruk. Waktu itu UMNO baru mula berpecah antara kem Musa dan kem Mahathir. Pepecahan itu di peringkat pimpinan tinggi yang terjadi kerana sifat Tok Musa yang tamak. Pemuda sepatutnya tidak terlibat dalam pepecahan itu. Pemimpin Pemuda sepatutnya mempunyai pendirian mereka sendiri dan tidak membiarkan diri mereka diperalatkan kepada perkara yang tidak betul.

Albar Jr. awal-awal lagi masuk gelanggang sebagai ayam sabung Musa, sebagai alat orang lain. Ini bukan sifatnya seorang pemimpin yang berjiwa besar. Orang seperti Syed Hamid yang mempunyai harapan masa depan cukup cerah, sungguh menghairankan saya bagaimana dia boleh termakan bujukan dan rayuan Musa dan geng-gengnya.

Saya belum terjumpa kejahatan Anwar yang boleh membuat kita bangun menentang dan menggulingkannya. Sejauh ini hidupnya bersih. Dan dia pun sudah berkahwin. Ada orang cukup syarat pun tak nak kahwin. Pasal apa sampai gitu sekali, saya pun tak faham. Tak suka dengan perempuankah? Rakyat negeri ini bukan semuanya laki-laki. Di Kuala Lumpur jauh lebih ramai perempuan dari lelaki dan di Kelantan pula ada penarik beca yang punya lebih dari satu isteri. Kalau tak suka perempuan, bagaimana nak jadi pemimpin negara? Ahli-ahli UMNO yang wanita nak letak kat mana? Takkan nak bagi kepada Haji Hadi? Bila Haji Hadi kata orang UMNO tak betul, kita marah!

Apakah Syed Hamid perlu bergantung kepada orang lain untuk naik ke atas? Zaman "Cekap, Bersih dan Amanah" ini tidak memerlukan Syed Hamid Albar bergantung kepada orang lain. Almarhum ayahnya dulu pun tidak pernah bergantung dengan orang di atas untuk naik ke atas. Anak jantan kalau tidak mengikut bapa hendak mengikut siapa lagi. Tetapi Syed Hamid ini seperti membuang baka sahaja gayanya. Itulah sebabnya dia susah hendak mendapat tempat kerana dia terlupa bahawa kepimpinan bukan satu warisan.

Kalau dianalisa dengan lebih lanjut, orang yang boleh dipergunakan oleh orang lain ini sebenarnya orang yang tidak percayakan diri sendiri dan tidak mempunyai pendirian. Bagaimana

orang yang tidak percayakan diri sendiri hendak menjadi pemimpin? Kalau dia dipilih juga jadi pemimpin, dia akan mudah dipengaruhi orang. Apabila mudah dipengaruhi, macam-macamlah akan jadi. Kita tidak boleh salahkan Pemuda bila tidak memilihnya.

Negara kita ini seperti seorang anak gadis yang sedang naik tubuh. Badannya lampai dan menarik mata siapa pun yang memandangnya. Jadi bayangkanlah kalau lelaki yang diamanahkan untuk menjaganya mudah dipengaruhi orang. Apakah akan jadi? Kalau umpama kelapa habislah ditebuk tupai. Apabila sudah ditebuk tupai apa lagi nak ada? Sudahlah isinya tidak boleh makan, tempurung dan sabutnya pun tidak berguna lagi. Sanusi Junid pun tak mahu. Betul tak?

Syed Hamid kalau tidak bergantung kepada orang lain, tidak membenarkan orang lain mempergunakannya, bila-bila masa sahaja dia akan naik. Dia pun sebenarnya bukanlah calang-calang orang. Sebab itu Presiden UMNO melantiknya jadi Ahli Majlis Tertinggi UMNO. Apakah Syed Hamid akan berpeluang duduk di kerusi Majlis Kerja Tertinggi lagi tahun ini?

Buatlah kerja dengan bersih, dengan cekap dan penuh amanah, Allah SWT akan meletakkan pada tempatnya yang hak. Janganlah dipengaruhi oleh orang lain. Tapi kalau dia sendiri suka dirinya dipengaruhi dan dipergunakan oleh orang lain, itu terpulanglah kepada dia.

Syed Hamid sebenarnya masih muda. Masa untuk membaiki kesilapannya masih ada, dan belum terlambat. Saya percaya dalam masa tidak sampai tiga tahun, Insyallah, sekiranya Syed Hamid tidak membenarkan dirinya diperalatkan oleh orang lain, sama ada golongan desperado Musa atau Ku Li, dia akan berada di atas. Tanyalah kebaikan diri dengan musuh. Jangan tanya kebaikan diri dengan kawan. Saya tidak menggunakan "sahabat" kerana dalam zaman sains dan teknologi ini siapa pun sukar hendak mencari sahabat. Walaupun ramai kawan-kawan di sekitar kita yang mengaku sahabat, konon!

Memang kebiasaan manusia, orang di bawah dipandang hina. Kalau boleh dipijak-pijaknya. Tapi bila orang itu berada di atas mereka lebih tidak senang lagi. Mulalah mereka akan membuat apa saja asal boleh menjatuhkan orang yang mereka tidak senang itu. Macam-macamlah fitnah dan perbuatan khianat manusia.

Mengenai Syed Hamid mahu merebut kerusi dari Anwar Ibrahim ini saya sentiasa berpandukan kepada serangkap pantun:

*Kalau tuan menebang jati  
biar serpih jangan tumbang  
kalau tuan mencari ganti  
biar lebih jngan kurang.*

Apa lebihnya Syed Hamid dan apa kurangnya Anwar Ibrahim? Kalau ada orang yang layak untuk memimpin Pemuda pada tahun lalu, sayalah orang yang awal-awal lagi akan tulis buku untuk menyokong dia.

Kepada mereka yang kenal Anwar, dan tahu perjuangannya, tidak ada perkara yang jahat dalam hidupnya sebagai seorang menteri dan juga sebagai seorang pemimpin Pemuda. Bukankah Pemuda sudah berubah haluan di bawah pimpinan Anwar? Pemuda di bawah pimpinan Anwar sudah jauh berbeza dengan Pemuda di zaman Haji Suhaimi.

Ramai orang memberi alasan bahawa Anwar Ibrahim masih muda. Anwar sudah 40 tahun, oi! 40 tahun masih muda? Nabi Muhamad SAW waktu diangkat menjadi Rasul umurnya 40 tahun. Lagi pun jangan bandingkan umur Anwar dengan umur orang lain. Masa di universiti lagi Anwar sudah menjadi pemimpin dan sudah terlibat dalam politik Malaysia, cuma bezanya bukan politik parti. Sebab itu Anwar boleh diterima oleh orang UMNO.

Kalau dibandingkan dengan pemimpin-pemimpin politik yang lain, pengalaman Anwar dalam Hubungan Antarabangsa pula lebih daripada orang-orang lain. Lebih daripada Rais Yatim, Sanusi Junid dan Wan Mokhtar. Kecil jangan disangka anak, besar jangan disangka bapa. Cili padi lebih kecil daripada cili biasa, tetapi pedasnya masyaAllah.

Muamar Gadafi menjadi pemimpin Libya sewaktu berumur 29 tahun. Walaupun berumur 29 tahun, kelam-kabut Amerika dibuatnya. Dan hingga ke hari ini Gadafi masih memimpin Libya.

Abad ini adalah abad kebangkitan Islam di seluruh dunia. Orang yang diterima di peringkat antarabangsa sebagai pemimpin yang

mewakili puak-puak Islam ialah Anwar. Tidak tahulah saya kalau UMNO mahukan pemimpin yang wakil dari USA.

Pemimpin-pemimpin Islam di dunia hari ini semuanya mengiktiraf Mahathir sebagai seorang pemimpin Islam yang penting di seluruh dunia. Tak berbanggakah orang-orang UMNO? Selepas Mahathir siapa lagi yang boleh dipandang begitu oleh pemimpin-pemimpin dunia kalau bukan Anwar? Dalam hal begini kita nak sebut nama Musa dengan Ku Li? Kita sendiri rasa malu. Tak malukah orang-orang yang menolak pemimpin Islam?

Inilah yang mesti kita faham. Jangan asyik nak berlawan kerana syok berlawan saja. Silap-silap berlawan rosak binasa masa depan bangsa. Bila orang Melayu naik bosan dengan UMNO yang asyik berlawan nanti, mereka lari masuk PAS dan DAP, apa kita nak kata.

Apakah kerana Anwar berpotensi menggantikan Dr. Mahathir di suatu hari nanti maka ia patut dihapuskan sekarang? Itu namanya orang yang tidak beriman dengan Tuhan. Butakah mata kita dengan apa yang berlaku pada Musa? Dulu dialah bakal pengganti Mahathir. Tetapi yang sebenarnya menentukan siapa pengganti Mahathir ialah Allah SWT. Musa pun boleh terpelanting bila Allah menghendaki begitu. Apakah kita hendak melawan Qudrat dan Iradat Tuhan? Melawan jangan sampai terlebih lawan, brader. Bukan semua orang boleh jadi Perdana Menteri. Hari ini kita sokong Anwar, belum tentu esok Anwar jadi Perdana Menteri. Kita sokong Anwar hari ini kerana hari ini Anwar seorang pemimpin yang bagus.

Dalam hal ini saya ingin mengajak pembaca mengikuti apa yang ditulis oleh seorang pensyarah universiti dan sasterawan Melayu yang terkenal serta mempunyai pengetahuan Islam yang luas. Beliau ialah S. Othman Kelantan. Tulisannya tersiar dalam akhbar *Watan*, keluaran 31 Januari 1987, berjudul: "**Naib Presiden UMNO: Anwar jangan terlalu gopoh**. Saya petik seperti berikut:

*Sebenarnya, apa yang dilihat sebagai tokoh muda dan junior dalam perjuangan UMNO, Anwar tidak perlu melangkah terlalu cepat. Beliau harus melihat semua langkah dan perjalanan tokoh-tokoh senior untuk menentukan sokongan padu dalam dua tahun akan datang, sekurang-kurangnya.*

*Anwar baru dua penggal dalam Pergerakan Pemuda. Beliau harus memperkukuhkan keyakinan golongan senior dalam UMNO, bukan semata-mata mengharap sokongan Pemuda saja.*

*Sebab, sokongan dari senior itu amat diperlukan untuk menentukan tidak ada sabotaj dan gunting di dalam selimut. Sebab, sebagai yang kita telah maklum, bahawa seorang junior yang mendapat sokongan dari seorang dua tokoh tertinggi, tentu aja tidak diminati oleh senior walaupun mereka mungkin menyatakan sokongan secara lisan atau secara moral, tetapi jawatan-jawatan tertentu dalam parti itu adalah rebutan beberapa tokoh yang menganggap dirinya kanan dan lebih layak.*

*Jadi, buat apa Anwar masuk bertanding jawatan Naib Presiden?*

*Walaupun jawatan Naib Presiden itu ada kewibawaannya yang tersendiri, iaitu bukan sebagai Ketua Pergerakan Pemuda, tetapi memandangkan jawatan itu menjadi rebutan golongan senior, maka eloklah Anwar tidak cuba menjengukkan muka untuk mencari musuh pada peringkat tinggi.*

*Ramalan menyatakan kalau Anwar masuk bertanding Naib presiden, dia akan menang. Dan malah, mengikut ramalan berdasarkan kepada sokongan ramai sekarang, beliau akan mendapat kemenangan besar, tetapi pada hemat saya, Anwar akan kehilangan ramai kawan pada peringkat golongan kanan dalam UMNO.*

*Jadi, bagaimana kemudian sikap orang kalah terhadap seorang junior yang menonjolkan diri dengan cepat?*

Kita boleh menganalisa tulisan S. Othman Kelantan ini dari pelbagai sudut, walaupun dari pelbagai sudut dianalisa, akhirnya kita mesti akur bahawa S. Othman tidak bersetuju sekiranya Anwar bertanding untuk kerusi Naib Presiden UMNO. Tulisannya cuba menakutkan Anwar.



Dalam judul rencananya S. Othman Kelantan, seorang yang berkelulusan sarjana dan pensyarah di Universiti Kebangsaan Malaysia telah mengatakan: "Anwar Jangan Terlalu Gopoh". Kata yang digunakan oleh S. Othman Kelantan ialah "gopoh". Disebabkan beliau adalah seorang akademis, bukan seorang penulis macam saya dan seorang akademis mestilah jelas apa-apa yang diucap dan ditulisnya, maka saya ingin bertanya: Apakah definasi atau makna gopoh dalam ayatnya itu? Ini penting seperti kata Prof Di Raja Ungku Aziz dan Prof Syed Muhammad Naguib Al-Attas, setiap perkara mestilah jelas konsep dan maknanya, sebab kalau tidak jelas bagaimana kita hendak bercakap mengenainya.

Mengikut *Kamus Dewan*, gopoh bermakna terlalu lekas, terlalu cepat, terlalu tergesa-gesa. Benarkah Anwar terlalu cepat, terlalu tergesa-gesa dan terlalu lekas? Sasterawan, pensyarah pula, memang pandai menggunakan kata-kata. Orang Melayu memang tidak suka dengan orang yang gopoh dan tergesa-gesa. Tambah pula kalau terlalu gopoh dan terlalu tergesa-gesa. Tapi benarkah Anwar begitu? Kita jangan terkeliru dengan permainan kata-kata oleh sasterawan yang pintar bermain dengan kata-kata.

Saya fikir saya telah menjawab mengenai perkara ini di atas tadi. Jadi tidak perlulah saya ulangi selain daripada menambahkan satu pertanyaan: Apakah Anwar harus tunggu sampai UMNO hancur dahulu baharu nak bertanding? Kalau UMNO dah hancur, nak bertanding apa gunanya lagi?

S. Othman Kelantan juga menimbulkan dalam tulisannya mengenai sebotaj dan mengenai senior yang telah lama menunggu. Juga ditimbulkan ialah mengenai gunting di dalam selimut dan kehilangan kawan, pandangan begini nampaknya begitu negatif.

Mengenai sebotaj iaitu tidak adanya kerjasama daripada orang lain dalam UMNO terhadap Anwar. Hal ini memang jelas kerana orang yang tidak berkerjasama dan orang yang akan sebotaj itu ialah orang-orang yang dengki dan irihati, yang merupakan sifat kebanyakan orang UMNO hari ini. Jadi sebotaj ini tidak ada hubungannya dengan gopoh atau tidak gopoh. Orang yang tidak suka dengan Anwar bila-bila masa pun dia akan sebotaj.

Begitu juga dengan senior yang sudah lama menunggu. Apa yang ditunggunya? Dalam politik ini bukan seperti menunggu nak ambil tiket wayang. Orang yang dahulu mesti dapat dulu. Politik adalah kepimpinan dan kemampuan memimpin. Bukan soal ada orang yang lama menunggu atau tidak. Lagi pun orang yang menunggu sahaja, apakah orang-orang UMNO suka mengundi mereka ini untuk dijadikan pemimpin mereka?

Orang UMNO sekarang sudah ramai yang lulus universiti. Orang-orang ini tentulah dapat mengenal mana satu pemimpin yang boleh memimpin mereka dan mana satu pemimpin yang hanya tahu menunggu. Lama sangat menunggu sehingga kerja sendiri pun tidak dibuatnya, lebih baik kerja jadi "jaga". Sambil jadi "jaga" boleh menyanyi lagu ini:

Kici-kici lembu jaga  
sudah besar masuk askar  
sudah pencen bank jaga  
satu senapang peluru dua.

Begitu juga mengenai gunting di dalam selimut dan kehilangan kawan. Ini semua memang perangai kebanyakan ahli-ahli UMNO. Sebab itulah kerajaan kita jadi macam ini. Ekonomi kita teruk. Ini semua kerana adanya gunting dalam selimut. Apabila diberi kepercayaan, mereka tidak amanah. Apabila mereka bercakap, mereka bohong.

Siapa lagi yang boleh memerangi hal ini semua kalau bukan Anwar. Orang yang hendak memerangi ini semua mestilah seorang yang beriman. Kalau orang yang tidak beriman mereka tidak akan memerangi hal ini semua, sebab mereka pun gunting juga. Sebab itu kita lihat sekarang ini banyak gunting di dalam selimut dan mereka telah bertemu sesama gunting. Sanggupkah orang-orang UMNO menyerahkan negara kita yang tercinta ini kepada gunting-gunting ini? Apa nak jadi dengan anak cucu kita nanti kalau kita biarkan penggunting-penggunting itu memimpin UMNO? Lagipun mana S. Othman Kelantan tahu kawan-kawan Anwar nak gunting Anwar? Yang jelas nampaknya S. Othman nak gunting Anwar.

Saya menghormati pandangan S. Othman Kelantan yang saya kenal dia seorang yang waraq, jujur dan ikhlas. Dia seorang yang

berketurunan Syed juga, dan telah banyak menulis novel. Nampaknya S. Othman memikirkan orang-orang UMNO ini macam dia juga. Beriman dan patuh kepada perintah Allah. Kalau orang-orang UMNO ini semuanya macam itu, tidak adalah istilah-istilah yang Syed timbulkan itu. Kita semua pun tidak payahlah berjuang begini punya teruk. Ini semua adalah kerana hendak menghapuskan segala perbuatan mungkar itulah.

Anwar akan kehilangan kawan. Ya, memang dia akan kehilangan kawan. Dalam hal ini mana yang lebih penting Syed, negara atau kawan? Dan kawan pula ada macam-macam kawan. Ada yang mengaku kawan tetapi sebenarnya lawan. Inilah yang terjadi apabila manusia tidak mengikut perintah Allah dan suruhan RasulNya. Bukan begitukah Syed?

Saya bersetuju dengan Syed Othman bahawa di dalam UMNO hari ini ada gunting di dalam selimut, ada senior yang duduk menunggu peluang nak naik saja, ada kawan yang suka sebotaj kawan dan sebagainya. Dan kerana itulah maka saya berpendapat UMNO memerlukan seorang Naib Presiden yang seperti Anwar, yang boleh berganding bahu dengan Dr. Mahathir, Ghafar Baba dan Datuk Harun untuk menghapuskan semua gejala-gejala jahat itu.

Cerita irihati dan hasad dengki ini semua bukanlah perkara baru. Ini semua telah disebut di dalam Al-Quran.

Dalam *Al-Quran* terdapat satu surah yang dinamakan 'Surah Yusuf.' Riwayat Nabi Yusuf terkandung di dalamnya sebanyak seratus sebelas ayat. Riwayat Nabi Yusuf ini banyak sekali memberi pengajaran kepada manusia sekiranya manusia itu sendiri mahu mempelajarinya. Orang-orang ekonomi pun patut baca surah ini, terutamanya perancang ekonomi negara. Ini pernah dicadangkan oleh bekas Ketua Audit Negara, Tan Sri Ahmad Nordin. Dapatkan lah rahmat daripada Al-Quran sebagaimana janji Allah SWT.

Ayat akhir Surah Yusuf, Allah berfirman:

*Sesungguhnya dalam kisah mereka itu ada ibarat (pengajaran) bagi orang-orang yang berakal. Bukanlah Quran ini perkhabaran yang diada-adakan sahaja, bahkan ia*

*membenarkan (kitab) yang terdahulunya dan menerangkan tiap-tiap sesuatu, lagi petunjuk dan rahmat bagi kaum yang beriman.*

Secara ringkasnya riwayat Nabi Yusuf AS menjelaskan bahawa saudara-saudara Nabi Yusuf AS sangat iri hati atau hasad kepada adik mereka, Yusuf. Ini terjadi kerana Nabi Yusuf AS sangat disayangi oleh bapa mereka kerana tingkah lakunya yang baik serta pintar pula. Kerana hasad, mereka mengambil keputusan membunuh Yusuf dengan mencampakkannya ke dalam telaga.

Allah maha berkuasa. Yusuf AS tidak mati, tetapi diselamatkan oleh seorang musafir dan membawanya ke negeri Mesir untuk dijual sebagai hamba. Nabi Yusuf AS telah dibeli oleh seorang pembesar Mesir.

Pembesar Mesir itu tidak menjadikan Yusuf hamba tetapi sebaliknya mengambilnya menjadi anak angkat yang sangat disayangi. Walaupun berbagai rintangan dan dugaan menimpa Nabi Yusuf semasa menjadi anak angkat, tetapi dia menghadapinya dengan penuh tabah.

Allah Maha Mengetahui. Walaupun Yusuf AS dipenjara kerana dituduh berbuat jahat dengan isteri tuannya, tetapi dia terus bersabar dan menerimanya dengan hati terbuka. Akhirnya Nabi Yusuf AS menjadi Wazir yang mulia di negeri Mesir. Dan saudara yang mengkhianatinya dahulu mengakui kesalahan mereka.

Riwayat ini patut menjadi pengajaran kepada orang-orang yang bersaudara. Ahli-ahli UMNO juga bersaudara. Sekurang-kurangnya saudara sebangsa dan seagama. Dan kejadian bahawa adik yang kecil lebih pandai dari saudaranya yang lebih besar atau lebih tua bukan perkara baru.

Allah boleh memberi apa saja yang dia suka kepada siapa saja yang dia suka. Kita tidak boleh membantahnya. Kita mesti ingat yang kita ini hamba Allah. Apabila Tuhan sudah tetapkan sesuatu, maka adalah manfaat dan nikmatNya kepada khalifahNya di bumi ini.

Manusia adalah sebaik-baik kejadian. Mereka dilengkapi dengan akal fikiran dan dijadikan khalifah di muka bumi ini. Terserahlah

kepada diri masing-masing untuk menerima hakikat ini, berdasarkan fikiran yang ada pada diri masing-masing.

Berbalik kepada soal kenapa Anwar perlu ditentang, saya rasa memang terdapat sungutan kerana Anwar tidak menjadi *pressure group* di dalam UMNO melalui Pemuda yang diketuainya.

Saya rasa stail kepimpinan seseorang itu berbeza-beza. Kita tidak boleh menyamakan zaman Datuk Harun dengan zaman Anwar. Perubahan masa dan suasana banyak mempengaruhi corak politik. Di zaman Anwar ini mungkin stail Datuk Harun dahulu tidak begitu sesuai lagi. Datuk Harun menjaga UMNO dari luar. Kalau tidak ada Datuk Harun ketika itu mungkin UMNO sudah hancur akibat permainan Komunis. Kerana Datuk Harun menentang orang keliling Tun Razak yang dipercayai terlibat dengan Komunis, Datuk Harun difitnah mahu merampas kuasa dari Tun Razak. Itulah timbulnya kata-kata Pemuda UMNO sebagai satu kerajaan di dalam kerajaan.

Stail Datuk Harun tidak diterima oleh Pemuda dan ahli UMNO, tapi nikmat yang dirasakan oleh Pemuda hingga hampir semua EXCO Pemuda berada di dalam kerajaan adalah kerana perjuangan Datuk Harun. Datuk Harun tak akan menerima kekalahan begitu teruk sehingga jawatan Ketua UMNO Bahagian Kuala Langat pun tersingkir, sekiranya Datuk Harun tidak dianggap merbahaya kepada kedudukan Datuk Musa. Orang UMNO tahu perjuangan dan kepimpinan Datuk Harun masih diterima lagi di zaman ini. Fitnah, dengki, iri hati dan khianat yang menjatuhkan Datuk Harun.

Begitu juga perbuatan terkutuk ini akan dilakukan kepada Anwar. Anwar hendak bertanding, kata mereka terlalu muda. Datuk Harun mahu bertanding sudah terlalu tua. Ingatlah Hukum Alam: Matahari kalau tidak nampak di pagi hari, sebelah petang dia pasti bersinar juga.

Anwar mempunyai caranya yang tersendiri dalam perjuangannya yang sekian lama diperjuangkannya sehingga beliau sanggup merengkuh dalam tahanan. Dan cara Anwar ternyata sesuai dengan keadaan dan perkembangan politik hari ini, baik politik Malaysia mahupun politik dunia. Siapa kata Anwar masih muda dan baru dalam perjuangannya? Siapa kata Anwar gopoh? Kalau dia gopoh semasa dia aktif mengkritik kerajaan dulu sudah tentu dia masuk PAS. Tetapi Anwar tidak masuk PAS, walaupun beberapa kali PAS melamarnya.

Sebagai seorang Islam yang cintakan agama dan saudaranya, saya menyokong Anwar. Masanya sudah sampai untuk Anwar menduduki kerusi Naib Presiden. Ini pendirian dan sikap saya. Sejak saya menceburkan diri dalam dunia penulisan, sikap saya adalah tetap dan tidak berubah, iaitu berkata benar dan yang hak. Saya takut dan tidak akan membenarkan yang salah dan menyalahkan yang benar. Apatah lagi menafikan yang hak, kerana saya tahu Allah akan murka kepada saya. Dan balasannya adalah pasti, kalau tidak di dunia, di akhirat nanti. Jiwa saya tenteram dan hati saya tenang kerana tidak menulis semata-mata hendak cari duit. Tapi kalau ada mereka yang hendak tulis buku untuk mencari duit, itu hak mereka.

Pada perkiraan dan perhitungan saya, politik Anwar mempunyai masa depan yang cerah selagi beliau tidak terkeluar dari landasan Islam dan terus menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran.

Saya yakin dan percaya tahun 1987 ini Anwar akan tinggalkan kerusi Ketua Pemuda untuk bertanding di kerusi Naib Presiden. Kalau Anwar berani lakukan ini, Anwar sudah mengambil satu langkah yang bijak. Ketua Pemuda bolehlah diserahkan kepada Datuk Najib Tun Razak. Saya percaya Datuk Najib pun sudah bersedia untuk mengambil tanggungjawab ini. Dia pun sudah tiga penggal berturut-turut dipilih menjadi Naib Ketua Pemuda tanpa bertanding.

Itulah anak muda yang tahu mengatur langkah dalam perjuangan. Tahu mengatur langkah, penting dalam politik. Silap langkah parah. Kalau tak ada strategi jangan masuk politik dan jangan berangan-angan nak naik cepat. Jangan juga hidup dengan mengharap bantuan orang.

Orang membantu hanya sekali. Lepas itu berjalanlah sendiri. Kalau berjaya naiklah, kalau gagal tersungkurlah macam Nawawi Mat Awin, bekas Pengerusi Bank Bumiputra. Apa yang terjadi padanya sekarang?

Perjuangan melalui politik bukanlah perjuangan mendapatkan tempat dan kedudukan semata-mata. Tempat dan kedudukan cuma sebagai alat bagi mencapai matlamat perjuangan bangsa, agama dan negara. Tapi, bila kuasa telah kita berikan dan tempat telah kita adakan janganlah nanti Anwar melencong. Kalau itu yang terjadi saya akan menghentamnya habis-habisan. Itu hak saya. Saya tahulah apa yang saya hendak buat. Macam tahun 1981, saya sokong Musa habis-

habisan dengan buku **SIAPA SELEPAS MUSA**. Selepas itu bacalah buku **MUSA DERHAKA**.

Sebagai manusia, tidak dapat dinafikan Anwar akan berhadapan dengan berbagai cubaan dan godaan. Tugas kita menentukan Anwar tidak terkeluar dari landas yang dibuatnya sendiri. Kalau terkeluar, kita hendaklah beramai-ramai menyatakan bantahan. Negara kita negara demokrasi.

Dr. Mahathir pernah berkata semasa beliau menjadi Timbalan Perdana Menteri dulu. Bahawa **Kelonggaran prinsip UMNO tidak bermakna UMNO tidak berprinsip langsung. Ahli-ahli UMNO mesti ingat bahawa perjuangan politik yang tidak berprinsip adalah satu perkara yang sia-sia.**"

Sekarang kita dengar Datuk Harun hendak sokong Musa Hitam fasal apa? Sudah lupakah Datuk Harun, siapa yang minta Agung ampunkannya dulu? Musakah atau Anwar dan Dr. Mahathir? Datuk Harun masakan tak tahu Musa menentang pengampunannya. Musa memusuhi Harun. Siapa lantik Harun ke KUBB? Musa atau Mahathir? Semuga Datuk Harun tidak buat silap sekali lagi. Silap yang boleh menghapuskan kasih sayang orang UMNO terhadapnya.

Kalau kita hendak makan pisang, maka tanamlah pokok pisang. Kalau kita inginkan nangka, tanamlah pokok nangka. Kalau kita hendak makan langsung, tanamlah langsung.

Pokok yang belum berbuah jangan kita tebang kerana takut buahnya nanti membahayakan. Kita harus membiarkan pokok itu terus membesar dan seterusnya mengeluarkan buah. Jika buahnya tidak di makan oleh burung atau haiwan, itu bermakna buah itu beracun atau memabukkan. Kalau itu terjadi barulah kita tebang pokok itu dan gantikan dengan pokok lain. Kalau kita teringin juga hendak makan buah, kita beli sahaja yang terjual di pasar, tidak payah menanam dan menunggu lama-lama untuk memakan buahnya.



Sdr Anwar Ibrahim, bakal naib Presiden UMNO. Insya Allah.





Dato Sri Ramli Ngah Talib, antara calon yang akan menang kerusi Naib Presiden. Insya Allah.



Hanya Allah saja yang boleh menentukan nasib Datuk Harun. Salah seorang yang akan bertanding kerusi Naib Presiden.



**Datuk Najib Tun Razak, bakal Ketua Pemuda UMNO Malaysia. Mengikut ramalan seorang Ahli Falak yang terkemuka, Perdana Menteri Malaysia yang pertama bernama Rahman, yang kedua Abdul Razak, yang ketiga Hussein, yang keempat Mahathir, yang kelima Anwar Ibrahim, yang keenam ialah Najib Tun Razak.**

# 18

## KHALIL SOKONG NAJIB

21 Januari 1987, lebih kurang pukul 9.30 pagi, saya meninggalkan Merlin Inn Resort Kuantan, tempat saya menyiapkan buku ini untuk menemui Yang Amat Berhormat Datuk Khalil Yaakob, Menteri Besar Pahang yang baru. Pembantu saya Suhaimi menghantar saya ke pejabatnya.

Memang sudah lama saya mahu menulis mengenai Datuk Khalil dan saya sudah pun menulis sebahagian dari latar belakang kehidupannya semasa beliau menjadi Timbalan Menteri Pelajaran dulu. Pemimpin Pahang yang pernah menjadi diplomat satu masa dulu sebelum menceburkan diri sebagai orang politik sepenuh masa ini mempunyai caranya yang tersendiri untuk naik ke atas.

Sebelum menemui Datuk Khalil, saya telah menyiapkan beberapa soalan yang akan saya kemukakan padanya kerana saya fikir ahli UMNO yang mahu mengangkatnya perlu mengenali siapa Khalil Yaakob. Semasa menunggu giliran masuk, iaitu pukul 10.00 pagi, saya meneliti semula soalan-soalan yang akan saya kemukakan.

Kebetulan nasib saya pada pagi itu baik, di bilik menunggu istimewa di sebelah bilik Menteri Besar tidak ada sesiapa melainkan saya sendiri saja. Semasa Datuk Najib menjadi Menteri Besar dahulu bilik ini bilik untuk setiausahanya. Di sini saja sudah nampak perbezaan antara Khalil dan Najib.

Di luar bilik istimewa ini, di bilik setiausahanya ada beberapa orang yang berdiri, mungkin sedang menunggu peluang hendak masuk jumpa Menteri Besar. Nampaknya resah saja, macam ada benda yang sangat mustahak yang mesti disampaikan pada Menteri Besar, padahal

perkara-perkara yang mustahak yang nak disampaikan itu selalunya mustahak untuk kepentingan diri orang-orang itu sendiri saja.

Di bilik menunggu yang sebenarnya pun penuh orang, begitu juga di luar, di satu tempat yang dikhaskan. Orang ramai menunggu hendak jumpa Menteri Besar, macam orang di tepi laut menunggu nelayan pulang petang hendak beli ikan atau ada yang saja menunggu kalau-kalau dapat ikan percuma.

Tentunya orang ramai yang sedang menunggu ini fikir mereka tidak perlu buat "*appointment*" hendak jumpa Menteri Besar, macam hendak jumpa kawan-kawan di kedai kopi. Masa seorang Menteri Besar dengan masa orang yang suka berbual kosong sepanjang hari di kedai kopi tentu tak sama. Ada yang berkata mereka dapat jumpa Menteri Besar sekejap sajakun O.k. Kalau tidak, tidak mengapa, besok datang lagi. Maka setiap hari ramailah orang yang menunggu di pejabat Menteri Besar macam mereka menunggu durian runtuh.

Mereka fikir semua Menteri Besar ini mesti jumpa dan tolong mereka kerana mereka orang UMNO atau mereka orang Melayu. Kalau tidak dapat jumpa Menteri Besar ada yang marah-marah. Mereka kata Menteri Besar macam-macam. Itu belum yang tidak dapat projek lagi. Kerana mereka masuk UMNO dan berbaik-baik dengan pemimpin kerana "*Nawaitu Projek*". Kalau tidak dapat bisnes, mereka cari peluang buat surat layang lanyak Menteri Besar. Ugut dan macam-macam lagi. Kalau tidak percaya tanya Datuk Sri Rahim Tamby Chik. Apa lagi kalau Menteri Besar atau Ketua Menteri itu mempunyai kelemahan tertentu.

Kadang-kadang saya naik hairan melihat ramainya orang yang datang hendak menemui para Menteri Besar, jumpa Datuk Osman Aruf di Kedah, Datuk Sri Ramli Ngah Talib di Perak, Datuk Isa di Negeri Sembilan di pejabat mereka sentiasa penuh sesak dengan orang. Apakah mereka yang jumpa Datuk Osman Aruf, Datuk Sri Ramli dan Datuk Isa ini akan menolong dengan ikhlas agar ketiga-tiga orang ini boleh menang kerusi di Majlis Tertinggi?

Di mana saja pejabat Menteri Besar atau Ketua Menteri menjadi tumpuan orang yang mahukan sesuatu. Mereka tahu surat atau telefon dari Menteri Besar kepada pejabat yang tertentu, hajat mereka akan terlaksana. Jadi motifnya mahu gunakan kuasa yang ada pada Menteri

Besar. Saya sebutkan nama Osman Aruf, Ramli Ngah dan Isa kerana saya kenal biasa dengan mereka. Ketiga-tiganya komited kepada pucuk pemimpin.

Ada masanya di pejabat menteri pusat pun macam itu juga. Dalam pengetahuan saya, yang tidak ada orang menunggu, cuma di pejabat Yang Berhormat Daim saja. Yang Berhormat Daim tidak kasi peluang orang nak buat pejabatnya macam klinik. Sebab itu sana sini orang yang tidak senang maki hamun Daim, orang kutuk Daim, kerana Daim tidak suka buang masa jumpa orang ramai. Walaupun ramai orang buat komplek kerusi yang Daim duduk itu kerusi politik, tapi yang bayar gajinya ialah rakyat.

Daim sentiasa ingat bahawa dia mesti buat kerja untuk rakyat bukan untuk ahli-ahli UMNO yang tertentu saja. Siapa hendak marah, marahlah dia kerana pecahkan tradisi UMNO yang telah menyalahgunakan pejabat.

Mengenai hal yang kecil-kecil pun nak jumpa Menteri Besar. Mereka lupa Menteri Besar kerjanya tentulah besar-besar, bukan kerja yang kecil-kecil. Diberi kerusi suruh mentadbir negeri, bukan layan para pengundi. Buat surat rekomen sana sini untuk dapat kerja, itu kerja wakil rakyat biasa atau seorang *Petition Writer*. Macam mana Menteri Besar hendak jadi betul kalau ofis Menteri Besar sudah jadi macam klinik? Sudah jadi macam pejabat *Stock Exchange*?

Ini pula musim Perhimpunan. Kalau boleh semua ahli parti ada hal nak jumpa Menteri Besar. Hendak buat baik, hendak bagi servis. Tidak dapat banyak hasil sikit pun jadi. Setiap yang jumpa mahu buat kerja berkempen untuk Menteri Besar. Bila lagi hendak rasa duit Menteri besar kalau bukan musim yang macam ini? Mereka tahu Menteri Besar hasilnya pun masuk besar-besar.

Waktu bekerja dari pukul lapan hingga pukul lima petang. Menteri Besar asyik nak layan ahli UMNO dan orang yang desperado yang mahu minta macam-macam, bila masa hendak buat kerja yang diamanahkan oleh rakyat? Ada juga yang buat Menteri Besar ini macam pegawai bank atau pegawai MARA, datang jumpa menteri hendak pinjaman duit. Bila mereka sesak minta pinjaman, lepas itu hilangkan diri. Siapa kata problem Menteri Besar tidak besar? Tanya

Osman Aruf, tanya Ramli Ngah, tanya Isa dan tanya Menteri-Menteri Besar yang lain.

Di rumah, pagi-pagi lagi Menteri Besar belum buka mata, orang sudah ada di depan pintu mengadu hal dan masalah. Tiap-tiap bulan duit gaji Menteri Besar habis bagi sedekah saja. Kalau tidak bagi tidak sampai hati, yang datang orang Kawasan pula. Budak-budak berkeliaran di pusat membeli belah kita marah, kita kata budak tidak bermoral. Orang tua-tua yang duduk bersebang di pejabat Menteri Besar kita hendak kata apa?

Itu tidak termasuk kenalan dan kawan baik yang datang meminta peluang berniaga dan minta apa saja projek. Tidak cukup sedikit, sudah ada pun minta lagi. Yang hendak minta kawasan kayu balaklah, yang minta luluskan tenderlah. Kalau tidak tolong, sakit jiwa Menteri Besar dikerjakan dengan segala macam ugutan dan fitnah. Kerja siapa yang merosakkan pemimpin dan negara hari ini? Budak-budak dadah atau orang politik yang oportunist? Kerja-kkerja yang tidak betul ini orang UMNO sendiri yang buat bukan orang PAS.

Siapa tahu penderitaan yang dialami oleh seorang Menteri Besar? Bagaimana Menteri Besar-Menteri Besar tidak boleh rosak? Doktor yang jaga orang yang telah rosak otak di hospital gila, kadang-kadang pun mereka terikut-ikut dengan kegilaan manusia yang sakit jiwa di hospitalnya. Apakah tidak mungkin Menteri Besar boleh rosak kalau perkara ini dibiarkan berlarutan? Itu baru Menteri Besar, belum lagi problem yang ditanggung oleh seorang Perdana Menteri. Bayangkanlah walaupun tidak ramai orang yang berkeliaran di pejabat Perdana Menteri macam pejabat Menteri Besar, orang yang baik-baik dengan Perdana Menteri dengan sifat "Nawaitu projek" tidak kurang banyaknya.

Saya sudah fikirkan segala perkara ini sebelum saya datang untuk menemui seorang menteri, sebab itu saya tidak minta apa-apa projek atau apa-apa bisnes dari para Menteri Besar dan menteri-menteri yang berkawan baik dengan saya. Saya takut hendak minta apa-apa projek. Kerana saya sendiri tidak senang dengan tabiat ahli UMNO yang berkawan kerana Nawaitu Projek.

Saya tahu kalau saya minta dari mana-mana Menteri Besar atau Ketua Menteri tentu kalau tidak banyak sedikit mereka akan beri saya.

Saya ada pen, saya tidak mahu tumpulkan pen saya dengan projek. Pen bagi seorang penulis seperti sengat bagi seekor lebah. Bila kita sudah melepaskan sengat pada seseorang pendeklah riwayat umur pena kita.

Seorang penulis yang komited tidak boleh ada bisnis dengan mana-mana Menteri. Tapi saya tidak keberatan kalau mereka membeli buku saya kerana mereka mempunyai '*political fund*' dan mereka berhak menggunakan kebijaksanaan dan budi bicara mereka, kerana ramai ahli UMNO tidak suka membeli buku. Mereka senang hati kalau boleh dapat buku cara subsidi.

Saya tahu menjelang pemilihan kerusi untuk Majlis Tertinggi UMNO para Menteri Besar dan menteri-menteri tidak begitu senang berjumpa dengan saya, kerana mereka tahu saya banyak mengemukakan soalan yang sensitif, mempersoalkan kredibiliti mereka. Ada yang pandang saya macam Malaikat Maut.

Biasa saya terjumpa dengan menteri-menteri yang telan macam-macam pil sambil berbual dengan saya. Ada yang tengok muka saya lebih dahsyat dari tengok muka pegawai BPR. Namun mereka layan saya dengan baik.

Pertemuan saya dengan Datuk Khalil ini diatitkan oleh kawan lama saya, Tuan Haji Halim bekas Setiausaha Datuk Khalil semasa beliau menjadi Menteri Di Jabatan Perdana Menteri dulu.

Haji Halim adalah Setiausaha kepada Datuk Najib. Sebelum bekerja semula dengan Najib sekarang Halim pernah menjadi Setiausaha Datuk Khalil di kedua-dua kementerian. Haji Halim mengenali kedua-dua pemimpin ini dari dekat, dan tahu perbezaan antara Khalil dan Najib. Dua-dua boss tempat cari makan. Mesti sokong habis-habisan.

Menteri bertukar jawatan. Datuk Khalil dari Pusat pulang ke Negeri. Datuk Najib dari Negeri datang balik ke Pusat. Haji Halim tetap setiausaha juga. Pi mai pi mai dok tang tu juga, kata orang Pulau Pinang.

Hendak jadi Wakil Rakyat tidak dapat. Drs. Sulaiman yang dapat. Macam mana tidak marah dengan pemimpin yang tidak beri beliau



peluang. Untunglah ada Datuk Najib tempat mengadu hati yang pilu.

Tak apa Tuan Haji, tunggu Datuk Najib jadi Ketua Pemuda nanti dapatlah awak peluang jadi Ahli Parlimen. Insyallah.

Datuk Khalil bukan orang baru di Pahang walaupun ini pertama kali beliau menjadi Menteri Besar. Datuk Khalil pulang ke Pahang kali ini macam belut pulang ke lumpur. Khalil yang sudah berumur 48 tahun, pernah menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri semasa Yang Amat Berhormat Rahim Bakar menjadi Menteri Besar.

Lepas itu Datuk Khalil menjadi Timbalan Menteri Pelajaran. Tahun 1984 adalah tahun yang bertuah bagi Datuk Khalil. Beliau telah memenangi undi tertinggi dalam pemilihan Majlis Tertinggi. Keputusan itu sungguh memmeranjatkan setengah golongan kerana itu adalah kali pertama beliau mencuba nasib di kerusi Majlis Tertinggi. Tapi mereka yang tahu diplomasi bekas diplomat ini tidak terkejut. Datuk Khalil pandai main '*high politic*'.

Selalunya siapa saja yang pernah memenangi kerusi Majlis Tertinggi dengan undi yang tertinggi mempunyai peluang untuk menang kerusi Naib Presiden. Contohnya, Datuk Wan Mokhtar, Datuk Abdullah Badawi dan lain-lain Naib Presiden sebelum mereka. Apakah tahun 1987 ini sama?

Khalil mempunyai personaliti yang baik. Orangnyanya besar tinggi, mempunyai wajah yang menarik, ada ketokohan dan watak seorang pemimpin. Khalil mempunyai gaya yang tersendiri, pendidikan dan latarbelakang yang baik serta pengalaman sebagai seorang Diplomat adalah satu aset. Kalau kena cara dan waktunya, besar kemungkinan dia akan balik ke Pusat semula selepas 1990. Mana ada pemimpin politik yang tidak mempunyai '*ambition*'? Jangan terlalu sudahlah.

Beliau boleh diterima oleh Istana kerana kebetulan dia orang Pekan. Dan orang-orang dari Pekan ini mengikut kata Khalil dikira sebagai orang Istana atau orang raja. Dan Datuk Khalil mempunyai hubungan baik dengan Istana sejak dari dulu-dulu lagi. Hal ini ramai yang tahu.

Rahim Bakar adalah Menteri Besar Pahang yang pertama yang bukan orang Istana, dan telah menimbulkan kontroversi dengan Istana.

Apakah kerana sebab itu Rahim Bakar tidak boleh tahan lama jadi Menteri Besar? Apakah kerana Rahim tidak tahu dan tidak mahu melayan kehendak Istana menjadi sebabnya? Rahim terlupa bahawa Sultan Pahang adalah raja yang popular, pandai mengambil hati dan sentiasa mendampingi rakyat. Contohnya D.Y.M.M. Sultan Ahmad Shah. Semasa menjadi Yang Di Pertuan Agong, baginda sangat disayangi dan dihormati oleh seluruh rakyat Malaysia. Hingga ke hari ini rakyat masih kasih dan sayang dan tidak lupa pada watak baginda yang sentiasa ramah mesra.

Dulu semasa menjadi Menteri Besar, kononnya Rahim Bakar berjiwa sosialis. Benarkah anak nelayan dari Kuantan ini mahu memperjuangkan nasib rakyat marhaen Pahang? Bila sudah terlepas dari jawatan, Rahim kini hidup sebagai jutawan. Apakah dia seorang sosiolis seperti kawan baiknya Datuk Musa yang kononnya seorang sosialis? Biarlah anak Pahang yang mahu memberi sokongan pada Rahim dan Musa yang memberi jawapan.

Antara sebab-sebab saya mahu bertemu Datuk Khalil, pertama saya dengar Khalil mahu bertanding Naib dan Datuk Najib pun mahu merebut kerusi yang sama, sedangkan saya tahu hubungan mereka berdua baik. Saya juga tahu kedua-duanya ada hubungan baik dengan Istana.

Orang raja sama orang raja mesti berbaik-baik, mana boleh gaduh-gaduh. Apa kata rakyat dan Sultan Pahang kalau kedua-dua orang pemimpin yang mereka harapkan ini bergaduh? Ini akan memalukan Baginda Sultan Ahmad saja.

Mengikut khabar-khabar angin, pergeseran antara kedua-dua mereka sekarang kononnya kerana mahu merebut jawatan yang sama. Selalunya perkara kecil begini jadi besar kerana banyaknya batu api di keliling mereka. Perkara yang tidak ada pun diada-adakan. Kalau Khalil dengan Najib bergaduh mereka untung. Macam Musa bergaduh dengan Mahathir, siapa yang untung kalau bukan broker-broker politik? Saya yang tulis buku politik pun untung, tapi cari untung dari melaga-lagakan orang satu kerja yang tidak baik. Rezeki yang kita dapat kerana melaga-lagakan pemimpin tidak diberkati Allah.

Syaitan dan iblis memang suka tengok manusia bergaduh sesama sendiri. Anak nabi Adam Habil dan Qabil pun bergaduh akibat syaitan.

Mereka akan tepuk tangan, jadilah. Khalil dengan Najib nanti macam Mokhtar Hashim dengan Arwah Datuk Taha. Apakah orang Pahang mahu politik Pahang jadi macam politik Negeri Sembilan? Tetapi selagi Sultan Ahmad Shah hidup, Insyallah pergeseran pemimpin ini boleh diselesaikan. Bukan setakat di negeri Pahang saja, mungkin di peringkat nasional pun Tuanku Ahmad Shah boleh selesaikan.

Buat apa bergaduh rebut satu kerusi yang belum tentu menguntungkan? Jadi Naib Presiden belum tentu boleh jadi Perdana Menteri. Kerusi Naib Presiden ada tiga, bukan satu. Sudah menang satu kerusi ada dua orang lagi yang menang kerusi yang sama, dan di atas ada Timbalan Presiden dan Presiden pula. Yang sudah jadi Timbalan Presiden dan Timbalan Perdana Menteri pun sudah terjun ke bawah, belum sempat jadi Perdana Menteri, inikan pula cuma baru hendak jadi Naib Presiden. Ingat pada Allah dan fikir baik-baik.

Janganlah kerana Ghafar Baba duduk di kerusi Naib Presiden dilantik jadi Timbalan Perdana Menteri semua orang mahukan kerusi Naib Presiden, nak jadi macam Ghafar Baba. Itu suratan Taqdir, Ghafar sendiri pun tak menyangka 25 tahun duduk di situ.

Saya tahu ramai diantara mereka yang hendak jadi Naib Presiden UMNO adalah mereka yang sudah kaya raya, sudah ada dua tiga buah banglo. Wang entah berapa juta yang tersembunyi, hendak rebut apa lagi? Mati semua tinggal. Yang bawa masuk kubur cuma kain putih saja. Tidak percaya pada Qadak dan Qadar?

Mustahil ahli UMNO akan memberikan kedua-dua kerusi Naib kepada dua orang pemimpin Pahang. Tetapi tidak mustahil kerusi Naib Presiden akan diberikan kepada Dollah Badawi dan Anwar Ibrahim, kerana Dollah Badawi sudah duduk di situ dan Anwar Ketua Pemuda yang mendapat restu dari pucuk pimpinan untuk ke situ dan dia sanggup tinggalkan Ketua Pemudanya.

Kalau benar ahli-ahli UMNO tidak mahu berpecah dan bercakaran sesama sendiri, setiap negeri yang mempunyai lebih dari satu wakil untuk kerusi Naib mesti berkompromi. Tetapi kalau tidak mahu berkompromi gunakan semangat '*best men win*'. Buat apa menang sorak kampung tergadai.

Cukuplah perebutan kerusi antara Datuk Mokhtar Hashim dengan Datuk Taha yang akhirnya membawa kepada kerugian. Tengoklah apa yang telah terjadi kepada keluarga mereka. Satu merengkok dalam penjara kerana pembunuhan politik, yang satu kehilangan nyawa.

Merebut kuasa adalah satu pekerjaan yang merbahaya lebih hebat dari mahu mengambil madu lebah dari tempatnya. Silap seluk mautlah padahnya. Kalau tidak maut pun tahan sajalah sengat yang bisa.

Datuk Mokhtar Hashim orang muda yang tidak sabar mahu naik keatas, akhirnya hilang anak, hilang isteri, hilang pengikut dan kedudukan. Terpaksa menghabiskan sisa-sisa hidup dalam kurungan sebagai seorang banduan.

Kalau tidak kerana '*power crazy*', kalau tidak kerana cepat sangat hendak naik, tentu Datuk Mokhtar Hashim masih menjadi seorang menteri. Apa yang telah terjadi pada regu Datuk Mokhtar Hashim-Datuk Haji Suhaimi? Belum kita terjumpa dalam masyarakat Melayu orang yang lawan taukeh kerana ikutkan hati yang berjaya. Dan apa akan jadi pada regu Razaleigh-Musa Dan Rais Yatim yang cuba hendak tunjuk berani?

Pembunuhan politik akibat dari perebutan kuasa sesama orang UMNO yang berlaku di Negeri Sembilan patut dijadikan contoh dan teladan kepada ahli UMNO yang mahu berebut kuasa hari ini. Begitu jua regu yang cuba menentang pucuk pimpinan sekarang menentang tanpa perjuangan.

Yang Berhormat Haji Khalid, Pengerusi Mara, waktu bertemu dengan saya menceritakan sebagai anak Negeri Sembilan, dia tidak akan sokong Rais bertanding kerusi Naib.

Kata Haji Khalid pada saya, Rais tidak jujur pada kawan-kawan dan perjuangan. Rais yang meletakkan Datuk Isa jadi Menteri Besar tapi dia juga yang cuba mengganggu dan merosakkan kedudukan politik Datuk Isa. Kata Yang Berhormat Haji Khalid pada saya, dia berani buktikan apa yang dia kata.

Mengikut cerita Haji Khalid lagi, apa lagi yang Rais hendak. Duduk rumah di Kuala Lumpur macam istana, bukan satu rumah,

ada dua tiga rumah yang besar-besar pula. Wang entah berapa juta hendak buat apa lagi dengan kuasa. Cukuplah jadi Menteri Luar tu. Dr. Mahathir tidak letak diluar kabinet sudah baik. Jenis pemimpin yang pentingkan diri ini bukan saja tidak layak duduk di kerusi Naib tapi jadi pemimpin tak layak juga.

Datuk Mohd Isa sebagai seorang Menteri Besar berdiri teguh bersama Dr. Mahathir masa Musa meletakkan jawatan. Sekarang pun beliau mengaku beliau adalah orang Presiden, bukan berdiri di belakang tapi berdiri bersama-sama dengan bossnya Dr. Mahathir. Begitu juga Osman Aruf dan Ramli Ngah Talib memberi sokongan yang terbuka. Sanggup hilang jawatan sekiranya Mahathir kalah. Begitu juga Haji Khalid, Pengerusi MARA pemimpin Negeri Sembilan yang ada di pusat.

Datuk Isa tidak mementingkan diri sendiri. Macam ini punya pemimpinlah yang boleh kita banggakan. Pemimpin yang ada pendirian. Pemimpin yang tidak tikam kawan-kawan dari belakang buat statement di akhbar lain, belakang lain.

Di Pahang seperti yang diketahui umum, Datuk Khalil ialah orang Dr. Mahathir dan Datuk Najib pun orang Dr. Mahathir juga, walaupun ada orang berkata Najib orang Musa. Kalau benar kedua-duanya orang Mahathir, perlu apa hendak bergaduh? Berpakat dan berikan sajalah sokongan pada boss waktu boss sedang memerlukan sokongan.

Saya pernah nasihatkan Najib jangan tanding kerusi Naib pada tahun 1984. Kata saya, walaupun nasibnya selalu baik, tuahnya ada, tapi dia terlalu muda. Orang hendak jadi Naib Presiden ini tidak perlu gopoh. Tidak bererti orang yang menang jadi Naib Presiden tahun ini, 1990 nanti akan jadi Perdana Menteri. Najib mesti beri sokongan pada Anwar macam mana dia pernah berikan sokongan taat setia pada Haji Suhaimi dulu. Kerana lepas Anwar menang Naib Presiden, dengan sendirinya Najib boleh jadi Ketua Pemuda. Biar Khalil yang bertanding. Khalil sudah berumur 48 tahun, tentu tidak salah kalau Khalil mahu mencuba nasibnya tahun ini. Khalil boleh bersaing dengan kawan-kawan sebaya dengannya. Walaupun Datuk Ramli Ngah Talib mempunyai peluang yang lebih baik darinya.

Nampaknya setiap orang yang mahu bertanding sudah merancang masa depan politik mereka. Seolah-olah politik itu satu benda yang boleh ditentukan. Padahal masa depan seseorang itu dalam politik bukan boleh dirancang-rancang. Buat sajalah kerja yang telah diamanahkan dengan jujur, cekap dan bersih. Buktikan kebijaksanaan dari segi kepimpinan yang ada pada diri, pasti satu hari nanti, walaupun hari ini tidak popular, namun akan sampai juga. Ketika itu tidak ada orang lain yang boleh mengambil kerusi yang sudah ditentukan oleh Allah.

Kedudukan dan kuasa akan datang dengan sendirinya bila tiba masanya. Apabila orang ramai sudah mempunyai kepercayaan kepada pribadi dan jasa yang telah kita tunjukkan, kita akan diangkat beramai-ramai ke tahap yang tinggi kerana kerja mengangkat dan menjatuhkan manusia itu dalam kekuasaan Tuhan. Manusia cuma boleh mencuba dan berikhtiar untuk menaik dan menjatuhkan seseorang. Segala gerak datangnya dari Allah. Belajar balik Rukun Iman untuk menguatkan semangat keislaman yang kita laung-laungkan.

Najib baru berumur 33 tahun. Beliau masih mempunyai banyak masa untuk naik keatas. **Tidak akan lari gunung dikejar.** Kalau sudah Tuhan janjikan kerusi itu untuk kita, siapa pun tidak boleh mengambilnya. Kalau benar satu hari nanti Anwar yang akan jadi Perdana Menteri, siapa lagi kalau bukan Najib sebagai Timbalannya.

Lebih kurang pukul sepuluh, rombongan dari Gapena yang diketuai oleh Datuk Profesor Ismail Hussein yang sudah lebih satu jam berada dengan Datuk Khalil pun keluar. Di antara mereka ialah A.Samad Said Sastrawan Negara, Tengku Alauddin orang kuat Dewan Persuratan Melayu Pahang dan dua tiga orang lagi. Kami bersalaman.

Abang Samad dan Profesor Ismail Hussein bertanya sambil bergurau: "Tengah buat buku lagi ke?"

Saya tahu sebab-sebab mereka jumpa Menteri Besar adalah kerana Gapena mahu mengadakan Hari Sastera di Pahang tahun 1987 ini. Hari Sastera ialah kegiatan utama Gapena yang diadakan dua tahun sekali secara bergilir-gilir negeri. Saya sendiri selalu menyertai kegiatan tersebut. Cuma yang memeranjatkan saya kenapa pula Gapena tiba-tiba nak buat Deklamasi Sajak Kebangsaan sebagai acara tahunan menyambut Hari Kebangsaan?

Bukankah acara membaca puisi-puisi yang bertemakan tanahair telah menjadi kegiatan tetap Teater Elit sejak tahun 1979 lagi? Bukan Prof. Ismail Hussein tak tahu, kerana dalam kegiatan Puisi Tanahair yang terakhir yang dibuat di Universiti Utara Malaysia, Kedah, pada 31 Ogos 1986, Prof. Ismail sendiri pun mengambil bahagian. Apakah kerana kegiatan Puisi Tanahair yang dianjurkan oleh Teater Elit dengan Kerajaan Negeri Sabah di Kota Kinabalu pada tahun 1984 begitu berjaya dan dianggap lebih besar dari kegiatan-kegiatan Gapena yang pernah dibuat di Sabah telah menyebabkan Ismail Hussein marah dan hendak mencabar Teater Elit? Ini sudah tidak betul, sudah jadi macam politik. Apakah di dalam sastera pun ada politik?

Kata Sutung dan Dinsman, orang kuat Teater Elit, banyak lagi perkara yang Gapena patut buat untuk memajukan sastera Melayu. Tidak ada karya yang menarik dalam sastera Melayu sekarang. Apa yang Gapena buat? Yang orang lain sudah buat, kenapa pula Gapena pun sibuk nak buat yang itu juga? Dr. Mahathir sudah jadi penaung Puisi Tanahair. Gapena minta Ghafar Baba jadi penaung Puisi Kebangsaan. Ini macam mahu lagakan Mahathir dengan Ghafar saja. Apa sudah jadi dengan Gapena? Usman Awang yang sudah jadi ahli rasmi Teater Elit tentu risau dengan peristiwa ini. Apa pula kata Noor Azam sebagai penasihat Puisi Tanahair? Sebagai kordinator Teater Elit, saya memang tidak seronok dengan rancangan baru Gapena ini.

Ceritanya Puisi Kebangsaan ini hendak dibuat kerana hendak mengangkat taraf golongan budayawan dan ilmuan negara ini ke tempat yang tinggi serta dimuliakan. Apakah Ismail Hussein dan Latiff Abu Bakar (kordinator Puisi Kebangsaan) merasa yang mereka dan golongan ilmuan belum tinggi tarafnya dan belum dimuliakan? Apakah Ismail Hussein dan Latiff Bakar berfikir dengan membaca puisi taraf mereka boleh mulia?

Patutlah "*the so called intellectual*" kita jadi keliru macam hari ini. Apa yang mulia dan apa yang bertaraf tinggi pun tak tahu. Orang baca sajak, dia pun nak baca sajak. Tengok Teater Elit buat Puisi Tanahair panggil menteri, Timbalan Perdana Menteri dan Perdana Menteri hadir, mereka ingat bertaraf tinggi dan mulia. Tengok DYMM Sri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Sultan Ahmad Shah dan Sultan Kedah baca sajak dalam Malam Puisi Tanahair Teater Elit, mereka pun nak buat sama.

Pensyarah-pensyarah universiti dah tidak ada ideakah? Tahun 1981 dulu saya tulis sajak "Kawanku MM", lepas tu Firdaus Abdullah pun tulis juga sajak fasal 2M. 2M itu "Mahathir-Musa", tetapi Firdaus yang hendak menunjukkan kehebatan kepenyairannya menulis 2M itu Malaysia Merdeka, 2M itu maruah dan martabat. Sekarang Mahathir-Musa tidak jadi 2M lagi, apakah Malaysia sudah tidak merdeka, apakah kita sudah tidak ada marwah dan martabat?

Saya percaya tentulah tidak semua pensyarah di universiti-universiti kita sudah kehabisan idea dan jadi bercelaru seperti itu. Tapi sindrom (Musa jangan marah saya pinjam kata dia ini), saya ulang balik perkataan saya: Tetapi sindrom bercelaru di kalangan pensyarah tentulah tidak boleh dibiarkan begitu sahaja. Saudara Anwar Ibrahim, selepas Perhimpunan Agung nanti, jengok-jengoklah ke kampus-kampus universiti kita. Sindrom bercelaru ini lebih hebat daripada dadah di kampus ITM Arau.

Balik semula cerita saya dengan Datuk Khalil. Datuk Khalil duduk di kerusinya menunggu saya. Dia bangun waktu bersalam dengan saya. Kemudian dia mempersilakan saya duduk. Kami berbual di mejanya saja. Satu pertemuan antara menteri dengan penulis. Kami tidak berbual secara mesra di kerusi tetamu, tidak seperti Menteri Besar yang lain semasa saya menemui mereka. Khalil ini ada gaya dan stail diplomatnya sendiri. Orang bekas diplomat mesti kena stail.

Saya sudah biasa berjumpa dengan Menteri-Menteri Besar. Saya sudah biasa berjumpa dengan para pemimpin yang lebih besar dari Menteri Besar dan saya belajar dari A.Samad Ismail, seorang penulis tidak boleh pandang besar pada tokoh-tokoh besar yang akan ditemuinya. Kita mesti duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan pemimpin yang kita mahu *interview*. Baru penulis boleh menulis yang benar.

Penulis yang berfikir besar dan berjiwa besar saja yang boleh menghasilkan karya-karya besar. Penulis mewakili ribuan manusia semasa datang menemui pemimpin. Suara dan semangatnya mesti lebih besar dari seorang Menteri Besar.

"*Yes what can I do for you*". Tanya Datuk Khalil. Ringkas dan bersungguh-sungguh.



“Sebenarnya Datuk, soalan yang sama saya mahu kemukakan pada Datuk? Saya kini berada di Pahang. Apa yang boleh saya bantu Datuk?”

Datuk Khalil terdiam bila saya bertanya apa yang boleh saya buat untuknya. Orang besar selalu ingat mereka saja yang boleh bantu orang kecil. Mereka terlupa seekor semut api boleh menyelamatkan seorang manusia, bila dia menggigit orang yang sedang hendak menembak seseorang.

“Datuk, saya sudah lama di Kuantan, sedang menyiapkan buku, tetapi saya tidak datang menemui Datuk kerana tidak mahu mengganggu. Tapi kalau saya tidak datang memberi *Courtesy Call* rasanya tidak sedap, kerana saya sudah kenal lama dengan Datuk.”

“Saya faham. Terima kasih atas ingatan dan kedatangan you”.

“Itu tugas dan tanggungjawab saya. Datuk tentu tahu, saya ini asalnya dari Pahang. Almarhum Datuk saya Habib Hassan Alattas orang Pekan. Jadi sedikit sebanyak bila tulis buku politik yang serius dan ada kaitan dengan Datuk, saya terpaksa datang. Bukan kerana hendak main sentimen orang Pahang, tapi dengan niat yang ikhlas.”

“Alhamdulillah. Terima kasih sekali lagi.”

“Betul ke Datuk balik ke Pahang ini seperti belut pulang ke lumpur?”

Dia berfikir sebentar. Hendak kata tidak, dia memang asal orang Pahang. Balik ke Pahang, balik ke kampung halaman, samakah seperti belut pulang ke lumpur? Adakah tempat yang lebih seronok kepada belut selain dari lumpur? Ada ke sama seperti Datuk Najib bertukar ke Kuala Lumpur?

“Lebih kurang macam itulah”. Jawabnya pendek.

“Ada orang kata Datuk ini orang Istana, betul ke?”

“Saya ini orang Pekan. Memang biasalah orang Pekan dianggap orang Istana kerana Pekan bandar diraja.”



Datuk Isa Samad. Taat setianya kepada perjuangan UMNO di bawah pimpinan Mahathir tidak pernah berbelah bahagi, tidak seperti Menteri Besar Negeri Sembilan sebelumnya.



Datuk Paduka Haji Osman Arof menyokong Mahathir bukan kerana sama-sama orang Kedah, tetapi kerana kepercayaannya kepada perjuangan pucuk pimpinan, dan tidak ingin melihat UMNO berpecah.



Datuk Sabbaruddin Chik dibawa masuk ke dalam Kabinet oleh Mahathir. Hingga hari ini masih mendapat kepercayaan Mahathir. Dia penyokong kuat Mahathir yang bersifat sederhana.

“Ada orang kata kerja Menteri Besar ini lebih kurang macam orang jual ikan di pasar. Apa pendapat Datuk?”

Dia nampaknya kurang senang dengan soalan itu. Soalan ini seolah-olah menghina seorang Menteri Besar. Saya tahu susah dia hendak menjawabnya. Adakah kerja Menteri Besar sama dengan kerja orang jual ikan di Pasar? Pertanyaan ini sungguh memalukan seorang Menteri Besar. Tetapi bila lagi kita hendak cuba setakat mana kebijaksanaan seorang Diplomat yang jadi Menteri Besar. Menteri Besar mesti tenang dan tidak boleh marah pada sebarang soalan. Khalil tidak melatah. Dia senyum.

“Maksud saya persamaan antara seorang penjual ikan dengan seorang Menteri Besar bukan dari segi pangkat tapi jenis kerjanya. Bolehkah seorang penjual ikan tidak mahu pakaiannya tidak terkena ikan, tangannya tidak hanyir, sedangkan dia duduk pegang ikan? Samalah seperti kerja tukang sapu sampah. Bolehkah seorang tukang sapu sampah yang bersih saja. Betul tidak Datuk?”

“Kalau itu yang you maksudkan, betullah?”

“Datuk, Kuantan ini bandar tepi laut. Bekas Menteri Besar dulu yang masih aktif dalam politik ialah anak nelayan yang duduk di Basrah. Sebab itu saya bawa cerita orang jual ikan, kerana dalam pejabat Menteri Besar selalunya ada banyak masalah. Seterusnya Datuk, saya dengar Datuk dan orang Datuk mahu membunuh politik Datuk Najib, benarkah begitu?”

“Ini tidak benar. Saya sentiasa memberi kerjasama pada Najib. Najib masih menjadi Ketua Perhubungan UMNO Pahang. Semua Cawangan masih dipimpin oleh Najib dan kami sentiasa bekerjasama.”

“Itu benar Datuk, tetapi Datuk adalah Menteri Besar Pahang sekarang. Walaupun Datuk Najib Ketua Perhubungan, ahli UMNO sekarang datang menemui Datuk tidak lagi berjumpa dengan Najib, kerana Najib berada di Pusat dan kuasa Pentadbiran Negeri berada di tangan Datuk”. Saya mengusik hendak tengok dia melatah.

“Dia di Kuala Lumpur, saya di sini, tak jadi masalah. Kami saling berunding dan berbincang bila ada mesyuarat Perhubungan. Lagi pun you mesti ingat, Najib bukan saingan saya. Najib terlalu muda, kalau

dibanding dengan saya. Kami tidak perlu bersaing memandangkan umur antara kami berdua. Saya sudah berumur 48 tahun, Najib 15 tahun lebih muda dari saya, tidak ada sebab mesti ada perselisihan dan hendak tekan dia.”

“Kalau macam itu baguslah. Saya ingat antara Datuk dan Najib ada pergeseran, mahu berbunuhan antara satu dengan yang lain. Alhamdulillah. Boleh Datuk beritahu saya Datuk ini orang siapa?”

“Apa maksud you?”

“Datuk ini orang Mahathir, orang Musa atau orang Tengku Razaleigh?”

“Saya memang dari dulu lagi sokong dasar kepimpinan Mahathir.”

“Cakap macam itu saya tidak seronok dengar. Itu cakap orang politik yang tidak komited. Datuk dulu pernah di kerusi Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Datuk balik ke Pahang ini pun dengan restu dari Perdana Menteri dan saya pun tahu Datuk ini orang Perdana Menteri, ‘*The President Men*’. Saya cuma hendak tahu betul atau tidak Datuk orang Mahathir macam Shahrir Samad orang Datuk Musa.”

“Kalau itu yang you maksudkan, saya adalah orang Mahathir dan saya sokong kepimpinan Mahathir sepenuhnya.”

“Jadi Datuk tidak setuju Ku Li bertanding lawan Presiden?”

“Saya tidak setuju.”

“Apakah Datuk akan bertanding merebut kerusi Naib Presiden?”

“Perkara ini belum diputuskan oleh Perhubungan lagi. Tunggulah keputusan dari Perhubungan nanti.”

“Apakah Datuk setuju bila Anwar letak jawatan, Najib ambil alih Ketua Pemuda, dan apakah Datuk akan memberikan sokongan?”

“Ya, saya setuju dan saya akan sokong Najib, dan kami di Pahang sentiasa percaya dengan sikap bermuzakarah. Kami tidak percaya

dengan bergaduh. Penyelesaian dengan cara bermuzakarah adalah cara yang sebaik-baiknya.”

Dengar cakap Datuk Khalil itu jelaslah ramai pemimpin Pahang yang ada dalam kerajaan hari ini, Datuk Khalil, Datuk Najib, Datuk Sabaruddin Chik, Datuk Wan Abu Bakar, Siti Zaharah sebulat suara bersama-sama Mahathir. Kalau macam itu InsyaAllah Dr. Mahathir Mohamad dengan mudah akan mengalahkan Regu Razaleigh-Musa. Silap-silap Regu ini akan berpecah dua sebelum perhimpunan nanti kerana ramainya para Menteri Besar yang memberikan sokongan kepada Mahathir-Ghafar.

Bukan pemimpin Pahang saja yang saya pasti memberi sokongan penuh kepada pimpinan Mahathir dan Ghafar. Kerana semakin hampir dengan tarikh 24 April, semakin ramai pemimpin UMNO dari seluruh negara yang menghubungi saya beritahu mereka sokong Mahathir dan Ghafar. Saya tahu bukan semuanya ikhlas, tetapi saya ada cara saya sendiri untuk *check* sokongan mereka ikhlas atau tidak.

Jadi itulah kerja saya. Kadang-kadang saya fikir tugas saya ini memang besar. Saya jelajah seluruh negara, bukan apa, sebab saya nak bagi tahu pembaca buku saya siapa sebenarnya pemimpin yang saya percaya ada masa depan yang cerah. Ramli Ngah Talib, Osman Arof dan Datuk Isa Samad yang sudah saya *check* saya dapati *clear*. Insya Allah Tuhan berkati pimpinan mereka, dan semoga mereka tidak lupa mengingati Allah akan setiap perkara yang mereka buat.

Saya sebut nama Menteri-menteri Besar Perak, Kedah, Negeri Sembilan dan juga Pahang ini tidak pula maknanya Menteri Besar yang lain tidak bagus. Tapi buat masa ini, mereka ini yang lebih cerah dalam pandangan mata batin saya. Ramli Ngah Talib yang terutamanya, sudah terbukti akan ketokohnya. Dulu pun dia Menteri Besar yang dapat undi Majlis Tertinggi yang paling tinggi. Kali ini tempatnya ialah di salah satu kerusi Naib Presiden UMNO. Insya Allah.

Negeri Perak salah sebuah negeri terbesar di Malaysia mempunyai bahagian UMNO yang paling banyak, tetapi sudah hampir bersatu. Walaupun ada satu dua orang Ku Li yang cuba buat kacau, Perak tidak bercelaru macam Johor dan Kelantan. Ramli Ngah Talib seorang



"The President Man" Datuk Megat Junid, orang yang pernah menyokong Musa selama dua kali berturut-turut melawan Ku Li, merasa kecewa dengan perbuatan Musa hari ini.



# UMNO Kedah akan beri sokongan penuh pada Mahathir, Ghafar



DATUK SRI HAJI  
OSMAN AROFF

**A**LUR SETAR 6 Mac — UMNO Kedah akan memberi sokongan penuhnya kepada Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba untuk merebut jawatan Presiden dan Timbalan Presiden UMNO Malaysia pada perhimpunan agungnya bulan depan. Menteri Besar, Datuk Sri Haji Osman Aroff yang mengulangi pendirian itu di mesyuarat perwakilan

Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO bahagian Kota Setar di sini hari ini, berharap tiada perebutan berlaku bagi kedua-dua jawatan tersebut. Beliau yang juga Ketua Perhubungan UMNO negeri mahukan mereka yang bertanding dalam apa jua persidangan sama ada di peringkat cawangan, bahagian dan majlis tertinggi parti mengamalkan semangat "kekeluargaan" UMNO yang diamalkan sejak daripada penubuhan

UMNO 40 tahun lalu. Mereka yang berkeinginan untuk merebut jawatan - jawatan tertentu dalam parti perlulah menawarkan diri untuk berjuang dengan ikhlas demi kepentingan parti dan bukannya untuk mendapatkan perhatian para anggota sahaja untuk mendapat sokongan mereka, katanya. "Selain itu mereka janganlah menjatuhkan maruah dan merendahkan kewibawaan orang lain semata-mata ingin mendapat tempat dalam

parti," tegas beliau. Sebaliknya mereka perlu membuktikan keupayaan kepimpinan dan tanggungjawab mereka setelah mereka diberi kepercayaan untuk memimpin. Dalam hubungan ini, beliau menasihati anggota-anggota UMNO supaya memilih pemimpin - pemimpin yang benar - benar mampu berkhidmat untuk parti dan rakyat. Datuk Sri Haji Osman juga mengingatkan anggota-anggota UMNO supaya

peguam, keturunan Pahlawan yang telah membunuh Birch. Walaupun nampaknya lemah tapi mempunyai ketokohan yang belum diuji.

Ada penulis yang kata Ramli Menteri Besar tarafnya macam penghulu. Penulis itu tak tahu beza Menteri Besar dengan Penghulu. Tanya budak sekolah pun mereka tahu. Menteri Besar tidak sama erti dengan Penghulu. Penulis itu patut bersekolah semula.

Jadi sekarang, saya tengok-tengok, silap-silap cara regu Razaleigh-Musa akan pecah dua sebelum Perhimpunan. Mungkin Ku Li tarik diri duduk di kerusi Naib Presiden kerana masih mahu jadi Perdana Menteri. Sebab Allah tidak akan berkati orang yang pandai bermuka-muka dan berpakat secara tidak ikhlas.

## BAGI MENERAJUI KERAJAAN DAN MEMIMPIN UMNO

# Semua MB sokong Mahathir, Ghafar

264

**K**UALA LUMPUR 26 Feb. — Menteri - Menteri Besar dan Ketua Menteri daripada UMNO hari ini sepakat memberikan sokongan penuh kepada Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Encik Ghafar Baba dalam menerajui kerajaan dan memimpin parti.

Datuk Amar Haji Wan Mohd. Ahmad yang bertindak sebagai wakil para Menteri Besar dan Ketua Menteri itu berkata, mereka memberikan sokongan itu kerana negara sedang menghadapi berbagai cabaran dan dugaan.

Berucap dalam sidang akhbar di Ibu Pejabat UMNO di sini, Menteri Besar Terengganu itu menegaskan, sokongan ini dibuat pada masa ini kerana keadaan sudah sampai ke tahap yang membingungkan.

Katanya, adalah amatlah bagi mereka bertindak menentang cabaran - cabaran tersebut. Beliau dan semua yang ada dalam kerajaan

Oleh

Razak Rashid Ghows

persara Datuk Amar Haji Wan Mohd. Ahmad, ialah:

- Kemelut dalam sektor akibat kenaikan harga bahan - bahan mentah.
- Perselewengan setengah - setengah institusi kewangan.
- Penyelidikan keam dalam koperasi yang melibatkan rakyat miskin.
- Fitnah setengah - setengah media masa hari tempai yang membantutkan imej negara ini di bawah pimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir.
- Cabaran sebagai ekonomi negara, dan
- Suasana politik terhadap sistem yang ada kaitan dengan UMNO yang akan mengadakan perhimpunan dan pemilihan pusat pimpinan pada 24 April ini.

Menteri Besar Kelantan, Datuk Haji Mohamad Yusoff yang turut serta dalam sidang akhbar itu menambah, pendirian mereka ini adalah bagi memberi tenaga yang padu kepada Perdana Menteri dan timbalannya dalam menghadapi cabaran dan dugaan tersebut.



MENTERI Besar Terengganu, Datuk Wan Mohd. Ahmad (kiri) dan Menteri Besar Kelantan, Datuk Haji Mohamad Yusoff dalam sidang akhbar di Kompleks UMNO semalam mengenai perhimpunan pusat MB dan KEM UMNO.

# Pucuk pimpinan sekarang harus diberi tempoh tadbir parti dan negara — Ramli

**TANAH MERAH 6**  
Mac — Pucuk pimpinan yang ada sekarang haruslah diberi tempoh yang munasabah untuk terus mentadbir parti dan negara sebelum dapat dibuat penilaian sebenar terhadap kemampuan mereka, kata Menteri Besar Perak Dato' Sri Ramli Ngah Talib.

Beliau berkata, kepimpinan mereka dalam kerajaan juga janganlah dipertikaikan setiap masa atas setiap perkara oleh parti semata-mata kerana kerajaan yang ada merupakan kerajaan yang didokong oleh parti.

Berucap merasmikan persidangan perwakilan UMNO bahagian ini di sini hari ini, beliau berkata walaupun tidak dapat dinafikan bahawa kerajaan dan parti tidak dipisahkan tetapi tidak semestinya kerajaan merujuk kepada parti setiap perkara yang hendak diputuskan dan dilaksanakan.

Katanya, jika itulah takrifan yang dibuat terhadap pemahaman bahawa kerajaan adalah parti dan parti adalah kerajaan, maka ia tidak tepat dan orang yang mentakrifkan demikian adalah silap.

"Contohnya, takkanlah

## MB Perak



**DATO' SRI RAMLI  
NGAH TALIB**

setiap perkara yang hendak dibuat oleh kerajaan seperti meluluskan dua hektar tanah kepada satu keluarga miskinpun hendak dibawa dalam perbincangan UMNO bahagian dan cawangan terlebih dulu," ujarnya.

Dato' Sri Ramli yang juga anggota Majlis Tertinggi UMNO berkata cara itu bukanlah yang dikehendaki oleh parti mahupun orang ramai.

Mengenai pertandingan merebut jawatan pula, beliau berkata setiap anggota perlu membuat penilaian sendiri mengenai kesan buruk-baiknya terutama terhadap kestabilan dan paduan parti.

Katanya jangan terpengaruh dengan pendapat orang bahawa dalam amal-

an demokrasi harus ada pertandingan dan tanpa pertandingan tidak wujud demokrasi.

Demokrasi tetap wujud walaupun tanpa pertandingan kerana yang lebih utama bukanlah pertandingan tetapi kestabilan yang membawa kesejahteraan.

Dato' Sri Ramli berkata kerana perlunya kestabilan politik untuk kesejahteraan rakyat dan perkembangan ekonomi, maka pucuk pimpinan yang ada mesti diberi masa yang secukupnya untuk terus memimpin dan mentadbir.

Bagaimanapun, beliau berharap jika sekalipun ada yang mencabar jawatan pucuk pimpinan sekarang, pertandingan itu nanti mestilah dijalankan secara sihat dan bersopan.

Katanya, jika pertandingan itu terjadi kerana pucuk pimpinan sekarang tidak disukai sekalipun, janganlah sampai mereka diburuk-burukkan.

Beliau yakin, pucuk pimpinan Perdana Menteri Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad tahu bila masanya ia harus berundur sebagaimana yang telah ditunjukkan oleh pucuk pimpinan UMNO sejak dari zaman Tunku Abdul Rahman lagi. — Bernama.

# WANITA UMNO SOKONG MAHATHIR, GHAFAR

Oleh Hassan Mohd. Noor

KUALA LUMPUR 3 Mac — Exco Pergerakan Wanita UMNO Malaysia hari ini mengambil ketetapan menyokong Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad dan Encik Ghafar Baba sebagai presiden dan timbalan presiden dalam pemilihan pucuk pimpinan Majlis Tertinggi UMNO April ini. Ketetapan tersebut dibuat setelah Exco pergerakan itu menimbangkan beberapa perkara termasuk parti mesti menguasai kerajaan dan ini bererti pucuk pimpinan dalam kerajaan

Paduka Rafidah Aziz ketika mengumumkan ketetapan tersebut di Ibu Pejabat UMNO di sini hari ini, berkata, keputusan itu adalah hasil perbincangan panjang lebar antara ahli-ahli Exco pergerakan itu hari ini.

"Tiap ahli Exco telah diminta mengemukakan pandangan masing-masing mengenai pemilihan pucuk pimpinan Majlis Tertinggi UMNO khususnya mengenai jawatan Presiden dan Timbalan Presiden," katanya.

*Berita...*

# 19

## SIAPA DIA CONMAN?

Ku Li bersumpah di Gua Musang di hadapan Datuk Musa yang merasmikan mesyuarat UMNO Bahagiannya, di hadapan beberapa orang panglima-panglimanya dan beberapa ribu orang Melayu yang dikerahkan ke situ. Dia bersumpah dia tidak terlibat dalam skandal BMF, dia tidak pernah makan duit haram, dan minta Tuhan binasakan dia kalau sumpahnya tidak betul.

Saya tahu sumpah Ku Li tidak betul. Bila ada pemimpin Melayu yang sudah dua kali bertanding kerusi Timbalan Presiden UMNO dan mendapat undi lebih 500, maknanya dia dipercayai oleh banyak juga perwakilan UMNO yang akan menentukan nasib masa depan umat Melayu, walaupun saya tahu kali ini Ku Li akan kalah, saya berasa marah dia bersumpah begitu di depan orang Melayu, kerana antara orang Melayu yang hadir dalam perjumpaan di Gua Musang itu saya percaya banyak juga makcik-makcik dan pakcik-pakcik yang tidak berdosa dan tidak tahu permainan orang-orang gila kuasa.

Waktu saya cukup singkat. Buku ini mesti masuk printing dengan segera. Tapi bolehkah saya biarkan Ku Li bercakap sesuka hati dia, menunjukkan yang dia seorang yang suci tidak pernah makan duit haram, sedangkan saya tahu dia banyak buat dosa dengan orang Melayu. Inikah ilmu yang Ku Li belajar dari Chandra Swami, guru dan bomoh moden India yang kaya raya kerana menipu itu?

Majalah *The Illustrated Weekly of India* keluaran 20 Julai 1986, menyifatkan Chandra itu sebagai salah seorang "*spritual conman*" India yang bertaraf antarabangsa. Ku Li bukan *spritual conman*, tapi saya tahu Ku Li banyak buat benda-benda yang tak betul, macam *conmen* juga. Saya mesti dapatkan bukti-buktinya. Dalam masa yang singkat saya bekerja menyelidik menyelongkar khazanah-khazanah



Inilah rupa Amos Dawe, penjenayah yang dicari oleh polis di seluruh dunia.  
Dia kawan baik Ku-Li.

lama, dengan dibantu oleh beberapa orang kawan. Hairan juga kawan-kawan saya mengapa saya begitu berminat dengan cerita-cerita lama mengenai beberapa buah kompeni.

Alhamdulillah, dengan izin Tuhan, sempatlah juga saya mengumpulkan fakta-fakta yang cukuplah untuk saya membuktikan kepada orang Melayu bahawa Tengku Razaleigh bukanlah seperti apa yang dia sendiri mengaku dan bersumpah tentang diri dia.

Amos Dawe, tentu ada orang Melayu yang kenal dan ingat nama itu. Dia ini terkenal di dunia sebagai seorang penipu. Majalah *Far Eastern Economi Review* dalam bulan Januari 1976 mengatakan ramai pegawai polis di dunia yang ingin mendapatkan orang ini untuk disoal selidik. Dia bekas pengerusi Kumpulan Mosbert yang dipercayai bersembunyi di Bangkok. Waktu itu semua syarikat-syarikat kumpulan Mosbert di Hong Kong, Singapura, Kuala Lumpur dan Australia digantung perniagaannya.

Apakah hubungan Amos Dawe dengan Tengku Razaleigh? Bacalah ini. Dia ini tentulah ada kena mengena dengan Ku Li. Kalau tidak, buat apa saya nak cerita.

Polis di Hong Kong yang membuat penyelidikan tentang dia mendapati dan mereka percaya Amos Dawe ada hubungan dengan Russia. Kumpulan Mosbert pernah mendapat pinjaman sebanyak \$350 juta dari bank Moscow Narodny Bank, sebuah bank Russia. Di percayai Amos Dawe ada hubungan dengan usaha Russia untuk merosakkan ekonomi Hong Kong.

Amos Dawe mula-mula buat syarikat Mosbert Trading Company bersama Robert Ta, rakyat Indonesia, pada tahun 1965. Kejayaan besar yang pertama ialah bila mereka tubuhkan syarikat Mosbert dan menjual 40 buah rumah di Johor. Lepas itu, mengikut *Far Eastern Economic Review* beberapa buah syarikat lagi ditubuhkan dan Amos Dawe mula berkawan dengan Tan Sri Khoo Teck Puat (Malayan Banking) dan Chang Ming Thien (UMBC).

Tahun 1969 Mosbert Berhad disenaraikan di Pasaran Saham Kuala Lumpur dan Singapura. Semua orang terkejut. Pasal apa? Proses ini dibuat di Kuala Lumpur. Ku Li yang jadi Pengerusi pertama Mosbert Berhad. Dia yang tolong Amos Dawe senaraikan syarikat itu





Datuk Mahaguru Chandra Swami bersama-sama Presiden India dan seorang ahli Parlimen India. Beliau merupakan Tok Guru kepada Tengku Razaleigh. Pernah beberapa kali datang ke Malaysia untuk menemui Ku Li. Tapi Clement boleh tarik janggut dia. Sakit juga dia.

di Pasaran Saham. Inilah hubungan Ku Li. Mari kita tengok apa kerja Ku Li seterusnya.

Ku Li berhenti daripada jadi Pengerusi Mosbert setelah dia dilantik jadi Pengerusi Bank Bumiputra dan Pengerusi Pernas. Jadi Ku Li jugalah yang bantu Amos Dawe untuk menipu kerajaan Hong Kong, Malaysia, Singapura, Amerika Syarikat dan Australia. Kalau anda ada kesempatan jumpa Ku Li, cuba tanya dia, tak ingatkah kerja-kerja yang dia buat membantu Amos Dawe menipu dulu? Jangan takut nak tanya dia. Dia nak jadi pemimpin awak, dia berani bersumpah yang tak betul, awak mesti berani tanya dia. Kita tengok dia nak bersumpah jugakah lagi?

Anda tanya juga Ku Li siapakah sebenarnya kawan-kawan baik dia? Bukan Amos Dawe saja. Tanya dia Khoo Teck Phuat yang kita baca cerita mengenai skandal National Bank of Brunai, akhir tahun 1986 itu siapa dengan dia? Chang Ming Thien, Lee San Choon, Teh Hing Tiow dan Khoo Kay Peng itu semua siapa dengan Ku Li.

Kes Ku Li boleh jadi lebih teruk daripada kes Tan Koon Swan. Bila Khoo Kay Peng ditangkap, apa Ku Li nak buat kalau dia cerita apa yang Ku Li suruh dia buat? Ku Li sudah tak ada jalan lain sekarang. Dia mesti jadi orang nombor satu di negara ini kalau dia mahu selamat daripada segala macam bala dari dia punya *business connection*. Dia mesti tutup semua skandal itu sebelum skandal itu bertukar jadi naga kepala tujuh menelan balik dirinya.

Tengok kekayaan yang Ku Li bagi pada Robert Kuok yang terkenal sebagai Raja Gula Malaysia. Sebab apa Ku Li tak bagi lesen yang serupa itu kepada orang Melayu? Sebab apa dia bagi kepada Robert Kuok saja? Baru-baru ini Robert Kuok dilaporkan membeli saham-saham MUI daripada Khoo Kay Peng. Inilah cara Robert Kuok bantu Ku Li bertanding lawan kerusi Presiden UMNO.

Tengok pula Lee Loy Seng raja beras. Yang jadi petani tanam padi ialah orang Melayu. Yang Ku Li bagi lesen berniaga beras ialah kepada Lee Loy Seng. Tak hairanlah Lee Loy Seng kaya raya sebab dia boleh bawa masuk beras Siam untuk dijual kepada kerajaan Malaysia. Sebab apa tak bagi can kepada orang Melayu sehingga orang Melayu terpaksa jadi penyeludup beras Siam di sempadan dan ditangkap oleh kerajaan?



Apa Ku Li sedang buat? Seronok nampak. Nasib baik Razines di Kuala Lumpur, kalau di Kelantan dah kena sebat. Awak orang bujang. Tunjuk tak apa, jangan salah tunjuk dan salah ambil. Nanti kena hak orang. Gambar ini diambil sebelum Razines Club ditutup kerana bankrap.



Lydiawati, Julie Dahlan dan Maria Arshad adalah di antara beberapa peragawati dan seniwati yang menghadiri pesta di Ragines Club. Tentulah mereka ini berseronok-seronok dengan orang-orang terkemuka yang juga menghadiri pesta tersebut.

Tengok ... Siapa lagi? Ramai lagi kita boleh tengok kalau kita sungguh-sungguh mahu tengok. Orang lain jadi kaya raya, kita orang Melayu hanya boleh tengok saja.

Kemudian Ku Li kata dia bela orang Melayu, agama Islam dan negara ini. Bela macam mana? Siapa yang Ku Li bela? nama-nama di atas yang telah saya sebut tadi itu semuanya nama-nama orang bukan Melayu dan bukan Islam.

Ku Li beli dua buah rumah MMC yang mewah depan Golf Course untuk diri dia sendiri waktu jadi Menteri Kewangan. Kita tanya, MMC itu hak siapa? Hak PNB. PNB itu hak siapa? Hak kerajaan untuk orang-orang Melayu. Pasal apa orang yang kaya macam Ku Li, waktu Menteri Kewangan pula, sanggup ambil rumah MMC? Patutnya dia boleh bersedekah kepada MMC, baru boleh kata dia bantu orang Melayu.

Ku Li juga paksa syarikat Straits Trading supaya jual rumah depan Holiday Inn kepada dia. Harga rumah itu disuruhnya turunkan sampai \$4 juta. Sekarang dia nak jual rumah itu, dengan harga yang tinggi. Dua kali dia untung. Beli murah, jual tinggi. Bukan ramai orang Melayu yang tahu cerita-cerita Ku Li macam ini. Tapi inilah dia Ku Li, pemimpin Melayu yang semuanya dikira untuk kepentingan diri sendiri saja.

Ku Li juga kata dia tak kenal George Tan, kawan rapat Amos Dawe. George Tan ialah salah seorang partner Amos Dawe. Mak Foon Tham pun pernah bekerja dengan Kumpulan Mosbert. Mak kata dia kenal dan bekerja dengan Ku Li selama lapan tahun. Betullah tu. Takkan Ku Li nak kata dia tak kenal dengan semua orang-orang yang saya sebut tadi. Kalau dia nak kata biar dia kata, biar dia bersumpah kemudian nanti kita tengok apa jadi dengan dia.

Sumpahlah Ku Li, sumpah selagi boleh bersumpah. Nak bersumpah bukan payah minta lesen macam minta AP. Itu kerja Ibrahim Ali.

Ini pula kerja saya. Mengatakan yang benar, walaupun saya terpaksa bersusah payah mencari eviden-eviden untuk membuktikannya kepada pembaca-pembaca buku saya.

# MUI's stake NST-1/1/83 in bank up to 99.3pc

**MALAYAN** United Industries Bhd's (MUI) acquisition of another 7.35 million shares in Kwong Lee Bank Bhd tags this takeover of one of the oldest banks in Sarawak, at about \$156.45 million.

MUI will have to issue a total of 44.7 million new shares valued at \$3.50 each in exchange for the 14.9 million shares in Kwong Lee.

The company, in a brief statement yesterday, said it had received offers from minority shareholders on the sale of 7,352,160 Kwong Lee shares.

Together with its initial acquisition of 7.55 million shares or 50.32 per cent stake from Kwong Lee's major shareholders — Chintamani Sdn Bhd, Luhur Management Sdn Bhd and Muar Management — MUI has increased its stake in the bank to 99.3 per cent.

A company official said the bulk of the shares acquired from minority shareholders came from the Oversea-Chinese Banking Corporation group, which held 3.26 million Kwong Lee shares.

## Identity

The acquisition of the 7.35 million shares from minority shareholders is to be satisfied by a share swap of three MUI shares for every Kwong Lee share, similar as in the deal with the major shareholders.

This means MUI will have to issue 22.05 million new shares valued at \$77.175 million in exchange for the 7.35 million shares in addition to the 22.65 million new shares (valued at \$79.275) issued for the acquisition of 7.55 million shares from the major shareholders.

The official said that in line with the bank's new corporate identity, its name will be changed to Malayan United Bank as in the case of Tong Bee Finance, in which the name was changed to Malayan United Finance following its acquisition by MUI.

A resolution to change the name will be proposed at an extraordinary general meeting on Jan 20 at Kuching, where the bank was incorporated.

Kwong Lee has a network of 12 branches in Malaysia and one in Singapore. It has received permission and is now in the process of setting up five more branches in the country.

Lepas anda baca cerita *business connection* Tengku Razaleigh, cuba anda bandingkan dengan cerita Chandra Swami yang dikatakan oleh majalah India tadi sebagai "*Spiritual Conmen*". Apa pula anda nak kata kepada orang jenis Ku Li ini? *Conman jenis apa pula dia?*

# 20

## DAIM JADI SASARAN

Kemasukan Daim Zainuddin ke dalam kabinet Perdana Menteri Dr. Mahathir Muhamad pada mulanya dirasakan tidak begitu penting. Ada ahli-ahli perniagaan yang merasakan Daim Zainuddin tidak mempunyai kebolehan untuk menandingi imej dan kebolehan Tengku Razaleigh Hamzah dan Tun Tan Siew Sin dalam meneruskan kewangan negara.

Bagi mereka hanya Tun Tan Siew Sin dan Tengku Razaleigh saja yang pandai uruskan ekonomi negara.

Begitu punya terok *inferiority complex* yang ada dalam diri orang Melayu selepas berpuluh tahun mencapai kemerdekaan. Orang Malaysia mesti ingat sewaktu Tun Tan Siew Sin mengundurkan diri dulu pun, ramai orang berfikir tidak ada orang Melayu yang boleh memegang jawatan penting itu. Hanya selepas Tengku Razaleigh Hamzah memegang jawatan itu baru masing-masing buka mata.

Jadi bukanlah satu perkara yang aneh dan pelek apabila Daim diberi kepercayaan untuk menjaga kewangan negara, ada orang yang merasakan demikian. Tambahan pula Daim sebelum itu tidak terkenal. Tidak popular.

Lebih-lebih lagi apabila Daim memegang jawatan itu publisitinya tidak seperti orang lain. Daim ini jenis manusia yang tidak pedulikan sangat tentang publisiti. Yang lebih penting kepadanya ialah kerja. Lagi pun sewaktu dia memegang jawatan tersebut keadaan ekonomi dunia teruk. Dan kerana Malaysia juga sebuah negara di dunia, dia ikut sama teruk. Jadi Daim tidak ada masa untuk melayan orang supaya memberi publisiti kepadanya. Dia asyik dengan membaiki ekonomi negara. Ingat baiki dan jaga kewangan negara ini senangkan?



Nasib Daim agak malang sedikit kalau dibandingkan dengan Tengku Razaleigh Hamzah dan Tun Tan Siew Sin. Pada masa Tun Tan Siew Sin dan Tengku Razaleigh Hamzah menjadi Menteri Kewangan, pada masa itu ekonomi dunia tengah naik. Pada masa itu harga barangan utama kita, getah, bijih timah, kelapa sawit, minyak mencapai harga pasaran yang tinggi. Dalam keadaan yang begitu siapa pun nampak hebat kalau jadi Menteri Kewangan. Kalau Jamali Sadat menjadi Menteri Kewangan pun, keadaan ekonomi negara tidak teruk.

Masa penting. Tidak ada satu bangsa pun dalam dunia ini yang menolak hakikat itu. Dan inilah faktor menjadi latar belakang Daim masuk dan memegang jawatan yang cukup penting itu. Dia menjadi Menteri Kewangan sewaktu ekonomi dunia tengah teruk. Ini faktor yang sebenarnya, bukan cerita siapa yang lebih pintar dan bijak mentadbirkan wang negara.

Kalau nak kira latar belakang kewangan, latar belakang pengalaman mentadbirkan kewangan apa lebihnya Tengku Razaleigh, Tun Tan Siew Sin dan apa kurangnya Daim Zainuddin?

Apabila ekonomi kita teruk maka ahli-ahli perniagaan terutamanya, mulalah mencari-cari salahnya di mana. Maka berbagai-bagailah analisa dibuat, dan keputusan dari analisa itu adalah disebabkan oleh ekonomi dunia yang semua orang tahu sedang teruk. Tapi sifat manusia ini memang suka menyalahkan orang lain. Sebab kalau dia tidak dapat menyalahkan orang lain, dia tidak seronok. Dia tidak boleh berada dalam "*comfortable zone*." Jadi dia tengok-tengok inilah masanya kita salahkan Menteri Kewangan. Nasib tak baik. Daim! Jadi Daimlah yang kena caci dan maki. Cuba masa ini Tengku Razaleigh, maka Tengku Razaleigh pun akan kena.

Inilah perangainya manusia. Selepas dia menghentam, memaki hamun orang lain, dia pun seronok duduk dalam "*comfortable zone*" sambil gelak. Dia sendiri tidak pernah bersalah.

Pada masa begini maka masuklah orang-orang Tengku Razaleigh. Mereka pada masa itu melihat bahawa bossnya sudah tidak ada kuasa, sudah tidak ada power. Apabila boss tidak ada power, maka apatah lagi anak buahnya. Dalam masa yang sama mereka berfikir kita mesti kasi semangat kepada boss kita. Jadi untuk memberi semangat ini bagaimana? Mereka pun duduk berfikir dan bermenung, sambil



Daim Zainuddin yang sentiasa dijadikan sasaran oleh golongan koperados. Lain orang yang samun duit, Daim yang mereka nak jadikan kambing korban.

menelan whisky atau brandy maka merekapun lalu mendapat kesimpulan. Ya! Kata mereka. Inilah salahnya, Mahathir. Ha dah mula dah.

Mereka telah mendapat puncanya. **MAHATHIR!** Mahathirlah yang memilih Daim. Mereka mendapat punca dan mereka bertambah bimbang — mereka makin bimbang kerana kalau Daim dapat mentadbirkan kewangan dengan baik, maka imej Ku Li akan jatuh.

Dan bila imej Ku Li jatuh seperti sekarang ini maka harapan mereka untuk Ku Li jadi pemimpin negara seperti ramalan Time (15 Julai 1974) akan meleset. (Ingat: Time itu diterbitkan di USA!)

Maka sejak menjadi Menteri Kewangan, ramai yang tidak senang dengan Daim. Surat-surat layang pun bertaburanlah disana-sini mencaci cerca Daim. Daim digambarkan sebagai seorang yang tamak, semua projek yang menelan belanja berjuta-juta ringgit diberikan kepada keluarganya. Tetapi bila kita tanyakan buktinya mereka gagal berikan. Mereka hanya pandai menabur fitnah bagi mencapai niat buruk, dan mereka ini bimbang tembelang mereka akan terbongkar jua akhirnya.

Sedangkan Daim pernah memberi arahan kepada pegawai-pegawainya supaya jangan melayan, baik dalam keadaan apa sekalipun, ahli-ahli keluarganya ataupun syarikatnya.

Begitulah orang-orang yang dengki, yang khianat. Yang rendah moralnya bekerja dan kemudian menyebarkan segala dakyah fitnah dan umpatan yang tidak ada etika sedangkan mereka semuanya Islam. Mereka namanya sahaja yang Islam tetapi perbuatannya tidak seperti Islam.

Surah Al'Ashr:

*Demi masa, sesungguhnya manusia itu benar-benar berada dalam kerugian, kecuali orang-orang yang beriman dan mengerjakan amal saleh dan nasihat-menasihati supaya mentaati kebenaran dan nasihat-menasihati supaya menetap kesabaran.*

Jadi Tuhan suruh ummahnya ingat mengingati, bukan suruh

umpat mengumpati. Janganlah bercakap sahaja nak menerapkan nilai-nilai Islam tapi perbuatan dan kelakuan bukan sahaja tidak mengikut Islam tetapi bertentangan pula dengan Islam.

Bercakap tentang mentadbirkan seperti ini terutama mentadbirkan kewangan orang lupa kepada banyak faktor. Jangan ingat menjaga kewangan ini bermakna mencetak wang. Zaman dulu-dulu bolehlah. Datuk saya dulu pun cetak wang sendiri sebab Sultan membenarkan.

Jadi disebabkan tugas Menteri Kewangan bukannya mencetak wang tetapi merancang kewangan negara maka setiap orang yang boleh berfikir jangan lupa apabila Daim mengambil alih jawatan itu dari Tengku Razaleigh. Dia sebenarnya menyambung kerja yang dahulunya orang lain buat. Jadi Daim bukan sahaja membuat dasar baru tetapi dalam waktu yang sama menerima bala daripada dasar kewangan yang telah dibuat oleh orang yang terdahulu daripadanya — iaitu Tengku Razaleigh.

Kita bertanya kalau Tengku Razaleigh bijak kenapa dia tidak merancang kewangan dengan begitu baik supaya apabila ekonomi dunia teruk, ekonomi kita tidak teruk. Supaya apabila kewangan dunia teruk, kewangan kita tidak teruk. Takkan Tengku Razaleigh tak boleh nampak trend ekonomi dunia. Jelas Tengku Razaleigh tidak merancang ekonomi Malaysia dengan betul.

Oleh sebab itu apabila ekonomi dunia jatuh maka ekonomi Malaysia juga jatuh. Dan waktu itulah bertukarnya jawatan Menteri Kewangan. Jadi Tengku Razaleigh tak pasal-pasal menerima pujian dan Daim tak pasal-pasal menjadi bahan kritikan. Inilah yang dikatakan oleh orang tua-tua kita, *lain yang makan nangka, lain yang kena getah*.

Itulah nasib Daim. Orang menuduhnya menggunakan kedudukannya untuk kepentingan keluarganya. Orang tidak berfikir makna keluarga. Memang Daim nak kena jaga keluarganya sebab dia ada anak isteri, ada rumah tangganya, bukan seperti orang lain, menggunakan kemudahan untuk dirinya sahaja sebab isteripun tak ada, apatah anak! Kalau isteripun tak ada mana ada anak? Tak tahulah saya kalau-kalau zaman moden ini boleh ada anak dengan tidak ada isteri.

# UMBC MESTI BAWAH PERNAS



• Datuk Haji Suhaimi

RT. 22 MAR 1981  
KUALA LUMPUR, 21  
Mac. — Pergerakan Pe-  
muda UMNO Malaysia meng-  
gesa kerajaan mempasti-  
kan baliawa penguasaan  
United Malayan Banking  
Corporation (UMBC) dike-  
kalkan kepada PERNAS de-  
ngan menentukan majoriti  
saham-saham dalam bank  
tersebut dimiliki oleh per-  
badanan itu.

Pergerakan Pemuda menentang  
langkah mengahiliah sebanyak  
51 peratus daripada saham-saham  
dalam bank tersebut yang  
ketiga besarnya di negara ini  
oleh sebuah badan yang dil-  
hamkan oleh sebuah parti po-  
litik.

Ketua Pemuda UMNO, Datuk  
Haji Suhaimi Datuk Haji Kama-

## *Ambil alih saham: Pemuda tidak akan bertolak ansur*

ruddin, memberitahu satu sidang  
akhbar di sini hari ini Exco  
Pergerakan Pemuda UMNO da-  
lam mesyuarat khasnya sema-  
lam dengan sebulat suara mem-  
buat keputusan menganggap ini  
sebagai satu cabang strategi parti  
tersebut untuk mengagihkan  
Dasar Ekonomi Baru.

Pergerakan Pemuda memand-  
ang sangat berat tindakan ini  
kerana ia akan menjajikan bu-  
kan hanya kedudukan ekonomi  
orang-Melayu dan bumiputera  
lain-bahkan juga mengancam  
perpaduan dan keselamatan ne-  
gara, tegas beliau.

Pengurusan bank tersebut se-

lamo ini dikuasai oleh PERNAS  
melalui penyertaan sahamnya  
sebanyak 30 peratus.

Pergerakan Pemuda telah me-  
nyatakan pendiriannya yang te-  
gas dan tidak akan bertolak  
ansur supaya kerajaan melalui  
Bank Negara, memastikan pe-  
nguasaan PERNAS dalam bank  
tersebut.

Datuk Haji Suhaimi berkata  
kerajaan hendaklah menegah dan  
menahan tindakan membeli sa-  
ham-saham tersebut kerana jika  
tidak dikek, penguasaan oleh  
badan tersebut akan melebihi  
51 peratus dan penguasaan oleh  
PERNAS akan haps.

# Getting back into 'fighting shape' again

AVOS (Switzerland): Malaysia's new economic strategies have the purpose of cutting out the fat and so that the country will be back in fighting shape" again, said Trade and Industry Minister Tengku Razaleigh Hamzah here.

He assured foreign investors that, under the new policy guidelines, they would not only be welcomed but would also be tampered.

"As a developing nation we need the support and co-operation of foreign investors," he told top business leaders at the annual meeting of the World Economic Symposium on Saturday.

He said, the new Malaysian strategy, which includes the restructuring of the Malaysian economy, society and psychology, was to enable the country to punch its way out of the current slowdown and emerge stronger.

"Adversity is a great teacher, except to the stubborn, the ignorant and the arrogant. The lessons we have learnt in the last two years have

been enormous.

"Malaysians are now very much in keeping with present and future realities, present and future challenges and present and future opportunities."

Tengku Razaleigh said, Malaysia too, was now suffering from AIDS that is "acute income deficiency syndrome". For the first time in a generation Malaysians were going through something that was almost "alien" to them — economic stagnation — because they have been so used to dramatic growth.

## Protectionism

The reasons, he said, were well known. The crash of '86 was preceded by the collapse of '85 when for the first time in Malaysia's history the prices of just about every commodity, including oil, crashed at the same time.

Secondly, because as luck, or the lack of it or would have it, even the prices of its main manufactured goods (electronic chips), also plummeted.

metted.

These were worsened by the dramatic turn of its terms of trade. The ringgit depreciated, especially against the yen, and through the "magic" of currency realignments the little that Malaysia borrowed had suddenly become a lot.

To make matters worse, protectionism grew in intensity and direct foreign investment which was needed so badly went to the United States and Europe as investing corporations and countries turned and weaved through the back doors and side entrances to make sure they would have access to the world's two biggest markets, said Tengku Razaleigh.

"I do not wish to put the blame on external factors alone. We have made mistakes at home too. To a large extent, nations like men, make their own good luck and create their own devilish misfortune," he said.

"He added that the new strategies, therefore, were the curtailment of direct participation and

intervention by the State. It is all systems go with privatisation in which foreign participation was not only allowed but also welcomed.

The entire public sector including State bureaucracy was being trimmed, the economy being deregulated and the subsidy mentality being countered.

## Deregulated

"But the shakeout of the fat and the inefficient will be painful but will result in the survival of the slim and the strong," he said.

The Minister said, now foreign investors could look at evidence that Malaysia was still a country which can provide them with great opportunities...

He added that in 1985, 78 out of 204 projects with more than 51 per cent foreign ownership were approved. Last year 96 out of 271 were approved. And 69 of these 29 projects, were for expansion of existing capacities or for introduction of new products.

Amat. Jan. 31, 1982

Lagipun Mahathir itu kawannya Daim, kalau dia tahu Daim tidak jujur, tidak amanah, tidak cekap, ingat dia nak biarkan begitu-sajakah? Mahathir bukan manusia jenis itu. Imannya kuat. Kenapa tidak ada menteri yang bawa bukti dan tunjukkan kepada rakyat bahawa Daim Zainuddin adalah seorang menteri yang rasuah.

Ahli-ahli UMNO yang tidak ada *politiking* mengatakan pengambilan Daim adalah satu pilihan yang tepat dan bijak kerana sekurang-sekurangnya dia telah mengurangkan rasa kurang senang orang-orang Musa yang mahu Ku Li disingkirkan dengan segera, kerana Ku Li pernah berkata jika dia kalah di dalam pertandingan Timbalan Presiden UMNO, dia akan keluar dari kabinet. Begitu sombong dan bongkaknya kenyataan seorang Melayu. Itu baru hendak bertanding memegang jawatan Timbalan belum lagi Presiden. Kalau presiden tentulah lebih bongkak lagi. Bagaimana orang yang bongkak sombong ini hendak dipilih memegang jawatan yang akan memimpin negara?

Tetapi bagi Dr. Mahathir yang lebih penting ialah kepercayaannya bahawa Daim mampu mentadbirkan kewangan negara secara yang lebih cemerlang daripada Menteri Kewangan yang sebelumnya adalah faktor dia memilih Daim. Latar belakang dan pengalaman Daim yang cemerlang dalam bidang korporat adalah faktor yang tidak dapat ditolak.

Salah satu cabang perniagaan yang Daim paling berjaya ialah pembinaan hartanah. Kerana kejayaannya itulah dia telah diminta oleh kerajaan untuk menubuhkan Paremba yang mengambil alih daripada UDA dalam aktiviti pembinaan rumah. Sebagai Pengerusi Paremba, Daim telah berjaya menjalankan kegiatan-kegiatan perumahan yang menguntungkan UDA dan Paremba.

Mereka yang tidak dapat projek UDA jadi iri hati dan menabur fitnah terhadap Daim sehingga menyatakan Paremba itu syarikat Daim. Betapa bodoh. Kerana Paremba itu 100% milik UDA dan UDA itu hak kerajaan di bawah Kementerian Perusahaan Awam. Orang Ku Li seperti Datuk Manan tentu tahu. Paremba ditubuhkan waktu dia jadi Menteri.

Kalau selama ini orang bukan Melayu seperti Y.K. Phang (waktu Datuk Yaakub Hitam, abang Datuk Musa jadi Pengerusi UDA) buat

duit berjuta-juta waktu mereka berkuasa di UDA tiada siapa yang peduli tetapi bila Daim jadi Pengerusi Paremba, maka keburukan saja yang dicari. Apakah kita mahu orang bukan Melayu jadi Pengerusi Paremba? Kebaikan yang Daim buat untuk UDA dan Paremba seolah-olah diketepikan begitu saja.

Pernahkah kita soal mengapa Datuk Yaakub Hitam, (abang Datuk Musa Hitam) sebagai Pengerusi Uda guna UDA untuk tolong taukeh-taukeh Cina saha? Kalau UDA tak tolong selamatkan Ampang Complex, Tan Sri Low Keng Huat sudah lama bungkus. Begitu juga UDA tolong selamatkan Chong Swee Kwan dengan membeli Pertama Complex, tolong Chong Kok Lim dengan Sg. Wang Plaza, Wong Kee Tat dan Chong Swee Kwan (Pudu Complex), Chong Kok Lim (Regent Hotel), dan Lee Yan Lian (UDA — SEA park).

Bolehkah UDA (waktu Yaakub Hitam) beritahu berapa orang usahawan Melayu yang diselamatkan oleh UDA seperti yang dibuat kepada jutawan Cina?

Sampai sekarang Yaakub Hitam masih bekerjasama dengan Phang untuk tipu orang Melayu. Kali ini Ajib tolong pula di Johor — melalui Syarikat YPD Development Sdn. Bhd.

Ku Li tak boleh menafikan bahawa semasa beliau jadi Menteri Kewanganlah banyak bangunan-bangunan pencakar langit dibina di Kuala Lumpur. Bank Negara waktu itu menasihati Ku Li supaya kurangkan pembinaan ruang-ruang tinggi. Tapi Ku Li mana nak dengar nasihat. Sekarang ada kira-kira \$8 billion ruang pejabat di Kuala Lumpur yang tak laku. Ramailah usahawan dan jutawan yang melabur dalam bangunan-bangunan ini yang susah. Adakah inipun salah Daim? Bila Daim jadi Menteri Kewangan?

Baru-baru inipun Ku Li waktu pergi rasmi batu asas projek Marinara (Marina Yusuf) suruh bank beri pinjaman kepada projek-projek seperti itu. Dia tahu projek itu tak boleh jual, tapi dia suruh buat juga. Apa sebab? Supaya Marina sokong dia. Biar Marina bankerap tak apa, asal Ku Li jadi Perdana Menteri! Sebab itulah Ku Li waktu jadi Menteri Kewangan, hampir-hampir bankerapkan negara!



Timbullah tuduhan bahawa sebagai peguam, Daim pintar menyembunyikan benda-benda salah yang dia buat. Jadi dia tidak mudah ditangkap. Betulkah cerita dongeng begini. Kita semua tahu ramai juga peguam yang jadi ahli perniagaan ditangkap. Tengoklah Lorrain Osman, seorang peguam, kawan baik dan orang suruhan Ku Li. Macam mana pandaipun akhirnya ditangkap juga.

Pokoknya, kalau seseorang itu tidak amanah dan berniat serong, maka Tuhan akan laknatnya dan lambat laun perbuatan jahat itu akan dibalasNya. Begitu juga akan terjadi pada Daim sekiranya Daim mengkhiananti bangsanya. Dia tidak akan selamat di dunia dan akhirat. Tidak ada manusia yang boleh terlepas dari dosanya di akhirat nanti, biarpun mereka tidak percaya pada Tuhan dan hari kiamat.

Tentu ada orang kata mengapa Dr. Mahathir tak lantik orang lain jadi Menteri Kewangan. Dr. Mahathir boleh pilih salah seorang Majlis Tertinggi untuk jadi Menteri Kewangan. Mengapa Daim? Lalu mereka kata kerana Daim kawan baik Dr. Mahathir. Benar, mana Perdana Menteri yang tak ambil kawan baik untuk bantu dia dalam kabinet. Tunku Abdul Rahman pun ambil semua kawan-kawan baik dia jadi Menteri. Khir Johari, Senu, Ghafar, Sardon Zubir dan ramai lagi. Tun Ian Siew Sin pun kawan baik Tunku. Ku Li dan Musa kalau jadi Perdana Menteri akan ambil kawan-kawan baik mereka untuk jadi Menteri Kewangan atau menteri-menteri lain. Belum jadi Perdana Menteri pun sudah fikir nak ambil Abdullah Badawi atau Shahrir jadi Menteri Kewangan. Apa Dollah tahu soal kewangan? Mungkin Kee Yong Wee akan tolong dia kalau dia jadi Menteri Kewangan. Tengoklah apa jadi pada Kee Yong Wee sekarang?

Kita mesti terima bahawa orang yang hendak jadi Menteri Kewangan mestilah tahu selok belok perniagaan dan kewangan. Dan bukan yang tahu kira duit hendak beri kepada penyokong dan pengundinya saja. Dia mesti sudah berjaya dalam bidang perniagaan. Ku Li sendiri pernah jadi Ketua Eksekutif Bank Bumiputra.

Dan jelas sekarang, setelah menjalankan dasar-dasar dan polisi kewangan yang dibuatnya setelah akibat dari perancangan orang sebelumnya dapat diatasi maka ekonomi kita telah semakin pulih. Siapakah dapat menafikan yang ekonomi kita sekarang sedang pulih. Ini adalah satu fakta. Siapakah yang bertanggung jawab terhadap strategi ini semua kalau bukan Daim, Menteri Kewangan kita.

Tetapi orang cepat lupa. Bukan sahaja cepat lupa tetapi juga suka mencari kesalahan orang. Maka berbagai-bagailah fitnah disebarkan. Orang yang tidak tahu pasal ekonomi pun bercakaplah macam dia tahu sangat ekonomi. Orang yang tidak tahu tentang perniagaan bank pun bercakaplah seolah-olah dia tahu.

Saya ingin bertanya yang orang-orang UMNO sibuk sangat pasal bank ini kenapa? Tahukah dia UMBC itu apa? Apa pula Daim buat dengan UMBC? Apakah Daim merampas UMBC dari UMNO atau dari orang Melayu? Kalau dia tidak rampas apa salah dia? Apakah dia bersalah kerana dia berjaya menguasai ekuiti dalam bank itu, sebuah syarikat perniagaan yang sebesar itu?

Daim beli saham. Salahkah dia membeli saham? Dulu Pemuda UMNO dibawah Haji Suhaimi sibuk kerana UMBC dikuasai oleh MCA. Ini cerita jual beli syarikat perniagaan atau jual beli sebuah bank bukan boleh pakai bising-bising, marah-marah sahaja. Takkan fasal jual beli pun orang UMNO tak tahu. Nak beli mesti ada duit. Haji Suhaimi tak boleh kuasai UMBC kerana tidak ada duit. Dan tak tahu pula nak berniaga. Apa fasal kita nak marah apabila ada satu orang Melayu yang pandai berniaga macam Daim?

Daim bukan mula berniaga dengan beli UMBC. Dia ada banyak syarikat lain lagi sebelum itu. Daim sudah jadi orang Melayu yang kaya sebelum nama Daim Zainuddin itu dikenali oleh ahli-ahli UMNO. Memang cara Daim bekerja, dia tak bising, berniaga cari duit bukan pakai lesen bising.

Pernahkah kita dengar Robbert Kuok bising?  
Pernahkah kita dengar Koo Kay Peng bising?  
Pernahkah kita dengar Khoo Teck Phuat bising?  
Pernahkah kita dengar Lee Loey Sing bising?  
Pernahkah kita dengar Lim Goh Tong bising?  
Pernah kita dengar?

Kenapa kita tak marah dengan Robert Kuok, Khoo Teck Phuat, Lee Loey Sing, Lim Goh Tong dan ramai lagi jutawan Cina yang menjadi lebih kaya raya daripada Daim Zainuddin?

Sepatutnya kita berbangga ada orang Melayu boleh kuasai syarikat kewangan di negara kita. Ini kerja menguasai bank bukan boleh dibuat

oleh sebarang orang. Negara Brunei yang kaya raya itu pun, Bank of Brunei dikuasai oleh keluarga Khoo Teck Phuat. Jadi kerja ini bukan kerja senang. Kalau kita tak tahu usahlah bercakap nak tunjuk kita tahu. Kalau kita betul-betul tahu buat syarikat sendiri, kumpul duit sendiri banyak-banyak. Nanti baru kita tahu. Kerja menguasai syarikat besar ini bukannya mudah. Bukan kerja bising-bising.

Selain UMBC, Daim jual semua saham-sahamnya di pasaran saham atau syarikat-syarikat swasta. Kalau dia untung orang kata dia itu pandai dan terus sakit hati. Kalau dia rugi siapa peduli?

Walau apapun yang dibuat oleh Daim Zainuddin, dia akan mendapat perhatian. Orang-orang yang tidak senang dengan Daim akan segera memberi reaksi, dan aspek yang selalu diambil adalah aspek negatif.

Sebanyak manapun aspek positif, orang tidak dapat melihatnya. Orang hanya melihat aspek negatif. Kalau ada orang yang menganalisa secara positif maka dikatakan penyokong Daim. Apabila label itu digunakan maka segala hujah, alasan dan argumen sudah tidak dipakai lagi.

Lantas apabila Daim mengumumkan dia tidak akan bertanding sebarang jawatan di dalam Perhimpunan Agong April ini, para pengkritik berpendapat Daim berbuat demikian kerana menyedari peluang dia untuk menang adalah tipis. Jika dia bertanding dan tewas, sudah tentu ini akan menjejaskan nama baiknya serta nama baik Dr. Mahathir. Sebabnya selama ini orang menganggap Daim anak emas Dr. Mahathir, kekalahan Daim bererti satu tamparan kepada Dr. Mahathir.

Buat apa Cik Marina, janda yang sudah 3 kali bercerai hendak mencabar Daim bertanding. Bertanding hendak lawan apa? Lawan siapa naik? Bolehkah janda kita naik macam Daim? Daim bukan orang yang suka bertanding macam Marina. Daim cuma suka buat kerja. Lebih baik Marina belajar bekerja kuat dan cabar Daim tentang soal buat bisnes.

Orang tidak mahu melihat secara rasional bahawa penarikan diri Daim memperkukuhkan dakwaan Daim selama ini bahawa dia tidak bercita-cita untuk menjadi Perdana Menteri ataupun kekal lama di

dalam politik. Dengan penarikan diri ini membayangkan Daim mungkin akan bersara dari politik sebelum atau semasa Dr. Mahathir bersara dari kancah politik. Tidak seperti setengah orang. Buat kenyataan nak keluar kabinet tapi sibuk nak bertanding pula sekarang. Dan bukan itu sahaja, nak lawan Presiden pula!

Untuk meramalkan Daim mempunyai peluang tipis untuk menang di dalam pertandingan ini suatu hal yang tidak munasabah. Sebabnya kedudukannya sebagai Menteri Kewangan membolehkan dia menggunakan kementerian itu untuk menarik sokongan dan simpati. Dia boleh menyediakan pelbagai projek dan pelbagai kemudahan untuk ahli-ahli UMNO yang terlibat di dalam bidang perniagaan. Saya percaya perwakilan UMNO tidak teragak-agak untuk berkempen dan menjamin kemenangan Daim.

Tetapi oleh kerana Daim tidak "bercita-cita tinggi" serta tidak menggunakan kesempatan semasa menjadi Menteri Kewangan, maka dia membataskan dirinya di dalam pertandingan ini. Kekal sebagai Bendahari UMNO yang dilantik oleh Presiden UMNO sudah memadai bagi dirinya. Biarlah para pemimpin lain yang ghairah kepada kedudukan tinggi, menggunakan kedudukan mereka untuk menarik sokongan untuk bertanding.

Saya tidak berniat untuk menuduh tetapi bukti-bukti yang dapat dilihat dan dibaca melalui akhbar sudah cukup untuk membuktikan hal-hal yang saya timbulkan ini. Kata peguam kepada Datuk Hashim Shamsuddin, kedudukan Datuk Hashim di Bank Bumiputra ada kaitan dengan persahabatannya dengan Tengku Razaleigh.

Datuk Musa yang menyedari perkara ini lalu dengan segera memanggil Datuk Hashim meminta beliau jangan bertanya tentang pinjaman yang dibuat oleh Dr. Rais Saniman. Dr. Rais Saniman adalah sahabat baik Datuk Musa. Sebagai ganjaran, Datuk Musa berjanji tidak akan menyingkirkan Datuk Hashim dari jawatan yang dipegangnya itu. Tidakkah ini menggunakan kedudukan untuk mengarah atau mengembangkan pengaruh?

Tetapi sekarang Datuk Hashim seorang saja yang terpaksa '*face the music*'. Datuk Musa dan Ku Li terselamat bahkan mungkin akan bertanding di dalam UMNO sebagai Presiden atau Timbalan Presiden. Bolehkah kita maafkan orang-orang begini yang menggunakan

# MERBAHAYA JIKA ORANG SEPERTI SAYA MEMPUNYAI CITA2 POLITIK — DAIM

*26 OCT 1984  
UM*

**S** IAPA Daim?" Inilah soalan yang keluar dari mulut kebanyakan orang apabila mendengar pengumuman rombakan kabinet oleh Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir pada 14 Julai lalu yang melantik Encik Daim Zainuddin sebagai Menteri Kewangan baru menggantikan Tengku Razaleigh Hamzah.

Kini telah tiga bulan beliau menjadi 'public figure', namun belum ramai yang benar-benar mengenali beliau - apakah pendiriannya terhadap sesuatu isu, bagaimana corak pemikirannya serta apakah kecenderungannya dalam hal-hal tertentu.

Ini ialah kerana Encik Daim jarang bercakap kepada wartawan. Beliau tidak pernah berucap sepekat pun di Dewan Negara 1980 dan juga semasa menjadi ahli

Tahun depan kita anggarakan lebih perlahan lagi iaitu 6.7 peratus. Jadi kita mesti berbuat sesuatu untuk menggerakkan pertumbuhan. Intisari kepada belanjawan 1985 ialah kerajaan mahu semua orang bekerja kuat, bekerja keras. Kerajaan menghargai sesiapa juga yang bekerja kuat. Sebab itulah kerajaan...

kedudukannya untuk kepentingan diri mereka sendiri? Jika Datuk Musa dan Ku Li orang bertanggungjawab mereka tentu sanggup menceritakan keadaan sebenar dan memohon maaf dari rakyat Malaysia yang menjadi mangsa akibat skandal BMF.

Bagi Daim, dia lebih tertarik berkhidmat untuk bangsa dan negara dari berkhidmat untuk diri sendiri.

Kumpulan yang sama tidak senang dengan Daim membangkitkan beberapa cerita lucu mengenai Daim.

Mereka menimbulkan tentang satu jenaka yang dibuat oleh Daim sempena Perhimpunan Agong 1985/86. Kata mereka Daim yang sudah menyedari dirinya tidak popular cuba membuka cerita beliau mulai diserang sakit pinggang dan membuat perbandingan dengan Kadir Sheik Fadzil dengan orang Bangladesh. Cerita ini dikembangkan lagi seolah-olah Daim cuba melarikan diri dari masalah sebenar. Daim tidak mahu orang ramai tahu keadaan ekonomi negara dan tidak mahu menjawabnya. Daim tidak menjawab perkara-perkara sensitif yang dibangkitkan sepanjang hari persidangan. Cerita yang mereka bawa inipun tak betul. Daim dalam perhimpunan itu berkata, waktu Menteri Kewangan Bangladesh jumpa dia, menteri itu tanya Daim, apakah dia ada darah India. Jawab Daim tidak ada. Waktu itulah Daim terfikir, barangkali menteri Bangladesh ini belum jumpa Kadir Sheikh Fadzil.

Bagi menguatkan hujah mereka kumpulan ini menggunakan laporan Raphael Pura yang tersiar dalam *The Asian Wall Street Journal*, bertarikh 30 April 1986 mengenai pembelian Bank UMBC.

Hal ini telah saya bantahkan pada awal bab ini tetapi kerana orang menimbulkan laporan Raphael Pura dalam *The Asian Wall Street Journal* dalam kontek untuk memperkuatkan hujah mereka maka saya harus menyebutkan di sini bagaimana permainan politik dalam media massa asing untuk menumbangkan kerajaan kita yang tegoh ini.

Saya ingin bertanya kenapa kita lebih percaya kepada laporan dalam *The Asian Wall Journal* daripada laporan di dalam akhbar-akhbar kita sendiri. Apakah kita percaya orang lain lebih tahu tentang negara kita daripada kita sendiri? Sampai bila kita tidak mahu percaya kepada diri kita sendiri? Apakah kita tidak sedar yang negara kita telah

lama merdeka? Inikah apa yang dikatakan "jiwa hamba" atau jiwa manusia terjajah? Kalau macam ini caranya nyalah segala perjuangan pahlawan-pahlawan tanah air kita yang berjuang menghalau penjajah dari bumi ini. Kita yang menerima nikmatnya masih lagi mengamalkan sikap seperti orang tak merdeka.

Inilah sebabnya saya mengistiharkan perang. Manusia yang berjiwa hamba, yang tidak merdeka ini mesti diperangi.

Mereka ini sebenarnya bukanlah orang yang sebarang-sebarang. Bukan jenis manusia kedai kopi. Semuanya berkelulusan universiti. Apa yang kerajaan buat semuanya tak betul. Bila kerajaan buat Proton Saga semua pakar-pakar ekonomi di universiti mengkritik dengan bermacam-macam hujah. Nak berhujah bukannya susah. Belajar tinggi-tinggi kalau setakat nak berhujah sahaja duduk dekat kaki lima jadi orang jual ubat lagi hebat. Baiklah lagi orang jual ubat itu sebab hujahnya tidak pakai logik barat. Mereka lebih berpijak ke bumi. Kalau nak ikut logik barat bila kita nak boleh berjaya. Apakah orang-orang intelektual itu percaya yang orang-orang barat hendak menolong kita. Hendak memajukan ekonomi negara kita?

Tak hairanlah ramai orang yang terpengaruh dengan pendapat Chandra Muzafar, Jomo KS, Gurmit Singh, yang menjadi agen pemikiran imperialis barat, kerana di kalangan kita masih ramai lagi orang yang jiwanya tidak merdeka. Saya tahu Anwar Ibrahim telah sedar mengenai perkara ini. Beberapa tindakan sedang diambilnya untuk menghapuskan pemikiran intelektual semu, agen pemikiran imperialis barat ini. Golongan-golongan inilah yang tidak senang dengan Anwar Ibrahim. Merekalah yang berada di belakang segolongan ahli-ahli UMNO yang cuba menghalang Anwar Ibrahim daripada memenangi kerusi Naib Presiden.

Golongan-golongan ini kalau kita kritik dia, dia mengatakan kita bodoh. Dia ingat orang yang percaya kepada pemikiran imperialis barat sahaja yang pandai. Orang yang percayakan ajaran Islam yang merdeka seperti kita ini, pada mereka adalah orang-orang yang bodoh belaka. Mereka ingat ilmu ini mereka sahaja yang punya.

Daim tidak pernah menjawab hujah-hujah itu. Tanggungjawabnya memperbaiki ekonomi negara yang telah dirosakkan oleh Tengku Razaleigh jauh lebih penting daripada

menjawab hujah-hujah golongan intelektual semu, agen pemikiran imperialis barat itu. Kalau dia asyik dengan melayan puak-puak gila tu, bila dia nak buat kerja. Puak-puak itu bukan ada kerja lain. Memperbaiki ekonomi negara bukan tugas mereka.

Soal pembelian UMBC telah diputuskan oleh Pergerakan Pemuda UMNO sebelum Daim dilantik menjadi Menteri Kewangan lagi. Bank UMBC yang ketiga terbesar di negara ini memang dari mula menjadi impian MCA. Mereka berhajat untuk membelinya tetapi Pergerakan Pemuda UMNO membantah keras. Akibat dari bantahan itu mereka mahukan seorang peniaga bumi yang berjaya memilikinya. Daim dipilih kerana Daim seorang usahawan bumiputra yang berjaya ketika itu.

Kita sepatutnya bergembira dan berhutang budi kerana Daim berjaya membeli Bank UMBC. Bayangkan UMBC terlepas ke tangan orang lain seperti Malaysian French Bank dan lain-lain Bank sepertinya.

Lihat apa sudah jadi dengan Public Bank. Kita tidak pernah nak ambil tahu tentang Public Bank kerana ia bukannya milik Daim, tapi kalau bank ini menjadi milik Daim, sudah tentu ia akan menjadi punca perbualan lagi.

Tahukah kita apa kaitan Public Bank dengan Bank Negara Malaysia? Ada beberapa perkara yang menimbulkan tanda tanya. Selain dari Dato Jaafar Hussein, Dr. Lin See Yan, Timbalan Gabenor Bank Negara ialah orang yang paling berkuasa. Jika kita pandai jaga hatinya, kita boleh mendapat kelulusan untuk menubuhkan cawangan-cawangan bank dengan mudah. Jika kita tidak menjaga hatinya maka amat sukar untuk kita membanyakkan cawangan bank-bank kita. Telah menjadi bualan umum tentang hubungan baik Dr. Lin dengan tuan punya Public Bank, Tan Sri Teh Hong Piow dan juga Tan Sri Khoo Kay Peng. Oleh kerana persahabatan baik antara Tan Sri Thong Yaw Hong dengan Dr. Lin, maka Tan Sri Thong mendapat tawaran menjadi pengarah dan Pengerusi Public Bank. Umum tertanya-tanya mengapa tidak bank lain, mengapa di bank ini.

Tetapi perkara begini tidak menarik orang-orang Melayu untuk berbincang. Mereka lebih suka bercakap tentang Daim. Orang Melayu memang tak kisah kalau bangsa lain yang jadi kaya raya asal jangan



orang Melayu kaya sudahlah. Hasad dengki ini masih ada dalam diri umat Melayu.

Menurut rakan-rakan yang rapat dengan Daim, Daim adalah seorang yang serius. Jika dia tahu sesuatu perbincangan itu tidak berfaedah dia tidak akan bercakap lama-lama. Jika mahu minta tolong, minta saja, jangan cuba mengampu beliau. Beliau tidak suka melayan kaki ampu. Daim jenis manusia yang suka berterus terang dari berpura-pura. Jarang kita hendak jumpa Daim senyum. Daim sentiasa serius macam almarhum Tun Dr. Ismail dulu. Tapi kerana Daim orang Kedah, tidak masuk kem Musa, serius Daim yang macam Dr. Ismail itu mereka tidak nampak.

Dalam soal tender pun Ketua Audit Negara teliti semua perkara dan beri komen. Kalau tak betul dia kira tak betullah!

Tidak dapat dinafikan pengambilan Daim ada kaitan dengan hubungan baiknya dengan Dr. Mahathir. Dr. Mahathir mengambil Daim kerana dia kenal dan percaya Daim boleh buat kerja dan boleh diharapkan. Tun Hussein Onn mengambil Ku Li menjadi Menteri Kewangan tetapi lihatlah apa yang sudah jadi.

Apakah harga barangan utama negara jatuh mendadak kerana kemasukan Daim ataupun kerana rancangan yang kurang bijak dibuat semasa di zaman Ku Li? Tanyalah semua orang bijak pandai, mereka akan berkata kemelesetan itu ada kena mengena dengan rancangan jangka panjang. Ku Li baru-baru ini di Davos mengaku bahawa kemelesetan ekonomi disebabkan kejatuhan barang-barang utama. Janganlah kerana enggang lalu, ranting patah maka enggang pula dipersalahkan. Janganlah kerana kemasukan Daim maka kita menyalahkan beliau akibat kemelesetan ekonomi sekarang. Semasa Ku Li menjadi Menteri Kewangan, lesen untuk koperasi mengambil wang (DTC) diluluskan.

Siapakah yang mendapat lesen ini, tidakkah semuanya orang-orang Cina? Tetapi bila Daim menyedari koperasi ini menipu ahli-ahlinya, maka dia dengan segera bertindak. Dia tidak takut untuk mendedahkan kepada umum siapakah Tan Sri dan Datuk keturunan Cina ini yang menipu ahli-ahlinya. Daim mahu rakyat tahu bukan Dasar Ekonomi Baru (DEB) atau kerajaan UMNO yang menipu orang-orang Cina, tetapi orang-orang Cina sendiri yang menipu Cina.

Mereka tahu Tan Koon Swan terlibat di dalam skandal koperasi ini, begitu juga lain-lain jutawan MCA. Tetapi selama ini, orang-orang seperti Datuk Lee Kim Sai, menyalahkan DEB sebagai kekalahan MCA di dalam pilihanraya. DAP tentulah tahu tembelang MCA tetapi ia tidak mendedahkannya secara terbuka kerana mereka dari satu rumpun yang sama.

Beranikah Ku Li mendedahkan mengapa dia memberikan lesen kepada DTC (koperasi) walhal bank-bank begitu banyak di negara ini. Kita mempunyai Bank Bumiputra, Malayan Banking dan lain-lain lagi. Dengan memberikan lesen kepada berpuluh-puluh koperasi bererti memberi peluang kepada orang-orang Cina untuk memasukkan wang mereka kedalam koperasi-koperasi ini. Jika mereka mahu menyimpan wang, mereka boleh menyimpannya di dalam Bank Bumiputra ataupun Malayan Banking. Dengan tidak menyimpannya di dalam Bank Bumiputra dan Malayan Banking maka bank-bank ini tidak berkembang dengan pesat. Dan apabila ekonomi kita teruk kerana orang-orang Cina menyimpan di dalam koperasinya sendiri, yang lesennya diluluskan oleh orang Melayu, maka kita menyalahkan Daim dan Mahathir.

Apakah Ku Li sedar perkara ini? Mungkin dia sedar tetapi kerana persahabatan baik dengan jutawan Cina seperti Lee San Choon mendorong beliau untuk memberikan juga lesen-lesen itu. Kita ingin tahu apakah Ku Li tidak menyesal meluluskan lesen-lesen ini semata-mata untuk kepentingan beberapa individu saja?

Tetapi jika Daim yang buat begitu sudah tentu semua orang akan bercakap dan menuduh Daim pak turut kepada jutawan Cina. Sebagai jutawan mereka tidak boleh menipu Daim. Mereka tidak boleh menyogok rasuah kepada Daim. Daim tidak boleh dibeli dengan wang ringgit. Semua orang tahu dia mempunyai wang yang cukup banyak sebelum dia menjadi Menteri Kewangan. Menyedari hakikat ini pihak-pihak yang mengamalkan rasuah sebagai cara untuk mendapatkan lesen bank dan juga finance company, menggunakan taktik fitnah untuk memburuk-burukkan Daim. Dengan harapan Daim dibenci dan jatuh, orang kesayangan mereka, akan naik. Apabila orang kesayangan mereka naik maka mereka pun bersukarialah.

Bertambah malang kedudukan Daim, orang-orang Musa yang mahu menjatuhkan Dr. Mahathir, turut mengkritik Daim. Mereka

persalahkan Daim akibat keretakan hubungan Musa dan Dr. Mahathir. Orang-orang Musa cuba mencari alasan yang konkrit untuk memburuk-burukkan Dr. Mahathir dan Daim.

Hakikat ini tidak dapat dinafikan kerana Daim orang Kedah dan Dr. Mahathir orang Kedah. Bagaimana pula kalau Daim orang Johor atau orang Perak, sudah tentu orang-orang Musa memuji-mujanya sambil mensifatkan Daim, seorang Menteri Kewangan yang pintar.

Memang Ku Li juga mengeluarkan lesen syarikat kewangan kepada tiap-tiap negeri hanya kepada kawan-kawannya saja. Semuanya tidak berjalan dengan baik. Semuanya rugi. Bagi Ku Li semua keputusan berdasarkan kira-kira politik dan beberapa banyak undi dia boleh dapat.

Akibat-akibat kewangan dan ekonomi tidak diambil kira. Semua tindakan disebabkan oleh kehendak politik dia sendiri. Kerana itu dia berikan lesen money market satu kepada Dr. Ling Liong Sik dan satu lagi kepada seorang perempuan. Bolehkah Ku Li beri sebab mengapa?

Pada saya bukan satu kesalahan mengambil seorang sahabat menduduki jawatan penting jika sahabat kita itu mempunyai kebolehan. Musa sendiri pernah mengambil para sahabatnya duduk di beberapa tempat penting untuk menjadi *errand boynya*. Contohnya dia mengambil Datuk Ajib Ahmad sebagai Menteri Besar meskipun Ajib sebelum ini tidak pernah mempunyai pengalaman dibidang pentadbiran, kecuali menjadi Setiausaha Politikanya saja. Musa mengambil Marwilis Yusof dan Rahim Thamby Chik (mulanya sebagai Timbalan Menteri Dalam Negeri) sebagai Ketua Menteri Melaka. Apakah ini satu kesalahan? Jika Musa boleh buat, mengapa pula bila Dr. Mahathir selaku Perdana Menteri lakukan demikian, ia dipertikaikan. Inilah kata orang gajah didepan mata tak nampak tapi kuman di seberang laut nampak.

Mencari kesalahan memangnya mudah apatah lagi mencari kesalahan orang yang berkuasa seperti Daim. Begitu jugalah dengan Tun Hussein yang pernah jadi Perdana Menteri. Kesalahan sendiri waktu jadi Perdana menteri tidak nampak. Sekarang bila sudah tidak jadi Perdana Menteri, sibuk kritik Perdana Menteri dan kerajaan.

Populariti Daim selaku Menteri Kewangan mulai merosot kerana

tindakannya memansuhkan skim pencen bagi kakitangan kerajaan dan menaikkan kadar pinjaman perumahan, dari 4 peratus ke 6 peratus apabila beliau umumkan Belanjawan Negara untuk tahun 1987 pada 24 Oktober lalu. Cuepacs yang mewakili kakitangan kerajaan terus melenting dan marah-marahkan Daim kerana tindakan beliau itu.

Mari kita perhatikan perkara ini secara rasional sejenak. Daim membuat pengumuman itu bukanlah atas kehendaknya. Daim sebelum membuat keputusan itu meminta para pegawainya menyiapkan laporan mengenai Belanjawan 1987. Belanjawan itu tentulah dibincangkan di dalam kabinet. Atas sifat kolektif responsibiliti itulah maka Belanjawan itu dipersetujui. Andai kata ada anggota kabinet tidak setuju dengan Belanjawan itu, ia hendaklah menentanginya. Setelah dipersetujui mereka harus memberikan sokongan. Kalau mereka tak setuju juga, dan mereka hendak kritik secara terbuka, mereka mestilah berhenti dari kabinet.

Cuepacs terpaksa berhadapan dengan masalah ini kerana ahli-ahlinya tentulah merasa tergugat dengan Belanjawan baru itu. Daim memahami masalah ini, jika dia hendak mencari populariti, dia tentu tidak akan membuat pengumuman serupa itu. Biar negara papa dan bankrup asalkan kakitangan kerajaan yang berjumlah 870,000 orang itu terselamat. Tapi Daim yang tidak mahukan populariti terpaksa membawa perkara pemansuhan ini ke tengah demi masa depan negara dan generasi akan datang. Yang lebih penting bagi Daim bukan Cuepec tetapi negara.

Saya tidak fikir Ku Li atau Musa berani mengumumkan Belanjawan seumpama ini kerana mereka tahu Belanjawan serupa itu boleh menjejaskan pengaruh mereka. Perlu diingat ramai kakitangan kerajaan terutama para guru memegang jawatan penting di dalam UMNO. Pengaruh ini jika tidak dijaga bersungguh-sungguh boleh menyusahkan pemimpin berkenaan.

Musa dan Ku Li pandai cari yang negatif saja. Segala yang jahat yang orang luar kata mereka pakai. Yang baik dibuang. Cuba lihat apa Straits Times Singapura kata tentang Dasar Belanjawan 1987 kita.

Saya juga percaya tindakan Perdana Menteri membetulkan perkara pemotongan kadar faedah, kekal pada tahap lama (cuma sekarang mengikut kategori), bukannya memperkecilkan kemampuan

# The Straits Times

SATURDAY, OCTOBER 25, 1984

## Austere, but astute

WITH Malaysia's general election out of the way, and its economy faced with an unusually cloudy future, few would have expected the budget for the next financial year to be anything other than austere. When he presented it yesterday, the Malaysian Finance Minister Daim Zainuddin fulfilled such expectations. The proposal for overall expenditure to be cut by a hefty 11 per cent and the call for wages to be frozen, make evident that the budget's major theme is that of belt-tightening.

Mr Daim did not have much room for manoeuvre. Malaysia's revenues from both oil and non-oil commodity exports are expected to continue their decline. Its public sector deficit threatens to exceed significantly last year's level. Its debt service ratio has crossed the 20 per cent mark — the government's self-declared limit of prudence. And foreign investment inflows have slumped dramatically.

However, it is to Mr Daim's credit that he has rejected superficially-attractive temptations that many a finance minister might have fallen for. Among these might have been a heavy increase in personal and corporate taxation to raise revenue, a lax approach to public expenditure

Daim untuk menyediakan Belanjawan yang lebih baik. Ia dibuat kerana Perdana Menteri sedar kakitangan kerajaan sukar untuk membayar kenaikan faedah itu tambahan pula ekonomi negara masih lagi muram. Bagi kakitangan kerajaan, 1 peratus itu melibatkan \$50 ke \$100 sebulan.

Tetapi adakah kakitangan kerajaan memahami sebab-sebab kerajaan mengumumkan kenaikan kadar itu?

Untuk memudahkan mereka memahaminya biar saya berikan satu contoh. Katakan anda bergaji \$400 sebulan dan mempunyai lima orang yang sedang bersekolah. Tiba-tiba syarikat tempat anda bekerja mengambil keputusan memotong 10 peratus gaji anda bagi memulihkan syarikat berkenaan. Tindakan anda kemudiannya ialah mengurangkan wang saku untuk anak-anak dan meminta mereka berbekal ke sekolah. Kalau anda tidak potong wang saku mereka, anda tidak boleh beli baju sekolah, atau tidak dapat membeli ikan untuk makanan harian.

Walaupun keadaan yang digambarkan itu tidak sama tetapi sedikit sebanyak ada persamaan.

Di tengah-tengah kejatuhan harga barangan utama negara, kerajaan berhadapan dengan graduan Melayu yang menggangur. Di manakah hendak diletakkan mereka ini?

Juga, bayangkan bagi kakitangan di sektor swasta, pinjaman perumahan dari bank-bank perdagangan lebih tinggi lagi. Ada yang terpaksa bayar 12 peratus sebulan ataupun dua kali ganda kadar faedah yang dibayar oleh kakitangan kerajaan. Mereka tidak buat bising kerana mereka mahukan rumah itu. Jika mereka tidak mampu maka mereka tentulah tidak memilih untuk membeli rumah-rumah yang sedia ada.

Begitu juga dengan pemansuhan skim pencen. Sejak kerajaan Inggeris berkuasa lagi, orang-orang Melayu dipisahkan dari bidang perniagaan. Orang-orang Melayu diberikan jawatan-jawatan di dalam kerajaan seperti kerani dan budak pejabat.

Selepas merdeka, anak-anak Melayu menguasai sektor awam. Orang lain terjun ke dunia perniagaan dan membuat kekayaan

*overnight*. Orang-orang Melayu yang tertanam dengan mentaliti pencen itu merasakan masa depan mereka lebih selamat jika mereka bekerja di dalam perkhidmatan kerajaan. Biar menjadi opis boy ataupun typist, masa depan mereka selamat. Lantaran mereka membiarkan orang lain menceburi dunia perniagaan. DEB yang telah dilaksanakan sejak 1970 menghadapi masalah untuk mencapai sepenuhnya kerana mentaliti pencen menguasai ruang hidup mereka. Kebimbangan untuk bekerja dengan swasta atau berdikari begitu tebal, seolah-olah bekerja sendirian itu tidak mempunyai hari esok.

Kalau kerajaan berani memansuhkan ini sepatutnya 20 tahun yang lalu dengan tiadanya lagi skim pencen, anak-anak Melayu lebih berani bekerja dengan sektor swasta, ada yang berani menjadi usahawan. Kalau dulu peluang perniagaan direbut oleh orang lain, sekarang kesedaran untuk menceburinya semakin meningkat.

Mentaliti pencen ini bukan saja menjahanamkan bangsa Melayu, ia juga menjadi satu peluang untuk orang lain menguasai ekonomi kita. Bagi anak-anak Melayu yang pulang dari seberang laut, mereka lebih tertarik untuk menjadi pegawai di dalam perkhidmatan awam dari berniaga atau bekerja dengan sektor swasta. Seorang pegawai muda yang berhenti dari sebuah syarikat swasta untuk bekerja di JKR berkata, peluang untuk jadi kaya mudah diperolehi di JKR. Sebabnya banyak projek-projek pembangunan negara yang berada di dalam jagaan mereka boleh diberikan kepada orang-orang tertentu dengan mendapat sedikit ganjaran. Tak hairanlah Datuk Hashim Shamsuddin sendiri mengambil komisyen kerana sistem ini telah lama wujud di dalam negara ini. Bagi orang-orang Cina, jika ia berjaya merasuahkan orang Melayu, ia sangat gembira. Mereka mampu berbelanja apa jua, menyediakan perempuan dan menghantar melancung ke luar negeri asalkan projek yang dihajati itu diperolehi.

Maka kedengaranlah di sana sini, projek-projek yang besar diperolehi oleh usahawan Melayu tetapi di Ali Babakan. Maka berebut-rebutlah ahli-ahli UMNO untuk mendapat tender itu ini kerana cara begini boleh menambahkan hasil poket. Mereka bukannya hendak megusahakan projek itu sendiri tetapi menyerahkan kepada si Baba. Tanyalah Ghafar Baba, dia tentu tahu perkara ini berleluasa di dalam UMNO. Tapi apa yang mampu dibuat oleh Ghafar. Anwar Ibrahim cuba perangai masalah ini tetapi ia tidak mendapat sokongan, ahli-ahli UMNO lebih tertarik kepada trend ini.

Justru itu langkah Dr. Mahathir menurut kehendak Cuepacs mencerminkan liberalisme kerajaan di dalam menghadapi isu ini. Kerajaan tidak mahu membebankan kakitangannya, lantas ia cuba mencari cara untuk menyelesaikan masalah ini.

Usaha kerajaan dengan mengekalkan kadar 4 peratus sebenarnya satu pengorbanan besar yang dibuat oleh kerajaan. Kakitangan kerajaan yang dimanjakan sejak merdeka terus mendapat tempat di hati kerajaan. Kadangkala teringat pada para petani, nelayan di kampung-kampung tradisional. Mereka terpaksa membanting tulang empat kerat untuk mencari sesuap nasi. Siapakah yang tampil untuk membela mereka? Kadangkala ada pegawai tertinggi kerajaan yang berasal dari kampung sudah mulai melupai keluarga di kampung. Mereka khayal dengan ganjaran hidup di tengah-tengah kotaraya, sambil menghabiskan masa melacung ke negara-negara Eropah. Biar habiskan wang ringgit di luar negeri dari sedekah pada kampung-kampung. Apakah inipun harus dipersalahkan kepada Daim?

Mengikut satu laporan, kira-kira \$3 hingga \$3.5 billion setahun di keluarkan oleh rakyat Malaysia untuk melabur di luar negeri. Akibat dari tindakan tidak berperikemanusiaan inilah negara terpaksa meminjam lebih banyak dari luar dan menyebabkan hutang negara bertambah meningkat.

Daim pernah memberitahu Parlimen pada 26hb Nov. 1986 bahawa hampir \$10 billion mengalir keluar dari negara ini antara 1983 dan 1985 untuk pelaburan dan memasukkan simpanan tetap dengan bank-bank di luar negeri. Siapakah mereka yang menjadi petualang ini? Setelah membina empayar kekayaan di negara ini, akhirnya cabut lari ke luar negeri dengan membawa bersama jutaan ringgit. Apakah Daim juga harus dipersalahkan dalam hal ini?

Jika kita perhatikan laporan akhbar tiap hari terdapat berita mengenai pengaliran wang kita ke luar negeri di dalam bentuk pelaburan. Tapi bila keuntungan diperolehi, wang itu tidak akan dibawa pulang bahkan wang itu disimpan di luar negeri untuk tujuan tertentu. Mereka menggunakan negara ini sebagai batu loncatan bagi mencapai matalamat hidup, tapi bila sudah berjaya mereka lupa asal usul dan sebaliknya mengkritik kerajaan pula. Inilah yang barangkali yang dikatakan *imigrant mind*.



Kumpulan Kemajuan Pusat Peranginan dan Hartabenda Genting Berhad merancang untuk mendapat 50 peratus saham ekuiti bernilai US\$50 juta kompleks hotel-kasino di Bahamas. Ia juga merancang untuk turut menyertai dalam dua projek tempat peranginan dan kasino di Australia. Ekuiti penyertaan dan pengurusan bernilai US\$210 juta bagi pusat peranginan Burswood Island di Perth, Australia dan perkhidmatan pengurusan di sebuah kasino di Adelaide. Tahukah anda siapakah tuannya Genting Berhad ini? Beliau ialah Lim Goh Tong. Mengapa beliau tidak laburkan wang itu di negara ini? Mengapa mesti dibawa keluar negeri? MBF Holdings Berhad pula merancang untuk melanjutkan pelaburan luar negerinya ke Australia di mana ia telah memohon 100 peratus pemilikan ke atas sebuah bank dagangan dengan bayaran modal berjumlah US\$2.5 juta.

Chow Soon Tat, seorang ahli perniagaan Malaysia juga merancang untuk membina sebuah hotel bernilai US\$20 juta di Perth. Sementara Sim Lim Investment Ltd juga merancang untuk mendapatkan sebuah pusat membeli belah di Australia dengan wang berjumlah \$12.4 juta. Pengaliran wang ke Australia berjalan sudah lama, tapi tidak siapa berani menyalahkan jutawan Cina kerana mahu memelihara semangat harmoni dan muhibah. Apakah ini pun kita mahu menyalahkan Daim?

Apakah kerana Daim yang berasal dari Kedah dan seorang berbangsa Melayu maka ia mahu dijatuhkan? Teori ini tidak dapat dinafikan kerana keburukan Daim seolah-olah mengeneipkan kebaikannya. Soal Daim membantu rakan-rakan di dalam dunia perniagaan tidak timbul kerana setiap kali kita bertanyakan bukti maka tidak ada bukti yang boleh diberikan. Mereka yang menimbulkan perkara ini hanya mendengar dari kawan-kawan. Dan kawan-kawan itu pula mendengar dari kawan-kawanya. Begitulah seterusnya.

Dan orang-orang yang Daim bantu tadi pun tidak memujinya, mungkin takut ada pihak menggunakan kesempatan untuk mengheret mereka ke kancuh perbalahan ini.

Sepatutnya mereka tampil ke depan untuk membelanya. Mungkin mereka pun turut mengkritiknya. Sebabnya, setelah mendapat projek pertama mereka mahukan projek kedua. Ketamakan itu tadi tidak disenangi oleh Daim lalu diberikan projek itu tadi kepada orang lain maka mereka merasa marah dan akhirnya untuk membalas

dendam maka si Daim dijadikan bahan fitnah. Di dalam dunia masyarakat Melayu fitnah menfitnah serta dendam mendendam bukan perkara baru. Di zaman Hang Nadim dengan ikan-ikan todak, kepintaran Hang Nadim menyelesaikan masalah menimbulkan iri hati beberapa pihak. Atas nasihat dan pujukan mereka Hang Nadim dimurkai Sultan. Akhirnya beliau dibunuh oleh orang istana yang menjadi talam dua muka. Singapura akhirnya tewas. Mungkin ini yang dimahukan oleh orang-orang yang antikan Daim dan Dr. Mahathir.

Acapkali pula orang-orang Melayu sendiri mengembangkan fitnah-fitnah ini. Tetapi bila orang lain menipu, seperti George Tan, mereka tidak membesar-besarkannya. Mengapa *The Asian Wall Street Journal* lebih tertarik kepada UMBC dan Daim dari Ku Li dan Musa di dalam skandal BMF? Mengapa Daim menjadi mangsa media asing, seolah-olah seperti ada dendam yang tertanam di benak hati wartawan.

Malangnya apa yang ditulis di dalam media asing itu dipercayai oleh orang-orang kita. Bukan itu saja, mereka mengembangkan agar semua orang mengetahuinya. Maka mereka segera berkata, "apa yang di tulis di dalam akhbar asing itu semuanya betul, kalau tak betul tentulah Daim boleh saman mereka." Memang cakap amat mudah tapi tak saman, tambahan pula Daim ialah Menteri Kewangan, tentulah sedikit sukar. Tambahan pula kes mahkamah mengambil masa bertahun-tahun untuk selesai.

Contohnya Devan Nair. Dia kata dia tidak mahu saman Lee Kuan Yew sebabnya bukan selalu kita dapat kebenaran dan keadilan di mahkamah. Tengok kes dadah di Penang. Selepas dibebas baru diberitahu kenyataan saksi adalah palsu. Ku Li sendiri kata nak saman International Investor kerana menuduh bil-bilnya dibayar oleh Carrion Investments, tapi sampai sekarang Ku Li tak saman pun!

Satu lagi sindrom yang menjadikan orang Melayu lemah ialah apa yang bangsa asing buat O.K. Semasa Tun Tan Siew Sin menjadi Menteri Kewangan, berapa banyakkah dia menolong kawan-kawan Cinanya? Dia juga turut menjadi jutawan. Tetapi orang kata, Tun Tan Siew Sin memangnya seorang yang kaya. Tetapi bila Daim duduk di situ, mereka kata Daim gunakan kementerian itu untuk membuat kekayaan. Bila kita kata Daim memangnya orang kaya sebelum ke situ, mereka kata Daim menjadi bertambah kaya semasa berada di Kementerian itu.

Kepercayaan bahawa orang lain lebih baik dari kita menyebabkan Bank Bumiputra melalui BMF memberikan pinjaman \$2500 juta kepada George Tan. Ku Li, meskipun cuba menafikan penglibatannya, mengetahui keadaan sebenar. Mustahil Ku Li tidak tahu siapa dia George Tan. Mustahil Ku Li tidak tahu ke mana perginya wang sebanyak itu? Saya tidak akan merasa marah jika mengetahui wang itu untuk membina taliair untuk para petani di Kedah dan Perak Utara, ataupun untuk para nelayan membeli bot-bot. Sekali pun para petani dan nelayan tidak mampu membayar balik wang pinjaman itu. Pinjaman itu dianggap wajar. Pemberian itu patut dianggap satu sedekah. Tetapi memberi pinjaman kepada rakyat Malaysia keturunan Cina yang bermastautin di Singapura untuk mengembangkan urusan niaganya, ini satu jenayah yang tidak harus diampunkan. Saya tahu banyak lagi yang Datuk Hashim pendamkan di dalam hati. Alangkah bagusnya jika dia mahu menulis sebuah buku dengan mendedahkan semua yang bersabit dengan BMF agar rakyat Malaysia mengetahui keadaan sebenarnya.

# 21

## MELAYU DALAM BAHAYA

“Sepatutnya setiap ahli dalam UMNO memusatkan usaha mereka ke arah perjuangan yang dikehendaki oleh UMNO, bukan yang dikehendaki oleh pemimpin atau diri mereka sendiri”.

Anda tentu pernah dengar cakap-cakap yang macam ini. Cakap-cakap yang macam ini sudah jadi sekadar sedap didengar saja. Kerana ramai orang sudah tahu bahawa di antara yang menyampaikan cakap ini banyak yang tidak ikhlas orangnya.

Lagi pun sudah menjadi kebiasaan manusia, mereka hendak tahu siapa yang berkata. Mereka jarang memikirkan apa yang dikata. Kerana pesanan dan ingatan yang berharga itu datangnya dari hati nubari orang yang mereka tidak senang, kerana mereka tahu orang itu sendiri pun menggunakan UMNO untuk kepentingan diri mereka sendiri juga, pesanan dan ingatan itu pun boleh tidak sedap didengar.

Mungkin orang yang bercakap itu sendiri pun sedar bahawa ramai di antara ahli UMNO yang mengambil sikap endah tak endah saja dengan cakap-cakap begini. Tetapi menyampaikan amanat itu sudah menjadi tugasnya sebagai seorang pemimpin UMNO untuk mendapatkan publisiti, mereka pun bercakaplah.

Hendak buat macam mana, ramai pemimpin politik hari ini sudah menjadi seperti setengah imam-imam yang membaca kutbah di masjid pada hari Jumaat. Mereka sekadar naik ke membar untuk menyampaikan amanat yang sudah disediakan. Amanat yang sudah dibukukan. Mahu tidak mahu mereka berkhotbah juga kerana berkhotbah adalah tugas seorang imam yang hidupnya makan gaji. Mungkin juga mereka mengharapkan ganjaran dan pahala dari Allah

kerana taat dengan tugasnya sebagai imam yang makan gaji.

Para pemimpin UMNO yang berucap di sana sini bila tiba masa untuk menghadapi Perhimpunan Agung bukan tidak tahu yang ahli UMNO pun tahu UMNO mempunyai perlembagaannya sendiri. Tujuan UMNO ditubuhkan ialah untuk menjadikan orang Melayu sebagai Tuan dalam negerinya sesudah negeri ini merdeka. Apakah mereka telah menunaikan tanggungjawab ini semua? Apakah mereka tidak sedar bahawa mereka telah gagal untuk meletakkan kepentingan UMNO sebagai tanggungjawab utama?

Berapa ramai dari mereka yang telah bertungkus lumus sematamata untuk *present the interest of UMNO*? Seperti para pemimpin UMNO dalam tahun 1946.

Kenapa orang UMNO tidak mahu mengutamakan UMNO dalam keadaan parti sedang menghadapi bahaya perpecahan?

Seperti yang telah saya sebutkan dalam buku-buku saya yang terdahulu dari ini perasaan *The Sense of Responsibility* dan *The Sense of Belonging* tidak tersemat di lubuk hati mereka. Sekiranya orang UMNO mahu partinya panjang umur dan sihat, mereka mesti memberikan perhatian yang serius mengenai penyakit yang sedang menyerang UMNO. Mereka mesti *present the interest of UMNO* sebagai matlamat yang utama.

Mereka mesti tahu musuh UMNO yang utama bukannya orang bukan Melayu. Musuh UMNO yang sebenarnya adalah pemimpin UMNO sendiri yang sanggup menjadi hamba kepada kemahuan sendiri sahaja, tanpa mempedulikan apa sudah jadi terhadap perjuangan parti dan perjuangan sebenar bangsa Melayu.

Orang-orang politik sepatutnya tahu pemimpin datang dan pemimpin pergi. Dan tidak semua pemimpin yang berada di bawah boleh sampai ke kemuncak. Apa lagi kalau orang yang hendak ke kemuncak itu akan memijak kepala orang lain dan merosakkan perpaduan parti.

Kiranya mereka sedar bahawa budak-budak sekolah yang bermula dengan 40 orang murid dalam satu darjah dari darjah satu, dan hanya berapa orang saja yang boleh sampai ke universiti dan mendapat

ijazah? Inikan pula tidak berapa kerat dalam parti.

Orang yang sampai ke kemuncak bukan kerana mereka pandai atau rajin atau mereka orang yang baik sahaja, tetapi kerana Tuhan telah menunjukkan mereka jalan untuk sampai keatas dan Tuhan saja yang berhak meletakkan mereka di sana.

Orang Islam sepatutnya faham dan mengerti bahawa segala-galanya sudah ditentukan oleh Allah. Terjadinya huru-hara begini dalam UMNO adalah kerana ada di antara mereka yang terlupa tentang kebesaran Allah. Mereka rasa merekalah yang besar. Mereka lupa tentang peranan Qada dan Qadar.

Saya percaya buang masa saja para pemimpin yang cuba mengingatkan ahli UMNO dengan ingatan-ingatan yang mereka sendiri tidak amalkan, kata-kata yang mereka sendiri pun tidak begitu percaya.

Ada ahli UMNO yang bertanya pada saya kenapa ramai orang UMNO merasa tawar hati bila mendengar kata-kata hikmat mengenai keagungan dan kebesaran UMNO yang disampaikan oleh ketua-ketua mereka? Jawab saya mudah saja:

Macam mana orang UMNO tidak tawar hati, di antara mereka yang mendengarnya ramai yang jadi ahli kerana hendakkan sesuatu. Ada di antara mereka yuran pun dibayar oleh orang tertentu. Amanat itu pula disampaikan oleh pemimpin yang macam itu. Pemimpin yang mereka kenal siapa mereka itu sebenarnya. Pemimpin sendiri pun tidak betul, macam mana hendak membetulkan orang lain? **Mustahil air yang keruh di hulu boleh jernih di hilir.**

Mereka berucap di sana sini: "Sekiranya kamu berjuang mewakili satu kumpulan atau klik-klik tertentu saja, UMNO akan menjadi lemah dan ianya boleh meletakkan UMNO dalam bahaya."

Pemimpin yang bercakap macam itu, dia sendiri pun ada kem. Dia pun berjuang berhabis-habisan untuk kepentingan diri dan kemnya sendiri saja. Niat dia sendiri pun berucap hendak mencari pengaruh, bukan hendak menanamkan semangat kesedaran. Mencari pengaruh saja tidak cukup, menanamkan pula perasaan yang boleh menakutkan orang ramai. Ini semua adalah *politics of fear*.

Kebaikan yang mereka tunjuk bila tiba musim memilih pemimpin, adalah kebaikan dengan niat mahu menabur budi. Perjuangan mereka ternyata semata-mata untuk merebut kerusi. Mereka memburuk-burukkan lawan mereka sampai orang tidak nampak buruk mereka sendiri.

Mereka **menanam tebu di bibir mulut**. Kalau bukan kerana kepentingan peribadi tentu susah mereka hendak bekerja keras untuk orang ramai dan berbaik dengan setiap ahli yang boleh memberikan mereka undi. Hendak buat macam mana, ahli parti masih ramai yang berperangai kampungan.

Sebab itu Ku Li dan Musa sekarang sudah janji dengan orang-orang mereka hendak bubar Parlimen pada 28hb April 1987 kalau mereka menang. Fasal apa? Fasal nak bagi kerusi pada orang-orang merekalah!

Pertarungan dan perkelahian yang ada hari ini adalah disebabkan kepentingan UMNO diletakkan di belakang.

Suara-suara yang kita dengar dari mulut-mulut pemimpin hari ini sudah jadi suara-suara sumbang. Kasih sayang ketua-ketua UMNO hari ini pada ahli tidak seperti ketua-ketua yang ada di zaman Tunku dan Tun Razak dulu.

Macam mana kita tidak salahkan orang UMNO hari ini bila mereka tidak mengikut pesanan orang tua-tua dulu bahawa **Kerja Raja dijunjung, kerja sendiri dikelek**. Maksud saya mengenai kerja raja yang mesti dijunjung di sini ialah **kerja untuk parti**.

Orang yang di keliling Mahathir pun ramai yang buat kerja tidak betul. Mereka kesana kemari junjung kerja sendiri, kendung kerja Mahathir. Kalau orang-orang keliling Mahathir pun buat kerja yang tidak betul, kerja-kerja yang mengarut, bagaimana pula dengan orang-orang yang jauh dari Mahathir? Mereka lebih banyak buat tidak betul. Tetapi kerana mereka menjadi pengkritik, segala kerja mereka yang tidak betul, rakyat tidak nampak. Rakyat nampak Mahathir dan orang-orangnya saja yang tidak betul, seperti yang saya sebutkan dalam buku **'MUSA DERHAKA?'**.

Inikan satu kebiasaan **Gajah depan mata tidak nampak, hama**

di seberang jelas kelihatan. Kalau mereka tidak sayangkan Presidennya, macam mana orang hendak sayangkan partinya. Orang yang sedang bermain api masakan dia berfikir apa akan terjadi bila api membakar rumah yang didudukinya!

Sebuah rumah tanpa kasih sayang seisi keluarga bukanlah sebuah rumah tangga namanya. UMNO hari ini bukan lagi sebuah rumahtangga bagi ahli-ahlinya, tetapi sebuah rumah pusaka yang besar, di mana ahli-ahli keluarga asyik bergaduh kerana berebut harta pusaka. Kerusi di dalam UMNO sudah jadi macam pusaka peninggalan orang tua mereka.

**“Perpaduan bangsa Melayu sekarang berada di tahap paling lemah”**. Begitulah pendapat Datuk Abdullah Ahmad, Ahli Parlimen Kok Lanas. Pendapat seorang veteran UMNO yang pernah menjadi Setiausaha Politik kepada Arwah Tun Razak ini telah disiarkan di *Mingguan Malaysia* bertarikh 23 November 1986.

Menurutnya lagi: “Orang-orang Melayu bukan sahaja bercerai-berai di kampung-kampung mengikut kepercayaan politik, tetapi juga bercerai-berai di bandar-bandar.” Datuk Abdullah yang pernah mempunyai gelaran **Tiga Abdul** itu bertanya: “Jika orang Melayu tidak boleh bersatu padu di kampung dan di bandar, di manakah lagi mereka boleh bersatu?”

Dalam ucapan yang disampaikan kepada ahli-ahli UMNO Bahagian Sik, Kedah, di Sekolah Menengah Gulau itu, Datuk Abdullah juga mengatakan: “Orang-orang Melayu yang menyebarkan semangat perpaduan di kalangan orang-orang Islam adalah terdiri dari mereka yang menggalakkan perpecahan.” Beliau kemudian mengingatkan orang-orang Melayu bahawa mereka bukan berada dalam mimpi yang menakutkan, tetapi **“mereka benar-benar berada dalam keadaan yang menakutkan”**.

Itu hanyalah satu daripada ucapan-ucapan Datuk Abdullah Kok Lanas yang sering disiarkan di akhbar-akhbar. Kita tentu masih ingat lagi akan ucapan penting beliau yang boleh dikatakan sebagai tembakan yang melancarkan permulaan usahanya untuk kembali mengambil tempat yang berpengaruh dalam politik Malaysia. Di zaman Tun Razak dulu beliau seorang yang cukup berpengaruh, hingga ada orang yang mengatakan beliau merupakan kuasa yang



berada di belakang Tun Razak. Bahkan ramai juga tokoh-tokoh politik yang mengatakan beliau naik kerana beliau "*black mail*" Tun Razak.

Sama ada tuduhan itu berasas atau tidak tidaklah dapat saya buktikan, kerana itu saya pun tidak mahu menyebelahi mana-mana pihak. Lagi pun Datuk Abdullah telah menjalani hukuman sebagai tahanan politik atas tuduhan sebagai Komunis di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

Sekarang beliau telah bersih dari sebarang tuduhan dan telah menduduki tempat yang penting dalam masyarakat. Kejayaannya di bidang ekonomi dan bisnes, sebagai Pengerusi Eksekutif Syarikat Permodalan Kebangsaan Berhad (SPK) dan pengerusi beberapa syarikat lain di samping memiliki saham dalam beberapa syarikat besar, telah menjadikan dirinya seorang yang sentiasa mendapat perhatian.

Ucapan penting Datuk Abdullah yang merupakan tembakan tanda permulaan kembalinya seorang tokoh veteran berpengalaman ke dalam gelanggang politik 1987, yang saya sebutkan tadi, ialah ucapannya di sebuah universiti di Singapura yang dibuatnya menjelang Hari Kebangsaan Malaysia 1986. Melalui ucapan itu beliau dengan lantang dan berani menegaskan akan hak-hak orang Melayu di Malaysia dan memberi amaran kepada orang-orang Cina di Malaysia dan Singapura supaya jangan cuba bermain dengan api.

Sejak itu nama Datuk Abdullah Kok Lanas sentiasa bermain dibibir orang Melayu. Akhbar-akhbar pula sentiasa menyiarkan berita mengenainya. Ramai juga orang yang mula menyebut-nyebut namanya sebagai hero pembela orang Melayu di zaman ini. Sebagai seorang pemerhati dan penganalisa politik yang mempunyai tanggungjawab terhadap kebenaran, saya pun mula meneliti tindak tanduk Datuk Abdullah ini, kerana sekarang kita sudah ada dua orang Datuk Abdullah, satu Datuk Abdullah Badawi dan satu lagi ini Datuk Abdullah Kok Lanas.

Nama Abdullah Badawi dan Abdullah Kok Lanas mungkin serupa. Kedua-duanya Datuk Abdullah Ahmad. Tetapi apakah kedua-duanya mempunyai peribadi dan pendirian yang serupa? Tidak semestinya orang yang namanya serupa mempunyai peribadi dan pendirian yang serupa. Dolah Badawi sokong Musa. Dolah Kok Lanas bagaimana pula?

Saya terpaksa meneliti dengan teliti akan pergerakan dan tindak tanduk tokoh-tokoh politik hari ini kerana politik hari ini tidak serupa dengan politik tahun-tahun yang lalu. Orang yang dulu berkawan baik hari ini telah menjadi musuh dan sebaliknya yang dulu bermusuhan telah menjadi kawan baik pada hari ini. Ini semua orang tahu, tak perlu saya bercerita panjang lebar. Yang tak ramai orang tahu ialah tentang orang-orang yang pada lahirnya lain tetapi pada hakikat yang sebenarnya lain pula. Politik UMNO 1987 ialah politik yang bercelaru.

Suatu masa orang kata Datuk Sanusi Junid telah menyeleweng dan berpaling tadah daripada menyokong Mahathir kepada menjadi orang Musa. Di mana-mana saya pergi saya dapat dengar orang cakap begitu. Sanusi Junid tauke kelapa muda telah menyeleweng. Sampai saya pun naik pening kepala. Betul ke ni? Tetapi Alhamdulillah, akhirnya saya dapat tahu yang sebenar: Datuk Sanusi Junid tetap berpegang dengan prinsip perjuangannya yang asal, dan dia tetap memberi sokongan yang tidak berbelah bagi kepada Dr. Mahathir.

Kedudukan Ghafar Baba pun begitu juga. Saya cuba lari-lari tak mahu jumpa Ghafar pada mulanya sebab saya tak mahu terpengaruh. Saya mesti berusaha dapatkan kebenaran dengan cara saya sendiri terlebih dahulu. Saya tak mahu tersalah hentam. Bila saya kaji dan saya selidik cara saya sehingga saya dapat kepastian yang Ghafar hari ini tidak serupa lagi dengan Ghafar seperti yang saya lanyak dalam buku saya PERANG DI KUALA LINGGI MELAKA 1978, barulah saya buat pendirian sokong dia.

Tahun 1983 dulu pun saya sudah mulai nampak perubahan yang baik dalam diri Ghafar. Kalau tidak macam mana saya boleh beri dia anugerah "Tun" dalam buku saya TUAH NASIB PEMIMPIN MALAYSIA. Tetapi saya tetap percaya bahawa manusia mungkin boleh berubah-ubah, apalagi setelah mendapat kuasa dan kekayaan.

Ini banyak orang yang tidak faham dengan pendirian saya. Mereka kata, apalah Syed Hussein tu, bukan ada pendirian. Tahun lalu dia sokong orang itu, tahun ini dia lanyak pula orang itu. Siapa yang boleh bagi dia duit banyak, orang itulah dia sokong. Dan macam-macam lagi orang kata saya. Mereka tidak faham tanggungjawab seorang penulis yang komited dengan kebenaran, bukan komited dengan pemimpin-pemimpin tertentu.

Kata-kata itu semua saya tidak peduli. Bukan saya tidak suka saya dikritik, tetapi saya berpegang dengan satu amanat penting yang telah ditinggalkan oleh Nabi Besar Muhammad S.A.W yang pernah bersabda: **“Berkatalah yang hak, walaupun pahit”**.

Menulis mengenai seseorang yang boleh menentukan nasib dan masa depan berjuta-juta manusia, kita tak boleh ambil sikap mudah atau kata orang putih, **“take for granted”**. Ghafar Baba 1983 tidak memegang jawatan penting dalam kerajaan. Sekarang dia Timbalan Perdana Menteri. Saya mesti lebih berhati-hati untuk memastikan apakah perjuangannya. Bila saya pasti perjuangannya berada di pihak yang benar, barulah saya sokong dia.

Kehidupan orang kita hari ini telah jauh maju dan sofistikated. Dulu orang UMNO kebanyakannya jadi cikgu saja, hari ini pula telah ramai orang bisnes yang kaya raya masuk UMNO dan berjuang untuk dapat kerusi dan pengaruh supaya dia boleh jadi lebih kaya. Ramai orang Melayu jadi jutawan memang bagus. Kita tak boleh marah melulu kerana dia kaya. Tetapi yang orang ramai boleh jadi keliru ialah mereka susah nak tahu siapa yang benar-benar berjuang untuk rakyat dan siapa yang semata-mata berjuang untuk menambah kekayaan diri sendiri.

Ramai orang yang marah dengan Daim Zainuddin kerana dia kaya dan dia tidak suka berbelanja untuk mengambil hati ahli-ahli UMNO. Saya pun mulanya marah juga. Tapi bila saya kaji dan selidik saya dapati Daim tidak pernah bercita-cita untuk merebut jawatan penting didalam UMNO mahu pun didalam kerajaan, untuk digunakannya bagi menambahkan kekayaannya. Sebagai seorang bisnesmen dia berjaya jadi kaya itu soal dia dan hak dia. Kenapa kita mesti marah dia dan tidak marah kepada ramai lagi orang Cina yang lebih kaya daripada Daim? Kenapa kita hendak dengki dengan dia?

Yang kita tidak suka ialah orang kaya yang cuba merebut jawatan dalam UMNO dan dalam kerajaan untuk digunakan jawatannya itu bagi menambahkan kekayaannya, atau pun orang kaya yang cuba menggunakan pengaruh kekayaannya untuk mendapat jawatan dalam UMNO dan dalam kerajaan supaya dia dapat berkuasa, untuk memuaskan nafsunya yang ingin menjadikan seorang manusia yang berkuasa. Orang seperti ini ramai terdapat di Amerika. Mereka sudah kaya raya tetapi mereka belum puas hati selagi mereka belum berkuasa

dalam politik.

Orang yang belum kaya dia nak jadi kaya. Bila sudah kaya dia hendak jadi kaya lagi. Bila sudah cukup kaya pun dia belum puas lagi, dia hendakkan kuasa pula. Ini memang tabiat manusia yang nafsunya memang tidak pernah tahu kepuasan. Orang seperti inilah yang merbahaya. Dan bahayanya cukup besar, kerana dia ada wang dan dia tidak ada perjuangan untuk orang lain dan dia juga tidak mengenali apa itu kebenaran. Yang dia kenal cuma diri dia dan nafsu keinginan dia yang tidak terbatas. Apakah orang seperti ini sudah ada di dalam UMNO?

Orang Melayu sudah berada dalam bahaya yang besar sekiranya orang seperti itu sudah ada dalam UMNO. Saya sudah lama mencari kalau-kalau ada orang seperti itu supaya dapat saya hapuskan melalui satu-satunya senjata yang ada pada saya, iaitu pen saya sebagai seorang penulis. Sehingga hari ini saya belum lagi dapat bertemu dengan pasti walaupun ada orang yang mengatakan sudah ada, tapi saya belum "sure" sebab *dalil-dalil* yang ada belum cukup.

Walaupun ada orang kata cara saya menulis dan membuat ramalan banyak yang tak logik, sebenarnya saya ada logik saya sendiri. Saya percaya dengan dalil, dan dalil tidak semestinya dengan logik akal fikiran saja. Hari ini logik akal fikiran banyak yang sudah bercelaru. Pandai ada macam-macam pandai sekarang. Pandai menipu bank dan koperasi pun pandai juga. Pandai menipu rakyat pun pandai juga. Sebab itu hari ini kita mesti berhati-hati dengan orang yang pandai. Dunia sudah jadi ini macam, apa kita nak buat?

Pandai saja belum cukup syarat untuk jadi pemimpin yang baik. Kalau pandai bercakap, tukang ubat yang menjual ubat di tepi-tepi jalan itu lagi pandai bercakap. Sebab itu bila orang kata Datuk Abdullah Kok Lanas seorang bakal hero orang Melayu, saya tidak cepat-cepat percaya, kerana orang baru mendengar caap-cakapnya sahaja, belum lagi melihat bukti atau dalil perjuangannya.

**"Dilema UMNO, kalau pun ada ialah, parti kita Melayu atau Islam? Kita adalah parti kebangsaan Melayu .... Kita mesti teruskan perjuangan asalnya — semangat kebangsaan Melayu. Kerana bangsa Melayu seratus peratus Islam, sekali gus kita juga menegakkan Islam. UMNO tidak harus meniru PAS kerana PAS berjuang atas asas yang**

universal.”

Kata-kata dari ucapan Datuk Abdullah Kok Lanas seperti di atas itu menyebabkan saya berfikir banyak kali. Kenapa beliau bertanya UMNO itu Melayu atau Islam? Apakah beliau merasa takut dengan gerakan menerapkan nilai-nilai Islam dalam UMNO yang sedang diperjuangkan oleh Dr. Mahathir dan Anwar Ibrahim?

Saya tertanya-tanya, sejauh manakah Dollah Kok Lanas jujur memperjuangkan Melayu dan Islam? Untuk menghilangkan keraguan dalam diri saya itu, saya buat temu janji untuk menemuinya di pejabatnya. Walaupun saya selalu bertemu dengan dia di Parlimen, saya rasa itu tidak cukup.

Semasa sidang Parlimen sedang berjalan, hampir setiap hari saya bertemu dan berbual-bual dengan hampir semua menteri. Di situ juga saya belajar meneliti tentang keperibadian mereka. Cara mereka bercakap, berjalan, berbual dan idea-idea yang di keluarkan oleh mereka. Kadang-kadang seronok juga memerhati perangai ahli-ahli Parlimen kita di Parlimen.

Selepas saya menemui Dollah Kok Lanas di salah sebuah pejabatnya, saya masih lagi belum berani membuat kesimpulan yang pasti. Tetapi bila surat-khabar membuat laporan mengenai mesyuarat UMNO Bahagian Kok Lanas, kepastian yang saya cari-cari itu pun dapatlah kepada saya. Tidak ada pencalonan untuk jawatan Presiden dan Timbalan Presiden UMNO dari Bahagian Kok Lanas yang diketuai oleh Datuk Abdullah Ahmad. Itulah pendirian dan sikap seorang yang cakupnya penuh bersemangat mengenai perpaduan dan masa depan orang Melayu?

Apa yang dapat saya baca dari keputusan mesyuarat Bahagian Kok Lanas itu ialah Dollah Kok Lanas tidak mengiktiraf akan kewibawaan siapa pun di antara pemimpin tertinggi UMNO untuk memegang teraju pimpinan UMNO, melainkan dirinya sendiri. Dia tidak peduli siapa pun yang akan jadi Presiden atau Timbalan Presiden UMNO kali ini. Dia tidak mahu komited. Dia mahu “*play safe*”, kata orang putih.

Macam mana Dollah nak calon kan Mahathir atau Tengku Razaleigh? Kalau dia calon Mahathir bererti dia juga sokong Anwar.

Kalau dia sokong Anwar suatu hari nanti Anwar jadi Perdana Menteri, bila pula Dollah Kok Lanas ada peluang nak jadi Perdana Menteri, sedangkan memang itulah cita-cita dia yang telah lama belajar di bawah Tun Razak. Anwar yang semua orang tahu akan keislamannya itu takkan nak pilih Dollah Kok Lanas jadi timbalannya.

Kalau dia sokong Tengku Razaleigh dan Tengku Razaleigh kalah, hancur berkecailah harapan dia. Kalau Tengku Razaleigh menang, tak mungkin Dollah Kok Lanas boleh jadi timbalannya, sebab mereka berdua dari Kelantan.

Demikianlah analisa saya. Bagi saya Datuk Abdullah Kok Lanas yang UMNO Bahagiannya tidak membuat pencalonan untuk dua jawatan tertinggi dalam UMNO itu adalah seorang yang hebat tapi kehebatan dan kehandalannya untuk siapa kita tidak tahu.

Ini pendapat saya. Saya mesti jujur dengan pendapat saya. Ahli UMNO tidak semestinya bersetuju dengan pendapat saya dan saya pun tidak semestinya bersetuju dengan pendapat orang lain. Terlalu banyak benda yang bercelaru hari ini. Kita mesti mencari dalil untuk mengatasi perkara-perkara yang bercelaru itu, supaya kita dapat mengatasi bahaya yang sedang mengancam orang Melayu.

# 22

## MATI HIDUP BALIK

Buku yang paling laris dipasaran sekarang ialah buku cerita hantu. Orang takut dengan hantu tetapi orang suka tonton filem-filem hantu dan baca cerita-cerita hantu. Dan dalam hal orang takut hantu itu pun ramai juga orang yang bela hantu.

Hantu ini ada macam-macam jenis hantu. Ada hantu raya, hantu yang terbesar di kalangan hantu-hantu. Ada hantu toyol, itu hantu yang terkecil dalam kalangan hantu. Toyol ini kerjanya curi duit orang sahaja. Yang banyak sangat orang hilang duit sekarang ini, itu semua kerja toyollah. Ini zaman **high technology**, toyol pun sudah pandai masuk dalam koperasi, dalam bank dan tempat-tempat rakyat simpan duit. Itulah teknologi toyol, bukan manusia saja ada teknologi. Jepun belum belajar teknologi ini. Dari segi ini Jepun mesti pandang ke Malaysia, kalau mereka berniat nak belajar teknologi toyol.

Itu baru dua jenis hantu saja. Ada banyak jenisnya. Hantu bungkus, suka bungkus. Dia kira nak bungkus sahaja. Ada hantu golong, dia ni sepupu hantu bungkus. Lepas bungkus dialah kena golong. Siapa yang dapat tangkap hantu bungkus dan hantu golong ini memang cepat kaya.

Bukan semua hantu suka duit. Ada juga hantu yang tak suka duit. Dia suka benda-benda lain. Nama dia pelesit. Kerja dia nak hisap darah orang sahaja. Dia ini bukan dracula. Bukan juga Count Dracula. Jenis dracula ini dinegeri orang putih sahaja. Nasib baik tak ada dinegeri kita. Kalau ada dia terpaksa bergaduh dengan pelesit. Pelesit miskin, dia kaya.

Paling popular sekali diantara hantu-hantu ini ialah pontianak. Kalau tak percaya tanya Ahmad Daud. Ahmad Daud dulu pun

populer kerana menyanyi lagu pontianak. Cukuplah tu. Kalau nak cerita pasal hantu, memang banyak. Tak tulis buku politiklah saya. Jadilah macam penulis-penulis hantu yang lain termasuk Osman Wok, bekas menteri di Singapura yang masih menulis cerita hantu didalam Mingguan Malaysia. Saya tak mahu jadi penulis hantu.

Dalam banyak-banyak hantu, hantu apa yang tuan takut. Penyeludup takut hantu kastam kerana bukan senang nak kawal hantu kastam. Penjenayah-penjenayah dia takut hantu polis. Dan orang-orang politik yang berkuasa sekarang takut dengan hantu politik yang hidup balik semula. Contohnya di Sarawak, Rahman Yaacob yang sudah lama mati dalam kehidupan politik hidup semula dan mahu menjadi Ketua Menteri. Disebabkan orang mati hidup balik macam Rahman Yaacob ini, Sarawak jadi huru hara.

Orang yang masa hidupnya banyak buat kerja-kerja yang tidak betul, bercelaru dan melanggar tata susila hidup seperti kerja-kerja hantu yang banyak saya ceritakan diatas tadi, orang macam itu bila mati mereka tidak tenteram di dalam kubur. Bumi pun tidak mahu terima mereka. Jadi mereka terpaksa keluar semula ke dunia. Bila keluar semula ke dunia bertambahlah satu jenis lagi hantu.

Dalam politik hari ini, anda jangan tidak tahu ada banyak hantu jenis baru itu. Orang lama yang sudah lama kehilangan tempat dalam politik tiba-tiba menjelma semula, mereka inilah yang saya maksudkan orang mati hidup balik.

Selalunya bila kita kata orang mati hidup balik, maksudnya hantulah. Inilah yang sedang berlaku di Johor sekarang.

Ada seorang gergasi tua sedang mengamuk di Johor. Pelbagai perkara telah dilakukannya supaya UMNO Johor menjadi tidak tenteram dan tidak aman. Berbagai-bagai angkara lagi yang akan ditimbulkannya. Semuanya untuk menimbulkan kecelaruan, was-was dan tidak percaya kepada pucuk pimpinan yang ada sekarang. Bila dia telah berjaya menimbulkan keraguan, bila orang-orang UMNO menjadi ragu dan separuh ragu, itulah masanya dia akan pusingkan segala sikap orang supaya mengikut sikapnya.

Apakah sikap Othman Saat sekarang? Bagaimana pula sikapnya dahulu?



*Tan Sri Othman Saat jadi pengiring*

# KU LI JELAJAH JOHOR

WATAN Sabtu 31 - 2 Februari, 1987

**B**ATU PAHAT: Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Tengku Razaleigh Hamzah telah menjelajah Johor, Jumaat lalu bertujuan mendapatkan pandangan dan nasihat dari para pemimpin UMNO negeri ini mengenai hasratnya bertanding satu kerusi penting dalam pemilihan, April depan.

Dalam kunjungannya ke Batu Pahat, beliau yang diiringi oleh bekas Menteri Besar Johor, Tan Sri Othman Saat serta Ketua UMNO Bahagian Jelutong, Datuk Yusof Latiff telah mengadakan pertemuan dengan pemimpin-pemimpin dari Bahagian Parit Sulong, Seri Gading dan Batu Pahat.

Beliau juga turut mengadakan pertemuan dengan pemimpin-pemimpin bahagian lain di seluruh Johor. Sementara itu Tengku Razaleigh ketika ditemui selepas berdialog dengan pemimpin tiga bahagian di sini berkata, "Saya datang ke Johor untuk menemui rakan-rakan seperjuangan di negeri ini."

Kepada pertanyaan lain beliau menambah, terserahlah kepada bahagian-bahagian membuat pencalonan berhubung dengan kerusi yang bakal ditandingi.

Sementara itu para pemerhati politik berkata, penjelajahan Tengku Razaleigh ke Johor makin menguatkan lagi



Tengku Razaleigh Hamzah



Tan Sri Othman Saat.

Mahadhir nak diguling

# TENGKU RAZALEIGH NAK JADI PM M'SIA?

(Oleh Ghazali Ismail)

Tengku Razaleigh Hamzah dan Datuk Musa Hitam telah bersetuju untuk menjadi Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri Malaysia akan datang

kalau sekiranya berjaya menumbangkan Datuk Seri Dr. Mahadhir sebagai Presiden UMNO dalam perhimpunan agung parti 24 April ini.



Tengku Razaleigh

Dalam perhimpunan Agung UMNO yang berlangsung di Kuala Lumpur pada tahun 1981, orang-orang UMNO terutama orang UMNO Johor berdoa agar Datuk Musa Hitam menang dalam pertandingan merebut jawatan Timbalan Presiden parti. Mereka juga berdoa supaya Othman Saat tidak terpilih dalam pemilihan Majlis Tertinggi UMNO.

Tuhan telah kabulkan doa penyokong-penyokong UMNO Johor. Datuk Musa telah menang dalam pemilihan tersebut dan beliau dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri. Othman Saat juga telah tidak terpilih menduduki kerusi Majlis Kerja Tertinggi UMNO. Pengundi-pengundi Johor merasa lega dan bergembira dengan keputusan itu. Mereka berharap segala macam penyelewengan yang berlaku sebelumnya tidak akan berulang lagi. Mereka berharap agar pimpinan baru Mahathir-Musa dapat membawa angin perubahan ke negeri Johor.

Ramai pengundi-pengundi UMNO di Johor beranggapan bahawa dengan kekalahan Tan Sri Othman Saat itu akan menjadi satu tamparan hebat kepadanya. Dan demikianlah yang terjadi. Dia sudah terpaksa meletakkan jawatannya sebagai Menteri Besar Johor pada tahun 1982 setelah sekian lama memegang jawatan tersebut semenjak dari zaman Tunku Abdul Rahman menjadi Perdana Menteri lagi.

Begitulah Tuhan meletakkan kadar ke atas hambanya. Dia tidak sepanjangnya boleh menongkat langit. Tapi asanya tidak pernah putus. Dalam hati kecilnya tetap kerusi Menteri Besar di kehendaknya.

Begitulah Othman Saat. Pada masa Musa berlawan dengan Tengku Razaleigh, dia menyokong Tengku Li. Dia tidak menyokong Musa. Sikapnya yang menyokong Ku Li dalam perlawanan dengan Musa adalah titik pertama bermulanya perpecahan perpaduan UMNO Johor. Undi Johor, negeri yang kuat dengan semangat kenegerian telah pecah.

Begitulah takdir Tuhan. Pada satu masa Dia mengangkat kemuliaan seseorang. Ada masa pula Dia menarik balik kemuliaan itu. Othman Saat sudah tidak ada kuasa lagi. Tetapi dalam hatinya siapa tahu. Niat manusia tidak siapa yang tahu. Niat itu hanyalah dapat tahu apabila diikuti dengan perbuatannya.

Marah Othman Saat bukan kepalang. Maklum, orang yang ada kuasa tiba-tiba hilang kuasanya. Tapi apa boleh buat. Dia tidak boleh buat apa-apa. Musa dengan Mahathir sudah begitu rapat. Ku Li tidak boleh buat apa-apa. Jadi dia pun tidak boleh meminta pertolongan dengan Ku Li.

Apabila Mahathir dan Musa sudah renggang kerana seorang memandang ke timur dan seorang memandang ke barat, peluang Othman Saat mula ada. Sedikit-sedikit pada mulanya dan makin lama makin terang. Dan apabila Musa letak jawatan maka peluangnya semakin besar.

Sekarang Musa dan Ku Li sudah bekerjasama untuk menjatuhkan Mahathir, peluang yang ditunggu-tunggu selama ini telah terbentang seperti jalanraya dihadapannya.

Kalau selama ini Othman Saat telah sekian lama seronok mendengar kaset-kaset Haji Hadi yang memburuk-burukkan Mahathir-Musa kepada sesiapa saja yang datang kerumahnya. Maka sekarang dia mendapat kawan dan sahabat pula untuk sama-sama bekerjasama dengannya. Alangkah seronoknya.

Inilah cerita yang amat memalukan kerana orang Islam itu patutnya berpakat-pakat untuk membuat kerja-kerja kebaikan dan kebajikan, tetapi Musa-Ku Li-Othman Saat berpakat untuk menjatuhkan seorang pemimpin Malaysia yang jelas dari dasar-dasarnya untuk menegakkan bangsa Melayu dan Islam. Orang UMNO jenis apakah kalau macam ini punya perangnya.

Apa pun alasan yang dapat dikumpulkan semuanya membuktikan yang Othman Saat adalah orang yang bertanggung jawab terhadap perpecahan UMNO Johor.

Othman Saat boleh memberikan segalanya kepada orang UMNO Johor supaya menutup mulut tetapi kita mesti kena ingat bahawa orang UMNO hari ini tidak lagi seperti ahli UMNO tahun 1946 dulu. Sekarang kerana dasar-dasar yang telah dijalankan oleh kerajaan selepas merdeka, mereka telah mempunyai ilmu pengetahuan yang luas. Mereka sudah dapat mengenal mana intan dan mana kaca. Kalau itu pun tidak dapat kenal buat apa belajar tinggi-tinggi.

Rakyat yang telah cerdas, pandai kerana berpelajaran tidak boleh lagi ditipu oleh Othman Saat. Mereka sudah tahu Othman Saat hanya pandai menabur janji sahaja. Hal yang seperti ini seperti kata seorang kawan saya diakhbar *Watan*, tahi kuda pun ta dak!

Lihat sajalah di bandar Muar, kawasan Othman Saat sendiri, boleh dibilang dengan jari berapa kerat saja peniaga di bandar itu. Kalau sampai di bandar itu, nak cari kedai makan Melayu pun susah, usahkan gedung-gedung kepunyaan orang Melayu.

Selama ini pengundi-pengundi UMNO Johor tetap bersabar. Demi untuk kepentingan parti dan bangsa, mereka menelan segala pahit maung. Mereka tetap memilih UMNO, walaupun calon-calon yang diketengahkan itu bukan pilihan mereka. "Demi perpaduan Melayu" kata pemimpin-pemimpinnya. Mahu tak mahu pengundi ikut juga. Tetapi beberapa pilihanraya telah berlalu, keadaan masih tidak bertukar. Lebih lama dibiarkan lebih banyak kawasan-kawasan balak terlepas ke tangan orang-orang asing.

Sampai bilakah pengundi-pengundi Johor perlu bersabar. Tidak siapa yang tahu. Pilihanraya akan menentukan. Mereka bukan tak tahu Othman Saat terlalu banyak main wayang kulit. Tidak ada kata-kata beliau yang dapat dipegang oleh ahli-ahli UMNO untuk dijadikan panduan, melainkan untuk panduan pecah-belah. Politik yang dimainkan oleh beliau adalah politik kotor. Orang mengatakan politik itu tidak kotor, tetapi orang yang berpolitik itu yang menjadikannya kotor. Dan politik kotornya itu menjadi-jadi.

Apa bezanya politik Musa Hitam dengan Othman Saat. Siapa yang lebih kotor politiknya antara Othman Saat dan Musa Hitam, tanyalah ahli UMNO yang telah menjadi mangsa Musa Hitam. Tanyalah Mustafa Muhammad bagaimana Musa Hitam-Ku Li-Othman Saat pergi kemana-mana membuat kempen memburukkan kerajaan.

Untuk menjamin kedudukan supaya tidak digugat semasa menjadi Menteri Besar dulu. Othman Saat telah menempatkan orang-orang dan kunci-kuncunya di semua jawatan-jawatan penting dalam UMNO negeri Johor bermula dari peringkat EXCO, wakil rakyat, ketua-ketua bahagian, jawatan-kuasa bahagian sampailah kepada ketua-ketua cawangan. Tidak diketahui berapa banyak jumlah wang rakyat Johor telah ditaburkan kepada orang-orangnya untuk tujuan itu.

Lihat saja ahli-ahli exco negeri Johor yang mempunyai rumah-rumah besar dan menjadi rakan-rakan kongsi dalam projek-projek perumahan dan kilang-kilang serta mempunyai kereta Mercedes dua tiga buah seorang. Wakil-wakil rakyat, ketua-ketua bahagian, jawatankuasa bahagian dengan bahagiannya masing-masing. Perkara ini memang tidak dapat hendak disangkal lagi sehinggakan nelayan pun terpaksa saman Othman Saat untuk dapatkan tanah kerana kebanyakan tanah-tanah mereka telah diberikan oleh Othman Saat kepada kunci-kuncunya.

Semua orang Johor tahu Tan Sri Othman Saat bekas Menteri Besar Johor serta kunci-kuncunya telah menjadikan UMNO negeri Johor sebagai satu arena untuk mengumpulkan kekayaan, semasa beliau menjadi Menteri Besar dulu. Kuasa UMNO yang ada di tangannya telah digunakan olehnya dan kunci-kuncunya untuk mengugut, menfitnah dan melaga-lagakan ahli-ahli UMNO sama sendiri. Perbuatan Othman Saat ini kemudiannya telah di dedahkan oleh Razak Ahmad dari Parti Sosialis Rakyat Malaya.

Mereka yang telah menerima anugerah dari Othman Saat dulu memuji cara politik begini. Kata mereka: Ini cara politik demokrasi yang sebenarnya.

Ahli-ahli UMNO bukan saja marah tapi benci dan meluat dengan telatah Othman Saat. Yang suka kepadanya cuma segelintir orang yang disumbat mulutnya oleh Othman Saat dengan kekayaan. Biarpun begitu orang-orang Melayu Johor masih tetap sayangkan UMNO. Ini semangat kesetiaan orang Johor yang boleh menggunakan resam buang orang yang buruk dan digantikan dengan yang baru. Mereka tidak marahkan nyamuk lalu bakar kelambu.

Orang-orang Melayu Johor tidak percayakan perjuangan parti PAS kerana pada anggapan mereka PAS merupakan penyebab yang memecahkan orang-orang Melayu. Dan kalau hendak cakap pasal agama cakap Ceramah-ceramah agama PAS tidak lahir di Johor. Orang-orang Johor hampir keseluruhannya pergi sekolah agama dan mendapat pendidikan asas dalam agama dari darjah satu hingga darjah enam.

Tetapi sesudah Othman Saat jatuh dan Tengku Razaleigh kalah dua kali, Othman Saat seronok mendengar kaset Ustaz Haji Hadi yang

mengutuk dan maki hamun Musa dan Mahathir. Satu hari waktu saya berkunjung ke rumah isteri mudanya di Johor Bahru, dia suruh saya dengar tape Haji Hadi dari awal hingga akhir.

Saya menjadi hairan dan ajaib macam mana orang tua yang menentang PAS habis-habisan hingga tidak boleh beri sedikit peluang pun boleh terpengaruh pada Haji Hadi. Orang politik macam ini berbahaya. Saya tidak hairan Othman Saat boleh masuk PAS kerana setuju dan senang hati Haji Hadi dedahkan keburukan Mahathir Musa dan lebih-lebih lagi Musa Hitam.

Pemimpin UMNO yang marahkan Othman Saat dan Musa di Johor kini nampaknya sudah memberi peluang kepada PAS untuk bertapak di kubu kuat UMNO.

Othman Saat memang bijak menjaga kedudukannya dari digugat oleh mana-mana pihak. Untuk membolehkan beliau bertindak sesuka hati supaya tidak ada orang yang ingin bersuara terhadap kepimpinannya, maka beliau telah memperuntukan sebahagian besar kekayaan negeri Johor bagi tujuan *menutup mulut*. Sebab itu masa beliau jadi Menteri Besar Johor kelihatan aman dan tenteram. Ramai pemimpin UMNO Johor yang sedar akan hal ini tetapi masing-masing diam kerana periok nasi masing-masing.

Baru-baru ini semasa Encik Ghafar Baba melawat Ledang, saya dengar Othman Saat marah-marahkan Mahathir pula dan cara dia berucap itu pulak keterlaluan. Orang yang sudah tua dan disegani oleh ahli UMNO kerana dia seorang veteran, jaguh politik yang telah banyak berbudi tetapi perangnya membuat saya terpaksa tulis mengenainya.

Bagi Othman Saat, rakyat jelata itu tidak penting untuk dijaga hati mereka. Dia Menteri Besar. Apa yang dibuat oleh Menteri Besar mesti betul. Yang perlu dijaga ialah wakil-wakil rakyat dan pemimpin-pemimpin peringkat Bahagian kerana beliau sedar mereka ini boleh bertindak beramai-ramai menggugat kedudukan beliau seperti apa yang berlaku pada Menteri Besar Kelantan. Ketua Menteri Melaka, Menteri Besar Trengganu dan Menteri Besar Pahang. Itulah rahsia kenapa Othman Saat boleh duduk dikerusi selama 14 tahun. Lagi pun orang UMNO dulu belum celik lagi.

Orang yang ikut Othman Saat memang jadi kaya tapi tidak boleh jadi lebih kaya dari Othman Saat. Tetapi mereka perlu ikut pantang larang yang dikenakan oleh Othman Saat. Pantang larang itu tidak susah cuma *ada mata pandang, ada telinga dengar dan ada mulut diam*. Jika langgar pantang larang ini buruk padahnya. Othman Saat memerintah Johor seperti seorang diktator. Siapa yang tidak tahu hal ini. Taraf Othman Saat hampir serupa dengan raja Johor, cuma tidak ada Tengku dipangkal namanya saja. Kalau tidak, pasti ramai yang berpatik-patik dengannya.

Tapi rakyat negeri Johor makin hari makin sedar kerana tindakan Othman Saat ini dianggap melampau sangat. Di Muar rumah yang benar-benar besar tersergam entah berapa buah kepunyaan Othman Saat sedangkan rakyat hidup dalam kemiskinan.

Selepas pilihanraya April 1982, era kepimpinan Othman Saat dikira berakhir dan seorang tokoh muda, Datuk Ajib Ahmad dibawa dari pusat untuk menduduki kerusi yang ditinggalkan oleh tokoh veteran UMNO itu.

Ajib pun berkuasalah. Perlantikannya dikehendaki oleh Kuala Lumpur sekalipun rakyat Johor sendiri belum dapat menerima kepimpinannya yang dikira terlalu muda untuk memimpin sebuah negeri yang tua dari segi perjuangan UMNO sendiri.

Politik UMNO mula bertapak di Johor sejak dari zaman Dato' Onn Jaafar. Kerana itu Negeri Johor dikira lebih matang dengan persoalan politiknya. Kehadiran orang muda seperti Ajib Ahmad memimpin Negeri Johor menimbulkan keraguan banyak pemimpin veteran di negeri itu mengenai kewibawaan dan kematangannya berpolitik. Tetapi kerana beliau dibawa dari Kuala Lumpur oleh tokoh politik Johor yang berpengaruh di Johor, ketika itu Datuk Musa Hitam, beliau semacam diizinkan dalam paksa.

Di satu pihak rakyat menerima Ajib kerana mereka merasakan terlalu lama berada di bawah kepimpinan Othman Saat. Di satu pihak yang lain mereka terpaksa menerima Ajib kerana telah hilang kepercayaan terhadap Othman Saat atas tindakan politiknya. Atau kerana Othman Saat sudah jadi orang kaya sesudah sekian lama berkuasa di Johor.



Rakyat Johor mengharapkan orang baru yang memimpin Johor selepas Othman Saat dapat membawa perubahan besar disamping menghapuskan segala penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan dalam pentadbiran yang dilakukan di zaman Othman Saat.

Itulah juga barangkali yang dikehendaki oleh Datuk Musa bila ia membawa Ajib menduduki kerusi Menteri Besar Johor. Datuk Musa sendiri ketika itu sedang mencari pengaruhnya sebanyak mungkin dari tokoh-tokoh muda UMNO dalam usahanya untuk menguatkan kedudukan politiknya di pusat.

Beliau membawa Ajib, seorang yang rapat dengannya dan pernah menjadi *orang kuatnya* boleh diharap untuk menjaga kepentingannya.

Tetapi apa yang terjadi selepas itu adalah luar dari dugaan umum. Politik Johor makin tidak setabil. Perpaduan dalam UMNO juga kian terancam. Keadaan lebih menjadi kucar kacir. Pentadbiran Ajib juga mengalami lebih kurang 2x5 dengan di zaman Othman Saat kalau pun tidak lebih buruk dari itu.

Kalau Othman Saat tidak dapat mengawal penyelewengan wang negeri dan kuasa setidak-tidaknya Othman Saat dapat mewujudkan perpaduan erat dalam UMNO. Setidak-tidaknya Othman Saat sendiri dapat berdiri tegak dengan kekuatan UMNO selama 16 tahun sebelum beliau ditekan dan dipaksa meninggalkan kerusi Menteri Besar Johor.

Dalam zaman tokoh muda yang pada mulanya kurang diyakini rakyat kerana penglibatannya yang baru dalam politik Johor, keadaan pentadbiran yang wujud di zaman Othman Saat masih juga berlarutan di zaman tokoh pemimpin muda itu. Lebih jauh dari itu, keadaan politik negeri juga tidak setabil dan perpaduan di kalangan UMNO lebih merosot dari di zaman Othman Saat sendiri. Ini disebabkan penyingkiran tokoh-tokoh veteran yang berpengaruh oleh Datuk Musa Hitam. Datuk Mohamad Rahmat dan Datuk Jalal menjadi mangsanya.

Pendek kata politik Johor di zaman Ajib mentadbir negeri itu sentiasa di dalam perhatian kuasa pusat dan Istana sendiri.

Jadi, dengan keadaan terjadi itu, kebaikkkan dalam keburukkan pentadbiran Othman Saat mula dirasakan oleh rakyat Johor. Mereka

lebih merasakan keburukkan dilakukan oleh Othman Saat lebih baik dari keburukan dilakukan di zaman Ajib memerintah Johor.

*Pi mai pi mai*, kata orang penang, Othman Saat juga yang lebih baik. Setidak-tidaknya ada juga orang Melayu yang turut kaya bersama Othman Saat memerintah Johor.

Pengaruh parti-parti pembangkang di Johor di zaman Othman Saat tidak sehebat di zaman Ajib. Di zaman Ajib, parti-parti pembangkang lebih berpengaruh. Dalam pilihanraya baru lalu, parti PSRM hampir dapat menguasai sebuah kerusi parlimen dan negeri. Sementara pengaruh PAS juga mula berkembang.

Krisis politik di dalam UMNO Johor makin meruncing bila Datuk Musa mengambil sikap mengundurkan diri dari kabinet kerajaan pusat. Krisis dengan Istana juga kian serius hingga Datuk Musa sendiri kurang mendapat kepercayaan dari Istana.

Perkembangan terbaru di negeri itu menyebabkan Ajib tidak dapat mengekalkan kerusi Menteri Besar negeri itu bila selepas pilihanraya Ogos, 1986 lalu, seorang tokoh muda yang lain dari pusat, Datuk Mahyuddin Mohd. Yassin diletak di kerusi itu dan Ajib dipindah ke Kuala Lumpur untuk menjadi Menteri.

Ada pendapat mengatakan, langkah ini dibuat kerana ingin mengurangkan pengaruh Datuk Musa di Johor dalam menghadapi pilihan dalam UMNO tahun 1987 ini. Apa pun pendapat mengenainya, politik Johor selepas Othman Saat lebih buruk dari zaman Othman Saat sendiri.

Begitulah kucar kacir, haru birunya politik UMNO di Johor kini. Terdapat pelbagai kem, komplot dan klik dengan tokoh masing-masing.

Ada kem Musa Hitam tulen. Kem ini adalah kem yang menyokong Musa Hitam tidak kira apa jadi pun. Mereka tidak kira apa jadi pun, pemimpin mereka adalah Musa Hitam. Ada kem Musa dan Ku Li dengan kafilahnya pula. Ada pula kem Mahathir dengan pengikut-pengikutnya sendiri pula. Ada pula kem Ku Li tulen. Kem ini menyokong Ku Li hanya kerana Ku Li sahaja. Dan jangan lupa pula ada kem Mahyuddin Mohamad Yassin, tokoh baru tetapi tetap

ada pengaruhnya yang tersendiri dalam politik Johor sebab kalau tidak ada pengaruh tentulah pusat tidak menghantarnya untuk mentadbirkan sebuah negeri dimana UMNO mula mencatatkan sejarah penubuhan dan perjuangannya.

Banyaknya kem dalam politik Johor hari ini sepertilah banyaknya jenis-jenis hantu yang saya sebutkan di awal bab ini tadi: Ada nama mereka dan dengan kod dan etikanya masing-masing. Yang teruk rakyat juga.

Ini akibat permainan politik orang gila kuasa dan menderhaka. Budak nakal macam Ajib yang hidup bergantung kepada Clement D'cuz itu dilantik jadi Menteri Besar. Kenapa tak lantik Datuk Mohamad Rahmat, sedangkan pada mulanya ada ura-ura Mohamad Rahmat yang akan ganti Othman Saat? Macam Ajib apa dia boleh buat untuk UMNO Johor? Itu tak penting bagi Musa. Yang Penting apa Ajib boleh buat untuk Musa. Kalau Mohamad Rahmat yang jadi Menteri Besar, Musa tentu tak boleh buat dia jadi peon Musa. Kerana itu Mohamad Rahmat dijadikan korban dan UMNO Johor kucar kacir.

Nasib baik Datuk Mohamad Rahmat masih sanggup bekerja untuk UMNO Johor pada waktu UMNO Johor jadi bercelaru kucar kacir dimainkan oleh Musa yang gila kuasa pada hari ini. Kalau tak ada Mohamad Rahmat yang rapat dengan Istana dan dengan pusat, tak tahulah apa sudah jadi dengan UMNO Johor.

Tak banyak pemimpin yang sanggup bekerja untuk bangsanya setelah ia dijadikan korban. Mohamad Rahmat salah seorang tokoh yang berjiwa besar, yang sanggup bekerja untuk UMNO walaupun dia telah diketepikan. Jasanya yang besar memelihara perpaduan UMNO Johor yang dipecahkan oleh Musa-Ajib dan Othman Saat itu tentu tidak akan dilupakan. Allah akan membalas kebaikan untuk orang yang berbuat baik.

# 23

## WADI HANA

Malam 23 hb Februari 1987, tembuk batu di simpang tempat pemuda-pemuda dikampungku selalu berseimbang bersama aku sewaktu budak-budak dulu kelihatan kosong dan sepi. Lampu neon yang menerangi kawasan itu dikerumuni oleh serangga-serangga yang berterbangan. Bintang-bintang berkelipan di langit. Angin bukit berhembus segar menjadikan kampung **WADI HANA** kampung yang penuh bersejarah kelihatan tenang dan aman.

**WANI HANA** adalah sebuah kampung yang terletak di dalam bandar Johor Bahru yang penuh dengan sejarah. Penduduk kampung ini dulunya terdiri dari orang keturunan Arab. Sesudah itu menjadi satu kampung yang didiami oleh berbilang bangsa, orang putih Yahudi, Serani, India, Mamak Cina dan orang Jawa. Manusia dari segala macam peringkat kedudukan dalam masyarakat pernah menjadi penghuni kampung ini.

Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri Malaysia yang pertama, Arwah Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia yang kedua, Arwah Tan Seri Syed Jaafar Albar, Tan Sri Mohammed Khir Johari, Tan Sri Dato Haji Mohammed Noah, bekas Speaker Dewan Parlimen (bapa mertua kepada Tun Razak dan Tun Hussien Onn), Tan Seri Ahmad bin Perang, serta keluarga peguam yang terkenal, Putucherry dan Clement D'Cruz pernah tinggal di sini. Dr. Barchi, bekas salah seorang pengasas MCA Johor dan pernah menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri Johor di satu masa dahulu pernah tinggal di sini. Speaker Dewan Undangan Negeri Johor sekarang, Dato Syed Zain, adalah budak Wadi Hana.

Seorang keramat hidup almarhum **HABIB HUSSEIN**

ALATTAS juga almarhum SYED ABDUL KADIR mufti Besar Johor dan ramai lagi orang alim dan guru-guru agama adalah orang Kampung Wadi Hana.

Orang-orang kiri di gelanggang politik, yang telah diheret dan didalam disimpan didalam tahanan pun ada yang pernah tinggal di Wadi Hana.

WADI HANA, adalah perkataan Arab. Dalam bahasa Melayunya *Lembah Bahagia*. Letaknya di antara dua bukit yang masyhur, BUKIT SENYUM dan BUKIT SEKOLAH ARAB. Kedua-dua bukit ini telah mencatatkan sejarahnya yang tersendiri, yang ada kaitannya dengan sejarah UMNO dan kebangkitan semangat nasionalisma di Malaysia.

Di atas Bukit Senyum terbina sebuah bangunan yang besar kepunyaan Dato Jaafar ayahanda Dato Onn. Rumah itu pernah menjadi Maktab Latihan Bahasa yang pertama bagi guru-guru di Johor.

Dan di Bukit Sekolah Arab pula terbina sebuah sekolah menengah Arab telah melatih ratusan para pemimpin UMNO termasuk Tan Sri Othman Saat, bekas Menteri Besar Johor dan pemimpin agama di Malaysia dan Brunei. Sekolah Arab yang satu ketika dulu adalah yang terbesar di Malaysia, siap dengan asrama dan menampung penuntut-penuntut dari seluruh Malaysia dan juga Brunei.

Almarhum Dato Syed Hassan bin Ahmad Alattas, tuan punya madrasah yang ulung di Tanah Melayu pernah menerima pingat Darjah Kerabat Johor, kerana selain dari jasa-jasanya mewakafkan sebahagian dari harta kekayaannya untuk membuat madrasah dan masjid-masjid di Johor. Beliau bersama-sama dengan Almarhum Sultan Abu Bakar adalah di antara tokoh yang telah membuka bandar Johor Bahru yang hari ini sedang berkembang dengan pesatnya. Ketika itu beliau adalah orang yang terkaya di dalam negeri Johor. Kaum Cina di Johor terhutang budi dan menghormati beliau kerana menghadiahkan tanah perkuburan untuk orang Cina di bandar ini seluar 7 ekar.

Saya dilahirkan di Wadi Hassan tetapi di besarkan di WADI HANA, dua kampung yang berjiran. Disinilah juga tempat saya mula

berkenalan dengan para pemimpin negara. Masa itu saya masih lagi dalam umur budak-budak.

Kampung yang rumahnya tidak pernah berubah. Rumah yang dulunya didirikan khas untuk disewakan kepada orang Inggeris sudah kelihatan buruk, dan orang Inggeris pun sudah tidak ada lagi tinggal di WADI HANA yang pernah satu masa mendapat gelaran *Liverpool of Johore* kerana terlalu ramainya orang Inggeris yang tinggal di sini.

WADI HANA letaknya tidak jauh dari bandar Johor Bahru, lebih kurang satu batu sahaja. Oleh sebab itulah orang Inggeris suka tinggal di sini disamping suasananya yang selalu di dalam aman dan tenteram. Tidak pernah berlaku rompakan atau kecurian. Budak-budak nakal di kampung saya tidak pernah mengganggu ketenteraman mereka.

Antara para pemimpin-pemimpin Indonesia yang pernah ke Wadi Hana ialah Haji Agoes Salim, Sutan Shahrir, Ali Sastro Amidjaya dan banyak lagi pemimpin-pemimpin Indonesia.

David Marshall, Lim Yew Hock dan beberapa menteri serta orang-orang kenamaan yang lain yang dari Singapura yang pernah ke rumah Tunku Abdul Rahman yang kebetulan jiran yang tinggal berhadapan dengan rumah saya, saya bebas keluar masuk di rumah Tunku Abdul Rahman kerana hubungan baik dengan keluarga saya. Baru-baru ini pun saya masih pergi mengunjungi Tunku di Penang.

Begitulah serba ringkas tentang WADI HANA dalam ingatan saya semasa sedang berjalan menuju kerumah Abang saya untuk jamuan makan malam. Abang saya tinggal di rumah pusaka peninggalan ayah. Ayah meninggalkan dua buah rumah, satu di bukit, yang satu lagi bersetentang dengan laut berhadapan dengan Singapura.

Keesokan paginya sedang saya bersiar-siar terlihat seorang lelaki sedang berjalan dengan langkah yang agak cepat sambil mendaki bukit Jalan Sekolah Arab. Ia melambai-lambaikan tangannya kepada saya.

Pada mulanya saya kehairanan juga tetapi apabila ia kian rapat kenallah saya akan dia.

"I say taukeh banyak lama tak ada jumpa." Saya menegurnya dari jauh dan kami berdua tersenyum lebar. Dengan segenap tenaganya

ia mempercepat langkahnya seolah-olah tidak sabar lagi untuk menemui saya.

Akhirnya ia pun sampai dan berhenti betul-betul di hadapan tempat saya berdiri. Saya pun mengulangi kata-kata tadi tetapi di dalam bentuk yang berlainan sedikit. "Wah kita betul lama tak ada jumpa tau. Saya ingat sepuluh tahun ini macam."

Lee tidak menjawab pertanyaan saya itu dengan serta merta. Ia nampaknya masih lagi tercungap-cungap meskipun demikian tangan kanannya dihulurkan untuk berjabat tangan dengan saya. Beberapa ketika kemudian, setelah hilang sedikit penatnya mendaki bukit iapun menjawab, "Betullah memang banyak lama. Apa khabar Syed sekarang?"

"Baik. Lee apa macam. Ada baik sekarang. Anak sudah berapa?"

Lee ini sebenarnya adalah seorang kenalan lama saya dan juga bekas ahli MCA yang sangat aktif dalam memperjuangkan isu-isu perkauman. Anak seorang pekedai runcit ini fasih berbahasa Melayu dan sangat pandai berpidato serta pandai pula memainkan sentimen orang-orang Cina.

"Gini jugak Syed, Anak dua jugak. Saya dengar you sekarang sudah banyak senang."

"Biasa sahaja Lee. Sikit ada senang. Eh you mahu pergi mana."

"I mahu pergi sister's placelah. Belakang sekolah Arab sana. Jalan kaki sikit, kasi exercise."

"Oh. Kalau itu macam relax sekejaplah. Naik abang saya punya rumah. Kita cerita-cerita sikit."

Lee melihat jam tangannya.

"Ada MCA meeting ke?" Saya mengusik.

"Tak adalah. I sudah malas support MCA. No pointlah."

"Ya ke. This is interesting Lee. Comelah. Masuk dulu. Let's talk and have a drink."

Lee tidak membantah dan menerima pelawaan saya itu. Kami pun duduk di anjung rumah tersebut. Isteri abang saya menghidangkan minuman dan sedikit keropok.

"Betulkah you sudah tak support MCA lagi. You tak support MCA kerana hendak sesuatu kan dalam MCA dan tak dapat atau you tak support dasar parti."

"Dua-dua sekali."

"Betul ke ni Lee. You dah join DAP ke Gerakan?" Aku bertanya sambil bersahaja.

"Sekarang Syed I sudah malas nak join mana-mana parti politik. I dah bosan dengan perjuangan yang tidak berprinsip baik yang dilaungkan oleh MCA mahupun *opposition*. You boleh tengok sendiri mana ada bezanya perjuangan MCA dengan *opposition*. Bezanya yang satu duduk dalam kerajaan yang satu lagi duduk di luar kerajaan. Tapi Syed dua-dua memperjuangkan kepentingan yang serupa. Cuma caranya sahaja yang berlainan. *Trend common objective* ini lebih jelas kita nampak selepas sahaja MCA kalah teruk dalam pilihan raya yang lalu."

Sambil mendengar, saya berfikir. Memang ada benarnya juga kata-kata kawan saya itu. Sejak kebelakangan ini MCA sudah banyak kali melatah. Parti komponen Barisan Nasional yang terbesar sekali selepas UMNO itu telah mula mempersoalkan DEB dan status orang Melayu di negara ini. Ketika isu-isu itu berada dikemuncaknya, pelawat-pelawat asing yang melawat negara kita dan membaca akhbar, sukar menentukan samada MCA itu parti kerajaan yang memerintah ataupun parti pembangkang? Jika ditinjau dari jumlah kerusi yang dimenangnya, tidak mustahil juga mereka ini dikatakan parti pembangkang. *Opposition within the ruling party*.

Lee meneruskan perbualannya.

"Semua orang baik dalam Malaysia ataupun Luar Negeri, tahu asal asul orang-orang Cina di negeri ini. Masa British memerintah dulu



mereka datang ramai-ramai nak tumpang hidup. Mereka sedar dan insaf siapa mereka yang sebenarnya. Mereka ini semua kerja bertungkus lumus. Untuk apa Syed? *Survival. Just for survival.* Dekat China mereka susah.”

“Mana Lee Kim Sai dan MCA Selangor nak percaya ini semua Lee.”

“Manusia boleh cakap bohong Syed. Tapi *time and history* tak pernah bohong. Lagi seratus tahun pun orang tentu cakap orang Cina dekat sini datang dari Cina. Mereka jadi rakyat Malaysia sebab British mahu mereka. Lee Kim Sai bukan tak tahu nama negeri yang dia sedang duduk sekarang. Dulu orang kata Federated Malay States. British nak bikin Malayan Union. Perkataan ‘Malayan’ tu datangnya dari mana. Kemudian negeri ini diberi nama Tanah Melayu. Tanah Melayu tu tanah siapa. Siapa orang Melayu? I tak tahulah kalau Kim Sai ada jumpa buku sejarah lain yang menyatakan nama negeri ini “*The Sino-Malay States* dan sebagainya.”

“Cakap you tu memang betul. Tapi yang salah Lee orang Melayu jugak. Bila MCA menarik balik usul yang dibuat oleh MCA Selangor mereka macam puas hati pulak dengan MCA yang meletakkan mereka setaraf dengan orang Cina dengan orang India. Mereka tak sedar bahawa MCA dah buang itu *title* ‘pribumi’ yang jadi kebanggaan kepada orang Melayu. Sekarang mana ada lagi you dengar orang UMNO suruh Kim Sai letak jawatan atau suruh Sultan Selangor tarik balik dia punya *title* Datuk.”

“You orang Melayu tak boleh macam tu Syed. You orang ada hak. You orang tak boleh *fight* separuh jalan aje. You sendiri tahu, apa istilah Furnival dan K.J Ratnam tentang orang Melayu? Dia orang ini *drop you* orang punya mertabat tau. Mereka kata orang Melayu tu bukan satu bangsa tapi satu kaum aje. Takkan mereka tak tahu yang orang Melayu tu adalah rumpun satu bangsa yang asalnya memang dari sini. Bukannya macam orang Cina dan India yang sememangnya dipisahkan dari negeri masing-masing. Ini maruah Syed. You patut tulis pasal benda-benda macam ini semua.”

Kata-kata kawan saya ini membuat saya teringat kembali tulisan Prof. Dr. Zainal Kling dalam sebuah rencana yang disiarkan di dalam majalah **Dewan Budaya** keluaran Februari 1987, seperti berikut:

Kesedaran kita atau segolongan kita sebagai warganegara lebih tertumpu kepada kepentingan mendatang (*derived*) kelompok kulit sehingga memperjuangkan kepentingan itu melalui segala saluran, politik, ekonomi perundangan dan sebagainya tanpa kepekaan yang tajam terhadap kepentingan yang lebih tinggi dan luas sebagai kelompok bangsa dan negara. Perjuangan lebih banyak tertumpu kepada mempertahankan ciri lama yang telah usang dan asing. Ciri yang telah ketinggalan masa kerana anak-anak tidak lagi dapat memahami akar umbi dan tunjangan ciri budaya itu dalam konteks negara asingnya. Anak-anak telah bertunjang dan berakar umbi dalam konteks negara bangsa dan peradapan sendiri tetapi golongan tua yang berkuasa dan berasaskan diri mereka sebagai pemimpin tidak melihat tunjangan kebangsaan dan kenegaraan itu.

Mereka lebih melihat tunjang usang kebudayaan asing mereka seolah-olah kebudayaan usang dan asing adalah syarat untuk kewujudan dalam negara dan bangsa kita masa kini.

Kerana masalah pribadi dalam arus perjalanan generasi ini maka kita mendengar lamentation atau keluhan dan ratapan terhadap pudar dan hilangnya kesedaran anak muda terhadap mereka mengenali ciri itu. Sekali gus perbuatan kita melemah budaya bangsa. Apa kala tradisi budaya dan sejarah bangsa yang tumbuh dan berkembang semarak dalam negara sendiri dipenggal dari kesedaran anak-anak kita yang kini sudah melakukan dosa besar kerana mengasingkan mereka dari akar umbi yang wajar bagi kewujudan mereka masa depan.

"Itu betul Lee", saya menyambung, "orang-orang Melayu ini sebenarnya hangat-hangat tahi ayam. Bila you orang MCA minta maaf, mereka pun sanggup melupakan yang sudah-sudah. Tapi Lee, I berpendapat perkara macam ini patutnya tak boleh diungkit-ungkit lagi. Kita dan generasi baru sepatutnya berusaha menghidupkan satu *homogeneous society*. Satu kebudayaan orang-orang Melayu. Tapi, bukan ini yang orang MCA dan DAP buat, mereka lagi mahu melagakan sentimen di antara penduduk."

"Orang Cina di Malaysia pelik sikit Syed."

"Pelik macam mana Lee".

"Sekarang Syed, dekat mana-mana pun ada orang Cina. Amerika,

Canada, Britain, Australia. Tapi Syed you tahu orang-orang Cina boleh jadi rakyat yang setia pada negara-negara yang I cakap tu. You tengok di San Francisco ada ramai orang Cina mereka menghadapi kebudayaan dan cara hidup orang Amerika. Mana ada kita dengar ada tuntutan hak mereka disana. You tengok Profesor Wang, seorang dari pengasas teknologi komputer. You pernah dengar tentang komputer Wangkan. Dekat Cina pun Syed, orang Cina sudah melupakan tentang sejarah-sejarah perang, takluk-menakluk, kekejaman pemerintahan dan lain-lain. Tapi di Malaysia ini nampaknya orang-orang macam tak dapat melupakan tradisi ini.”

“Kalau dekat tempat lain dia orang boleh buat macam tu, kenapa dekat sini tak boleh. Tapi dekat sini mereka ni banyak buat benda-benda yang tak betul, rompak, tipu dan lain-lain.”

“Dekat sini Syed yang memulakan benda-benda macam ini ialah Ghee Hin dan Hai San. Lepas tu benda-benda jenayah ini macam jadi satu tradisi pulak. Siapa yang buat rompakan besar-besaran, tipu orang-orang miskin dalam berpuluh-puluh koperasi.”

“Tapi ini semua orang DAP tak heboh-heboh kan pulak.”

“You tahu MP, DAP ni makan gaji buta. Dia orang buat bising dalam parlimen. Takut nanti pengundi kata mereka tak buat kerja. Politik MCA pula kalau you tengok, kadang-kadang bila mereka berucap, you tak tahu, MCA ini parti komponen Barisan ke atau parti pembangkang.”

“Tapi Lee, dia orang ini berjuang. Katanya mempertahankan hak. Nak jadi hero.” Aku mencelah.

“Hero apa?” Suara Lee kali ini tinggi sedikit. Ia nampaknya benar-benar marah dengan orang-orang MCA. Saya tidak tahu apakah muslihat kawan saya ini disebalik ‘membuka pekung di dada.’ Saya tidak menjawab solan ini. Lee meneruskan lagi.

“You tahu Syed, hero mesti ada sifat yang mulia, berjuang hak universal bukan untuk yang tak ada tapi diada-adakan oleh setengah-setengah golongan. Hero mesti disanjung. Herokah Neo Yee Pan yang tersingkir dari MCA disebabkan undi tak percaya? Apa you ingat Tan Koon Swan tu hero ke sebab dia tipu Pan El dan tipu Singapore Stock

Exchange serta kena hukum dalam penjara Singapura. Hero ke Kim Sai yang tak mengaku nenek moyang dia datang dari China dan membawa isu pribumi."

"Lee, dalam Malaysia belum ada lagi hero. Kerana belum ada orang Melayu yang layak jadi hero. Macam mana orang Cina nak jadi hero. Orang Melayu nak jadi hero, tapi orang Melayu yang membawa perjuangan orang Melayu pun sendiri tak betul. Bahasa Melayu bahasa rasmi, tapi tu tak lebih dari satu ayat dalam perlembagaan saja?"

"Betul tu Syed. I harap you dapat tuliskan perkara-perkara yang I cakapkan pada you tadi. Kalau tak Syed, semua orang akan susah. Kita tak boleh kasi muka dengan setengah-setengah pemimpin. Macam Belanda minta tanahlah."

"Wah pandai you berperibahasa ya".

Lee tersenyum sambil berkata "Saya, belajar sikit-sikit. Saya tak mahu orang katakan Cina ini diberi betis dia nak semua sekali."

"Baguslah kalau begitu" Aku mengiyakan.

"Sekarang ini Syed, I sudah tak ada *respect* lagi pada MCA. MCA bukan untuk rakyat yang berketurunan Cina tapi untuk beberapa kerat pemimpin Cina. Rata-rata MCA *leaders* ini dah gila you tahu. Mereka dah gila nak jadi *top leaders*. Itulah sebabnya mereka buat kerja-kerja gila."

"You ini macam *take things personal* aje. *Steady*lah *member*. Takkan you punya *leaders* pun you kata gila". Saya sudah dapat membaca apa yang hendak disampaikan oleh kawan saya ini tetapi saya sengaja pura-pura tak faham.

"Syed, *come on, you writer* yang ada prinsip, sanggup mati *in defend of the truth. I'm sure you know what I mean.*"

"Gila ini ada banyak jenis Lee."

"Betul Syed, you tengoklah sendiri *support* dengan *phantom members* tu bukankah gila namanya. Suruh *speaker* parlimen pergi

jumpa Tan Koon Swan dekat penjara Changi tu tak gila ke." Lee dia sebentar. Kapalanya digeleng-gelengkan. Mukanya penuh dengan penyesalan. Saya tahu ini adalah pengakuan yang ikhlas.

Saya mengangguk-anggukan kepala dan berkata, "Betul juga ka you tu Lee."

"Kadang-kadang Syed, kalau kita fikirkan betul-betul, I ingat, lebih menghormati Botak Chin dari Tan Koon Swan. Botak Chin rompak duit orang kaya yang kedekut dan tolong orang miskin. MC *leaders* tipu syarikat awam untuk kaya sendiri aje."

"Itulah, you orang Cina tak mahu ikut ajaran Buddha."

"Mana pulak Cina tak ikut ajaran Buddha."

"*You* orang tak ikut ajaran Buddha. *You all* sembah Buddha Buddha bukan suruh sembah dia. Buddha suruh ikut ajarannya. Buddha cakap kalau *you* nak rasa kepuasan jiwa yang betul-betul be *you* mesti pandai berpuas dengan apa yang *you* ada. Kalau *you* belajar pasal Buddha ini, tentu orang Cina tak jadi macam ini. Ti sana, tipu sini. Tapi orang Cina tak mahu belajar apa itu ajaran Buddha. Yang mereka buat, pergi kedai beli satu patung Buddha sembah dekat rumah."

Kata-kata saya ini nampaknya menyebabkan kawan saya terdiam. Mungkin juga sedang memikirkan akan kebenaran cakap saya itu. Tetapi belum lagi dia sempat membuat pertimbangan, saya menambah lagi.

"Eh, Lee dalam Islam *you* tau kita ada kasi zakat dan fitrah t *Every year* wang kita kasi semua orang miskin. Kasi tolong semua d

"Orang Cina ada kasi derma juga Syed."

"Saya tahu. Tapi tangan kasi derma, hati mahu dapat nama." Saya menerangkan sambil tersenyum sinis.

"Betul juga cakap *you* Syed. Kalau semua orang di Malaysia kira keturunan faham tentang ajaran Islamkan bagus. Bukan suruh masuk Islam tapi setakat faham dan ikut mana-mana yang t

pun jadilah.”

“Lee ada banyak benda-benda yang kerajaan buat mengikut Islam. Benda-benda ni semua baik bagi orang Islam dan orang bukan Islam. Tapi orang Islam tak nampak dan tak mahu buat. Jadi kadang-kadang kerajaan kena paksa kerana benda macam ini memperlihatkan kebudayaan kita pada orang asing. Macam pakai songkok misalnya, baru soal ni sahaja ada orang tak bersetuju. Dia kata pakai songkok tak boleh paksa. Patutnya Tan Chee Khoon tak boleh cakap macam itu. Dia tahu pakai songkok bukan bermakna orang itu sudah jadi Islam tapi setakat menunjukkan kebudayaan negara. Menunjukkan kebudayaan negara satu benda yang baik. Jadi kalau orang tak mahu membuat benda yang baik secara sukarela, nampaknya terpaksalah kita paksa”.

“Ah cakap-cakap Tan Chee Khoon ini bukan boleh pakai sangat. Kalau *you* nak ikut cakap dia nanti semua porak peranda. Dia ni pun bukan patriotik sangat, setakat bising-bising dalam *Star* nak cari nama. Dia cakap kebudayaan nasional tak boleh paksa, dasar kerajaan mesti dapat persetujuan orang ramai. Kalau macam itu baik tak usah ada kerajaan, tak usah ada parlimen. Orang ramai boleh buat apa dia punya suka.”

“Dia tak duduk dalam kerajaan dia tak tahu. Yang dia tahu cakap aje. Cuba suruh dia buat. Makin gugur rambut dia agaknya.”

“Betullah *you* cakap Syed. *I hope* ini semua *you* kasi tulis dalam *you* punya buku.”

Aku tersenyum, “Ini saya tak boleh janji Lee. Tengok dulu macam mana. Nanti orang Cina marah sama saya. Nanti kata mereka saya tulis pasal perkauman.”

Apabila perbualan kami berakhir matahari sudah tinggi diangkasa. Tapi kampung Wadi Hana tetap tenang dengan sesekali ada siulan burung dari pokok-pokok yang rendang menyejukkan kampung yang penuh sejarah itu.

## GONG XI FATT CHAI



RASA LA  
KETUPAT  
NI, ENCIK LEE

KITA NI RAKYAT  
MALAYSIA. MAKAN  
DAN BERHARI RAYA  
PUN MESTI CARA  
MALAYSIA

RAZ 87'

# 24

## SIAPAKAH HERO KITA?

Kami baru saja selesai menunaikan sembahyang Maghrib berjemaah anak beranak. Saya menjadi imam dan ketiga-tiga anak lelaki saya bersama seorang temannya menjadi makmum. Sementara menunggu waktu Isyak, saya bertanya kepada anak saya yang bongsu.

"Adik sudah tengok cerita *The Never Ending Story*?"

"Sudah abah." Jawab adik.

"Bagus tak?"

"Bolehlah."

"Naguib, Hadi, sudah tengok cerita itu?"

"Sudah abah." Kedua-duanya menjawab serentak.

"Tolong sewakan *tape* itu. Abah nak tengok." Saya menyuruh anak saya Naguib. Dia yang tertua antara mereka bertiga. Naguib sedang menunggu keputusan S.P.M.

"Apa pasal abah nak tengok cerita itu? Itu kan cerita budak-budak?" Adik bertanya.

"Mungkin cerita itu cerita budak-budak, tapi yang menulisnya orang tua. Adik tahu tak, kebanyakan cerita budak-budaklah banyak mesej untuk budak-budak dan orang dewasa. Adik kan dah tengok cerita *Alice in Wonderland*, cerita *Robin Hood*, *Superman* dan *Rambo*. Adik juga sudah dengar cerita *Seribu Satu Malam*, *Sang Kancil*, *Nenek*



*Kebayan* dan lain-lain cerita. Tentu adik sendiri tahu dalam cerita itu banyak mengandungi mesej." Saya memberikan pendapat saya.

"Adik sudah tengok dua kali cerita ini, adik tak nampakpun apa-apa mesej. Tapi ceritanya *best*. Emak ada simpan *tapenya*." Muhamad Fuad memberi penerangan yang jelas. Fuad atau adik baru berumur 10 tahun, bersekolah dalam darjah lima. Budak dari aliran Melayu mana nak faham tengok cerita dalam bahasa Inggeris, walaupun ada terjemahan ke Bahasa Malaysia. Lagi pun budak-budak menonton filem bukan untuk mencari mesej tetapi mencari hiburan.

Di rumah saya hanya filem-filem yang tertentu saja yang boleh ditonton oleh anak-anak saya. Kami sentiasa mengawasi filem yang akan ditonton oleh anak kami. Mereka boleh tonton filem yang sesuai dengan umur mereka saja. Tengok TV pun ada waktunya. Kerana tanpa pegawalan yang ketat, pengaruh TV boleh merosakkan akhlak anak-anak kita.

Banyak rancangan-rancangan di TV hari ini bukan saja tidak sesuai untuk anak-anak, tetapi juga tidak sesuai untuk orang muda dan orang dewasa. Kalau kita tidak boleh menyekat TV dari menyiarkan rancangan yang boleh menguntungkan mereka, kita boleh menyekat anak-anak kita dari menonton sesuatu rancangan yang boleh merosakkan keluarga kita. Penontonlah yang menentukan apa yang baik dan tidak baik bagi keluarga mereka.

Sengaja saya tidak membenarkan anak-anak saya menonton gambar yang tidak berfaedah dan boleh merosakkan fikiran dan akhlak mereka. Alhamdulillah, semua anak-anak saya taat pada kehendak saya kerana mereka telah dididik dari sejak kecil lagi. Isteri pertama saya yang suka mengumpul *tape* sebagai hobinya juga menyedari akan hal ini.

"*Tape* itu tidak ada, orang pinjam belum pulangkan lagi," kata isteri saya.

"Kalau macam itu Naguib tolong abah, pergi kedai, sewakan *tape* itu. Abah hendak tengok selepas sembahyang Isyak nanti."

"Kenapa pula tiba-tiba abah hendak tengok cerita budak-budak? Hendak isikan dalam buku ke?" Abdul Hadi bertanya kerana dia tahu

saya sedang menulis sebuah buku baru.

"Semasa abah menceritakan pada seorang kawan, abah hendak tulis buku ini, kawan abah itu suruh abah tengok cerita ini sebelum menyiapkan buku. Katanya, mungkin boleh masukkan sedikit dari ceritanya dalam buku abah."

"Apa ada kena mengena cerita *The Never Ending Story* dengan buku politik yang sedang abah tulis? Selalu abah tidak bubuh cerita budak-budak dalam buku abah. Nanti orang kata abah sudah tak ada modal hendak tulis. Saja hendak tebakkan buku ke?" Abdul Hadi memberikan pendapatnya. Anak-anak saya mempunyai pemikiran yang kritis. Mereka memang dididik begitu. Mereka bebas mengeluarkan pendapat sewaktu berbincang.

"Hendak tahu jawabnya, mari kita tengok cerita itu dulu. Sudah habis tengok cerita itu nanti abah boleh beritahu sebab apa abah mesti tengok cerita ini. Kan orang tua-tua sudah berpesan: **Kalau hendak melentur buluh biarlah waktu masih rebung.**

"Apa maksud peribahasa itu abah? **melentur buluh mesti dari rebung.**" Adik pula bertanya.

"Kalau kita mahukan rakyat di negara ini menjadi warganegara yang baik, setiap ibu bapa yang cintakan negara ini mesti mendidik anak-anak mereka supaya menjadi anak-anak yang baik. Budi bahasa yang baik, tingkah laku dan perangai yang baik mesti bermula dari kecil. Anak-anak mesti diberi tahu apa itu akhlak. Antara mesej dalam cerita ini ialah cintakan negara. Orang yang cuba merosakkan negara adalah orang-orang yang tidak berakhlak." Saya menerangkan kepada Hadi dan Fuad.

"Buku-buku yang abah tulis ada juga dibaca oleh budak-budak sekolah. Budak-budak sekolah inilah satu hari nanti yang akan menjadi pemimpin negara kita. Dan pada merekalah patut abah semaikan benih patriotik dan semangat nasionalis." Tambah saya lagi.

"Sekarang barulah Hadi faham apa maksud abah mesej dalam sebuah filem. Selama ini kita tengok filem untuk seronok-seronok saja."

"Orang tua-tua kita kan sudah mengajar kita, **sambil menyelam**

sambil minum air. Sambil berhibur sambil berfikir. Kita dapat dua benda dalam satu waktu. Jadi kita tidak membuang masa yang Tuhan pinjamkan pada kita dengan sia-sia. Yang penting niat kita hendak tengok satu-satu filem. Kalau niat kita nak cari ilmu, Insya Allah kita akan dapat ilmu.”

Anak-anak saya mengangguk, bersetuju dan faham mesej yang hendak saya sampaikan. Selepas selesai sembahyang Isyak, kami pun mula menonton filem *The Never Ending Story*. Ada bahagian dari filem ini saya tonton sampai dua kali kerana saya ingin membaca yang tersirat.

“Bolehkah buku abah nanti jadi seperti buku dalam filem *The Never Ending Story*?” Adik bertanya. Mungkin juga dia sudah mendapat mesej dari filem itu.

“Abah tak boleh tentukan sama ada buku abah boleh jadi seperti buku dalam filem tersebut. Tapi buku yang mengandungi perjuangan agama dan bangsa adalah buku-buku yang mungkin hidup sepanjang zaman, kerana selagi ada warganegara yang menaruh cinta dan kasih terhadap negaranya, selagi itulah ia akan jadi seperti buku dalam filem itu.” Saya cuba memberikan penerangan.

Filem ini menceritakan bagaimana seorang budak kecil yang lemah, telah dibuli oleh budak-budak yang lebih besar darinya. Setelah mejumpai dan membaca isi kandungan serta menghayati buku *The Never Ending Story* dari awal hingga akhir, dia telah bertukar menjadi seorang budak yang benar-benar berani.

Keberanian itu timbul disebabkan dia merasa bertanggungjawab memperjuangkan sesuatu yang berkaitan dengan kehidupan bangsa dan negaranya. Mesej filem itu mendidik anak-anak menjadi seorang yang berani dan bertanggungjawab serta menanam semangat *sense of responsibility* dan *sense of duty*.

Tidak ada makna membaca satu-satu buku mengenai bangsa dan negara tetapi sesudah itu menutup buku itu dan tidak berfikir tentang tanggungjawab untuk membetulkan negara kita yang sedang menuju kehancuran ini.

Siapa lagi yang mesti merasakan betapa pentingnya perasaan kasih

sayang terhadap tanah tumpah darahnya, kalau bukan rakyat di negara tersebut. Apakah kita akan terselamat kalau negara kita dilanda kehancuran? Patutkah kita berpeluk tubuh dan tidak mahu mengambil tahu apa yang berlaku kepada bangsa dan tanahair kita?

Mungkin ramai orang yang tidak pernah merasakan bagaimana perasaan seorang pelarian yang kehilangan negeri, seperti yang dirasakan oleh pelarian Vietnam yang terdampar di negeri kita. Mungkin ramai yang belum melihat negeri yang hancur binasa akibat peperangan dan rakyatnya hidup dalam penderitaan dan kesengsaraan. Mungkin juga anda belum pernah pergi ke negeri yang sedang berperang misalnya Iran atau Iraq dan Afghanistan. Oleh sebab itu anda tidak dapat menilai betapa tingginya harga sebuah negara bagi seorang manusia.

Selain dari filem *The Never Ending Story*, berikutnya di hari yang lain pula saya bimbing anak-anak saya menonton filem *Omar Mokhtar — The Lion of the Desert*, supaya anak-anak saya mempunyai semangat seperti Omar Mokhtar pahlawan Libya yang sanggup naik ke tali gantung untuk membebaskan bangsanya dari dijajah. Omar Mokhtar begitu berani dan Libya bangga mempunyai anak watan seperti Omar Mokhtar sehingga mereka membuat filem mengenainya.

Siapa lagi kalau bukan orang tua-tua yang mesti melepaskan pemikiran anak-anak mereka daripada terus dijajah? Kemerdekaan tidak akan memberikan apa-apa makna pada anak-anak yang pemikirannya masih terus terjajah.

Kalau fikiran dan jiwa anak-anak kita tidak kita jaga, tidak kita bebaskan supaya benar-benar menjadi manusia merdeka, siapa tahu satu hari nanti bila ada orang lain yang mengambil-alih kuasa dari pemerintahan yang ada sekarang, kita akan berbalik kepada asal. Malahan lebih teruk lagi dari zaman sebelum merdeka, kerana anak kita yang sudah jadi robot tak akan dapat buat apa-apa.

Negara kita ini tidak seindah ini sebelum merdeka. Usaha orang tua-tua kitalah menjadikan negara kita ini indah dan makmur dari segi material. Bagaimana pula dari segi rohaninya? Tugas dan tanggungjawab siapakah mengisi rohani yang kosong itu?

Negeri kita pernah diserang oleh Jepun. Bagaimana penderitaan

rakyat ketika itu? Pernahkah anda melalui zaman menentang penganas komunis yang berpanjangan? Bagaimana kehidupan rakyat tidak kira keturunan ketika itu? Dan Peristiwa 13 Mei, walaupun sangat singkat tapi pahitnya orang Cina dan orang Melayu tahu. Tapi orang Melayu cepat lupakan sejarah.

Saya sudah lalui zaman-zaman ini semua, sebab itu kiranya saya boleh selamatkan negeri ini dari menemui kehancuran akibat kurangnya pendidikan rohani terhadap anak bangsa kita, akan saya lakukan. Saya tidak mahu lihat anak-anak bangsa kita melalui jalan penuh onak dan duri seperti yang telah saya lalui.

Selepas merdeka negeri kita menjadi aman dan makmur. Kita berjaya menentang penganas komunis. Penganas komunis akhirnya tunduk dan mengalah. Begitu juga komunis yang pernah meresap ke dalam UMNO. Jaafar Albar dan Datuk Harun Idris rela jadi korban kerana menghapuskan anasir komunis yang meresap ke dalam UMNO. Apakah kita takut menentang orang-orang dalam UMNO yang cuba merosakkan perpaduan umat Melayu sekali gus cuba merosakkan umat Malaysia?

Saya percaya kiranya orang-orang tua sedar bahawa mereka mempunyai anak-anak di rumah dan di sekolah yang memerlukan perlindungan mereka akan menentang habis-habisan orang-orang yang cuba memecahkan tradisi UMNO untuk kepentingan diri. Orang-orang yang tidak ada anak isteri atau orang yang ada anak tapi tidak pedulikan akhlak anak-anak dan isteri, mana hendak sedar akan hal ini.

Kini negara kita sedang berada di ambang kehancuran akibat percakarañ orang UMNO sesama sendiri. Ini terjadi kerana sifat tamak dan iri hati, tidak tahu puas dan bersyukur dengan apa yang sudah ada. Mereka mahu lebih banyak lagi. Inilah penyakit teruk yang sedang melanda sebahagian daripada pemimpin politik kita, yang tidak tahu mengucapkan kesyukuran terhadap Tuhan dan tak sayang pada bangsa dan negara.

Setiap anak muda mesti bercita-cita mahu membangunkan negaranya dan menentang sebarang kemungkaran. Satu hari nanti merekalah yang akan mengambil-alih kuasa bila orang tua sudah tidak ada lagi. Tapi buat apa segala jawatan dan kuasa kalau negara sudah hancur? Sebab itu setiap anak muda mesti mengingatkan orang tua-

tua mereka supaya jangan lupa daratan, terutama anak-anak pemimpin politik.

Cuba setiap anak bertanya kepada ayah mereka tentang akhlak? Kerana kalau pemimpin politik tidak malu dan segan dengan kawan sejawatnya tentu mereka yang tidak berakhlak merasa malu kalau perbuatan mereka itu ditegur oleh anak-anak mereka sendiri. Apa nak buat, kalau dah terpaksa kita terbalik-kuangkan keadaan, demi untuk menyelamatkan keadaan kita yang semakin teruk ini, apa salahnya kita terbalik-kuangkan. Kalau bapa yang kemabukan kuasa dan harta sudah tak boleh mendidik anak, biarlah anak pula yang menegur bapa.

Yang menyelamatkan Singapura dari dilanggar todak ialah seorang budak. Siapa tahu akan bangun seorang budak yang boleh menyelamatkan UMNO dari menemui kehancuran? Dan siapa lagi budak ini kalau bukan anak-anak orang UMNO sendiri?

Bila kebanyakan anak muda di dalam sebuah negeri sudah tidak lagi memperdulikan negerinya, itu alamat negeri itu akan menemui kehancuran. Siapakah yang membuatkan anak-anak muda jadi begini kalau bukan orang tua-tua mereka sendiri? Sifat tidak pedulikan orang tua-tua, sifat tidak ambil tahu mengenai negara, sedang mula menular ke dalam jiwa anak muda Malaysia hari ini akibat dari perbuatan dan angkara orang tua-tua mereka sendiri.

Sepatutnya anak-anak mesti mempunyai impian yang dia ingin jadi hero. Bijak pandai Amerika mencipta Superman supaya anak-anak di Amerika ingin jadi seperti Superman. Kerana tidak ada manusia betul seperti Superman, mereka ambil seorang anak dari planet yang lain dijadikan anak angkat orang Amerika. Jadi apa yang kita hendak herankan bila ada orang yang tidak sabar-sabar menunggu kelahiran Imam Mahadi dan ada orang yang sanggup mengaku Imam Mahadi kerana makhluk yang dinamakan manusia ini sudah banyak yang rosak!

Baru-baru ini mereka dapat lagi seorang hero Amerika, **Rambo**. Rambo lahir akibat perang Vietnam. Rambo lahir untuk mengangkat kembali moral Amerika yang mulai merosot akibat berbagai-bagai skandal yang dilakukan oleh pemimpin-pemimpin Amerika. Demikianlah pandainya orang Amerika menggunakan media dan teknologi moden untuk menipu pemikiran dan psikologi manusia

seluruh dunia. Tidak hebatkah orang Amerika yang seperti Rambo itu?

Sama ada manusia seperti Rambo dan Superman itu masuk akal atau tidak boleh wujud dalam dunia hari ini tidak penting, kerana manusia percayakan sesuatu bukan melalui akal saja. Yang tak masuk akal pun banyak yang manusia percaya. Yang pentingnya setiap bangsa memerlukan hero. Orang Melayu pun dulu telah mencipta beberapa orang hero seperti Hang Tuah, Hang Jebat, Hang Nadim, Badang, Nenek Kebayan dan sebagainya. Itu hero di zaman orang Melayu belum pandai membaca, belum ada mesin cetak dan belum ada komputer. Tetapi siapa pula hero orang Melayu di zaman ini? Bolehkah kita kata orang Melayu telah maju sedangkan nak cipta seorang heronya yang moden pun orang Melayu tidak mampu?

Dalam masyarakat kita ada pemimpin-pemimpin politik yang jadi kaya raya kerana merompak dan menyamun harta orang miskin, tapi akhbar-akhbar memberi pemujaan pada mereka. Anak-anak mereka hidup dengan hasil yang haram tapi di halalkan. Apakah mereka ini hero negara kita di zaman moden? Sesatlah bangsa kita kalau sampai jadi begini. Bagaimanakah kita boleh menjaga anak-anak kita supaya tidak turut sesat dan hanyut? Inilah tanggungjawab kita semua orang-orang yang belum sesat, untuk menyedarkan mereka yang telah sesat.

Siapakah hero kita? Kita ada Mat Kilau, Datuk Bahaman, Rosly Dhoby dan lain-lain, tetapi ditutup ceritanya begitu saja, kerana jiwa dan pemikiran kita masih dijajah, masih belum merdeka betul.

Anak muda yang sudah rosak akhlak dengan mudah boleh jadi alat untuk menghancurkan negaranya. Seperti juga pemimpin yang tidak berakhlak tidak boleh dibiarkan menjadi pemimpin kita, kerana nanti pemimpin selepas mereka akan jadi lebih dahsyat lagi.

Ramai anak-anak pembesar yang membesar dengan sendiri tanpa bimbingan dan tunjuk ajar. Dilahirkan Islam tapi besar dalam suasana kekafiran. Ayah leka dengan meminum minuman haram. Di rumah berjudi, membuat segala macam maksiat. Bolehkah menjadi anak Islam yang baik? Bolehkah lahir perasaan cinta dan kasih pada negeri di jiwa anak-anak seperti ini? Anak-anak yang turut minum arak, berjudi berpelesenan bersama keluarga mereka akan jadi seperti orang tu: mereka juga.

Apakah mereka yang bukan Melayu pula, yang telah lama menjadi rakyat Malaysia, mendidik anak-anak mereka yang lahir di sini supaya mencintai negeri ini? Yang kita tahu, ramai orang Cina mendidik anak-anak mereka supaya mencintai negara mereka dan membenci orang yang bukan dari satu keturunan dengan mereka, yang bukan dari suku kaum mereka. Perasaan iri hati dan curiga terhadap orang Melayu. Ambil mudah saja bahasa kebangsaan dan tidak ambil tahu mengenai kebudayaan Melayu yang menjadi asas kebudayaan Malaysia. Mereka patuh dan taat hanya terhadap keluarga mereka sendiri dan sayang pada bahasa dan bangsa asal keturunan mereka saja.

Malaysia nak aman macam mana kalau beginilah sikap dan pemikiran kaum keturunan pendatang yang telah menjadi warganegara Malaysia? Di sekolah anak Cina dan India berbaik dengan anak-anak Melayu, belajar bahasa Malaysia. Di rumah, ibu bapa tak hormati bahasa yang anak-anak mereka belajar di sekolah. Anak-anak Melayu itu dikatakan anak 'Malay Kwai' atau anak 'Melayan kutti' kata orang India.

*Hubbul Watan minal Iman.* Cintakan bangsa adalah separuh dari Iman, adalah semangat perjuangan yang telah menyatukan orang Melayu semasa merebut kemerdekaan di tangan Inggeris dulu. Orang Melayu bersatu dan kuat bila Islam membara di jiwa mereka.

Cintakan agama, negara dan bangsa mesti disemaikan dalam jiwa anak-anak Islam. Orang tua mereka yang leka berebut kuasa, mereka sendiri pun sudah tidak mengenal cintakan bangsa itu separuh dari imam, bagaimana mereka mahu mempengaruhi anak-anak mereka supaya cintakan negara?

Tanya orang Cina dan India sama ada mereka mahu balik ke negeri asal mereka? Mereka tentu kata tidak mahu. Mereka kata negeri ini negeri mereka. Tapi perbuatan mereka tidak membuktikan yang mereka cintakan negeri ini, sebaliknya membuktikan mereka cintakan India dan Negeri Cina yang masih menebal dari segi bahasa dan kebudayaan mereka. Mereka tetap pertahankan bahasa dan kebudayaan datuk nenek mereka.

Bolehkah ibubapa macam ini mencorak — warnakan hidup anak-anak mereka dengan warna yang sesuai untuk negara ini? Bolehkah orang Cina masih mengajar anak mereka memanggil 'Malay Kwai'-



Hantu punya Melayu! Bolehkah kita mengharapkan Malaysia satu hari nanti akan menjadi sebuah negara yang aman dan makmur?

Pada hal ibu bapa Melayu terus juga mengajar anak Melayu supaya hidup seperti adik beradik dengan orang Cina dari sejak merdeka hingga ke hari ini. Bagaimana kalau orang Melayu berlagak macam tuan dalam negeri ini dan mereka bersatu memaksa orang Cina dan India menjadi hamba mereka?

Ramai anak-anak Cina yang tidak tahu bahawa ini negeri mereka. Ramai orang Cina yang menghantar anak mereka bersekolah di Singapura atau di luar negeri. Ramai anak-anak Cina yang tidak tahu berbahasa Malaysia. Tidak taat pada Rukun Negara, berperangai macam orang asing dalam negeri sendiri. Salah siapakah ini? Menteri Pelajaran atau orang Cina sendiri yang tetap merasakan kaum mereka sebagai *The Master Race*?

Harapan saya semasa anda membaca buku ini supaya anda dapat merasakan apa yang saya rasakan terhadap bangsa dan negara kita. Saya libatkan cerita anak-anak di dalam buku ini kerana saya percaya para pemimpin tidak dapat menyembunyikan segala perbuatan buruk mereka dari pengetahuan anak-anak mereka. Macam juga saya sebagai seorang penulis, tidak boleh menahan anak-anak saya dari membaca buku-buku tulisan saya.

Hari ini para pemimpin hidup dalam serba kekayaan. Tiba-tiba mereka menjadi manusia yang kaya raya. Apa yang mereka hendak jawab pada anak-anak mereka apabila ditanya dari mana mereka dapat duit banyak-banyak. Beli beberapa buah rumah besar, simpan beberapa buah kereta besar dan sebagainya.

Apa perasaan anak-anak mereka bila mengetahui bahawa ayah mereka yang mereka sanjung adalah pengkhianat dan perosak bangsa, menyelewengkan wang rakyat? Bagaimana kalau anak-anak tanya adakah ayah-ayah mereka menjadi alat orang tertentu, demi untuk mengekalkan jawatan dan mendapat lebih banyak wang, mereka sanggup buat apa saja?

Saya tahu ramai pemimpin UMNO yang baik. Bukan saja mereka bersembahyang bila masuk waktu sembahyang semasa sedang bertugas di Parlimen, di rumah juga mereka sembahyang berjemaah bersama

anak-anak mereka. Mereka adalah ayah dan suami yang baik. Apakah mereka ini juga seorang pemimpin yang baik? Tidak menyeleweng dari amanah dan tidak menyelewengkan harta rakyat?

Pemimpin MCA dan MIC pun macam itu juga. Baik semasa di depan anak isteri saja. Kerja macam ini kerja yang hipokrit. Buat apa dihormat kerana kerusi saja?

Anak-anak dan cucu-cucu kita tidak berdosa. Mereka tidak ada lain negara melainkan inilah negara mereka. Bumi ini mereka pijak, langit ini yang mereka junjung. Apakah kita tidak takut sekiranya negara kita hancur, anak-anak kita akan jadi seperti orang-orang pelarian Vietnam?

Marilah kita didik anak-anak kita tentang tanggungjawab semasa mereka masih kecil lagi. Kerana kita semua tahu, kita tidak mahu mereka juga dihinggap oleh penyakit yang sedang melanda para pemimpin UMNO hari ini. Penyakit dalam UMNO ini berbahaya dan boleh berjangkit kepada anak-anak yang akan mewarisi pucuk pimpinan nanti.

Marilah kita jadikan negara kita ini seperti sebuah rumah di mana di dalamnya setiap rakyat dapat merasakan kenikmatan dan kebahagiaan yang tidak akan ada habisnya.

Semasa menyusun buku ini saya menerima amaran dan ugutan dari beberapa orang tertentu, tapi saya tidak peduli dan tidak takut. Tubuh badan saya sudah tidak ada harga lagi sesudah buku ini selesai anda baca. Saya rela jadi korban. Saya bersedia buku saya untuk dicaci dan dicela atau dibuat apa saja demi untuk masa depan bangsa dan negara yang tercinta.

Saya percaya akan lahir anak-anak yang lebih berani dari saya untuk menyambung tugas dan tanggungjawab saya sekiranya saya gugur di tengah jalan kerana tugas ini terlalu berat dipikul oleh manusia yang lemah macam saya. Yang kuat, yang kaya, yang berkuasa dan yang saya takut hanyalah Allah Subhanahu Wata'aala. Kepada Dialah saya serahkan jiwa raga saya.

# 25

## HIKAYAT YANG TIDAK BERAKHIR

Semoga buku ini boleh menjadi seperti sebuah buku yang terdapat dalam filem *THE NEVER ENDING STORY*. Bagaimana seorang anak kecil yang lemah, yang telah dibuli oleh anak yang besar darinya telah bertukar menjadi seorang anak yang benar-benar berani kerana ia membaca *THE NEVER ENDING STORY*.

Siapa lagi kalau bukan anda yang mesti merasakan betapa pentingnya satu negeri untuk seorang manusia. Dan seorang anak muda mesti merasakan membangunkan negaranya itu adalah satu tanggung jawabnya. Dia mesti mempunyai khayalan yang dia ingin jadi hero untuk menyelamatkan negeri supaya dia tidak jadi alat untuk menghancurkan negaranya.

Tanyalah mereka yang sudah pergi kemana-mana. Kata mereka Malaysia macam syurga. Tanya orang Cina dan India sama ada mereka mahu balik ke negeri asal mereka?

Bab ini memang saya tulis khas untuk dijadikan seperti cermin mata menonton filem 3 dimensi. Saya mahu anak-anak Malaysia yang cintakan negara ini supaya merasakan apa yang hendak saya sampaikan.

Supaya mereka yang bukan Melayu bila membaca buku ini merasakan bahawa dia bukan mengintip atau mengintai sesuatu kejadian di rumah jiran, tetapi dia ada bersama-sama dengan jirannya. Lebih-lebih lagi mereka yang telah diajar oleh agamanya supaya cintailah jiran kamu sama seperti kamu menyintai dirimu sendiri. UMNO adalah jiran MCA dan MIC yang paling rapat.

SERIGALA : Jangan rapat lagi. Nanti akan ku koyak-koyakkan tubuhmu.

ATRIO : Siapakah kau?

SERIGALA : Akulah Morb. Dan siapapun kau, akan ku berikan penghormatan sebagai mangsaku yang terakhir.

ATRIO : Aku tidak akan mati semudah itu. Aku adalah pahlawan.

Penulis adalah seorang pahlawan. Pahlawan yang tidak jemu-jemu berjuang demi mempertahankan maruah negara dan bangsanya. Walaupun ia tahu dalam pada ia mendedahkan kebenaran ia mungkin dihukum penjara akibat perjuangannya itu dan nyawanya terpaksa bercerai dari jasadnya.

SERIGALA : Haa .... Pahlawan yang berani ya. Tunjukkan bagaimana menentang ketiadaan.

ATRIO : Aku tidak dapat melakukannya. Aku tidak dapat menyeberangi sempadan Fantasia.

SERIGALA : Haaaa .... haaaa ....

ATRIO : Apakah yang melucukan?

SERIGALA : Fantasia tidak mempunyai sempadan.

ATRIO : Itu tidak benar. Kau bohong.

SERIGALA : Budak bodoh ....

Walau apapun, seseorang pemimpin dan rakyat sesebuah negara itu mimpikan, ia bolehlah diibaratkan sebagai satu fantasi. Fantasi tidak mempunyai sempadan. Yang memisahkan alam yang *ada* dengan *ketiadaan*, di dalam fantasi hanyalah akal manusia. Jika kita berjuang maka ketiadaan itu akan menjadi lemah dan mungkin juga yang tiada menjadi ada. Dan jika kita membiarkannya ketiadaan akan menjadi bertambah kuat.

ATRIO : Tapi mengapakah fantasi hampir mati?

SERIGALA : Kerana manusia sudah mulai hilang harapan dan lupa akan mimpi mereka. Jadi ketiadaan menjadi bertambah kuat.

ATRIO : Apakah itu ketiadaan?

SERIGALA : Ia adalah kekosongan yang tinggal. Bagaikan kehampaan yang memusnahkan dunia ini. Dan aku telah cuba menolongnya.

ATRIO : Tapi kenapa?

SERIGALA : Kerana manusia yang sudah tidak ada fantasi, amat mudah dikuasai oleh sesiapa sahaja yang menguasai dan mempunyai kuasa.

Mahukan anda menjadi seorang pemimpin yang tidak mempunyai *vision* atau mahukah anda menjadi rakyat yang sudah putus harapan dan sudah mula melupai mimpi-mimpi anda? Jika pemimpin tidak ada *vision*, mimpi dan harapan, rakyatnya mula pudar, maka tidak akan ada apa-apa lagi yang tinggal di bumi kita yang dicintai ini. **NOTHING**. Sebuah negara yang dipenuhi oleh kekosongan yang merupakan ketiadaan. Dan rakyat yang sudah tiada mempunyai harapan mudah dikuasai dan dijajah.

ATRIO : Siapakah kau sebenarnya?

SERIGALA : Aku adalah hamba kepada ketiadaan itu. Aku dihantar untuk membunuh satu-satunya pemimpin yang boleh menghalang ketiadaan itu. Dia tidak terlepas dariku ketika melalui ketiadaan. Dialah yang bergelar Atrio.

ATRIO : Berpantang aku mati sebelum berjuang. Akulah Atrio.

Sanggupkah kita membunuh fantasi kita sendiri dan dengan berbuat demikian membunuh fantasi negara dan bangsa kita? Apakah

kita sudah mengaku kalah sebelum kita berjuang dan mati sebelum maut menemui kita?

*Never Ending Story* adalah cerita tentang Bastion, seorang kanak-kanak sekolah yang dikejar dan dibuli oleh rakan-rakannya semasa hendak ke sekolah. Bastion telah bersembunyi di sebuah perpustakaan. Ketika bersembunyi ia melihat seorang tua sedang membaca sebuah buku yang kulit luarnya bersimbolkan dua ekor ular. Bastion melarikan buku itu ketika orang tua itu tidak nampak. Buku itu dibaca di gedung stor sekolahnya.

Buku yang dibacanya adalah mengenai alam fantasi bernama FANTASIA. Ia bagaimanapun tidak menyedari hakikat itu. Alam fantasi yang bernama Fantasia itu akan runtuh dan hancur sekiranya ratu mereka hancur. Dan orang yang boleh menyelamatkannya ialah seorang pahlawan yang bernama Atrio. Atrio, bagaimanapun hanya boleh menyelamatkannya sekiranya ia dapat melintasi sempadan fantasi dan bertemu dengan seorang kanak-kanak yang berada di alam kenyataan yang akan memberikan nama baru kepada ratu tersebut.

Di penghujung cerita, Atrio telah kembali semula menemui rakannya apabila ia gagal menembusi sempadan Fantasia dan gagal bertemu dengan budak tersebut. Ketika itu buku yang dibaca oleh Bastion sudah hampir tamat. Oleh itu fantasi mengenai Atrio mulai hilang dan dengan yang demikian Fantasia pun mulai runtuh.

Demikianlah berakhirnya Fantasia. Yang tinggal hanyalah sisa-sisa dunia pudar yang satu masa dahulu hidup makmur dan telah ditinggalkan oleh ketiadaan.

RATU : Atrio, mengapa kau kelihatan sangat sedih?

ATRIO : Aku telah gagal wahai ratu.

RATU : Tidak, Atrio. Kau bukan lagi gagal. Engkau telah membawanya pulang bersama-samamu.

ATRIO : Siapa?

RATU : Seorang budak dari bumi. Budak yang boleh menyelamatkan kita semua.

- ATRIO : Kau tahu tentang budak dari bumi itu?
- RATU : Tentu Atrio. Aku mengetahui segala-galanya.
- ATRIO : Kudaku mati. Aku hampir menemui ajal. Dan aku baharu saja kembali dari ketiadaan. Untuk apakah semuanya ini? Untuk mencari apa yang kau telah ketahui?
- RATU : Itulah sahaja caranya engkau boleh menghubungi budak dari bumi itu.
- ATRIO : Tapi aku tidak pernah berhubung dengan budak dari bumi itu.
- RATU : Ya Atrio. Kau telah menghubunginya. Dia telah menderita bersama-samamu. Dia telah mengalami apa yang kau telah alami. Dan dia telah datang ke sini bersama-samamu. Dia kini sangat hampir dan sedang mendengar tiap-tiap perkataan yang kita sebutkan.
- BASTION : Apa?
- ATRIO : Di manakah dia? Jika ia sudah hampir, mengapakah ia tidak kunjung tiba?
- RATU : Dia masih tidak sedar bahawa dia telah pun menjadi sebahagian dari cerita yang tidak pernah berakhir ini.
- ATRIO : Cerita yang tidak pernah berakhir? Apakah dia?
- RATU : Semasa ia menghayati kisah kau, mereka menghayati kisahnya. Mereka ada bersama-samanya semasa dia bersembunyi dari budak-budak nakal di dalam sebuah kedai buku.
- BASTION : Ini mustahil?
- RATU : Mereka bersama-samanya semasa melarikan buku yang bersimbolkan dua ekor ular di kulit

hadapannya. Di saat ini ia sedang membaca buku tersebut. Buku yang sedang dibacanya itu adalah kisah dirinya sendiri.

- BASTION : Aku tak percaya. Takkan mereka sedang memperkatakan tentang aku.
- ATRIO : Apakah yang akan terjadi sekiranya ia tidak tiba jua?
- RATU : Bumi kita akan lenyap. Begitu juga aku.
- ATRIO : Kenapakah ia membiarkannya berlaku?
- RATU : Dia tidak faham. Hanya dia seorang sahaja yang mempunyai kuasa untuk memberhentikan kemusnahan ini. Ia tidak dapat bayangkan betapa hanya seorang kanak-kanak boleh menjadi sangat penting.
- BASTION : Adakah aku yang sebenarnya yang mereka katakan?
- ATRIO : Barangkali ia tidak tahu apa yang harus dilakukannya.
- BASTION : Apakah yang harus aku lakukan?
- RATU : Ia mesti memberikan aku satu nama baharu. Ia telah pun memilihnya dan kini hanya tinggal menyebutnya sahaja.
- BASTION : Oh ... ini hanyalah satu cerita dan mustahil boleh jadi benar. Atrio, jangan Atrio ...
- RATU : Bastion, kenapa kau tidak mahu melakukan apa yang engkau sedang khayalkan, Bastion?
- BASTION : Tapi aku berpijak di bumi nyata.
- RATU : Sebutkan namaku Bastion. Tolong selamatkan kami.
- BASTION : Baiklah. Aku akan lakukannya. Aku akan



selamatkan kamu. Aku akan lakukan apa yang sedang aku khayalkan.

(Bastion pun bertemu Ratu.)

BASTION : Mengapakah sangat gelap?

RATU : Kehidupan bermula dengan kegelapan.

BASTION : Apakah ditanganmu itu?

RATU : Sebiji pasir. Satu-satunya yang masih tinggal dari hari-hari yang telah berlalu.

BASTION : Fantasia telah benar-benar lenyap.

RATU : Ya, begitulah.

BASTION : Semuanya sia-sia belaka.

RATU : Tidak, tidak sia-sia. Fantasia boleh menjelma dalam dirimu, dalam mimpi dan keinginanmu Bastion.

BASTION : Tapi bagaimana?

RATU : Bukalah tanganmu ... Apakah yang kamu inginkan?

BASTION : Entahlah. Aku tidak tahu.

RATU : Jikalau begitu tidak akan wujudlah fantasia lagi.

BASTION : Oh ... berapa banyak keinginan yang dapat ku inginkan?

RATU : Sebanyak mana yang kau mahu. Lebih banyak keinginan dan mimpimu itu lebih hebat lagi fantasia.

BASTION : Benarkah?

RATU : Cubalah.

BASTION : Dan keinginanmu yang pertama ialah .... yah ....

Bastion pun menunggang anjing sakti Falco, sebagaimana Atrio yang telah dikhayalkan itu menunggang dan menjumpai semua ketiadaan yang sebelumnya tidak pernah dilihatnya.

Bastion boleh memenuhi berbagai-bagai keinginan dan mengalami berbagai-bagai peristiwa yang menyeronokkan sebelum ia kembali ke kediamannya sendiri, tetapi itu adalah cerita yang lain.

#### FANTASI DATO' SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD:

*"Saya mimpikan sebuah negara dimana tiada siapa yang papa — setiap orang adalah memadai cukup makan minumannya, cukup pakaiannya, sambil menikmati usia lanjut yang sihat — sebuah negara dimana setiap anak kita menikmati pelajaran yang secukupnya agar nanti, bila tiba masanya, mereka akan berkemampuan mengambil alih tanggungjawab dari ibubapa mereka — lebih-lebih lagi, saya mimpikan sebuah negara yang akan dihormati dan dicontohi oleh setiap negara lain didunia ini."*

— 5 April 1982

Buat masa ini negara itu mungkin terletak di Fantasi. Tetapi selagi siapa pun yang memimpin negara ini mempunyai mimpi yang sama, *ketiadaan* tetap dapat dimusnahkan.

# 26

## MAHATHIR DIKTATOR

Mana ada orang laki-laki biasa yang tak suka tengok perempuan mandi. Orang tua-tua pun suka. Orang muda apatah lagi. Inikan pula yang mandi tu perempuan yang cantik, gebu-gebu dan berbikini. Zaman dulu-dulu mandi berkemban pun orang mengendap. Sanggup panjat pokok kelapa dan pokok pinang. Zaman ini tak payah panjat pokok kelapa. Orang UMNO semua tahu di mana boleh tengok.

Dua tahun dulu di hotel inilah UMNO buat Perhimpunan Agongnya. Di sinilah UMNO buat perhimpunan setiap tahun. Ada satu kali sampai kering air paip di hotel ini. Apa tak keringnya, satu bilik, duduk sampai tujuh lapan orang.

Hotel buat kolam mandi bukan sebab nak mandi sangat. Kalau nak mandi dalam tiap-tiap bilik ada bilik air. Tapi orang tak boleh tengok siapa mandi. Itulah sebabnya hotel buat kolam mandi. Dekat kolam mandi itu pula, diadakan restoran. Jadi, sambil tengok orang mandi sambil makan. Bukanlah nak makan sangat. Dan bila dah tengok takkan nak tengok sahaja.

Kenalah makan. Di sinilah tempatnya seorang Datuk datang mengajak saya makan tengah hari. Kata dia 'lunch'. Di sini boleh tengok 'air hostes' antarabangsa mandi-mandi. Itu kata Datuk tu. Sebab dia selalu dok tengok benda tu. Sambil makan, sambil tengok benda-benda tu, dia memberitahu saya.

"Buku hari ini kalau mahu jadi *best seller* mesti buku yang berani lanyak Mahathir dan Daim, baru orang ramai hendak baca. Buku yang puji dan ampu Daim dan Mahathir, beri saja pun orang tidak mahu baca." Sambil bercakap matanya melanyak tubuh gebu seorang gadis berbikini yang melintas di depan.

"Buku yang boleh menggigit dan menggugat Mahathir dan Daim, jangan kata 30,000 naskah, 50,000 naskah pun orang ramai akan beli. Pasti jadi *best seller* sekali lagi." Orang kaya yang bergelar Datuk itu cuba memancing saya.

Hati kecil saya berkata: Ada lagi orang yang tidak memahami tujuan dan niat saya menulis buku Politik Semasa. "Lanyak dan belasah pemimpin yang ada di atas mesti kena tempat dan waktunya". Jawab saya. "Bagaimana kalau buku-buku saya kena *ban*. Saya menulis buku setahun sekali saja."

Orang kaya yang mahu menggunakan pena saya untuk menjatuhkan Datuk Sri Dr. Mahathir itu terdiam. Seolah-olah dia tahu jawab saya akan menyokong kepimpinan Mahathir.

"You jangan susah. Saya beli semua buku-buku you. Saya taburkan sendiri, sebelum buku you kena *ban*." Sedap betul cakupnya. Cakap di depan perempuan cantik-cantik pakai bikini memang sedap. Tertelan air liur saya, semasa mendengar cakap yang macam itu. Dia saya tengok dah banyak kali telan air liur.

"Datuk Sri Dr. Mahathir sekarang Menteri Dalam Negeri. Parlimen baru saja meluluskan akta OSA. Siapa yang hendak cari penyakit, cubalah kritik dan bongkar rahsia Kerajaan. Risikonya nanti tanggunglah sendiri." Saya mengusik.

"Kenapa baru sekarang you cakap pasal OSA dan Menteri Dalam Negeri? Kenapa semasa Datuk Musa jadi Menteri Dalam Negeri dulu you lanyak dia dan tidak fikirkan ISA dan OSA? Habeb kan penulis komersil. Setengah juta ringgit untuk setahun tidak cukup?" Dia cuba menggoda saya lagi.

"Dari segi penjualan buku, ya, saya seorang penulis komersil. Saya akan tulis buku yang boleh dijual dan saya akan menjual kepada siapa saja yang akan membelinya. Tetapi dari segi prinsip, saya tidak akan menjual prinsip saya."

Saya berfikir sejenak, sesudah bercakap. Terror Datuk ni, mahu beli 50,000 buku dan edarkan sendiri. Bagus juga idea itu. Buku **MUSA DERHAKA?** saya cuma laku 30,000 naskah sahaja. Itupun saya jual sendiri.

“Kalau saya pakai nama orang lain macam mana?” Saya bertanya sekadar ingin tahu sejauh mana seriusnya dia nak beli buku saya, kerana ada kawan saya yang menjadi *Ghost Writer*. Buku dia tulis pakai nama orang lain. Masa pembayaran dia kena tipu dengan orang tengah. Peristiwa ini berlaku pada pemilihan tahun 1984. Dan orang tengah yang menipunya kini telah menjadi seorang Yang Berhormat Ahli Parlimen. Yang Berhormat ini jenis *broker* politik yang makan kiri kanan. Tapi tahun ini dia akan tersepit mungkin dia sendiri akan kena makan.

“Buku you mesti ada nama you di atas. Kita bukan beli buku awak, kita beli nama penulis, kerana awak saja yang boleh menggigit dan menggugat pemimpin di atas. Tidak ada penulis lain yang berani macam awak. Sebab itu kami berani bayar tunai sebanyak setengah juta ringgit untuk satu tajuk saja.” Nampaknya Datuk ini ada geng. Sebab bila bercakap dia pakai ‘kami’.

Orang kaya yang mencabar saya itu rupanya sudah siapkan tajuknya sekali, *MAHATHIR THE DICTATOR*. Dia mahu buku itu sama hebatnya dengan buku *MUSA A TRAITOR?*. Tengoklah macam ini punya orang politik pun ada. Nasib baik saya tidak cepat gelap mata. Kalau tidak, tentu saya tidak nyenyak tidur sehingga selesainya Perhimpunan Agung kerana menjadikan diri penulis upahan.

Saya tenang saja mendengar tawaran itu. Bukan mudah hendak mencari setengah juta ringgit di musim ekonomi meleset begini. Tapi saya berfikir semula. Saya masih beriman. Wang ringgit boleh dicari. Sekali sudah terlekat nama sebagai penulis upahan, tulis apa pun lain kali orang tidak percaya. Biarlah kita penulis besar macam mana pun orang tidak hairan.

Agaknya Datuk itu ingat saya ini Desperado, boleh menulis untuk sokong siapa saja yang sanggup berikan duit banyak kepada saya. Dia tidak sedar sebenarnya dia yang Desperado. Begitulah dahsyatnya hari ini. Orang ingat duit boleh beli apa saja. Prinsip dan perjuangan pun hendak dibeli dengan duit.

Inilah yang menakutkan saya dengan masyarakat kita hari ini, yang sudah jadi buta hatinya disebabkan duit. Memikirkan ini saya bimbang kalau tidak diatasi penyakit ini, suatu hari nanti orang-orang



Gambar macam ini selalunya gambar orang menunggu hukuman. Betullah tu, Musa dan Ku Li sedang menunggu hukuman. Sorang-sorang takut. Musa berpakat dengan Ku Li. Dia tak tahu kalau nak kena hukum bukan kira berapa orang. Marilah sama-sama kita lihat. Tengok orang salah kena hukum ni seronok, tapi sedih pun ada juga.

UMNO yang selama ini dipercayakan dan diamanahkan menjaga kedaulatan bangsa Melayu, akan jadi gelap mata dan menjual bangsanya sendiri, kerana mengejar duit.

Berapa lama duit setengah juta boleh tahan? Wang sebanyak itu tidak cukup untuk membeli sebuah banglo di Bukit Bandaraya, tempat saya tinggal sekarang ini. Saya meminta diri balik dahulu. Pertama, takut sangat buat dosa, zina mata. Kedua, saya bimbang nafsu saya akan menguasai hati saya kerana ini pesan guru saya jangan suka tengok perempuan, inikan pula perempuan-perempuan cantik. Inikan pula yang mandi telanjang. Akhirnya nanti sakit jiwa. Datuk itu tidak mahu balik lagi. Saya faham! Anda tak faham kah!

Sebelum saya meninggalkannya saya berpesan, 'Tolong beri saya bahan yang cukup untuk membuktikan bahawa Mahathir adalah seorang *DICTATOR*. Buktikan segala kesalahan yang telah beliau buat terhadap bangsa Melayu dan negara, Insya Allah saya akan tulis.

Kalau Mahathir diktator, Tengku Razaleigh sudah lama dihapuskannya dari kabinet dan dari parti. Ini bukti yang terbentang dan terpampang di depan mata kita. Semua orang tahu, Ku Li merupakan duri di dalam daging dan pencabar yang sentiasa menunggu peluang untuk merebut kuasa dari Mahathir. Datuk Musa sanggup letak jawatan meminta supaya Ku Li dihapuskan.

Mahathir tetap mengekalkan Ku Li. Pemimpin yang diperlukan oleh para pengikutnya mesti di beri peluang. Masa depannya di dalam politik biarlah Tuhan yang Maha Berkuasa yang menentukan. Mahathir percaya kepada Qudrat dan Iradat Tuhan. Mahathir faham dan percaya pada sistem demokrasi. Sistem demokrasi itu yang tidak betul atau Mahathir yang diktator? Ku Li pun nak kena sedar mengenai hal ini. Orang-orang Ku Li lebih-lebih lagilah. Kalau tak faham, hapuskan saja amalan demokrasi. Gantikan cara Islam.

Selepas Musa "menikam Mahathir dari belakang" dengan peristiwa perletakan jawatannya, kalau Mahathir seorang diktator, mahukah Mahathir membiarkan empat orang ahli Majlis Tertinggi pergi memujuk Datuk Musa? Mahathir boleh kata, "jangan pergi", kalau dia diktator. Tetapi Mahathir benarkan mereka pergi.

Perbuatan Musa seolah-olah perbuatan Tuah yang menikam sahabatnya Jebat setelah Jebat membelanya. Kita tentu ingat apa yang Jebat buat. Jebat mengamok membunuh rakyat Melaka kerana marah dan kecewanya yang tidak terhingga terhadap sahabatnya Tuah yang mengkhianatinya.

Barangkali perbandingan saya kurang tepat. Tapi saya percaya pembaca dapat memahami maksud dan tujuan saya. Semua kuncu-kuncu dan orang-orang Musa boleh dihapuskan oleh Mahathir dari jawatan-jawatan kerajaan yang mereka pegang, terutamanya menteri-menteri kabinet seperti Datuk Ajib, Datuk Shahrir, Daud Taha, Wan Mokhtar, Abdullah Badawi, Rais Yatim, malah Rahim Thamby Chik pun. Tetapi kita tahu, orang-orang itu masih diberi peluang lagi oleh Mahathir. Yang menteri masih jadi menteri.

Datuk Shahrir yang terang-terang menunjukkan sikapnya menyebelahi Musa itu pun masih dikekalkan jadi Menteri oleh Mahathir. Lihatlah baru-baru ini. Belum apa-apa lagi, bukan Musa yang buat pengumuman dia akan bertanding mempertahankan kerusi Timbalan Presiden, Shahrir yang buat *statement* Musa akan bertanding. Ini sudah lebih pasak dari tiang. Kata orang sekarang, "Ini sudah lebih." Shahrir tentu tahu orang pilihan Mahathir ialah Ghafar Baba. Musa tak boleh bekerja dengan Mahathir, buat apa nak jadi Timbalan lagi? Lagipun Musa sendiri sudah meletakkan jawatan itu. Sikit punya *daring* ke Shahrir. Depan-depan dia cabar Mahathir, bossnya.

Kalau Mahathir diktator, bolehkah Shahrir buat begitu? Kalau Mahathir diktator, bolehkah orang-orang macam Datuk Ajib, Datuk Abdullah Badawi, Daud Taha, Rais Yatim, Wan Mokhtar dan sebagainya itu kekal dalam jawatan kerajaan?

Saya hairan bin ajaib alpelik kenapa ramai orang boleh terpengaruh dengan tuduhan-tuduhan seperti itu. Marina Yusof kononnya seorang intelektual pun boleh terpengaruh. Pada hal, dia seorang peguam. Sebagai seorang peguam, Marina tak tahu ke, kalau tak ada *evidence* yang boleh membuktikan kesalahan orang tersebut, kita tak boleh kata orang itu bersalah. Tak faham etika guamankah? Setahu saya yang tak faham etika guaman ini "loyar buruk." Selalunya seorang loyar biar tua macam mana sekali pun dia tidak buruk. Yang pudar dan buruk tu cuma peguam tua yang pernah dipecat dari jawatan kerajaan kerana kesalahan yang tidak boleh dimaafkan.



“我的生活已充滿了愛，只要有愛，就可以滿足，不必理會這個愛是從那裡來。……”



Benda apa yang panjang sangat tu Marina? Belum pernah ke terjumpa benda macam itu? Kata marina pada akhbar Cina, Marina sudah tiga penggal merasakan keseronokan berumah tangga tetapi masih bersedia untuk bercinta sekali lagi, tidak kira siapa saja yang sanggup memberikan kebahagiaannya padanya.



Tengku Ariff Bendahara of Pahang (with scarf) hosting the Regine's Junior Club debutante fancy dress party at his villa. Education Minister Datuk Abdullah Ahmad Badawi (in floral batik) was however not in fancy costume. Dressed like a pirate in the background is Nizam Razak.

**The Malay Mail, Monday, September 2, 1985**

Kata Dollah Badawi pada saya, gambar ini, yang telah saya siarkan dalam buku MUSA DERHAKA, telah merosakkan imejnya. Saya tanya dia, apakah benar Pak Lah pergi minum-minum di Ragines Club? Dia mengaku pergi, tapi dia bersumpah tidak minum arak. Kalau tak percaya tanya kawan-kawanya yang rapat. Dalam gambar ini Dollah Kok Lanas, Tengku Arif Bendahara dan Nizam Razak ada bersama.

Sebenarnya memang ada sebab Mak Janda, Marina ini bising-bising. Pertama, dia nak pinjam duit dengan Bank Bumiputra tapi permohonannya ditolak kerana pinjaman \$14 juta yang lama pun tidak boleh bayar. Jadi sebab itulah projeknya di Jalan Tun Razak terbengkalai. Kemudian dia minta jadi Pengerusi Eksekutif Bank tersebut, ini pun ditolak juga. Frustrlah. Dahlah tu, minta nak jadi Senator pun tak dapat. Bila dah hot terpaksa caci Mahathir.

Berapa ramai di antara kita yang sedar sebenarnya kenapa kita turut marah-marah kepada Mahathir? Macam Marina marah pada Daim dan Mahathir. Saya tak hairan dulu Marina marahkan Musa Hitam ada sebab, mana tahu pribadi. Marahkan Mahathir dan Daim juga kerana perasaan yang tidak senang. Siapa tidak tahu projek Marina sekarang terbengkalai, kerana salah dia sendiri. Tapi tentulah dia tidak cerita yang sebenarnya. Tentulah malu. Lebih senang kalau salahkan Mahathir.

Saya nak ceritakan kepada pembaca yang saya telah bertemu dengan ramai orang yang marah kepada Mahathir, tetapi apabila saya terangkan pada mereka peranan yang dimainkan oleh agen-agen pemikiran imperialis barat yang telah meresap ke dalam UMNO dan menggunakan *'The last minute politician'* akhirnya orang-orang itu berkata:

“Betul juga ya. Kalau begitu hebat jugalah dia orang punya gerakan. Dia orang punya strategi cukup halus, sampai kita tak sedar yang kita sebenarnya terpengaruh dengan rancangan mereka. Mereka berjaya mempengaruhi fikiran kita hingga kita sendiri yang marahkan Mahathir. Kita langsung tak sedar akan permainan mereka yang anti Islam dan mahu meruntuhkan keagungan Politik Melayu.”

Kita ingat krisis kepimpinan dalam UMNO dan dalam Kerajaan kita setakat krisis sesama kita di dalam negeri ini sahaja. Kita tidak pernah terfikir akan peranan orang-orang dari luar negeri yang tidak mahu Mahathir memerintah negara ini. Mahathir bukan sebarang pemimpin. *Vision*nya luas dan jauh ke depan. Orang-orang di luar negeri sedar akan perkara ini. Mereka mesti stopkan Mahathir. Walau apa cara pun Mahathir mesti dijatuhkan. Mereka telah menggunakan bermacam-macam cara, melalui media, melalui tokoh-tokoh bisnes dan sebagainya. Datuk Musa dan Tengku Razaleigh sendiripun mungkin terperangkap di dalam *planning* mereka, tetapi mungkin mereka berdua

tidak sedar. Apa lagi puak-puak *'The last minute politician'*, yang tidak dapat jadi Senator, tak dapat jadi Wakil Rakyat, tidak dapat apa-apa untuk faedah pribadi. Inilah masa nak balas dendam dan tabur fitnah.

Kalau mereka tidak tunjuk terror buruk-burukkan Mahathir dan orang-orang Mahathir tentu sekali ini tak dapat duduk dalam Majlis Kerja Tertinggi. Ada di antara mereka sudah tua dan tak laku pula. Tentulah tambah ghairah melalak ke sana melalak kemari cari publisiti murah. Pada masa-masa lain surat khabar tak kasi can dengan muka dia orang. Kasihan ahli UMNO yang dah terpengaruh dengan mereka.

Tidak banyak orang yang sedar perkara ini. Perwakilan UMNO kebanyakannya masih kampungan. Berapa ramai yang membaca dan berfikir, berfikir dan membaca? Mereka ingat ini krisis sesama sendiri sahaja.

Ramai yang hairan kenapa saya masih menyokong Mahathir. Pada hal ramai yang sedang menjatuhkannya. Apa yang saya dapat dengan menyokong Mahathir. Tanya mereka pada saya, berapa juta Mahathir bagi saya kerana menyokongnya. Bila saya jawab, satu sen pun tidak ada, mereka tidak percaya.

Tengku Razaleigh Hamzah kata ada penulis yang dapat \$50,000 ringgit untuk merosakkan para pemimpin. Selepas Ku Li berkata begitu pada akhbar, ada orang tuduh penulis itu adalah saya. Mereka menfitnahkan saya sebagai penulis upahan Mahathir. Tuduhan itu adalah satu tuduhan yang terang-terang bohong.

Kerana saya tentu tahu yang saya bukan penulis upahan Mahathir. Demi Allah, demi Rasul, saya tulis buku ini atas kerelaan hati saya sendiri. Takkan mereka lebih tahu dari saya tentang diri saya. Dan apa yang saya tulis di dalam buku ini saya akan jawab di hadapan Allah Subhana wata'aala nanti. Allah jadi saksi kalau saya pernah terima duit dari Dr. Mahathir untuk menulis buku ini.

Mahathir yang merosakkan ekonomi kita kata mereka lagi. Kalau saya ikhlas memperjuangkan nasib bangsa Melayu di negara ini, saya mesti jatuhkan Mahathir. Ini semua pendapat orang gila isim, saya tak mahu dengar. Kenapa suruh saya, kalau berani buatlah sendiri, mereka orang pandai-pandai belaka.

Inilah perkara yang susah orang ramai hendak faham. Dan inilah yang saya cuba sampaikan melalui buku ini. Kalau anda perhatikan, buku saya kali ini berbeza dengan buku-buku saya yang lalu. Saya sengaja buat begini kerana saya sedar mesej yang hendak saya sampaikan kali ini adalah besar. Dalam sejarah saya menulis buku-buku politik, inilah buku saya yang paling berat dan sukar hendak saya siapkan, kerana saya mempunyai mesej yang besar. Saya mesti selamatkan bangsa saya, agama saya dan negara saya. Sedangkan keupayaan serta pengetahuan saya masih terdapat banyak kekurangan. Demi semangat patriotisme yang membara di dada, saya percaya saya akan berjaya.

Tahun lalu buku saya **MUSA DERHAKA?** saya terbitkan dalam dua bahasa. Bahasa Inggerisnya ialah **MUSA A TRAITOR**. Saya buat begitu kerana saya sedar masalah politik Malaysia hari ini sudah menjadi perhatian dunia. Dunia luar baca bahasa Inggeris. Mereka tak faham bahasa Melayu, kerana bahasa Melayu belum lagi diterima sebagai salah satu bahasa dunia seperti bahasa Jepun. Sebab itu buku saya yang ini pun saya buat dalam dua bahasa. **THE CHALLENGER** saya namakan dalam bahasa Inggerisnya.

Saya ingat bila Pendita Prof. Datuk Ismail Hussein selalu melaung-laungkan dunia Melayu di sana sini, sampai ke Sri Langka di mana dia mendapat gelaran Pendita, buku saya boleh di baca seluruh dunia. Rupa-rupanya pensyarah-pensyarah di universiti Malaya pun membaca buku saya yang dalam bahasa Inggeris. Inikah rupanya dunia Melayu?

Kalau macam itu, tentulah banyak lagi kerja-kerja Ismail Hussein. Kesian Ismail Hussein. Memperjuangkan sesuatu yang tidak mendapat penghargaan oleh bangsanya sendiri. Nasib dia lebih kurang sama dengan nasib Dr. Mahathir, sentiasa mendapat tentangan dari agen-agen imperialist Barat yang berkelulusan tinggi tapi mentalnya masih terjajah.

Kepada mereka yang suka marah kepada Mahathir tetapi tidak faham kenapa mereka marah, saya nak beritahu: Antara sebabnya ialah kerana Dr. Mahathir berjaya menjadikan Malaysia sebuah negara yang mendapat perhatian dunia kerana peribadian dan usaha-usaha yang dijalankannya. Kerja agen-agen pemikiran imperialist barat ialah untuk merosakkan nama baik pemimpin Melayu supaya kaum lain boleh jadi Perdana Menteri, sekurangnya Timbalan Perdana Menteri.

Dalam Pilihanraya Umum baru-baru ini wakil-wakil majalah antarabangsa seperti *TIME* dan *NEWSWEEK* datang dan membuat laporan dalam majalah itu, untuk melaporkan kegagalan pemimpin Melayu yang diketuai oleh Mahathir. Bukan Mahathir target sebenarnya tapi ketuanan politik Melayu dan kebangkitan Islam yang dibawa oleh Mahathir.

Kes hukuman berat terhadap kesalahan dadah di negara kita juga mendapat perhatian dunia. Mula-mula mereka marah, tapi lepas itu banyak negara yang nak contohi kita. Malaysia sudah jadi juara dalam usaha pembasmian dadah. Amerika pun tiru kita. Nak apa lagi puak-puak gila isim?

Ini cuma satu sahaja daripada kejayaan Dr. Mahathir yang tidak disenangi oleh mereka. Dulu negara sebelah sini yang mendapat perhatian dunia ialah Singapura. Sampai kita pun terpengaruh, sikit-sikit Singapura, sikit-sikit Singapura, negara kita sendiri tak baik? Sekarang cakap-cakap macam itu sudah jarang kita dengar. Tentulah Singapurapun cemburu dan marah pada kita. Tentulah api kemarahan itu disalurkan ke telinga mereka yang jiwanya terjajah.

Yang duduk maki hamun tahu seronok saja. Yang Mahathir bekerja bertungkus lumus mereka tak kisah pun. Yang mereka kisah nak kritik dia, nak tuduh dia macam-macam. Memang menuduh ni seronok. Apalagi menuduh pemimpin sendiri diktator.

Tidak malukah kita, asyik hendak kondem Perdana Menteri sendiri saja. Cuba belajar dari Australia. Dua rakyatnya ditangkap dan dihukum gantung kerana kesalahan membawa dadah ke dalam negeri kita. Mereka tetap bela rakyat mereka dan mereka kata kita ini *savage*. Pada hal mereka terlupa siapa asal usul mereka.

Penduduk asal Australia adalah para banduan yang dibuang dari England ke benua itu. Sekarang bila sudah jadi bangsa tamadun berani kata negara yang menegakkan undang-undang bangsa *savage*.

Tak kenal maka tak cinta, kata orang tua-tua kita. Sejauh mana kita mengenali Mahathir, Presiden UMNO dan Perdana Menteri kita sendiri? Sejauh mana kita mengenali akan cara-cara Mahathir bekerja untuk memprojekkan imej dan maruah kita supaya dihormati di seluruh dunia? Kenapa Mahathir tidak sesuai dengan Tengku

Razaleigh dan kenapa Musa tidak boleh jalan seiring dengan Mahathir? Pernahkah kita bertanya dan mencari jawapannya.

Kita tak pernah bertanya. Sebab itu kita tidak ada jawab. Kalau kita tanya pun, orang lain jawab kita bukan nak berfikir. Orang-orang UMNO kalau sudah benci pada seseorang mereka tidak pakai *reasoning* lagi. Mereka ikut nafsu, tak ikut akal fikiran. Contohnya, sekarang ini mereka tidak peduli apa akan jadi pada parti, apa akan terjadi pada bangsa dan negara. Yang mereka mahu dan tahu, mereka mahu tukarkan Mahathir dengan seorang pemimpin baru.

Mahathir seorang yang serius, tidak suka populariti, tidak suka *glamour* dan tidak suka berpeleseran. Dia bukan suka pergi duduk tepi kolam, tengok orang perempuan mandi. Macam Datuk yang suruh saya hentam Mahathir. Dia tidak ada angan-angan macam Tunku Abdul Rahman yang nak terkenal sebagai *The Happiest Prime Minister in the World*. Itu semua tidak penting bagi Mahathir. Kalau dia mahu dia memang boleh buat. Tapi itu bukan prinsip dia sebagai seorang pemimpin yang amanah. Dia bukan macam Musa dan Ku Li yang kita tahu macam mana cara hidup mereka yang suka menghadiri majlis-majlis untuk *enjoy*, di dalam dan di luar negeri.

Mahathir bekerja tak peduli apa dan tak peduli siapa, asalkan berada di jalan yang benar, dia tidak takut dengan apa tuduhan pun terhadapnya, matlamatnya hanya satu: Menunaikan amanah dan menegakkan marwah bangsa.

Mahathir memerlukan orang-orang yang faham matlamatnya dan sanggup bekerja kuat bersama-sama dengan dia untuk mencapai matlamat bersama. Harapkan Musa, Musa menyeleweng. Harapkan Musa, Musa jadi musang. Nak harapkan Ku Li, Ku Li asyik nak main guli sahaja. Memang tak sehaluan. Kerana itu dia memilih Daim Zainuddin sebagai Menteri Kewangan kerana dia kenal sahabatnya itu boleh bekerjasama dengan dia. Menteri Kewangan perlu orang yang sanggup bekerja kuat tanpa mempedulikan populariti. Orang ramai melemparkan bermacam-macam tuduhan terhadap Daim. Untunglah Daim dapat bersabar dan tabah menghadapi tuduhan.

Mahathir bukan sahaja menghadapi musuh di dalam negeri. Musuh di dalam negeri tidak sehebat mana, kerana kita tahu sejauh mana kehebatan mereka dan kepada siapa mereka berguru. Yang

membimbangkan ialah musuh dari luar negeri yang memperalatkan pemimpin-pemimpin di dalam negeri. Cubalah kita rajin sedikit mengkaji rahsia-rahsia hubungan Musa dan Ku Li dengan orang-orang yang tak rasmi dari luar negeri.

Setiausaha Politik Musa Hitam yang bernama Ruhanie telah menulis sebuah buku untuk menolong bossnya. Dalam buku ini dia menceritakan peristiwa-peristiwa di luar negeri semasa Datuk Musa mengambil keputusan meletakkan jawatan. Cuba kita fikir, kenapa Musa buat keputusan itu di luar negeri? Bacalah buku Ruhanie itu dan kajilah kenapa dan siapa yang menemui dan ditemui oleh Datuk Musa di luar negeri untuk membincangkan masalah politik dan ekonomi Malaysia. Keputusan yang penting begitu dibuat setelah berbincang di luar negeri.

Kenapa di luar negeri? Kenapa tidak dalam negeri? Apa yang ada di luar negeri? Apa yang tidak ada di dalam negeri? Ini semua kalau kita tidak perhatikan dengan betul-betul kita tidak akan sedar. Selepas letak jawatan, pergi ke Davos. Lepas itu keputusan hendak bertanding pun dibuat selepas balik dari Davos. Ada apa-apa ke diDavos? CIA atau M15 Inggeriskah?

Ruhanie kata dia menulis untuk membersihkan tuduhan yang menyatakan Musa terpengaruh dengan desakan "budak-budaknya yang dia termasuk salah seorang daripadanya. Siapa yang tuduh macam itu? Siapa Ruhanie Haji Ahmad? Semua orang tahu mereka itu semua cuma *errand boy* Datuk Musa sahaja. Takkan Datuk Musa nak dengar cakap budak-budaknya. Datuk Musa yang berkelulusan **Political Science** itu bukan calang-calang otak yang ada dalam kepalanya. Ruhanie janganlah nak perasan.

Yang Datuk Musa cerita kepada Ruhanie semasa mereka di luar negeri itu pun bukan semua. Datuk Musa bukan bincang dengan Ruhanie, dia hanya memberitahu yang dia nak letak jawatan. Orang yang Datuk Musa berbincang tentulah orang-orang yang Datuk Musa perlu dengar cakap mereka. Kalau dengan Setiausaha Politiknya lebih baik bercakap di pejabat. Tahukah Ruhanie siapa orang-orang yang ditemui oleh Datuk Musa di luar negeri dan apa yang mereka bincangkan? Ruhanie jangan nak temberang. Jangan nak tunjukkan belang desperado.



Inilah bahaya besar yang kita hadapi sekarang, yang sukar hendak kita kenali. Strategi mereka yang mahu mengambil alih negeri ini terlalu luas dan licin. Mereka ini semua bimbing dengan kemunculan Dr. Mahathir. Selama ini mereka memperkudakan kita, dan Dr. Mahathir cuba menghentikan itu semua. Mereka tidak boleh memperkudakan kita lagi. Mereka mesti ditentang. Patutkan kita membiarkan ini semua terjadi?

Saya menulis surat kepada Tuanku Yang Di Pertuan Agung, kenapa? Kerana perkara ini perkara besar, bukan perkara main-main, bukan sekadar masalah siapa yang menang dan kalah dalam Perhimpunan Agung sahaja.

Saya namakan buku ini SIAPA LAWAN SIAPA, kenapa? Saya mahu setiap pembaca buku ini memikirkan siapakah sebenarnya yang sedang melawan? Cuba buka fikiran kita luas-luas, bukan sekadar perlawanan di dalam UMNO sahaja, tetapi ada perlawanan yang lebih besar lagi. Perlawanan yang menentukan marwah bangsa kita.

Bukan semudah itu melabelkan seorang pemimpin sebagai *DICTATOR* atau *TRAITOR*. Negeri ini ada undang-undang. Kalau tidak takut dengan undang-undang, takutlah sikit dengan Tuhan. Kita inikan orang Islam? Orang Islam mesti memikirkan hidup sesudah mati.

Hendak menghentam Dr. Mahathir bukan susah sangat, pokok pangkalnya ada dokumen dan bukti yang lengkap. Nak berikan alasan bahawa tuduhan-tuduhan itu tidak boleh dibuktikan saya tak dapat terima. Bagi saya setiap tuduhan mesti ada bukti. Kalau tidak ada bukti semua orang boleh tuduh ikut suka hati masing-masing. Kalau tak percaya tanya Sultan Azlan Shah, Bekas Ketua Hakim Negara dan sekarang menjadi Timbalan Yang Di Pertuan Agung.

Lanyak orang bukan boleh suka-suka. Ada cara dan batasnya. Lagipun Dr. Mahathir sendiri seorang penulis. Salah tulis nanti akan memalukan diri sendiri. Kalau hendak bermain senjata, tengoklah senjata lawan terlebih dahulu. Jangan bila terasa kuat terus terkam. Pendek umur nanti. Kita bukan serigala!

Keberanian dan kebijaksanaan Dr. Mahathir bukan kepalang. Lain dari Dr. Mahathir yang duduk di kerusinya sekarang, kalau tidak

kuat iman, sudah lama terjun dari bangunan atau makan pil tidur. Mudah-mudahan Tuhan panjangkan umur Perdana Menteri kita. Semoga Allah memberikan Dr. Mahathir kekuatan dan keberanian untuk menghadapi segala godaan dan ujian dengan tabah dan sabar.

Semoga Datuk Sri Dr. Mahathir berjaya membawa **bahteranya** ke tempat yang sedang dituju, dan bila sudah sampai nanti, pilihlah seorang nakhoda baru. Nakhoda yang berpegang pada *Amal makruf, Nahi mungkar*.

Berapa banyak surat layang yang mengandungi bermacam-macam ugutan dan kritikan terhadap dirinya dan menteri-menteri lain dalam kabinetnya, tentang perangai buruk pemimpin UMNO serta kritikan dari akhbar dalam dan luar negeri, pun Mahathir masih tidak jatuh! Masakan pena saya boleh menjatuhkannya.

Kalaupun boleh saya menjatuhkannya, untung apa bangsa Melayu dengan kejatuhan Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir? Yang akan bersorak gembira ialah orang-orang yang sedang menunggu waktu untuk memperkudakan dan memperbudak-budakkan semula bangsa Melayu seperti di zaman penjajah dulu.

Cukuplah beban dan masalah yang sedang dipikul oleh Perdana Menteri kita. Tunggulah bila ekonomi dan politik telah baik semula. Mungkin nanti saya akan fikirkan upahan yang begitu banyak untuk menulis sebuah buku lain. Sementara waktu ini biarlah saya jualkan buku ini dahulu. Siapa tahu tuah saya tahun 1987 ini lebih baik dari tahun lepas.

Datuk yang hendak mengupah saya itu kaya kerana kuasa politik. Saya kalau kaya nanti, disebabkan sabung nyawa tulis buku untuk menegakkan bangsa dan tanahair. Mana lebih mulia?

Saya masih sayangkan bangsa dan pemimpin saya. Saya tidak mahu menjatuhkan pemimpin saya semata-mata kerana duit. Kalau Mahathir sudah melampau nanti, saya tahulah apa yang hendak saya buat. Saya cuma takut pada Allah saja dan hanya Allah saja yang saya sembah.

Masa Harris Salleh jadi Ketua Menteri Sabah dulu, ada seorang Datuk dari Sabah mahu beri saya \$50,000 ringgit untuk melanyak dan

menjatuhkan Datuk Harris. Jika hendak tahu ceritanya bacalah buku saya yang bertajuk **TUAH NASIB PEMIMPIN MALAYSIA**.

Saya minta orang yang mahu saya tulis buku **MAHATHIR THE DICTATOR** itu terlebih dahulu membuat ulasan mengenai buku saya, **MUSA DERHAKA?** Buktikan apa yang saya tulis mengenai Musa itu adalah fitnah semata-mata.

Huraikan kenapa Musa mesti menderhaka? Setelah saya baca bukunya nanti, saya akan sahut cabarannya. Saya akan tulis buku **Mahathir Seorang Diktator**. Tetapi sekiranya tidak ada penulis lain yang berani ulas buku **MUSA DERHAKA?**, saya harap Datuk itu sajalah yang menulis dan ambillah duit itu sendiri. Diapun bukan orang bodoh, mungkin tulisannya lebih baik dari saya.

Sekurang-kurangnya namanya pun tidaklah seperti nama Setiausaha Politik Musa yang menulis buku **Musa Hitam — Tenang Dalam Gelora** yang saya sebut tadi. Kalau namanya pun kita tak boleh kenal dia lelaki atau perempuan, bagaimana kita nak percaya bukunya. Saya nak tanya pembaca, "Rohani" itu nama lelaki atau nama perempuan? Tentulah nama perempuan. Tetapi anda jangan ingat Setiausaha Politik Musa ini seorang perempuan. Namanya saja nama perempuan, dia seorang lelaki. Cuma ejaannya saja lain sedikit, iaitu **Ruhanie**, tapi bunyinya sama saja dengan Rohani.

Agaknya dia pun tak sedap orang panggil dia macam nama perempuan, jadi tukar nama panggilan jadi "Ron". Datuk Musa pun panggil dia Ron. Bukan sebut macam Ron panggilan ringkas nama Harun, tapi sebut macam nama orang putih. Hidung kena sengau sikit. **Ron**. Ini macam punya orang yang malu dengan nama Melayu, tukar panggil macam nama mat saleh ni apa ni? Orang macam ini jadi Setiausaha Politik Timbalan Perdana Menteri? Nak memperjuangkan nasib orang Melayu?

Sorrylah Ron! Nama hanya sebagai pengenalan diri supaya mudah orang panggil. Saya bukan menghina nama yang diberikan oleh orang tua kita. Tetapi ini bukan soal peribadi, ini soal perjuangan. Nama penting dalam perjuangan. Ia membawa makna tertentu. Tuhan pun memilih nama yang baik untuk para RasulNya. Ada nama yang boleh memberi kewibawaan kepada orangnya, ada yang tak boleh, macam **Ruhanie**. Buat orang keliru tak tentu pasal.

Patutlah Musa pun bikin orang keliru. Orang pandang ke Timur dia pandang ke Barat. Musa sendiri dalam interviewnya dengan *Asiaweek*, mengakui apa yang saya tulis mengenai pertentangan pendapat antara dia dengan Dr. Mahathir adalah benar. **Bila Perdana Menteri suruh pandang ke timur, Datuk Musa pandang ke Barat.**

Datuk Musa tidak buat apa yang bossnya suruh, kerana pada pendapat Datuk Musa, apa yang dilakukan olehnya walaupun bertentangan dengan kehendak Datuk Sri Dr. Mahathir, ianya adalah satu perbuatan yang betul. Sebab itu dia selalu tidak sehaluan semasa mereka digelar dua 'M' dulu. DIKTATOR Kah Mahathir?

## EKONOMIKAH MATLAMAT KITA?

Sejak Datuk Musa Hitam berhenti dari jawatan Timbalan Perdana Menteri, kempen memburuk-burukkan para pemimpin di kalangan sama-sama UMNO semakin berleluasa. Kempen itu nampaknya sengaja dirancang untuk menimbulkan kekeliruan dan buruk sangka rakyat terhadap pucuk pimpinan. Kempen melempar fitnah serta memburuk-burukkan pemimpin ini adalah suatu taktik kotor yang hanya boleh dilakukan oleh orang-orang yang berhati kotor saja.

UMNO sebuah parti yang mengamalkan sistem Demokrasi. Dalam Demokrasi kritik mengkritik adalah perkara biasa, tetapi ada caranya. Dalam hidup kita buat apa yang tidak pakai cara, semua pakai cara. Ada cara baik dan ada cara jahat. Mengikut ajaran Islam kita, orang yang buat cara baik diberi ganjaran syurga dan orang yang buat cara jahat diberi ganjaran neraka. Cara penting. Yang tidak peduli cara apa pun boleh pakai asalkan matlamat tercapai ialah sistem Komunis, bukan sistem Demokrasi. Apakah ada orang yang mahu menukarkan sistem Demokrasi dalam UMNO kepada sistem Komunis?

Kejadian makhluk yang bernama manusia di mana-mana pun di atas muka bumi ini bukan semuanya pandai. Banyak manusia yang tidak pandai dan tidak boleh berfikir dengan sempurna. Sebab itu ada pemimpin dan ada pengikut-pengikutnya, kerana pengikut-pengikut ramai yang tidak pandai berfikir.

Hasil daripada kempen itu sekarang kita dapati ada pihak-pihak tertentu yang mengatakan ekonomi Malaysia hanya boleh pulih kiranya Dr. Mahathir bersara. Ada juga yang berkata kerajaan pimpinan Dr. Mahathir akan lebih diterima rakyat jika Daim Zainuddin dilucutkan dari jawatan Menteri Kewangan.

Mereka itu menumpukan tuduhan dan kritik mereka terhadap masalah ekonomi negara. Kenapa ekonomi? Sebab masalah ekonomi negara tidak ramai ahli biasa UMNO yang boleh faham betul-betul. Jadi senanglah mereka goreng. Tetapi apakah masalah yang paling utama dalam negara kita sekarang ini ialah masalah ekonomi? Memang tidak dapat dinafikan masalah ekonomi itu penting, tetapi masalah lain pun penting juga, kenapa ekonomi yang menjadi sasaran? Kenapa Daim yang menjadi sasaran? Tentulah kerana Tengku Razaleigh tidak tahu bidang lain, dia hanya tahu bidang ekonomi dan kewangan. Macam mana orang yang pengetahuannya hanya dalam satu bidang sahaja nak dijadikan Perdana Menteri?

Kempen mengenai ekonomi ini tidak disebarkan oleh para nelayan ataupun petani di kampung-kampung. Ahli-ahli biasa UMNO serta para pembangkang pun tidak mengembangkan fitnah ekonomi ini, sebab mereka tidak faham sangat. Fitnah ini dipanjang-panjangkan oleh para pemimpin yang dengki dan iri hati dengan Dr. Mahathir dan Daim, sedangkan mereka sendiri berkhidmat dalam kerajaan pimpinan Dr. Mahathir. Cubalah anda fikir, orang jenis apa mereka itu? Yang mereka cakapkan pun bukannya ada bukti. Macam itu siapa pun boleh cakap. Hancurlah negara kalau orang-orang macam itu jadi pemimpin.

Timbalan Menteri Kerjaraya, Encik Mustafa Mohamad, seperti yang dilaporkan oleh akhbar-akhbar pada 29 Januari 1987 antara lain berkata terdapat sebilangan anggota kabinet memburuk-burukkan pucuk pimpinan. Beliau tidak menyebut nama-nama mereka yang terlibat. Tetapi **sekilas ikan di air, kita sudah tahu** siapakah anggota-anggota kabinet yang dimaksudkan oleh Encik Mustapha itu.

Sebagai mengulas kenyataan Encik Mustafa, Ahli Parlimen Pulau Datuk Mohamed Rahmat mencabar pemimpin UMNO, terutama yang di dalam kabinet, yang tidak lagi sanggup membela nasib orang Melayu tetapi menikam rakan-rakannya dan memburuk-burukkan kerajaan serta pucuk pimpinan parti, supaya meletakkan jawatan masing-masing.

Katanya: "Tidak guna kita mendabik dada mengaku pejuang bangsa, tetapi sebenarnya kitalah pembelot yang menikam dari belakang demi memuaskan nafsu dan kepentingan peribadi."

Kata-kata Datuk Mohd Rahmat itu memang betul, kerana jika anggota kabinet sudah tidak sebulu dengan pucuk pimpinan, eloklah mereka mengundurkan diri secara *gentleman*. Kalau tidak, sebagai anggota kabinet mereka mesti patuh dan sokong keputusan kabinet yang dibuat secara bersama atau kolektif. Mereka boleh berdebat dalam mesyuarat kabinet, tetapi kalau ada yang tak bersetuju dengan pendapat majoriti, mereka mesti ikut. Kalau tak mahu ikut mereka mesti jadi pembangkang dalam Parlimen. Itulah sistem Demokrasi Berparlimen. Ada tempat untuk pembangkang, bukan tak ada. Ahli-ahli UMNO mesti faham sistem ini, baru boleh tahu permainan tokoh-tokoh politik desperado pengikut Musa dan Ku Li.

Jadi kalau mereka tak setuju dengan projek Proton Saga, awal-awal lagi mesti berhenti. Mereka tak berhenti kerana mereka mahu pangkat dan kedudukan untuk jaga perut sendiri!

Itu sebab saya kata kempen memburuk-burukan kerajaan oleh "orang dalam" ini suatu taktik kotor yang melanggar etika. Di manakah tanggungjawab mereka ini? Inilah yang orang tua-tua kita kata "perangai tak tahu malu". Mereka ini tidak ada pendirian. Mana pihak yang mereka lihat boleh menguntungkan diri mereka, ke situlah mereka sokong. Nak bagi alasan bukan susah sangat, kerana mereka bukannya orang bodoh. Cuma tak malu dan tamak.

Di dalam rumahtangga pun serupa juga. Apa jua keputusan yang dibuat antara ibu dan bapa, kedua-dua mereka terpaksa patuh. Jika kedua-dua mereka sudah tidak sealiran dalam hal ini maka jalan keluar ialah bercerai seperti Datuk Musa dengan Datin Maria. Bukan semua orang boleh jadi ketua dan boleh buat sesuka hati. Jadi ketua pun tak boleh buat sesuka hati. Ini belum jadi ketua dah nak buat ikut suka hati sendiri, kalau dah jadi ketua bagaimana? Kalau haiwan tu, lainlah.

Apa yang ditimbulkan oleh Encik Mustafa Mohamad, iaitu ada menteri yang mempertikaikan dasar kerajaan walaupun keputusan itu telah dipersetujui oleh jemaah kabinet, itu adalah perbuatan yang melanggar atau bertentangan dengan "*collective ministerial responsibility*" ataupun tanggungjawab bersama kabinet.

Menurut Artikel 43 (3) Perlembagaan Malaysia: Kabinet mesti bertanggungjawab kepada Parlimen atau dalam bahasa Ingerisnya "*The Cabinet shall be collectively responsible to Parliament.*"

Sebab itu anggota-anggota kabinet di Jepun atau England ataupun di Amerika Syarikat begitu terikat dengan semangat tanggungjawab bersama ini. Di England tidak lama dulu, Setiausaha Pertahanannya Encik Michael Heseltine yang tidak bersetuju dengan keputusan kerajaan Britain mengenai rancangan menjual syarikat Westlands Helicopter kepada syarikat Amerika, kemudiannya bertindak mengumumkan perletakan jawatannya.

Dalam hal ini kita patut mendengar nasihat yang pernah diberikan oleh Prof. Ahmad Ibrahim kepada para pemimpin: **"Jika seseorang menteri itu tidak berpuas hati dengan sesuatu keputusan yang dibuat oleh jemaah menteri maka beliau sepatutnya bersara saja dari jawatan menteri"**.

Golongan desperado jahat itu berkata kemerosotan ekonomi negara hanya boleh pulih sekiranya Mahathir letak jawatan atau Mahathir pecat Daim. Kata mereka ekonomi negara merosot dan pengangguran bertambah kerana Daim tak pandai jadi Menteri Kewangan, dan tak pandai wujudkan pekerjaan.

Mereka juga mendabik dada sambil berkata Menteri Kewangan tidak cekap sehingga harga barangan utama negara jatuh. Kejatuhan barangan utama seperti kelapa sawit, koko, bijih timah, getah, minyak dan beberapa lagi barangan lain menandakan Menteri Kewangan tidak pandai menguruskan kewangan negara.

Bagi golongan yang berfikiran sempit pula mereka membuat ukuran kejayaan seseorang Menteri Kewangan bergantung kepada ganjaran yang mereka terima. Kiranya Menteri Kewangan mengumumkan kenaikan gaji para pekerja, semua orang boleh meminjam banyak wang dari bank, beri kontrak, membawa wang asing masuk ke negara ini untuk membiayai projek perumahan, semua orang boleh dapat pencen yang besar-besar, maka Menteri Kewangan itu dianggap sebagai HERO.

Tapi Daim jaga negara. Ku Li jaga periuk nasinya. Ini yang jadi masalah.

Bagi golongan ini yang penting ialah periuk nasi mereka sendiri, soal negara soal kedua. Biar negara jadi papa dan bankrap asalkan mereka mewah dan hidup senang lenang. Sebab itu bila Menteri



Kewangan mengumumkan Belanjawan 1987 pada 24 Oktober lalu, yang memansuhkan skim pencen dan membekukan kenaikan gaji, laporan itu dianggap menyusahkan mereka.

Kerana dasar itu Daim pun dicap sebagai anti-kaum pekerja. Walhal apa yang dibuat itu adalah untuk menyelamatkan negara dari jatuh papa. Jika Daim benar-benar oportunistik dan mahukan undi dari rakyat dan perwakilan UMNO, dia boleh mengumumkan satu Belanjawan yang memanfaatkan mereka semua, walaupun mereka boleh jadi papa.

Rakyat sudah jadi manja kerana Ku Li tak peduli kalau negara bangkrap. Tak cukup duit dia pinjam. Dia tabur duit merata-rata. Semua untuk politik dia.

Daim bukannya hendak memegang jawatan Menteri Kewangan sampai bila-bila. Dia tentu ingin bebas dari tuduhan dan kritikan umum jika dia sudah tidak lagi menjadi Menteri. Tetapi kerana tanggungjawab dan semangat ingin memulihkan ekonomi negara dia sanggup mengorbankan popularitinya. Apakah Ku Li sanggup berbuat apa yang dibuat oleh Daim? Mengorbankan populariti, sanggup dimarah dimaki dan dikata macam-macam dan tidak memikirkan nak ambil hati orang supaya sokong dia jadi Perdana Menteri.

Ada orang kata kemelesetan ekonomi negara berpunca dari salah tadbir oleh Menteri Kewangan. Biar kita tanya diri kita secara ikhlas: Betulkah kemelesetan, kesusahan dan kesempitan ekonomi negara sekarang disebabkan oleh Menteri Kewangan yang ada sekarang?

Bolehkah sesebuah negara yang kukuh ekonominya, yang pungutan dari sumber minyak begitu banyak, tiba-tiba jatuh miskin? Bolehkah ia jadi papa dalam masa satu atau dua tahun saja?

Jawapannya ialah memang boleh, tetapi ia bukanlah berpunca dari Menteri Kewangan sekarang. Bagi mencari jawapan bersama elok diperturunkan beberapa fakta. Angka dan fakta tidak boleh bohong, mulut manusia boleh bohong.

Pada awal tahun 1980 hasil dari harga komoditi yang tinggi serta pengaliran masuk wang hasil eksport minyak, pertumbuhan ekonomi negara berada di tahap yang memberangsangkan. Para pelabur asing

begitu kagum dengan keupayaan Malaysia menyediakan iklim pelaburan yang memuaskan. Meskipun Dr. Mahathir dikenali sebagai pemimpin radikal dan ultra, program ekonomi Malaysia terus mendapat sokongan baik dari dunia barat.

Sebagai Menteri Perdagangan dan Perindustrian waktu itu, Dr. Mahathir banyak menarik masuk pelabur asing. Kejayaan Malaysia menarik minat pelabur asing ini dapat mengukuhkan ekonomi negara dan *Gross Domestic Product* (GDP) mencapai tahap yang paling tinggi, iaitu pada kadar 7.8 peratus. Pada tahun 1965 hingga 1973, GDP negara ialah 6.7 peratus, dan naik ke 7.3 peratus dari tahun 1974 ke 1983. Kemuncak ekonomi kita ialah apabila GDP kita mencapai kadar 7.8 peratus. Tetapi pada tahun 1985, GDP kita turun kepada satu peratus.

Inilah yang dijadikan modal oleh geng Musa-Ku Li. Kadar pertumbuhan ekonomi negara jatuh disebabkan oleh Mahathir dan Daim tidak pandai mentadbir, kata mereka. Mudah betul mengata. Tetapi sejauh manakah kata-kata mereka itu benar? Sejauh manakah pertumbuhan ekonomi negara yang jatuh hari ini boleh membuktikan Mahathir dan Daim tidak pandai mentadbir?

Mereka kata pelabur-pelabur asing tidak percaya dengan Mahathir dan Daim, sebab itu mereka enggan melabur di negeri kita. Betulkah begitu? Selama ini siapakah yang berjaya membawa masuk pelabur-pelabur asing melabur di negeri kita? Mahathir atau Tengku Razaleigh? Jawapannya semua orang tahu, iaitu Mahathir, semasa dia menjadi Menteri Perdagangan dan Perindustrian dulu.

Sekarang Ku Li Menteri Perdagangan. Apa dia buat? Dia tak berminat nak bantu negara. Dia hanya nak tolong pengikut-pengikutnya!

Yang bertanggungjawab membawa masuk pelaburan bukannya Menteri Kewangan tetapi Menteri Perdagangan dan Perindustrian Sekarang. Tengku Razaleigh jadi Menteri Perdagangan dan Perindustrian, dialah yang bertanggungjawab menarik pelabur asing supaya melabur di negara kita. Bila dia tak berjaya, dia menyalahkan Daim. Ini tak betul. Kerja menyalah-yalahkan orang ini bukan kerja menteri. Dulu Mahathir yang buat kerja tarik pelabur asing masuk, dia kata dia yang buat kerana dia jadi Menteri Kewangan, sedangkan

itu bukan kerja Menteri Kewangan.

Ekonomi kita sekarang ada masalah, memang betul. Pertumbuhan ekonomi kita jatuh, memang betul. Sepatutnya kita bertanya kenapa jadi begitu, bukannya kita cuba mencari salah orang itu orang ini, kerana kerja yang paling senang sekali dalam dunia ini ialah kerja menyalahkan orang. Tak perlu jadi menteri kalau cuma nak cari salah orang.

Bila dikatakan ekonomi kita teruk kerana ekonomi di seluruh dunia sedang merosot, banyak orang yang telah terpengaruh oleh dakyah Musa-Ku Li tak mahu percaya. Ini yang susah. Sampai saya yang tak pandai ekonomi pula terpaksa belajar mengenai ekonomi, untuk mencari kebenaran dan membuktikannya kepada orang ramai.

Singapura pun terok dalam 1985. Tak ada pertumbuhan langsung. Tapi PAP dan rakyat Singapura tak pernah salahkan Lee Kuan Yew.

Negara kita belum tergolong sebagai negara-negara yang maju di bidang ekonomi seperti Amerika, Jepun, Britain, Canada, Perancis, German dan Italy. Kita belum jadi negara industri. Pendapatan negara kita masih bergantung kepada hasil bahan-bahan mentah seperti minyak petroleum, minyak sawit, getah dan timah, yang harganya ditentukan oleh pasaran dunia yang dikawal oleh negara-negara maju. Kita belum mampu menentukan harga barangan komoditi kita sendiri. Kita mesti jual kepada orang lain dan orang lain yang menentukan harga, bukan kita.

Sekarang harga barang-barangan itu di pasaran dunia telah jatuh dan belum naik-naik lagi, kalau naik pun baru sedikit saja. Jadi pendapatan negara kita tentulah jatuh. Cuba lihat fakta-fakta ini:

Harga minyak mentah (petroleum) pada tahun 1975 ialah US\$12.41 satu tong, pada tahun 1981 naik kepada US\$38.98 dan pada tahun 1986 turun kepada \$14.76 satu tong. Harga getah pula 137 sen satu kilo pada tahun 1975, naik menjadi 259 sen pada tahun 1982 dan turun kepada 189 sen satu kilo pada tahun 1985. Tahun 1986 ia naik sedikit kepada 200 sen satu kilo.

Harga timah pada tahun 1975 ialah \$9.64 satu kilo. Pada tahun 1985 ia naik menjadi \$32.34, tetapi jatuh semula pada tahun 1986

kepada \$15.20 satu kilo. Dan harga kelapa sawit pada tahun 1975 ialah \$1,055 satu ton. Pada tahun 1984 \$1,611. Tahun 1985 \$1,100, tetapi pada tahun 1986 ia jatuh dengan teruknya kepada \$470 satu ton.

Itulah fakta dan angka yang dapat saya kumpulkan. Kalau tak percaya atau takut saya tersilap salin, maklumlah kerja ini agak baru bagi saya, sesiapa saja boleh cek benar atau tidaknya dari sumber-sumber yang berkenaan dengan perkara-perkara berkenaan.

Walau bagaimanapun, dari fakta yang saya salin diatas itu tentulah jelas menunjukkan yang ekonomi kita jatuh disebabkan harga-harga komoditi di pasaran dunia telah jatuh. Kenapa harga-harga di pasaran dunia jatuh, itu jangan tanya saya, kalau saya jawab pun nanti jadi panjang tak tentu pasal tulisan ini. Lagi pun itu bukan pokok perbincangan kita. Cukuplah setakat itu untuk tujuan perbincangan ini. Ahli-ahli ekonomi tentu setuju.

Itu satu faktor. Baru satu. Bukan itu saja satu-satunya faktor. Bukan sebab ekonomi dunia merosot saja maka keadaan ekonomi kita jadi seperti hari ini. Ramai orang-orang Musa dan Ku Li kata kalau setakat kerana kemerosotan ekonomi dunia saja, kesannya kepada ekonomi kita tak boleh jadi sampai teruk begini. Saya setuju. Ada banyak faktor lain lagi.

Banyak orang menyalahkan Dasar Pandang ke Timur, dan dasar Beli Barangan British Terakhir. Kata mereka kerana dasar itu orang-orang dan kerajaan British marah kepada kita. Yuran pelajar-pelajar kita di British dinaikkan. British marah kerana kita membelakangkan mereka dan mereka memberi tindak balas menyusahkan kita dengan bermacam-macam cara, yang akhirnya turut memberi kesan buruk kepada ekonomi kita.

Itu pun saya setuju. British marah kepada kita kerana dasar itu. Saya fikir betul British marah, dan betul ada kesan buruk sedikit sebanyak ke atas ekonomi kita. Tetapi apakah kita hanya boleh buat perkara-perkara yang disukai oleh British saja? Kata kita sudah merdeka! Kalau kita nak buat sesuatu masih nak kena fikir British marah atau British suka, merdeka apa namanya begitu?

Kita mesti berani buat apa saja yang kita fikir boleh mendatangkan faedah yang lebih besar kepada negara kita, walaupun ada negara akan

marah kerana faedah untuk negaranya sudah kurang kerana perbuatan kita itu. Yang penting bukan negara orang, tetapi negara kita sendiri. Maruah negara kita. British akan marah itu memang kita boleh jangka. Dia ada kuasa yang lebih besar daripada kita, jadi dia boleh susahkan kita. Itu, pun kita boleh jangka juga. Tapi kita mesti buat juga.

Kita mesti merdekakan negara kita daripada terlalu bergantung kepada British. Kita mesti merdekakan fikiran dan sikap kita. Memang ada masalah bila kita memperjuangkan kemerdekaan. Tapi kita mesti berani menghadapi masalah itu kerana selepas itu kita akan dapat banyak faedah daripada kemerdekaan tadi. Kita jangan melihat kepada kesannya untuk hari itu atau tahun itu sahaja, kita mesti melihat faedahnya yang besar dalam jangka masa yang panjang.

Itu kesan daripada British. Kesan Dasar Pandang ke Timur daripada Jepun dan Korea pun banyak juga yang merugikan kita, kalau kita dengar analisa orang-orang yang memihak kepada Datuk Musa dan Tengku Razaleigh. Banyak kontrak-kontrak besar kita lepas ke tangan Jepun dan Korea, kata mereka, jadi kita rugi lagi. Kiri rugi kanan pun rugi. Betulkah?

Kalau kita fikir secara orang yang tamak betullah analisa orang-orang Musa-Ku Li tadi. Orang yang tamak tidak pandai memberi, dia hanya tahu nak terima dan nak ambil untuk dia saja. Kalau boleh kepada orang lain langsung dia tak mahu bagi. Mana ada bisnes macam itu. Orang buat bisnes mesti sama-sama boleh untung, mesti ada *give and take*. Tengku Razaleigh patut tahu asas perniagaan ini, perniagaan antarabangsa pula. Kedua-dua pihak mesti boleh buat untung. Kalau tidak, siapa nak berniaga dengan kita.

Kita kena tahu dulu apa yang kita mahu, apa yang kita boleh bagi kepada mereka dan apa yang kita boleh ambil daripada mereka. Kita Pandang ke Timur yang pertama sekali kita nak belajar daripada Jepun dan Korea Selatan macam mana mereka boleh maju, di bidang ekonomi dan teknologi. Orang nak belajar mesti kena keluar belanja, mana boleh belajar free. Takkan Jepun dan Korea nak belanja datang ke negeri kita untuk nak ajar kita dengan percuma. Suruh kita buat macam itu kita pun tak mau buat.

Nak kira duit kita telah diangkut oleh Jepun dan Korea kerana kita bagi kontrak-kontrak besar kepada mereka memang banyak. Dulu

yang diangkut oleh orang putih pun banyak juga, tapi kita tak marah. Sekarang kita bagi mereka angkut sebab kita nak belajar daripada mereka, kita nak supaya teknologi mereka boleh kita pindahkan kepada kita.

Jangan kira yang kita rugi atau kita bagi kepada mereka saja, yang kita untung dan kita ambil daripada mereka kenalah kira sama. Baru adil. Cuba kira. Yang ini tak bolehlah saya nak tolong kira dengan angka-angka macam tadi. Ilmu, teknologi, etika kerja, disiplin, macam mana nak kira dengan angka. Tak boleh. Tapi bukan tak ada cara untuk dikira asalkan kita mahu, ada caranya. Kita kenalah fikir cara terbuka, perhatian perubahan yang telah berlaku di sekeliling kita dalam berbagai-bagai lapangan dan perkara.

Saya ambil satu contoh, projek buat kereta **Proton Saga**. Ramai orang tak setuju dulu. Macam-macam orang kata. Orang memperkecil-kecilkan kebolehan kita sendiri, memperbodohkan diri sendiri, macam dulu orang kata macam mana kita nak merdeka nak buat jarum pun tak tahu. Orang kita sendiri tak percaya kita boleh buat kereta. Sekarang? Dimana-mana saja di jalanraya Malaysia hingga ke kampung-kampung kita boleh tengok kereta Proton Saga menjaral dan meluncur dengan penuh gaya.

Orang kata pakai Proton Saga tak lama mesti dia buat hal, bagi problem. Orang tak percaya. Tapi tanyalah orang yang pakai Proton Saga. Saya sendiri pakai Proton Saga tak ada problem pun. Ini semua kita kena faham, siapa yang buat cerita mengarut-garut itu dan pasal apa dia buat cerita mengarut-garut pasal Proton Saga. Pertama kerana dia menjadi saingan utama kepada syarikat-syarikat kereta yang lain. Dan sebab lain anda carilah sendiri. Uji fikiran anda sendiri sama ada sudah merdeka atau masih terbelunggu dengan kesan terjajah.

Sekarang orang persoalkan sama ada Proton Saga boleh dapat pasaran di luar negeri atau tidak. Itu saja kerja kita. Persoalkan. Belum apa-apa lagi sudah persoalkan. Sikit punya teruklah mental dan jiwa kita. Kita sendiri awal-awal lagi mengaku kalah mengatakan kita tak mampu, macam mana! Belum usaha lagi sudah *surrender*. Sikap ini yang Mahathir sedang perangi. Kalau kita percaya dan usaha betul-betul tak ada sebab kita tak boleh berjaya. Pokok pangkalnya terletak pada diri kita sendiri.

Kejayaan projek kereta nasional Proton Saga adalah satu daripada kejayaan Dasar Padang ke Timur. Saya kata kejayaan kerana saya percaya projek kereta Proton Saga adalah satu kejayaan yang amat membanggakan bagi bangsa Malaysia. Saya telah perhatikan perkembangannya daripada awal hingga sekarang, satu demi satu kritik-kritik terhadap projek itu telah terbukti salah dan mengarut. Kalau kereta buatan Korea Selatan boleh tembusi pasaran di Amerika, setelah kejayaan besar kereta Jepun, tidak ada sebab Proton Saga tidak boleh berjaya di pasaran luar negeri. Majalah 'Fortune' sudah kata Amerika akan import Proton Saga.

Tidak berbanggakah kita sebagai rakyat Malaysia dengan kejayaan ini? Di seluruh Asia negara yang boleh buat kereta cuma empat buah saja. Jepun, Korea Selatan, India dan kita. India tidak eksport ke luar. Yang eksport kereta cuma tiga buah negara saja. Malaysia salah satu daripadanya.

Ini semua bukan kerja senang. Setakat nak bercakap semua orang boleh bercakap. Mahathir tidak bercakap saja, dia buat dan dia buktikan yang kita boleh buat walaupun banyak orang tak percaya.

Kemudian mereka tanya pula: Berapa banyak duit kita habis untuk projek kereta Proton Saga itu? Kita telah membelanjakan wang dengan begitu banyak sekali untuk projek itu, dan sebab itu ekonomi kita yang sedang merosot jadi semakin teruk. Kata mereka, berlagak macam orang bodoh, nak maju, nak buat industri besar, tapi tak mahu keluar modal. Tak pelikkah macam tu?

Berniaga dan buat perusahaan besar macam itu tentulah modalnya pun kena besar juga. Dalam masa dua tiga tahun rugi adalah perkara biasa juga. Itu bukan rugi namanya, itu tanam modal. Projek besar macam itu untungnya datang lambat sikit. Saya yang bukan pakar dalam bidang perniagaan besar pun boleh tahu perkara macam itu.

Kata kita nak maju, nak kurangkan bergantung kepada negara luar. Kalau tak mahu belanja duit tanam modal dalam projek-projek besar, macam mana nak maju? Nak maju bukan cukup dengan bercakap saja. Kena buat dan kena keluar duit. Nak kira kerajaan dan negara tak cukup duit dan ekonomi sedang merosot, sampai bila pun tak cukup duit. Duit bukan boleh datang dengan duk tunggu saja. Walau macam mana pun kena ikhtiar. Nak kata negara kita dah teruk

sangat pun tidak juga. Banyak lagi orang yang kaya raya. Tak ada lagi orang yang mati kebulur sebab tak boleh makan.

Tak susah dulu macam mana nak senang kemudian! Dalam dunia ini kalau kita nak senang kita mesti sanggup susah dulu. Bukan sengaja nak susah, tapi susah sebab nak cari kesenangan.

Itu fasal Dasar Pandang ke Timur dan projek kereta Proton Saga. Satu perkara lagi yang selalu disebut-sebut menyebabkan ekonomi negara kita teruk ialah fasal penglibatan kerajaan dalam pembelian beberapa syarikat besar yang beribu pejabat di luar negeri, khususnya di London, seperti Dunlop, Guthrie dan Sime Darby.

Kononnya kerana pembelian itu mengakibatkan ekonomi kita jatuh, pertama, kerana duit kita yang banyak kita gunakan untuk membeli syarikat-syarikat itu telah mengalir ke luar negeri, dan mengurangkan duit kita yang ada di dalam negeri. Jadi, katanya, pusingan modal di dalam negeri pun merosot.

Yang kedua, bila kita membayar wang yang banyak kepada orang-orang luar yang memiliki saham syarikat-syarikat yang kita beli itu, orang-orang itu menggunakan wang yang banyak yang kita bayar kepada mereka itu untuk membuka perusahaan baru di negara-negara lain yang kos buruh dan harga tanahnya lebih murah daripada di negara kita. Perusahaan itu ialah perusahaan ladang kelapa sawit. Sekarang kelapa sawit yang mereka tanam dengan menggunakan duit kita tadi telah mengeluarkan hasil. Sebab itulah permintaan terhadap minyak sawit kita telah jatuh dan harga minyak sawit di pasaran antarabangsa pun jatuh kerana barangan itu sudah terlalu banyak di pasaran dan harga minyak sawit di negara lain lebih murah.

Sejauh mana cerita itu benar saya tak pasti. Tapi katakanlah cerita itu benar, apakah tindakan kita membeli syarikat-syarikat besar itu salah dan merugikan kita? Logik yang saya ingin kemukakan dalam kes ini lebih kurang sama juga dengan logik yang telah saya kemukakan di atas tadi, Kita hanya lihat dari segi yang rugi, kita tidak lihat dari segi yang menguntungkan kita. Sekarang cuba kita lihat.

Bila kita beli syarikat besar dari orang lain, kita mesti bayar harganya. Duit kita mesti kita berikan pada dia, dan kita dapat syarikat dan perniagaan serta harta benda syarikat itu. Sekali lagi kita menanam



modal untuk suatu perniagaan atau perusahaan yang besar. Hari ini kita bayar banyak duit. Bukan rugi. Kita berniaga dan kita tanam modal. Esok siapa boleh nafikan kita boleh dapat semula duit kita tadi dan kita boleh buat keuntungan yang besar? Macam kita tubuh PNB. Kalau rugi, bagaimana PNB boleh bayar dividen tiap-tiap tahun melalui ASN?

Ini semua merupakan suatu *move* atau gerakan yang berani kita lakukan untuk memasuki pasaran antarabangsa. Kita mesti masuk pasaran antarabangsa kalau kita nak maju dan nak kecap nikmat merdeka dalam bidang ekonomi. Ini satu perkara yang tak dapat tidak. Ini perkara biasa dalam dunia bisnes antarabangsa. Kita mesti berani mengambil risiko. Bila lagi kita nak buat kalau tidak sekarang? Kita mesti buat, jangan cakap saja.

Soal orang itu dapat duit dari kita dia pergi tanam kelapa sawit di negeri lain yang lebih murah, itu soal dia. Kita tak boleh halang dia, sebab dia pun nak berniaga juga. *Business game* kita kena tahu. Mesti *fair* untuk orang sama, jangan ingat nak *fair* untuk kita saja.

Tengku Razaleigh jadi Menteri Kewangan waktu suasana ekonomi dunia sedang baik, memang senang. Ada pula Dr. Mahathir jadi Menteri Perdagangan dan Perindustrian bekerja kuat membawa pelabur asing melabur di negara kita. Mentadbir kewangan di waktu wang ada banyak dan suasana ekonomi tengah baik tak perlu Tengku Razaleigh, orang biasa yang tahu sedikit pasal ekonomi pun boleh buat.

Keadaan ekonomi tahun 1980 dengan keadaan ekonomi hari ini tak serupa. Ini kita mesti faham. Dr. Mahathir mengambil-alih kerajaan waktu ekonomi dunia sedang mula meleset. Ini cabaran. Kita jangan lupa yang periuk nasi ekonomi negara kita terlalu bergantung kepada pasaran dunia, terlalu bergantung kepada hasil jualan bahan-bahan mentah. Periuk nasi rumah kita terlalu bergantung kepada orang lain. Bila orang lain susah sikit, kita jadi susah banyak. Masalah inilah yang dihadapi oleh Dr. Mahathir bila dia mengambil-alih tanggungjawab dan amanah mentadbir negara ini.

Ini bukan masalah kecil, kerana Dr. Mahathir tak mahu negara kita terus hidup atas belas ihsan negara-negara lain semata-mata. Keadaan ini mesti diubah kalau kita mahu jadi negara yang betul-betul merdeka. Merdeka apa namanya kalau ekonomi kita masih terbelunggu

oleh apa yang dibuat oleh negara-negara maju dan kita sedikit pun tak boleh buat apa-apa untuk menentukan nasib ekonomi kita? Kita mesti boleh menentukan nasib ekonomi negara kita sendiri, kalau tak banyak pun sedikit, dan sedikit sedikit lama-lama banyak. Walau apa jadi pun ini kita mesti buat. Kita mesti berani buat dan mesti berani menghadapi akibatnya.

Berapa orang di antara kita yang benar-benar memahami dan mahu memahami duduk perkara ini. Bila Mahathir kata kita mesti jadi bangsa yang bermaruah, yang dihormati dan tidak diperbudak-budakkan oleh orang lain semasa dia baru-baru jadi Perdana Menteri dulu, semua orang sambut dengan gembira. Semua orang puji Mahathir. Tapi lepas itu bila Mahathir mula melaksanakan tindakan demi tindakan untuk mencapai matlamat itu, orang ramai mulai menunjukkan sikap yang berbeza. Kenapa? Kenapa tidak sokong Mahathir untuk mencapai matlamat yang mulia tadi? Kenapa? Saya tanya lagi: Kenapa?

Apakah bangsa kita bangsa Melayu ini cuma suka menang bersorak saja, tak kira walaupun hakikatnya kampung kita tergadai? Pemimpin kata kita mesti menang, kita pun bersorak riuh rendah gembira. Bila pemimpin ajak bekerja untuk mencapai kemenangan kita tak mahu, sebab bekerja tak boleh bersorak, kita hanya nak bersorak saja. Boleh bersorak cukuplah. Kalau dah tergadai pun tak apa, asalkan masih boleh bersorak. Inilah hakikat kita. Hakikat inilah yang sungguh memalukan saya. Saya tak rela itu jadi hakikat bangsa saya. Saya malu dan saya mesti buang sifat tak senonoh itu.

Belum pernah saya berkerja keras menulis buku seperti ini. Tak tahu pasal selok belok ekonomi negara, saya belajar, baca buku, tanya orang, saya mesti tahu, sebab saya mesti lawan menghapuskan perkara-perkara yang memalukan itu. Nak harapkan pada orang-orang yang *the so-called expert in economy* memang tak boleh harap. Saya geram betul.

Jadi itulah dia masalahnya. Ada orang kata kita tak boleh buat lagi macam perkara-perkara yang dibuat oleh Mahathir sebab sekarang kewangan kita belum mengizinkan kita buat begitu. Bila kewangan kita akan mengizinkan? Bila duit pernah cukup? Nak nanti inilah jadinya kita. Nanti dulu, nanti dulu, nak nanti hidup tidak ada masalah,

bila hidup tidak ada masalah? Kalau dah tak ada masalah itu bukanlah hidup namanya.

Soal sebenarnya ialah soal *prioriti*, dan *prioriti* bagi Mahathir ialah menghapuskan belunggu penjajahan yang masih ada dalam diri orang Melayu. Bumi kita kaya. Allah Ta'ala telah anugerahkan kepada kita suatu bumi yang kaya dengan bermacam-macam bahan. Tinggal kita sahaja nak bekerja mengambil faedah daripada kekayaan bumi anugerah Allah Ta'ala ini atau tidak. Orang kata kita negara kecil tak mampu nak campur dalam urusan menentukan ekonomi dunia. *Bull shit!* Tengok Israel besar mana. Cakap! Itulah fikiran terjajah.

Cakap nak jadi bangsa bermarwah, dihormati, merdeka dalam ekonomi dan tidak diperbudak-budakkan oleh negara dan bangsa lain memang mudah. Yang susah nak buat supaya benda yang dicakap itu boleh jadi kenyataan. Macam-macam nak kena buat dan macam-macam nak kena tukar. Nak tukar waktu jam supaya cepat setengah jam tak susah. Tolak saja jarumnya cepat setengah jam jadilah dia. Tapi nak tukar pemikiran orang yang berfikir cara bangsa kerdil terjajah kepada berfikir cara bangsa yang berjiwa besar dan merdeka, terutamanya dalam bidang ekonomi, lebih susah daripada sebuah bukit, atau mungkin lebih susah daripada jambatan dari Kuantan ke Kuching.

Datuk Senu nak buat revolusi mental dengan tulis buku, mana nak jadi. Tulis seribu buku macam buku *Revolusi Mental* itu pun, kalau orang tak baca atau tak praktikkan tak boleh jadi juga. Kita bercakap pasal revolusi mental sejak zaman Senu lagi, tapi mental kita masih macam itu juga lagi, masih juga lagi tak merdeka. Revolusi mental bukan cukup pakai cakap dan tulis buku saja. Mesti buat dan mesti kerja. Mahathir tak sebut pun revolusi mental, tapi apa yang Mahathir buat selama ini, yang ditohmah macam-macam oleh orang yang tak bertanggungjawab, itu revolusi mentallah. Kenapa Datuk Senu tak sokong Mahathir kalau Datuk Senu betul-betul ikhlas nak buat revolusi mental di kalangan orang Melayu? Sokonglah.

Mahathir buat dasar **Persyarikatan Malaysia** dan **Pengswastan**, setakat mana ia difahami oleh ahli-ahli UMNO sendiri yang asyik nak merebut jawatan? Cuba kita tengok pula fakta dan angka ini:

Nisbah jumlah pekerja di Malaysia dengan kakitangan kerajaan atau orang yang bekerja dengan kerajaan ialah setiap tujuh orang pekerja, seorang bekerja dengan kerajaan. Apakah maknanya fakta dan angka ini? Nak tahu maknanya kita kena tengok bagaimana pula nisbahnya di negara-negara lain.

Di Jepun, setiap 25 orang pekerja, seorang bekerja dengan kerajaan. Di Indonesia, setiap 19 orang, di Singapura setiap 37 orang, di Filipina setiap 43 orang, dan di India setiap 45 orang, seorang bekerja dengan kerajaan.

Itulah mentaliti orang kita, itulah sikap orang kita dan itulah tanggungan kerajaan kita. Bila bekerja dengan kerajaan maknanya kerajaan bukan saja kena bayar gaji dia, tapi kena bayar bermacam-macam lagi elaun dan kemudahan, termasuk bayaran pencen, kemudahan perubatan, EPF, pinjaman rumah, pinjaman kereta dan elaun perjalanan.

Dalam satu dunia ini, setakat yang saya sempat kaji dan cari fakta-faktanya, tidak ada kerajaan lain yang nisbah orang bekerja dengan kerajaan terlalu ramai seperti di negara kita. Cubalah bandingkan sendiri berdasarkan fakta yang saya salinkan di atas tadi.

Ada tahun 1970, jumlah kakitangan kerajaan di seluruh negara ialah 398,000 orang. Sepuluh tahun kemudian, 1980, jumlahnya meningkat kepada 687,570 orang, dan pada tahun 1986 orang yang bekerja dengan kerajaan di Malaysia berjumlah 888,252 orang. Bandingkanlah dengan jumlah penduduk negara kita. Sikit punya ramaikah yang bekerja dengan kerajaan. Tidak termasuk diri saya, kerana saya tidak pernah bekerja dengan kerajaan dan tidak pernah menerima gaji daripada kerajaan. Saya fikir saya sudah buktikan yang saya sudah betul-betul merdeka.

Saya bukan kata bekerja dengan kerajaan tidak bagus. Tapi kalau semua orang nak bekerja dengan kerajaan, teruklah kerajaan nak tanggung semua. Kita bukan negara Komunis, kita negara Islam. Tengoklah sekarang apa jadi dengan mahasiswa yang tamat universiti. Menganggur tak ada pekerjaan, sebab mentalitinya masih ramai nak bekerja dengan kerajaan. Macam mana kita nak maju. Perhatikanlah negara-negara lain yang maju, mana ada yang serupa dengan kita.

Pada tahun 1970 gaji yang dibayar oleh kerajaan Malaysia kepada kakitangannya berjumlah \$2,174 juta, dan pada tahun 1986 jumlahnya ialah \$7,486 juta. Itu baru gaji saja, belum kira lagi bayaran-bayaran lain.

Bayaran pencen pula tahun 1970 \$101 juta, 1976 \$168 juta, 1980 \$547 juta, 1983 \$629 juta, 1985 \$775 juta dan pada tahun 1986 \$826 juta. Itu pencen. Bukan sikit-sikit kerajaan kena bayar. Belum kira subsidi yang macam-macam jenis subsidi lagi.

Dibandingkan dengan negara-negara lain, kerajaan kita mesti mempunyai pendapatan yang lebih, kerana tanggungannya lebih banyak. Itu tidak berapa masalah sangat, kerana kerajaan boleh cari. Yang menjadi masalah dan hendak diatasi oleh Mahathir ialah sikap dan mentaliti orang-orang kita yang terlalu bergantung.

Lagi pun kita bercakap sekarang dalam konteks ekonomi dunia seperti yang saya bincangkan di atas tadi. Kita kena bersaing di pasaran antarabangsa. Sikap dan mentaliti kita mesti sesuai dengan keadaan dunia hari ini. Kalau tidak macam mana kita boleh bersaing sebagai bangsa dan negara merdeka.

Sikap dan mentaliti kakitangan kerajaan tidak sama dengan sikap dan mentaliti kakitangan swasta. Sikap dan jangkaan orang terhadap kakitangan kerajaan pun tak sama dengan sikap dan jangkaan mereka terhadap kakitangan swasta. Pendeknya kalau kita nak maju kita mesti ramai bekerja dengan swasta dan hubungan antara kakitangan kerajaan dengan kakitangan swasta mesti baik dan mesti saling bekerjasama dan saling membantu.

Itu kita boleh pelajari dari kenyataan di mana-mana saja negara di dunia. Semua orang ekonomi tahu. Dan itulah yang Mahathir nak buat melalui konsep Persyarikatan Malaysia dan Dasar Pengswastaan. Kalau saya nak cerita kenapa cara kerja swasta lebih baik dan sesuai untuk mengajar kemajuan di bidang ekonomi, itu sudah jadi satu cerita lain pula.

Yang saya nak kata ialah ekonomi tidak habis setakat ekonomi saja. Masalah ekonomi negara kita bersangkutan paut dengan banyak masalah lain. Kita mesti ingat akan matlamat utama kita apa? Apakah

ekonomi matlamat utama kita? Apakah duit banyak itu matlamat utama kita?

Matlamat utama kita ialah kita nak jadi satu bangsa dan negara yang bermaruah, dihormati, tidak diperbudak-budakkan dan merdeka di bidang ekonomi. Tujuan ini besar. Cukup besar. Jadi modal kita pun mesti besar. Persediaan dan persiapan kita mesti besar. Kita sudah merdeka 30 tahun, tapi kita masih juga tidak merdeka dalam ekonomi, dalam mental dan dalam jiwa kita. Ini yang Mahathir nak buat. Nak merdekakan kita supaya kita betul-betul jadi bangsa dan negara merdeka.

Ini yang dikatakan revolusi. Apa yang Mahathir buat ialah revolusi. Tak mesti berperang menumpahkan darah baru kata revolusi. Usaha mengubah jiwa bangsa yang kecil supaya menjadi bangsa yang berjiwa besar, mengubah sifat rendah diri dan tidak percayakan kemampuan diri sendiri kepada yakin dengan kemampuan diri sendiri dan percaya yang kita sama taraf dengan orang-orang lain yang maju di dunia, mengubah sikap suka bergantung kepada sikap berdikari dan bebas, mengubah sikap bertuankan British kepada bertuankan diri sendiri, mengubah keadaan ekonomi kita ditentukan nasib ekonomi kita, ini semua adalah suatu kerja revolusi.

Saya nak tanya: Berapa orang di antara kita yang sedar akan revolusi yang sedang diusahakan oleh Perdana Menteri kita Dr. Mahathir ini? Orang-orang yang terpengaruh dengan kritik-kritik mengenai ekonomi negara kita di bawah pentadbiran Dr. Mahathir apakah sedar perkara ini?

Sistem, nilai dan sikap yang ada di kalangan orang-orang kita dan dalam cara pentadbiran yang kita warisi dari penjajah, itulah yang menghalang kita maju dalam ekonomi. Banyak yang kita kena tukar. Kita tak boleh lagi seronok bersorak saja. Kita mesti buat kerja. Kita mesti ubah mana-mana yang tak sesuai.

Mahathir sudah cuba dengan Tengku Razaleigh jadi Menteri Kewangan. Tapi mereka tak sesuai. Lain yang Mahathir rancang dari segi polisi, dasar dan projek-projek yang boleh mencapai matlamat seperti yang disebut di atas tadi, lain yang Tengku Razaleigh rancang dari segi kewangan. Mana boleh jadi?

Mahathir merdeka jiwa, fikiran dan sikapnya. Tengku Razaleigh masih terikat dengan fikiran-fikiran dan nilai-nilai cara Barat. Mahathir percaya kepada sistem ekonomi dan kewangan Islam, Tengku Razaleigh tidak nampak seperti yang Mahathir nampak.

Ingat bahawa ini satu revolusi! Revolusi ertinya kita mesti bertindak cepat, tegas dan cekap. Menteri-menteri mesti boleh bantu dengan cekap apa yang di perlukan oleh Perdana Menteri. Kalau Mahathir pandang ke Timur, Musa nak pandang ke Barat, macam mana nak buat kerja?

Mahathir mesti ada orang-orang kuatnya yang dia boleh berikan sepenuh kepercayaan. Mahathir percayakan Daim, orang yang kuat dan cekap berkerja, orang yang tak mahu sibuk dengan kerja-kerja politiking, orang yang boleh nampak apa yang Mahathir nampak. Baru mereka boleh sama-sama membuat *planning*, dari segi kewangan dan ekonomi.

Menteri Kewangan bukan boleh buat *planning* dia sendiri. Bukan dia yang menentukan dasar dan perjalanan negara. Yang menentukan dasar dan perjalanan negara ialah kabinet yang diketuai oleh Perdana Menteri, dengan kelulusan Parlimen.


Mahathir perlukan orang macam Daim, macam Ghafar Baba, macam Anwar Ibrahim, macam Sanusi Junid, macam Megat Junid, macam Noor Azam. Ini bukan zaman politiking.

Saya nak tanya: Siapa lagi di kalangan pemimpin kita yang kita percaya dengan ikhlas boleh memimpin bangsa kita bekerja untuk mencapai matlamat seperti yang kita bincang di atas tadi? Cuba jawab dengan ikhlas.

Saya percaya kalau kita ikhlas kita akan terima Dr. Mahathir Mohamad sebagai Baba Revolusi yang telah merevolusikan jiwa bangsa kita, walaupun Mahathir tidak pernah mengatakan apa yang dia buat dan pimpin itu satu revolusi.

Saya percaya kalau kita ikhlas kita akan terima Dr. Mahathir Mohamad sebagai Bapa Revolusi yang telah merevolusikan jiwa bangsa kita, walaupun Mahathir tidak pernah mengatakan apa yang dia buat dan pimpin itu satu revolusi.





Datuk Sanusi Junid, Setiausaha Agung yang setia kepada UMNO dan kepada boss UMNO Dr Mahathir.



Dr. Mahathir Mohamad, Baba Revolusi yang sedang merevolusikan jiwa bangsa Melayu.

# 28

## SIAPA PEMIMPIN MU?

Mari kita menyeleweng sedikit dari tajuk sebenar buku ini. Mari kita mengikuti cerita mengenai pemimpin Asia dan pemimpin dunia. Mari kita berfikir tentang para pemimpin dunia sebelum kita terlibat dalam perlawanan SIAPA LAWAN SIAPA.

Saya yakin dan percaya dengan membawa pembaca menyeleweng sedikit dari tajuk asal buku ini tidak boleh membawa kerugian dan kerosakkan kepada ekonomi negara seperti penyelewengan yang dilakukan oleh para pemimpin koperasi dan bank yang di amanahkan oleh rakyat.

Penyelewengan macam ini perkara biasa dalam hidup manusia. Kita turun dari rumah untuk pergi kerumah kawan tetapi apabila tiba separuh jalan kita singgah pula di kedai dan minum kopi dulu. Bukankah itu penyelewengan namanya. Namun ia tidak merosakkan niat awal untuk pergi kerumah kawan.

Membaca buku tanpa berfikir tidak akan membawa apa-apa faedah. Membaca tanpa berfikir serupa dengan orang yang suka makan nasi banyak tanpa menambah zat untuk memberi kekuatan. Sama seperti orang yang suka bersimbang di kedai kopi tidak memberi apa-apa sumbangan kepada bangsa dan negara.

Mengaji dan mengkaji lebih kurang sama dengan membaca dan berfikir. Dunia ini berubah kerana adanya orang yang mahu membaca dan berfikir. Berfikir dan membaca. Sebab itu Tuhan memerintah manusia membaca. Membaca dengan nama Allah kerana Tuhan mahu manusia berfikir mengikut kitabnya. Ramai ahli UMNO yang tidak suka membaca dan berfikir. Mereka bercakap dan bertindak tanpa berfikir. Ahli PAS pun demikian juga ramai yang suka dengar kaset dan ceramah pemimpin mereka tapi tidak berfikir mengenainya. Jauh sekalilah berfikir secara mendalam.

Negara kita tidak sebesar Indonesia atau seluas India. Penduduk Malaysia pun tidak seramai penduduk di dua buah negara itu. Namun Dr. Mahathir telah membuka mata dunia macam Sukarno dan Ghandi pernah mengemparkan dunia barat semasa hayat mereka.

Ghandi dan Sukarno mempunyai cara dan gaya mereka sendiri mengemparkan dunia dalam mentadbir negara mereka. Orang India dan Indonesia bangga dengan mereka. Rakyat kedua-dua negara ini memberikan sokongan moral kepada tokoh negara mereka.

Rakyat Malaysia juga nampak vision Mahathir. Mereka pun bangga dengan keberanian dan kehebatan Mahathir menukarkan pandangan dan cara berfikir rakyat Malaysia. Bila ramai yang suka tentu ramai pula yang tidak suka terutama musuh-musuh negara dan agen-agen pemikiran imperialis barat yang berpengaruh di Malaysia.

Para pemimpin di negara-negara barat nampak bahaya yang akan mengancam mereka sekiranya Mahathir terus kekal sebagai Perdana Menteri Malaysia. Apa akan jadi pada mereka apabila pemikiran manusia yang masih terjajah ini dibebaskan? Apa akan jadi pada mereka bila Mahathir sudah membuka fikiran rakyatnya supaya berfikir cara besar melibatkan diri dengan projek yang besar-besar, apa akan terjadi pada kuasa-kuasa besar?

Ahli-ahli UMNO yang mahu menjatuhkan Mahathir tidak berfikir besar, tidak bangga dengan nama besar yang akan diperolehi oleh bangsa dan negaranya, jelas menampakkan jiwa dan pemikiran yang tidak patriot. Cakap saja tentang perjuangan untuk bangsa, agama dan tanah air tetapi masih mahu hidup seperti katak di bawah tempurung.

Berfikir besar seperti Ghandi dan membebaskan belengu dari penjajah Inggeris tidak semestinya menyuruh Mahathir hidup dengan berpakaian seperti Ghandi. Tidak pakai macam itu pun orang Melayu kata Mahathir mamak. Kalau pakai macam itu orang UMNO pasti adakan undi tidak percaya terhadapnya kerana mereka tahu Mahathir asal dari Kerala, India.

Mahu mengikut kehebatan dan keberanian seperti Sukarno tidak bererti kita malu. Mahathir buat benda yang besar-besar macam Sukarno adakan di Indonesia. Mahathir dituduh dengan bermacam-

Dalam bab ini "Siapa Pemimpin Mu" saya akan bercerita mengenai pemimpin-pemimpin manusia didunia .Saya memilih menceritakan pemimpin-pemimpin manusia, kerana hanya manusia yang boleh mengubah manusia dan dunia. Kuda, Lembu, Kerbau dan lain-lain haiwan tidak boleh mengubah dunia dan manusia.

Kalau kita melihat pemimpin-pemimpin di barat mereka telah banyak melakukan pelbagai perubahan sehingga dunia terpaksa memandang kepadanya. Mereka telah memberikan sumbangan kepada tamadun manusia dalam berbagai bidang kehidupan manusia. Mereka telah mencipta berbagai-bagai alat sains dan teknologi. Tetapi kita pun sedar bagaimana nilai manusia di dunia barat itu telah jatuh mertabat manusianya.

Setiap waktu kita menonton dikaca TV, dipanggung wayang, di papan-papan iklan, membaca di akhbar, di majalah akan pelbagai skandal, pecah amanah, rompakan, perogolan, bunuh diri, penipuan, peperangan, pembunuhan dan pelbagai macam perbuatan yang menjatuhkan mertabat manusia sebagai manusia. Mertabat manusia sebagai khalifah Allah di bumi Tuhan ini.

Kita lihat dikaca TV misalnya tentang orang-orang yang bersekedudukan tanpa nikah, rumah tangga yang berpecah, anak yang terbiar dan lebih buruk lagi mereka berzina sesama keluarganya sendiri. Kata mereka itulah kebebasan. Mereka bebaskan diri mereka supaya mereka tidak menjadi manusia lagi.

Kebebasan yang menjadi kebanggaan mereka itu dipergunakan dengan sebeb-bebasnya tanpa batas dalam segala bidang kehidupan. Mereka gunakan dalam ekonomi, dalam politik dan dalam sosial.

Itulah kejayaan tamadun dan kehidupan orang barat.

Itu semua sebenarnya menjadi kebimbangan para pemimpin barat, dinegara barat mana pun didunia ini.

Kita sudah lihat pemimpin barat dengan cara hidupnya. Kita lihat bagaimana pemimpin-pemimpin membentuk masyarakatnya. Yang jarang kita lihat bagaimana mereka bekerjasama dalam setiap kerjanya. Kerjasama dikalangan mereka itulah yang menjadikan mereka satu blok yang boleh mempegaruhi dunia.

macam tuduhan. Inilah sikap rakyat yang mentalnya masih terjajah, akhirnya mereka akan bunuh pemimpin mereka kerana mereka tidak mahu berfikir besar. Mereka berfikir kecil kerana fikiran mereka terjajah.

Malaysia bukan India dan Malaysia juga bukan Indonesia. Jadi tidak mungkin kita bandingkan pemimpin kita seperti Sukarno tapi Sukarno dan Ghandi adalah dua manusia pencatat sejarah dan telah diterima sebagai seorang *world figure*. Begitu juga Dr. Mahathir hari ini yang telah mencapai taraf seorang *world figure*. Rakyat yang tidak mempunyai semangat *sense of belonging* masakan boleh berbangga dengan kejayaan bangsanya.

Maka eloklah kalau kita renung Ghandi dan Sukarno dan sambil itu kita perhatikan Dr. Mahathir. Biar agung dan hebat macam mana sekali pun pemimpin orang, pemimpin orang juga. Mana boleh sama dengan pemimpin sendiri. Mahathir adalah pemimpin kita. Dia masih hidup, masih berkuasa. Kalau dulu kita asyik menonton drama orang apa salahnya hari ini dunia pula yang menonton dan memceritakan tentang kehebatan pemimpin kita pula? Apa salahnya sesekali berbangga dengan apa yang kita ada. Kalau kita tak bangga dengan apa yang kita ada, siapa lagi nak bangga. Macam mana kita nak harap supaya orang hormat kita kalau kita pun tidak hormat sesama kita?

Jangan ikut pemimpin UMNO yang berperangai *sour grapes* yang cemburukan apa saja yang Perdana Menteri kita buat. Mereka mahu kita buang Mahathir gantikan dia.

Malaysia tidak mempunyai ribuan pulau. Malaysia tidak mempunyai ratusan suku kaum. Dan Malaysia tidak mempunyai ratusan juta penduduk tapi Malaysia mempunyai seorang pemimpin yang telah diterima sebagai salah satu *world figure*, pemimpin yang disegani dan dibimbangi oleh kuasa-kuasa besar macam juga Sukarno dan Ghandi masa mereka hidup dulu. Seandainya kita ditanya siapa pemimpin mu? Apakah kita malu mahu berkata Mahathir pemimpinku? Rakyat Singapura yang tidak senang dengan cara pemerintahan Lee Kuan Yew tetap anggap Lee Kuan Yew sebagai pemimpin mereka termasuk orang Melayu dan India.

Apalah yang kita hendak banggakan dengan jiran sebelah rumah kita yang mempunyai kereta Mercedes 280 SC. Jiran di hadapan kita yang memakai kereta BMW 7321 dan seorang lagi jiran yang mempunyai sebuah Rolls Royces. Kereta-kereta besar itu bukan hak milik kita. Hak milik jiran kita. Mungkin sesekali mereka beri peluang menaiki kereta mereka. Kecil-kecil Proton Saga hak milik kita. Kata peribahasa Inggeris *a bird in the hand is better than two in the bush*. Jangan jadi anjing dengan bayang-bayang, sudah ada tulang dalam mulut mahu satu lagi yang ada dalam mulut bayang-bayang.

Seorang anak penarik beca roda tiga yang ada *sense of belonging* bangga dengan beca roda tiga buruk kepunyaan ayahnya. Saya bangga dengan kehebatan Mahathir sebagai Perdana Menteri saya. Kerana ketika ini Malaysia cuma mampu mempunyai seorang Perdana Menteri yang macam Datuk Sri Dr. Mahathir saja. Dan saya tidak mahu menukarkan beca roda tiga dengan dua basikal perempuan yang baru yang tidak ada palang.

Kalau boleh, saya bandingkan Mahathir itu sebuah beca yang buruk dan Musa dan Ku Li itu sebagai basikal baru. Beca buruk ini telah berjasa dan masih banyak gunanya kalau hendak dibandingkan dengan basikal baru yang boleh ditonggang oleh hanya seorang manusia saja.

Orang yang sudah keluar jauh dari negerinya saja yang akan ternampak dan terasa betapa indah dan baiknya negeri sendiri, kalau hendak dibandingkan dengan negeri orang. Jangan ikut sangat puak-puak pelampau dalam UMNO yang sudah lupa tentang tanggungjawab terhadap perjuangan yang diamanahkan oleh bangsa Melayu kepada mereka. Dia terlupa apa akan jadi pada mereka bila UMNO hancur akibat mengikut nafsu.

Janganlah kerana marahkan nyamuk kelambu kita bakar kerana yang penting ialah apa akan terjadi sesudah perlawanan ini nanti. Apakah kita boleh berbangga dengan orang yang akan kita gantikan dengan pemimpin negara kita sekarang ini? Yang menang akan berbangga dengan kemenangannya. Yang kalah akan merasa rugi dan kesal. Timbullah geram dan dendam selama tiga tahun lagi menjelang 1990 terus hidup bermusuhan. Ini bukan kerja pemimpin yang diharapkan oleh bangsanya. Ini perbuatan orang yang tidak berakhlak. Mereka sudah tahu ini bukan masanya menukar seorang pemimpin

baru kerana pemimpin yang mahu menggantikan bukan seorang yang baru tetapi orang lama dalam UMNO yang ingin duduk di kerusi baru, kerana dengki bukan kerana ada apa-apa alasan politik penting. Bukan negara ditangan Mahathir telah bertukar menjadi negara Komunis.

Kerugian yang paling besar kepada sesebuah negara ialah bila rakyat dalam negara itu tidak mahu berfikir dan membaca. Membaca dan tidak mahu berfikir. Rakyat sudah tidak ada lagi perasaan cinta dan kasih terhadap bangsa dan negaranya. Dari itu baca dan berfikirilah. Apa jawapan yang anda akan berikan jika ada makhluk asing (UFO) datang ke bumi lalu berkata *bawa aku berjumpa dengan pemimpin kamu!* Apakah reaksi anda? Kepada siapakah kita akan bawa makhluk asing itu jumpa?

Orang-orang Amerika, yang merasakan mereka *superpower*, mereka askar-askarnya ke mana jua untuk mencapai cita-cita mereka, dan orang Amerika itu akan berkata Presiden Reagan! Apakah ahli UMNO yang ketuanya telah dipengaruhi oleh Amerika akan turut mengatakan Presiden Reagan juga sebagai pemimpin mereka?

Amerika pernah menghantar jet-jet pejuangnya untuk menghancurkan Libya tetapi gagal membunuh KOL. GHADAFI. Allah telah menyelamatkan Ghadafi. Tindakan Amerika itu dikedam oleh banyak negara. Amerika juga berusaha menyekat revolusi Islam Iran. Amerika memang tidak senang dengan kebangkitan Islam. Amerika berusaha menyelamatkan Shah Iran serta berusaha mengekalkan kekuasaan di rantau itu. Tidak mungkinkah Amerika mahu mengembangkan kuasanya ke Malaysia? Mahu menjatuhkan para pemimpin UMNO yang condong kearah Islam? Sebab itu SIAPA LAWAN SIAPA? menjadi tajuk buku saya. Siapakah yang melawan siapa?

Amerika cuba menghantar pasukan penyelamatnya untuk membebaskan 52 orang Amerika yang ditahan di Tehran tetapi usaha itu gagal. Mungkin dari segi ketenteraannya, kita akui Amerika gagah dan mampu berbuat sesuatu. Bagaimanapun kita tidak boleh menerima presiden Amerika sebagai ketua dunia. Dan mahukah kita memilih dan menerima orang yang mahu menjadi alat Amerika sebagai pemimpin yang mahu menguasai UMNO?

Bagi Soviet Russia pula, mereka berusaha untuk menarik negara-



negara lain agar menyokong mereka. Mereka berjaya menghalau askar-askar Amerika keluar dari Saigon. Sekarang mereka bertapak kukuh di Vietnam dan di Afghanistan.

Mereka berusaha untuk mengembangkan pengaruh, tetapi sehingga sekarang, usaha mereka itu ditentang oleh rakyat negara itu. Mereka mengalami keadaan yang paling sulit untuk berkuasa di Kabul. Allah berserta dengan Mujahiddin Afghanistan. Negara yang besar gagal menakluk satu negeri yang kecil. Orang-orang Rusia juga tidak senang dengan Malaysia kerana memberi perlindungan kepada Mujahiddin.

Bagi negara-negara Islam dan negara-negara yang mengamalkan sistem kapitalis, ideologi komunis yang dikembangkan oleh Soviet tidak boleh diterima. Kita semua menolak ideologi itu. Mahathir menolak ideologi itu. Orang UMNO menolak ideologi itu. Kita semua menolak ideologi itu.

Rakyat patut tahu Malaysia di bawah kepimpinan Mahathir tidak mengakui para pemimpin Amerika atau Soviet sebagai pemimpin dunia. Buktinya Malaysia memberi perlindungan kepada Mujahidin dan P.L.O. Saya percaya orang-orang UMNO boleh faham dengan hal ini.

Dunia sebenarnya tidak mempunyai pemimpin. Di dalam satu tinjauan tidak lama dahulu beberapa orang tokoh terkemuka dunia yang ditanya pendapat mengenai pemimpin agung dunia, mereka mempunyai berbagai pandangan.

Ahli sejarah Perancis, Raymond Aron berkata, jika anda hendak menamakan dua tokoh penakluk terkemuka, mereka ialah Genghis Khan dan Alexander The Great.

Bagi Wiliam McNeill, ahli sejarah Amerika pula, jika diukur kesan kepimpinan seseorang itu tidak boleh lari dari Nabi Muhammad, Jesus, Buddha, dan Confucius. Bagi saya sebagai seorang Islam, Nabi Muhamad adalah penghulu segala nabi, maka Nabi Muhamadlah pemimpin dunia kerana kitab yang diturunkan kepada Nabi Muhamad masih hidup hingga hari ini dan sampai dunia kiamat dan AlQuran merangkumi kandungan dari kitab-kitab yang terdahulu darinya. Kitab Injil, Taurat dan Zabur.

Lain-lain cerdik pandai bersetuju Lenin, Karl Marx, Abraham Lincoln, Mao Tze Tung dan ramai lagi mengiktirafkan mereka sebagai pemimpin. Apakah kerana kita tidak lagi mempunyai tokoh-tokoh terkenal seperti yang disebutkan di atas tidak bererti kita tidak mampu mentadbir negara masing-masing? Pemimpin yang belum mati, pemimpin yang masih berkuasa, sejarahnya masih terbuka.

Mungkin jentera pentadbiran kita tidaklah secepat yang diharapkan. Jika kita lihat Amerika sebagai contoh, yang pernah mempunyai para pemimpin sehebat Roosevelt ataupun Lincoln. Namun setelah meletus skandal Watergate, rakyat Amerika mulai merasa sangsi dengan Presiden mereka sendiri. Adakah menjadi tugas umat Islam mengenalkan Muhamad untuk diterima sebagai pemimpin Amerika? Caciuz Clay menjadi masyur kerana dia menganuti agama Islam.

Presiden Nixon terpaksa berhenti kerana rakyat sudah tidak dipercayai kepimpinannya. Sekarang Presiden Ronald Reagan menghadapi masalah penjualan senjata ke Iran dan juga pembiayaan yang berupa kewangan kepada contra pejuang-pejuang yang menentang rejim Nicaragua pimpinan Daniel Ortega.

Kekecohan pentadbiran Reagan disebabkan ia menyembunyikan hal ini kepada rakyat Amerika. Ia seolah-olah cuba menipu rakyat Amerika. Dulu dia melaungkan anti-Iran kerana Iran kononnya menyokong keganasan tetapi sekarang dia pula menjual senjata kepada Iran. Hasil jualan itu didermakan kepada Contra. Langkah ini ditentang oleh kongres Amerika.

Hasilnya negara-negara Eropah sendiri meragui keikhlasan pentadbiran Reagan. Di satu pihak secara terang menentang Iran, tetapi di pihak lain, secara diam-diam ia menjualkan senjata kepada negara tersebut.

Antara Ronald Reagan dan Ayatollah Khomeini, siapakah yang lebih gagah? Siapakah yang lebih mulia? Suasana dan masa telah menunjukkan kelemahan dan sifat buruk Presiden Amerika. Namun dinegara kita agen-agen pemikiran imperialis barat masih tetap mengagung-agungkan kehebatan USA. Reagan dan kerajaannya akan jatuh tidak lama lagi, tetapi sebelum dia jatuh orang yang memuja kehebatannya akan jatuh terlebih dahulu kerana kejujuran dan

keikhlasan tidak ada pada Reagen. Ular kepala dua dia akan mematuk siapa saja yang dia fikir tidak lagi boleh mengunggulkannya.

Perubahan pucuk pimpinan berlaku di banyak negara. Mulanya negara itu aman tetapi bila pemimpin baru naik, ia mula menjadi kecoh. Ini semua adalah disebabkan pemimpin tersebut yang menjadi boneka kepada kuasa-kuasa luar atau kerana mereka tidak mahu diperalatkan. Dan ada juga kekecohan kerana pemimpin melakukan sesuatu yang sangat berfaedah kepada negaranya tetapi ditentang oleh golongan yang pentingkan diri sendiri. Tetapi kekecohan itu tidak akan lama kerana rakyat akhirnya faham apa yang sedang pemimpin mereka buat.

Ada pula negara yang kecoh, tapi bila pemimpin baru yang tidak dikenali datang memimpin, negara itu kembali stabil. Biar apa pun yang penting rakyat di sebuah negara mesti mempunyai semangat patriot terhadap negaranya.

Sebelum Margaret Thatcher mengambil alih pentadbiran kerajaan Britain, orang mengira England akan menghadapi masalah besar. Kesangsian England mampu ditadbir oleh seorang wanita lama-kelamaan pudar tetapi kini kesangsian timbul semula kerana hubungan Margaret Thatcher dengan Ronald Reagan.

Filipina juga hampir mengalami perang saudara. Tetapi perkara ini dapat diatasi setelah rejim Marcos ditumbangkan. Naiknya **CARAZON AQUINO** menghancurkan karisma dan kebolehan Marcos memerintah Filipina. Kekayaan negara itu banyak terlepas ke tangan keluarga serta sahabat handainya sahaja.

Dagi setengah pemimpin terutama di negara-negara membangun, tak kekuasaan suatu nikmat yang sukar digambarkan.

di negara-negara berkenaan mudah dibentuk

ta seorang pemimpin yang naik itu pa belas tahun rakyat Filipina cuba

nganti Marcos, tapi setiap kali

Hinggalah kemunculan Corazon

Marcos roboh. Inilah yang menjadi

adbiran mereka nanti konon akan lebih

dak pernah memikirkan atau merancang

Kedudukan itu adalah anegerah Allah

kang  
Bud telah  
Maha Namun  
pemimpin masih tetap  
masih hidayahnya akan  
merangkumi yang memuja  
Injil, Taurat dan kejujuran dan

padanya dan Carozon tidak mempunyai cacat cela sebelum rakyat Filipina memilihnya menggantikan Marcos.

Ada orang bertanya mampukah seorang wanita yang tidak mempunyai pengalaman seperti Cory mentadbir Filipina?

Tidak syak lagi Cory merupakan seorang pemimpin yang dikagumi oleh rakyat negara itu. Wajahnya sentiasa mengukir sunyum, jalannya lemah gemalai namun semangatnya keras ibarat batu karang di samudera luas. Hari ini Amerika Syarikat lebih merasa yakin kepada pentadbiran Cory daripada Marcos kerana Marcos sudah tidak berkuasa lagi. Namun Amerika tidak pernah putuskan untuk terus mengekalkan kuasanya di Filiphina.

Bagi Indonesia pula, sejak Sukarno digulingkan, Presiden Suharto telah mengambil alih jawatan Presiden. Pada hal beliau tidak pernah sangka atau merancang untuk menjadi presiden Indonesia. Berbagai perkara timbul mengenai rejim Suharto. Walaupun demikian dengan perkembangan terbaru yang berlaku di Indonesia, Suharto akan terus memimpin negara itu untuk masa lima tahun akan datang. Kecuali beliau mati semasa memimpin maka barulah ada orang yang akan menggantikannya namun demikian tokoh yang menggantikan Suharto masih samar-samar.

Yang pasti orang yang menggantinya mestilah beragama Islam dan berasal dari Pulau Jawa. Jika dia orang daerah seperti Allahyarham Adam Malik atau Jeneral Muhammad Yusuf peluangnya untuk menjadi presiden adalah tipis. Tidak seperti Malaysia, orang dari daerah mana pun boleh jadi Perdana Menteri.

Meskipun tidak siapa yang mengetahui siapakah bakal pengganti Suharto namun orang-orang Indonesia tidak merasa pelik kerana bagi mereka siapa saja yang menjadi presiden, orang itu mampu mentadbir negara dengan baik. Kerana orang yang bakal duduk di kerusi itu ditentukan oleh Allah.

Kita bukanlah bermaksud hendak mencampuri hal ehwal dalam negeri orang, jauh sekali daripada itu namun seumpamanya jika Presiden Suharto mahu belajar dari kejatuhan Allahyarham Presiden Sukarno, seperti yang dipelajari oleh Dr. Mahathir, insyaallah beliau akan selamat dunia dan akhirat.

Ramai terlupa bahawa kejatuhan Sukarno dulu adalah disebabkan kerana beliau tidak benar-benar mengamalkan yang terdapat dalam ajaran Al-Qurannulkarim. Padahal Al-Quran adalah kitabnya dan kitab orang Islam seluruhnya Semua orang kagum di atas kehebatan Sukarno menyatukan bangsa Indonesia yang berjumlah lebih dari seratus juta orang terdiri dari lebih seratus suku kaum berselerak di pulau-pulau yang beribu-ribu banyaknya.

Kejayaan Sukarno bukan saja dikagumi oleh bangsa Indonesia bahkan juga bangsa-bangsa di negara lain.

Sungguh sayang seribu kali sayang, baik perbuatannya mahupun tingkah lakunya banyak bertentangan dengan ajaran Islam. Pada hal songkok Sukarno sentiasa berada di atas kepalanya. Semasa hayatnya beliau sering melawat ke luar negeri terutama ke Jepun hinggalah beliau berjumpa dengan seorang puteri jelita, penari kelab malam yang bernama **NAOKO NEMOTO**.

Beliau sangat tergila-gila akan kecantikan nona Jepun itu. Di atas usaha yang bersungguh-sungguh, permainan asmaranya yang mengkagumkan di samping kedudukannya sebagai seorang Presiden, maka ia berhasil mempersunting sekaligus merubah nama perempuan itu menjadi Ratna Sari Dewi. Sukarno pernah menulis surat cinta kepada Ratna Sari Dewi. Begini bunyinya:

*Oh kekasihku .....*  
*setiap denyup jantungku menyebut namamu.*

Na'uzubiullah, jika ia mati pada saat itu siapa lagi tuhaninya? Pertualang asmaranya tidak cukup setakat itu.

Pada suatu hari beliau berserta rombongannya terbang secara nonstop dari Karachi ke Cairo. Bilamana sampai di Cairo beliau ingin berihat, lalu berpesan kepada ketua pengawal peribadinya, Jeneral Sabur dari pasukan yang terkenal Cakra Birawa agar beliau jangan diganggu oleh siapapun.

Sedang dia mula merebahkan tubuhnya, datang utusan dari Presiden Naseer, iaitu Jeneral Hakim, Ketua Turus Angkatan Tentera Mesir.

Melihat kedatangan Jenderal Hakim yang membawa pesan Naseer, Jenderal Sabur menjadi serba salah kerana Paduka Yang Mulia Bapak telah berpesan agar jangan diganggu. Namun demikian kerana pentingnya pesan itu Jenderal Sabur memberanikan dirinya menyampaikan pada bapak.

*“Pak ..... Jenderal Hakim datang membawa pesan Pak Naseer agar bapak sila berangkat untuk memeriksa barisan kehormatan”.*

Dengan nada marah Sukarno membentak Jenderal Sabur.

*“Tadi saya sudah bilang, saya tidak mahu diganggu. Bilang pada Jenderal Hakim bahawa saya tidak perlu lagi memeriksa barisan tentera Mesir. Aku sudah tahu betapa hebatnya persenjataan tentera Mesir. Aku iri hati melihat banyaknya senjata moden yang dibekalkan oleh Russia kepada Mesir.”*

Jenderal Hakim juga menjadi serba salah. Dia memujuk Jenderal Sabur untuk mengulangi lagi.

*“Pak ..... walau bagaimanapun, Pak Naseer mahu supaya bapak hadir malam ini”.*

*“Untuk memeriksa apa lagi? Kan sudah kukatakan aku capek (letih)”*

*“Pesan Pak Naseer supaya bapak malam ini memeriksa seluruh penari gelek yang terdapat dalam bandar Cairo.”*

Mendengar TARI GELEK, semangat kejantanan Sukarno berkorbar, hinggakan hilang semua penat.

*“Sampaikan pada Jenderal Hakim agar Pak Naseer meneruskannya. Dalam masa setengah jam Sukarno Presiden Republik Indonesia sudah hadir.”*

Dalam tulisan ini, saya bukanlah bermaksud untuk menonjolkan kelemahan-kelemahan yang terdapat pada Allayarham Sukarno dan bukanlah tujuan saya sebenar menulis kelemahan Sukarno dan menulis kelemahan seseorang itu lebih-lebih kepada pemimpin-pemimpin Islam. Cuma saya rasa ada persamaan kisah tentang keseronokan hidup

dengan perempuan dan berpelesenan dikelab-kelab malam serta disko-disko antara Datuk Musa Hitam, dan Almarhum Presiden Sukarno. Cuma Datuk Musa masih hidup. Jadi kisah-kisahanya dengan perempuan belum diterbitkan lagi. Kisah Datuk Musa dengan Datin Zulikha baru segelintir saja. Kehebatan Datuk Musa siapa tahu sama dengan Almarhum Presiden Sukarno atau mungkin lebih. Tapi kehebatan itu buat apa? Bukan boleh baiki bangsa Melayu.

Saya beragama Islam. Almarhum Sukarno Islam, Presiden Suharto Islam dan juga Perdana Menteri saya, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad beragama Islam. Oleh itu sebagai seorang Islam adalah menjadi tugas dan tanggungjawab saya mengingatkan pemimpin-pemimpin Islam melalui penulisan saya ini. Sesuai dengan sabda junjungan kita Nabi Muhamad S.A.W yang bermaksud:

*Jika kamu melihat sesuatu kemungkaran itu, hendaklah kamu berjuang menghapuskannya. Jika tidak boleh, hendaklah kamu lakukan dengan hati. Maksudnya dengan doa.*

Siapa yang tidak merasa sedih di atas kejatuhan Almarhum Sukarno? Beliau seorang pemimpin besar yang diakui hingga ke peringkat antarabangsa. Beliau berjuang dari usia muda melepaskan negaranya dari belenggu penjajahan kolonial Belanda. Beliau berjuang menaikkan martabat bangsanya. Namun menyedihkan sekali matinya dalam buangan.

Beginilah berakhirnya hidup seorang pemimpin besar yang beragama Islam yang lebih mengutamakan nasionalisma dari agama. Padahal nasionalisma cuma satu ideologi, sedangkan Islam adalah addin.

Ada lagi di antara pemimpin-pemimpin Islam yang lari dari hakikat Islam yang sebenarnya, Allahyarham Presiden Gamal Abdel Naseer. Beliau melayan ulama-ulama Islam Mesir dengan buruknya semasa beliau berkuasa. Pengaruh komunis Russia amat tebal atas dirinya, hinggakan beliau tidak segan silu melemparkan ulama-ulama Islam ke dalam penjara kerana tidak sehaluan dengan arah politiknya waktu itu

Apa dah jadi kepada negara Mesir, bila askar Israel melancarkan perang selama 6 hari? Kerajaan Mesir menjadi kalam kabut dan porak

peranda. Adakah askar-askar Russia datang membantu? Begitu juga penggantian, Presiden Anwar Sadad telah menghancurkan perpaduan di kalangan umat Arab. Sadad membayar terlalu mahal di atas perdamaian yang diciptakannya dengan negara Yahudi itu.

Di Singapura, Lee Kuan Yew menjadi Perdana Menteri sejak tahun 1965. Suka ataupun tidak, rakyat Singapura terpaksa hidup dibawah pentadbiran Lee Kuan Yew. Spekulasi mengatakan Lee Kuan Yew akan berhenti buat beberapa tahun lagi. Nama-nama seperti Goh Chok Tong dan Dr. Goh Keng Swee sebagai pengganti sentiasa bermain di bibir rakyat Singapura. Tetapi sebelum kedua-dua ini dididik oleh Lee, Dr. Goh Keng Swee yang di fikirannya pun sesuai untuk menggantikan Kuan Yew telah bersara dari politik.

Sekarang giliran Goh Chok Tong, pemimpin muda, pula menunggu. Melihat dari keadaan negara itu sendiri rasanya Goh Chok Tong pun tidak mempunyai peluang untuk menjadi Perdana Menteri.

Lee Kuan Yew seolah-olah tidak percayakan orang lain untuk memimpin negara itu. Dia telah memujuk anak lelakinya B.G. Lee (Lee Hsien Loong) berhenti dari perkhidmatan tentera untuk menyertai PAP dan politik. Sejak kemasukan B.G. Lee di dalam kabinet, dia digroom untuk mengambil alih jawatan Perdana Menteri. Jika Lee Kuan Yew melepaskan jawatan Perdana Menteri sekarang, peluang anaknya untuk naik adalah sukar. Goh Chok Thong tentulah pilihan utama sekarang. Jika Goh Chok Thong tidak mahu jawatan itu maka barulah Lee Kuan Yew akan memilih anaknya. Jika Lee Kuan Yew duduk lebih lama, dia berpeluang groomkan anaknya yang tidak percaya dan sentiasa mencurigai umat Islam yang menjadi rakyat Singapura. Lihatlah betapa canvinistik dan tebalnya sifat perkauman pemimpin Cina yang memerintah Singapura ini.

Bila tiba masa yang sesuai maka Lee Kuan Yew akan melantik anaknya supaya menjadi Timbalan Perdana Menteri. Bolehkah orang yang sentiasa menyimpan buruk sangka terhadap jiran tetangganya hidup aman dan tenteram dalam rumahtangganya? Tidak mustahilkah Malaysia dan Indonesia yang menjadi anggota Asean dianggap sebagai musuh dalam selimut?

Melihat kepada beberapa perkembangan dunia di rantau ini maka Malaysia tidak boleh lari dari menghadapi keadaan yang sama sejak



zaman Tunku Abdul Rahman Putra sehingga ke zaman Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, isu pengganti menjadi topik paling hangat dan popular. Adakah Dr. Mahathir sedang melatih dan mendidik anak-anaknya untuk menjadi Presiden UMNO dan Perdana Menteri Malaysia?

Isu ini menjadi hangat kerana jawatan Perdana Menteri merupakan satu jawatan *prestigious* dan penting, tambahan pula sebagai Perdana Menteri seseorang itu berkuasa di dalam serba serbi. Di dalam perlembagaan tidak tercatat tempoh jawatan Perdana Menteri. Oleh itu Perdana Menteri boleh berkhidmat sehingga dia mampu dan diterima oleh UMNO sebab itu Ku Li dan kuncukuncunya berkerja keras untuk mendapat undi yang tinggi, tidak menang pun tak mengapa. Lepas perhimpunan nanti boleh adakan undi tidak percaya terhadap Dr. Mahathir.

Isu ini juga dianggap popular kerana sesiapa juga yang menjadi Perdana Menteri, ia akan berhadapan dengan berbagai isu. Ini termasuk menentukan corak pemerintahan atau dasar dan pemilihan anggota-anggota kabinet. Tentunya siapa jua menjadi Perdana Menteri, dia akan berusaha untuk memasukkan orang-orangnya ke dalam kabinet dan kerajaan. Amatlah tidak bijak jika seseorang pemimpin itu mengambil musuhnya sebagai orang kedua di dalam kerajaan seperti yang telah dilakukan oleh Mahathir tetapi Mahathir bukan jenis orang yang nak membunuh karier orang-orang yang sebangsa dan seagama dengannya.

Carazon Aquino terpaksa memecat Juan Ponce Enrile dari jawatan Menteri Pertahanan bagi mendamaikan keadaan negara. Ini disebabkan Enrile secara terbuka mengkritik pentadbiran Cory dan seringkali menyatakan kurang senang dengan Presiden Filipina itu tetapi Dr. Mahathir tidak berbuat sesuatu untuk memecat Ku Li dan Shahrir yang terang-terang mengkritik dan mahu mengulingkannya. Rakyat Malaysia hendakkan Perdana Menteri yang baik macam mana lagi?

Dalam keadaan demikian sudah tentu isu siapa menjadi Perdana Menteri menjadi soal pokok yang diminati bukan saja oleh kaum intelektual, bahkan menjadi bahan bualan orang ramai di kedai-kedai kopi.

Masa depan kita sebagai rakyat Malaysia ditentukan oleh Perdana Menteri. Memperolehi seorang Perdana Menteri yang kaki perempuan atau kaki botol tentulah boleh menjahanamkan negara. Negara memerlukan seorang pemimpin yang mempunyai *vision*, seorang yang bersih dari maksiat dunia atau mempunyai kriteria sedemikian. Tapi pokoknya, seorang Perdana Menteri itu penting mempunyai latar belakang seperti yang disebutkan tadi.

Orang tidak pernah mengatakan bahawa kita telah tersalah memilih pemimpin. Mustahil Allah Taala jadikan bumi ini tanpa pemimpin. Bagi umat Islam seharusnya kita tahu bahawa sejak nabi Allah Adam A.S. turun ke dunia kita telah dipimpin oleh nabi dan para rasul yang silih berganti sehingga nabi Muhamad s.a.w.

Ada orang kata kita tidak mempunyai pemimpin. Isu kita tidak mempunyai pemimpin merupakan isu lama yang sering mendapat perhatian dari masa ke semasa. Semasa P. Ramlee kembali ke rahmatullah, orang pun segera berkata, dunia filem Melayu akan malap kerana kita tidak mempunyai pengganti allahyarham. Tapi alhamdulillah, hari ini banyak bakat-bakat baru dicungkil serta dunia perfileman Melayu mulai memasuki era baru. Mungkin P. Ramlee mempunyai bakat tersendiri, begitu juga orang-orang lain. Tun Razak dan Tunku adalah dua tokoh yang berlainan latar belakang dan corak politiknya tetapi kedua-duanya diterima sebagai pemimpin handal negara ini.

Sekarang orang bertanya-tanya, bolehkah lahir seorang pemimpin lebih hebat dari Dr. Mahathir?

Soal sama ada pemimpin yang bakal lahir itu lebih hebat ataupun tidak adalah soalan subjektif.

Kita tidak tahu siapa lebih hebat. Kita juga tidak tahu siapa yang lebih hebat antara Tunku dan Tun Razak? Sebabnya kedua-dua mereka itu mempunyai karisma tersendiri dan amat sukar untuk kita membuat penilaian. Tetapi antara Presiden UMNO dengan Presiden MCA sudah jelas, Presiden MCA bukan saja memerlukan kaum Cina tetapi rakyat Malaysia tetapi kerana Tan Koon Swan itu Cina, MCA minta Dewan Rakyat Yang Mulia menyembah Koon Swan ke penjara Changi di Singapura untuk angkat sumpah. Bagi orang MCA sudah tentu pemimpin mereka berada didalam penjara kerana kesalahan

menipu mereka tetap pertahankan juga.

Mari kita bandingkan pula Ketua Pemuda UMNO dengan Ketua Pemuda MCA, Kee Yong Wee yang sudah ditangkap kerana menyelewengkan wang koperasi yang diamanahkan oleh rakyat. Namun MCA tetap mempertahankan kedudukan Ketua Pemuda dalam hal ini. Orang UMNO tutup mata, tutup mulut dan tutup telinga kerana yang tertangkap Ketua Pemuda MCA. Masa Datuk Harun dulu orang UMNO desak supaya dipenjarakan dan hampir semua ahli MCA dan parti pembangkang terutama orang Cina menjadikan isu Datuk Harun Idris sebagai satu isu yang terlalu besar. Ini pembalasan Tuhan. Apa kerja orang UMNO sekarang selain dari memburukkan Ketua Pemuda UMNO kerana saudara Anwar Ibrahim giat memperjuangkan Islam tetapi kebaikan dan perjuangan untuk kebaikan Islam mereka diam dan tentang.

Mungkin zaman Dr. Mahathir sudah berakhir, mungkin tahun 2000 memerlukan seorang pemimpin yang lebih cekap. Kalau selama ini seorang pemimpin itu boleh muncul di mana-mana jua, tapi mungkin Perdana Menteri akan datang memerlukan ijazah setidaknya ijazah sarjana.

Kalau ada PhD tentulah lebih baik. Saya fikir pemimpin yang baik ialah pemimpin yang mempunyai vision yang jauh terhadap negara ini. Jika pemimpin itu hanya mahu meneruskan saja dasar yang ada, ianya tidak lebih sebagai pemimpin biasa saja. Pemimpin yang bakal mengambil alih tugas Dr. Mahathir hendaklah mempunyai rancangan berkesan terutama di dalam menerapkan nilai-nilai Islam, strategi membasmi rasuah sehingga ke akar umbinya dan menjayakan DEB serba banyak lagi.

Kita bimbang pemimpin yang bakal menggantikan Dr. Mahathir seorang yang lemah, kaki botol, kaki perempuan kaki rasuah. Dalam ketakutan itu kita mahu melihat tokoh-tokoh yang sudah diuji serta dididik supaya bila tiba waktunya mereka merupakan pemimpin kita yang tahan lasak.

Kebimbangan kita itu kerana kita begitu masak dengan keadaan politik hari ini. Kita tahu jika sesuatu berlaku di dalam UMNO ia akan mengubah sesuatu dasar. Kita boleh baca apa yang bakal dan sedang berlaku. Tetapi kita tidak tahu stail kepimpinan macam mana pula

dengan pemimpin baru sebab itu ramai di dalam UMNO bukan saja rasa bimbang dan ragu tetapi cemburu terhadap Anwar Ibrahim. Mereka sudah nampak Anwar akan maju setapak lagi sebab itu mereka berusaha untuk menghapuskan Anwar sebagai pemimpin pelapis selepas Mahathir.

Pemimpin hari esok mestilah pemimpin yang memahami kehendak masyarakat hari esok, barulah dia berjaya menyelesaikan masalah mereka. Jika kita ambil pemimpin hari ini untuk menyelesaikan masalah hari esok, sudah tentu pemimpin itu akan gagal. Bolehkah para pemimpin yang tidak ikhlas dan ketinggalan zaman walaupun masih berkuasa dijadikan pemimpin untuk hari esok?

Abad 21 kelak merupakan tahun yang penuh cabaran dan dugaan. Politik Melayu dan UMNO semakin *kronik* dan memerlukan satu formula yang lebih baik. Dan pemimpin itu mesti memperbaiki UMNO sekarang untuk memudahkannya memimpin UMNO satu hari nanti. Caranya ialah dengan berikrar dan membuat kebaikan dan menegakkan yang benar seperti yang sedang dilakukan oleh Anwar.

Sesuai dengan keadaan ketika itu pemimpin baru itu perlu menyesuaikan diri. Sama ada pemimpin masa itu seorang ulamak ataupun profesor, masa dan keadaan saja dapat menentukan. Mungkin dahulu kita menerima siapa saja pemimpin kita, tapi sekarang pemimpin yang bakal menjadi Perdana Menteri perlu berhati-hati kerana kebangkitan Islam diseluruh dunia.

Rakyat sekarang mempunyai suara lantang untuk memastikan peristiwa lama tidak berulang. Kita berharap peristiwa Memali dan Lubuk Merbau tidak akan berulang.

Dulu rakyat agak pasif menghadapi gelombang politik tapi sekarang mereka agresif dan boleh menukar kerajaan dalam pilihanraya, dari itu orang UMNO mesti hati-hati bila memilih pemimpin mereka, seperti firman Allah didalam Al-Quran yang bermaksud:

*Dan siapa yang disesatkan Allah, maka tidak ada baginya seorang pemimpin pun sesudah itu, dan kamu akan melihat orang-orang yang zalim.*

*Al-Quran: Asy. Syurra Ayat 44*

# Datuk Musa akan disoal?

KOTA BHARU, Selasa — Datuk Musa Hitam yang dijangka berada di sini 16 April ini akan ditanya kenapa beliau, ketika menjadi Timbalan Perdana Menteri, mahu Tengku Razaleigh Hamzah disingkir dari kabinet sejak 1981.

Beberapa perwakilan Umno dari Kelantan ke perhimpunan agung parti itu juga akan meminta penjelasan kenapa pada 1984 beliau terus mendesak supaya menteri itu disingkir setelah surat pertamanya tidak dilayan oleh Perdana Menteri.

"Datuk Musa perlu jawab semua ini kerana kedua-dua suratnya kepada Datuk Seri Dr Mahathir itu bukan disebabkan perbezaan pendapatnya dengan Tengku Razaleigh mengenai dasar parti, sebaliknya perasaan benci sematamata," kata seorang perwakilan.

Katanya, jika perasaan benci Datuk Musa itu wujud selepas menewaskan Tengku Razaleigh pada 1981, perwakilan juga mahu tahu kenapa ia tidak hilang pada 1984 ketika beliau sudah

menjadi Timbalan Perdana Menteri.

"Kami memandang berat kandungan kedua-dua surat yang dibacakan oleh Setiausaha Agung Umno, Datuk Seri Sanusi Junid semalam kerana keahliannya penuh dengan prasangka buruk Datuk Musa terhadap peribadi Tengku Razaleigh," katanya.

Datuk Seri Sanusi dalam pertemuan 'dari hati ke hati' dengan hampir seluruh perwakilan di sini semalam mendakwa Datuk Musa kononnya sadar beliau mesti menggunakan Tengku Razaleigh dalam pemilihan pemimpin Umno bulan ini.

Beberapa perwakilan berkata selama ini mereka menjangka surat Datuk Musa kepada Datuk Seri Dr Mahathir itu cuma tidak mahu Tengku Razaleigh kekal dalam kerajaan kerana wujud perbezaan pendapat mengenai dasar parti dan kerajaan.

Tetapi, kata mereka, kandungan surat pertama itu sahaja menunjukkan prasangka buruk dan tohmah terhadap Tengku Razaleigh di samping beberapa dikwaan yang menjejaskan nama baik, kredibiliti dan maruah menteri itu.

Datuk Musa, antaranya, mendakwa Tengku Razaleigh sukar diawasi dan beliau pasti mempolitikkan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian untuk kepentingan peribadi dengan memberi pelbagai kemudahan kepada konco-konconya seperti yang dilakukannya ketika di Kementerian Kewangan.

Antara kemudahan itu ialah memberi lesen perdagangan yang membolehkan perdagangan dan perusahaan dengan usahawan-usahawan luar negeri.

## Fitnah

"Di satu segi, surat itu bukan sahaja penuh dengan prasangka buruk terhadap Tengku Razaleigh, tetapi ia juga mengandungi semacam fitnah," kata seorang perwakilan.

*Berita Harian  
8-4-1987*



3. 10. 1984

YAB Perdana Menteri  
Malaysia

Saudara YAB

Berada kepada perancangan penatalaksanaan dalam jangka masa beberapa bulan lepas dan surat saya bertarikh 5.10.1984, ada lah saya dengan perasaan begitu kebetulan dan dulunya saya memaklumkan bahawa saya berunding bersara. Kemudian memegang jawatan Timbalan Perdana Menteri bermula daripada 1.10.1985. Keputusan saya ini ada lah sukatanat

Saya memberi "notis" selama satu tahun ini semata mata bertujuan supaya Saudara akan dapat membuat apa apa pun proses pengambil alih dengan secara lain dan teratur oleh sesiapa pun yang Saudara akan pilih nanti mengambilt tempat saya

Surat ini sengaja saya tulis dengan tangan sendiri untuk mengiyakan dalam saya. Sementara itu, saya akan terus menjalan kan tugas adalah oleh kendalian biasa.

Atas sebab perin saya keputusan saya

bersetuju dengan keputusan ini, ini bermakna  
saya tidak boleh berbuat sesuatu perundangan  
bagi kepentingan para budak saya, seperti tersara  
kebelak. Oleh itu, saya mend... saya saudara  
memberi saya cuti sebelum 6... selama  
tiga bulan bermula 1st Mei '85 atau mana  
mana tarikh sebelum bagi... saya  
menggubung "Utusan" dan mencari apa-apa kerja  
untuk menampung para budak saya kebelak.

Saya sangat insaf atas segala implikasi  
keputusan saya ini

Setelah saya saudara mem... saya  
perlu di tentukan lebih... saya  
kerat lah kepada kebijaksanaan saudara sendiri.

Saya akan memulakan... pada  
masa yang sesuai nanti.

ALLAN SELAMATKAN NO. 101 KITA

... saya,  
... saya iblah,



Semasa saya menceritakan Musa hantar surat kepada Perdana Menteri, suruh singkirkan Ku Li dari kabinetnya, dalam buku **Muka Derhaka?** orang ramai kata itu satu fitnah. Nah! Sekarang ini surat Musa sebagai buktinya. Photocopy surat ini, sekarang ini boleh didapati hingga di kedai kopi di Chow Kit pun. Kalau RON boleh siarkan surat Musa dalam bukunya, kenapa tidak saya?



Kuala Lumpur

TREASURY DEPARTMENT MALAYA

TOP SECRET - PERSONAL

Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahatir bin Mohamed,  
Prime Minister Malaysia,  
Kuala Lumpur.

*Handwritten signature: Hanlan GCS*

Re: The Equinox

This letter is written with a very heavy heart and the greatest reluctance.

I did think that you were wisely testing my quite confident that he would not accept it, when I invited your offer of the new Ministers to him.

His acceptance of Trade and Industry will carry the following implications:-

- 1) He shall use it to the full by giving out the following perks to his followers and would-be followers - Import permits (cars, materials, etc.), licenses for businesses (NOT banks after Registrar of Companies); licenses and control/supervision of manufacturing ventures.
- 2) He shall have a very strong hold on the take-overs, purchases, distributions, approvals over companies wanting to divest or transfer shares either ordinarily or to comply to the M.P.
- 3) He shall choose, recommend, suggest Malaysian (Malay, with important) partners to foreign investors wishing to invest in Malaysia.
- 4) He shall control the licensing and supervision of the distributive trade.
- 5) He shall choose, recommend, suggest names of individuals for distribution of shares.
- 6) He shall not only continue to have the support of the whole group but also if granted to the general business (Malay especially) community.
- 7) PATRONAGE would be given to those of his choice. And DON DITUM will have the greatest opportunity ever to prepare himself for his political future - even better than financial. Finance only give him prestige, power and the ability to give tender, licenses, etc. to a very limited in-looky persons should use their influence to get support for him.



but MII would give his direct access to the actual UPND voters in the easiest way ever! Please remember he is not you, Mugabe Dini, for Dr. Ismail, Maszah or Tengku Din, to mention past Ministers! Just as in Finance, he shall politicize the Ministry for his personal interest.

Personally, while in Finance he had been very difficult and I could only tolerate in the most urgent/ important circumstances. He was it, I believe, with you. In MII, I would personally be rendered almost ineffective and whatever influence I could already assert on MII so far, very crucial for MCP etc. shall certainly be blunted whichever way you look at it. But more important, the other Ministers would again have to seek his patronage and ..... well, I cannot possibly go further without being accused by you as going into a lecture and being irritating!!

Before your final decision, I feel it now absolutely ditto-bond to remind you of the above. Personally, even though I never had done this before, with the greatest respect, I would like to register my strongest views against RA's appointment at MII.

Assuming that you go ahead with the appointment, I would have to revise my own plans in a much hastier manner, which I would like to discuss with you after the announcement.

I would like vehemently to assure you that I have no intention of upsetting your administration and, as I said beginning this letter, I am doing this with a heavy heart. I am sure that events in the coming years will prove me right. For God's sake, do ponder over my points and do remind yourself of the type of personality you are dealing with.

Again, God Bless us all. God Bless you.

Sincerely,

(DAVID MUSA MIJCH)

5 Julai, 1984.

## PENGHARGAAN

Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan beserta ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pihak yang terlibat didalam penyediaan buku ini, terutama sekali Ismail Tom Tonto dan pembantu-pembantu saya Jaharah Omar, Suhami Ujang dan Amir Hamzah.

# INDEKS

## A

### ALLAH

1,2,3,4,8,9,12,13,17,27,28,30,58,61,68,69,76,78,104,114,120,121,127,150,168,197,202,  
203,210,211,212,216,218,220,222,224,226,228,232,233,235,237,238,239,246,247,248,  
251,260,263,307,328,351,375,392,400,402,404,405,406,409,415,417.

ABDULLAH AHMAD BADAWI (DATUK) 36,68,224,246,248,286,310,365.  
ABDULLAH KOK LANAS (DATUK) 5,42,128,309,310,313,314,315,367.  
ABU BAKAR (SULTAN) 186,330.

### ABDUL GHAFAR BABA

1,3,30,46,43,50,68,70,87,105,113,114,115,117,118,121,141,142,144,145,146,147,148,  
149,150,151,152,169,232,248,252,260,300,311,312,324,365,396.

ABRAHAM LINCOLN 51,406.

AHMAD (TUAN HAJI) 144,145.

AHMAD IBRAHIM (PROF) 381.

AHMAD DAUD 316.

ADAM MALIK (ALMARHUM)408.

AHMAD PERANG (TAN SRI) 329.

AHMAD NORDIN ZAKARIA (TAN SRI) 124,136,138,232.

AL-GHAZALI (IMAM) 8,10.

ALI BABA 194

ALIAS MOHD 128,141.

ALI SASTRO AMIDJAYO 331.

ALEXANDER THE GREAT 406.

AHMAD SHAH (SULTAN) 247,248,252.

AJIKIK 141.

### ANWAR IBRAHIM

1,3,49,68,106,107,114,128,131,157,166,169,171,197,221,222,223,224,227,28,229,230  
231,232,234,235,236,237,248,250,251,253,267,286,292,300,314,15,396,416,417.

ANWAR SADAT (PRESIDEN) 410.

AJIB AHMAD (DATUK) 36,47,69,179,185,186,191,194,  
195,201,285,296,325,326,327,  
326,363.

AMOS DAWE 174,269,271,274.

ARIFFIN MOHD YUSOF 157.

A.SAMAD SAID 251.

A.SAMAD ISMAIL 253.

AZLINA AZIZ 214.

AZLAN SHAH (SULTAN PERAK) 374.

AYATOLLAH KHOMEINI 407.

## B

BAHARUDDIN ABU KASSIM (DATUK) 188,189,190,195.

BARCHI (DATUK) 329.

BIRCH 263.

BAHAMAN (DATUK) 318.

BOTAK CHIN 338.

## C

CONFUCIUS 405.

CHE TAT 190.

CACIUS CLAY 407.

CORAZON AQUINO (CORY) 408,409,414.

CHRISTA MC AULIFFE 35.

CHANDRA MUDZAFFAR	158,160,169,293.
CHANDRA SWAMIJI	121,130,202,267,270,276
CLEMENT D'CRUZ	185,186,187,188,189,190,191,194, 195,196,202,328,329.
CHANG MENG THIEN	269,271.
CHONG KOK LIM	285.
CHONG SWEE KWAN	285.
CHOW SOON TAT	302

## D

DAIM ZAINUDDIN	4,5,47,50,70,107,120,121,122,169,201,214,243,277,278,279,280,281,284,286,287,289,291, 293,294,295,296,297,299,301,302,303,312,360,361,368,372,378,379,381,382,383,396.
DAUD HAJI TAHA (DATUK)	47,190,191,197.
DINSMAN	21,22,24,26,27,28,30,138,141,252.
DAVID PYOTT	137.
DAVID MARSHALL	331.
DASUKI (USTAZ)	128.
DEVAN NAIR	303.
DANIEL ORTEGA	407.

## E

EDWARD FREY	83,91.
ELIZABETH TAYLOR	202.
ELLISON ORIZUKO	35.
EUNOS SULAIMAN (DATUK)	189,190.

## F

FIRDAUS ABDULLAH	253.
FRANCIS PUTHUCERRY	187,329
FRANCIS R.SCOBEE	35.
FUAD (ALLAHYARHAM TUN)	111.

## G

GAMAL ABDEL NASEER (PRESIDEN)	410,411,412.
GREGORY JARVIS	35.
GEORGE TAN	76,120,121,126,131,135,136,138, 274,303,304.
GHANI ALI (DATUK SETIA)	110.
GOH CHONG TONG	413.
GEORGE CARMEN	70.
GURMIT SINGH	291.
GHANDI	301,403.
GHADAFI (KOL)	405.
GENGHIS KHAN	406.
GOH KENG SWEE	413.

## H

HABIB HUSSEIN	329.
HABIB HASSAN ALATTAS	14,254.
HABIL	247.
HARRIS SALLEH	89,375,376.
HARUN IDRIS (DATUK)	49,68,106,111,112,114,117,118, 150,232,234,346,416.
HANG NADIM	303,348.
HANG TUAH	84,219,348,365.
HUSSEIN ONN (TUN)	86,105,106,107,108,115,130,138, 169,188,219,294,296,329.

HAJI HADI AWANGI	27,225,319,323,324.
HAJI AGOES SALIM	330.
HAJI SUHAIMI (DATUK)	227,248,250,287.
HASHIM SHAMSUDDIN (DATUK)	70,121,124,126,128,131,136,137, 289,300,304.
HAJI KHALID	249,250.
HUSSEIN AHMAD	128.
HAMZAH OTHMAN	190.
HAMDAN JANTAN	191,201.
HASYIM MOHD	201.
HALIM (TUAN HAJI)	245.
HAKIM (JENERAL)	411

## I

IBRAHIM JAAFAR	130,135,136.
IBRAHIM ALI (Y.B.)	7,48,122,128,274.
IBRAHIM MAHMOOD (ALMARHUM AL SHAHID USTAZ) KHWAN NASIR	94,95,96,97. 184.
ISA SAMAD (DATUK)	242,243,244,255,249,260.
ISA RAHMAT	187
ISMAIL (ALLAHYARHAM TUN DR.)	105,217,293.
ISMAIL HUSSAIN (PROF. DATUK)	86,251,252,370.
ISMAIL PUTRA (TUANKU)	79.
ISMAIL WAHAB	128.
INAZO NITOBÉ (DR.)	82,83,155,166.

## J

JAAFAR ALBAR	346.
JAAFAR ONN (DATUK)	330.
JAAFAR HUSSIN	293.
JAAFAR OSMAN	201.
JALAL (DATUK)	184,324.
JALIL ABD. RAHMAN	141,142,144,145.
JALIL IBRAHIM	120,135.
JAMALI SADAT	278.
JESUS CHRIST	186.
JINS SHAMSUDDIN	121.
JUDITH RESNIK	35.
JUAN PONCE ENRILLE	414.
JOMO K.S.	293.

## K

KADIR SHEIKH FADZIL	36,291.
KAMARULZAMAN BIN MOHD (DATUK HAJI)	126.
KARL MARX	406.
KASSIM AHMAD (DATUK)	128,167.
KARPAL SINGH	158,169.
KHALIL YAACOB (DATUK)	241,245,246,247,248,250,251, 253,254,260.
K.J. RATNAM	332.
KEE YONG WEE	286.
KHATIJAH	187.
KHIR JOHARI (TAN SRI)	286,327.
K.K. SHARMA (DATUK)	201.
KHOO KHAY PENG	213,271,287,293.
KHOO TECK PHUAT (TAN SRI)	269,271,287,288.

## L

LATIF	ABU	BAKAR252.
LORRAIN ESME OSMAN (DATUK)		121,124,286.
LENIN		406.
LEE		332,333,334,335,336,338,339.
LEE YAN LIAN		285
LEE LOY SENG		271,287.
LEE SAN CHOON (DATUK)		27,295.
LEE LAM THYE		45.
LEE YAN LIAN (TAN SRI)		130,285.
LEE KIM SAI (DATUK)		165,294,332,334,335.
LEE KUAN YEW (DATUK)		6,303,384,403,413.
LEE @ LEE HSIEN LOONG (BRIG JENERAL)		413
LIM KIT SIANG (DATUK)		16,45,136,158,160,169,197.
LIANG JIEW BO		88.
LIM YEW HOCK		331.
LOW KENG HUAT (TAN SRI)		285.
LIM GOH THONG (TAN SRI)		287,302.
LIM SEE YAN (DR.)		293.
LING LIONG SIK (DATUK DR.)		296.

## M

MAHYUDDIN MOHD YASSIN (DATUK)		327.
MAHATHIR MOHAMED (DATO' SERI DR. YAB)		1,3,5,6,13,16,18,19,26,29,31,32,36,40,42,43,44,45,46,47,48,49,50,55,66,69,72,76,77,79,86,88,99,100,105,106,107,108,109,110,113,114,115,116,117,118,120,121,122,124,127,135,137,147,148,157,158,160,161,162,163,165,166,167,169,170,171,179,188,197,210,213,215,217,219,220,223,224,225,228,232,236,247,250,252,259,260,262,264,266,277,280,284,286,288,289,294,295,296,301,303,308,311,314,320,321,324,327,359,360,361,364,368,369,370,371,372,374,375,376,377,378,379,381,383,384,387,388,390,391,403,404,406,408,409,412,413,415,416,417.
MANAN (DATUK)		284.
MARINA YUSUF		4,5,36,285,288,365,368.
MARWILIS YUSUF		296.
MARCOS		408,409.
MARGERET THATCHER		127,408.
MARIA (DATIN)		380.
MARZUKI (DATUK)		194.
MARIA MENADO (DATUK)		137.
MAT KILAU		348.
MAT JENIN		32.
MAO TZE TUNG		407.
MAK FOON THAM		132,274.
MUSTAPHA MOHAMAD		179,181,184,188,208,322,380.
MUSA HITAM (DATUK)		1,3,16,18,19,22,24,25,26,29,30,31,32,33,36,37,40,41,42,43,44,45,46,47,48,49,50,55,67,68,70,71,72,73,76,77,78,79,85,86,87,90,91,94,98,99,108,109,110,111,112,113,115,116,117,118,120,121,122,127,128,133,134,135,136,137,141,142,147,148,150,169,170,171,174,179,183,184,185,186,188,190,191,194,195,196,197,201,202,212,213,216,223,224,225,226,228,234,249,250,253,259,260,267,284,289,291,294,296,297,308,310,311,320,321,322,324,325,326,328,364,365,368,372,373,376,377,378,380,383,384,385,396,408,412.
MOSBERT		274.
MOKHTAR ABD. KASSIM		188,190.
MOHD. YUSOF NOR (DR.)		166.
MOHD HAMZAH YUSOF		137.
MOKHTAR HASHIM (DATUK)		45,248,249.
MOHAMAD RAHMAT (DATUK)		20,179,184,185,195,196,326,328,379,380.

MUAMMAR GADDAFI	227.
MOHD. YAACOB (DATUK)	78,79.
MOHD. ISA (DATUK)	250.
MICHAEL HESELTINE	381.
MICHAEL J.SMITH	35.
MEGAT JONED (DATUK)	69,261,396.
MUHAMAD FUAD	342,343.
MUHAMMAD YUSOF (JENERAL)	409.
MAHMOOD ISKANDAR AL-HAJ (DYMM TUANKU)	11.
MIKE MUSA	128,194.

## N

NABI ADAM as	247,415.
NABI IBRAHIM as	9,10.
NABI MUHAMAD S.A.W	1,3,6,11,13,79,80,90,116,130,155, 168,218,227,312,406,412,415.
NABI SULAIMAN as	10.
NABI YUSUF as	221,232,233.
NAJIB TUN RAZAK (DATUK)	219,224,235,240,241, 245,246,247, 248,250,251,253,254,258,259,260.
NASARUDDIN	157.
NORA MARZUKI	194.
NAWAWI MAT AWIN	126,128,132,235.
NAOKO NEMOTO (RATNA SARI DEWI)	410.
NORIZAH	31.
NOOR AZAM	4,157,252,396.
NIXON (PRESIDEN)	406.
NEO YEE PAN	336.
NG ENG KIAT	187,189.
NG ENG GEE	187.
NG ENG TEE	187,196.
NG ENG SOON	187,195.
NG ENG HONG	194.

## O

OMAR	MUKHTAR345.
ONN JAAFAR (DATUK)	155,325,330.
OSMAN BABA	144,151.
OSMAN	144,145.
OSMAN ARUF (DATUK PADUKA)	242,243,244,260.
OSMAN WOK	317.
OTHMAN SAAT (TAN SRI)	36,77,188,189,196,212,213,219, 220,315,318,319,320,321,322,323, 324,325,326,328.
Oo GIN SUN (DATUK)	197.

## P

PAIRIN KITINGAN (DATUK)	89,158,160.
PUTUCHERRY	16,187,329.
P. HOSTEIN	83.
P. RAMLEE (ALLAHYARHAM)	41,81,111,122,414.

## R

RACHEL ADAMS	171.
RADZIAH	222.
RADHI SHEIKH AHMAD	36.

RAHMAN YAACOB (TUN)	77,317.
RAHIM THAMBY CHIK (DATUK SERI)	90,242,296,365.
RAHMAN MUSA	187.
RAHIM BAKAR	246,247.
RAIS YATIM (DATUK)	227,248,365.
RAIS SANIMAN (DR.)	70,121,126,128,133,134,135,136, 137,187,289.
RAJA MUKTARUDDIN DAIM	166.
RAMBO	347.
RAMLI NGAH TALIB (DATO' SERI)	238,242,243,244,250,260,265.
RAMLI CHE MIT	96,97.
RAMLI ISIN	159.
RAPHAEL PURA	292.
RAYMOND ARON	406.
RAZAK AHMAD	127,175,178,179,323.
ROBERT KUOK	271,287.
ROCK HUDSON	124.
RONALD REAGAN (PRESIDEN)	127,405,407,408.
RONALD Mc NAIR	35.
ROSLI DHOBY	348.
RUHANIE HAJI AHMAD	50,373,376.

## S

SABUR (JENERAL)	411.
SABARUDDIN CHIK (DATUK)	257,260,266.
SALLEH YUSOF	194,201,202.
SAMY VELLU (DATO')	133.
SARDON ZUBIR (ALLAHYARHAM, TUN)	286.
SANUSI JUNID (DATUK)	2,55,89,124,226,227,311,396.
SENU ABD. RAHMAN (DATUK)	260,286,392,393.
SHAHIR SAMAD (DATUK)	36,41,47,48,109,169,170,171,172, 174,175,179,180,182,201,259,286, 365.
SHAH IRAN	405.
SHHRUM YUB (DATUK)	87.
SITI ZAHARAH	260.
S.M. IDRIS	197.
S. OTHMAN KELANTAN	228,229,230,231,232.
STAMFORD RAFFLES (SIR)	85,88.
SUTUNG UMAR Rs.	21,22,27,28,30,31,128,138, 141,252.
SUHAIMI	21,22,24,131,241.
SULAIMAN (DR.)	245.
SUKARNO (PRESIDEN)	401,403,409,410,411,412.
SUHARTO (PRESIDEN)	127,409,412.
SUDIRMAN HJ. ARSHAD	4.
SULTAN SANJAR SALJUQI	8.
SULTAN MAHMOOD ISKANDAR (DYMM)	11,12,18,19,20,91,184.
SUTAN SHAHRIR	331.
SYED ABDUL KADIR	330.
SYED ABDUL HADI	341,342,343.
SYED HAMID ALBAR J.R.	223,224,225,226,227.
SYED HUSSEIN ALATTAS	
7,11,17,18,72,77,145,146,150,151,186,188,189,190,191,194,195,196,311,331,332,333, 334,335,336,337,338,339.	
SYED HUSSEIN ALI (PROF. DR)	164,165.
SYED HASSAN AHMAD ALATTAS	330.
(ALMARHUM DATUK)	



SYED JAAFAR ALBAR (TAN SRI)	329,346.
SYED MOHD FUAD	342.
SYED MUHAMMAD NAGUIB ALATTAS (PROF)	88,154,165,168,230.
SYED MUHAMAD SYED HUSSEIN	126.
SYED NAGUIB	341,342,343.
SYED ZAIN (DATUK)	184,329.

## T

TAHA B. TALIB (DATUK, ALLAHYARHAM)	248,249.
TAIB MAHMUD (DATUK PATINGGI)	87.
TAN CHEE KHOON (TAN SRI)	339.
TAN KOON SWAN	76,214,271,296,336,338,415.
TEH HONG PIOW (TAN SRI)	271,293.
TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL HAJ (TYM)	85,86,87,104,105,169,188,217, 306,308,320,329,331,372,414,415.
TENGGU ABDUL AZIZ BIN TENGGU MOHD HAMZAH	125.
TENGGU AZIZAH BINTI TENGGU MOHD HAMZAH	125.
TENGGU ALLAUDDIN	251.
TUN ABDUL RAZAK (ALLAHYARHAM)	42,86,105,107,115,149,219,151, 234,308,309,310,329.
TENGGU AHMAD RITHAUDDIN	128.
TENGGU IBRAHIM	188.
TENGGU MAZIAH BINTI TENGGU MOHD HAMZAH	125.
TENGGU RAZALEIGH HAMZAH	
1,3,16,36,37,40,41,42,43,44,45,46,47,48,49,50,55,66,68,70,71,78,79,89,99,101,105,106, 108,109,110,111,112,113,114,115,117,118,119,120,121,122,124,125,126,127,128,129,130, 131,132,133,134,135,136,137,147,169,170,171,195,197,201,202,213,214,218,219,220, 224,226,228,249,259,260,263,267,269,271,272,274,276,277,278,280,281,284,285,286, 289,291,292,294,295,296,297,301,303,304,308,314,320,321,322,323,327,364,366,368, 369,372,373,380,381,382,383,385,386,404,408,414.	
TONGKAT WARAN	32.
THEODORE ROOSEVELT	407.
TUN TAN SIEW SIN	106,277,278,280,286,295,303.

## U

USMAN AWANG	27,64,65,86,175,178,179,252.
UNGKU AZIZ (PROF. DIRAJA)	230

## V

VINCENT PONNIAH	194,201.
V.S. NAIPUL	138.

## W

WANG (PROF.)	336.
WAN MOKHTAR	55,227,246.
WAN ABU BAKAR	260.
WILLIAM MC NEIL	365,406.
WONG KEE TAT	286.

## Y

YAAKOB HITAM	201,284,285.
Y.K. PHANG	201,284,285.
YUSUF CHE MIT	96.
YUSUF RAWA (HAJI)	98,127.
YUSUF MALIM KUNING	184.

## Z

ZA'BA (PENDITA)	164,165.
ZAINAL KLING (PROF. DR.)	159,334.
ZAINAL DIN ZAINAL	171.
ZAINAL ABIDIN (DATUK)	187.
ZAHARI AFFANDI	167.
ZIONIS HERZOQ	175,178.
ZULIKHA (DATIN)	4,32,103,194,412.
ZAINAL ABIDIN ZAIN	36.

**S.H. ALATTAS**



**SIAPA  
SELEPAS  
MUSA?**

**S.H.ALATTAS**

**PERDANA  
MENTERI  
YANG  
KELIMA**

**?**



Kemesraan Bukanlah Suatu Kriteria untuk Penulis, Tapi Kritik perlu untuk Pemimpin. Begitulah antara Syed Hussein dengan Mahathir dan Musa.

## KARYA S. HUSSEIN YANG LAIN

1. FIRASAT (RAHSIA MENGENAL DIRI)
2. MELANGKAH DAN BERJAYA
3. RAHSIA MIMPI ANDA
4. TEMANKU PEMIMPIN-PEMIMPIN
5. KENAPA ROSLI DHOBI & 3 HERO SARAWAK DIHUKUM BUNUH?
6. SARAWAK KEPADA SIAPA HENDAK DISERAHKAN
7. PERANG DI KUALA LINGGI 1978
8. BAHTERA LAMA NAKHODA BARU
9. SIAPA SELEPAS MUSA?
10. PEMUDA DI ZAMAN MAHATHIR
11. TUAH NASIB PEMIMPIN MALAYSIA
12. PERDANA MENTERI YANG KELIMA
13. HANTU BUKIT CINA
14. THE FIFTH PRIME MINISTER
15. MUSA DERHAKA?
16. MUSA A TRAITOR?
17. SIAPA LAWAN SIAPA?
18. THE CHALLENGER



النجوم سنديرين برحد  
**AlNujum Sdn. Bhd.**